*** Siri Pemikiran Dan Tamadun Islam ***

AL-IKHTISAS

(KEPAKARAN)

AL-SYAIKH AL-MUFID

Wafat Pada Tahun 413 Hijrah

Diterjemahkan dari buku aslinya *Al-Ikhtisas*
Karya Abu Abdullah Muhammad Bin Muhammad
Bin al-Nu'man al-'Ukbari al-Baghdadi dikenali
dengan al-Syaikh al-Mufid
Tahqiq oleh 'Ali Akbar al-Ghaffari
Cetakan Bahasa Arab: Jama'ah al-Mudarrisin
Qum, tanpa tarikh

Penterjemah: Profesor Dr. Lutpi Bin Ibrahim

Cetakan Kedua: Januari, 1995
(Edisi Diperbaharui)

Diterbitkan oleh al-Wahdah Publications
Petaling Jaya
Selangor D.E

Edisi Bahasa Arab
Al-Ikhtisas

Edisi Bahasa Melayu
Al-Ikhtisas

KATA-KATA PILIHAN

ф1."Katakanlah:Aku tidak meminta kepada mu sesuatu upah pun atas seruan ku kecuali kasih sayang di dalam kekeluargaan (ku)"
(Allah 'a.w di dalam Surah al-Syura (42) :23)

ф2."Demi Yang telah mengutus aku dengan kebenaran, sekiranya seorang lelaki berjumpa dengan Allah (mati) bersama amalan tujuh puluh para nabi, kemudian beliau tidak mengakui wilayah kami Ahlu l-Bait, maka Allah tidak akan menerima amal ibadatnya itu"
(Muhammad Bin Abdullah, Rasulullah s.a.w)

ф3"Urusan kami adalah sulit dan menyulitkan, ia hanya diketahui dan diperakui oleh tiga golongan: Malaikat *Muqarrab*, Nabi Mursal atau Mukmin Cerdik yang telah diuji imannya oleh Allah"
(Imam Ali a.s.)

ф4."Jika aku memberitahu kepada kamu apa yang aku telah mendengarnya daripada lisan Abu al-Qasim s.a.w, maka kamu akan keluar dari sisiku dan berkata: Sesungguhnya Ali adalah pendusta yang paling besar".
(Imam Ali a.s)

ф5."Simpanlah hadis-hadis kami pada benteng-benteng yang kukuh, dada-dada fakih dan di dalam mimpi-mimpi yang tenang"
(Imam Ja'far al-Sadiq)

ф6."Demi Yang telah membelah biji-bijian dan Yang telah menghidupkan jiwa, sesungguhnya bukanlah pencaci kami yang menjadi halangan dan bukanlah penentang kami yang mengisytiharkan perang terhadap kami yang lebih membahayakan kepada kami berbanding dengan penyebar hadis kami kepada orang yang tidak boleh menerimanya".
(Imam Ja'far al-Sadiq)

ф7."Ini adalah buku *Al-Ikhtisas* (kepakaran) yang telah memenatkan diriku ketika mengumpul, menyusun dan mengarang tentang ilmu Hadis, Khabar, *Athar* dan Hikayat dalam bentuk pengertiannya yang luas. Ianya mengandungi pujian kepada orang-orang tertentu, kelebihan mereka, kemampuan para ulama, martabat dan kefahaman mereka" ф (Al-Syaikh al-Mufid)ффф

PRAKATA DAN KOMENTAR

Bismillahi r –Rahmani r- Rahim

Al-Hamdulillahi Rabbi al-'Alamin.Amma ba'd. Adapun kemudian daripada itu, bahawa buku *al-Ikhtisas* ini adalah karangan Muhammad bin Muhammad bin al-Nu'man 'Ukbari al-Baghdadi yang dikenali dengan nama al-Syaikh al-Mufid dan Ibn al-Mu'allim, dilahirkan pada 11 Dhu l-Qa'idah di 'Ukbari, Iraq pada tahun 338 hijrah dan mati pada bulan Ramadhan tahun 413 Hijrah/1022 Masihi dalam usia 75 tahun. Jenazahnya diimamkan oleh al-Syarif al-Murtadha dan dihadiri oleh 80.000 orang Syi'ah.Beliau adalah di kalangan *masya'ikh* Syi'ah yang masyhur pada abad ke 4 hijrah.Karangannya melebihi dua ratus buah buku di dalam pelbagai bidang keagamaan. (Ibn al-Nadim , *al-Fihris*, hlm 266 –8 dan lain-lain). Antara karangannya:

Al-Ikhtisas, al-Irsyad fi ma'rifati hujaji l-Lah, al-Istibsar fi ma jama'a al-Syafi'i min al-Akhbar , al-Isyraf fi Ahl al-Bait a.s,Usul al-Fiqh,al-I'lam fi ma ittafaqat 'alai-hi al-Imammiyyah,Ikhtiyar al-Syu'ara' , Ahkam Ahl al-Jamal, Ahkam al- Nisa', al-Iftikhar , Aqsam al-Maula fi al-Lisan,al-Ifsah fi al-Imamah,al-Iqna'fi wujub al-Da'wah,al-Amali, Awa'il al-Maqalat, al-Idhah fi al-Imamah ,Iman Abu Talib,al-Bayan 'an ghalad al-Qur'an, al-Bayan fi ta'lif al-Qur'an, Bayan wujuh al-Qur'an,al-Tawarikh al-Syar'iyyah,Tafdhil al-A'immah 'ala al-Malai'kat,Tafdhil Amir al-Mukminin a.s *'ala sairi al-Sahabah, Jawab ibn Waqid al-Sunni, al-Tamhid, Jawab Abual-Fath Muhammad bin 'Ali bin al-Nu'man,Jawab Abu Muhammad al-Hasan bin al-Husain , Jawab Ahli Jurjan fi Tahrim al-Faqqa',Jawab Ahli al-Riqqah , Jawab al-Kirmani , Jawab Masa'il Ikhtilaf al-Akhbar, al-Jawabat fi Khuruj al-Mahdi, Jawabat Ibn al-Hammami,Jawabat al-Khatib,Jawabat Abu Ja'far al-Qummi,Jawabat Abu Ja'far Muhammad bin al-Husain al-Laithi,Jaswabat Abu al-Hasan al-Naisaburi, Jawabat al-Amir Abu Abdullah , Jawabat al-Hajib Abual-Laithi,Jawabat al-Barqa'i, Jawabat Ibn 'Arqal,Jawabat al-Syarqiyyin , Jawabat 'Ali bin Nasr, al-Radd 'ala Ibn al-Akhsyid fi al-Imamah , al-Radd 'ala Ibn Rasyid fi al-Imamh , al-Radd 'ala Ibn 'Aun , al-Radd 'ala Ibn Kilab, al-Radd 'ala Abu Abdullah al-Basri , al-Radd 'ala al-*

Juba'i fi al-Tafsir al-Radd 'ala Ashab al-Hallaj, al-Radd 'ala Tha'lab fi Ayat al-Qur'an, al-Radd 'ala al-Jahiz al-'Uthmaniyyah, al-Radd 'ala al-Zaidiyyah, al-Radd 'ala al-Saduq fi 'adadai Syahri Ramadhan, al-'Uyun wa al-Mahasin, Kitab fi Imamah Amir al-Mukminin a.s, Kitab fi al-Mut'ah, Kitab fi al-Qiyas, Kitab fi al-Ghaibah, al-Kalam fi al-Insan, Masalah fi al-Ijma', Masalah fi al-Bulugh, Masalah fi al-Iradah, Masalah fi Tahrim Dhaba'ih Ahl al-Kitab, Masalah fi al-'Itrah, Naqdh Fadhilah al-Muktazilah, Naqdh Marwaniyyah, Masalah fi 'Azab al-Qabr, Masalah fi al-Mawarith, al-Naqdh ala al-Wasiti, Manasik al-Hajj, al-Nusrah fi Fadhl al-Qur'an, dan lain-lain.

Penterjemahan ini adalah berdasarkan kepada dua manuskrip utama oleh Sayyid Mahmud al-Zarandi al-Muharrami, dan manuskrip al-Syaikh al-Hasan al-Mutafawi al-Tabrizi bertarikh 1307 hijrah yang diedit oleh Hujjatu l-Islam Ali Akbar al-Ghifari, keluaran Jama'ah al-Mudarissin di Hauzah 'Ilmiyyah di Qum al-Muqaddasah, Tehran, tanpa tarikh. Bagi kemudahan pembaca, saya telah mengedit kembali dan menjadikannya dua belas bahagian, tanpa sebarang perubahan kepada pengertian kandungan asal.

Keistimewaan *al-Ikhtisas* karangan al-Syaikh al-Mufid adalah terletak kepada autoriti sanad dan matannya yang masih tidak terputus dengan para Imam Ahlu l-Bait a.s walaupun terdapat sanad yang diriwayatkan secara *marfu'*. Al-'Allamah Muhammad al-Baqir al-Majlisi (m.1111 Hijrah/1691 Masihi) yang datang enam abad selepasnya, banyak membuat rujukan kepada *al-Ikhtisas* di dalam bukunya *Bihar al-Anwar.*

Terjemahan buku *Al-Ikhtisas* yang bererti kepakaran ini adalah khusus untuk pengikut mazhab Ahlu l-Bait a.s/mazhab Ja'fari/mazhab Syi'ah Imam Dua Belas sahaja.

Semoga ia akan dapat mengikhtisaskan mereka tentang persejarahan, hadis dan *athar* Ahlu l-Bait Rasulullah s.a.w, amin.

Penterjemah Dan Komentar
Profesor Dr.Lutpi Bin Ibrahim
Jabatan Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
17hb November, 1994

KANDUNGAN

BAHAGIAN KEEMPAT 123

Pujian terhadap syi'ah, kisah lapan keping roti, Amir al-Mukminin a.s bersama Iblis, kias, dialog mukmin al-Taq dengan Abu Hanifah tentang talak dan lain-lain.

BAHAGIAN KELIMA 164

Surat Ibn Di'bin tentang tujuh puluh kelebihan Amir al-Mukminin a.s, deringan telinga, alamat bencana di dalam setahun, ujian Amir al-Mukminin a.s dan lain-lain.

kami, Haudh al-Kauthar, mukjizat Imam Ja'far dan lain-lain.

Wasiat Luqman, Salman al-Farisi, khutbah terakhir Rasulullah s.a.w, para nabi a.s menyeru kepada wilayah Ali a.s dan lain-lain

BAHAGIAN PERTAMA

Bismillahi r- Rahmani r- Rahim

Al-Ikhtisas, penghafazan empat puluh hadis, tentera elit, ulama pewaris nabi, kerana mereka bertujuh kamu diberi rezeki, orang ramai menjadi murtad selepas Nabi s.a.w melainkan tiga dan lain-lain.

Pendahuluan kepada al-Ikhtisas

Segala puji bagi Allah yang tidak boleh dicapai oleh segala penyaksian dan penglihatan, tidak boleh ditutupi oleh segala penutupan. Tinggi dengan segala kemuliaan, terserlah dengan segala kelebihan, tanpa menyerupai makhluk, menjalankan keadilan kepada makhluk-Nya, menghakimi mereka dengan bijaksana, membahagi rezeki kepada mereka dengan ihsan-Nya, tiada tuhan melainkan Dia, Satu dan Perkasa. Tidak berakhir dengan waham walaupun secara terbatas. Tidak boleh dicapai oleh pemikiran secara gambaran dan tidak boleh didapati secara kias berdasarkan akal para pemikir.

Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah, Satu tiada sekutu bagi-Nya suatu penyaksian yang aku tujukan kepada-Nya dan menyimpannya di sisi-Nya, selawat dan salam ke atas rasul-Nya Muhammad dan keluarganya yang suci.

Ini adalah buku *al-Ikhtisas* (kepakaran) yang aku telah memenatkan diriku ketika mengumpul, menyusun dan mengarang tentang ilmu Hadis, Khabar, *Athar* dan Hikayat di dalam pengertiannya yang luas. Ianya mengandungi pujian kepada orang-orang tertentu (*rijal*), kelebihan mereka, kemampuan para ulama, martabat dan kefahaman mereka.

Muhammad bin Muhammad al-Nu'man berkata: Abu Ghalib Ahmad bin Muhammad al-Zarari dan Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih telah memberitahuku daripada Muhammad bin Ya'qub daripada al-Husain bin al-Hasan daripada Muhammad bin Zakaria al-Ghalabi daripada Ibn 'Aisyah al-Basri secara *marfu'* bahawa Amir al Mukminin a.s telah berucap di dalam beberapa khutbahnya: Wahai manusia! Ketahuilah bahawa sesungguhnya seorang itu tidak cerdik

apabila merasa cemas dengan kata-kata pembohongan yang dilontar kepadanya dan tidak bijak seorang yang meredai pujian dari si jahil. Manusia boleh menuntut ilmu menurut kemampuan mereka. Justeru itu, bercakaplah tentang ilmu kerana ia akan menyerlahkan kemampuan kamu[1].

Barangsiapa yang menghafaz empat puluh Hadis

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih telah memberitahu kami (*haddathana*) daripada al-Husain bin Muhammad bin 'Amir al-Asy'ari daripada al-Mua'lla bin Muhammad al-Basri daripada Muhammad bin Jamhur al-'Ammi daripada Abd al-Rahman bin Abu Najran daripada sebahagian sahabatnya yang diriwayatkan secara *marfu'*(*rafa'a-hu*) kepada Abu Abdullah a.s. Beliau a.s. berkata: Sesiapa yang telah menghafaz empat puluh hadis daripada hadis-hadis kami (*man hafaza min ahadithi-na arba'ina hadithan*), maka Allah akan membangkitkannya pada hari Kiamat sebagai seorang yang alim dalam agama (*ba'atha-hu l-Lahu yauma l-qiyamati 'aliman faqihan*)".

Tentera Elit

Diriwayatkan secara *marfu'* kepada Abu Abdullah a.s. Beliau a.s. berkata: Tentera elit (*syurtah al-Khamis*)[2] Ali a.s mengandungi enam ribu orang pembantunya(*kaanuu syurtata l-khamis sitta alafi rajuli Ansari-hi*).

Muhammad bin al-Husain daripada Muhammad bin Ja'far daripada Ahmad bin Abdullah berkata: Ali bin al-Hakam berkata: Mereka adalah para sahabat Amir al-Mukminin a.s. Beliau a.s. berkata: Lengkapkan diri kamu di dalam tugas ketenteraan. Aku akan menjamin kamu syurga tetapi aku tidak menjamin emas dan perak kepada kamu(*tasyarratu fa-ana usyaritu-kum 'ala l-jannati wa lastu usyaarita-kum 'ala dhahabin wala fidhdhatin*). Nabi s.a.w bersabda kepada sebahagian sahabatnya: Lengkapkan diri kamu di dalam tugas ketenteraan. Sesungguhnya aku tidak menjamin kepada kamu kecuali daripada syurga" (*tasyarratuu fa-inni lastu usyaritu-kum illa 'ala l-jannah*). Mereka adalah Salman al-Farisi, al-Miqdad, Abu Dhar al-Ghifari, 'Ammar bin Yasir, Abu Sasan al-Ansari, Abu 'Umru al-Ansari, Suhail Badri, Uthman bin Hanif al-Ansari dan Jabir bin Abdullah al-Ansari.

Adapun di kalangan para sahabat Ali a.s yang terpilih: 'Umru bin al-Hamiqi al-Khaza'i 'Arabi, Mitham al-Tammar iaitu Mitham bin Yahya

---

[1]Al-Kulaini, *al-Kafi*, 1, 50.

[2] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, hal.725. Tentera sentiasa bersedia untuk mati syahid. Ia mempunyai lima bahagian. Bahagian hadapan, belakang, kiri, kanan dan tengah

Maula, Rusyaid al-Hajari, Habib bin Muzahhar al-Asadi dan Muhammad bin Abu Bakr.

Adapun di kalangan para gabenornya(walinya): Al-Alam al-Azadi (Malik al-Asytar), Suwaid bin Ghaflah al-Ja'fi, al-Harith bin Abdullah al-A'war al-Hamdani, Abu Abdullah al-Jadali dan Abu Yahya Hakim bin Sa'd al-Hanafi.

Adapun di kalangan *Syurtah al-Khamis*: Abu Radhi Abdullah bin Yahya al-Hadhrami, Sulaim bin Qais al-Hilali dan 'Ubaidah al-Salmani al-Muradi 'Arabiyyun.

Adapun di kalangan mereka yang istimewanya (*khuwasi-hi*): Tamim bin Hizim al-Naji telah mati syahid bersama Ali a.s, Qanbar hamba Ali bin Abu Talib a.s, Abu Fakhitah *Maula* Bani Hasyim dan 'Ubaidillah bin Abu Rafi' yang bertugas sebagai setiausaha Ali a.s.

Ulama Adalah Pewaris Para Nabi A.S

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada al-Sanadi bin Muhammad daripada Abu al-Buhturi daripada Zaid al-Syahham daripada Abu Ja'far a.s tentang maksud firman Allah s.w.t di dalam Surah 'Abasa (80):24 "*Maka hendaklah manusia memperhatikan makanannya*" Ziad al-Syahham bertanya: Apakah maksud makanannya (*ta'ami-hi*?). Beliau a.s berkata: Ilmu yang dipelajari daripada sesiapa yang mengajarkannya[3].

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada al-Sanadi bin Muhammad daripada Abu al-Buhturi daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya para ulama adalah pewaris para nabi kerana mereka tidak mewarisi dirham dan dinar tetapi mewarisi hadis-hadis. Sesiapa yang menerima sesuatu daripada nabi, maka ia telah mengambil bahagian yang baik(*wafir*). Lantaran itu perhatikan ilmu kamu, daripada siapa kamu mengambilnya kerana pada kami Ahlu l-Bait sentiasa adil, menafikan penyelewengan, dakwaan pendusta dan takwilan si jahil "(*inna l-ulama' warithatu l-anbiya' wa dhalika anna l-ulama' lam yuwarrithuu dirhaman wa la diinaran wa inna-ma warrithu ahadith min ahadithi-him fa-man akhadha bi-syai'in min-ha fa-qad akhadha hazzan wafiran, fa-unzuru 'ilma-kum hadha 'amman ta'khudhuna-hu fa-inna fiina Ahla l-Bait fi kulli khalafin 'adulan yanfauna 'an-hu tahrifa l-ghaalin wa initihala l- Mubtilin wa ta'wila l-jahilin*)[4].

Ja'far bin al-Husain al-Mukmin daripada Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin 'Isa daripada al-Husain bin Sa'id daripada Safwan

---

[3] Al-Kulaini, *al-Kafi*, 1, 50, al-Kasyi, *al-Rijal*, hal.3 ,al-Baraqi, *al-Mahasin*, hal.220
[4] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 32

bin Yahya daripada Ishaq ibn 'Ammar daripada Abu Basir daripada salah seorang mereka berdua a.s tentang maksud firman Allah a.w di dalam Surah al-Zumar (39):18 "*Mereka mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik di antaranya. Mereka itulah yang telah diberikan Allah petunjuk dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal*" Salah seorang dari keduanya a.s berkata: Mereka (di dalam ayat di atas) ialah orang-orang yang telah menyerahkan diri kepada keluarga Muhammad s.a.w. Apabila mendengar sesuatu hadis, maka mereka menyampaikannya sebagaimana mereka mendengarnya tanpa menambah atau mengurangkannya[5].

'Ubaid bin Nadhlah al-Khaza'i meriwayatkan daripada Ibn al-A'masy sesungguhnya beliau berkata kepada bapanya: Kepada siapakah anda membaca al-Qur'an? Beliau menjawab: Kepada Yahya bin al-Waththab dan Yahya membaca kepada Ubaid bin Nadhlah setiap hari satu ayat. Kemudian beliau telah menamatkan al-Qur'an di dalam masa empat puluh tujuh tahun. Yahya bin Waththab merupakan seorang yang cekal hati (*mustaqiman*).

Kerana Mereka Bertujuh Kamu Diberi Rezeki

Abu Uhaihah, namanya 'Umru bin Muhsan yang telah mati syahid di dalam peperangan Siffin dan beliaulah yang telah menyediakan satu ribu dirham kepada Amir al-Mukminin a.s di dalam perjalanannya ke Siffin. Ja'far bin al-Husain al-Mukmin telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin 'Isa daripada Ibn Fadhdhal daripada Tha'labah bin Maimun daripada Zararah daripada Abu Ja'far a.s berkata: Amir al-Mukminin a.s berkata: Bumi dijadikan untuk tujuh orang. kerana merekalah kamu diberikan rezeki, dibantu dan diturunkan hujan. Mereka adalah Salman al-Farsi, al-Miqdad, Abu Dhar, 'Ammar, Huzaifah, Abu Sasan al-Ansari, dan Abu 'Umrah. Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s berkata: Akulah Imam mereka dan mereka itulah yang telah melakukan solat jenazah ke atas Fatimah a.s[6].

Orang Ramai Menjadi Murtad Selepas Nabi Melainkan Tiga

Ahmad bin Muhammad bin Yahya daripada bapanya daripada Muhammad bin al-Husain daripada al-Hasan bin Mahbub daripada al-Harith beliau berkata: Aku telah mendengar Abd al-Malik bin A'yan bertanya kepada Abu Abdullah a.s. Abd al-Malik bertanya kepada Abu Abdullah a.s. sehingga dia berkata: Jika begitu, maka binasalah semua

---

[5] Al-Kulaini, I, 51
[6] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hal.4

manusia? (*halaka al-Nasu idhan?*) Maka Abu Abdullah a.s berkata: Ya! Demi Allah, wahai Ibn A'yan! semua manusia binasa (*halaka al-Nasu ajma'un*). Abd al-Malik berkata: Semua penduduk Timur dan Barat? Beliau a.s menjawab: Ia telah terbuka kepada kesesatan. Demi Allah, mereka telah binasa (*halaku*) melainkan tiga orang iaitu (*illa thalathata nafarin*): Salman al-Farisi, Abu Dhar dan al-Miqdad. Setelah itu diikuti oleh 'Ammar, Abu Sasan al-Ansari, Hudhaifah dan Abu Umrah. Maka bilangan mereka bertambah menjadi tujuh orang"[7]

Beberapa orang daripada sahabat kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ayyub bin Nuh daripada Safwan bin Yahya daripada al-Muthanna bin al walid al-Hannat daripada Barid bin Mu'awiyah daripada Abu Ja'far a.s. Beliau a.s. berkata: Manusia telah menjadi murtad selepas Nabi s.a.w melainkan tiga orang iaitu (*irtadda al-nasu ba'da al-Nabi s.a.w illa thalathata nafarin*):al-Miqdad bin al-Aswad, Abu Dhar al-Ghifari dan Salman al-Farisi. Setelah itu orang lain dikenali dan dikaitkan dengan Islam selepas mereka (*thumma inna al-Nasa urifu wa luhiqu ba'du*).

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin al-Husain daripada Musa bin Sa'dan daripada Abdullah bin al-Qasim al-Hadhrami daripada 'Umru bin Thabit berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya selepas Nabi s.a.w wafat, maka orang ramai telah menjadi murtad melainkan tiga orang: Salman, al-Miqdad dan Abu Dhar. (*Inna al-Nabi s.a.w lamma qubidha irtadda al-Nasu 'ala a'qabi-him kuffaran illa thalathan*). Sesungguhnya apabila Rasulullah s.a.w wafat, maka empat puluh orang lelaki datang kepada Ali bin Abu Talib a.s, Mereka berkata: Tidak, demi Allah! Kami tidak akan memberi ketaatan kepada sesiapapun melaikan anda. (*la wallahi, la na'ti ahadan ta'atan ba'da-ka abadan*). Beliau a.s berkata: Kenapa? Mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar Rasulullah s.a.w mengenai hak anda di hari Ghadir Khum. Beliau a.s berkata: Kamu semua akan melakukannya?. Mereka berkata: Ya. Beliau a.s berkata: Datang kepada aku esok dalam keadaan bercukur kepala (*fa'tuuni ghadan muhalliqin*). 'Umru berkata: Tidak datang kepada Ali a.s. melainkan mereka bertiga. 'Umru berkata: 'Ammar bin Yasir datang kepada Ali a.s. selepas waktu Zuhur. Beliau a.s. memukul tangan ke atas dadanya dan berkata kepada Ammar: Kenapa anda tidak bangkit daripada tidur kelalaian? Kembalilah kamu, kerana aku tidak memerlukan kamu yang tidak mentaati aku di dalam pencukuran kepala. Bagaimana kamu mentaati aku untuk memerangi bukit besi!. Justeru itu, kembalilah kamu, aku

---

[7] Al-Kulaini, *al-Raudhah,* no.356, al-Kasyi, *al-Rijal,* hal. 5, al-Bukhari, *Sahih,* viii, hlm.378-385, (*Bab fi al-Haudh*) Muslim, *Sahih,* iv , him.1793-6 (*Kitab al-Fadha'il*).

tidak memerlukan kamu (*Irji'u fa-la hajata li fi-kum antum lam tuti'uni fi-halqi al-Ra'si fa-kaifa tuti'uni fi qitali jibali l-hadid*) [8].

Mereka Yang Terawal Dan Akrab Dengan Amir Al- Mukminin A.S Di kalangan Sahabat Dan Tabi'in

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Ja'far al-Muaddib bahawa di kalangan para sahabat adalah Salman al-Farisi, al-Miqdad, Abu Dhar dan 'Ammar.

Di kalangan para tabi'in adalah: Uwais bin Anis al-Qurani yang dapat memberi syafaat seperti Rabi'ah dan Mudhar [9], 'Umru bin al-Himaqi al-Khuza'i, Ja'far bin al-Husain menyebut bahawa kedudukan Uwais dengan Amir al-Mukminin a.s sepertilah kedudukan Salman dengan Rasulullah s.a.w. Rusyaid al-Hajari, Mitham al-Tammar, Kumail bin Ziad al-Nakha'i, Qanbar hamba Amir al-Mukminin a.s, Muhammad bin Abu Bakr, Mazra' hamba Amir al-Mukminin a.s, Abdullah bin Yahya yang Amir al-Mukminin a.s berkata dalam peperangan Jamal: Bergembiralah, wahai Ibn Yahya, kerana kamu dan bapa kamu di kalangan tentera elit(*syurtah al-Khamis*). Allah telah menamakan kamu dengannya di langit. Jundub bin Zuhair al-'Amiri, Banu 'Amir, Habib bin Muzahhir al-Asadi, al-Harith bin Abdullah al-A'war al-Hamdani, Malik bin al-Harith al-Asytar, Abu Abdullah al-Jadali dan Juwairiyah bin Mashar al-'Abdi[10].

Sahabat al-Hasan bin Ali a.s: Sufyan bin Abu Laila al-Hamdani, Huzaifah bin Asyad al-Ghifari, dan Abu Razin al-Asadi.

Sahabat al-Husain bin Ali a.s: Kesemua mereka yang telah mati syahid bersamanya dan sebahagian daripada sahabat Amir al-Mukminin a.s: Habib Muzahhar, Mitham al-Tammar, Rusyaid al-Hajari, Sulaim bin Qais al-Hilali, Abu Sadiq dan Abu Sa'id 'Aqisa.

Sahabat Ali bin al-Husain a.s: Abu Khalid al-Kabili Kankar, namanya dikenali sebagai Wirdan, Yahya bin Ummi al-Tawil, al-Mut'im, namanya Muhammad bin Jubair bin Mut'im, Sa'id bin al-Musayyab al-Makhzumi dan Hakim bin Jubair.

Sahabat Muhammad bin Ali a.s: Jabir bin Yazid al-Ja'fi, Hamraan bin A'yan, Zararah, 'Amir bin Abdullah bin Juza'ah, Hajr bin Za'idah, Abdullah bin Syarik al-'Amiri, Fudhail bin Yasar al-Basri, Salam bin al-Mustanir, Barid bin Mu'awiyah al-'Ajali, dan al-Hakam bin AbuNu'aim.

---

[8] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 47, 51

[9] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hal.5 bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda kepada para sahabatnya: Bergembiralah dengan seorang lelaki yang bernama Uwais al-Qarani, kerana beliau akan memberi syafaat seperti Rabi'ah dan Mudhar.

[10] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 725-6

Sahabat Abu Abdullah a.s: Abdullah bin Abu Ya'fur, Bakir bin Abu A'yan, Muhammad bin Muslim al-Thaqafi al-Ta'i, dan Muhammad bin Nu'man.

Sahabat Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s: Ali bin Yaqtin, dan Ali bin Suwaid al-Sa'i.

Syi'ah Dalam Pemerintahan al-Qaim A.S Diberi Kekuatan Empat Puluh Lelaki"

Menurut satu riwayat bahawa Abu Abdullah a.s berkata: Semasa pemerintahan al-Qaim a.s, setiap lelaki daripada Syi'ah mereka diberi kekuatan empat puluh lelaki"[11]

Al-Miqdad Bin Al-Aswad

Gelarannya adalah Abu Ma'bad. Namanya Miqdad bin 'Umru al-Bahrani. Al-aswad bin Abd Yaghuth al-Zuhri telah mengambilnya sebagai anak angkat, lalu ia dinisbahkan kepadanya.

Ja'far bin al-Husain al-Mukmin telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad bin al-Walid daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa dikaitkan kepada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Salman adalah pengikut setia Amir al-Mukminin a.s sehingga gelincir matahari, maka Allah membalasnya dengan menjadikan kesan bintik-bintik kemerahan di tengkuknya. Dan Abu Dhar adalah daripada pengikut setianya sehingga waktu zuhur, maka Allah membalasnya sehingga Uthman menguasainya dan membawanya di atas kuda tanpa pelana sehingga lecek daging punggungnya kemudian mengusirnya dari sekitar (makam) Rasulullah s.a.w ke Rabzah. Adapun orang yang tidak pernah berubah walaupun sekelip mata selepas kewafatan Rasulullah s.a.w sehingga meninggal dunia ialah al-Miqdad bin al-Aswad yang sentiasa bersedia dengan pedangnya dan dua matanya menumpu dua mata Amir al-Mukminin a.s menunggu perintahnya untuk dilaksanakannya[12].

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Abd al-Rahman bin Abu Najran daripada Safwan bin Mihran al-Jamal daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku supaya mencintai empat orang. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah?. Beliau s.a.w bersabda: Ali bin Abu Talib. Kemudian baginda diam lalu bersabda: Sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku

---

[11] Al-Kulaini, *al-Raudhah*, no.449

[12] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 52

supaya mencintai empat orang. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Beliau s.a.w menjawab: Ali bin Abu Talib. Kemudian baginda diam dan bersabda: Sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku supaya mencintai empat orang. Mereka bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah?. Baginda s.a.w bersabda: Ali bin Abu Talib, al-Miqdad bin al-Aswad, Abu Dhar al-Ghifari dan Salman al-Farisi.

Daripada Ali bin al-Husain bin Yusuf daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Ismail daripada Ali bn al-Hakam daripada Saif bin Umairah daripada Abu Bakr al-Hadhrami berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Manusia telah menjadi murtad melainkan tiga orang iaitu (*Irtadda al-Nasu illa thalathata nafarin*), Salman, Abu Dhar dan al-Miqdad. Al-Hadhrami berkata: Aku bertanya: Bagaimana dengan 'Ammar?. Beliau a.s. menjawab: Beliau ('Ammar) telah condong tetapi kembali (*raja'a*). Beliau a.s berkata: Jika anda ingin tahu orang yang tidak pernah syak dan tidak dimasuki sesuatu, maka ia adalah al-Miqdad. Adapun Salman, maka hatinya telah dimasuki suatu rintangan (*'aridhun*). Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s mempunyai *ism al-a'zam*. Sekiranya beliau a.s berkata sesuatu dengannya, nescaya bumi akan mengambil mereka. Begitula yang berlaku kepada Salman sehingga beliau didatangi bintik kemerahan pada tengkuknya.

Kemudian Amir al-Mukminin a.s berjalan di sisi Salman dan berkata: Wahai Abu Abdullah (Salman)! Ini adalah kesan daripada itu. Berilah baiah kepadaku. Maka Salman pun meberi baiah. Adapun Abu Dhar, maka Amir al-Mukminin a.s memerintahnya supaya diam bagi mengelakkan dosa tetapi beliau enggan dan terus bercakap. Semasa 'Uthman menjadi khalifah, maka beliau telah memaksa Abu Dhar supaya bercakap. Kemudian orang ramai kembali semula (kepada Ali a.s.). Antaranya ialah: Abu Sasan al-Ansari, Abu 'Umrah dan seorang lagi (polan) sehingga tujuh orang. Dengan demikian hanya tujuh orang sahaja yang mengakui hak (imamah) Amir al-Mukminin a.s[13].

Daripada Ja'far bin Husain daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Abu Abdullah al-Barqiy daripada bapanya daripada Muhammad bin 'Umru daripada Kiram dan Ismail bin Jabir daripada Mufadhdhal bin 'Umar berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Apabila orang ramai memberi baiah kepada Abu Bakr maka Salman mendatangi Amir al-Mukminin a.s yang dalam keadaan terikat dan dipaksa memberi baiah kepada Abu Bakr. Maka Salman berkata: Adakah anda melakukan ini kerana itu? Demi Allah, jika aku bersumpah atas nama Allah, nescaya aku akan melakukan ini ke atas itu. Beliau a.s. berkata: Abu Dhar berkata: Al-Miqdad, demi Allah, begitulah Allah kehendaki ianya berlaku. Abu Abdullah a.s. berkata: Al-

---

[13] Al-Kasyi, *al-Rijal*,hal.8

Miqdad adalah orang yang paling kuat imannya pada masa itu (*tilka al-Sa'ati*)[14].

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu aku daripada Sa'd bin Abdullah daripada Muhammad bin Isa daripada al-Nadhar bin Suwaid daripada mereka yang telah memberitahunya daripada para sahabatnya daripada Abu Abdullah a.s berkata: Semua seorang telah berubah selepas kewafatan Rasulullah s.a.w kecuali al-Miqdad kerana hatinya sepertilah besi waja" (*Ma baqia ahadun ba'da ma qubidha Rasulullah s.a.w illa wa qad jala jaulatan illa al-Miqdad fa-inna qalba-hu mithlu zubari l-Hadid*)[15].

Salman al-Farisi

Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahu kami daripada bapanya daripada Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab daripada Wahib bin Hafs daripada Abu Basir berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s. berkata: Sesungguhnya Salman telah diajari *al-Ism al-A'zam* (nama Allah yang paling mulia)[16].

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih daripada bapanya dan Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ibn Fadhdhal daripada Abdullah bin Bakir daripada Zararah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Salman telah mendapat ilmu pertama dan ilmu akhir. Beliau adalah lautan yang tidak kering dan merupakan daripada kami Ahlu l-Bait. Keilmuan Salman terserlah ketika beliau berjalan dan terserempak dengan seorang lelaki di dalam satu kumpulan. Beliau berkata kepada lelaki itu: Wahai hamba Allah! bertaubatlah anda kepada Allah dari apa yang anda telah lakukan di dalam rumah anda kelmarin dan bertakwalah kepada Allah. Lantas lelaki tadi menjawab: Aku memohon ampun daripada Allah dan bertaubat kepada-Nya. Beliau a.s berkata: Setelah Salman pergi, kumpulan lelaki itu berkata kepadanya: Sesungguhnya Salman telah melontarkan kata kepada anda dengan perkara yang anda tidak dapat mempertahankan diri anda sendiri. Lelaki itu menjawab: Salman telah memberitahu aku perkara yang tidak diketahui oleh seorang pun melainkan Allah, Tuhan sekalian alam dan aku[17].

Daripadanya, daripada Sa'd bin Abdullah daripada Sa'd bin Abdullah daripada Muhammad bin al-Husain daripada Muhammad bin Aslam al-Jabali daripada Ali ibn Abu Hamzah daripada Abu Basir

---

[14] Al-Majlisi, *Buhar al-Anwar*, viii ,52

[15] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hal.7-8

[16] *Ibid*

[17] *Ibid*

daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w berkata kepada Salman: Wahai Salman! Sekiranya ilmu anda dibentangkan ke atas al-Miqdad, nescaya beliau mengingkarinya. Wahai Miqdad! Sekiranya kesabaran anda dibentangkan ke atas Salman, nescaya beliau mengingkarinya (*Ya Salman!lau 'uridha 'ilmu-ka 'ala al-Miqdad la-kafara,ya Miqdad!lau 'uridha sabru-ka 'ala Salman la-kafara*)[18]

Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahu kami daripada Ahmad bin Idris daripada 'Umran bin Musa daripada Musa ibn Ja'far al-Baghdadi daripada 'Umru bin Sa'id al-Mada'ini daripada Isa bin Hamzah berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Hadis tentang empat orang? Beliau berkata: Apakah itu? Aku berkata: Empat orang di mana syurga merindu mereka. Beliau a.s berkata: Ya, mereka adalah Salman, Abu Dhar, al-Miqdad dan Ammar. Aku bertanya: Siapakah di kalangan mereka yang lebih baik? Beliau a.s menjawab: Salman, kemudian beliau berhenti sekejap dan berkata: Salman diajar suatu ilmu jika Abu Dhar mengetahuinya, nescaya beliau mengingkari Salman (*'ulima Salman 'ilman lau 'alima-hu Abu Dhar kafara*)[19].

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad ibn Isa daripada sebahagian daripada sahabat kami daripada Abbas bin Hamzah al-Syahzuri, dikaitkan (*rafa'a-hu*) kepada Abu Abdullah a.s berkata: Salman telah memasak di dalam satu periuk. Tiba-tiba Abu Dhar datang, lantas periuk tergelincir lalu jatuh di atas tudungnya tanpa menumpahkan isinya. Salman meletakkan semula pada tempatnya tetap ia terjatuh lagi tanpa menumpahkan isinya. Salman meletakkan kembali pada tempatnya. Justeru itu, Abu Dhar berjumpa dengan Amir al-Mukminin a.s dengan segera kerana kurang senang hati melihat apa yang berlaku. Salman mengikutinya sehingga sampai di hadapan Amir al-Mukminin a.s. Beliau a.s melihat Salman dan berkata kepadanya: Wahai Abu Abdullah! berlembutlah dengan saudara anda".[20]

Daripadanya, daripada Sa'd bin Abdullah daripada Ayyub bin Nuh daripada Ahmad bin Ismail al-Farra' daripada seorang lelaki berkata: Aku bertanya Abu Abdullah a.s tentang Abu Dhar mengenai sabda Rasulullah s.a.w: Alangkah sedikitnya orang di bumi yang lebih benar daripada Abu Dhar?. Beliau a.s menjawab: Ya. Aku berkata: (kalau begiutu) Bagaimana kedudukan Rasulullah, Amir al-Mukminin, al-Hasan dan al-Husain a.s?. Abu Abdullah a.s. bertanya kepadaku: Berapa bulan di dalam setahun?. Aku menjawab: Dua belas bulan. Beliau a.s. bertanya lagi: Berapakah bulan Haram? Aku menjawab:

---

18 al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi, 785

19 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi, 783

20 *Ibid*

Empat bulan. Beliau a.s. bertanya: Bulan Ramadhan termasuk bulan Haram? Aku menjawab: Tidak. Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya di dalam bulan Ramadhan terdapat satu malam. Beribadat pada malam itu adalah lebih baik daripada satu ribu bulan. Sesungguhnya kami Ahlu l-Bait tidak seorang pun boleh dibandingkan dengan kami".[21]

Abu Dhar al-Ghifari Dan Ammar Bin Yasir

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami daripada Sa'd bin Abdullah daripada Muhammad bin Ismail bin Isa daripada Ibn Abu Najran daripada Mufadhdhal bin Salih daripada Muhammad bin Marwan daripada seorang lelaki daripada Abu Ja'far a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepada aku supaya aku mencintai empat orang iaitu: Ali, Abu Dhar, Salman dan al-Miqdad (*Inna l-Laha auhaa ilayya an uhibba arba'atan*)[22].

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin Abu al-Qasim daripada Muhammad bin Ali daripada Nasr bin Ahmad daripada Abu Mikhnaf Lut bin Yahya daripada Muhammad bin Ishaq daripada Salih bin Ibrahim daripada Abd al-Rahman bin 'Auf beliau berkata: Seorang syeikh yang telah menyaksikan peperangan Siffin bersama mereka berkata: Demi Allah, sesungguhnya orang ramai berada di khemah-khemah mereka, kami hanya mendengar suara Ammar bin Yasir ketika matahari condong atau hampir condong. Ammar berkata: Wahai manusia! Siapakah yang akan pergi ke Syurga seperti orang dahaga pergi kepada airnya? (*man ra'ih ila al-jannah ka-zama'aan yurwi al-Ma'*)

Syurga hanya di bawah hujung lembing (*ma l-Jannatu illa tahta atraafi l-'Awali*). Hari ini aku akan bertemu dengan kekasih aku Muhammad dan partinya (*al-Yauma alqi al-Ahibbata Muhammadan wa hizba-hu*). Wahai kaum muslimin! Percayalah Allah tentang (kebatilan) pihak musuh. Demi Allah sesungguhnya anak-anak golongan Ahzab menerima agama Islam secara terpaksa takutkan pedang. Mereka keluar daripada Islam dengan sukarela apabila mereka mendapat peluang. Pada masa itu Ammar berumur sembilan puluh tahun. Ammar berkata: Demi Allah! Perkara ini mestilah dengan kuda dan kelengkapannya. 'Ammar berkata ketika melihat bendera 'Umru bin al-'As: Sesungguhnya bendera ini telah memerangi kami sebanyak tiga kali. Kali ini adalah yang paling kuat. Kemudian Ammar berkata lagi:

Kami telah memerangi kalian semasa turunnya al-Qur'an
Hari ini kami memerangi kalian di atas takwilnya.

---

[21] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hal.16, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 324
[22] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi , 83

Peperangan yang menghilangkan kepenatan dari tidurnya
menjauhkan sahabat daripada sahabatnya
Atau kebenaran kembali ke jalannya
Wahai Tuhanku! Aku percaya dengan firman-Mu

Kemudian 'Ammar meminta air kerana terlalu dahaga. Beliau didatangi seorang perempuan yang mempunyai dua tangan agak panjang. Tidak diketahui sama ada madu atau ubat bersamanya. Namun, dalamnya terdapat sedikit susu. 'Ammar berkata: Syurga adalah di bawah lembing, hari ini aku bertemu dengan kekasih aku Muhammad dan partinya. Demi Allah sekiranya mereka dapat mengalahkan kita sehingga mereka dapat menyampaikan kepada kita pelepah kurma yang jauh. Nescaya kita mengetahui bahawa sesungguhnya kita adalah di atas kebenaran sebaliknya mereka di atas kebatilan. Ammar ditikam dan dibunuh oleh Ibn Juwain al-Saksaki dan Abu al-'Adiyah atau al-Ghadiyah-Fazari. Abu al-'Adiyah telah menikam Ammar manakala Ibn Juwain memotong kepalanya. Laknat Allah ke atas mereka berdua.

'Umru Bin Al-Hamiqu al-Khaza'i

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Ja'far al-Muaddib daripada Ahmad bin Abu Abdullah al-Barqi daripada bapanya secara *marfu'* berkata: 'Umru bin al-Hamiqu al-Khaza'i berkata kepada Amir al-Mukminin a.s: Demi Allah, aku tidak datang kepada anda kerana harta dunia yang anda akan memberikannya kepada aku dan bukan kerana mencari pangkat yang dapat meningkatkan ingatan aku tetapi kerana anda adalah sepupu Rasulullah s.a.w, orang yang lebih istimewa (*aula*) daripada orang lain, suami Fatimah, penghulu wanita semesta alam a.s, bapa zuriat yang masih kekal bagi Rasulullah s.a.w dan yang paling besar saham kepada Islam daripada muhajirin dan ansar.

Demi Allah! Jika anda memerintahkan aku untuk memindahkan bukit yang tinggi dan melintasi laut yang dalam sehingga datang hariku dan pada tanganku pedangku maka aku akan menggoncang musuh anda dengannya. Aku akan menguatkan kewalian anda, Allah akan meningkatkan kemuliaan anda dan akan menguatkan hujah anda. Aku fikir aku belum lagi melaksanakan hak anda ke atas aku dengan sebenarnya. Amir al-Mukminin a.s berkata: Wahai Tuhanku! Sinarlah hatinya dengan cahaya keyakinan dan tunjuklah kepadanya jalan yang

benar. Alangkah baiknya jika terdapat seratus orang seumpama anda pada syi'ahku[23].

Ahmad bin Harun dan Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih serta jema'ahnya telah memberitahu kami daripada Ali bin al-Husain daripada Abdullah bin Ja'far al-Humairi daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Ahmad bin al-Nadhar daripada Sabah daripada al-Harith Ibn al-Husairah daripada Sakhar bin al-Hakam al-Fazari daripada mereka yang telah memberitahunya bahawa beliau telah mendengar 'Umru bin al-Hamiqu memberitahu bahawa beliau telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda di Masjid Haram atau Masjid Madinah: Wahai 'Umru! Adakah anda mahu aku memperlihatkan kepada anda lambang syurga (*ayat al-Jannah*) yang memakan makanan (*ya'kulu al-Ta'am*), meminum minuman (*yasyrabu al-Syarab*), berjalan-jalan di pasar (*yamsyi fi al-Aswaq*), dan lambang neraka (*ayat al-Nar*) yang memakan makanan, meminum minuman dan berjalan-jalan di pasar?.

Maka 'Umru berkata: Ya, dengan nama bapaku, anda dan ibu aku, maka perlihatkanlah kepadaku mereka berdua (*arinii-huma*). Tiba-tiba Ali a.s. datang berjalan-jalan sehingga beliau memberi salam dan terus duduk. Rasulullah s.a.w bersabda : Wahai 'Umru! Inilah dia dan kaumnya adalah lambang syurga. Kemudian Mu'awiyah datang dan memberi salam, kemudian duduk. Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai 'Umru! Inilah dia dan kaumnya adalah lambang neraka.

Disebut tentang permulaan Islamnya, beliau adalah seorang penternak unta bagi keluarganya yang telah membuat perjanjian kesetiaan dengan Rasulullah s.a.w .

Sebahagian daripada sahabat Rasulullah s.a.w yang diutus kepada keluarga 'Umru berkata: Wahai Rasulullah! Kami tidak mempunyai bekalan makanan dan kami tidak pula mengetahui jalan (bagaimana kami ke sana?). Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya kamu akan bertemu dengan seorang lelaki yang berseri mukanya. Dia akan memberi kamu makanan dan minuman serta menunjukkan jalan kepada kamu. Beliau adalah di kalangan ahli syurga".

'Umru berkata: Mereka datang sehingga sampai kepadaku pada petang hari. Aku menyuruh pemuda-pemuda aku supaya menyembelih beberapa unta dan memerah susu (lembu) untuk mereka, kemudian mereka bermalam dengan memakan daging dan meminum susu sehingga pagi.

'Umru berkata: Kamu tidak boleh pulang sehingga kamu makan atau membawa makanan, lantas seorang daripada mereka berkata sambil ketawa kepada sahabatnya. 'Umru bertanya: Kenapa anda ketawa?. Dia menjawab: Bergembiralah dengan berita gembira Allah dan Rasul-Nya. 'Umru berkata: Apakah berita gembira itu?. Maka dia

[23] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 475, 726

menjawab: Rasulullah s.a.w telah mengutus kami ke tempat yang jauh ini. Baginda s.a.w telah memberitahu kami mengenai jamuan ini. Pada waktu itu kami tidak mempunyai bekalan makanan dan tidak ada petunjuk jalan untuk ke tempat ini. Baginda s.a.w. bersabda: Kamu akan bertemu dengan seorang lelaki yang akan memberi makan dan minum kepada kamu serta akan menunjukkan jalan kepada kamu, maka dia adalah di kalangan ahli syurga". Lantaran itu kami tidak bertemu dengan orang yang telah disifatkan oleh Rasulullah s.a.w selain daripadamu.

'Umru berkata: Aku menaiki (kuda) bersama mereka dan aku menunjukkan jalan kepada mereka, kemudian aku kembali kepada pemuda-pemudaku dan menasihati mereka tentang unta. Setelah itu, aku berjalan menuju Rasulullah s.a.w sehingga aku memberi baiah kepadanya dan memeluk agama Islam. Aku dan kaum aku mendapat keamanan daripada Rasulullah s.a.w. bahawa diri kami, harta kami, darah kami selamat apabila kami mengucap " Tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah". Kami mendirikan solat, mengeluarkan zakat, melaksanakan "saham Allah" dan "saham Rasul-Nya". Beliau s.a.w bersabda: Diri kamu, darah kamu dan harta kamu selamat apabila kamu menunaikan semuanya. Maka dengan *dhimmah* Allah dan Rasul-Nya, harta dan darah kamu tidak akan dicerobohi.

Maka aku tinggal (bermukim) bersama Rasulullah s.a.w dan kami berperang bersamanya di dalam beberapa peperangan sehingga Rasulullah s.a.w meninggal dunia[24].

Bapa al-Barqi berkata: 'Umru bin al-Hamiqu al-Khaza'i adalah syi'ah Ali a.s. Setelah jawatan khalifah berpindah kepada Mu'awiyah, maka 'Umru berpindah ke Syahr Zaur di Mausul. Mu'awiyah mengutus surat kepadanya:

Amma ba'd, sesungguhnya Allah telah memadamkan api, memadamkan fitnah, memberi kemenangan kepada mereka yang bertakwa. Aku bukanlah sahabat anda yang jauh cita-citanya dan bukanlah yang paling jahat perbuatannya. Semua mereka telah mentaati ku dengan gembira, malah mereka bersegera terlibat di dalam urusanku. Biar pun anda agak terlewat, masuklah sebagaimana orang ramai memasukinya, nescaya dosa-dosa anda terdahulu dimaafkan dan kebaikan anda didedahkan, mudah-mudahan aku tidak akan melayan anda sebagaimana orang yang terdahulu jika anda masih seperti dahulu. Lantaran itu, datanglah kepada aku dengan aman pada *dhimmah* Allah dan Rasul-Nya, terpelihara daripada perasaan hasad dengki dan mencukupilah Allah sebagai saksi.

---

[24] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 726

Belum sempat 'Umru bin al-Hamiqu al-Khaza'i menjawabnya, Mu'awiyah telah mengutus seorang untuk membunuh 'Umru. Muawiyah menghantar kepala 'Umru kepada isterinya dan meletakkan pada pangkuannya (*hujri-ha*). Maka isteri 'Umru berkata: Kamu telah menyembunyikan 'Umru daripadaku dalam masa yang lama, kemudian menghadiahkannya kepadaku setelah dia dibunuh. Maka selamat datang (*ahlan wa sahlan*) daripada hadiah yang tidak diduga. Sampaikanlah, wahai utusan, daripada aku untuk Mu'awiyah apa yang aku akan ucapkan: Allah menuntut darahnya dan akan mempercepatkan bala daripada dendam-Nya. Beliau telah melakukan perkara yang durjana, membunuh seorang yang baik dan bertakwa. Maka sampaikanlah kepada Mu'awiyah apa yang aku telah ucapkan.

Maka utusan tersebut telah menyampaikan apa yang diucapkan oleh isteri 'Umru kepada Mu'awiyah, lalu Muawiyah datang kepadanya dan berkata: Andalah yang berkata sedemikian? Beliau menjawab: Ya, tanpa menyesal dan memohon maaf. Mu'awiyah berkata: Keluarlah dari negeri ku ini, maka isteri 'Umru berkata: Lakukanlah, demi Allah, ia bukan tanah air ku, aku tidak mencintainya, lama sudah aku berjaga malam menitiskan air mata ku, hutang aku semakin banyak, hidup aku tanpa ketenangan. Abdullah bin Sarah, setiausahanya berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Sesungguhnya beliau adalah seorang wanita munafik, maka bunuhlah ia seperti suaminya.

Maka Isteri 'Umru melihat kepada Abdullah bin Sarah lalu berkata: Wahai orang antara dua janggutnya seperti tubuh katak! Kenapa anda tidak bertanya siapakah yang memberikan anda makanan dan siapakah yang memberikan anda pakaian? Sesungguhnya seorang lelaki munafik adalah seorang yang tidak bercakap benar dan mengambil hamba-hamba Allah seperti Tuhan. Lantaran itu, Dia telah menerangkan keingkaran-Nya di dalam al-Qur'an, kemudian Mu'awiyah memberi isyarat kepada penjaga pintu supaya mengeluarkannya. Maka isteri Umru berkata: Aneh anak lelaki Hindun memberi isyarat kepada aku dengan jari tangannya tanpa bercakap, demi Allah! Aku akan berhujah dengannya dengan hujah yang kuat seperti besi atau aku tidak aman seperti wanita buruan.

Abu Abdullah a.s berkata: Seorang wanita yang hilang (*ghaib*) suaminya hendaklah menunggu (kepulangan) suaminya selama empat tahun, jika suaminya tidak juga pulang, beliau boleh bernikah (*tazawwajat*). Jika suaminya pulang, isterinya boleh membuat pilihan. Jika beliau memilih suaminya yang pertama, maka beliau perlu menghabiskan idahnya dengan suami yang kedua (*fa-in ikhtarat al-awwal I'taddat min al-Thani*), kemudian kembali kepada suami yang

pertama, dan jika beliau memilih suami yang kedua, maka beliau adalah suaminya (*wa in ikhtarat al-Thani fa-huwa zauju-ha*) [25]

Daripada Ali bin al-Suwaid al-Sa'i daripada Abu al-Hasan al-Awwal a.s berkata: Allah tidak menciptakan makhluk yang lebih baik daripada Muhammad s.a.w dan Dia tidak menciptakan makhluk selepas Muhammad yang lebih baik daripada Ali a.s[26].

Muhammad bin Fudhail berkata: Aku telah mendengar Abu al-Hasan a.s berkata: Wilayah Ali a.s termaktub di dalam semua mashaf para nabi a.s*.

Daripada Jabir bin Yazid daripada Abu Ja'far a.s menjelaskan maksud firman Allah s.w.t Surah al-Isra'(18) 79 "*Mudah-mudahan Tuhan kamu mengangkat kamu ke tempat yang terpuji*" Beliau a.s. berkata: Dia mendudukkannya di atas 'Arasy bersama-Nya[27].

Tangkal Demam

Al-Hasan bin Ali al-Wasya' berkata: Abu al-Hasan al-Ridha a.s berkata kepadaku: Aku melihat anda kekuningan (*musfarran*)? Aku berkata: Demam menyerang aku. Beliau a.s. berkata: Bawakan kepada aku pensel dan kertas. Beliau a.s. menulis: *Bismillahi r-Rahmaani r-Rahim, Abjad Hauwaz* daripada polan bin polanah. Kemudian beliau a.s. meminta benang, lalu diberi benang basah. Beliau a.s. berkata: Berikan kepada aku benang yang belum disentuhi air. Benang kering diberi kepadanya, lalu beliau a.s. mengikatkannya di tengah surat dan menyimpulkannya di sebelah kanan dengan empat simpul manakala di sebelah kiri tiga simpul. Kemudian dibaca pada setiap simpul *al-Hamdu, al-Mu'auwadhatain* dan *ayat al-Kursi*. Sesudah itu, beliau a.s. memberikannya kepadaku sambil berkata: Ikatlah ia di lengan kanan anda. Jangan mengikatkannya di lengan kiri[28].

Daripada Abdullah bin Sinan berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sisa atau lebihan makanan atau minuman seorang mukmin menjadi penyembuh kepada tujuh puluh jenis penyakit (*su'ru l-Mu'min syifa'un min sab'in daa'*)[29].

Hadis al-Ghar (Gua)

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid daripada Ali bin Asbat daripada Hakam bin Marwan daripada Yunus bin Suhaib daripada Abu Ja'far a.s

---

25 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiii, 130
26 *Ibid*, vi, 182
27 Memberi penghormatan yang sewajarnya.*Ibid*
28 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xix, 189
29 *Ibid*, xvii, 125

berkata: Rasulullah s.a.w telah melihat kepada Abu Bakr yang berada bersamanya di gua al-Hira. Baginda s.a.w. berkata: Kenapakah anda (kelihatan cemas), tidakkah Allah bersama kita? Anda mahu aku memperlihatkan kepada anda para sahabatku dari kalangan Ansar di dalam majlis mereka sedang berlansung. Aku juga ingin memperlihatkan kepada anda Ja'far bin Abu Talib dan para sahabatnya di dalam bahtera sedang mengharungi ombak? Abu Bakr berkata: Ya, perlihatkan mereka kepada aku (*na'am arini-him*). Maka Rasulullah s.a.w menyapu muka Abu Bakr dan dua matanya, lantas Abu Bakr melihat apa yang dinyatakan, tetapi dia menyembunyikan tanggapan di dalam hatinya bahawa sesungguhnya baginda s.a.w adalah seorang tukang sihir (*fa-masaha rasulullah s.a.w wajha-hu wa 'ainai-hi fa-nazara ilai-him fa-adhmara fi nafsi-hi anna-hu sahirun*)[30].

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Sahal bin Ziad daripada Abu Yahya al-Wasiti berkata: Ali bin Bilal telah memberitahunya. Beliau berkata: Muhammad bin al-Wasiti telah memberitahu kepadaku dengan katanya: Aku berada di Baghdad bersama Muhammad bin Sama'ah Kadi dan bersamanya juga seorang lelaki. Beliau berkata kepadanya: Sesungguhnya aku telah memasuki Masjid Kufah, kemudian aku telah menyandar di sebahagian tiangnya (*asaatini-hi*) kerana ingin mengerjakan solat dua rakaat. Tiba-tiba seorang wanita Arab Badwi yang berselimut berada di belakang aku. Dia menyeru dengan kata-katanya: Wahai yang masyhur di dunia dan masyhur di akhirat.

Wahai yang masyhur di langit dan masyhur di bumi!. Orang-orang yang kuat (*al-Jababirah*) telah berusaha untuk memadamkan cahaya anda dan melenyapkan sebutan nama anda, tetapi Allah mahu cahaya anda bersinar dan sebutan nama anda menjadi tinggi sekalipun dibenci oleh kaum Musyrikin. Maka aku berkata: Wahai hamba Allah! Siapakah orang yang anda banggakan ini? Wanita itu menjawab: Itulah Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s. Sesungguhnya seorang itu tidak boleh mencapai ketauhidan (*yajuzu al-Tauhid*) melainkan dengannya dan dengan wilayahnya. Beliau berkata lagi: Aku telah berpaling kepadanya, maka aku tidak melihat seorang pun berada di tempat itu lagi (*fa-lam araa ahadan*)[31]

Kamu Adalah Lebih Baik Daripada Para Sahabat al-Qaim A.S

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad daripada Ahmad bin Hilal daripada Umayyah bin Ali daripada seorang lelaki berkata: Aku bertanya Abu Abdullah a.s: Siapakah yang lebih baik (*afdhal*) kami atau para sahabat al-Qaim a.s? Beliau a.s. berkata kepada

---

[30] *Ibid*, viii, 227

[31] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 382

aku: Kamu adalah lebih baik daripada para sahabat al-Qaim a.s (*antum afdhal min ashab al-Qaim*), kerana kamu sentiasa takut ke atas Imam kamu dan diri kamu daripada para Imam yang zalim (*aimmati al-Jaur*). Sekiranya kamu mengerjakan solat, maka solat kamu adalah di dalam keadaan *taqiyyah* (*in sallai-tum fa-salatu-kum fi taqiyyatin*). Sekiranya kamu berpuasa, maka puasa kamu adalah di dalam keadaan *taqiyyah*. Sekiranya kamu mengerjakan ibadah haji, maka haji kamu adalah di dalam keadaan *taqiyyah*. Sekiranya kamu memberi penyaksian, maka penyaksian kamu tidak diterima. Beliau a.s. telah menyebut banyak perkara seperti ini. Maka aku berkata: Apa faedah kita bercita-cita kepada al-Qaim jika keadaannya sedemikian? Maka beliau a.s. berkata kepada aku: *Subhanallah*! Tidakkah anda suka keadilan terserlah, keamanan dapat ditegakkan dan mereka yang dizalimi mendapat pembelaan? [32]

Di Dalam Al-Qur'an Terdapat Dua Jenis Imam

Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Talhah bin Zaid, daripada Ja'far daripada bapanya a.s berkata: Di dalam al-Qur'an terdapat dua jenis imam. Allah s.w.a berfirman Surah al-Anbiya' (21): 73: "*Dan kami telah menjadikan mereka itu pemimpin-pemimpin* (*aimmatan*) *yang memberi petunjuk dengan perintah kami*" bukan dengan perintah manusia, mereka mengemukakan perintah Allah sebelum perintah manusia, hukum Allah sebelum hukum mereka. Allah berfirman Suran al-Qasas(28): "*Dan kami telah menjadikan mereka pemimpin-pemimpin* (*aimmatan*) *yang menyeru* (*manusia*) *ke Neraka*". Mereka mengemukakan perintah mereka sebelum perintah Allah, hukum mereka sebelum hukum Allah dan mereka mengutamakan hawa nafsu mereka menyalahi apa yang ada di dalam al-Qur'an[33].

Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Sinan daripada Mufadhdhal bin 'Umar berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Amir al-Mukmin a.s adalah pintu Allah (*bab Allah*) yang tidak boleh dimasukki melainkan melaluinya. Ianya adalah jalan-Nya (*sabilu-hu*). Sesiapa yang berjalan selain daripada jalannya akan binasa (*halaka*). Demikianlah berlalunya kepada para imam yang memberi petunjuk (*al-Hudaat*) seorang selepas seorang, Allah telah menjadikan mereka tiang-tiang bumi (*arkaan al-Ardh*) supaya ia tidak bergoyang dengan penghuninya dan hujah-Nya yang kuat ke atas mereka di bumi dan di bawah bintang.

---

[32] *Ibid*
[33] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 216

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad daripada Muhammad bin Abd al-Hamid daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Tidak sempurna iman seorang hamba melainkan dia mengetahui bahawa apa yang berlalu pada (Imam) akhir mereka juga telah berlalu pada (Imam) awal mereka iaitu tentang hujah, ketaatan, halal dan haram adalah sama. Muhammad s.a.w dan Amir al-Mukminin a.s mempunyai kelebihan mereka berdua[34]. Dengan sanad-sanad ini juga beliau a.s. berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Kami semua melaksanakan ketaatan dan perintah yang satu dan sebahagian kami adalah lebih mengetahui daripada sebahagian yang lain (*kullu-na najri fi al-ta'ati wa al-Amri majra wahid wa ba'dhu-na a'lamu min ba'dh*)

Daripada Abu al-Husain al-Asadi daripada Abu al-Husain Salih bin Hammad al-Razi yang diriwayatkan secara *marfu'* berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah mengambil Ibrahim sebagai seorang hamba sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang nabi dan Dia mengambil Ibrahim a.s. sebagai nabi sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang rasul. Sesungguhnya Allah telah mengambilnya sebagai seorang rasul sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang *khalil* (sahabat). Dan sesungguhnya Allah telah mengambilnya sebagai *khalil* sebelum Dia mengambilnya sebagai imam. Apabila Dia telah mengumpulkan perkara-perkara tersebut untuk Ibrahim a.s., maka Dia berfirman di dalam Surah al-Baqarah (2):124 "*Sesungguhnya Aku menjadikanmu sebagai imam bagi seluruh manusia*". Ibrahim a.s berkata "*dari keturunanku?*". Dia berfirman di dalam Surah al-Baqarah (2):124 "*Janjiku ini tidak mengenai orang-orang yang zalim*". Abu Abdullah a.s berkata: Orang yang bodoh tidak boleh menjadi imam yang bertakwa[35].

Para Nabi Dan Para Rasul Adalah Empat Peringkat.

Abu Muhammad bin al-Hasan bin Hamzah al-Husaini daripada Muhammad bin Ya'qub dan daripada sebilangan para sahabatnya daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Abu Yahya al-Wasiti daripada Husyam bin Salim dan Darst bin Abu Mansur berkata: Sesungguhnya para nabi dan para rasul mempunyai empat peringkat[36].

Pertama: Seorang nabi yang menjadi nabi untuk dirinya sahaja bukan untuk orang lain.

---

[34] Ibid, I, 275, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 266, vi, 178
[35] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I,175
[36] *Ibid*

Kedua: Nabi yang dapat melihat malaikat di dalam tidurnya, dapat mendengar suara malaikat tetapi tidak melihatnya semasa jaga. Dia tidak diutus kepada sesiapapun bahkan mempunyai seorang imam semasanya seperti Lut a.s. (berimamahkan) kepada Ibrahim a.s.

Ketiga: Nabi yang dapat melihat malaikat di dalam tidurnya, dapat mendengar suaranya dan serta dapat melihat malaikat ketika jaga. Dia diutus kepada bilangan kecil atau ramai sebagaimana Allah telah berfirman kepada Yunus a.s di dalam Surah al-Safat (37):147 "*Kami telah mengutusnya kepada seratus ribu orang atau lebih*". Beliau a.s. berkata: Perkataan "*atau lebih*" adalah tiga puluh ribu orang dan seorang imam bersama mereka.

Keempat: Nabi yang melihat malaikat di dalam tidurnya, mendengar suaranya dan dapat juga melihat malaikat semasa jaga. Dia merupakan seorang imam seperti *Uli l-'Azm*. Justeru itu, Ibrahim a.s. adalah seorang nabi tetapi bukan seorang imam sehinggalah Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah(2): "*Sesungguhnya Aku menjadikanmu sebagai imam bagi seluruh manusia* ". Ibrahim a.s berkata: *dari keturunanku?* " Dia berfirman: *Janjiku ini tidak mengenai orang-orang yang zalim*". Siapa yang telah menyembah patung atau berhala atau seumpamanya maka tidak layak menjadi imam (*man 'abada sanaman au wathanan au mithalan la yakunu imaman*) [37]

Daripada Jabir berkata: aku mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah mengambil Ibrahim a.s. sebagai seorang hamba sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang nabi dan sesungguhnya Dia mengambilnya sebagai seorang nabi sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang rasul. Sesungguhnya Allah telah mengambilnya sebagai seorang rasul sebelum Dia mengambilnya sebagai seorang *khalil* (sahabat). Sesungguhnya Allah telah mengambilnya sebagai *khalil* sebelum Dia mengambilnya sebagai imam. Apabila Allah s.w.t. telah mengumpulkan perkara-perkara tersebut untuk Ibrahim a.s., maka Dia berfirman di dalam Surah al-Baqarah(2):124 "*Sesungguhnya Aku menjadikanmu sebagai imam bagi seluruh manusia*". Ibrahim a.s berkata "*dari keturunanku?*" Dia berfirman: "*Janji-Ku ini tidak mengenai orang-orang yang zalim*" (Surah al-Baqarah(2):124)

Al-Hujjah Adalah Sebelum Kejadian dan Bersama Kejadian

Aban bin Taghlab berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Al-Hujjah (Imam)adalah sebelum kejadian dan bersama kejadian" [38]

---

[37] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 175, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 231
[38] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 177

Daripadanya, daripada Ruba'i daripada Barid al-'Ajali berkata: Ada orang berkata kepada Abu Ja'far al-Baqir a.s: Sesungguhnya para sahabat kita di Kufah adalah ramai, jika anda menyuruh mereka, nescaya mereka mematuhi anda dan mengikuti anda? Maka beliau a.s. bertanya: Adakah boleh seseorang daripada mereka datang kepada dompet saudaranya, lalu beliau mengambil keperluannya dari dompet saudaranya itu? Dijawab kepadanya: Tidak. Beliau a.s. berkata: (Jika demikian) Mereka dengan darah mereka adalah lebih bakhil. Kemudian beliau a.s. berkata: Sesungguhnya semasa gencatan senjata (*hudnah*) maka manusia boleh bernikah sesama mereka, waris mewarisi, melaksanakan hukum hudud ke atas mereka dan menunaikan amanah mereka sehingga datangnya al-Qaim a.s. Maka pada ketika itu, berlakulah perceraian. Pada masa itu juga seseorang lelaki diizinkan untuk mendapatkan dompet saudaranya untuk mengambil keperluan tanpa halangan dari saudaranya itu[39].

Mencari Rezeki Dengan Berdoa

Daripadanya, daripada al-Qasim bin Barid al-'Ajali daripada bapanya berkata: Aku berjumpa dengan Abu Abdullah a.s, maka aku berkata kepadanya: Aku jadikan diriku sebagai tebusan anda, sesungguhnya keadaan menjadi baik dan hari ini banyak perkara telah berubah. Beliau a.s. berkata: Apabila anda datang ke Kufah, maka mintalah sepuluh dirham. Jika anda tidak memperolehinya, maka juallah satu bantal daripada bantal-bantal anda dengan harga sepuluh dirham. Kemudian anda perlu jemput sepuluh orang daripada sahabat anda. Sediakan makanan untuk mereka. Setelah mereka makan, maka mintalah mereka berdoa kepada Allah untuk anda.

Bapa al-Anjali berkata: Aku pun datang ke Kufah tetapi aku tidak mampu mendapatkan sepuluh dirham sehinggalah aku telah menjual satu bantalku dengan harga sepuluh dirham sebagaimana beliau a.s telah katakan kepadaku. Aku juga telah menyediakan makanan untuk sepuluh orang sahabatku dan telah menjemput mereka. Setelah mereka makan maka aku meminta mereka supaya berdoa kepada Allah untuk aku. Maka tidak lama kemudian, dunia cenderung kepadaku (*maalat 'alayya al-Dunya*).

Asal Kejadian Para Nabi dan Mukminin

Daripadanya, daripada Ruba'i daripada seorang lelaki daripada Ali bin al-Husain a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menciptakan para nabi dari tanah *'Illiyyiin.* (syurga). Hati dan badan mereka (*quluubu-hum*

[39] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiii, 195

wa abdaanu-hum) adalah daripada tanah tersebut. Dia telah menciptakan hati orang-orang mukmin daripada tanah itu tetapi tidak menciptakan badan mereka darinya.

Allah menciptakan orang-orang kafir, hati dan badan mereka daripada tanah *Sijjin* (neraka). Kemudian Allah s.w.t. mencampurkan kedua-dua tanah tersebut (*fa-khalata al-tinatain*). Maka keadaan inilah menyebabkan seorang mukmin melahirkan seorang kafir (*yalidu al-Mu'min al-Kafir*),dan seorang kafir melahirkan seorang mukmin (*al-Kafir yalidu al-Mukmin*). Keadaan ini jugalah menyebabkan seorang mukmin (boleh) ditimpa keburukan (*al-Sayyiah*) dan seorang kafir (boleh) mendapat kebaikan (*al-Hasanah*). Justeru itu hati orang-orang mukmin cenderung kepada asal ciptaan mereka manakala hati orang-orang kafir juga cenderung kepada asal ciptaan mereka.

Daripada Huraiz daripada Abu Abdullah a.s menjelaskan tentang firman Allah Surah Fussilat (41): 34 "*Dan tidaklah sama kebaikan (al-Hasanatu) dan kejahatan* (*al-Sayyi'atu*)". Beliau berkata: *al-Hasanatu* adalah *al-Taqiyyatu* dan *al-Sayyia'atu* adalah *al-Idhaa'atu* (penyebaran) "*Tolaklah (kejahatan itu) dengan cara yang lebih baik. (Keadaan ini membolehkan) orang yang bermusuhan terhadapmu akan bertukar menjadi (seolah-olah) seorang sahabat yang baik.*

Daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s. daripada bapa, datuk dan moyangnya daripada Amir al-Mukminin a.s daripada Rasulullah s.a.w daripada Allah Azzawajalla berfirman: Urusan kamu adalah dengan warak, ijtihad, menunaikan amanah, benar di dalam perkataan, lama sujud, rukuk, tahajud di waktu malam, memberi makan dan memberi salam.

Al-Sadiq a.s berkata: Sesiapa yang bersumpah (*halifa*) dengan (nama) Allah dalam keadaan berbohong (*kadhiban*), maka dia akan menjadi kafir (*kafara*). Sesiapa yang bersumpah dengan (nama) Allah dalam keadaan benar (*sadiqan*), maka dia berdosa (*athima*) kerana Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah(2):24 " *Dan janganlah kamu menjadikan (nama) Allah dalam sumpahmu sebagai penghalang untuk berbuat kebajikan* ".

Al-Baqir a.s berkata: Tidak ada seorang lelaki yang memberi penyaksian palsu ke atas seorang lelaki muslim bagi melucutkan haknya melainkan Allah menulis tempatnya di dalam catatan ke neraka. Beliau a.s. berkata: Perkukuhkan harta kamu (*hassinuu amwala-kum*) dengan mengeluarkan zakat dan ubatilah penyakit kamu (*daawuu mardhaa-kum*) dengan memberi sedekah[40].

---

[40] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv, 61

Al-Sadiq a.s berkata: Tidak ada seekor burung yang diburu melainkan ia meninggalkan tasbih dan tidak ada harta yang ditimpa bencana melainkan ia tidak dikeluarkan zakat[41].

Mukmin Diciptakan Dari Tanah Para Nabi A.S

Daripada Muhammad bin Hamraan: Aku telah bertanya kepada al-Sadiq a.s. Dari apakah Allah telah menciptakan tanah mukmin? Beliau a.s. menjawab: Dari tanah *'Illiyyin*. Aku bertanya lagi: Dari apakah diciptakan seorang mukmin? Beliau menjawab: Dari tanah para nabi, lantaran itu mereka tidak boleh dikotori oleh sesuatu (*fa-lan yunajjisa-hu sya'un*) [42].

Pahala Ziarah Mukmin Akan Saudaranya Kerana Agama

Al-Sadiq a.s berkata: Menunaikan hajat seorang mukmin adalah lebih baik (*qadha'u hajati al-Mu'min khairun*) dari membawa seribu ekor kuda pada jalan Allah dan memerdekakan seribu orang hamba[43]. Beliau a.s. berkata: Tidak ada seorang mukmin yang memandikan (jenazah) seorang mukmin dalam keadaan membalikkannya (*wa-huwa yuqallibu-hu*) dan berkata: Tuhanku! keampunan-Mu dipinta' (*Rabb 'afwa-ka*) melainkan Allah mengampunkan orang yang memandikan jenzah itu (*al-Ghaasil*)[44]

Jabir daripada Abu Ja'far daripada Ali bin al-Husain daripada al-Husain bin Ali a.s daripada nabi s.a.w bersabda: Jibra'il telah memberitahuku sesungguhnya Allah Azzawajalla telah menurunkan malaikat ke bumi. Malaikat itu mula berjalan sehingga sampai ke pintu rumah seorang lelaki. Tiba-tiba datang seorang lelaki meminta izin di pintu rumah itu. Malaikat bertanya kepadanya: Apakah hajat anda kepada tuan rumah ini? Dia menjawab: Dia adalah audara seagama denganku. Aku menziarahinya kerana Allah. Malaikat berkata: Demi Allah! Itu sahaja yang telah membuatkan anda datang kepadanya? Lalaki itu menjawab: Itu sahaja yang membuatkan aku datang kepadanya. Malaikat itu berkata: Sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada anda. Allah s.w.t. memberi salam kepada anda dan berfirman: Anda wajib memasuki syurga (*wajabat laka al-Jannah*). Malaikat berkata: Sesungguhnya Allah s.w.t berfirman: Seseorang muslim yang menziarahi seseorang muslim bukanlah beliau menziarahinya, tetapi beliau menziarahi-Ku dan pahalanya (ke atas-Ku)

---

[41] *Ibid*, iii, 55

[42] Al-Barqi, *al-Mahasin*, hlm.133,*al-Kulaini*, *al-Kafi*, ii, 167

[43] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iii ,193

[44] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iii, 164

adalah syurga[45]. Al-Sadiq a.s berkata: Seorang muslim yang berjalan untuk memenuhi hajat (keperluan) seseorang mukmin adalah lebih baik daripada tawaf tujuh puluh kali di sekeliling al-Bait al-Haram[46].

Dia berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Perasaan takut terhadap musuh kami di campak ke hati syi'ah (*ulqia al-Ra'bu fi qulubi syi'ati-na min 'aduwwi-na*). Tetapi apabila berlaku perintah kami dan keluar Mahdi kami maka seseorang daripada mereka lebih berani dari seekor singa jantan, lebih tajam dari mata tombak, menendang musuh kami dengan dua kakinya dan membunuh mereka dengan dua tapak tangannya[47].

Daripada Abu al-Hasan Musa a.s berkata: Bukan daripada kami mereka yang tidak melakukan muhasabah diri pada setiap hari. Jika dia melakukan kebaikan maka dia memohon kepada Allah supaya menambahkannya dan memuji Allah di atasnya. Jika dia melakukan perkara yang tidak baik maka dia memohon keampunan Allah dan bertaubat kepada-Nya[48].

Mukmin Adalah Saudara Mukmin

Al-Sadiq a.s berkata: Mukmin itu adalah saudara mukmin, bagaikan matanya dan petunjuknya. Dia tidak mengkhianati saudaranya dan tidak pula menghinanya. Beliau a.s. berkata: Mukmin mendatangkan berkat kepada mukmin. Beliau a.s. berkata: Mukmin yang mejemput dua orang mukmin ke rumahnya, lalu memberi makan kepada mereka berdua sehingga kenyang adalah lebih baik daripada memerdekakan seorang hamba. Seorang mukmin yang memberi pinjaman kepada seorang mukmin kerana Allah, maka Allah akan menghitungkan pahala untuknya seperti pahala bersedekah. Seseorang mukmin yang berjalan kerana keperluan saudaranya maka Allah menulis kebaikan pada setiap langkahnya serta menghapuskan kejahatan pada setiap langkahnya, lalu diangkat untuknya beberapa darjat dan ditambahkan kepadanya sepuluh kebaikan, kemudian diberi syafaat pada sepuluh keperluan (*hajat*). Mukmin yang berdoa kepada saudaranya supaya zahirnya perkara ghaib, maka Allah akan mewakilkannya seorang malaikat yang akan berkata: Anda adalah sepertinya. Seseorang mukmin yang menyelamatkan saudaranya daripada kesusahan, maka Allah akan menyelamatkannya daripada kesusahan di akhirat. Seseorang mukmin yang membantu mukmin yang dizalimi (*mu'minan mazluman*) adalah lebih baik daripada berpuasa sebulan dan beriktikaf di Masjid Haram. Seseorang mukmin yang

---

[45] Ibid, ii, 168, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 230, xvi, 101

[46] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vxvi, 88

[47] Ibid, xiii, 195

[48] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii , 453

membantu mukmin mengikut kemampuannya, maka Allah akan membantunya di dunia dan akhirat. Beliau a.s. berkata: Mukmin yang menghina saudaranya sedangkan beliau mampu membantunya, maka Allah akan menghinanya di dunia dan di akhirat[49].

Beliau a.s. berkata: Muslim adalah saudara muslim dan hak muslim ke atas saudaranya ialah janganlah dia merasa kenyang sedangkan saudaranya lapar. Janganlah dia minum sepuas-puasnya sedangkan saudaranya dahaga. Janganlah dia memiliki pakaian berlebihan sedangkan saudaranya bertelanjang. Alangkah besarnya hak muslim ke atas saudara yang muslim.

Beliau a.s. berkata: Cintailah saudara muslim sebagaimana anda mencintai diri anda sendiri. Apabila anda perlu, maka mintalah daripadanya. Apabila dia meminta daripada anda, maka berilah kepadanya. Jangan anda merasa jemu untuk melakukan kebaikan kepadanya begitulah sebaliknya. Jadilah anda seorang yang baik terhadapnya, jika dia tidak ada (ghaib), maka jagalah dia semasa ketiadaannya. Apabila dia pulang, maka ziarahilah dia dengan penuh penghormatan, kerana dia adalah daripada anda dan anda daripadanya. Jika anda mencelanya, maka janganlah anda berpisah daripadanya sehingga anda memohon maaf. Jika dia mendapat kebaikan, maka anda bersyukurlah kepada Allah. Jika dia ditimpa bencana, maka bantulah dia. Apabila seorang mukmin berkata kepada saudaranya *uffin*, maka terputuslah wilayah antara mereka berdua. Apabila berkata seseorang lelaki: Anda adalah musuh aku, maka salah seorang daripada mereka berdua menjadi kafir, jika dia menuduh saudaranya dengan sesuatu tuduhan, maka imannya mengecil sebagaimana mengecilnya garam apabila terkena air.

Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya mukmin akan terpancar cahayanya kepada penghuni langit sebagaimana terpancarnya bintang-bintang di langit kepada penghuni bumi. Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya mukmin adalah wali Allah. Dia membantu dan menolong saudaranya. Dia tidak berkata kepada saudaranya melainkan kebenaran dan dia tidak takut selain daripada-Nya[50].

Daripada Hamzah al-Thumali berkata: Barangsiapa yang memberi makan[51] seorang mukmin yang kelaparan, nescaya Allah akan memberi makan buah-buahan di syurga kepadanya. Barangsiapa yang memberi minum seorang mukmin yang dahaga, maka Allah akan memberi minuman yang istimewa kepadanya. Sesiapa yang memberi pakaian kepada seorang mukmin, maka Allah akan memakaikannya dengan

---

[49] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 88
[50] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 170, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 68
[51] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 170, 179,507

pakaian yang hijau. Di dalam hadis yang lain menyebutkan dia sentiasa di dalam jaminan Allah selama beliau melakukan sedemikian[52].

Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya apabila dua orang mukmin bertemu dan berjabat tangan, maka Allah berdepan dengan mereka berdua dengan muka-Nya (zat-Nya). Dosa hilang dari muka mereka berdua sehingga mereka berdua berpisah. Beliau a.s. juga berkata: Demi Allah! Allah tidak disembah dengan sesuatu yang lebih baik dari menunaikan hak mukmin. Beliau a.s. berkata: Demi Allah! Sesungguhnya hak seseorang mukmin lebih besar daripada Ka'bah (*Wa l-Lahi inna l-mu'min la-a'zamu haqqan mina l-ka'bah*). Beliau a.s. berkata: Doa seseorang mukmin untuk mukmin dapat menghindari bala dan mendatangkan rezeki[53].

Hak-Hak Mukmin Ke Atas Mukmin

Daripada Abd al-A'la daripada al-Mu'alla bin Khanis berkata: Aku telah bertanya Abu Abdullah a.s. Aku berkata: Apakah hak mukmin ke atas mukmin? Beliau a.s. menjawab: Aku kasihankan anda. Aku khuatir anda mengetahui, tetapi anda tidak beramal dengannya. Anda menghilangkannya kerana anda tidak menjaganya. Al-Mu'alla berkata: Aku berkata: *La haula wala quwwata illa bi-lLah.* Beliau a.s. berkata: Bagi seseorang mukmin ke atas mukmin ada tujuh hak dan kewajipan. Sekiranya dia menghilangkan satu sahaja daripadanya, maka terkeluarlah dia daripada wilayah Allah (*kharaja min wilayati l-lLah*) dan meninggalkan ketaatan kepada-Nya serta tidak ada haknya di hari Kiamat.

Pertama: Anda mencintai untuknya sebagaimana anda mencintai untuk diri anda sendiri.

Kedua: Anda menolongnya dengan diri anda, harta anda, lidah anda, tangan anda dan kaki anda.

Ketiga: Anda menuruti keredaannya, menjauhi kemarahannya dan mentaati suruhannya.

Keempat: Anda menjadi matanya, penunjuknya dan cerminnya.

Kelima: Janganlah anda kenyang sedangkan dia lapar. Anda puas meminum air sedangkan dia dahaga. Anda berpakaian sedangkan dia bertelanjang.

Keenam: Sekiranya anda mempunyai khadam sama ada lelaki atau wanita yang berkhidmat kepada anda sedangkan beliau tidak mempunyai khadam maka hendaklah anda mengutus khadam anda membersihkan pakaiannya, memasak makanannya dan menyediakan hamparannya.

---

[52] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 201, 205

[53] *Ibid*, ii, 170, 179, 507

Ketujuh: Anda menerimanya, menyahut seruannya, menziarahi kesakitannya dan menghadiri jenazahnya. Sekiranya dia mempunyai hajat, maka bersegeralah melaksanakannya. Janganlah anda membebankannya sehingga dia memintanya daripada anda. Apabila anda telah melakukan kesemuanya, maka wilayah anda bersambung dengan wilayahnya[54].

Wasiat Abu Abdullah A.S Kepada Hamba-Hambanya

Daripada Ibrahim bin 'Umar al-Yamani daripada Abd al-A'la *maula* Ali Sam mendengar Abu Abdullah al-Sadiq a.s berkata kepada Khuthaimah: Wahai Khuthaimah! Sampaikan salam kami kepada hamba-hamba kami, nasihatkan mereka supaya bertakwa kepada Allah Yang Maha Besar. Orang kaya dari mereka menziarahi yang miskin. Orang yang kuat dari mereka menziarahi yang lemah. Mereka perlu menyaksikan jenazah dan perjumpaamn di rumah-rumah kerana perjumpaan sedemikian merupakan penghidupan kepada urusan kami (*hayatun li-amri-na*). Kemudian beliau a.s. mengangkat tangannya dan berkata: Allah menghormati mereka yang menghidupkan urusan kami (*Rahima l-Lahu man ahya amra-na*)[55].

Daripadanya, daripada Ibrahim bin 'Umar al-Yamani daripada Abd al-Malik berkata: Abu Abdullah a.s ditanya tentang seorang lelaki yang takutkan pencuri dan binatang buas. Bagaimana dia melakukan solat apabila bimbangkan luput waktu?. Beliau a.s. berkata: Hendaklah dia melakukan isyarat dengan kepalanya dan menghadap kiblat serta menghalakan binatang kenderaannya menurut arah tujunya.

Kelebihan Mukmin dan Ujiannya

Daripada Ruba'i daripada 'Umar bin Yazid berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Allah tidak akan mengazab satu kampung apabila tujuh orang mukmin berada di dalamnya[56]. Daripada sanad ini Umar bin Yazid berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Setiap sesuatu ada perkara yang membuatkannya berehat. Mukmin berehat dengan saudara mukminnya sebagaimana burung berehat dengan kumpulannya. Tidakkah anda melihatnya?[57]

Abu Ja'far a.s berkata: Barangsiapa yang yakin dengan perkara yang akan datang, maka dia harus bijak di dalam perbelanjaannya[58].

---

[54] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 169, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 61
[55] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 175
[56] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 247
[57] *Ibid*, ii, 247
[58] *Ibid*, iv, 2

Beliau a.s. berkata: Pertolongan diturunkan dari langit ke atas hamba-Nya sekadar makanan[59].

Daripada Ruba'i daripada al-Fadhl berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya bilangan syaitan di atas orang-orang mukmin lebih banyak daripada bilangan tebuan di atas daging. Kemudian beliau a.s. menunjuk ke langit dan berkata: Melainkan Allah sahaja yang dapat mempertahankannya[60].

Daripada Ruba'i daripada Abu Abdullah a.s berkata: Barangsiapa yang memberi makan kepada saudaranya kerana Allah, maka baginya pahala seperti orang yang memberi makan kepada orang ramai (*fi'aam min al-Nas*) Ruba'i berkata: Aku telah menjadikan diri aku sebagai tebusan anda, apakah *fiaam min al-Nas* (bilangan yang ramai itu)? Beliau a.s. berkata: Seratus ribu orang[61].

Abu Abdullah a.s berkata: Enam perkara diangkat daripada umat ini: Kesalahan dan kelalaian, apa yang dipaksakan ke atasnya, apa yang mereka tidak tahu, apa yang mereka tidak mampu dan apa yang mereka terpaksa melakukannya.

Setiap Perkara Yang Tidak Keluar Dari Rumah Ini, Maka Ia Adalah Batil

Abu Ja'far al-Baqir a.s berkata: Setiap perkara yang tidak keluar dari rumah ini, maka ia adalah batil (*kullu syai'in lam yakhruj min hadha al-Bait fa-huwa wabaalun*). Beliau a.s. berkata: Wahai Fudhail! Bagi agama ini ada batasannya (had) seperti batas rumah aku ini[62]. Al-Sadiq a. s berkata: Di antara cinta lelaki kepada agamanya adalah cintanya kepada saudaranya[63]. Amir al-Mukminin a.s. ditanya: Apakah keutuhan iman? Beliau a.s. menjawab: Warak. Beliau a.s. ditanya lagi: Apakah yang menghilangkan keimanan? Amir al-Mukminin a.s. menjawab: Tamak[64]. Beliau a.s. berkata: Wilayah kami tidak akan dicapai melainkan dengan kewarakan[65]. Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang tidak mempedulikan keperluan saudara yang mukmin, maka dia sentiasa di dalam laknat Allah sehingga dia menemui ajalnya[66].

Al-Baqir a.s berkata: Sesungguhnya seorang hamba yang memohon keperluan duniawi, maka ia menjadi hak Allah untuk menerimanya samada cepat ataupun lambat. Jika mukmin tersebut melakukan dosa,

---

59 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiii, 108
60 *Ibid*, xv, 63
61 Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 202
62 Al-Barqi, *al-Mahasin*, hlm.272
63 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi ,78
64 Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 320
65 *Ibid*, ii, 75
66 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 169

maka Allah berkata kepada malaikat yang diwakilkan untuk memberi keperluannya: Janganlah anda laksanakan keperluannya dan tegahlah dia daripadanya, kerana dia terdedah kepada kemarahan-Ku dan dia berhak dilarang daripada-Ku[67].

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang telah berjumpa dengan mukminin dengan satu wajah (*bi-wajhin*) dan ketika ketiadaan mereka (*ghaba-hum*) dengan wajah yang lain, maka apabila tiba hari Kiamat, dia akan mempunyai dua lidah daripada api neraka[68].

Abu al-Hasan a.s berkata: Berkatalah benar sekalipun membinasakan diri anda kerana itu adalah kejayaan anda, tinggalkan kebatilan sekalipun ia kejayaan anda kerana ia pada hakikatnya adalah kebinasaan anda.

Al-Sadiq a.s berkata: Bukan di kalangan kami bagi mereka yang menyebarkan hadis kami (*laisa minna man adha'a hadithi-na*), kerana pada hakikatnya dia telah membunuh kami dengan sengaja (*qatala-na qatla 'amadin*)[69] . Beliau a.s. berkata: Sesiapa yang mengambil tahu atau mengintip tentang dosa atau kesalahan mukmin, kemudian mendedahkannya dan tidak menyembunyikannya. Dia juga tidak memohon istighfar kepada Allah untuknya, maka dia di sisi Allah adalah seperti pelakunya (*ka-'aamilu-ha*) dengan menanggung apa yang telah didedahkan. Sementara pelakunya pula diampunkan dosa. Dia mendapat ganjaran tentang apa yang didedahkan terhadapnya di dunia adalah terlindung di akhirat (*mastur 'alai-hi*). Kemudian dia tidak mendapati kecuali Allah lebih mulia dari mengenakan balasan ke atasnya di akhirat[70].

Mukmin Dan Hak- Hak Persaudaraan

Al-Sadiq a.s berkata: Mukmin adalah saudara mukmin seperti satu tubuh. Jika dia mengadu sesuatu, maka dia mendapati kesakitan di seluruh badannya kerana roh kedua-duanya (*rauha-huma*) adalah daripada roh Allah. Sesungguhnya roh mukmin adalah lebih rapat hubungannya (*la-asyaddu it-tisaalan*) dengan roh Allah daripada rapatnya hubungan cahaya matahari dengan matahari (*syi'asy al-Thams bi-ha*)[71].

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang meriwayatkan sesuatu tentang mukmin bertujuan menghinanya atau merosakkan maruahnya supaya dipandang rendah oleh orang ramai, maka Allah akan

---

[67] *Ibid*, xv, 158

[68] Al-Saduq, *al-Khisal*, no.19, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 176

[69] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 371

[70] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 176

[71] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 155

mengeluarkan wilayahnya kepada wilayah syaitan (*akhraja l-Lahu wilayata-hu ila wilayat al-Syaitan*), dan ketika itu syaitan pula tidak akan menerimanya[72]. Beliau a.s. berkata: Mukmin yang telah menjalin hubungan (*ausala*) dengan saudara mukminnya dengan baik (*ma'rufan*), maka sesungguhnya dia telah menjalin hubungan dengan Rasulullah s.a.w[73].

Beberapa Persoalan Yahudi Kepada Rasulullah S.A.W Dan Jawapannya

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Beliau (al-Mufid) berkata: Abd al-Rahman bin Ibrahim telah memberitahu kami, al-Husain bin Mihran telah memberitahu kami, al-Husain bin Abdullah telah memberitahuku daripada bapanya daripada datuknya daripada Ja'far bin Muhammad a.s daripada bapanya daripada datuknya al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s berkata: Seorang lelaki Yahudi datang kepada nabi s.a.w dan berkata: Wahai Muhammad! Andalah yang menyangka bahawa anda seorang Rasulullah dan diwahyukan kepada anda sebagaimana diwahyukan kepada Musa bin Imran? Rasulullah s.a.w bersabda: Ya, akulah penghulu manusia (*ana sayyid walad Adam*) tanpa meninggikan diri, aku adalah penutup para nabi, imam para *muttaqin* dan Rasul Tuhan semesta alam.

Yahudi berkata: Wahai Muhammad ! Adakah anda kepada kaum Arab atau kepada bukan Arab atau kepada kami?

Rasulullah s.a.w bersabda: Aku adalah Rasulullah kepada semua manusia.

Yahudi berkata: Sesungguhnya aku akan bertanya anda tentang sepuluh kalimah yang telah dikurniakan Allah kepada Musa di tempat yang diberkati ketika dia bermunajat dengan-Nya. Tidak mengetahuinya melainkan seorang nabi yang diutus atau malaikat *muqarrab*.

Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Kemukakan soalan yang terlintas di hati anda.

Yahudi berkata: Wahai Muhammad ! Beritahukan kepadaku tentang kalimah yang telah dipilih oleh Allah untuk Ibrahim a.s ketika beliau membina rumah ini (Ka'bah)?

Rasulullah s.a.w bersabda: *Subhana l-Lah wal-Hamdu li-Lah wa la ilaha illa llah wal-Lahu akbar.*

Yahudi berkata: Wahai Muhammad! Kenapakah Ibrahim a.s. telah membina Ka'bah empat persegi?

Rasulullah s.a.w bersabda: Kerana kalimah adalah empat.

Yahudi berkata: Kenapakah Ka'bah dinamakan Ka'bah?

---

[72] Ibid, ii, 358, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 176

[73] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv , 27

Rasulullah s.a.w bersabda: Kerana ia berada di tengah dunia.

Yahudi berkata: Beritahu aku tentang tafsir "*Subhana l-Lah wa l-Hamdu li l-Lah wa la ilaha illa lla wal-Lahu akbar?*

Rasulullah s.a.w bersabda: Allah telah mengetahui bahawa manusia dan jin akan berbohong terhadap Allah s.w.t, maka Dia berfirman: *Subhana l-Lah*" iaitu Dia bersih dari apa yang mereka katakan terhadap-Nya, adapun firman-Nya "*wa l-Hamdu li-Lah*" Allah telah mengetahui bahawa hamba-hamba-Nya tidak berterima kasih kepada nikmat-Nya, lantaran itu Dia telah memuji diri-Nya sebelum makhluk memuji-Nya, ia adalah ucapan pembukaan, jika tidak, Allah tidak mengurniakan nikmat-Nya ke atas makhluk-Nya, adapun firman-Nya "*la ilaha illa-Lah*" iaitu keesaan-Nya di mana Allah tidak akan menerima amalan melainkan dengannya, tiada seorang pun yang akan memasuki syurga melainkan dengannya, ia adalah *Kalimah Taqwa*, ia dinamakan *kalimah Taqwa* kerana ia memberatkan timbangan (*al-Mizan*) di hari Kiamat, adapun "*Allahu akbar*" adalah kalimah yang tertinggi dan paling dicintai Allah iaitu tidak ada yang lebih besar daripada-Nya kerana dengannya solat dimulai dan dihormati Allah. Ia adalah salah satu daripada nama-nama Allah yang besar.

Yahudi berkata: Benar kata-kata anda, apakah ganjaran mereka yang mengucap dengannya?

Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila seorang hamba berkata: *Subhana l-Lah*, semua perkara selain daripada 'Arasy bertasbih bersamanya. Maka Dia memberi sepuluh kali ganda pahala kepadanya. Apabila beliau berkata: *Al-Hamdulillah*", maka Allah memberi nikmat dunia kepadanya sebelum dia diberi nikmat akhirat, ia adalah kalimah yang diucapkan oleh penghuni syurga apabila mereka memasukinya. Percakapan terputus di dunia selain daripada *al-Hamdu*. Demikianlah firman-Nya di dalam Surah Yunus (10):10 "*Salam penghormatan mereka ialah salam.. Dan penutup doa mereka adalah al-Hamdulillahi Rabbi l-Alamin.* Adapun pahala *La ilaha illa l-Lah* adalah syurga sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Rahman (55): 6 "*Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula).* Ia adalah darjat yang paling tinggi di syurga dan yang paling tinggi kedudukannya di sisi Allah.

Yahudi berkata: Memang benar wahai Muhammad! Anda telah menunaikan satu soalan. Adakah anda mengizinkan aku untuk bertanya anda soalan kedua? Rasulullah s.a.w bersabda: Bertanyalah kepadaku apa yang anda mahu. Jibrail di kanan Rasulullah s.a.w dan Mikail di kirinya memberitahu.

Yahudi berkata: Kenapakah anda dinamakan Muhammad, Ahmad, Abu l-Qasim, Basyir, Nadhir dan Da'i?

Rasulullah s.a.w bersabda: Adapun Muhammad kerana aku dipuji di langit, adapun Ahmad kerana aku dipuji di bumi, adapun Abu al-Qasim kerana Allah s.w.t membahagi-bahagikan neraka untuk mereka

yang mengingkari aku (*kafara bi*) atau membohongi aku (*yukadhibbuni*) daripada mereka yang terdahulu dan terkemudian. Adapun Basyir kerana aku memberi berita gembira tentang syurga kepada mereka yang mentaati aku, adapun Nadhir kerana aku memberi amaran tentang neraka kepada mereka yang menderhaka kepadaku, adapun Da'i kerana aku menyeru manusia kepada agama Tuhanku; Islam.

Yahudi berkata: Memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku tentang yang ketiga: Kenapakah Allah menetapkan masa solat yang lima kepada lima waktu kepada umat anda pada masa malam dan siang

Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya matahari ketika gelincir (*al-zawal*), satu bulatan memasukinya, semuanya bertasbih kepada Tuhanku selain daripada 'Arasy, maka pada masa itulah doa dilakukan kepada Tuhanku. Lantaran itu, Allah mewajibkan ke atas aku dan umat aku solat pada waktunya. Justeru itu, Dia berfirman dalam Surah al-Isra' (17):78 "*Dirikanlah solat dari sesudah matahari gelincir*". Iaitu waktu neraka Jahanam didatangi pada hari Kiamat. Justeru itu, seseorang mukmin yang mengerjakan solat pada waktu tersebut maka Allah akan mengharamkan jasadnya daripada neraka. Solat Asar adalah waktu di mana Adam a.s telah memakan bahagian pokok dan dikeluarkannya dari syurga.

Justeru itu, Allah telah memerintahkan zuriatnya mengerjakan solat ini sehingga hari Kiamat, Dia telah memilihnya dan mewajibkannya ke atas zuriatnya, ia merupakan solat yang paling dicintai Allah s.w.t. Oleh itu, Alah s.w.t. telah berwasiat kepadaku supaya memeliharanya, Dia berfirman dalam Surah al-Baqarah (2):238 " *Peliharalah segala solatmu dan (peliharalah) solat wusta* " iaitu solat Asar. Solat Isyak adalah waktu Allah s.w.t telah menerima taubat Adam a.s. Jarak masa antara dia memakan buah dari pokok dan masa diterima taubatnya adalah tiga ratus tahun hari dunia dan satu hari akhirat adalah menyamai seribu tahun menurut hitungan kamu. Oleh sebab itu Adam a.s mengerjakan solat tiga rakaat, satu rakaat kerana kesalahannya.

Satu rakaat kerana kesalahan Hawa' dan satu rakaat adalah kerana taubatnya. Allah telah menerima taubatnya dan memfardukan ke atas umat aku tiga rakaat ini, iaitu waktu yang paling mustajab untuk memohon doa. Tuhanku telah berjanji kepadaku bahawa Dia tidak akan menghampakan siapa yang memohon kepada-Nya. Dia berfirman dalam Surah al-Rum (30):17 "*Maka bertasbihlah kamu kepada Allah di waktu kamu berada di petang hari dan waktu kamu berada di waktu subuh*" Adapun solat *al-'Atamah*, kerana kegelapan kubur dan kegelapan hari Kiamat. Lantaran itu, Allah telah memerintah aku dan umat aku supaya mengerjakan solat ini, tidak ada kaki yang berjalan kepada solat *al-'Atamah* melainkan Allah mengharamkan neraka ke atasnya, Allah akan menyinari kuburnya pada hari Kiamat dan akan memberinya cahaya yang membolehkannya melintasi titian (*al-Sirat*). Ia adalah solat yang Dia

telah pilih untuk para rasul sebelumku. Adapun solat Subuh kerana ketika matahari naik maka ia naik dari tanduk syaitan (*qarn al-Syaitan*). Allah telah memerintahkan aku supaya mengerjakan solat Subuh sebelum naik matahari sebelum orang-orang kafir sujud kepadanya, maka umat aku sujud kepada Allah, lebih awal dilakukannya adalah lebih dicintai Allah, ia adalah solat yang disaksikan oleh malaikat malam dan siang.

Yahudi berkata: Anda memang benar. Wahai Muhammad! Beritahukan kepadaku tentang perkara ke empat; Kenapakah Allah memerintahkan empat anggota dibasuh sedangkan ia adalah tempat yang paling bersih pada anggota badan?

Rasulullah s.a.w bersabda: Ketika syaitan mendatangkan waswasnya, maka Adam a.s. menghampiri pokok tersebut, lantas melihat kepadanya dan hilang perasaan malu. Dia berdiri dan kaki pertama yang berjalan kepada kesalahan (*al-Khati'ah*). Dia mengambilnya, membelahnya dan memakannya. Apabila dia memakannya, maka terlerailah ikatan cahaya dari tubuhnya, kemudian Adam telah meletakkan tangan di atas kepala dan menangis.

Setelah Allah menerima taubat Adam, maka Allah memfardukan ke atasnya dan zuriatnya membasuh empat anggota tersebut. Allah memerintahkan supaya membasuh muka kerana Adam melihat kepada pokok tersebut. Allah memerintahkan supaya membasuh lengan sehingga ke siku kerana dia telah menghulurkan kedua tangannya kepada kesalahan. Allah memerintahkan supaya disapukan kepala kerana dia telah meletakkannya di atas ubun-ubunnya (*ummu ra'si-hi*). Allah memerintahkan supaya menyapu kaki kerana dia berjalan kepada kesalahan. Kemudian disunatkan ke atas umat aku berkumur (*al-Madhmadhah*) dan menghisap air ke dalam hidung (*al-Istinsyaq*). Berkumur membersihkan hati daripada perkara yang haram dan menghisap air ke hidung menegah bauan neraka.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, apakah balasan bagi mereka melakukan wuduk sebagaimana diperintahkan?

Rasulullah s.a.w bersabda: Pertama kali seseorang menyentuh air, maka syaitan akan menjauhinya. Apabila dia berkumur, maka Allah akan menyinari lidah dan hatinya dengan hikmat. Apabila dia menghisap air ke dalam hidung, maka Allah menyelamatkannya daripada seksa kubur dan azab neraka. Apabila dia membasuh mukanya, maka Allah menyerikan mukanya di hari muka-muka menjadi hitam. Apabila dia membasuh dua lengannya, maka Allah mengharamkan ke atasnya ledakan neraka. Apabila dia menyapukan kepalanya, maka Allah menyapukan segala kesalahannya. Apabila dia menyapukan dua kakinya, maka Allah membolehkannya melintasi titian (*al-Sirat*) pada hari tergelincirnya kaki-kaki.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad. Beritahukan kepada aku tentang yang kelima; Kenapakah Allah memerintahkan mandi junub (*al-Ightisal*) setelah keluar air mani (*al-Nutfah*), tetapi Dia tidak memerintahkan "mandi" setelah kencing dan berak sedangkan air mani lebih bersih daripada kencing dan berak?

Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila Adam a.s. memakan (buah) pokok tersebut, maka ia berpindah kepada peluhnya, rambutnya dan kulitnya. Apabila seorang lelaki melakukan persetubuhan dengan isterinya, maka air maninya keluar juga melalui setiap peluh dan rambutnya (*kharajat al-Nutfah min kulli 'arqin wa sya 'rin*). Lantaran itu, Allah mewajibkan ke atas zuriat Adam sehingga hari Kiamat supaya mandi junub. Kencing dan berak hanya mengeluarkan sisa makanan dan minuman manusia, maka ia memadai dengan wuduk.

Yahudi berkata: Apakah balasan bagi mereka yang telah mandi (*ightisal*) daripada yang halal?

Rasulullah s.a.w bersabda: Allah membina untuknya setiap titik air ialah sebuah istana baginya di syurga iaitu perkara di antara Allah dan hamba-Nya daripada junub.

Yahudi berkata: Wahai Muhammad, beritahu aku soalan yang ke enam tentang lapan perkara yang tertulis di dalam Taurat bahawa Allah telah memerintahkan Bani Israel supaya menyembah-Nya selepas Musa?

Rasulullah s.a.w bersabda: Aku menyeru anda kepada Allah, jika aku memberitahu anda akan mengakuinya?

Yahudi berkata: Ya, wahai Muhammad.

Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya perkara pertama tertulis di Taurat ialah Muhammad Rasulullah, kemudian baginda s.a.w. membaca Surah al-A'raf(7):157 "*mereka dapatinya tertulis di dalam Taurat dan Injil*" dan Surah al-*Saf (61): 6 "memberi khabar gembira dengan seorang rasul yang akan datang sesudahku yang namanya Ahmad*". Adapun tentang perkara kedua, ketiga dan ke empat, maka Ali, Fatimah; Puteri wanita syurga dan dua anak lelaki mereka berdua. Di dalam Taurat disebut sebagai Ilya, Syabra, Syubaira dan Haliyun, iaitu Fatimah,al-Hasan, al-Husain dan Ali a.s.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, beritahu aku tentang kelebihan anda ke atas para nabi dan kelebihan keluarga anda ke atas manusia

Rasulullah s.a.w bersabda: Adapun kelebihan aku di atas segala para nabi kerana aku telah memilih dakwah aku sebagai syafaat aku kepada umat aku pada hari Kiamat sementara para nabi selain daripada aku melakukan sebaliknya jika dakwah mereka diingkari. Adapun kelebihan keluarga aku; Ahlu l-Bait aku dan zuriat aku seperti kelebihan air ke atas setiap sesuatu, dengan airlah sesuatu itu hidup sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah al-Anbiya' (21):30 " *Dan*

dari air kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tiada juga beriman?". Justeru itu mencintai Ahlu l-Bait aku, keluarga aku dan zuriat aku melengkapkan agama (*yastakmilu d-Din*).

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad. Beritahu kepada aku tentang perkara yang ketujuh; apakah kelebihan lelaki ke atas wanita?

Rasulullah s.a.w bersabda: Seperti kelebihan langit ke atas bumi, seperti kelebihan air ke atas bumi. Dengan air semua dapat hidup, begitulah dengan lelaki hiduplah wanita, tanpa lelaki Allah tidak akan menciptakan wanita. Wanita tidak akan memasuki syurga melainkan dengan kelebihan lelaki. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nisa' (4):34 "*Kaum lelaki itu adalah pemimpin kaum wanita kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain(wanita)*".

Yahudi berkata: Wahai Muhammad! Kenapakah ia menjadi begitu?

Rasulullah s.a.w bersabda: Adam a.s diciptakan dari tanah, dari salbinya dan dirinya diciptakan wanita, orang yang pertama mentaati wanita adalah Adam a.s. Maka Allah telah menurunkannya dari syurga. Sesungguhnya Allah telah melebihkan kaum lelaki daripada kaum wanita di dunia, tidakkah anda terfikir bahawa wanita mengalami masa haid? Justeru itu, mereka tidak boleh beribadat kerana kekotoran tersebut, sementara kaum lelaki tidak mengalami perkara tersebut.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, beritahu aku tentang perkara yang kelapan; kenapakah Allah telah mewajibkan puasa ke atas umat anda tiga puluh hari sedangkan Dia telah mewajibkan ke atas umat yang lain lebih banyak?

Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Adam a.s manakala beliau memakan bahagian pokok, maka ia tinggal di dalam perutnya selama tiga puluh hari. Oleh itu Allah s.w.t. memfardukan ke atas zuriatnya tiga puluh hari lapar dan dahaga. Adapun mereka dapat makan di waktu malam adalah suatu kurniaan Allah ke atas makhluk-Nya. Demikian juga ke atas Adam a.s adalah tiga puluh hari sebagaimana ke atas umat aku. Kemudian baginda s.a.w. membaca Surah al-Baqarah (2):183 " *Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas mereka sebelum kami agar kamu bertakwa*"

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, apakah balasan mereka yang berpuasa selama tiga puluh hari?

Rasulullah s.a.w bersabda: Tidak seorang pun mukmin berpuasa satu hari daripada bulan Ramadhan dengan penuh *muhasabah* melainkan Allah mewajibkan baginya tujuh sifat. Pertama: Perkara yang haram menjadi cair (*yadhubu*) dari jasadnya. Kedua: Ia menghampiri dirinya kepada rahmat Allah. Ketiga: Ia dapat menghapuskan kesalahannya, tidakkah anda mengetahui bahawa kafarah di dalam

puasa itu dapat menghapuskan dosa? Keempat: Ia menyenangkan kematian. Kelima: Allah menyelamatkannya daripada lapar dan dahaga di hari Kiamat. Keenam: Pelepasan dirinya daripada neraka. Ketujuh: Allah akan memberinya makanan syurga.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, beritahu aku perkara yang ke sembilan; kenapakah Allah telah memerintahkan wuquf di 'Arafat selepas Asar?

Rasulullah s.a.w bersabda: Kerana selepas Asarlah waktu Adam a.s menderhaka kepada Tuhannya. Justeru itu Allah memfardukan ke atas umat aku wuquf, ibadat dan doa di tempat yang paling dicintai Allah iaitu di 'Arafat. Allah s.w.t. menjamin untuk menerima doa mereka dan waktu sekembalinya dari 'Arafat itulah waktu Adam menerima kalimat (wahyu) daripada Tuhan serta menerima taubatnya. Sesungguhnya Dia Penerima taubat lagi Penyayang.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, apakah pahala bagi mereka yang melakukannya?

Rasulullah s.a.w bersabda: Dia yang telah mengutus aku dengan kebenaran sebagai pembawa berita gembira (*basyiran*) dan pemberi amaran (*nadhiran*). Sesungguhnya Allah s.w.t mempunyai tujuh pintu di langit: Pintu al-Taubat, pintu al-Rahmat, pintu al-Tafadhdhul, pintu al-Ihsan, pintu al-Jud, pintu al-Karam dan pintu al-'Afwu. Seseorang itu tidak berkumpul di 'Arafat melainkan dia layak memasuki pintu-pintu tersebut. Sesungguhnya Allah mempunyai seratus ribu malaikat. Setiap malaikat mempunyai seratus dua puluh ribu malaikat yang lain pula. Allah mempunyai seratus rahmat yang diturunkan kepada penghuni 'Arafat. Ketika mereka pulang, Allah mempersaksikan malaikat tersebut dengan memerdekakan penghuni 'Arafat dan apabila mereka pulang, maka Allah mempersaksikan malaikat bahawa Dia telah mewajibkan ke atas mereka syurga. Ada suara yang menyeru: Kembalilah kamu semua dalam keadaan diampuni, sesungguhnya kamu telah meredai-Ku dan Aku telah meredai kamu.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad. Beritahu aku perkara yang ke sepuluh tentang sembilan sifat yang telah dikurniakan Allah kepada anda berbanding dengan para nabi yang lain dan kepada umat anda berbanding dengan umat-umat yang lain?

Rasulullah s.a.w bersabda: Fatihah, azan, *iqamah*, berjemaah di Masjid-masjid, hari Jumaat, pembacaan secara nyaring (*ijhar*) di dalam tiga solat, rukhsah kepada umatku ketika sakit dan musafir, solat jenazah dan syafaat kepada pelaku-pelaku dosa besar dari umatku.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, apakah pahala mereka yang membaca al-Fatihah?

Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang membaca al-Fatihah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala bilangan kitab yang diturunkan dari langit termasuk pahala pembacaanya. Adapun azan,

maka muazin dari umatku akan dihimpunkan bersama para nabi, para *siddiqin* dan para syuhada'. Adapun solat berjemaah kerana saf-saf umatku seperti saf-saf para malaikat di langit yang ke empat. Satu rakaat di dalam berjemaah ialah dua puluh empat rakaat. Setiap rakaat itu lebih dicintai Allah dari beribadat selama empat puluh tahun. Adapun hari Jumaat merupakan hari yang Allah mengumpulkan mereka yang terdahulu dan terkemudian pada hari Hisab. Tidak ada mukmin yang berjalan dengan dua kakinya untuk mengerjakan solat Jumaat melainkan Allah meringankan kesengsaraan di hari Kiamat.

Selepas imam memberi khutbah merupakan waktu Allah merahmati mukminin dan mukminat. Adapun pembacaan secara nyaring (*ijhar*), maka tidak ada mukmin yang memandikan jenazah melainkan api neraka menjauhinya, meluaskan Titian (*al-Sirat*) untuknya menurut kadar kenyaringan suaranya dan memberi cahaya kepadanya sehingga memasuki syurga. Adapun rukhsah, maka Allah akan meringankan kesengsaraan hari Kiamat ke atas umatku yang melakukan rukhsah sebagaimana Allah membenarkannya di dalam al-Qur'an. Adapun solat jenazah, maka tidak ada mukmin yang mengerjakan solat jenazah melainkan dia boleh memberi syafaat atau diberi syafaat. Adapun syafaat aku adalah untuk pelaku-pelaku dosa besar daripada umatku selain daripada syirik dan kezaliman.

Yahudi berkata: Anda memang benar wahai Muhammad, aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah Yang Satu, tiada sekutu baginya. Sesungguhnya Muhammad adalah hamba-Nya dan pesuruh-Nya, sesungguhnya anda adalah penutup para nabi, imam para *muttaqin* dan Rasul Tuhan semesta alam.

Kemudian Yahudi itu mengeluarkan kertas putih dari tapak tangannya tertulis di atasnya semua jawapan Nabi s.a.w adalah benar, maka beliau berkata: Wahai Rasulullah! Demi Yang Mengutus anda dengan kebenaran sebagai seorang nabi bahawa aku tidak menyalinnya melainkan dari *alwah* (loh-loh) yang telah ditulis oleh Allah kepada Musa bin Imran. Sesungguhnya aku telah membaca di dalam Taurat seratus ribu ayat. Maka tidak ada satu ayat yang aku telah membacanya melainkan aku dapati tertulis padanya. Sesungguhnya aku telah membaca di dalam Taurat kelebihan anda sehingga aku mengesyaki nya. Wahai Muhammad! Aku telah memadamkan nama anda di dalam Taurat selama empat puluh tahun, setiap kali aku memadamkannya, aku dapati nama anda tertulis padanya. Sesungguhnya aku telah membaca di dalam Taurat masalah ini. Ia tidak boleh dijawab selain daripada anda. Pada masa anda menjawabnya Jibrail di kanan anda dan Mikail di kiri anda, Rasulullah s.a.w bersabda: Jibrail di kanan aku dan Mikail di kiri aku, selawat dan salam kepada Muhammad dan keluarganya.

Hadis Abdullah Bin al-Mubarak Tentang Munajat Lelaki Yang Bergantung di Kelambu Ka'bah

Beliau berkata: Abdullah bin al-Mubarak berkata: Aku telah melihat seorang lelaki sedang bergantung di kelambu Ka'bah seraya berkata: *Sayyidi*! Sekiranya Engkau menuntut aku dengan dosa-dosa aku, nescaya aku akan menuntut kepada Engkau dengan kemuliaan Engkau, sekiranya Engkau berbincang dengan aku tentang hari Hisab, nescaya aku akan menuntut kepada Engkau keampunan Engkau, sekiranya Engkau menahan aku di neraka, nescaya aku memberitahu penghuni neraka tentang cinta aku kepadaMu. Kemudian aku berjumpa dengan Fudhail bin 'Iyadh, lalu aku memberitahu kepadanya perkara tersebut. Fudhail berkata kepadaku: Wahai Aba Abd al-Rahman anda telah mengetahui lelaki itu? Aku menjawab: Tidak. Fudhail berkata: lelaki itu adalah di kalangan mereka yang berkhidmat kepada Allah, lalu mereka merendah diri.

BAHAGIAN KEDUA

Dialog Rasulullah s.a.w dengan Abdullah bin Salam, sifat al-Qalam dan Lauh Mahfuz, Muhammad bin Muslim al-Thaqafi, hadis Daud al-Raqiy dengan seorang Khawarij dan lain-lain.

Dialog Rasulullah S.A.W Dengan Abdullah Bin Salam

Daripada Ibn Abbas bahawa sesungguhnya apabila Allah mengutus Muhammad s.a.w, maka Dia telah memerintahnya supaya menyeru makhluk kepada syahadah tiada tuhan melainkan Allah Yang Satu, tiada sekutu bagi-Nya. Orang ramai segera menyahut seruannya, lantas baginda s.a.w. memberi peringatan kepada mereka. Jibrail menyuruh baginda s.a.w. supaya menulis surat kepada Ahlu l-Kitab iaitu Yahudi dan Nasrani. Jibrail melakukan imlak ke atas suratnya. Penulisnya pada masa itu ialah Sa'd bin Abu Waqqas, maka baginda s.a.w. telah mengutus surat kepada Yahudi Khaibar:

Bismillahi r-Rahmani-r-Rahim daripada Muhammad bin Abdullah al-Ummiyyu, Rasulullah kepada Yahudi Khaibar.

Amma ba'd Adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya bumi adalah milik Allah. Dia mewariskannya kepada siapa yang Dia kehendaki daripada hamba-hamba-Nya. Balasan yang baik bagi mereka yang bertakwa. Tiada helah dan kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Beliau menghantar surat itu kepada Yahudi Khaibar. Setelah suratnya sampai kepada mereka, maka surat itu dibawa kepada ketua mereka bernama Abdullah bin Salam: Ini adalah surat Muhammad kepada kita, anda bacalah kepada kami, lalu Abdullah membacanya dan berkata kepada mereka: Apakah yang kamu dapati di dalam surat ini? Mereka berkata: Kami dapati bukti (alamat)nya di dalam Taurat. Jika inilah Muhammad yang diberitahu oleh Musa, Daud dan Isa a.s, maka dia akan membekukan Taurat, menghalalkan kepada kita apa yang telah diharamkan ke atas kita sebelumnya, sekiranya kita tetap di atas agama kita adalah lebih baik

bagi kita. Abdullah bin Salam berkata: Wahai kaum! Kamu telah memilih dunia ke atas akhirat dan azab ke atas rahmat?

Mereka menjawab: Tidak. Abdullah berkata: Kenapa kamu tidak mengikuti pendakwah Allah? Mereka berkata: Wahai Ibn Salam! Kami tidak mengetahui bahawa Muhammad itu benar tentang apa yang dikatakannya. Abdullah berkata: Jika begitu, kita akan bertanya kepadanya tentang Pencipta dan makhluk-Nya, *nasikh* dan mansuh. Sekiranya dia seorang nabi, maka dia akan menerangkan kepada kita sebagaimana dilakukan oleh para nabi sebelumnya.

Mereka berkata: Wahai Ibn Salam! Pergilah anda kepada Muhammad sehingga anda menentang percakapannya dan anda lihat bagaimana dia memberi jawapan kepada anda. Abdullah berkata: Kamu adalah kaum yang jahil. Sekiranya inilah Muhammad yang telah diberitahu kepada kita oleh Musa, Daud dan Isa ibn Maryam, maka dia adalah penutup para nab. Jika manusia dan jin berkumpul untuk memberi jawapan walaupun satu kalimat atau satu ayat kepada Muhammad, nescaya mereka tidak mampu dengan izin Allah. Mereka berkata: Anda memang benar wahai Ibn Salam, lantaran itu apakah muslihatnya? Abdullah berkata: Aku akan mengguna Taurat, aku akan membawa Taurat kepadanya, aku akan menyalin seribu empat masalah daripadanya. Setelah itu Abdullah bin Salam berjumpa dengan Nabi s.a.w pada hari Isnin selepas solat subuh. Abdullah berkata: Salam ke atas anda wahai Muhammad!. Nabi s.a.w bersabda: Ke atas mereka yang mengikut pertunjuk, rahmat Allah dan berkat-Nya. Siapakah anda? Abdullah menjawab: Aku ialah Abdullah bin Salam daripada ketua-ketua Bani Israel di kalangan mereka yang telah membaca Taurat dan aku adalah wakil kaum Yahudi kepada anda. Bersamaku beberapa ayat daripada Taurat supaya anda menerangkan kepada kami dan kami melihat anda daripada mereka yang baik-baik.

Nabi s.a.w bersabda: Segala puji bagi Allah di atas nikmat-Nya wahai Ibn salam! Adakah anda datang kepada kami sebagai seorang yang bertanya atau sebagai seorang yang degil? Abdullah menjawab: Sebagai seorang yang bertanya wahai Muhammad!. Baginda s.a.w. bersabda: Adakah di atas kesesatan atau di atas pertunjuk? Abdullah menjawab: Malah di atas pertunjuk wahai Muhammad!. Maka Nabi s.a.w bersabda: Bertanyalah apa yang anda kehendaki. Abdullah berkata: Aku sedar wahai Muhammad! Beritahu kepada aku tentang anda, adakah anda seorang nabi atau seorang rasul? Baginda s.a.w. bersabda: Aku adalah nabi dan rasul sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Mukmin(40):78 *"Di antara mereka ada yang kami ceritakan kepada mu dan di antara mereka (pula) ada yang kami tidak ceritakan kepada mu"*.

Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu kepadaku: adakah Allah telah bercakap kepada anda sebelumnya? Baginda s.a.w. bersabda: Tidak ada seorang hamba yang Allah bercakap

kepadanya melainkan secara wahyu atau di sebalik tabir. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku: adakah anda menyeru kepada agama anda atau kepada agama Allah? Baginda s.a.w. bersabda: Malah tidak ada agama bagi aku selain daripada agama Allah.

Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku: kepada siapakah anda dakwahkan? Baginda s.a.w. bersabda: Kepada Islam dan Iman kepada Allah. Abdullah berkata: Apakah Islam? Baginda s.a.w. bersabda: Syahadah bahawa tiada tuhan melainkan Allah Yang Satu, tiada sekutu bagi-Nya. Sesungguhnya Muhammad adalah hamba-Nya dan rasul-Nya, sesungguhnya Kiamat akan berlaku tanpa syak. Sesungguhnya Allah akan membangkitkan mereka yang berada di dalam kubur. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad!: Beritahu aku berapakah agama bagi Allah Tuhan semesta alam? Baginda s.a.w. bersabda: Satu agama, Allah adalah satu, tiada sekutu bagi-Nya. Abdullah berkata: Apakah agama Allah? Baginda s.a.w. bersabda: Islam. Abdullah berkata: Adakah para nabi sebelum anda beragama dengannya? Baginda s.a.w. bersabda: Ya. Abdullah berkata: Bagaimana dengan syariat-syariat? Baginda s.a.w. bersabda: Syariat adalah bermacam-macam sebagaimana telah berlalu kepada mereka yang terdahulu. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad!: Beritahu aku tentang syurga adakah mereka memasukinya dengan Islam atau Iman atau amal?

Baginda s.a.w. bersabda: Di antara mereka ada yang memasukinya dengan ketiga-tiganya iaitu bagi seorang muslim, mukmin dan beramal. maka dia memasuki syurga dengan tiga amalan atau dia seorang Nasrani atau seorang Yahudi, maka dia menjadi muslim beriman dengan Allah, membuang kekafiran daripada hatinya, lalu dia meninggal dunia di tempatnya tanpa meninggal mana-mana amalan, maka dia adalah daripada penghuni syurga itu adalah iman tanpa amalan. Bagi seseorang Yahudi atau Nasrani yang bersedekah atau melakukan infak kepada selain daripada zat Allah, maka dia adalah di atas kekafiran dan kesesatan, menjadi penyembah makhluk bukan khalik.

Jika dia meninggal dunia di atas agamanya, maka dia adalah di atas amalannya di neraka pada hari Kiamat, kerana Allah tidak akan menerima melainkan daripada mereka yang bertakwa. Abdulah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku adakah kitab diturunkan ke atas anda? Baginda s.a.w. bersabda: Ya. Abdullah berkata: Kitab yang mana satu? Baginda s.a.w. bersabda: Furqan. Abdullah berkata: Kenapa Tuhan anda menamakannya dengan Furqan? Baginda s.a.w. bersabda: Kerana ia mempunyai ayat-ayat dan surah-surah yang berasingan diturunkan bukan secara *alwah* (loh-loh) dan mashaf berbanding dengan Taurat, Injil dan Zabur yang diturunkan sebahagiannya di *alwah* dan kertas-kertas. Abdullah berkata: Anda

memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku: manakah permulaan al-Qur'an? Baginda s.a.w. bersabda: Permulaan al-Qur'an adalah *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim.*

Abdullah berkata: Apakah tafsir huruf *Abjad Hawwaz*? Baginda s.a.w. bersabda: *Al-Alif* adalah *aalaa'* Allah (nikmat Allah). *Al-Ba'* adalah *bahaa'* Allah (cahaya Allah). *Al-Jim* adalah *jamalu l-Lah* (kecantikan Allah). *Al-Daal* adalah *dinu l-Lah* (agama Allah). *Al-Haa'* adalah *al-Hawiyah* (neraka). *Al-Wau* adalah *wailun li-ahli al-Nar* (celakalah bagi penghuni neraka). Adapun *al-Zai* adalah *zawiyah fi al-Nar* (sudut neraka).

Abdullah berkata: Beritahu aku tentang empat perkara yang Allah telah menjadikan mereka dengan tangannya? Baginda s.a.w. bersabda: Allah telah menjadikan syurga Adan dengan tangan-Nya, menanam pokok Tuba di syurga dengan tangan-Nya, menjadikan Adam a.s dengan tangan-Nya dan menulis Taurat dengan tangan-Nya.

Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Siapakah yang telah memberitahu anda semua ini? Baginda s.a.w. bersabda: Jibrail. Abdullah berkata: Jibrail daripada siapa? Baginda s.a.w. bersabda: Daripada Mikail. Abdullah berkata: Mikail daripada siapa? Baginda s.a.w. bersabda: Daripada Israfil. Abdullah berkata: Israfil daripada siapa? Baginda s.a.w. bersabda: Daripada Lauh Mahfuz. Abdullah berkata: *Lauh* daripada siapa? Baginda s.a.w. bersabda: Daripada *al-Qalam.* Abdullah berkata: *Al-Qalam* daripada siapa? Baginda s.a.w. bersabda: Daripada Tuhan semesta alam. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad.

Abdullah berkata: Beritahu aku tentang Jibrail: adakah ia daripada jenis wanita atau lelaki. Baginda s.a.w. bersabda: Daripada jenis lelaki, bukan daripada jenis wanita. Abdullah berkata: Apakah makanan dan minumannya? Baginda s.a.w. bersabda: Makanannya adalah tasbih dan minumannya adalah tahlil. Abdullah berkata: Anda memang benar. Abdullah berkata: Beritahu aku berapakah panjangnya? Baginda s.a.w. bersabda: Ia seperti malaikat lain. Tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Ia mempunyai lapan puluh perwatakan. Kisah Ja'dah dan Hilal adalah di depannya, bersinar cahayanya di kalangan malaikat seperti sinaran cahaya di malam yang gelap. Ia mempunyai dua puluh empat sayap kehijauan yang disaluti permata delima dan dihiasi pula dengan mutiara serta di atasnya kalung. Lapisannya adalah rahmat, butang bajunya adalah kekeramatan, belakangnya adalah ketenangan, bulunya adalah kekuningan, dahi yang terang berhidung mancung, berjanggut, berpendirian segak, tidak makan dan minum, tidak jemu dan lupa. Dia melaksanakan perintah Allah sehingga hari Kiamat. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad!

Abdullah berkata: Apakah satu, apakah dua, apakah tiga, apakah empat, apakah lima, apakah enam, apakah tujuh, apakah lapan,

apakah sembilan, apakah sepuluh, apakah sebelas, apakah dua belas, apakah tiga belas, apakah empat belas, apakah lima belas, apakah enam belas, apakah tujuh belas, apakah lapan belas, apakah sembilan belas, apakah dua puluh, apakah dua puluh satu, apakah dua puluh dua, apakah dua puluh tiga, apakah dua puluh empat, apakah dua puluh lima, apakah dua puluh enam, apakah dua puluh tujuh, apakah dua puluh lapan, apakah dua puluh sembilan, apakah tiga puluh, apakah empat puluh, apakah lima puluh, apakah enam puluh, apakah tujuh puluh, apakah lapan puluh, apakah sembilan puluh sembilan, dan apakah seratus?

Baginda s.a.w. bersabda: Ya, wahai Ibn Salam! Adapun satu, maka ia adalah Allah Yang Satu, Perkasa, tiada sekutu bagi-Nya, tiada teman wanita dan tiada mempunyai anak, menghidupkan dan mematikan. Pada tangan-Nya kebaikan dan Dia berkuasa di atas setiap sesuatu.

Adapun dua, maka ia adalah Adam dan Hawa, sepasang suami isteri di syurga iaitu sebelum mereka berdua dikeluarkan daripadanya. Adapun tiga, maka ia adalah Jibrail, Mikail dan Israfil. Mereka adalah ketua-ketua malaikat dan mereka di bawah perintah Tuhan semesta alam. Adapun empat, maka ia adalah Taurat, Injil, Zabur dan Furqan. Adapun lima, maka ia telah diturunkan ke atas aku dan umat aku lima solat yang tidak diturunkan kepada mereka sebelum aku dan tidak difardukan ke atas umat selepas aku kerana tiada nabi selepas aku. Adapun enam, adalah Allah telah menjadikan langit dan bumi dalam enam hari. Adapun tujuh, tujuh langit yang kukuh seperti firman-Nya Surah al-Naba' (78):12 "*Dan kami bangun di atas kamu tujuh langit yang kukuh*". Adapun lapan ialah firman-Nya Surah al-Haqah (69):17 "*Dan pada hari itu lapan malaikat membawa Arasy Tuhanmu di atas (kepala) mereka*".

Adapun sembilan firman-Nya di dalam Surah al-Isra' (11):101 "*Sesungguhnya kami telah memberi kepada Musa sembilan ayat (mukjizat) yang nyata*".

Adapun sepuluh ialah firman-Nya di dalam Surah al-Baqarah (2):196)"*Itulah sepuluh (hari) yang sempurna*". Adapun sebelas adalah kata-kata Yusuf kepada bapanya sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Yusuf ((12):4 "*(Ingatlah), ketika Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai bapaku sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang*".

Adapun dua belas, setiap tahun adalah dua belas bulan, iaitu juga kata-kata Yusuf dalam Surah Yusuf (12):4 "*matahari dan bulan ku lihat semuanya sujud kepadaku*"

Adapun tiga belas, maka ia adalah saudara-saudara Yusuf. Matahari dan bulan adalah ibu dan bapa. Empat belas adalah empat belas lampu daripada cahaya yang tergantung di antara 'Arasy dan Kerusi, panjang setiap lampu sama dengan perjalanan seratus tahun. Lima belas adalah al-Furqan yang diturunkan dalam masa lima belas

hari secara *mufassalat* selain pada bulan Ramadhan yang diturunkan al-Qur'an sebagai pertunjuk kepada manusia.

Enam belas adalah enam belas saf malaikat berlingkar di sekeliling 'Arasy sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Zumar(39): 79 "*berlingkar di sekeliling Arasy*"

Tujuh belas adalah tujuh belas ialah nama-nama Allah yang tertulis di antara syurga dan neraka. Tanpanya, maka neraka membakar mereka yang berada di langit dan di bumi. Lapan belas adalah lapan belas hijab daripada cahaya yang tergantung di antara Kerusi dan hijab-hijab. Tanpanya bukit-bukit yang tinggi akan menjadi cair, manusia dan Jin akan terbakar akibat cahaya Allah.

Abdullah berkata: Anda memang benar, wahai Muhammad!. Baginda s.a.w. bersabda: Sembilan belas adalah Saqar sebagaimana firman-Nya Surah al-Muddathir (74):28-30 "*Saqar itu tidak meninggal dan tidak membiarkan. Pembakar kulit manusia. Di atasnya ada sembilan belas (malaikat penjaga)*"

Dua puluh adalah kerana Zabur diturunkan kepada Daud dalam masa dua puluh hari selain daripada bulan Ramadhan[74]. Firman-Nya di dalam Surah al-Isra' (17): 55 "*Dan kami berikan Zabur kepada Daud*"

Dua puluh satu adalah hari kelahiran Sulaiman bin Daud. Bukit-bukit bertasbih bersamanya. Dua puluh dua adalah hari pengampunan kepada Daud, dan hari Allah melembutkan besi untuknya bagi membuat baju besi. Dua puluh tiga adalah hari kelahiran Isa bin Maryam dan hari turunnya hidangan dari langit[75]. Dua puluh empat adalah hari Allah bercakap-cakap dengan Musa. Dua puluh lima adalah hari Allah membelah laut untuk Musa dan Bani Israel. Dua puluh enam Allah menurunkan Taurat kepada Musa. Dua puluh tujuh adalah hari ikan paus memuntahkan Yunus dari perutnya. Dua puluh lapan Allah mengembalikan penglihatan Ya'qub. Dua puluh sembilan Allah mengangkat Idris ke tempat yang tinggi. Tiga puluh adalah firman-Nya di dalam Surah al-A'raf (7):142 "*dan telah kami janjikan kepada Musa tiga puluh malam dan kami sempurnakan jumlah itu dengan sepuluh, maka sempurnalah waktu yang telah ditentukan Tuhannya empat puluh malam*"

Lima puluh adalah lima puluh hari bersamaan lima puluh ribu tahun. Enam puluh adalah kerana bumi mempunyai enam puluh jenis. Tujuh puluh adalah kerana Musa telah memilih tujuh puluh orang lelaki. Lapan puluh adalah kerana peminum arak disebat lapan puluh kali selepas ia diharamkan. Sembilan puluh sembilan adalah firman-Nya Surah al-Sad (38):23 "*Sesungguhnya saudaraku ini mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing*"

---

[74] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv, 157

[75] Al-Majlisi, *Bihar al-Asnwar*, iv, 91

Seratus adalah firman-Nya Surah al-Nur(24): 2 *"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatlah tiap-tiap seorang dari kedua-duanya seratus sebatan"*

Abdullah berkata: Anda memang benar, wahai Muhammad! Beritahu aku tentang Adam: bagaimana dia diciptakan dan daripada apakah diciptakannya?

Rasulullah s.a.w. bersabda: Ya, sesungguhnya Allah s.w.t dengan segala pujian terhadap-Nya, Maha Suci nama-nama-Nya dan tiada tuhan selain daripada-Nya yang telah menciptakan Adam daripada tanah. Tanah yang berasasl daripada buih dan buih dari ombak. Manakala ombak berasal dari laut dan laut dari kegelapan. Kegelapan daripada cahaya dan cahaya daripada huruf dan huruf daripada ayat. Ayat daripada bentuk dan bentuk daripada delima dan delima dari *kun* dan *kun* dari tiada sesuatu (*la syai'*).

Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku berapakah malaikat bagi seorang hamba Allah? Baginda s.a.w. bersabda: Setiap orang hamba mempunyai dua malaikat. Satu malaikat di kanannya dan satu malaikat di kirinya. Pada kanannya menulis kebaikan sementara pada kirinya menulis kejahatan. Abdullah berkata: Di manakah tempat duduk dua malaikat, apakah *al-Qalam* mereka berdua, bekas dakwat mereka berdua dan lauh mereka berdua?

Rasulullah s.a.w. bersabda: Tempat duduk mereka berdua adalah di atas kedua bahunya, *al-Qalam* mereka berdua adalah lidahnya, bekas dakwat mereka berdua adalah kerongkongnya. Dakwat mereka berdua adalah air liurnya. *Lauh* mereka berdua adalah hatinya. Mereka menulis amalan-amalan seseorang hamba sehingga kematiannya. Allah berfirman Surah al-Isra' (17):14 *"Bacalah kitabmu dan cukuplah dirimu pada waktu itu sebagai penghisab terhadapmu"*.

Sifat Al-Qalam dan Lauh Mahfuz

Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu kepada aku apakah Allah menjadikan selepas itu? Baginda s.a.w. bersabda: *Al-Nun* dan *al-Qalam*[76]. Abdullah berkata: Apakah tafsir *al-Nun* dan *al-Qalam*? Baginda s.a.w. bersabda: *Al-Nun* adalah Lauh Mahfuz dan *al-Qalam* adalah cahaya yang terang sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Qalam (68):1 *"Al- Nun, demi al-Qalam dan apa yang mereka tulis"*. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku berapakah panjangnya, lebarnya, apakah dakwatnya dan tempat mengalirnya?

Rasulullah s.a.w. bersabda: Panjang *al-Qalam* adalah lima ratus tahun perjalanan dan lebarnya pula lapan puluh tahun perjalanan, ia

[76] Pengertiannya ialah kalam, pen, pena dan pensel

mempunyai lapan puluh mata. Dakwat keluar di celah-celahnya pada Lauh Mahfuz dengan perintah Allah dan kekuasaan-Nya. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku tentang Lauh Mahfuz apakah ia? Baginda s.a.w. bersabda: Dari Zamrud hijau, di tepinya dilekatkan mutiara dan batangnya adalah rahmat. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku berapa detik bagi Tuhan semesta alam di Lauh Mahfuz setiap hari dan malam? Baginda s.a.w. bersabda: Tiga ratus enam puluh detik[77].

Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku apakah sifat biji (*habbatan*) yang diturunkan bersama Adam? Baginda s.a.w. bersabda: Sebesar telur ayam yang besar. Abdullah berkata: Apakah Adam buat dengan biji bersamanya? Baginda s.a.w. bersabda: Ia telah diturunkan bersama Adam dari syurga dan dipotong kepada enam ratus potongan, maka Adama a.s. telah menanamkan biji itu. Setelah itu tumbuhlah gandum dan biji-bijian yang lain. Abdullah berkata: Di manakah Adam diturunkan? Rasulullah s.a.w. bersabda: Di India. Abdullah berkata: (Dimanakah) Hawa' (diturunkan)? Baginda s.a.w. bersabda: Di Jeddah. Abdullah berkata: Iblis?. Baginda s.a.w. bersabda: Di Isfahan. Abdullah berkata: Ular? Baginda s.a.w. bersabda: Di Saqtariy.

Abdullah berkata: Apakah pakaian Adam ketika diturunkan dari syurga? Rasulullah s.a.w. bersabda: Tiga helai daun dari daun syurga, satu dijadikan sarung, satu diletak di tubuhnya dan satu lagi dililit di kepalanya. Abdulah berkata: Apakah pakaian Hawa'? Baginda s.a.w. bersabda: Rambutnya sehingga sampai ke tanah. Abdullah berkata: Di manakah mereka berdua bertemu? Rasulullah s.a.w. bersabda: Di 'Arafat. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku tentang rumah pertama dibina oleh Allah di bumi? Baginda s.a.w. bersabda: Rumah di Makkah sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Ali Imran (3):96 "*Sesungguhnya rumah yang pertama dibangunkan untuk (tempat beribadat) manusia ialah Baitullah di Makkah yang diberkati dan menjadi petunjuk kepada* semua *manusia*". Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku: adakah Adam diciptakan daripada Hawa' atau hawa' diciptakan daripada Adam?

Rasulullah s.a.w. bersabda: Hawa' diciptakan daripada Adam, jika Adam diciptakan daripada Hawa', nescaya talak berada di tangan wanita bukan di tangan lelaki. Abdullah berkata: Keseluruhannya atau sebahagiannya? Beliau bersabda: Sebahagiannya, jika Hawa' diciptakan keseluruhannya (berasal dari Adam a.s.), nescaya kuasa hukuman (*al-Qadha'*) dibolehkan kepada wanita sebagaimana lelaki. Abdullah berkata: Adakah daripada zahirnya atau daripada batinnya? Baginda s.a.w. bersabda: Malah daripada batinnya. Jika ia diciptakan daripada

77 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 90

zahirnya, nescaya wanita boleh mendedahkan (sebahagian badan) sebagaimana lelaki, justeru itu wanita perlu menutup auratnya.

Abdullah berkata: Adakah dari kanan Adam atau dari kirinya? Baginda s.a.w. bersabda: Malah dari kirinya, jika Hawa diciptakan dari kanan Adam a.s., nescaya bahagian (warisan) lelaki dan wanita adalah sama. Dalam perkara ini, lelaki berhak dua bahagian dan bagi wanita satu bahagian. Dua orang wanita menyamai seorang lelaki. Abdullah berkata: Di tempat manakah Hawa' diciptakan daripada Adam? Baginda s.a.w. bersabda: Daripada tulang rusuk kirinya.

Abdullah berkata: Siapakah yang menduduki bumi sebelum Adam? Rasulullah s.a.w. bersabda: Jin. Abdullah berkata: Sebelum Jin? Baginda s.a.w. bersabda: Malaikat. Abdullah berkata: Sebelum malaikat? Rasulullah s.a.w. bersabda: Adam[78]. Abdullah berkata: Berapakah masa di antara Jin dan malaikat? Baginda s.a.w. bersabda: Tujuh ribu tahun. Abdullah berkata: Di antara malaikat dan Adam? Baginda s.a.w. bersabda: Dua juta tahun. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad! Beritahu aku tentang Adam: adakah dia telah mengerjakan haji? Rasulullah s.a.w. bersabda: Ya. Abdullah berkata: Siapakah yang telah mencukur kepala Adam? Baginda s.a.w. bersabda: Jibrail. Abdullah berkata: Siapakah yang telah mengkhatankan Adam? Baginda s.a.w. bersabda: Berkhatan dengan sendirinya. Abdullah berkata: Siapakah yang berkhatan selepas Adam? Baginda s.a.w. bersabda: Ibrahim *al-Khalil*. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad!.

Abdulah berkata: Beritahu aku tentang satu tempat yang telah disinari cahaya matahari sekali sahaja dan ia tidak akan menyinarinya lagi? Baginda s.a.w. bersabda: Ketika Musa memukul laut dengan tongkatnya, maka laut terbelah kepada dua belas potongan. Matahari menyinari tempatnya (tanahnya). Allah menenggelamkan Fir'aun dan bala tenteranya, laut bercantum semula. Matahari tidak menyinari lagi tempat itu sehingga hari Kiamat. Abdullah berkata: Anda memang benar wahai Muhammad!

Abdullah berkata: Beritahu aku tentang rumah yang mempunyai dua belas pintu yang darinya dikeluarkan dua belas rezeki untuk dua belas orang lelaki? Baginda s.a.w. bersabda: Setelah Musa a.s. memasuki laut, dia menemui satu batu besar berwarna putih. Bentuknya empat persegi seperti rumah. Pada saat itu, Bani Israil dalam keadaan dahaga. Mereka membangkitkan keadaan itu kepada Musa a.s.

---

[78] Wujudnya beberapa Adam sebelum Adam kita dan menurut satu riwayat bahawa Adam kita adalah Adam ketujuh, kerana Allah mempunyai sifat-sifat yang sentiasa mencipta, memberi rezeki, menghidup dan mematikan, serta kekuasaan-Nya yang tidak terhad.

Musa a.s. memukul batu itu dengan tongkatnya. Maka keluarlah daripadanya dua belas pancutan mata air daripada dua belas pintu.

Muhammad Bin Muslim al-Thaqafi, Hadisnya dan Kezuhudannya

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih telah memberitahu aku daripada Ja'far bin Muhammad bin Mas'ud daripada bapanya Muhammad bin Mas'ud al-'Iyasyi berkata: Aku telah bertanya kepada Abdullah bin Muhammad bin Khalid daripada Muhammad bin Muslim, berkata: Muhammad bin Muslim al-Thaqafi adalah seorang lelaki yang mulia. Abu Ja'far a.s berkata kepadanya: Anda bertawaduklah wahai Muhammad!. Ketika Muhammad pulang ke Kufah, dia mengambil satu karung buah kurma bersama penimbang, lalu duduk di pintu Masjid Jamik di Kufah.

Dia memanggil orang ramai kepadanya. Mereka datang kepadanya seraya berkata: Anda telah menggemparkan kami. Muhammad berkata: Sesungguhnya *maulaku* telah memerintah aku melakukan sesuatu. Maka aku tidak akan menyalahinya, aku tidak akan berhenti sehingga aku selesai menjual apa yang ada di dalam karung ini. Orang ramai berkata kepadanya: Jika anda ingin meneruskan kerja niaga, maka duduklah bersama tukang-tukang kisar angin. Anda sediakan kisaran dan unta. Muhammadpun melakukan kerja mengisar. Abu Muhammad bin Abdullah bin Khalid al-Barqi menyebutkan bahawa Muhammad bin Muslim al-Thaqafi adalah seorang yang terkenal dengan amal ibadat pada zamannya[79].

Ja'far bin Muhammad telah memberitahuku daripada Ahmad bin Syadhan bin Na'im daripada Fadhl bin Syadhan, berkata: Bapa aku telah memberitahuku daripada sebilangan sahabat kita, Harun bin Musa telah memberitahu aku daripada Ali bin Muhammad bin Ya'qub daripada Ali bin al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal daripada Ja'far Muhammad bin Hakim daripada bapanya Muhammad bin Hakim yang menjadi sahabatnya. Abu Muhammad berkata: Namanya telah dipadamkan dari buku bapa aku. Mereka berdua berkata: Kami telah melihat Syarik berdiri di dinding polan, salah seorang daripada kami berkata kepada sahabatnya: Adakah anda menjauhkan diri daripada Syarik?

Maka kami datang kepada Syarik dan memberi salam kepadanya. Syarik membalas salam kami. Kami berkata: Wahai Abu Abdullah (Syarik), kami ada pertanyaan. Syarik berkata: Tentang apa? Kami berkata: Tentang solat. Syarik berkata: Tanyalah apa yang terlintas di hati kamu. Kami berkata: Kami tidak mahu anda berkata: Seseorang berkata begini dan seseorang lain berkata begitu. Apa yang kami mahu

---

[79] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.110, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 223

ialah anda sandarkannya kepada Nabi s.a.w. Maka Syarik berkata: Tidakkah ia tentang solat? Kami berkata: Ya. Syarik berkata: Tanyalah. Kami berkata: Berapakah jarak wajib memendekkan (*qasr*) solat? Syarik berkata: Ibn Mas'ud berkata: Janganlah kamu tertipu dengan orang ramai kita ini. Syarik berkata: Seseorang berkata (begini). Maka kami berkata: Kami telah mengecualikan anda supaya tidak bercakap melainkan jawapan itu datang daripada Nabi s.a.w.

Syarik berkata: Demi Allah, sesungguhnya ia adalah suatu keburukan seorang syeikh bertanya tentang persoalan tentang solat daripada Nabi s.a.w sedangkan dia tidak ada sesuatu di sisinya, lebih buruk lagi jika dia berbohong ke atas Rasulullah s.a.w. Kami berkata: Persoalan lain? Syarik berkata: Tidakkah ia tentang solat? Kami berkata: Ya. Syarik berkata: Tanyalah. Kami berkata: Di atas siapakah wajibnya Jumaat? Syarik berkata: Persoalan telah berulang kerana aku tidak ada sesuatu (jawapan yang bersandarkan) daripada Rasulullah s.a.w. Maka kami pun mahu pulang. Syarik berkata: Sesungguhnya kamu tidak akan bertanya soalan seperti ini melainkan di sisi kamu seorang yang berilmu.

Kami menjawab: Ya, Muhammad bin Muslim al-Thaqafi telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Ali daripada bapanya daripada datuknya daripada Nabi s.a.w. Lalu Syarik berkata: Al-Thaqafi yang berjanggut panjang? Kami berkata: Ya. Syarik berkata: Dia adalah seorang yang beramanah tentang hadis, tetapi mereka berkata: Dia juga adalah keras orangnya. Syarik berkata: Apakah mereka telah meriwayatkan? Kami berkata: Mereka telah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w bahawa sesungguhnya *taqsir* solat boleh dilakukan apabila cukup dua Barid [80]. Apabila cukup lima orang, maka seorang daripada mereka menjadi imam solat dan mereka hendaklah menjamakkannya[81].

Beberapa orang sahabat kita telah memberitahu aku daripada Muhammad bin Ja'far al-Muaddib daripada Ahmad bin Abu Abdullah daripada sebahagian daripada sahabat daripada Abdullah bin Abd al-Rahman al-Assam daripada Madlaj daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah keluar ke Madinah dalam keadaan sakit tenat. Ada orang berkata: Muhammad bin Muslim sakit tenat. Maka Abu Ja'far a.s. mengutus kepada aku minuman yang ditutupi dengan kain sapu tangan berserta seorang hamba lelakinya. Hamba itu telah memberikannya kepada aku.

Hamba itu berkata: Minumlah kerana aku dierintahkan supaya aku tidak pulang sehingga anda meminumnya. Aku pun mengambilnya, maka aku dapati bauan harum daripadanya. Minuman yang sedap dan sejuk. Apabila aku meminumnya, hamba itu berkata kepada ku: Abu

---

[80] Tiga puluh lima kilometer pergi dan balik
[81] *Ibid*

Ja'far a.s berkata kepada aku apabila anda telah meminumnya, maka datanglah kepada aku. Aku memikir apa yang Abu Ja'far a.s. katakan kepadaku kerana aku masih tidak mampu berdiri. Apabila minuman berada di dalam perutku, aku seolah-olah terlepas daripada ikatan, maka aku pun sampai di pintu Abu Ja'far. Aku memohon izin daripadanya. Abu Ja'far a.s. berkata: Masuklah, masuklah. Aku masuk sambil menangis. Aku memberi salam serta mencium tangan dan kepalanya. Abu Ja'far a.s. berkata kepadaku: Apakah yang membuatkan anda menangis wahai Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku sebagai tebusan anda. Aku menangis kerana aku berjauhan dari negeri aku (*Ightirabi*), menghadapi kesusahan hidup dan kurang mampu berdamping dengan *maqam* di sisi anda dan melihat anda. Abu Ja'far a.s. berkata kepadaku: Mengenai kurang mampunya anda (*qillatu l-Maqdirah*), adalah kerana Allah telah menjadikan para wali-Nya dan mereka yang mencintai kami sedemikian. Dia telah menjadikan bala kepada mereka lebih cepat (*sari'an*). Adapun berjauhan dari negeri anda, maka bagi anda kepada Abu Abdullah a.s menjadi ikutan kerana beliau berada di negeri yang jauh daripada kita iaitu di Furat (Iraq). Mengenai kesusahan hidup yang anda sebutkan itu, adalah kerana mukmin di dunia ini sebagai *gharib* (perantau). Makhluk ini menjadi terbalik sehingga dia keluar dari dunia ini kepada rahmat Allah. Mengenai cinta anda berdamping dengan kami dan melihat kami, sesungguhnya anda tidak mampu melakukannya kerana Allah lebih mengetahui apa yang ada di dalam hati anda. Allah akan memberi ganjaran yang sewajarnya kepada anda mengenainya[82].

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu aku daripada Muhammad bin a-Hasan al-Saffar daripada Ibrahim bin Hasyim daripada Ibn Abu Umair sesungguhnya Hisyam bin Salim telah berkata kepadanya: Aku dan Zararah tidak pernah berselisih faham melainkan kami mendatangi Muhammad bin Muslim. Kami bertanya kepadanya tentang sesuatu sehingga beliau berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata tentangnya sedemikian dan Abu Abdullah a.s telah berkata tentangnya sedemikian[83].

Abu Abdullah a.s. di dalam hadisnya yang panjang bahawa al-Mansur telah berkata kepadanya: Beritahu aku sebuah hadis tentang kelebihan datuk anda yang tidak pernah diberitahu oleh orang ramai? Abu Abdullah a.s berkata: Bapa aku telah memberitahu aku daripada bapanya daripada datuknya berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Ketika aku dinaikkan ke langit pada waktu malam yang kadar perjalanannya satu hari, maka penglihatan aku dipertingkatkan seperti penunggang melihat sesuatu menerusi lubang jarum.

---

82 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.112
83 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 222

Tuhanku telah berjanji (*'ahida*) kepadaku dengan beberapa kalimat tentang Ali a.s. Allah berfirman di dalam hadis kudsi: Wahai Muhammad !. Maka aku bersabda: *Labbai-ka ya Rabbi*! Dia berfirman: Sesungguhnya Ali adalah Amir al-Mukminin, Imam para *muttaqin*, Pemimpin kepada muka-muka yang berseri, *Ya'sub* (ketua) kepada mukminin. Harta adalah *ya'sub* bagi orang yang zalim iaitu kalimat yang aku mewajibkannya ke atas para *muttaqin* tentang Ali kerana mereka lebih berhak dengannya dan mereka adalah ahlinya. Justeru itu, berilah berita gembira ini kepadanya (Ali). Abu Abdullah a.s berkata: Kemudian Nabi s.a.w menyampaikan berita itu kepada Ali a.s, lantas Ali a.s berkata: Wahai Rasulullah! Aku disebut juga di sana? Baginda s.a.w bersabda: Ya. Sesungguhnya anda disebut di tempat yang tinggi. Al-Mansur berkata: Demikianlah itu kelebihan Allah, Dia memberi kepada siapa yang Dia kehendaki.

Hadis Daud al-Raqiy Dengan Seorang Khawarij

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar dan al-Hasan bin Mattil daripada Ibrahim bin Hasyim daripada Ibrahim bin Muhammad al-Hamdani daripada al-Salami daripada Daud al-Raqiy berkata: Seorang lelaki Khawarij telah bertanya kepada aku tentang firman Allah s.w.t Surah al-An'am(6):143-4 "*Sepasang dari biri-biri dan sepasang dari kambing*" sehingga firman-Nya "*sepasang dari unta dan sepasang dari lembu*".

Apakah yang telah dihalalkan Allah daripadanya? Dan apakah yang telah diharamkan Allah daripadanya? Al-Raqiy berkata: Aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Ketika aku mengerjakan haji dan bertemu dengan Abu Abdullah a.s. Aku berkata: Aku jadikan diri aku sebagai tebusan anda, sesungguhnya seorang lelaki Khawarij telah bertanya kepadaku tentang "perkara tersebut". Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Allah s.w.t telah menghalalkan di Mina bagi biri-biri dan kambing ternakan (*al-Ahliyyah*) untuk dijadikan binatang korban. Allah mengharamkan biri-biri dan kambing jenis liar (*al-Jabaliyyah*) sebagaimana firman-Nya "*sepasang dari biri-biri dan sepasang dari kambing*". Dan sesungguhnya Allah s.w.t telah menghalalkan di Mina unta jenis al-'Arab untuk dijadikan binatang korban dan Allah mengharamkan padanya jenis *al-Bakhati*. Allah menghalalkan lembu ternakan (*al-Ahliyyah*), dan mengharamkan lembu liar (*al-Jabaliyyah*) sebagaimana firman-Nya "*sepasang dari unta dan sepasang dari lembu*". Al-Raqiy berkata: Maka aku pun kembali kepada sahabatku yang bertanya. Aku memberitahunya dengan jawapan

tersebut. Dia berkata: Ini adalah perkara yang ditanggung oleh unta di Hijaz[84].

Hadis Abu al-Hasan Musa Bin Ja'far A.S Dengan Harun al-Rasyid

Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad daripada Ahmad bin Idris daripada Ahmad bin Idris daripada Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ismail al-'Alawi berkata: Muhammad bin Zaburkhan al-Damighani syeikh telah memberitahu aku bahawa dia berkata: Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s berkata: Harun al-Rasyid telah memerintahkan mereka supaya membawaku kepadanya. Maka aku berjumpa dengannya dan memberi salam kepadanya, tetapi al-Rasyid tidak menjawab salam aku. Aku melihatnya begitu marah. Al-Rasyid mencampakkan *scroll* kepadaku dan berkata: Bacalah. Maka aku dapati padanya mengenai firman Allah s.w.t yang menyangkut pelepasan aku (*bara'ati*) daripadanya sebagaimana berikut:

Sesungguhnya Musa bin Ja'far telah memungut Kharaj di seluruh negara daripada pelampau-pelampau syi'ah yang percayakan kepimpinannya sebagai kepercayaan agama. Mereka menyangka bahawa Musa a.s. telah mewajibkannya ke atas mereka sehingga Allah mewariskan bumi ini kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Mereka menyangka bahawa jika seseorang tidak menyerahkan zakat kepada para Imam, mengerjakan solat tanpa mengakui imamahnya. Mengerjakan haji bukan dengan izin imam, tidak berjihad dengan perintah imam, tidak menyerahkan harta rampasan kepada imam, bahkan tidak mengutamakan para imam di atas semua makhluk dan mewajibkan ketaatan kepada mereka seperti ketaatan kepada Allah dan ketaatan kepada rasul-Nya, maka dia adalah kafir. Halal darahnya. Dalam surat itu juga mengandungi perkara-perkara yang tidak sedap didengar seperti Mut'ah tanpa saksi dan penghalalan kemaluan (*furuj*) dengan perintahnya sekalipun dengan satu dirham, pelepasan diri daripada Salaf, melaknat mereka di dalam solat, mereka menyangka bahawa siapa yang melepaskan dirinya daripada mereka, maka terceraìlah isterinya daripadanya.

Dan siapa yang melengah-lengahkan solat sehingga akhir waktunya, maka tidak ada solat baginya kerana firman Allah s.w.t Surah Maryam(19): 59 "*mereka mensia-siakan solat dan mengikut hawa nafsu, maka mereka kelak akan menemui kesesatan*". Mereka menyangka bahawa terdapat satu lembah di neraka Jahanam...Surat itu adalah panjang, aku berdiri membacanya sedangkan beliau (Harun) diam. Kemudian Al-Rasyid mengangkat kepalanya dan berkata: Anda telah selesai membacanya. Berilah pendapat anda mengenainya. Maka aku

---

[84] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv, 492

berkata: Wahai Amir al-Mukminin, demi Yang telah mengutus Muhammad s.a.w dengan kenabian sesungguhnya tiada seorang pun yang telah membawa kepada aku walaupun satu dirham atau satu dinar sebagai Kharaj.

Tetapi kami daripada keluarga Abu Talib menerima hadiah yang telah dihalalkan Allah s.w.t kepada Nabi-Nya s.a.w sebagaimana dalam sabdanya: Jika aku dihadiahkan dengan betis binatang (*kura'*), nescaya aku menerimanya ..." Amir al-Mukminin telah mengetahui tentang kesempitan kami mengenainya, betapa ramainya musuh kami, penahanan khums kami oleh Salaf yang telah disebutkan di dalam al-Qur'an tentang hak kami. Perkara ini telah menyempitkan keadaan kami, sedangkan sedekah diharamkan ke atas kami. Justeru itu, Allah s.w.t. telah menggantikan sedekah dengan khums kepada kami. Lantaran itu, kami terpaksa menerima hadiah. Semuanya itu telah diketahui oleh Amir al-Mukminin. Setelah hujah aku selesai, dia terdiam. Kemudian aku berkata: Jika aku fikir Amir al-Mukminin membenarkan sepupunya (*ibn 'amm-hi*) mengemukakan hadis daripada bapa-bapanya daripada Nabi s.a.w seolah-olah dia telah mendapat harta rampasan perang, maka dia akan melakukannya.

Al-Rasyid berkata: Anda dibenarkan dan silakan. Aku berkata: Bapa aku telah memberitahu aku daripada datuk aku secara *marfu'* kepada Nabi s.a.w bahawa sesungguhnya rahim apabila tersentuh rahim, maka ia bergerak dan gementar. Sekiranya anda izin supaya aku memegang tangan anda. Maka Al-Rasyid memberi isyarat dengan tangannya kepada aku. Dia berkata: Tampil ke sini!. Maka aku menghampirinya. Lalu beliau berjabat tangan denganku dan menarik aku kepadanya seketika. Kemudian dia berpisah daripadaku dengan dua matanya yang berlinang. Dia berkata kepada aku: Duduklah, Musa anda tidak ada apa-apa bahawa anda memang benar dan memang benar datuk anda dan memang benar Nabi s.a.w .

Sesungguhnya darah aku bergerak dan urat saraf aku gementar dan ketahuilah bahawa sesungguhnya anda adalah daging aku dan darah aku. Sesungguhnya apa yang anda telah memberitahu kami adalah benar. Aku ingin bertanyakan anda satu soalan. Jika anda memberi jawapan kepadaku. Aku mengetahui bahawa anda telah membenarkan kata-kataku dan aku melepaskan anda. Aku akan menghubungi anda. Aku tidak akan percaya lagi apa yang dikatakan orang ramai tentang anda. Aku berkata: Apa yang aku tahu aku akan memberi jawapan kepada anda.

Beliau berkata: Kenapa anda tidak melarang syi'ah anda daripada kata-kata mereka kepada anda: *Ya Ibn Rasulillah!* (Wahai anak lelaki Rasulillah) sedangkan anda adalah anak lelaki Ali dan Fatimah. Sesungguhnya Fatimah adalah ibu. Anak (ldinisbahkan kepada bapa dan bukan kepada ibunya?

Aku berkata: Jika Amir al-Mukminin izin dan akan memaafkan aku bagi jawapan ini, maka aku akan menjawabnya.

Al-Rasyid berkata: Aku tidak akan melakukannya atau menyahuti jawapan itu. Aku berkata: Aku di dalam keamanan anda supaya anda tidak mengenakan sebarang tindakan kekuasaan ke atasku?. Al-Rasyid berkata: Keamanan buat anda. Aku berkata: Aku mohon perlindungan daripada Syaitan yang direjam, dengan nama Allah Yang amat Pemurah lagi Pengasih. Firman-Nya di dalam Surah al-An'am(6):84-5 "*Dan kami telah menganugrahkan Ishak dan Ya'qub kepadanya.Kepada keduanya masing-masing kami telah memberi petunjuk, dan kepada Nuh sebelum itu juga kami telah memberi petunjuk dan kepada sebahagian daripada keturunannya (Nuh) iatu Daud, Sulaiman, Ayyub, Yusuf, Musa dan Harun. Demikianlah kami memberi balasan kepada orang yang berbuat baik, dan Zakaria,Yahya,Isa dan Ilyas. Semuanya termasuk orang-orang yang soleh*".

Siapakah bapa Isa? Al-Rasyid berkata: Ia tidak mempunyai bapa kerana ia dijadikan daripada kalam Allah s.w.t dan Roh Kudus. Aku berkata: Sesungguhnya Isa dikaitkan dengan zuriat para nabi a.s di pihak Maryam maka kami dikaitkan dengan zuriat para nabi di pihak Fatimah a.s bukan daripada pihak Ali a.s.

Al-Rasyid berkata: Bagus wahai Musa, beritahu aku lagi perkara seumpamanya? Aku berkata: Umat sama ada yang baiknya dan yang jahatnya telah bersepakat bahawa hadis Najrani ketika Nabi s.aw menyerunya untuk bermubahalah. Pada ketika itu, tidak masuk di dalam *al-Kisa'* (kain) selain daripada Nabi s.a.w, Ali, Fatimah, al-Hasan dan al-Husain a.s, Allah s.w.t berfirman di dalam Surah Ali Imran (3): 61 "*Siapa yang membantahmu tentang kisah Isa sesudah datang ilmu "Mari kita memanggil anak anak kami(abna-ana), wanita-wanita kami (nisaana)dan wanita-wanita kamu (nisaa-kum),diri kami (anfusa-na) dan diri kamu (anfusa-kum)*". Pengertian *abnaa-na* adalah al-Hasan dan al-Husain, *nisaa-na* adalah Fatimah dan *anfusa-na* adalah Ali bin Abu Talib a.s.

Al-Rasyid berkata: Bagus wahai Musa. Beritahuku tentang kata-kata anda: Paman atau bapa saudara sebelah bapa (*al-'Ammu*) tidak menerima pusaka jika ia bersama anak lelaki sebenar(*walad al-Sulbi*) si mati.

Aku berkata: Aku pohon dengan hak Allah dan hak rasul-Nya supaya anda memaafkan aku dari takwilan ayat ini dan mendedahkannya kerana ia tersembunyi di sisi para ulama.

Al-Rasyid berkata: Sesungguhnya anda telah memberi jaminan kepada aku untuk menjawab soalan aku dan aku tidak akan memaafkan anda.

Aku berkata: Jamin keamanan untuk aku? Al-Rasyid berkata: Aku menjamin keamanan anda.

Aku berkata: Sesungguhnya Nabi s.a.w tidak mewariskan harta kepada mereka yang mampu berhijrah tetapi mereka tidak berhijrah. Bapa saudara aku (*'ammi*) al-Abbas telah mampu berhijrah tetapi dia tidak berhijrah. Sesungguhnya dia adalah di kalangan orang tawanan di sisi Nabi s.a.w. Dia juga telah mengingkari pembayaran wang tebusan (*al-Fida'*) untuk dirinya. Justeru itu, Allah telah berfirman kepada Nabi s.a.w memberitahunya tentang penyimpanan emas yang dilakukan oleh al-Abbas. Baginda s.a.w telah mengutus Ali a.s, lalu dia mengeluarkannya di sisi Ummi al-Fadhl. Baginda s.a.w. telah memberitahu al-Abbas tentang apa yang telah diberitahu Jibrail daripada Allah s.w.t.

Lantaran itu, Baginda s.a.w. telah membenarkan Ali a.s dan memberitahunya tentang tempat yang ditanamnya. Al-Abbas berkata kepada Nabi s.a.w ketika itu: Wahai anak saudaraku! Supaya aku tidak hilang lebih banyak lagi daripada anda, maka aku naik saksi bahawa anda adalah Rasulullah, Tuhan seluruh alam semesta. Ali a.s membawa emas tersebut. Al-Abbas berkata: Tidakkah anda telah membuatkan aku menjadi fakir wahai anak saudaraku? Maka Allah berfirman di dalam Surah al-Anfal (8):70 "*Jika Allah mengetahui ada kebaikan dalam hatimu, nescaya Dia akan memberikan kepadamu yang lebih baik daripada apa yang telah diambil daripadamu dan Dia akan mengampuni kamu*" Dan firman-Nya di dalam Surah al-Anfal (8):72 "*dan orang-orang yang beriman,tetapi belum berhijrah,maka tidak berkewajiban sedikitpun ke atasmu melindungi mereka sebelum mereka berhijrah*".

Kemudian Dia berfirman "*Jika mereka meminta pertolongan kepadamu dalam urusan agama, maka kamu wajib memberi pertolongan*", maka aku telah melihatnya berpuas hati mengenainya.

Kemudian Al-Rasyid berkata: Beritahu aku dari manakah anda berkata: Sesungguhnya manusia akan dimasuki kerosakan (*yadkhuluhu al-Fasad*) dari pihak wanita jika khums tidak dibayar kepada mereka yang berhaknya?

Aku berkata: Aku akan memberitahu anda, wahai Amir al-Mukminin, dengan syarat anda tidak mendedahkan perkara ini kepada sesiapapun selama aku masih hidup sekalipun kepada orang yang terdekat. Allah telah membezakan di antara kami dan mereka yang telah menzalimi kami, perkara ini tidak pernah disoal oleh seorang pun di kalangan pemerintah selain daripada Amir al-Mukminin.

Al-Rasyid berkata: Bukan Taim[85], bukan 'Adi[86], bukan Bani Umayyah dan bukan seorang pun daripada bapa-bapa kami?

Aku berkata: Aku tidak pernah ditanya dan begitu juga dengan Abu Abdullah Ja'far bin Muhammad tidak pernah ditanya mengenainya.

---

[85] Abu Bakr
[86] 'Umar

Al-Rasyid berkata: Allah. Aku pun berkata: Allah.

Al-Rasyid berkata: Jika sampai kepadaku pendedahan ini sama ada daripada anda atau daripada seorang daripada keluarga anda, maka aku akan menarik balik jaminan keamanan yang aku telah berikan kepada anda.

Aku berkata: Anda boleh melakukannya kepada aku.

Maka Al-Rasyid berkata kepadaku: Aku suka jika anda menulis untuk aku kata-kata ringkas, mengandungi usul dan *furu'*, difahami tafsirnya yang anda telah mendengarnya daripada Abu Abdullah a.s?

Aku berkata: Ya! Di atas tanggung jawab aku, wahai Amir al-Mukminin. Al-Rasyid berkata: Apabila anda selesai melakukannya, maka beritahu kami keperluan anda.

Musa a.s. berkata: Al-Rasyid telah mewakilkan kepadaku seorang lelaki yang menjaga aku dan menghantar kepada aku satu hidangan makanan pada setiap hari, maka aku menulis seperti berikut:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Semua urusan dunia terbahagi kepada dua. Pertama: Perkara yang tidak ada khilaf tentangnya, iaitu ijmak umat secara darurat. Mereka terpaksa melakukannya. Setiap syubhah dan setiap peristiwa yang berlaku hendaklah dibentangkan kepada hadis-hadis yang disepakati dan diistinbatkan daripadanya. Kedua: Perkara yang mengandungi syak dan ingkar. Caranya ialah meminta keterangan daripada pakar mengenainya. Apa yang telah tetap (*thabata*) bagi pengikut-pengikutnya daripada kitab yang disepakati takwilnya atau daripada Sunnah Nabi s.a.w yang tidak ada khilaf padanya, maka mereka boleh beramal dengannya. Adapun kias di mana akal mengetahui penyelewengannya, hendaklah mereka menolaknya.

Adapun perkara yang belum tetap (*lam yathbut*) bagi pengikut-pengikutnya sebagai hujah daripada kitab yang disepakati takwilnya atau daripada Sunnah Nabi s.a.w yang tidak ada khilaf mengenainya atau kias di mana akal mengetahui penyelewengannya, maka mereka wajib menolaknya kerana ia akan meluaskan perasaan syak dan ingkar ke atas umat secara umum dan khusus. Demikianlah dua perkara ini yang merupakan sebahagian daripada urusan Tauhid, maka apa yang selain daripadanya, buangkanlah. Adapun perkara yang telah tetap buktinya kepada anda, maka anda ambillah. Dan apa yang kabur cahayanya kepada anda, maka anda buangkanlah, *La Quwwata illa bi l-Lah wa Hasbu-na l-Lah wa Ni'ma l-Wakil.*

Kemudian aku telah memberitahu wakil tersebut bahawa aku telah melaksanakan keperluannya. Lantas dia memberitahu kepada Harun al-Rasyid. Maka dia berjumpa denganku. Aku membentangkan kepadanya. Dia berkata: *Ahsan-ta!* Anda telah melakukan perkara yang baik, ia adalah kata-kata yang ringkas dan menyeluruh, maka beritahu keperluan anda kepada kami wahai Musa. Aku berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Keperluan aku yang pertama kepada anda adalah supaya

anda membenarkan aku pulang kepada keluargaku kerana aku telah meninggalkan mereka dalam keadaan menangis berputus asa untuk melihat aku. Al-Rasyid berkata: Anda dibenarkan. Al-Rasyid berkata: Tambahkan lagi kata-kata anda. Aku berkata: Allah memanjangkan umur Amir al-Mukminin untuk kami semua. Maka Al-Rasyid berkata: Tambahkan lagi. Aku berkata: Aku mempunyai keluarga yang besar, mata kami sentiasa melihat kepada kelebihan Amir al-Mukminin. Maka dia telah memerintahkan supaya aku diberi seribu dirham dan pakaian serta membawa aku kepada keluarga aku secara hormat[87].

Abu al-Hasan Musa A.S, Harun al-Rasyid dan al-Fadhl Bin Rabi'

Hamdan bin al-Husain al-Nahawandi berkata: Ibrahim bin Ishaq al-Nahawandi telah memberitahu kami berkata: Ahmad bin Ismail Abu 'Umar telah memberitahu aku berkata: Abdullah bin Salih telah memberitahu aku berkata: Al-Fadhl bin al-Rabi' telah memberitahuku berkata: Aku telah berada di atas hamparanku. Aku telah berkhalwat bersama hamba perempuan aku. Tiba-tiba aku mendengar suara tapak kaki. Aku berkata: Siapakah itu? Hamba perempuan aku berkata: Angin, aku pun bergerak kepadanya, tiba-tiba seorang lelaki berbadan besar berkata: Beri jawapan kepada Amir al-Mukminin[88].

Maka aku keluar kepadanya dalam keadaan takut. Dia berkata kepada aku: Wahai Fadhl! Bebaskan Musa bin Ja'far sekarang juga dan berikan kepadanya lapan puluh ribu dirham, lima helai pakaian dan bawanya keluar pada waktu zuhur. Aku berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Musa bin Ja'far? Dia berkata: Ya! Celaka anda, adakah anda mahu aku membatalkan janji aku? Aku berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Apakah janji itu? Dia berkata: Ketika aku berada di tempat tidur aku, tiba-tiba seorang yang berbadan besar, berkulit hitam tetapi aku tidak pernah melihat orang sebesar itu. Dia telah melompat ke atas dada aku dan memegang tengkukku sambil berkata: Adakah anda telah menahan Musa bin Ja'far secara zalim? Aku berkata: Aku akan membebaskannya sekarang juga. Dia membuat perjanjian dengan nama Allah supaya aku membebaskannya.

Dia bangun dari dada aku. Nyawa aku hampir keluar. Al-Fadhl berkata: Maka aku keluar di sisinya dan aku mendapati Musa bin Ja'far di Musalanya, aku telah menyampaikan kepadanya salam Amir al-Mukminin. Aku telah memberitahu kepada Musa bin Ja'far apa yang diperintahkan kepadaku mengenainya. Musa a.s. berkata: Tidak perlu kepada harta, pakaian dan bekalan jika ianya daripada hak umat. Aku berkata: Aku menyeru dengan nama Allah supaya anda tidak

---

[87] Al-Hasan bin 'Ali bin Syu'bah, *Tuhaf al 'Uqul*, hlm.406
[88] Harun al-Rasyid

menolaknya kerana Amir al-Mukminin akan memarahi anda. Musa a.s. berkata: Buatlah apa yang anda mahu. Maka aku pun memegang tangannya dan mengeluarkannya dari penjara. Aku berkata kepadanya: Wahai putera Rasulullah ! Hak aku adalah wajib di atas anda kerana aku bersyarikat dengan anda. Allah melakukannya melalui tanganku. Beliau a.s. berkata: Aku telah melihat Rasulullah di dalam tidurku pada malam Rabu. Baginda s.a.w. bersabda kepada aku: Wahai Musa anda ditahan dan dizalimi?.

Aku berkata: Ya! Wahai Rasulullah, aku ditahan dan dizalimi. Baginda s.a.w telah mengulanginya kepadaku selama tiga kali. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda lagi: Mudah-mudahan ia adalah fitnah kepada mereka dan berseronok hanya buat seketika sahaja, berpuasalah esok hari dan ikutilah dengan puasa hari Khamis dan Jumaat. Apabila masuk waktu berbuka, maka kerjalah solat dua belas rakaat. Anda perlu membaca di dalam setiap rakaat "*al-Hamdu*" dan "*Qul Huwa l-Lahu Ahad*" dua belas kali. Demikian juga bacaannya pada rakaat yang kedua. Apabila anda selesai daripada solat anda, maka katakanlah: Wahai Tuhanku! Wahai Penutup segala keaiban dan Pendengar segala suara (*Allahumma Ya Saatira l-'Uyaub Ya Saami'a Kulli Sautin*)[89]

Abu al-Hasan Musa A.S Dengan Yunus bin Abd al-Rahman

Pada suatu hari Yunus bin Abd al-Rahman telah berkata kepada Musa bin Ja'far a.s: Di manakah Tuhan anda sebelum adanya langit dan sebelum ada hamparan bumi? Musa a.s. berkata: Dia adalah cahaya pada cahaya (*kana nuran fi nurin*) dan cahaya di atas cahaya (*nuran 'ala nurin*). Dijadikan daripada cahaya tersebut air yang keruh. Dan dijadikan daripada air tersebut kegelapan (*zulmah*). Maka 'Arasy-Nya ialah di atas kegelapan tersebut. Yunus berkata: Sesungguhnya aku bertanya anda tentang tempat (*al-Makan*). Musa a.s. berkata: Setiap kali anda bertanya: Di mana (*aina*), maka di mana (*aina*) mempersoalkan tempat. Yunus berkata: Aku bertanya kepada anda tentang tempat tertentu? Musa a.s. berkata: Dia berada pada ilmu-Nya kerana keilmuan-Nya. Maka ilmu para ulama menjadi terhad di sisi ilmu-Nya. Yunus berkata lagi: Sesungguhnya aku bertanya anda tentang tempat. Musa a.s. berkata: Wahai si bodoh! Tidakkah aku telah memberi jawapan kepada anda bahawa Dia berada pada ilmu-Nya kerana ilmu-Nya, maka ilmu para ulama menjadi terhad di sisi ilmu-Nya.

Hadis Sadiq Daripada Sadiq

---

89 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 396

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahuku daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Abd al-Hamid daripada Abd al- Salam bin Salim daripada Muyassar bin Abd al-Aziz berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Hadis yang diambil oleh Sadiq daripada Sadiq adalah lebih baik daripada dunia dan apa yang ada di dalamnya.

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Abdullah bin Abdullah berkata: Musa bin Ibrahim al-Maruziy telah memberitahu aku daripada Abu al-Hasan al-Awwal a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa daripada umat aku menghafaz empat puluh hadis yang mereka perlu kepadanya tentang urusan agama mereka, maka Allah akan membangkitnya pada hari Kiamat sebagai seorang fakih dan alim.

Pembantu-Pembantu Ahlu l-Bait A.S

Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad bin al-Qalid, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ali bin Sulaiman bin Daud al-Razi telah memberitahu aku; Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahu kami berkata: Sa'd bin Abdullah telah memberitahu aku daripada Ali bin Sulaiman daripada Ali bin Asbat bin Salim daripada bapanya Asbat bin Salim berkata: Abu al-Hasan Musa bin Ja'far berkata: Apabila tiba hari Kiamat, penyeru akan berkata: Di manakah pembantu (*hawariy*) Muhammad bin Abdullah, Rasulullah s.a.w yang tidak membatalkan janjinya? Maka Salman, al-Miqdad dan Abu Dhar pun berdiri.

Musa a.s. berkata: Kemudian ada seruan lagi: Di manakah pembantu Ali bin Abu Talib a.s, wasi Muhammad bin Abdullah, Rasulullah s.a.w ? 'Umru bin al-Humqu al-Khaza'i, Muhammad bin Abu Bakr, Mitham bin Yahya al-Tammar, hamba Bani Asad dan Uwais al-Qurani pun berdiri.

Musa a.s. berkata: Kemudian penyeru berkata: Di manakah pembantu al-Hasan bin Ali putera Fatimah binti Muhammad, Rasulullah s.a.w ? Sufyan bin Abu Laila al-Hamdani dan Huzaifah bin Usyad al-Ghifari pun berdiri.

Musa a.s. berkata: Kemudian penyeru berkata: Di manakah pembantu al-Husain bin Ali? Maka berdirilah setiap mereka yang telah mati syahid bersamanya tanpa tertinggal seorang pun.

Musa a.s. berkata: Kemudian penyeru berkata: Di manakah pembantu Ali bin al-Husain? Maka berdirilah Jubair bin Mut'im, Yahya bin Ummu al-Tawil, Abu Khalid al-Kabili dan Sa'id bin al-Musayyab.

Kemudian penyeru berkata: Di manakah pembantu Muhammad bin Ali dan pembantu Ja'far bin Muhammad? Maka berdirilah Abdullah bin

Syarik al-'Amiri, Zararah bin A'yan, Barid bin Mu'awiyah al-'Ajali, Muhammad bin Muslim al-Thaqafi, Laith bin al-Bukhturi al-Muradi, Abdullah bin AbuYa'fur, Amir bin Abdullah bin Juza'ah, Hajr bin Za'idah dan Hamraan bin A'yan. Kemudian seruan kepada semua syi'ah bersama para imam mereka a.s pada hari Kiamat. Mereka adalah syi'ah pertama yang memasuki Firdaus dan golongan terawal, golongan yang paling akrab dan berpengalaman di kalangan para tabi'in[90].

Hadis Jabir Bin Abdullah dan Penyampaian Salam Rasulullah S.A.W Kepada Abu Ja'far al-Baqir

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu aku daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Isa daripada Basir daripada Hisyam bin Salim berkata: Abu Abdullah a.s telah berkata kepada aku: Bapa aku memiliki satu *manaqib* (kelebihan), tidak seorang pun di kalangan bapa-bapa aku memilikinya kerana bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepada Jabir bin Abdullah: Sesungguhnya anda akan sempat menemui Muhammad; anak lelaki aku. Maka sampaikan salam aku kepadanya. Jabir telah mendatangi Ali bin al-Husain a.s yang sedang mencarinya. Ali bin al-Husain berkata: Anda akan diutus kepadanya (Muhammad al-Baqir a.s.). Anda akan dibawa kepadanya. Beliau a.s. berkata: Pergilah kepadanya. Maka Jabir pun datang menemui Muhammad al-Baqir a.s. Jabir menyampaikan salam Rasulullah s.a.w. kepadanya. Muhammad al-Baqir a.s. mengucup kepala Jabir dan memeluknya lalu berkata: Salam ke atas datuk aku dan ke atas anda wahai Jabir!. Abu Abdullah a.s. berkata: Jabir memohon kepada Muhammad al-Baqir supaya menjamin syafaat untuknya pada hari Kiamat. Muhammad al-Baqir a.s. berkata: Lakukanlah wahai Jabir[91].

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar secara *marfu'* daripada Huraiz daripada Abban bin Taghlab berkata: Abu Abdullah a..s berkata: Sesungguhnya Jabir bin Abdullah adalah sahabat Rasulullah s.a.w yang terakhir. Dia menumpu sepenuh masa kepada kami Ahlu l-Bait a.s. Pada suatu hari Jabir duduk di Masjid Rasulullah s.a.w. Dia memakai serban hitam sambil menyeru: Wahai Baqir! Wahai Baqir! Sehingga penduduk Madinah berkata: Jabir sedang meracau (*yahjuru*). Jabir berkata: Tidak! Demi Allah, aku tidak meracau, tetapi aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya anda akan mendapati seorang lelaki (*Inna-ka satudriku rajulan*) namanya seperti nama aku (*ismu-hu ismi*) sifat-sifatnya seperti

---

90 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.6,al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 726

91 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.28, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 64

sifat-sifat aku dan mempunyai keilmuan yang mantap. Inilah yang membuatkan aku berkata sedemikian.

Abu Abdullah a.s. berkata: Ketika Jabir berjalan ke sana dan ke sini di beberapa jalan di Madinah, maka dia terserempak dengan Muhammad (al-Baqir) bin Ali bin al-Husain a.s. Ketika Jabir melihat kepadanya, maka Jabir berkata: Wahai budak! datang ke sini. Maka Muhammad al-Baqir datang kepadanya. Jabir berkata kepadanya: Pusing ke belakang. Maka Muhammad al-Baqir berpusing ke belakang. Jabir berkata: Inilah sifat-sifat terpuji Rasulullah s.a.w.

Demi diri Jabir di tangan-Nya, wahai budak! Apakah nama anda? Muhammad al-Baqir menjawab: Nama aku ialah Muhammad bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib. Jabir mengucup di kepalanya sambil berkata: Demi bapa aku, anda dan ibu aku: bahawa bapa anda adalah Rasulullah s.a.w telah mengirimkan salam kepada anda. Muhammad bin Ali a.s kembali kepada bapanya Ali bin al-Husain a.s dalam ketakutan. Dia a.s. memberitahu bapanya tentang berita tersebut. Maka Ali a.s. berkata: Wahai puteraku! Tinggal saja di rumah. Jabir datang kepadanya di waktu petang. Penduduk Madinah berkata: Aneh! Jabir telah mendatangi budak ini di waktu petang sedangkan dia adalah sahabat Rasulullah s.a.w yang terakhir.

Tidak lama selepas itu, datanglah Ali bin al-Husain a.s dan Muhammad bin Ali a.s kepadanya dengan hormat kerana dia telah bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. Abu Abdullah a.s. berkata: Maka duduklah Muhammad bin Ali a.s memberitahu mereka tentang Allah. Penduduk Madinah berkata: Kami tidak pernah melihat seorang pun yang lebih berani daripada lelaki ini. Abu Abdullah s.a. berkata: Apabila Muhammad al-Baqir melihat penduduk Madinah sedang bercakap-cakap, maka dia a.s. memberitahu mereka tentang Rasulullah s.a.w. Penduduk Madinah berkata: Kami belum pernah melihat seorang yang paling berdusta daripada lelaki ini kerana dia bercakap tentang mereka yang dia tidak pernah melihatnya. Setelah Muhammad al-Baqir tahu tentang apa yang penduduk Madinah katakan, maka dia a.s. memberitahu mereka tentang Jabir bin Abdullah daripada Rasulullah s.a.w, maka penduduk membenarkannya. Jabir datang kepada Muhammad al-Baqir dan mempelajari ilmu daripadanya[92].

Hadis Rasulullah S.A.W Bersama Para Sahabat Selepas Turun Ayat al-Mawaddah

Ja'far bin al-Husain bin Muhammad bin Abdullah bin Ja'far al-Humairi telah memberitahuku daripada bapanya daripada Harun bin Muslim daripada Abu Hasan al-Laithi daripada Ja'far bin Muhammad

92 *Ibid*

daripada bapa-bapanya sesungguhnya beliau berkata: Ketika turun ayat ini ke atas Rasulullah s.a.w di dalam Surah al-Syura (42):23 " *Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun selain mencintai dalam kekeluargaan (ku)*" Rasulullah s.a.w berdiri dan bersabda: Wahai manusia! Sesungguhnya Allah telah memfardukan untuk aku ke atas kamu satu fardu: adakah kamu akan melaksanakannya?

Ja'far berkata: Tidak seorang pun yang menjawabnya. Maka baginda s.a.w pun kembali. Pada hari keesokannya baginda s.a.w. berdiri di kalangan mereka dan bersabda sedemikian tetapi tidak seorang pun yang menjawab. Apabila sampai hari ketiga, baginda s.a.w. berdiri di kalangan mereka dan berkata: Wahai manusia! Ia bukan emas dan perak, bukan makanan dan minuman. Mereka berkata: Beritahu kami mengenainya. Baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Allah telah menurunkan ke atasku Surah al-Syura (42)23 "*Katakanlah: Aku tidak meminta kepadamu sesuatu upah pun selain mencintai dalam kekeluargaan(ku)*". Mereka berkata: Adapun yang ini ya. Abu Abdullah a.s berkata: Demi Tuhan! Hanya tujuh orang sahaja yang melaksanakannya: Salman, Abu Dhar, Ammar, al-Miqdad, Jabir bin Abdullah, seorang hamba Rasulullah s.a.w yang dikenali sebagai Syabib dan Zaid bin al-Arqam[93].

Khuzaimah bin Thabit Dhu Al-Syahadatain

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada al-Hasan bin Musa al-Khathab daripada Ghias bin Kalub daripada Ishaq bin Ammar daripada Ja'far bin Muhammad a.s bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah membeli seekor kuda daripada seorang lelaki Badwi. Baginda s.a.w. amat menyayanginya. Orang-orang munafik menyimpan perasaan hasad dengki terhadap Rasulullah s.a.w. dan apa yang telah dibelikan oleh Baginda s.a.w.

Lantas mereka berkata kepada orang Badwi itu: Sekiranya anda membawa kuda itu ke pasar, nescaya anda dapat menjualnya dengan harga berlipat kali ganda. Lantaran itu, lelaki Badwi merasa tamak dan berkata: Bolehkah aku menarik balik penjualan daripadanya?. Mereka berkata: Tidak, tetapi ia adalah seorang lelaki yang soleh. Apabila dia datang dengan wang anda, maka katakanlah kepadanya: Aku tidak bermaksud menjual kepada anda dengan harga sebanyak ini. Maka dia akan mengembalikan kuda kepada anda. Ketika Nabi s.a.w datang, Baginda s.a.w. mengeluarkan wang untuk membayar harga kuda

93 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi, 778

kepada lelaki Badwi. Namun lelaki Badwi itu berkata: Aku tidak menjual kuda dengan harga ini.

Nabi s.a.w bersabda: Demi Yang telah mengutus aku dengan kebenaran sesungguhnya anda telah menjualnya kepada aku dengan harga ini. Khuzaimah bin Thabit berdiri dan berkata: Wahai lelaki Badwi! Aku naik saksi bahawa anda telah menjual kuda kepada Rasulullah s.a.w dengan harga ini. Lelaki Badwi berkata: Sesungguhnya aku telah menjualnya, tetapi tiada seorang pun bersama kami ketika itu. Rasulullah s.a.w bersabda kepada Khuzaimah: Bagaimana anda telah naik saksi dengannya (*kaifa syahadta bi-hadha*)? Khuzaimah berkata: Wahai Rasulullah s.a.w ! Demi bapa aku, anda dan ibu aku, anda memberitahu kepada kami tentang Allah dan berita-berita langit, maka kami membenarkan anda dan bagaimana kami tidak membenarkan anda tentang harga ini? Rasulullah s.a.w telah menjadikan penyaksiannya sama dengan penyaksian dua saksi lelaki. Justeru itu, beliau dinamakan *Dhu al-Syahadatain*.

Kemurtadan Orang Ramai Selepas al-Husain Melainkan Tiga Orang

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Isa daripada Yunus daripada Jamil daripada Abu Abdullah a.s berkata: Orang ramai telah menjadi murtad selepas al-Husain melainkan tiga orang (*irtadda al-Nasu ba'da al-Husain illa thalathah*) iaitu: Abu Khalid al-Kabili, Yahya bin Ummi al-Tawil dan Jubir bin Mut'am. Kemudian orang ramai menyertai mereka bertiga (*lahiqu wa katharu*) dan menjadi ramai selepas itu. Yahya bin Ummi al-Tawil memasuki Masjid Rasulullah s.a.w dan berkata: Kami telah mengingkari kamu (*kafarna bi-kum*) dan telah nyata di antara kami dan kamu permusuhan dan kemarahan"[94]

Daripadanya, daripada Muhammad bin Ja'far al-Muaddib berkata: Muhammad bin Abdullah bin Umran telah memberitahu kami daripada Abdullah bin Yazid al-Ghassani secara *marfu'* berkata: Beberapa delegasi Iraq datang berjumpa dengan Mu'awiyah. 'Adi bin Hatim al-Ta'i mewakili penduduk Kufah, al-Ahnaf bin Qais dan Sa'sa'ah bin Susan mewakili penduduk Basrah.

'Umru bin al-'As berkata kepada Mu'awiyah: Mereka adalah lelaki dunia (*rijal al-Dunya*) dan mereka adalah syi'ah Ali yang telah memerangi bersamanya pada hari Jamal dan hari al-Siffin. Hati-hatilah anda terhadap mereka. Maka Mu'awiyah telah memerintahkan setiap orang daripada mereka diadakan majlis rahsia dengan layanan istimewa. apabila rombongan itu berjumpa dengan Mu'awiyah, meka dia berkata: Selamat datang, kamu telah datang di bumi yang disucikan(*ardh al-*

[94] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm 81, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 42

Muqaddasah), bumi para rasul dan para nabi, bumi tempat bangkit dan berkumpul, Sa'sa'ah berkata: Wahai Mu'awiyah! Adapun kata-kata anda "bumi yang disucikan" sesungguhnya bumi tidak menyucikan penduduknya, tetapi yang menyucikan mereka ialah amalan-amalan baik mereka

Adapun kata-kata anda "bumi para nabi dan para rasul" maka orang-orang munafik, syirik, Fir'aun dan orang-orang yang zalim adalah lebih ramai daripada nabi dan para rasul. Adapun kata-kata anda "bumi tempat bangkit dan berkumpul" kerana jauhnya tempat berkumpul tidak akan merosakkan mukmin dan munafik tidak akan mengambil faedah dengan berdekatannya. Mu'awiyah berkata: Jika semua manusia dilahirkan oleh Abu Sufyan, nescaya tidak ada pada mereka melainkan yang cerdik. Sa'sa'ah berkata: Manusia yang telah melahirkan mereka adalah lebih baik daripada Abu Sufyan, maka Adam bapa manusia telah melahirkan si bodoh, munafik, fasiq, tolol dan gila. Mu'awiyah menjadi malu[95].

Al-Asbagh bin Nabatah

Dia adalah anggota Syurtah al-Khamis (tentera elit) dan seorang yang terhormat. Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Ja'far al-Muaddib daripada Ahmad bin Abu Abdullah al-Barqi daripada Abual-Husain Salih bin Abu Hammad daripada Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab daripada Muhammad bin Sinan daripada Abu al-Jarud daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah berkata kepada al-Asbagh: Apakah kedudukan lelaki ini (Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib) pada anda? Al-Asbagh berkata: Aku tidak mengerti apakah yang anda perkatakan selain daripada pedang-pedang kami adalah di atas bahu-bahu kami dan siapa yang memberi isyarat kepadanya, kami memukulnya[96].

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih daripada Ja'far bin Muhammad bin Mas'ud daripada bapanya berkata: Ali bin al-Husain telah memberitahu aku daripada Muruk bin 'Ubaid berkata: Ibrahim bin Abu Milad telah memberitahu aku daripada seorang lelaki daripada al-Asbagh berkata: Aku telah berkata kepadanya: Bagaimana anda menamakan *Syurtah al-Khamis* wahai Asbagh? Asbagh berkata: Kami telah menjamin baginya penyembelihan dan ia telah menjamin pembukaan untuk kami (*inna dhamin-naa la-hu al-Dhabha wa dhamina-lana al-Fath*)[97].

---

95 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, x, 129

96 *Ibid*, viii, 728

97 *Ibid*, ix, 643

Hadis al-Asbagh Bersama Amir al-Mukminin Tentang Pengampunan Dosa Syi'h

Muhammad bin al-Hasan al-Syahhadh daripada Sa'd bin Abdullah daripada Muhammad bin Ahmad daripada Muhammad bin Ismail daripada Ja'far bin al-Haitham al-Hadhrami daripada Ali bin al-Husain al-Fazari daripada Adam al-Tammar al-Hadhrami daripada Sa'd bin Tarif daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah mendatangi Amir al-Mukminin untuk memberi salam kepadanya. Aku mulai menunggunya, maka beliau a.s. telah keluar kepadaku, lalu aku pun berdiri di hadapannya. Aku telah memberi salam kepada Amir al-Mukminin, lantas beliau a.s. memukul tapak tanganku. Kemudian beliau a.s. memasukkan anak-anak jarinya ke dalam anak-anak jariku. Beliau a.s. berkata kepadaku: Wahai Asbagh bin Nabatah!. Aku berkata: *Labbai-ka wa sa'dai-ka*, wahai Amir al-Mukminin.

Maka beliau a.s. berkata: Sesungguhnya wali kami adalah wali Allah, apabila mati wali Allah, maka beliau berada di makam yang tinggi di sisi Allah dan Dia memberinya minuman daripada sungai yang lebih sejuk daripada salji, lebih manis daripada madu dan lebih lembut daripada keju. Asbagh berkata: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku sekalipun ia berdosa (*wa inkana mudhniban*)? Beliau a.s. berkata: Ya, sekalipun ia berdosa, tidakkah anda membaca al-Qur'an Surah al-Furqan (25):70 " *maka kejahatan mereka diganti Allah dengan kebaikan* (*ulaika yubaddilu l-Allahu sayyiaati-him hasanaat*). *Dan adalah Allah Maha Pengampun dan Penyayang*". Wahai Asbagh! Sesungguhnya wali kita jika beliau berjumpa dengan Allah sedangkan dosanya seperti buih laut, atau seperti bilangan pasir, nescaya Allah mengampuninya untuknya insya Allah[98].

Zararah bin A'yan, Abu Basir, Muhammad bin Muslim dan Barid bin Mu'awiyah Penjaga Agama

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ya'qub bin Yazid daripada Muhammad bin Abu Umair daripada Hisyam bin Salim daripada Sulaiman bin khalid al-Aqta' berkata: Aku mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Aku tidak dapati seorang yang telah menghidupkan peringatan mengenai kami (*dhikra-na*) dan hadis-hadis bapaku selain daripada Zararah, Abu Basir al-Muradi, Muhammad bin Muslim dan Barid bin Mu'awiyah. Jika mereka tidak ada, nescaya tidak seorang pun mendapat petunjuk. Merekalah penjaga-penjaga agama, pemegang-pemegang

---

[98] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 727

amanah bapa aku a.s tentang perkara halal Allah dan haram-Nya. Mereka adalah yang terawal kepada kami di dunia dan di akhirat[99].

Daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ibrahim bin Hasyim daripada Ibn Abu 'Umair daripada Ibrahim bin Abd al-Hamid berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Allah merahmati Zararah bin A'yan. Jika tidak ada Zararah, nescaya terhapuslah *Athar al-Nubuwwah* dan hadis-hadis bapaku a.s[100].

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Isa daripada Ismail bin Mihran daripada Abu Jamilah al-Mufadhdhal bin Salih daripada Jabir bin Yazid al-Ja'fi berkata: Abu Ja'far a.s memberitahu aku bahawa tujuh puluh ribu hadis aku tidak memberitahu seorang pun mengenainya dan aku tidak akan memberitahu seorang pun mengenainya selama-lamanya. Jabir berkata: Aku berkata kepada Abu Ja'far a.s: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda. Sesungguhnya anda telah memberi aku penghormatan yang besar kerana anda telah memberitahu aku rahsia anda. Aku tidak akan memberitahu seorang pun mengenainya. Kadangkala ia bergelora di dadaku sehingga membuatkan aku seperti gila. Beliau a.s. berkata: Wahai Jabir! Jika berlaku kepada anda sedemikian, maka keluarlah ke al-Jabban, galilah satu parit dan masukkan kepala anda di dalamnya, kemudian berkatalah: Muhammad bin Ali telah memberitahu aku begini dan begitu[101].

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Barqi daripada Ahmad bin al-Nadh al-Khazaz daripada al-Nu'man bin Basyir berkata: Aku telah menemani Jabir bin Yazid al-Ja'fi bagi mengerjakan haji. Ketika kami keluar ke Madinah, Jabir datang menemui Abu Ja'far al-Baqir a.s. Jabir mengucap selamat tinggal kepadanya. Kami keluar sehingga kami bermalam di al-Ukhirijah[102]. Kami mengerjakan solat pertama dan memulakan perjalanan, tiba-tiba seorang lelaki berbadan tinggi, hitam manis membawa surat daripada Muhammad bin Ali al-Baqir a.s kepada Jabir bin Yazid al-Ja'fi. Jabir telah mengambilnya dan mengucupnya.

Jabir berkata: Bilakah temu janji anda dengan tuanku. Sebelum solat atau selepas solat? Utusan berkata: Selepas solat. Al-Ni'man berkata: Maka Jabir membuka surat itu dengan mukanya yang berseri, tetapi dia tidak ketawa tidak tersenyum dan tidak bercakap sebagaimana sebelumnya sehinggalah kami sampai di Kufah. Jabir memasuki rumah terlambat satu jam. Kemudian Jabir keluar kepada

---

99 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.90

100 *Ibid*

101 Al-Kasyi, *al-Rijal*, 128

102 Nama tempat antara Makkah dan Madinah

kami sambil menggantungkan surat tadi di tengkuknya dan berpusing-pusing di lorong-lorong Kufah sambil berkata: Mansur bin Jamhur ialah Amir yang tidak diperintah". Kata-kata lain juga dikatakan olehnya. Dia telah mengelilingi lorong-lorong di Kufah. Orang ramai berkata: Jabir telah gila. Jabir telah gila.

Selepas tiga hari, Hisyam telah menghantar surat kepada Yusuf bin Uthman supaya dia mendapatkan seorang lelaki dari Ja'fi yang mengenali Jabir bin Yazid untuk dipenggal lehernya dan menghantarkan kepalanya kepada Hisyam. Yusuf bin 'Uthman membaca surat tersebut. Dia berpaling kepada mereka di sekelilingnya dan berkata: Siapakah Jabir bin Yazid? Sesungguhnya surat ini telah dihantar oleh Amir al-Mukminin kepada aku memerintah aku supaya memenggal lehernya dan menghantarkan kepala kepadanya? Mereka berkata: *Aslaha l-Lahu al-Amir*! Lelaki ini adalah pakar bahagian hadis, warak dan zuhud tetapi dia telah menjadi gila, fikirannya telah bercampur-aduk. Dia berada di halaman dan sedang bermain-main dengan kanak-kanak. Yusuf menulis surat kepada Hisyam bin Abd al-Malik: Sesungguhnya anda telah menulis kepada aku tentang lelaki al-Ja'fi. Sesungguhnya dia adalah seorang gila. Hisyam menjawabnya: Tinggalkan dia. Beberapa hari selepas itu, Mansur bin Jamhur datang, lalu dia membunuh Yusuf bin Uthman dan melakukan apa yang telah dilakukannya[103].

Isa bin A'yan

Beliau berkata: Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu aku, berkata: Sa'd bin Abdullah telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Abu 'Umair daripada sebahagian daripada sahabatnya berkata: Isa bin A'yan apabila mengerjakan haji, maka dia akan pergi ke al-Mauqif berdoa kepada saudara-saudaranya sehingga datang orang ramai. Ada orang berkata kepadanya: Anda membelanjakan harta anda, memenatkan badan anda sehingga anda berada di tempat ini memohon hajat kepada Allah s.w.t. Anda berdoa untuk saudara-saudara anda dan meninggalkan berdoa untuk diri anda sendiri? Isa berkata: Aku yakin tentang doa malaikat untukku, tetapi aku syak doa ku untuk diri ku sendiri[104].

Daripadanya daripada Sa'd bin Abdullah daripada Ahmad bin Muhammad daripada Musa bin Talhah daripada Abu Muhammad saudara lelaki Yunus bin Ya'qub daripadanya berkata: Ketika aku berada di Madinah, maka Ja'far bin Muhammad a.s telah menyambut kedatangan aku di sebuah lorong di Madinah. Beliau a.s. berkata: Wahai

---

[103] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 396, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 81
[104] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv, 465

Yunus! Di pintu itu seorang lelaki daripada kami Ahlu l-Bait. Yunus berkata: Aku telah pergi ke pintu tersebut, tiba-tiba Isa bin Abdullah al-Qummi sedang duduk di pintu.

Isa berkata: Aku berkata kepadanya: Siapakah anda? Dia berkata: Aku adalah seorang lelaki daripada ahli Qum. Yunus berkata: Tiba-tiba Abu Abdullah a.s sampai dengan menaiki keldai dan memasuki rumahnya. Beliau a.s. berpaling kepada kami sambil berkata: Kamu berdua masuklah. Kemudian beliau berkata: Wahai Yunus! Aku kira anda mengingkari kata-kata aku kepada anda bahawa Isa bin Abdullah daripada kami Ahlu l-Bait? Yunus berkata: Aku berkata: Ya, demi Tuhan, aku telah menjadikan diri aku tebusan anda kerana Isa bin Abdullah ialah lelaki daripada Qum. Beliau a.s. berkata: Wahai Yunus bin Ya'qub! Isa bin Abdullah ialah daripada kami semasa hidup dan dia ialah daripada kami semasa mati[105].

'Imran bin Abdullah al-Qummi

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Musa bin Talhah daripada sebahagian penduduk Kufah berkata: Aku telah berada di Mina dan bersamanya beberapa khemah untuk lelaki dan wanita. Lalu didirikan di tempat perkhemahan Abu Abdullah a.s. Tiba-tiba Abu Abdullah a.s datang bersama beberapa wanitanya dan berkata: Apakah ini? Musa berkata: Aku telah jadikan diri aku tebusan anda, ini adalah khemah-khemah yang telah didirikan untuk anda oleh 'Imran bin Abdullah al-Qummi. Musa berkata: Maka beliau a.s telah bermalam di dalamnya.

Kemudian beliau a.s. berkata: Wahai Ghulam Imran bin Abdullah? Maka Ghulam Imran pun datang dan berkata: Aku telah jadikan diri aku tebusan anda, ini adalah khemah-khemah yang anda telah memerintah aku membuatkannya untuk anda. Beliau a.s. berkata: Berapakah tingginya? Ghulam Imran berkata kepada Abu Abdullah a.s.: Aku jadikan diri aku tebusan anda, sesungguhnya rangka adalah daripada ciptaan aku dan aku telah membuatkannya untuk anda, aku suka, aku jadikan diri aku tebusan anda, supaya anda menerimanya daripada aku sebagai hadiah, aku telah mengembalikan harta yang anda telah memberinya kepada aku. Musa berkata: Abu Abdullah telah memegang tangan Ghulam Imran sambil berkata: Aku memohon kepada Allah s.w.t supaya berselawat ke atas Muhammad dan keluarganya serta melindungi anda di hari tiada bayang selain daripada bayang-Nya[106].

---

105 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.213

106 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.213, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 205

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih telah memberitahu kami daripada Ja'far bin Muhammad bin Mas'ud daripada bapanya berkata: Ali bin Muhammad telah memberitahu aku daripada al-Husain bin Abdullah daripada Abdullah Ali daripada Ahmad bin Hamzah bin Imran al-Qummi daripada Himad al-Nab berkata: Kami dan jemaah telah berada bersama Abu Abdullah a.s di Mina. Pada masa itu Imran bin Abdullah al-Qummi datang berjumpa dengan Abu Abdulah a.s. Lantas Abu Abdullah a.s bertanya kepadanya dengan ceria. Selepas Imran meninggalkan tempat itu, aku telah bertanya kepada Abu Abdullah a.s: Siapakah lelaki yang anda telah melayaninya dengan baik? Beliau a.s. berkata: Ini adalah daripada Ahlu l-Bait al-Nujaba'. Allah akan membinasakan mana-mana penguasa yang ingin membinasakannya[107].

Daripadanya, dengan sanad ini daripada Ahmad bin Hamzah daripada al-Mirzaban bin Imran daripada Abban bin Uthman berkata: Imran bin Abdullah al-Qummi telah datang berjumpa dengan Abu Abdullah a.s, maka beliau a.s telah mendekatinya dan berkata: Bagaimana keadaan anda, anak lelaki anda, keluarga anda, sepupu-sepupu anda dan keluarga anda? Kemudian dia bercakap dengan Abu Abdullah a.s. seketika. Apabila dia keluar, maka orang bertanya kepada Abu Abdullah a.s: Siapakah lelaki itu? Beliau a.s. menjawab: Seorang yang cerdik (*najib*) daripada kaum yang cerdik. Allah akan membinasakan mana-mana penguasa yang ingin membinasakannya[108].

Muhammad bin Abu Bakr *Rahima-hu l-Lah*

Ibn al-Tayyar berkata: Disebut Muhammad bin Abu Bakr di sisi Abu Abdullah a.s, maka Abu Abdullah a.s berkata: Rahmat Allah ke atasnya, pada suatu hari Muhammad berkata kepada Amir al-Mukminin a.s: Hulurkan tangan anda supaya aku memberi baiah kepada anda. Maka beliau a.s berkata: Anda akan melakukannya? Muhammad menjawab: Ya. Beliau a.s. menghulurkan tangannya. Muhammad berkata: Aku naik saksi bahawa anda adalah imam. Ketaatan kepada anda difardukan dan sesungguhnya bapa aku berada di neraka (*asyhadu anna-ka imam muftaradhun ta'atu-ka wa anna Abufi al-Nar*). Abu Abdullah a.s berkata: Kecerdikannya (*al-Najabah*) adalah di pihak ibunya Asma' binti 'Umais, bukan di pihak bapanya[109].

Ahmad bin Harun al-Fami-*rahima-hu l-Lah*- telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ya'qub bin Yazid daripada Ibn Abu Umair daripada Umair bin Abu Udhinah daripada Zararah bin A'yan daripada Abu Ja'far

---

107 *Ibid*
108 *Ibid*
109 *Ibid*

a.s berkata: Sesungguhnya Muhammad bin Abu Bakr telah memberi baiah kepada Ali di atas pelepasan diri daripada bapanya (*al-bara'ati min abi-hi*)[110].

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih daripada bapanya daripada Sa'd bin Abdullah daripada al-Hasan bin Musa al-Khasysyab dan Muhammad bin Isa bin 'Ubaid daripada Ali bin Asbat daripada Abdullah bin Sinan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Lima orang Quraisy yang telah bersama Amir al-Mukminin a.s. dan tiga belas kabilah bersama Mu'awiyah.

Adapun yang lima, pertama: Muhammad bin Abu Bakr. Kecerdikan (*al-Najabah*) adalah di pihak ibunya Asma' binti 'Umais. Kedua: Hisyam bin AbuWaqqas al-Mirqal. Ketiga: Ja'dah bin Hubairah al-Makhzumi. Amir al-Mukminin a.s adalah bapa saudara Ja'dah di sebelah ibunya. 'Atbah bin Abu Sufyan telah berkata kepada Ja'dah: Sesungguhnya kekuatan di dalam peperangan adalah di pihak bapa saudara anda sebelah ibu anda. Ja'dah berkata: Jika anda mempunyai bapa saudara sebelah ibu anda seperti bapa saudara aku di sebelah ibu nescaya anda telah melupai bapa anda. Keempat: Muhammad bin Abu Huzaifah ibn 'Atabah bin Rabi'ah. Kelima: Ibn Abu al-'As bin Rabi'ah[111].

Ibn Laila dan Syutair

Ja'far bin al-Hasan al-Mu'min dan Ahmad bin Harun al-Fami serta sekumpulan syeikh kami telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ali bin bin Isa daripada Hammad bin Isa daripada al-Husain bin Mukhtar al-Qalanisi daripada al-Harith bin al-Mughirah al-Nadhari berkata: Abu Abdullah a.s telah berkata kepadaku: Apakah yang kamu katakan? Al-Harith berkata: Kami berkata: Semua orang binasa melainkan tiga (*halaka al-Nasu illa thalathad*). Abu Abdullah a.s berkata: Di manakah Laila dan Syutair? Maka aku pun bertanya Hammad bin Isa tentang mereka berdua. Hammad berkata: Mereka berdua adalah hamba berkulit hitam kepunyaan Ali bin Abu Talib a.s[112].

Abdullah bin Abbas bin Abd a l-Muttalib

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhamad bin al-Husain daripada Safwan bin Yahya daripada Dhuraih bin Muhammad al-Muharibi daripada Abu Abdullah a.s daripada Ibn Juraih dan lain-lain daripada

---

110 *Ibid*
111 *Ibid*
112 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 423

Thaqif bahawa Ibn Abbas ketika dia mati, maka dikeluarkan seekor burung berwarna putih di bawah kain kapannya. Mereka melihat burung itu terbang ke langit sehingga hilang daripada pandangan mereka. Abu Abdullah a.s berkata: Bapa aku telah mencintainya dengan kuat sekali. Ketika bapa aku masih kecil maka ibunya memakaika pakaian, lalu dia a.s. telah bermain-main dengan kanak-kanak daripada Bani Abd al-Muttalib. Ibn Abbas telah mendatangi bapaku dan berkata: Siapakah anda? Selepas ia menjadi buta. Maka beliau a.s berkata: Aku adalah Muhammad bin Ali bin al-Husain bin Ali. Ibn Abbas berkata: *Hasbu-ka*, sesiapa yang sebelumnya tidak mengenali anda, maka dia tidak mengenali anda[113].

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ali bin Ismail daripada Hammad bin Isa daripada Ibrahim bin 'Umar al-Yamani daripada al-Fudhail bin Yasar daripada Abu Ja'far a.s berkata: Seorang lelaki telah berjumpa dengan bapa aku a.s. Lelaki itu berkata: Sesungguhnya ada seorang lelaki iaitu Abdullah bin Abbas menyangka dirinya mengetahui setiap ayat yang diturunkan di dalam al-Qur'an, hari ia diturunkan dan kepada siapa ia diturunkan. Maka beliau a.s berkata kepada lelaki itu: Tanyakan kepada Ibn. Abbas: Kepada siapakah diturunkan ayat di dalam Surah al-Isra' (17):72 " *Dan barangsiapa yang buta (hatinya) di dunia ini,nescaya di akhirat nanti ia akan lebih buta dan lebih tersesat dari jalan (yang benar)*.

Dan kepada siapakah diturunkan ayat di dalam Surah Hud (11):34 "*Dan tidaklah bermanfaat kepadamu nasihatku jika aku hendak memberi nasihat kepada kamu*" Dan kepada siapakah diturunkan ayat di dalam Surah Ali Imran (3):200 " *Wahai orang-orang yang beriman bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu dan tetaplah bersiap sedia*"? Lelaki itu datang kepada Ibn Abbas dan mengemukakan tiga soalan tersebut kepadanya. Ibn Abbas memarahinya dan berkata: Aku mahu orang yang telah memerintah anda mengemukakan soalan ini supaya berdepan dengan aku. Dengan itu, aku akan bertanya kepadanya.

Walau bagaimanapun bertanyalah kepadanya: Daripada apakah 'Arasy ? Bilakah ia dijadikan? Dan bagaimanakah ia? Lelaki tadi kembali kepada bapa aku a.s dan memberitahu apa yang dikatakan oleh Ibn Abbas. Beliau a.s berkata: Adakah Ibn Abbas telah memberi jawapan kepada anda tentang ayat-ayat tersebut? Lelaki itu menjawab: Tidak. Beliau a.s. berkata: Aku memberi jawapan kepada anda mengenainya dengan cahaya dan ilmu bukan sebagai dakwaan semata-mata dan bukan pula sebagai penganutnya. Adapun dua ayat yang pertama telah diturunkan kepada bapanya (Abbas). Adapun ayat yang akhir, maka ia telah diturunkan kepada bapa aku dan kepada kami. *Ribat* (ikatan) yang

---

113 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.38, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 643

kami diperintah dengannya belum lagi terlaksana, daripada keturunan kamilah akan wujudnya *al-Murabit* dan daripada keturunannyalah juga akan wujudnya *al-Murabit*.

Adapun apa yang telah ditanyakan oleh beliau tentang 'Arasy, maka sesungguhnya Allah telah menjadikannya empat persegi. Allah s.w.t. tidak menjadikan sebelumnya selain tiga perkara: Udara, *al-Qalam* dan cahaya. Kemudian Allah s.w.t. menjadikannya beberapa cahaya daripada warna-warna yang bermacam-macam. Daripada salah satu cahaya tersebut terpancar cahaya hijau lagi menghijaukan, cahaya kuning telah menjadikan suasana sekitarnya kekuningan, cahaya merah memerahkan suasana di sekitarnya dan cahaya putih merupakan cahaya segala cahaya (*Nur al-Anwar*). Daripada cahaya puih itu terpancarnya cahaya siang. Kemudian Alah s.w.t. menjadikannya tujuh puluh ribu lapisan yang tebal.

Dan setiap lapisan seperti 'Arasy pertama sehingga ke lapisan yang terkebawah. Tidak ada satu lapis pun melainkan bertasbih dengan memuji dan menguduskan-Nya dengan suara yang bermacam-macam dan bahasa yang tidak sama. Jika satu suara daripadanya didengari oleh lapisan di bawahnya nescaya semua bukit, bandar dan benteng akan musnah. Lautan akan ditelan bumi dan binasa semuanya. Ia ('Arasy) mempunyai lapan tiang (*arkan*). Setiap tiang membawa malaikat yang tidak terhitung banyaknya melainkan Allah. Mereka bertasbih siang dan malam tanpa berhenti-henti. Jika satu malaikat merasai sesuatu di atas lapisannya, maka ia tidak dapat berdiri sekalipun sekejap di antaranya dan rasa keperkasaan (*Jabarut*), kemegahan (*kibriya'*), kebesaran, (*al-'azamah*) kekudusan dan rahmat yang tidak terungkap oleh lidah, dituntut oleh setiap yang rakus tanpa menerusi jalan yang sewajarnya.

Adapun di salbi Abbas mempunyai simpanan zuriat (*wadi'ah*). Maka ia telah disediakan untuk neraka Jahanam, kerana keturunannya mengeluarkan orang ramai daripada agama Allah sebagaimana mereka telah memasukinya. Bumi akan dipenuhi dengan darah generasi muda daripada keluarga Muhammad a.s yang meneruskan perjuangan mereka sepenuh masa bagi memperkuatkan ikatan (*yurabitun*) di kalangan mereka yang beriman dengan penuh kesabaran sehingga Allah memberi keputusan dan Allah adalah sebaik-baik hakim.

Bilal bin Rabah

Bilal adalah muazin Rasulullah s.a.w. Selepas Rasulullah s.a.w meninggal dunia, maka Bilal hanya tinggal di rumahnya. Dia tidak menjadi muazin kepada mana-mana Khalifah. Abu Abdullah Ja'far bin Muhammad a.s berkata mengenainya: Semoga Allah memberi rahmat kepada Bilal, kerana dia mencintai Ahlu l-Bait, sebaliknya Allah

melaknati Suhaib (*La'ana l-Lahu Suhaiban*) kerana dia memusuhi kami (*fa-inna-hu kaana yu'aadii-na*). Di dalam riwayat yang lain: Suhaib pernah menangis kerana mencintai 'Umar[114].

[114] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.26

BAHAGIAN KETIGA

Sejarah Qanbar, Mitham bin Yahya, Rusyaid al-Hajari, Zaid bin Sauhan, al-Asytar al-Nakha'i, Sufyan bin Laila, nama-nama para syuhada' Karbala', Surat bin Kulaib, Ibrahim bin Syu'aib dan lain-lain

Qanbar Hamba Amir al-Mukminin

Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahu kami daripada Abdullah bin Ja'far al-Humairi daripada Harun bin Muslim daripada Mas'dah bin Sadaqah daripada Ja'far bin Muhammad daripada bapanya sesungguhnya Ali a.s berkata:

Apabila anda melihat perkara mungkar
Nyalakan api dan panggillah Qanbar[115]

Di dalam riwayat umum: Qanbar telah ditanya: Siapakah anda? Beliau menjawab: Aku adalah hamba kepada orang yang telah memukul dengan dua pedang, telah menikam dengan dua lembing, telah mengerjakan solat ke arah Dua Kiblat, memberi baiah kepada dua baiah, telah berhijrah dua kali dan tidak pernah kafir dengan Allah walaupun sekelip mata.

Aku adalah hamba kepada mukmin yang paling soleh, pewaris para nabi, sebaik-baik wasi, muslim yang lebih besar (kerohaniannya) *Ya'sub* (ketua) mukminin, cahaya mujahidin, ketua kepada penangis-penangis, perhiasan kepada para abid, lampu kepada mereka yang terdahulu, cahaya kepada mereka yang melakukan ibadah, sebaik-baik mereka yang merendah diri, lidah Rasul Tuhan alam semesta, wasi yang pertama daripada keluarga Yasin (Muhammad s.a.w), diperkuatkan dengan Jibrail, dibantu dengan Mikail yang kuat, dipuji oleh semua penghuni langit, pemelihara Haram muslimin.

Pejuang menentang musuhnya yang menentang (*Nasibiin*), pemadam kepada api yang dinyalakan, yang paling "megah" di kalangan

---

[115] al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm. 48, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 629

Quraisy, yang pertama mengendalikan peperangan secara bijak, Amir al-Mukminin dan wasi Nabinya di alam semesta, yang dipercayai oleh seluruh makhluk, khalifah kepada mereka yang diutus kepadanya, penghulu muslimin dan mereka yang terdahulu, memerangi al-Nakithin, al-Qasitin, pemusnah musyrikin, anak panah kepada munafikin, lisan kalimah Allah dan pembantu-Nya di bumi, tempat simpan ilmu-Nya, gua agama-Nya, Imam kepada mereka yang baik diredai di sisi Yang Maha Tinggi dan Perkasa, pemaaf, pemurah, pemalu, ketawa, berjaga malam, disucikan, sempurna di dalam pengalamannya, memiliki pemerintahan, penyabar, berpuasa, penunjuk, maju ke depan, pemecah al-Ahzab, dan penguasanya, berpegang teguh kepada syariah, tabah hati, peribadi yang kuat, cekal, berani, keras, singa, sempurna akalnya, pandai berkhutbah, pandai berdialog, keturunan yang mulia, cekap di dalam memberi keputusan, mulia di dalam kabilah, keturunan yang bersih, cerdas, pelaksana amanah daripada Bani Hasyim, sepupu Nabi s.a.w, Imam penunjuk, penentang kerosakan, pemurah dan wira kepada semua sayyid[116].

Mitham bin Yahya al-Tammar

Mitham berkata: Demi Tuhan! Aku bukan menangis kerana kata-kata Amir al-Mukminin dan bukan kerana perbuatannya kepada aku, tetapi sesungguhnya aku telah menangis kerana perasaan syak yang telah memasuki aku pada hari di mana tuanku Ali bin Abu Talib a.s memberitahuku. Seorang bertanya kepada Mitham: Apakah yang beliau a.s. katakan kepada anda? Mitham berkata: Aku datang ke pintu, tiba-tiba seorang berkata kepada aku: Anda sedang tidur? Kemudian dia berkata: Wahai orang yang sedang tidur! Janggut anda akan dimerahi darah dari kepala anda. Beliau a.s. berkata: Anda benar, demi Allah ia akan memotong kedua-dua tangan dan kaki anda serta lidah anda. Anda juga akan disula. Aku berkata: Siapakah yang akan melakukannya wahai Amir al-Mukminin? Beliau a.s. berkata: Seorang anak lelaki kepada hamba perempuan; penzina bernama 'Ubaidillah bin Ziad. Dialah yang akan melakukannya. Perawi berkata: Mitham menjadi marah.

Di dalam riwayat yang lain Mitham berkata kepada 'Ubaidillah bin Ziad: Akulah al-Sadiq dan hamba al-Sadiq sebaliknya dia (Ibn Ziad) adalah pendusta yang paling jahat. Lalu Ibn Ziad berkata: Aku akan membunuh anda dengan satu pembunuhan yang tidak pernah dilakukan kepada seorang pun dalam Islam. Mitham berkata: Aku berkata: Sesungguhnya tuanku telah memberitahuku bahawa aku akan

[116] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 632

dibunuh oleh seorang anak zina. Ia akan memotong dua tangan aku dan dua kaki aku serta lidah aku. Kemudian ia akan menyula aku.

Ibn Ziad berkata: Apakah al-'Atal al-Zanim aku mendapatinya di dalam al-Qur'an? Mitham berkata: Tuanku telah memberitahuku bahawa ia adalah anak lelaki kepada perempuan penzina. Ibn Ziad berkata: Demi Allah, aku akan membohongi anda dan aku akan membohongi tuan anda. Ibn Ziad berkata kepada pengawalnya: Keluarkan Mitham, potong dua tangannya, dua kakinya dan tinggalkan dua lidahnya sehingga dia mengetahui bahawa dia adalah pembohong kepada tuanya yang juga merupakan pembohong.

Mitham berkata: Maka pengawal Ibn Ziad telah mengeluarkan aku dan melakukan perintahnya. Salih berkata: Aku datang kepada bapa aku yang sedang berlumuran darah. Kemudian dia duduk lalu beliau menyeru kepada orang ramai dengan suaranya yang tinggi: Siapa yang menghendaki hadis yang tersembunyi tentang Ali bin Abu Talib Amir al-Mukminin a.s, maka hendaklah dia mendengar. Orang ramai berkumpul beramai-ramai ramai di hadapannya. Dia (Mitham) mulai memberitahu mereka tentang keajaiban Ali a.s.

Salih berkata: Seorang yang paling celaka telah turut mengikuti situasi perkembangan tersebut. Setelah dia melihat orang ramai menulis di sekeliling Mitham, maka dia terus datang kepada Ibn Ziad dan berkata: Allah memperbaiki Amir. Anda telah meninggalkan perkara yang paling buruk padanya. Ibn Ziad berkata: Apakah itu? Dia menjawab: Lidah Mitham. Sesungguhnya Mitham telah menyebarkan perkara yang ajaib. Ibn Ziad berkata: Bersegeralah kepada Mitham dan potonglah lidahnya.

Salih berkata: Pengawal Ibn Ziad bergegas kepada Mitham dan berkata: Keluarkan lidah anda. Mitham berkata: Tidakkah Ibn Ziad menyangka bahawa dia membohongi aku dan membohongi tuanku akan dibinasakan? Kemudian Mitham mengeluarkan lidahnya, lalu lidahnya itu dipotong.

Salih bin Mitham berkata: Bapa aku dihantar ke pokok kurma, dan disula di atasnya. Ali a.s telah memberitahunya di tempat mana Mitham akan disula. Salih bin Mitham berkata: Bapa aku telah mengambil kayu dan menulis nama di atasnya. Mitham telah meletakannya pada tempat yang telah diberitahu oleh Ali a.s. tanpa pengetahuan tukang kayu. Apabila Mitham dibawa kepada kayu tersebut, maka aku telah melihat paku di bawah tapak kakinya di atasnya tertulis: Allah memberi rahmat ke atas Mitham.

Rusyaid al-Hajari

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin Abu al-Qasim daripada

Muhammad bin Ali al-Sairafi daripada Ali bin Muhammad bin Abdullah al-Khayyat daripada Wahib bin Hafs al-Hariri daripada Abu al-Hasan al-'Ajali bertanyakan Qanwa binti Rusyaid al-Hajari. Al-Anjali berkata: Aku telah bertanya kepada Qanwa: Beritahu aku apakah yang anda telah mendengar daripada bapa anda? Qanwa berkata: Aku telah mendengar bapa aku berkata: Amir al-Mukminin a.s telah memberitahu aku dengan katanya: Wahai Rusyaid! Bagaimana keadaan kesabaran anda apabila seorang anak zina daripada Bani Umayyah diutus kepada anda, lalu dia memotong dua tangan anda, dua kaki anda dan lidah anda? Maka aku berkata: Wahai Amir al-Mukminin akhirnya ke syurga? Beliau a.s. menjawab: Ya, wahai Rusyaid! Anda bersama aku di dunia dan di akhirat. Qanwa berkata: Demi Allah! Hari telah berlalu sehingga diutus kepadanya seorang anak zina bernama 'Ubaidillah bin Ziad. Dia telah menyeru supaya bapaku melepaskan dirinya (*al-Bara'ah*) daripada Amir al-Mukminin a.s, tetapi bapaku enggan melepaskan diri daripadanya.

Maka anak zina itu berkata kepada bapaku: Apakah jenis kematian yang dia telah memberitahu anda bagaimana anda akan mati? Bapaku berkata: Sahabat aku telah memberitahu aku bahawa anda akan menyeruku supaya melepaskan (*al-Bara'ah*) daripadanya tetapi aku tidak akan melepaskan diriku daripadanya. Dengan itu, anda mendatangi ku, memotong dua tanganku, kakiku dan lidahku. 'Ubaidillah berkata: Demi Allah, aku akan membohongi kata-katanya tentang anda. Mereka memotong dua tangan dan dua kaki bapaku. Mereka telah meninggalkan lidahnya. Setelah itu dihimpunkan dua tangan dan kaki yang telah dipotong. Maka aku berkata kepadanya: Wahai bapa ku! Bagaimana anda mendapati kesakitan yang menimpa anda?

Bapaku menjawab: Tidak, wahai anak perempuanku! Ia sepertilah suatu kesesakan di kalangan orang ramai. Kami membawanya keluar dari istana. Orang ramai berkumpul di sekelilingnya. Bapaku berkata: Bawakan kepada ku kertas dan pensel supaya aku imlakkan kepada kamu apa yang akan berlaku sehingga hari Kiamat kerana sebahagian mereka belum mengambilnya daripada aku. Orang ramai membawa kertas dan pensel. Lalu bapaku mengimlakkannya kepada mereka:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Apabila orang yang dilaknati itu pergi, maka bapaku mengimlakkan kepada orang ramai apa yang akan berlaku sehingga hari Kiamat[117]. Kemudian diutus seorang lelaki kepadanya, lalu dia memotong lidah bapaku. Beliau mati pada malam itu juga, Amir al-Mukminin a.s menamakannya Rusyaid al-Balaya, kerana dikurniakan kepadanya ilmu al-Balaya[118] dan al-Manaya[119].

---

[117] Ibn al-Syaikh, *al-Amali*, hlm.103

[118] Ilmu tentang bencana

Apabila bapaku bertemu dengan seseorang, dia akan berkata: Wahai polan! Anda akan mati begitu dan begini, anda akan dibunuh wahai polan dengan pembunuhan begitu dan begini. Peristiwa itu akan berlaku sebagaimana dikatakan oleh Rusyaid. Lantaran itu, Amir al-Mukminin a.s berkata kepadanya: Anda adalah Rusyaid al-Balaya dan anda akan dibunuh dengan pembunuhan ini. Maka ia telah berlaku sebagaimana dikatakan oleh Amir al-Mukminin a.s[120].

Daripadanya daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada 'Uthman bin Isa daripada Abu Jarud berkata: Aku telah mendengar al-Qanwa binti Rusyaid al-Hajari berkata: Bapa aku telah berkata kepadaku: Wahai anak perempuanku! Matikan hadis dengan menyembunyikannya dan jadikan hati sebagai tempat amanah[121].

Di dalam riwayat yang lain daripada al-Qanwa binti Rusyaid berkata: Aku telah berkata kepada bapa aku: Apakah ijtihad anda yang paling penting? Bapaku berkata: Wahai anak perempuanku! Akan datang kaum selepas kita yang mempunyai kecerdikan di dalam agama adalah lebih baik daripada ijtihad kita[122].

Ja'far bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin al-Husain ibn Abu al-Khattab daripada al-Hasan Mahbub daripada Abd al-Karim secara *marfu'* kepada Rusyaid al-Hajari berkata: Ziad Abu 'Ubaidillah mencari Rusyaid al-Hajari. Maka Rusyaid telah menyembunyikan diri. Pada suatu hari Rusyaid datang kepada Abu Arakat yang sedang duduk di pintunya bersama beberapa orang sahabatnya. Rusyaid telah masuk ke rumah Abu Arakat menyebabkan Abu Arakat menjadi takut. Dia memasuki rumahnya dan berkata kepada Rusyaid: Celaka anda! Anda telah membunuh ku, menjadikan anak aku yatim dan anda telah membinasakan mereka? Rusyaid berkata: Apakah itu? Abu Arakat menjawab: Anda sedang diburu. Anda memasuki rumah ku. Orang-orang di sisiku telah melihat anda. Rusyaid menjawab: Tidak seorang pun daripada mereka telah melihat aku.

Abu Arakat berkata: Anda akan menghadapinya. Lalu dia memasukkannya ke dalam rumah dan menutup pintunya. Kemudian Abu Arakat keluar daripada rumah dan berkata kepada para sahabatnya: Aku terkhayal ada seorang lelaki tua baru sahaja memasuki rumah ku. Mereka berkata: Kami tidak melihat sesiapapun. Abu Arakat menyatakan perkara yang sama tetapi sahabatnya tetap berkata: Kami tidak melihat sesiapa pun. Dia terdiam kerana takut orang lain telah

---

119 Ilmu tentang kematian

120 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 633

121 *Ibid*

122 *Ibid*

melihatnya. Abu Arakat telah menghadiri majlis Ziad bagi meninjau maklumat mereka tentang Rusyaid. Jika mereka masih menyebutnya, maka dia akan memberitahu mereka bahawa Rusyaid berada di rumahnya dan akan menyerahkan Rusyaid kepada mereka. Abu Arakat berkata: Dia memberi salam kepada Ziad dan duduk di sisinya. Antara mereka berdua terdapat seorang lelaki bernama Latif.

Abd Karim berkata: Tiba-tiba Rusyaid datang dengan menaiki keldai Abu Arakat menghala ke majlis Ziad. Abd Karim berkata: Ketika Abu Arakat melihat keadaan itu, maka wajahnya berubah dan barang di tangannya terjatuh kerana menyangka akan kebinasaannya. Rusyaid turun dari keldainya menuju kepada Ziad dan memberi salam kepadanya. Ziad berdiri memeluk dan mengucup Rusyaid. Kemudian Ziad mulai bertanya kepada Rusyaid: Bagaimana anda datang? Bagaimana ahli keluarga yang anda tinggalkan? Bagaimana anda di dalam perjalanan? Rusyaid memegang janggutnya, kemudian dia berdiri sekejap dan pergi. Abu Arakat berkata kepada Ziad: *Aslaha l-Lahu al-Amir*! Siapakah orang tua ini? Ziad berkata: Saudara daripada saudara kami daripada penduduk Syam. Dia datang menziarahi kami. Abu Arakat pulang ke rumahnya. Rusyaid ada di rumah sebagaimana beliau telah meninggalkannya, Abu Arakat berkata kepadanya: Jika anda mempunyai keilmuan semacam ini, maka lakukan apa yang anda fikir wajar dan datanglah kepada kami apabila anda mahu[123].

Zaid bin Sauhan

Ja'far bin al-Husain al-Mu'min dan sekumpulan syeikh kami telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Abdullah bin Ja'far al-Humairi daripada bapanya daripada Musa bin Ja'far al-Baghdadi daripada Ali bin Ma'bad daripada Ubaidillah bin Abdullah al-Dahaqan daripada Wasil bin Sulaiman daripada Abdullah bin Sinan daripada Abu Abdullah a.s berkata: Ketika Zaid bin Sauhan berjuang pada Hari Jamal maka Amir al-Mukminin a.s datang kepadanya dan duduk di sisi kepala Ziad bin Sauhan sambil berkata: Semoga Allah memberi rahmat kepada anda wahai Zaid. Anda makan sedikit tetapi pertolongan anda adalah besar.

Beliau a.s. berkata: Zaid mengangkat kepalanya dan berkata: Dan anda, wahai Amir al-Mukminin. Allah akan memberi ganjaran kepada anda. Aku tidak mengetahui anda bagi Allah melaikan sebagai seorang yang alim dan pada Ummi al-Kitab melaikan sebagai seorang yang tinggi dan bijaksana. Sesungguhnya Allah di dalam dada anda adalah besar. Demi Allah! Aku tidak berperang bersama anda di atas kejahilan, tetapi aku telah mendengar Ummu Salamah; isteri Rasulullah s.a.w berkata

123 *Ibid*

bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Siapa yang telah menjadikan aku tuannya, maka Ali juga tuannya. wahai Tuhanku! Berilah penghormatan kepada mereka yang mewalikan Ali. Musuhilah mereka yang bermusuhan dengannya. Tolonglah mereka yang menolongnya. Hinalah mereka yang menghinanya". Demi Tuhan, sesungguhnya Aku benci menghina anda kerana Allah akan menghina aku[124].

Malik bin al-Harith al-Asytar al-Nakha'i

Abu Abdullah al-Husain bin Ahmad al-'Alawi al-Muhammadi, dan Ahmad bin Ali bin al-Husain bin Zanjawaih telah memberitahu kami, mereka berdua berkata: Abu al-Qasim Hamzah bin al-Qasim al-'Alawi telah memberitahu kami berkata: Bakr bin Abdullah ibn Habib telah memberitahu kami daripada Samurah bin Ali daripada Abu Mu'awiyah al-Dharir daripada Mujalid daripada Sya'bi berkata: Abdullah bin Ja'far yang mempunyai dua sayap telah memberitahu kami berkata: Apabila berita pembunuhan Muhammad bin Abu Bakr oleh Mu'awiyah bin Khadij al-Sukuni di Mesir sampai kepada Ali bin Abu Talib a.s, maka beliau a.s. begitu sedih dan berkata: Aku tidak akan membiarkan Mesir begitu saja. Aku mahu jika aku dapati seorang yang sesuai untuknya, aku akan menghantarnya ke sana.

Abdullah berkata: Adakah anda mendapati orang yang sesuai? Beliau a.s berkata: Siapakah orangnya? Aku berkata: Al-Asytar. Beliau a.s. berkata: Panggilkan Malik kepada aku. Maka aku memanggilnya. Maka beliau a.s. menulis perjanjian untuk Malik:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Daripada Ali bin Abu Talib kepada sebahagian muslimin yang memarahi kerana Allah ketika maksiat dilakukan di bumi dan kezaliman berleluasa sama ada di darat atau di laut sehingga tidak ada tempat untuk berehat kerana kemungkaran masih tidak berakhir. *Salam 'alaikum. Amma ba'd,* sesungguhnya aku telah kemukakan kepada kamu seorang hamba daripada hamba-hamba Allah di mana beliau tidak tidur pada hari-hari ketakutan, cekal menghadapi musuh, lebih keras ke atas mereka yang jahat (*al-Fujjar*)dari api yang membakar. Dia adalah Malik bin al-Harith al-Asytar, saudara lelaki Madhhij. Justeru itu, dengarlah kamu kepadanya dan patuhilah dia kerana dia adalah pedang daripada pedang-pedang Allah. Jika dia memerintah kamu supaya menyerang, maka seranglah, jika dia memerintah kami tinggal di satu tempat, maka lakukanlah, jika dia memerintah kamu supaya berbekam, maka lakukanlah kerana dia tidak melakukannya melainkan dengan perintah aku.

Sesungguhnya aku telah mengutamakannya untuk kamu di atas diri aku sendiri supaya menasihati kamu, apatah lagi ketegasannya

[124] Al-Kasyi, *al-Rijal,* hlm.44, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* viii, 432

terhadap musuh kamu. Tuhan kamu akan memelihara kamu dengan hidayat-Nya, dan menjadikan kamu cekal dengan keyakinan. Beliau a.s berkata: Jangan memandang remeh, kerana aku takut bencana ke atas anda akibat dari tindakan Mu'awiyah dan para sahabatnya. Oleh itu, ikutlah jalan yang lebih tinggi di darat sehingga anda keluar ke Ilah, Kemudian anda lalui pantai sehingga anda sampai kepadanya. Apabila sampai di Ilah, maka keluarlah Nafi'. Dia adalah hamba kepada 'Uthman bin 'Affan. Nafi' melayan dan berlembut dengan Malik sehingga mendatangkan kepercayaan Malik kepadanya. Malik bertanya kepadanya: Daripada siapakah anda?

Nafi' berkata: Aku daripada penduduk Madinah. Daripada suku manakah anda? Nafi' menjawab: Aku bekas hamba 'Umar bin al-Khattab. Malik berkata: Kemanakah anda mahu pergi? Nafi' menjawab: Mesir. Malik bertanya: Apakah hajat anda ke sana? Nafi' menjawab: Aku mahu kenyang dengan roti kerana kami tidak kenyang di Madinah. Malik berkata kepadanya: Ikutlah aku. Aku akan memberi kamu roti yang mengenyangkan kamu. Maka Nafi' mengikutinya sehingga sampai di al-Qalzam, iaitu tempat berhampiran Mesir yang jaraknya satu malam. Seorang perempuan dari suku Juhainah kepada Malik dan berkata: Apakah makanan yang paling enak di Iraq supaya aku masakkan untuk anda? Beliau berkata: Dua ekor ikan segar. Dia memasak untuknya. Lalu dia makan. Pada kebiasaannya Malik berpuasa pada hari panas namun dia telah memperbanyakkan minuman air sehingga tidak terasa dahaga dan perutnya menjadi buncit kerana banyak meminum air. Nafi' berkata kepadanya: Sesungguhnya makanan yang anda makan tidak akan dimasukki racunnya selain daripada madu lebah.

Maka Malik meminta supaya madu lebah diambil dari simpanannya tetapi ia tidak ada pada tempatnya. Lantas Nafi' berkata kepadanya: Ia ada di sisiku, bolehkah aku memberinya untuk anda? Malik berkata: Ya, bawalah kepada aku. Kemudian Nafi' memberikan madu yang dicampurkan dengan racun yang sedia ada bersamanya yang memang disediakan untuk Malik. Malik meminumnya kemudian beliau meninggal dunia pada masa itu juga. Nafi' sempat melarikan diri di dalam kegelapan malam. Sebelum mati, Malik memerintah supaya Nafi' dicari. Dia telah dicari tetapi tidak ditemui.

Abdullah bin Ja'far berkata: Mu'awiyah mempunyai pengintipnya di Mesir, yang bernama Mas'ud bin Jurjah. Dia menulis surat kepada Mu'awiyah tentang kematian Malik. Justeru itu, Mu'awiyah memberi khutbah kepada para sahabatnya secara berdiri dan berkata: Sesungguhnya Ali mempunyai dua orang kanannya. Salah seorang telah dibunuh di Siffin iaitu Ammar dan seorang lagi di bunuh pada hari ini. Sesungguhnya Malik al-Asytar telah melalui Ilah di dalam perjalanannya ke Mesir. Nafi' hamba 'Uthman telah bersahabat

dengannya, berkhidmat kepadanya dan berlembut dengannya sehingga dapat menawan hatinya. Dia (al-Asytar) pula merasa senang dengannya. Apabila dia bermalam di al-Qalzam, maka Nafi' membawa kepadanya minuman daripada madu yang dicampurkan dengan racun. Dia telah meminumnya, lalu meninggal dunia. Sesungguhnya bagi Allah bala tenteranya daripada madu[125].

Ahmad bin Ali telah memberitahu kami dengan katanya: Abu al-Qasim Hamzah bin al-Qasim al-'Alawi telah memberitahu kami daripada Bakr bin Abdullah bin Habib daripada Samurah bin Ali berkata: Al-Minwal bin Jubair al-Humairi telah memberitahu kami berkata: 'Awanah telah memberitahu kami berkata: Setelah sampai berita kematian Malik al-Asytar kepada Ali bin Abu Talib a.s, maka beliau a.s. terus menaiki mimbar memberi khutbah kepada orang ramai dan berkata: Sesungguhnya Malik bin al-Harith telah meninggal dunia, menunaikan janjinya dan berjumpa dengan Tuhannya. Semoga Allah memberi rahmat kepada Malik. Jika ia sebuah bukit, nescaya ia kuat, jika ia sebuah batu, nescaya ia pejal[126]. Bagi Allah penghargaan kepada Malik. Apakah Malik? Adakah kaum wanita dapat melahirkan seorang seperti Malik? Masih wujudkah orang seperti Malik?

'Awanah berkata: Setelah beliau a.s selesai memberi khutbah, beliau memasuki kediamannya. Beberapa orang Quraisy menyambutnya dan berkata: Sebanyak mana anda berdukacita ke atas kematian Malik ? Beliau a.s. berkata: Demi Allah! Kematiannya telah memuliakan penduduk Maghrib dan menghina penduduk Masyrik.

'Awanah berkata: Amir al-Mukminin Ali a.s telah menangis dan berdukacita ke atas Malik selama beberapa hari. Beliau a.s berkata: Aku tidak akan dapati orang sepertinya selepas ini buat selama-lamanya (*La ara mithla-hu ba'da-hu abadan*).

Ahmad bin Harun al-Fami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad ibn Isa daripada Abu Abdullah Muhammad bin Khalid al-Barqi daripada Ahmad bin al-Nadhar al-Khazzaz daripada 'Umru bin Syamr daripada Jabir al-Ja'fi daripada Abu Ja'far a.s berkata: Tiga orang daripada tabi'in yang berperang bersama Ali bin Abu Talib telah mati syahid di Siffin dan dijamin syurga oleh Rasulullah s.a.w tanpa melihat mereka. Mereka itu adalah Uwais al-Qarani, Zaid bin Sauhan al-'Abdi dan Jundub al-Khair al-Azadi, *rahmatu l-Lahi 'laihim*[127]..

Sufyan bin Laila al-Hamdani

---

[125] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 657-8

[126] *Ibid*

[127] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 522

Ja'far bin al-Husain al-Mu'min dan sebahagian daripada syeikh kami telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ali bin al-Nu'man daripada Abdullah bin Maskan daripada Abu Hamzah al-Thumali daripada Abu Ja'far a.s berkata: Seorang lelaki daripada sahabat Abu al-Hasan a.s datang kepadanya. Dia dikenali dengan nama Sufyan bin Laila. Dalam perjalanan ke rumahnya, dia berjumpa dengan al-Hasan a.s. Pada ketika itu beliau a.s. sedang berselimut di halaman rumahnya. Sufyan bin Laila berkata kepadanya: *As-Salamu 'alai-ka ya mudhilla l-Muslimin* (Wahai orang menghina muslimin)!Maka Abu al-Hasan a.s. berkata kepadanya: Turun dahulu, janganlah anda gopoh.

Lantas Sufyan turun dan mengikat binatang tunggangannya di rumah al-Hasan a.s. Kemudian dia berjalan kepadanya. Al-Hasan a.s berkata:.Apakah yang anda telah katakan? Sufyan berkata: Aku berkata: Wahai orang yang menghina muslimin. Beliau a.s berkata: Apakah anda tahu mengenainya? Sufyan berkata: Anda telah berpegang kepada urusan umat tetapi anda telah menyelesaikannya dari tengkuk anda dan anda telah menyerahkannya kepada orang yang zalim ini membuat keputusan tanpa menurut hukum Allah. Abu Ja'far a.s. berkata: Al-Hasan a.s berkata: Aku akan memberitahu anda kenapa aku telah berbuat demikian. Aku telah mendengar bapa aku berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Tidak akan berlalu malam dan siang sehingga umat ini diperintah oleh seorang lelaki yang mempunyai saluran makanan yang besar dan luas dadanya. Dia makan tetapi tidak merasa kenyang iaitu Mu'awiyah. Justeru itu, aku telah melakukan sedemikain. Sufyan berkata: Kecintaan kepada anda? Beliau a.s. berkata: Allah. Beliau a.s. berkata: Allah.

Al-Hasan a.s berkata: Demi Allah! Seorang hamba tidak mencintai kami selama-lamanya sekalipun ia menjadi orang tawanan di Dailam melainkan Allah memberi pahala kepadanya kerana mencintai kami. Sesungguhnya cinta kepada kami dapat menjatuhkan dosa-dosa daripada manusia sebagaimana angin dapat menjatuhkan daun dari pokok (*kama yusaqitu r-Rihu al-Waraq min al-Syajari*)[128]

Nama-Nama Para Syuhada' Bersama al- Husain bin Ali A.S di Karbala',

Al-Abbas bin Ali bin Abu Talib iaitu pembawa air yang telah dibunuh oleh Hakam bin Tufail, ibu kepada al-Abbas dikenali dengan nama Umm al-Banin binti Hizam bin Khalid bin Rabi'ah bin al-Wahid bin 'Amir, Ja'far bin Ali, Abdullah bin Ali bin Abu Talib a.s, ibu mereka berdua adalah Umm al-Banin, Muhammad bin Ali dan ibunya sebagai

[128] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, x, 105

Umm al-Walad, Abu Bakr bin Ali, ibunya Laila binti Mas'ud, Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib, ibunya Laila binti Abu Murrah bin 'Urwah bin Mas'ud, Abdullah bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib, ibunya al-Ribab binti Amru al-Qais bin 'Adi, 'Aun bin Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib, Muhammad bin Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib, Abdullah bin Muslim bin Aqil bin Abu Talib, Muhammad bin Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib, Muhammad bin Abu Sa'id bin Aqil bin Abu Talib, Abdullah bin Yaqtur; saudara sesusu al-Husain bin Ali bin Abu Talib, Sulaiman hamba al-Husain, Munjih hamba al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s.

Kesemua mereka yang telah mati syahid bersama Abu Abdullah al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s di Karbala, adalah daripada anak-anak Ali, Ja'far, Aqil dan anak-anak al-Husain serta hamba-hamba mereka.

Nama-Nama Hamba Ali bin al-Husain dan Abu Ja'far A.S

Muhammad bin Ja'far al-Muaddib telah meriwayatkan bahawa sesungguhnya Abu Ishaq namanya adalah 'Umru bin Abdullah al-Sabi'. Beliau telah mengerjakan solat malam selama empat puluh tahun dengan wuduk *'Atamah*. Beliau berkhatam al-Qur'an pada setiap malam, tidak ada seorang pun pada zamannya yang lebih kuat beribadat selain daripadanya. Tidak ada seorang pun yang lebih *thiqah* di dalam hadis di sisi khas dan am selain daripadanya. Beliau adalah di kalangan mereka yang dipercayai oleh Ali bin al-Husain a.s. Beliau dilahirkan pada malam Amir al-Mukminin a.s dibunuh dan mati ketika berusia sembilan puluh tahun. Beliau berasal dari Hamadan. Namanya 'Umru bin Abdullah bin Ali bin Dhi Humair bin al-Sabi' bin Yablu' al-Hamdani, ia dinisbahkan kepada al-Sabi' kerana tinggal di rumahnya[129].

Ziad bin al-Mundhir al-A'ma iaitu Abu al-Jarud, Ziad bin AbuRaja' iaitu Abu Ubaidah al-Hiza', Ziyad bin Sauqah, Ziad hamba Abu Ja'far a.s, Ziad bin Abu Ziad al-Munqari, Ziad al-Ahlam daripada sahabat Abu Ja'far a.s. di kalangan para sahabatnya adalah Abu Basir Laith bin al-Bukhturi al-Muradi, Abu Basir Yahya Ibn Abu al-Qasim, Makfuf hamba Bani Asad. Nama Abu al-Qasim adalah Ishaq dan Abu Basir dipanggil Abu Muhammad.

Surat bin Kulaib al-Asadi

Daripada al-Husain bin Sa'id berkata: Ahmad bin Muhammad telah memberitahu aku daripada Muhammad bin Ali daripada Ali bin Muhammad daripada Sundal daripada Surat bin Kulaib berkata: Abu Abdullah a.s telah berkata kepada aku: Wahai Surat! Bagaimana anda mengerjakan haji pada tahun ini?

---

129 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 33

Aku menjawab: Aku telah meminta hutang bagi haji aku. Demi Allah! Sesungguhnya aku mengetahui bahawa Allah akan melaksanakannya untuk aku, haji ku tidak menjadi lebih besar selepas keampunan selain cinta kepada anda dan kepada hadis anda. Beliau a.s berkata: Adapun haji anda, maka Allah telah melaksanakannya dari sisi ku, kemudian beliau a.s. mengangkat musalanya, lalu beliau a.s. mengeluarkan dua puluh dinar. Beliau a.s berkata: Inilah haji anda sebanyak dua puluh dinar. Beliau a.s. seterusnya berkata: Inilah bantuan untuk anda semasa hidup anda sampai anda mati. Surat berkata: Aku telah menjadikan diri aku sebagai tebusan anda, beritahu kepada aku tentang ajal aku adakah ia telah hampir? Beliau a.s. berkata: Wahai Surat! Tidakkah anda meredai bahawa anda akan berada bersama kami dan saudara-saudara anda polan dan polan? Surat berkata: Ya. Sundal berkata: Sembilan bulan selepas itu beliau mati[130].

Ibrahim bin Syu'aib

Abu al-Abbas Ahmad bin Muhammad bin al-Qasim al-Kufi al-Muharibi berkata: Ali bin Muhammad bin Ya'qub al-Kufi telah memberitahu aku dengan katanya: Ali bin al-Hasan bin Ali al-Fadhdhal telah memberitahu kepada aku daripada Ali bin Asbat daripada Ibrahim bin Abu al-Bilad-atau Abdullah bin Jundub berkata: Aku telah berada di al-Mauqif. Ketika aku melakukan *Ifadhah*, aku berjumpa dengan Ibrahim bin Syu'aib, lalu aku memberi salam kepadanya. Salah satu matanya dijangkiti kemerahan seolah-olah seketul darah.

Aku berkata kepadanya: Anda telah ditimpa kesakitan pada salah satu mata anda. Aku bersimpati dengan anda. Anda sepatutnya mengurangkan tangisan anda. Ibrahim berkata: Tidak, wahai Abu Muhammad! Pada hari ini aku tidak berdoa untuk diri aku sendiri. Abdullah bertanya: Kepada siapakah anda telah berdoa? Ibrahim berkata: Aku telah berdoa untuk saudara-saudara aku kerana aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesiapa yang berdoa untuk saudaranya yang tidak ada di hadapannya maka Allah akan mewakilkan kepadanya malaikat yang akan berkata: Dan untuk anda seumpamanya. Lantaran itu, aku mahu berdoa untuk saudara-saudaraku sementara malaikat berdoa untuk aku kerana aku di dalam keadaan syak tentang doa aku untuk diri aku dan aku tidak syak tentang doa malaikat untuk aku[131].

Abdullah bin al-Mughirah al-Khazaz al-Kufi

---

[130] *Ibid*, 98

[131] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv, 465,al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 284

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kepada aku daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, berkata: Abdullah bin al-Mughirah berkata: Aku adalah seorang yang berpegang kepada fahaman al-Waqifi. Aku telah mengerjakan haji di dalam keadaan tersebut, apabila aku sampai di Makkah, satu perkara telah membuatkan aku gelisah. Maka aku pun bergantung di al-Multazam. Kemudian aku berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengetahui tuntutanku dan kemahuanku. Maka tunjuklah kepada aku sebaik-baik agama (*Khair al-Adyan*).

Maka terlintas di hatiku untuk menemui al-Ridha a.s. Maka aku pun datang ke Madinah, lantas aku berdiri di pintunya dan aku berkata kepada hamba lelakinya: Katakan kepada tuan anda: Seorang lelaki daripada Iraq di pintu. Maka aku mendengar seruannya: Masuklah Abdullah bin al-Mughirah. Aku pun masuk. Setelah beliau a.s. melihat kepada ku beliau a.s. berkata: Sesungguhnya Allah telah menyahuti doa anda dan telah menunjukkan anda kepada agama anda. Aku berkata: Aku naik saksi bahawa sesungguhnya anda adalah hujah Allah di bumi dan pemegang amanah-Nya di atas makhluk-Nya[132].

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami dengan katanya: Dibawa kepada Muhammad bin Musa bin al-Mutawakkil sekeping kertas daripada Abu al-Hasan al-Asadi berkata: Sahal bin Ziad al-Adami telah memberitahu aku bahawa ketika Abdullah bin al-Mughirah mengarang kitabnya, beliau telah berjanji kepada para sahabatnya bahawa beliau akan membacanya kepada mereka di salah satu sudut Masjid. Abdullah mempunyai seorang saudara yang berlainan pemikiran dengannya (*mukhalif*). Ketika beliau hadir untuk memperdengarkan kitabnya maka saudaranya juga datang dan terus duduk.

Sahal berkata: Abdullah berkata kepada orang ramai: Pulanglah hari ini. Saudaranya berkata: Kemanakah mereka pergi? Sesungguhnya aku datang kerana mereka datang.

Saudaranya berkata: Kenapa mereka telah datang? Abdullah menjawab: Wahai saudaraku! Aku melihat sebagaimana orang yang tidur melihat malaikat sedang turun dari langit. Sahal bertanya: Kenapakah mereka (Malaikat) turun? Seseorang daripada hadirin menjawab: Mereka turun kerana ingin mendengar kitab yang dibacakan Abdullah bin al-Mughirah. Saudaranya berkata: Aku juga datang kerana kitab ini. Sekarang aku bertaubat kepada Allah. Sahal berkata: Abdullah bin al-Mughirah telah mentafsirkan sedemikian[133].

Sa'd bin Abd al-Malik al-Amawi

---

132 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.365, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xii, 12

133 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 285

Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Kufi al-Khazzaz telah memberitahu aku dengan katanya: Ahmad bin Muhammad bin Sa'id al-Kufi telah memberitahu aku daripada Ibn Fadhdhal daripada Ismail bin Mihran daripada Abu Masruq al-Nah di daripada Malik bin 'Atiyyah daripada Abu Hamzah berkata: Sa'd bin Abd al-Malik datang berjumpa dengan Abu Ja'far a.s dalam keadaan menangis sebagaimana menangisnya perempuan. Abu Ja'far a.s menamakannya Sa'd al-Khair. Beliau adalah daripada anak Abd al-Aziz bin Marwan.

Sa'd berkata: Abu Ja'far berkata kepadanya: Apakah yang membuatkan anda menangis wahai Sa'd? Dia menjawab: Bagaimana aku tidak menangis. Aku adalah daripada pokok yang dilaknat di dalam al-Qur'an. Maka beliau a.s berkata kepadanya: Anda bukanlah daripada mereka. Anda adalah *amawiyyun* daripada kami Ahlu l-Bait[134]. Tidakkah anda telah mendengar firman Allah s.w.t yang menceritakan tentang Ibrahim di dalam Surah Ibrahim (14):36 *"Maka barangsiapa yang mengikuti ku, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan ku"*.

Ismail bin Abd al-Rahman al-Ja'fi

Abu Ghalib Ahmad bin Muhammad al-Zarari berkata: Muhammad bin Sa'id al-Kufi telah memberitahu aku, berkata: Muhammad ibn Fadhl bin Ibrahim telah memberitahu aku daripada bapanya daripada al-Nu'man bin 'Umru al-Ja'fi berkata: Muhammad bin Ismail bin Abd al-Rahman al-Ja'fi berkata: Aku dan bapa saudaraku sebelah bapa bernama al-Hasin bin Abd al-Rahman telah datang kepada Abu Abdullah a.s. Maka beliau a.s. pun berkata: Anak lelaki siapakah bersama anda ini?

Dia menjawab: Anak lelaki saudara ku Ismail. Maka beliau a.s berkata: Semoga Allah memberi rahmat kepada Ismail kerana telah melebihi amalan jahatnya. Bagaimana kamu meninggalkannya? Beliau berkata: Dengan sebaik-baik apa yang telah dikurniakan Allah kepada kami kerana mencintai kamu. Kemudian beliau a.s berkata: Wahai Hasin! Janganlah kamu mengecil-ngecilkan kecintaan kepada kami, kerana ia adalah daripada peninggalan yang baik (*al-Baqiyat al-Salihat*). Beliau berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah! Aku bukanlah mengecil-ngecilkannya, tetapi aku memuji Allah di atas dasar kecintaan kepada Ahlu l-Bait a.s[135].

Abu Ahmad Muhammad bin Abu 'Umair

---

[134] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 97
[135] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 206

Beliau berkata: Muhammad bin al-Muhsia al-Sajjad telah memberitahu kami dengan katanya: Ali bin Ibrahim bin Hasyim telah memberitahu kami daripada bapanya berkata: Ibn Abu 'Umair telah ditahan selama tujuh belas tahun. Maka wangnya sudah tidak ada lagi. Beliau juga telah memberi pinjaman kepada seorang lelaki sebanyak sepuluh ribu dirham.

Beliau berkata: Lelaki itu telah menjual rumahnya dan membayar hutangnya kepada Ibn Abu Umair. Sehubungan dengan itu, Ibn Umair bertanya kepada lelaki itu: Di manakah anda mendapati harta ini; adakah anda telah menemui barang simpanan atau anda telah mewarisinya daripada seseorang? Anda mesti memberitahu aku.

Lelaki itu berkata: Aku telah menjual rumah aku dan berkata: Dhuraih al-Muharibi telah memberitahu aku daripada Abu Abdullah a.s berkata: Seorang lelaki tidak boleh keluar dari tempat lahirnya sedangkan dia berhutang. Aku memerlukan wang tetapi ia bukanlah milik aku[136].

Nama Abu 'Umair adalah Ziad hamba kepada al-Azadi, orang yang paling dipercayai di kalangan syi'ah dan umum, paling warak, paling banyak beribadat pada zamannya. Beliau sempat bertemu Musa bin Ja'far a.s, tetapi tidak meriwayatkan sesuatu daripadanya. Namun demikian dia telah meriwayatkan hadis daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s[137].

Zakaria dan Abu Jarir Zakaria al-Qummiyyain.

Ahmad bin Muhammad telah memberitahu kami daripada bapanya dan Sa'd bin Abdullah daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Hamzah bin al-Yas' daripada Zakaria bin Adam berkata: Aku datang menemui al-Ridha a.s pada awal malam di Hadathan. Pada masa itu Abu Jarir telah mati. Beliau a.s. bertanya kepada aku mengenai Abu Jarir dan bersimpati ke atasnya. Beliau a.s sentiasa bercakap dengan aku dan aku bercakap dengannya sehingga naik fajar. Kemudian beliau a.s. berdiri dan mengerjakan solat Subuh[138].

Daripadanya daripada bapanya dan Sa'd daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Hamzah daripada Zakaria bin Adam berkata: Aku berkata kepada al-Ridha a.s: Sesungguhnya aku ingin keluar daripada keluarga aku kerana ramai mereka yang bodoh.

---

136 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xii, 82
137 *Ibid*
138 *Ibid*

Beliau a.s berkata: Jangan anda melakukannya kerana penduduk Qum mempertahankan mereka kerana anda sebagaimana dipertahankan penduduk Baghdad kerana Abu al-Hasan a.s[139].

Daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ahmad bin al-Walid daripada Ali bin al-Musayyab berkata: Aku berkata kepada al-Ridha a.s: Rumah aku sangat jauh. Aku tidak boleh datang kepada anda pada setiap masa. Justeru itu, daripada siapakah aku akan mengambil ajaran agama aku? Beliau a.s berkata: Daripada Zakaria bin Adam al-Qummi bersifat amanah terhadap agama dan dunia. Ibn al-Musayyab berkata: Apabila aku pulang, aku datang kepada Zakaria dan aku telah bertanya beliau apa yang aku perlu kepadanya[140].

Ahmad bin Muhammad bin Isa al-Qummi berkata: Abu Ja'far a.s telah mengutus hamba lelakinya kepada aku bersamanya surat. Beliau a.s. memerintahkan aku supaya datang kepadanya. Aku datang ke Madinah untuk berjumpa dengannya. Abu Ja'far a.s tinggal di Dar Khan Bazi'. Aku masuk dan memberi salam kepadanya. Beliau a.s. telah menyebut Safwan, Muhammad bin Sinan kepada aku dan nama orang lain. Aku telah berkata kepada diri aku: Aku akan meminta kasihan belasnya ke atas Zakaria bin Adam dengan harapan beliau a.s menerima apa yang dikatakannya tentang Zakaria. Kemudian aku menarik balik niatku dan berkata kepada diri ku: Siapakah aku untuk membentangkan perkara ini atau seumpamanya kepada tuanku sedangkan beliau a.s. lebih mengetahui apa yang dilakukannya.

Beliau a.s berkata kepada aku: Wahai Abu Ali! Ia bukan seperti Abu Yahya ingin cepat. Dia pernah berkhidmat kepada bapa aku (Al-Baqir a.s.) dan mempunyai kedudukan di sisinya dan di sisiku selepasnya. Bukanlah aku perlu kepada harta (*al-Mal*) yang ada di sisinya. Muhammad berkata: Aku telah menjadikan diri aku sebagi tebusan anda bahawa Zakaria akan menghantar wang kepada anda. Dia berpesan dengan katanya: Jika aku sampai kepada Abu Ja'far a.s. maka beritahukan kepadanya bahawa apa yang telah menghalang aku dari menghantar harta itu ialah perselisihan Maimun dan Musafir. Beliau a.s berkata: Bawalah surat aku kepadanya dan perintahkannya menghantar harta kepada aku. Maka aku telah membawa surat itu kepada Zakaria bin Adam, lantas dia mengirim harta tersebut kepada Abu Ja 'far a.s.[141].

Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih telah memberitahu kami daripada al-Hasan bin al-Bannan daripada Muhammad bin Isa daripada bapanya daripada Ali bin Mahziar daripada sebahagian orang-orang Qum daripada Muhammad bin Ishaq dan al-Hasan bin Muhammad, mereka berdua berkata: Kami telah keluar selepas kematian Zakaria bin

---

[139] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.366

[140] *Ibid*

[141] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.367, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xii, 82

Adam untuk mengerjakan haji. Maka kami terjumpa surat (Abu Ja'far) a.s di sebahagian jalan. Dan apa yang berlaku adalah daripada Qadha' Allah tentang seorang lelaki yang mati dengan rahmat Allah pada hari beliau dilahirkan, hari beliau dimatikan dan hari beliau akan dibangkitkan.

Zakaria hidup sebagai orang yang arif dengan kebenaran, bersabar, dan berkira untuk kebenaran, melaksanakan apa yang dicintai oleh Allah dan Rasul-Nya. Beliau mati tanpa belot dan berubah. Allah akan memberi pahala di atas niatnya dan kerjanya. Aku telah menyebut lelaki yang telah diwasiatkan kepadanya tetapi aku tidak menemuinya. Kami mempunyai maklumat mengenainya lebih banyak daripada apa yang kami sebutkan. Iaitu al-Hasan bin Muhammad bin 'Imran[142].

Al-Mirzaban bin Imran al-Qummi al-Asy'ari

Ahmad bin Muhammad telah memberitahu kami daripada bapanya daripada Ahmad bin Idris daripada Ahmad bin Muhammad bin Yahya daripada Ahmad bin Muhammad ibn Isa daripada al-Hasan bin Ali daripada al-Mirzaban bin Imran al-Qummi al-Asy'ari berkata: Aku berkata kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s: Aku sedang bertanya anda tentang perkara yang paling penting kepada aku: Adakah aku daripada syi'ah anda? Beliau a.s berkata: Ya. Al-Mirzaban berkata: Aku bertanya kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s: Adakah nama aku tertulis di sisi anda? Beliau berkata: Ya[143].

Safwan bin Yahya

Muhammad bin Ja'far al-Muaddib telah menyebutkan bahawa Safwan bin Yahya dipanggil Abu Muhammad adalah hamba kepada Bajilah, Bayya' al-Sabiri, orang yang paling dipercayai dan warak pada zamannya di sisi ulama Hadis. Safwan mengerjakan solat sebanyak seratus lima puluh rakaat sehari. Beliau berpuasa selama tiga bulan setahun, mengeluarkan zakat hartanya sebanyak tiga kali setahun. Dia dan Abdullah bin Jundub serta Ali bin Uthman telah membuat perjanjian di Baitu l-Lah al-Haram bahawa jika seorang daripada mereka mati, maka yang hidup akan mengerjakan solatnya, puasanya, hajinya dan zakatnya selama ia masih hidup. Dua sahabatnya itu telah mati dan tinggallah Safwan selepas mereka berdua. Maka Safwan melaksanakan apa yang dia janjikan kepada mereka berdua. Sebahagian jirannya daripada penduduk Kufah di Makkah berkata kepadanya:

---

142 *Ibid*

143 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xii , 80-81

Wahai Abu Muhammad! Bawalah untuk aku ke rumah dua dinar? Dia berkata kepada mereka: Unta aku sedang mengambil upah sehingga aku menyuruh unta aku melakukannya[144].

Ali bin 'Ubaidillah bin Ali bin al-Husain A.S

Ahmad bin Muhammad telah memberitahu aku daripada bapanya daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ali bin al-Hakam daripada Sulaiman bin Ja'far berkata: Ali bin 'Ubaidillah bin al-Husain bin Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s telah berkata kepada aku: Aku ingin berjumpa dengan Abu al-Hasan al-Ridha a.s bagi memberi salam kepadanya.

Sulaiman berkata: Apakah yang telah menghalang anda dari melakukannya? Ali berkata: Kemuliaan dan kehibatannya. Sulaiman berkata: Abu al-Hasan a.s. telah menghidap penyakit yang ringan. Orang ramai menziarahinya termasuk diriku. Aku terserempak dengan Ali bin 'Ubaidillah lalu aku berkata: Apa yang anda kehendaki itu tepat pada masanya. Abu al-Hasan a.s. sedang sakit ringan. Orang ramai menziarahinya. Jika anda mahu berjumpa dengannya, maka inilah harinya.

Sulaiman berkata: Ali bin Abdullah telah menziarahi Abu al-Hasan a.s. Beliau a.s telah menyambutnya dengan penuh kemuliaan. Ali bin Abaidullah begitu gembira dengan sambutan tersebut. Apabila Ali bin Ubaidillah pula jatuh sakit maka Abu al-Hasan a.s menziarahinya pula. Pada ketika itu aku telah berada bersama Ali. Dia duduk bersama Abu al-Hasan a.s sehingga tetamu yang berada di dalam rumahnya keluar[145].

Al-Hasan bin Mahbub daripada Ali bin Hamzah berkata: Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s berkata kepada aku tanpa aku memulakannya: Besok seorang lelaki bernama Ya'qub dari Maghrib akan berjumpa dengan anda. Dia akan bertanya anda tentang aku. Maka katakan kepadanya: Beliau a.s. adalah imam yang telah diberitahu kepada kami oleh Abu Abdullah a.s. apabila lelaki itu bertanya anda tentang halal dan haram, maka beritahulah kepadanya tentang aku.

Ali bin Hamzah berkata: Aku telah menjadikan diri aku sebagai tebusan anda. Apakah tanda (bentuk fizikalnya)nya? Beliau a.s berkata: Tubuhnya panjang. Jika dia datang, janganlah anda menunjukkannya kepada aku tetapi jika beliau mahu anda menunjukkannya kepada aku, maka lakukanlah.

Ali bin Hamzah berkata: Demi Allah! Ketika aku mengerjakan tawaf, tiba-tiba seorang lelaki panjang tubuhnya datang kepada aku, dan berkata kepada aku: Aku mahu bertanya anda tentang sahabat anda?

---

144 *Ibid*

145 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.365

Aku berkata: Sahabat yang mana? Lelaki itu berkata: Tentang polan dan polan. Ali bin Hamzah berkata: Apakah nama anda? Lelaki itu berkata: Ya'qub. Ali berkata: Dari manakah anda? Dia berkata: Daripada penduduk Maghrib. Ali berkata: Dari manakah anda telah mengenali aku? Dia berkata: Seorang lelaki datang kepada aku di dalam mimpiku, maka beliau berkata kepada aku: Berjumpalah dengan Ali bin Hamzah dan bertanyalah kepadanya apa yang anda perlu kepadanya. Maka akupun telah bertanya tentang anda dan ditunjukkan kepada aku.

Ali berkata kepadanya: Duduklah di tempat ini sehingga aku menamatkan tawaf aku dan aku akan datang kepada anda insya' Allah. Aku mengerjakan tawaf, kemudian aku datang kepadanya. Sesungguhnya aku telah bercakap dengan seorang lelaki yang cerdik. Kemudian dia telah meminta aku supaya aku membawanya kepada Abu al-Hasan a.s. Ali memegang tangan lelaki itu dan membawa masuk berjumpa dengan Abu al-Hasan a.s.

Ketika beliau a.s melihatnya, beliau a.s. berkata: Wahai Ya'qub! Dia menjawab: *Labbai-ka.* Beliau a.s berkata: Anda telah datang kelmarin dan telah berlaku di antara anda dan saudara lelaki anda perkara yang tidak baik (*syarrun*) pada suatu tempat. Setelah itu berlaku caci-mencaci antara kamu berdua; ini bukan daripada agama aku dan ini bukan daripada agama bapa-bapa aku. Tiada seorang pun yang memerintah supaya ia dilakukannya. Kamu berdua bertakwalah kepada Allah sahaja tiada sekutu bagi-Nya.

Kamu berdua akan berpisah dengan kematian. Adapun saudara lelaki anda akan mati di dalam perjalanannya sebelum sampai kepada keluarganya. Anda akan menyesal di atas apa yang telah berlaku. Anda telah memutuskan pertalian kerabat. Maka umur kamu berdua dipendekkan. Lelaki tersebut bertanya: Bilakah ajal aku? Beliau a.s. berkata: Ajal anda akan sampai sehingga ibu saudara sebelah bapa anda sampai ke tempatnya. Allah telah memendekkan ajal anda selama dua puluh tahun. Ali berkata: Lelaki itu (Ya'qub) telah diberitahu bahawa saudara lelakinya mati sebelum sempat sampai di rumahnya. Dia disemadikan di perjalanan[146].

Soalan Abu Hanifah kepada Musa bin Ja'far dan jawapannya

Beliau berkata: Pada suatu hari Abu Hanifah bertanya kepada Musa bin Ja'far a.s: Beritahu aku apakah perkara yang lebih dicintai oleh bapa anda gambus atau gitar? Beliau a.s menjawab: Gambus. Beliau a.s. ditanya lagi tentang perkara tersebut. Beliau a.s. menjawab: Beliau (Ja'far) sukakan gambus dan membenci gitar[147].

---

146 Al-Majlisi,. *Bihar al-Anwar,* xi, 241

147 *Ibid,* xi, 286

Siapa Yang Ada Hajat Kepada Allah dan Ingin Melihat Imam A.S

Abu al-Faraj, daripada Abu Sa'id Sahl bin Ziad daripada seorang lelaki daripada Abdullah bin Jabalah daripada Abu al-Maghra' mendengar Musa bin Ja'far a.s berkata: Sesiapa yang ada hajat kepada Allah mahu melihat kami dan mahu mengetahui tempatnya daripada Allah, maka hendaklah ia mandi tiga malam bermunajat dengan kami. Maka sesungguhnya dia akan melihat kami di dalam tidurnya. Allah akan mengampuninya melalui kami dan tempatnya akan didedahkan kepadanya.

Sayyidi! Aku berkata: Jika seorang lelaki telah melihat anda di dalam tidurnya sedangkan beliau meminum arak? Beliau a.s berkata: *Nabidh* (arak) bukanlah merosakkan agamanya, sesungguhnya apa yang merosakkan agamanya adalah kerana beliau telah meninggalkan kami Ahlu l-Bait a.s, dan sesungguhnya orang yang paling celaka di kalangan kamu adalah orang yang membohongi kami pada batin dan membenarkan kami pada zahir. Kami adalah anak-anak Nabi Allah, anak-anak Rasulullah s.a.w, anak-anak Amir al-Mukminin a.s dan kekasih Tuhan semesta alam.

Kami adalah anak kunci Kitab, maka dengan kamilah para ulama bercakap, jika tidak, mereka menjadi bisu. Kamilah yang telah mengangkat mercu ketinggian dan kamilah yang telah memperkenalkan kiblat, kamilah *Hajr al-Bait* (batu Baitu l-Lah). Dengan kamilah Adam diampunkan (*bina ghufira li-Adam*). Dengan kamilah Ayyub diuji. Dengan kamilah Ya'qub diuji kehilangan anak-anaknya. Dengan kamilah Yusuf ditahan. Dengan kamilah ditolak bala, dengan kamilah bersinarnya matahari. Kami tertulis di 'Arasy Tuhan kami: Muhammad adalah sebaik para nabi. Ali adalah penghulu segala wasi, Fatimah adalah penghulu puteri syurga[148]. Aku adalah penamat para wasi. Aku adalah penjaga al-Bab (pintu). Aku adalah sahabat al-Siffin, aku adalah pendendam daripada penduduk Basrah, aku adalah sahabat Karbala', siapa yang telah mencintai kami dan melepaskan diri daripada musuh kami, maka dia adalah bersama kami, daripada mereka yang dapat berteduh di bayangan yang panjang dan meminum air yang banyak. Hadis ini sangat panjang. Pada akhir riwayatnya dinyatakan: Sesungguhnya Allah telah menyatukan di antara para nabi dan para wasi pada keilmuan dan ketaatan. Dalam hadis riwayat yang lain menyebutkan: Sesungguhnya Dia telah menjadikan kami dua ribu tahun sebelum makhluk lain. Kami telah bertasbih, maka para malaikat ikut bertasbih dengan tasbih kami.

Hadis Abu al-Hasan al-Hadi A.S Bersama Saudaranya Musa bin Muhammad bin Ali bin Musa

---

[148] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 336

Ia adalah hadis yang panjang diriwayatkan oleh Muhammad bin Isa bin 'Ubaid al-Baghdadi daripada Musa bin Muhammad daripada Ali bin Musa yang telah bertanya kepada Musa bin Muhammad di Baghdad di Dar al-Fatan Musa berkata: Yahya bin Aktham telah menulis kepada aku bertanya aku tentang dua belas masalah. Maka aku pun berjumpa dengan saudara ku (Ali al-Hadi a.s.) dan berkata kepadanya: Aku jadikan diri aku tebusan anda, sesungguhnya Yahya bin Aktham telah menulis kepada ku bertanyakan kepada ku beberapa masalah supaya aku memberi fatwa mengenainya. Maka saudaraku itu ketawa.

Kemudian dia berkata: Adakah anda telah memberi fatwa kepada Yahya? Musa menjawab: Tidak. Saudaranya berkata: Kenapa? Musa menjawab: Aku tidak mengetahuinya. Dia berkata: Apakah ia? Musa berkata: Yahya telah menulis kepada ku sebagaimana berikut:

Pertama: Beritahu aku tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Naml (27):40 *"Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu di dalam al-Kitab: Aku akan membawa singgahsana itu sebelum matamu berkelip"*. Adakah seorang nabi Allah perlu kepada ilmu Asif?

Kedua: Beritahu aku tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah Yusuf (12):100 *"Dan ia menaikkan kedua ibu bapanya ke atas singgahsana dan mereka merebahkan diri seraya sujud kepadanya"* Adakah Ya'qub dan anak-anaknya telah sujud kepada Yusuf sedangkan mereka adalah para nabi?

Ketiga: Beritahu aku tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah Yunus (10) :94 *"Maka jika kamu (Muhammad) berada di dalam keraguan tentang apa yang kami turunkan kepadamu, maka bertanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab sebelum kamu"*. Siapakah orang yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut? Sekiranya orang yang dimaksudkan itu adalah Rasulullah s.a.w, tidakkah beliau telah mengesyaki apa yang telah diturunkan kepadanya? Dan sekiranya orang yang dimaksudkan itu bukan Rasulullah s.a.w, maka ke atas orang lainkah ayat itu diturunkan?

Keempat: Beritahu aku tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah Luqman (31) : 27 *"Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sesudah (kering)nya, nescaya tidak habis-habisnya kalimat Allah"*. Apakah laut-laut ini? Dan di manakah ia?

Kelima: Beritahu aku tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Zukhruf (43) :71 *" Di dalam syurga itu terdapat apa yang diingini oleh hati dan sedap dipandang mata dan kamu kekal di dalamnya "*. Nafsu Adam telah inginkan biji gandum, justeru itu beliau telah memakan dan merasainya, tetapi bagaimana beliau dan isterinya diberi balasan tentangnya sedangkan ia termasuk di dalam apa yang diingini oleh hati?

Keenam: Beritahu aku tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Syura (42) :50 *"atau Dia menganugerahkan kedua-dua jenis lelaki dan perempuan"*. Adakah Allah telah menganugerahkan kepada hamba-

hamba-Nya dengan lelaki sedangkan Allah memberi balasan kepada kaum yang telah melakukannya?

Ketujuh: Beritahu aku tentang keharusan penyaksian seorang perempuan sedangkan Allah berfirman di dalam Surah al-Talaq(65):2 "*Dan saksikanlah dengan dua lelaki yang adil daripada kamu*".

Kelapan: Beritahu aku tentang papak (*al-Khuntha*) dan kata-kata Ali mengenainya "Papak diwarisi dari kencingnya" Siapakah yang akan melihat kepada papak apabila dia kencing? Penyaksian jiran terhadap dirinya tidak boleh diterima. Kemungkinan seorang papak itu adalah seorang lelaki sedangkan perempuan melihat kepadanya. Ini adalah perkara yang tidak dihalalkannya. Maka bagaimana ini pula?

Kesembilan: Beritahu aku tentang seorang lelaki yang telah datang kepada sekumpulan kambing, maka dia terlihat seorang penternak melakukan hubungan seks ke atas seekor kambing betina. Apabila pemilik terlihat kepada kejadian itu, maka penternak itu melepaskan kambing itu pergi ke mana-mana bersama-sama kambing-kambing tersebut. Penternak tadi tidak dapat mengenali kambing betina tersebut dan pemiliknya juga tidak mengenali yang mana satu patut disembelihnya?

Kesepuluh: Beritahu aku tentang kata-kata Ali kepada Ibn Jurmuz: "Berilah berita gembira kepada pembunuh Ibn Safiyyah dengan api" Kenapakah beliau a.s. tidak membunuhnya sedangkan beliau a.s. adalah seorang Imam. Sesiapa yang telah meninggalkan satu daripada hudud Allah s.w.t, maka dia telah menjadi kafir melainkan dengan sebab?

Kesebelas: Beritahu aku kenapakah Ahli Siffin dibunuh sama ada yang berhadapan atau yang lari. Sebaliknya di dalam peperangan Jamal mereka yang terluka, mereka yang memasuki mana-mana rumah dan mereka yang telah mencampakkan pedang mereka tidak dibunuh. Mereka juga telah diberi keamanan malah tidak diperintah supaya dilakukan sedemikian. Kenapakah beliau a.s telah melakukan sedemikain? Jika yang pertama betul maka yang kedua adalah salah?

Kedua belas: Beritahu aku tentang solat subuh, kenapa dinyaringkan bacaannya sedang ia daripada solat siang. Sesungguhnya bacaan nyaring adalah di dalam solat malam?

Maka Ali al-Hadi a.s berkata: Tuliskan. aku berkata: Apakah aku akan tulis? Beliau berkata: Tuliskan:

- *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim.* Anda telah diilhamkan Allah kecerdikan dan surat anda telah sampai kepada aku. Anda telah menguji kami dengannya, ditambah kedegilan anda untuk mencari jalan bagi mengkritik kami. Walau bagaimanapun Allah akan memberi balasan di atas niat anda dan kami telah menerangkan beberapa masalah yang anda kemukakan kepada kami. Maka tumpulah

pendengaran anda kepadanya dan rendahkan fahaman anda untuknya serta tumpukan hati anda sepenuhnya kepadanya. Sesungguhnya aku telah melengkapkan hujah aku wassalam.

Pertama: Anda telah bertanya tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Naml (27):40 "*Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu di dalam al-Kitab: Aku akan membawa singgahsana itu sebelum matamu berkelip*". Jawapannya: Dia adalah Asif bin Barkhia. Dalam hal ini, Sulaiman tidak lemah untuk mengetahui apa yang diketahui oleh Asif, tetapi beliau mahu memperkenalkan kepada umatnya yang terdiri daripada Jin. Sulaiman a.s. juga mahu manusia tahu bahawa Asif adalah hujah selepasnya. Apa yang berlaku itu adalah di dalam keilmuan Sulaiman dan beliau telah memberinya kepada Asif dengan perintah Allah. Maka Allah telah memahamkannya tentang perkara tersebut supaya *imamah*nya tidak dipertikaikan oleh umat sebagaimana Dia telah memahamkan Sulaiman kepada umatnya pada masa hidup Daud bagi membentangkan imamahnya dan kenabiannya selepas Daud bagi menguatkan hujah ke atas makhluk.

Kedua: Mengenai sujud Ya'qub dan anak-anaknya kepada Yusuf. Jawapannya: Sujud bukanlah untuk Yusuf sebagaimana sujud malaikat kepada Adam yang bukan untuk Adam, malah sujud mereka adalah kerana taat kepada Allah dan menghormati Adam. Lantaran itu, Ya'qub dan anak-anaknya telah melakukan sujud kerana bersyukur kepada Allah kerana terkumpulnya keluarga mereka. Tidakkah beliau telah berkata di dalam kesyukurannya pada masa itu di dalam Surah Yusuf (12):101"*Ya Tuhanku, sesungguhnya Engkau telah menganugerahkan kepadaku sebahagian kerajaan dan telah mengajarkan kepadaku sebahagian takbir mimpi*"

Ketiga: Adapun firman Allah s.w.t di dalam Surah Yunus (10) :94 "*Maka jika kamu (Muhammad) berada di dalam keraguan tentang apa yang kami turunkan kepada mu,maka bertanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab sebelum kamu*". Jawapannya: Orang yang dimaksudkan di dalam ayat tersebut adalah Rasulullah s.a.w. tetapi baginda s.a.w. tidak syak apa yang diturunkan kepadanya. Namun mereka yang jahil berkata: Kenapakah Allah tidak mengutus seorang nabi daripada malaikat atau bagaimana Dia tidak membezakan di antaranya dan makhluk-Nya tanpa makan, minum dan berjalan-jalan ke pasar-pasar? Maka Allah telah mewahyukan kepada Nabi-Nya s.a.w "*maka bertanyalah kepada orang-orang yang membaca kitab sebelum kamu*" sebagai renungan secara langsung kepada orang-orang jahil. Allah tidak mengutus seorang rasul sebelummu melainkan mereka juga makan dan minum, serta berjalan-jalan di pasar-pasar. Anda menjadi ikutan kepada mereka.

Sesungguhnya Dia berfirman: "*jika kamu berada di dalam keraguan*" bukan untuk pembahagian kepada syak dan tidak syak sebagaimana

firman-Nya di dalam Surah Ali Imran(3):61 *"Katakanlah (kepadanya)" Marilah kita memanggil anak-anak kami dan anak-anak kamu wanita-wanita kami dan wanita-wanita kamu, diri kami dan diri kamu, kemudian marilah kita bermubahalah kepada Allah dan kita minta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang dusta"* . Jika beliau berkata: Marilah kita bermubahalah dan kami jadikan laknat Allah di atas kamu, maka ianya tidak akan berlaku *mubahalah*. Sesungguhnya Allah telah mengetahui bahawa Nabi-Nya adalah pelaksana risalah-Nya dan baginda s.a.w. bukanlah daripada golongan pendusta. Demikian juga Nabi s.a.w telah mengetahui bahawa beliau adalah benar apa yang beliau katakan, tetapi beliau mahu menyedarkan mereka dengan dirinya.

Keempat: Mengenai firman firman Allah s.w.t di dalam Surah Luqman (31) : 27 *" Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sesudah (kering)nya, nescaya tidak habis-habisnya kalimat Allah"*. Jawapannya: Demikianlah jika pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sehingga bumi memancarkan mata air, maka tenggelamlah Ashab Taufan, nescaya laut-laut menjadi kering sebelum keringnya kalimat Allah s.w.t.

Iaitu mata air al-Kabrit, mata air al-Yaman, mata air Barhut, mata air al-Tabariyyah, Hammatu Masbadha dipanggil al-Maniyyat, Hammatu Ifriqiyyah dipanggil Baslan, mata air Bahruan dan Bahrun Bahrun; Kamilah *kalimaat* yang tidak dapat dicapai dan dihitung kelebihan kami (*Nahnu al-Kalimaat al-Lati la tudraku Fadha'ilu-na wa la Tustaqsa*).

Kelima: Mengenai syurga yang mengandungi makanan, minuman, tempat bermain dan pakaian yang diingini oleh hati dan dipandang sedap oleh mata, Jawapannya: Allah telah mengharuskan semuanya untuk Adam. Pohon yang dilarang oleh Allah kepada Adam dan isterinya ialah pohon hasad (*Syajarat al-Hasad*). Dia telah berjanji kepada mereka berdua supaya tidak melihat kepada makhluk-Nya dengan mata hasad tetapi Adam telah terlupa, lalu melihat kepada mereka dengan mata hasad tanpa azam yang mencukupi.

Keenam: Mengenai firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Syura (42) :50 *"atau Dia menganugerahkan kedua-dua jenis lelaki dan perempuan "*, Jawapannya: Allah s.w.t akan menganugerahkan kepada lelaki yang taat ialah perempuan bidadari. Jauh sekali Allah maksudkannya seperti yang terdapat di dalam fikiran anda bagi melakukan dosa. Firman-Nya di dalam Surah al-Furqan(25): 68-9 *"Barangsiapa yang melakukan sedemikian itu, nescaya dia mendapat pembalasan dosanya, akan dilipatgandakan azab untuknya pada Hari Kiamat dan dia akan kekal di dalam azab itu dalam keadaan terhina"*, sekiranya dia tidak bertaubat.

Ketujuh: Mengenai harusnya penyaksian seorang perempuan sahaja sedangkan Allah berfirman di dalam Surah al-Talaq(65):2 *"Dan*

saksikanlah dengan dua lelaki yang adil daripada kamu", jawapannya: Ianya harus (*jaiz*) dengan persetujuan. Jika ia tidak disertai persetujuan, maka ia tidak boleh kurang daripada dua orang bagi menyamai seorang lelaki dalam keadaan darurat. Kerana lelaki juga tidak boleh mengambil tempat perempuan. Jika hanya penyaksian seorang perempuan sahaja, maka penyaksiannya diterima bersama sumpahnya (*yamini-ha*).

Kelapan: Tentang papak (*al-Khuntha*) dan kata-kata Ali mengenainya "Papak diwarisi dari kencingnya", jawapannya: Iaitu sebagaimana kata Ali a.s. Kaum yang adil akan melihat kepadanya. Setiap orang daripada mereka akan mengambil cermin dan seorang papak berdiri di belakang mereka dalam keadaan bertelanjang. Kemudian mereka melihatnya di dalam cermin. Mereka akan melihat bayang atau sesuatu yang menyerupainya. Justeru itu, mereka boleh membuat keputusan ke atasnya.

Kesembilan: Adapun seorang lelaki yang telah melihat seorang penternak melakukan hubungan seks ke atas seekor kambing betina. Jawapannya: Jika beliau mengenali kambing itu, maka hendaklah beliau menyembelihnya serta membakarkannya. Jika tidak mengenalinya, maka hendaklah bahagikan kumpulan kambing itu kepada dua bahagian. Jika pengundian itu terjatuh ke atas salah satu bahagian. Maka yang lain itu terselamat. Kemudian hendaklah dipisahkan bahagian yang terkena undian dengan undian yang lain. Bahagian yang lain terselamat. Begitulah seterusnya sehingga tinggal dua ekor kambing betina. Kemudian dibuat undian (*Yuqra'*) ke atas salah satu daripada dua ekor kambing betina tersebut. Kambing betina yang terkena undian perlu disembelih dan dibakar. Dengan ini kambing-kambing betina yang lain terselamat.

Kesepuluh: Tentang kata-kata Ali kepada Ibn Jurmuz: "Berilah berita gembira kepada pembunuh Ibn Safiyyah dengan api". Jawapannya: Ini adalah sabda Rasulullah s.a.w sendiri, bukan hanya kata-kata Ali a.s . Ibn Jurmuz adalah di kalangan mereka yang telah terlibat di dalam peperangan di Nahrawan tetapi Amir al-Mukminin a.s tidak membunuhnya di Basrah, kerana beliau a.s. telah mengetahui bahawa Ibn Jurmuz akan dibunuh di Nahrawan.

Kesebelas: Mengenai soalan anda: kenapakah Ahli Siffin dibunuh sama ada yang berhadapan atau yang lari, sementara di dalam peperangan Jamal mereka yang terluka, mereka yang memasuki mana-mana rumah dan mereka yang telah mencampakkan pedang mereka tidak dibunuh tetapi diberi keamanan, malah tidak diperintah supaya dilakukan sedemikian.
Jawapannya: Kerana Ahli Jamal adalah ketua mereka telah dibunuh. Justeru itu, mereka tidak mempunyai puak untuk dirujukkan. Semua orang telah kembali ke rumah-rumah mereka, tanpa semangat ingin berperang, meninggalkan pengintipan dan tidak menunjukkan

penentangan, malah mereka telah meredai penentangan terhadap mereka dihentikan. Lantaran itu, hukumnya adalah hukum menyerah kalah.

Mengenai Ahli Siffin, mereka telah merujuk kepada puak yang sentiasa bersedia dan ketua mereka yang menyediakan kepada mereka berbagai senjata seperti baju besi, lembing dan pedang. Ketua mereka juga menyediakan pemberian dan gaji tertentu, mereka yang terluka dilarikan dan dirawat, kemudian mereka kembali memerangi Ali a.s dan tenteranya. Justeru itu, dua puak; Ahli Jamal dan Ahli Siffin adalah tidak sama di dalam hukum. Jika tidak ada Ali a.s dan hukumannya ke atas Ahli Siffin dan Ahli Jamal nescaya hukuman ke atas penderhaka-penderhaka di kalangan Ahli Tauhid tidak diketahui, tetapi beliau a.s telah menerangkan kesemuanya kepada mereka. Lantaran itu, siapa yang menentangnya, maka pedang dibentangkan ke atasnya atau ia bertaubat daripada perbuatannya.

Kedua belas: Mengenai solat subuh dan kenyaringan bacaan di dalamnya. Jawapannya: Adalah kerana Nabi s.a.w telah mengerjakannya pada akhir kegelapan malam. Lantaran itu, bacaan padanya dikira bacaan pada solat malam. Sesungguhnya aku telah memberitahu anda ke semua soalan anda. Ketahuilah bahawa Allah akan sentiasa menjaga anda dan segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam[149].

Hadis Hisyam bin al-Hakam dan Pembuktian Kelebihan Ali .A.S

Ahmad bin al-Hasan berkata: Abd al-'Azim bin Abdullah telah memberitahu kami berkata: Harun al-Rasyid telah berkata kepada Ja'far bin Yahya al-Barmaki: Sesungguhnya aku ingin mendengar percakapan para mutakallimin tanpa pengetahuan mereka tentang kehadiran aku. Mereka boleh berhujah tentang apa yang mereka mahu. Ja'far telah memerintah para mutakallimin. Lalu mereka menghadiri majlis di rumahnya. Harun berada di dalam majlis tersebut, mendengar percakapan mereka di balik tabir. Para mutakallimin dan pengerusi majlis serta ahlinya berkumpul menunggu Hisyam bin al-Hakam yang belum datang. Kemudian Hisyam pun datang memakai baju sampai ke lutut dan seluar panjang ke separuh betis. Beliau memberi salam kepada semua secara umum tanpa sesuatu yang khusus kepada Ja'far.

Seorang lelaki daripada mereka berkata: Kenapa anda mengutamakan Ali ke atas Abu Bakr sedangkan Allah berfirman dalam Surah al-Taubat (9):40 *"Sedang dia salah seorang dari dua orang ketika keduanya berada di dalam gua di waktu dia berkata kepada temannya:Janganlah kamu berdukacita (la tahzan) kerana Allah berserta*

---

[149] Al-Hasan bin Ali bin Syu'bah al-Harrani, *Tuhaf al-'Uqul,* 476

kita"? Hisyam berkata: Beritahu aku tentang dukacitanya Abu Bakr (*huznu-hu*) pada waktu itu, adakah Abu Bakr telah meredai Allah atau pun tidak? Lelaki yang bertanya tadi terdiam.

Hisyam berkata: Jika anda menyangka bahawa Abu Bakr telah meredai Allah di waktu itu, kenapakah Rasulullah s.a.w telah melarangnya. Baginda s.a.w. berkata kepada Abu Bakr: "*Janganlah kamu berdukacita* (*la tahzan*)". Dalam hal ini, adakah baginda a.s telah melarang Abu Bakr dari mentaati Allah dan meredai-Nya? Jika anda menyangka bahawa Abu Bakr tidak meredai Allah, kenapa anda bermegah dengan sesuatu yang Allah tidak meredainya? Sesungguhnya anda telah mengetahui apa yang telah difirmankan Allah s.w.t ketika Dia berfirman dalam Surah al-Fath(48) : 26 "*Lalu Allah menurunkan ketenangan* (*sakinata-hu*) *kepada rasul-Nya dan kepada orang-orang mukmin*".

Kamu dan kami serta umum telah berkata: Syurga telah merindu kepada empat orang: Ali bin Abu Talib a.s, al-Miqdad bin al-Aswad, Ammar bin Yasir dan Abu Dhar al-Ghifari. Aku berpendapat sahabat kami (Ali a.s) telah termasuk berserta mereka itu di dalam kelebihan (*fadhilah*) sedangkan sahabat kamu (Abu Bakr) tidak termasuk di dalam hadis tersebut. Justeru itu kami telah melebihkan sahabat kami ke atas sahabat kamu dalam kelebihan ini.

Kamu dan kami serta umum telah berkata: Mereka yang cekal di dalam Islam adalah empat orang: Ali bin Abu Talib a.s, al-Zubair bin al-'Awwam, Abu Dujanah al-Ansari dan Salman al-Farisi. Aku berpendapat sahabat kami telah termasuk berserta mereka itu di dalam kelebihan ini sedangkan sahabat anda tidak termasuk. Justeru itu kami melebihkan sahabat kami ke atas sahabat kamu dengan kelebihan ini.

Kamu dan kami serta umum telah berkata: Para pembaca (al-*Qurra'*) adalah empat orang: Ali bin Abu Talib, Abdullah bin Mas'ud, Ubai bin Ka'ab dan Zaid bin Thabit. Aku berpendapat sahabat kami telah termasuk berserta mereka itu di dalam kelebihan ini sedangkan sahabat anda tidak termasuk di dalamnya. Justeru itu kami melebihkan sahabat kami ke atas sahabat kamu di dalam kelebihan ini.

Kamu dan kami serta umum telah berkata: Sesungguhnya mereka yang disucikan daripada langit adalah empat orang: Ali bin Abu Talib a.s, Fatimah, al-Hasan dan al-Husain a.s. Aku berpendapat sahabat kami telah termasuk di dalam kelebihan ini sedangkan sahabat kamu tidak termasuk di dalamnya. Justeru itu, kami melebihkan sahabat kami ke atas sahabat kamu dengan kelebihan ini.

Kamu dan kami serta umum telah berkata: Sesungguhnya mereka yang baik adalah empat orang: Ali bin Abu Talib a.s, Fatimah, al-Hasan dan al-Husain a.s. Aku berpendapat sahabat kami telah termasuk berserta mereka di dalam kelebihan ini sedangkan sahabat kamu tidak

termasuk di dalamnya. Justeru itu, kami melebihkan sahabat kami ke atas sahabat kamu di dalam kelebihan ini.

Kamu dan kami serta umum telah berkata: Sesungguhnya para syuhada' adalah empat orang: Ali bin Abu Talib, Ja'far, Hamzah bin Abu Talib dan Ubaidah bin al-Harith bin Abd al-Muttalib. Aku berpendapat sahabat kami telah termasuk berserta mereka di dalam kelebihan ini sedangkan sahabat kamu tidak termasuk di dalamnya. Justeru itu, kami melebihkan sahabat kami ke atas sahabat kamu di dalam kelebihan ini.

Abd al-'Azim berkata: Harun telah menggerakkan tabir. Ja'far memerintah orang ramai supaya keluar, lantas mereka keluar di dalam keadaan ketakutan. Harun telah keluar daripada majlis seraya berkata: Siapakah lelaki ini, demi Tuhan! Aku telah berniat membunuhnya dan membakarnya dengan api[150].

Al-Makmun Meminta Nasihat Ali al-Ridha A.S

Beliau berkata: Al-Makmun telah menulis surat kepada al-Ridha a.s berkata: Berilah nasihat kepada aku, maka beliau a.s telah menulis kepadanya seperti berikut:

Sesungguhnya anda di dunia mempunyai masa
Diterima padanya amalan pelakunya
Tidakkah anda melihat kematian di sekelilingnya
Dirampas daripadanya harapan mereka yang mengharap
Mempercepatkan dosa dengan apa yang anda ingini
Anda mengharap taubat diterima
Kematian mendatangi ahlinya secara mengejut
Apakah amalan seorang yang cekal dan berakal?[151]

Hadis Perkahwinan Anak Perempuan al-Makmun Dengan Abu Ja'far A.S

Ali bin Ibrahim bin Hasyim secara *marfu'* berkata: Al-Makmun mahu menikahkan Abu Ja'far Muhammad bin Ali bin Musa a.s akan anak perempuannya Umm al-Fadhl, Ahli keluarganya yang terdekat berkumpul di sekeliling al-Makmun dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Kami menyeru anda dengan nama Allah supaya anda mengeluarkan perintah yang kami telah memilikinya dan mencabut daripada kami kemuliaan yang kami telah memakaikannya. Sesungguhnya anda telah mengetahui perkara di antara kami dan keluarga Ali semenjak dulu dan sekarang. Al-Makmun berkata: Diamlah

---

[150] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iv, 160
[151] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xii, 32

kamu semua. Demi Tuhan! Aku tidak menerima pendapat seseorang daripada kamu dalam urusan ini. Mereka berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Adakah anda akan menikahkan cahaya mata anda kepada seorang budak (*sabiyyyan*) yang tidak memahami agama Allah, tidak mengetahui fardu daripada sunat, tidak dapat membezakan di antara kebenaran dan kebatilan. Abu Ja'far pada masa itu berumur sepuluh atau sebelas tahun. Jika anda bersabar dengannya sehingga beliau belajar peradaban, membaca al-Qur'an, mengetahui yang mana fardu dan yang mana sunat.

Al-Makmun berkata kepada mereka: Demi Allah! Sesungguhnya beliau adalah lebih mendalami agama daripada kamu, lebih alim tentang Allah dan Rasul-Nya, sunatnya dan fardunya, halalnya dan haramnya berbanding kamu. Beliau adalah lebih mengetahui tentang kitab Allah, lebih mengetahui *muhkam* dan *mutasyabih*nya, *nasikh* dan mansuhnya, zahir dan batinnya, khas dan am, takwil dan *tanzil*nya berbanding kamu. Bertanyalah kepadanya jika perkara itu sebagaimana anda katakan, nescaya aku telah menerima pandangan kamu tentang urusan ini. Namun jika perkara sebagaimana aku katakan, anda mengetahui bahawa lelaki itu adalah lebih baik daripada kamu. Ahli keluarga al-Makmun pun keluar di sisinya dan mengutus kepada Yahya bin Aktham, kadi besar. Mereka menerangkan hajat mereka kepadanya dan berjanji akan memberi hadiah kepadanya jika Yahya bin Akhtam dapat bertanyakan Abu Ja'far tentang perkara yang beliau a.s tidak tahu untuk menjawabnya di sisi al-Makmun, apabila mereka berkumpul bagi upacara perkahwinannya.

Apabila mereka semua hadir maka Abu Ja'far a.s juga hadir. Mereka berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Ini adalah Yahya bin Aktham sekiranya anda mengizinkannya, maka beliau akan bertanyakan Abu Ja'far. al-Makmun berkata: Wahai Yahya! Bertanyalah kepada Abu Ja'far tentang masalah di dalam ilmu fikah supaya kita melihat bagaimanakah kefahamannya.

Yahya berkata: Wahai Abu Ja'far! *Aslaha-ka l-lahu*, apakah pendapat anda tentang seorang lelaki di dalam ihram telah membunuh binatang buruan?

Abu Ja'far a.s berkata: Adakah lelaki itu membunuhnya di dalam ihram atau di luar ihram? Adakah dia seorang yang alim atau seorang yang jahil? Sengaja atau tidak? Seorang hamba atau seorang merdeka? Kecil atau besar? Pertama kali atau mengulang? Daripada jenis burung atau selain daripadanya? Daripada binatang buruan yang kecil atau yang besar? Berterusan ke atasnya atau menyesal? Di waktu malam di sangkarnya atau di siang hari bebas? Di dalam ihram umrah atau haji?

Yahya bin Aktham terpinga-pinga kehairanan dan orang ramai mulai kagum dengan jawapannya, sementara al-Makmun pula lebih bersemangat.

Abu Ja'far berkata: Wahai Amir al-Mukminin!. Kemudian beliau a.s berkata: Segala puji bagi Allah kerana mengakui akan nikmat-Nya. Tiada tuhan melainkan Allah kerana ikhlas kepada kebesaran-Nya, selawat ke atas Muhammad ketika mengingatinya, adalah kelebihan Allah ke atas manusia yang telah menjadikan mereka kaya dengan perkara yang halal daripada yang haram. Allah berfirman di dalam Surah al-Nur (24) :32 "*Dan kahwinkanlah orang-orang yang sendirian di antara kamu dan orang-orang yang layak dari hamba-hamba sahyamu lelaki dan perempuan.Jika mereka miskin maka Allah akan memampukan mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas dan Maha Mengetahui*".

Kemudian Muhammad bin Ali meminang Umm al-Fadhl binti Abdullah dan membayar sebanyak lima ratus dirham sebagai mas kahwin (*al-Sadaq*). Al-Makmun berkata: Aku telah menikahkan anak perempuan aku kepada anda, adakah anda menerimanya? Abu Ja'far a.s berkata: Aku menerima perkahwinan ini dengan mas kahwin sebanyak yang tersebut.

Kemudian al-Makmun merayakan majlis tersebut. Orang ramai di semua peringkat menghadirinya, Tiba-tiba kami telah mendengar percakapan seperti ahli pelayaran di dalam soal jawab mereka, sementara pekerja-pekerja sedang menarik bahtera yang dibuat dari perak dengan talinya dari tenungan sutera yang mahal. Mereka merayakan orang-orang kenamaan dengannya, kemudian mereka menolaknya ke tempat umum, orang ramai memuji mereka.

Apabila mereka bersurai, al-Makmun berkata: Wahai Abu Ja'far? Bolehkah anda menerangkan kepada kami tentang pembunuhan binatang buruan setiap jenis yang anda telah sebutkannya ?

Abu Ja'far a.s berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin! Sesungguhnya seorang lelaki yang telah membunuh binatang buruan selepas selesai melakukan kerja ihram dan jika binatang itu dari jenis burung yang besar, maka wajib di atasnya menyembelih seekor kambing betina. Jika beliau melakukannya di dalam ihram, maka dendanya berganda. Jika belum menyempurnakan kerja ihram-maka wajib ke atasnya unta. Dan jika beliau membunuh keldai liar (*wahsyi*) atau burung unta, maka wajib ke atasnya menyembelih unta. Sekiranya beliau tidak mampu, maka beliau perlu memberi makan enam puluh orang miskin, sekiranya beliau tidak mampu, maka beliau berpuasa lapan belas hari, sekiranya beliau membunuh lembu, maka wajib ke atasnya lembu, sekiranya beliau tidak mampu, maka beliau memberi makan tiga puluh orang miskin, sekiranya beliau tidak mampu, maka beliau berpuasa sembilan hari.

Sekiranya beliau membunuh kijang, maka wajib ke atasnya seekor kambing betina, sekiranya beliau tidak mampu, maka beliau memberi makan sepuluh orang miskin, sekiranya beliau tidak mampu, maka beliau berpuasa tiga hari, sekiranya beliau melakukannya didalam

ihram, maka dendanya berganda dan beliau wajib melakukan penyembelihan pada musim haji di Mina sebagai mana orang ramai melakukannya. Sekiranya beliau di dalam umrah, maka beliau melakukan penyembelihan di Makkah dan bersedekah menurut harga binatang yang dibunuhnya sehingga berganda.

Begitu juga sekiranya beliau membunuh arnab, maka wajib ke atasnya bersedekah seekor kambing betina, sekiranya beliau membunuh burung merpati, maka beliau bersedekah dengan satu dirham atau beliau membeli makanan untuk merpati di Makkah, untuk seekor anak ayam adalah satu dirham dan telur adalah satu perempat dirham, adapun perkara selain daripada buruan binatang yang dilakukan dengan kejahilan atau tersalah tidak dikenakan sebarang denda ke atasnya. Setiap apa yang dilakukan oleh seorang hamba, maka kafarahnya dibayar oleh pemiliknya, kerana ia seperti dilakukan oleh pemiliknya. Setiap apa yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum baligh maka tidak dikenakan apa-apa fidyah ke atasnya sekalipun dengan sengaja tetapi Allah akan membalasnya di akhirat.

Jika seorang itu telah membantu atau menunjuk kepada binatang buruan sedangkan beliau masih di dalam ihram, maka ia wajib memberi fidyah dan jika beliau masih berdegil melakukannya selepas membayar fidyah maka ia akan menghadapi balasan di akhirat dan penyesalannya tidak dikira. Jika beliau memburu burung di waktu malam di sarangnya secara tidak sengaja, tidak dikenakan apa-apa fidyah ke atasnya melainkan beliau melakukannya dengan sengaja. Jika beliau memburu binatang di waktu malam atau siang hari, maka wajib ke atasnya fidyah di Mina seperti orang ramai melakukan penyembelihan mereka dan jika beliau di dalam ihram umrah, maka ia melakukan penyembelihannya di Makkah.

Al-Makmun telah memerintahkan supaya dituliskan penerangan tersebut. Kemudian beliau menyeru keluarganya, lalu membacanya kepada mereka dan berkata: Adakah ada di kalangan kamu seorang yang dapat memberi jawapan seperti jawapan ini? Mereka menjawab: Tidak. Demi Tuhan, Kadi pun tidak dapat menjawabnya. Mereka berkata lagi: Wahai Amir al-Mukminin! Anda memang benar dan anda lebih mengetahui mengenainya daripada kami. Aduhai kamu, wahai keluarga aku! Buangkan perangai ini.

Tidakkah kamu mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah memberi baiah kepada al-Hasan dan al-Husain sedangkan mereka masih kanak-kanak yang belum baligh, baginda s.a.w. tidak pernah memberi baiah kepada kanak-kanak selain daripada mereka berdua? Atau tidakkah kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Ali telah beriman kepada Nabi s.a.w ketika umur sepuluh tahun? Allah dan Rasul-Nya telah menerima imannya dan tidak menerima iman kanak-kanak yang lain selain daripadanya. Nabi s.a.w tidak pernah menyeru kepada kanak-kanak

kepada iman selain daripadanya? Atau tidakkah kamu mengetahui sesungguhnya ia adalah zuriat yang menuruti zuriat awal mereka?

Beliau berkata: Kemudian al-Makmun memerintahkan supaya dihidangkan tiga talam di hadapan Abu Ja'far, pertama mengandungi kunyit, bauan halus dengan air mawar di bawahnya pula lapisan yang dipenuhi dengan wang kertas. Kedua; satu bekas berisi suapan makanan bagi mereka yang ingin mengambilnya. Ketiga; satu bekas berisi dirham dan dinar. Setelah itu al-Makmun memerintahkan supaya talam yang berisi dengan wang kertas itu dibahagi-bahagikan kepada Bani Hasyim secara khusus dan bekas yang berisi suapan makanan kepada wazir-wazirnya dan bekas yang berisi dengan dirham dan dinar kepada ketua-ketua tenteranya. Al-Makmun sentiasa memuliakan Abu Ja'far semasa hidupnya sehingga melebihi anak-anaknya sendiri[152].

Pujian Tentang Bandar Qum

Diriwayatkan daripada Ali bin Muhammad al-Askari daripada bapanya daripada datuknya daripada Amir Al-Mukminin a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Ketika aku diangkat di waktu malam ke langit yang ke empat, aku melihat kepada kubah daripada mutiara yang mempunyai empat tiang dan empat pintu. Semuanya daripada baldu hijau. Aku berkata: Wahai Jibrail! Apakah kubah ini kerana aku tidak melihatnya di langit ke tempat lebih baik daripadanya? Jibrail berkata: Wahai kekasih aku Muhammad! Inilah gambaran bandar yang dinamakan Qum. Hamba-hamba Allah yang beriman akan menunggu Muhammad dan syafaatnya pada hari Kiamat dan hari Hisab. Dukacita dan kesusahan serta perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku ke atas mereka.

Beliau berkata: Aku telah bertanya Ali bin Muhammad al-Askari a.s bilakah mereka menunggu kemenangan (*al-faraj*)? Beliau a.s. berkata: Apabila keluar air di atas bumi[153].

Hadis Muhammad bin Ali bin Musa al-Ridha A.S dan Bapa Saudaranya Abdullah bin Musa

Ali bin Ibrahim bin Hasyim berkata: Bapa aku telah memberitahu aku berkata: Selepas Abu al-Hasan al-Ridha a.s mati, kami mengerjakan haji, kami datang menemui Abu Ja'far a.s. Syi'ah dari setiap negeri sedang menunggu untuk berjumpa dengan Abu Ja'far a.s, maka bapa saudaranya (*'Ammu-hu*) Abdullah bin Musa datang berjumpa dengannya. Beliau adalah seorang syeikh yang agak tua lagi cerdik,

---

[152] Al-Mas'udi, *Fi Ithbat al-Wasiyyah*, hlm.169
[153] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 337

sedang memakai kain yang kasar. Di antara dua matanya terdapat kesan sujud. Beliau duduk.

Kemudian Abu Ja'far keluar dari biliknya memakai pakaian sederhana, berkasut baru warna putih. Abdullah berdiri menyambutnya dan mengucup di antara dua matanya. Semua syi'ah turut berdiri. Abu Ja'far a.s duduk di atas kerusi, orang ramai melihat di antara satu sama lain, mereka menjadi tercengang kerana usianya yang masih muda. Seorang lelaki di kalangan mereka segera bertanya bapa saudaranya : *Aslaha-ka l-Lahu* ! Apakah pendapat anda tentang seorang lelaki yang telah melakukan perkara sumbang kepada binatang (*ata bahimatan*)? Abdullah menjawab: Anda potong kanannya serta dilakukan hukum had ke atasnya. Jawapan itu menyebabkan Abu Ja'far a.s memarahinya dan berkata: Wahai bapa saudaraku ! Bertakwalah kepada Allah, bertakwalah kepada Allah, kerana ia adalah perkara yang besar. Bagaimana anda akan berdiri di hadapan Allah s.w.t, dan Dia akan berkata kepada anda: Bagaimana anda memberi fatwa kepada orang ramai apa yang anda tidak mengetahuinya? Bapa saudaranya berkata: *Astaghfiru l-Laha*, tidakkah bapa anda telah berkata sedemikian mengenainya?

Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya bapa aku ditanya tentang seorang lelaki yang telah menyelongkar kubur seorang perempuan dan mencuri kainnya (*nabasya*), kemudian dia menyetubuhi mayat itu. Maka bapa aku berkata: Dipotong (jari) kanannya kerana *al-Nabasy* dan dikenakan had zina, kerana kehormatan mayat sepertilah kehormatan seorang yang hidup. Abdullah berkata: Anda memang benar, wahai *sayyidi* dan aku mohon taubat kepada Allah, orang ramai terpegun, lalu berkata: Wahai *Sayyidana* ! Adakah anda membenarkan kami bertanyakan anda? Beliau a.s. berkata: Ya. Lalu mereka bertanya kepadanya beratus soalan di dalam majlis itu. Beliau a.s. memberi jawapannya di dalam majlis tersebut kepada mereka, sedangkan umurnya ketika itu adalah sembilan tahun.

Sebab DiSunatkan Mahar Lima Ratus Dirham

Muhammd bin al-Hasan daripada Ali bin Ibrahim bin Hasyim daripada bapanya daripada Umru bin Uthman al-Khazzaz daripada al-Husain bin Khalid berkata: Aku telah bertanya Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s tentang mahar. Bagaimana ia disunatkan menjadi lima ratus dirham? Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ke atas diri-Nya bahawa jika seorang mukmin bertakbir seratus kali, bertasbih seratus kali, bertahmid seratus kali, bertahlil seratus kali, dan berselawat ke atas Muhammad dan keluarganya seratus kali, kemudian dia berkata: Wahai Tuhanku! Kahwinlah aku dengan bidadari, maka Allah akan mengahwinkannya dengan bidadari. Lalu Dia

menjadikannya (lima ratus) sebagai maharnya. Allah telah mewahyukan kepada Nabi-Nya supaya menjadikan mahar mukminat (*sanna mahra al-Mukminat*) adalah lima ratus dirham. Rasulullah s.a.w telah melakukannya[154].

Sebab Pengharaman Arak, Bangkai, Darah dan Daging Khinzir

Muhammad bin Abdullah daripada sebahagian sahabatnya berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Kenapakah Allah mengharamkan arak (*al-Khamr*), bangkai, darah dan daging khinzir?

Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya Allah tidak mengharamkan demikian itu ke atas hamba-hamba-Nya dan menghalalkan mereka selain daripadanya kerana menyukai apa yang diharamkan ke atas mereka dan tidak kerana menakutkan mereka mengenai apa yang Dia menghalalkan kepada mereka, tetapi Allah telah menjadikan makhluk. Allah mengetahui susunan badan mereka. Justeru itu, apa yang mendatangkan kebaikan kepada mereka, maka Allah menghalalkannya sebagai kurniaan-Nya kepada mereka kerana kepentingan mereka. Allah juga mengetahui apa yang akan memudaratkan mereka, lalu Dia melarang mereka darinya dan mengharamkannya. Namun begitu, Allah mengharuskannya bagi orang yang terpaksa (*al Mudhttarri*), dan menghalalkannya waktu badan mreka tidak boleh berdiri melainkan dengan benda haram itu.

Lantaran itu, Allah memerintahkan supaya mereka mengambil sekadar yang memadai dan tidak boleh lebih daripada itu. Kemudian beliau a.s. berkata: Adapun bangkai, tidak seorang pun akan mendekatinya dan tidak seorang pun yang akan memakannya melainkan tubuhnya menjadi lemah dan badannya menjadi kurus serta hilang kekuatannya. Orang yang memakan bangkai akan menyebabkan terputus keturunan dan akan mati secara mengejut. Adapun darah, maka ia akan mewarisi penyakit kuning, mulut menjadi panas, angin menjadi busuk, memburukkan akhlak, mengidap penyakit anjing gila, keras hati, kurang kasihan belas dan rahmat sehingga beliau mungkin membunuh anak lelakinya dan kedua-dua ibu bapanya.

Beliau juga boleh melakukannya terhadap saudara terdekatnya atau sahabatnya. Adapun daging khinzir, kerana Allah telah mengubah satu kaum di dalam bentuk khinzir, kera, dan beruang. Lantaran itu, Dia melarang memakan binatang seumpamanya supaya mereka tidak mengambil faedah daripadanya dan meringan-ringankan pembalasannya. Adapun arak, sesungguhnya Allah mengharamkannya kerana perbuatan dan keburukan peminum. Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya penagih arak adalah seperti penyembah berhala. Ia akan

[154] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, v, 376

membuatkannya gementar, hilang kekuatannya dan rosakan maruah. Ia juga akan menyebabkan perbuatan perkara haram seperti menumpahkan darah, melakukan perzinaan terutaman ketika mabuk, akan melakukan perkara yang haram.

BAHAGIAN KEEMPAT

Pujian terhadap Syi'ah, kisah lapan keping roti, Amir al-Mukminin a.s bersama Iblis, Kias, dialog Mukmin al-Taq dengan Abu Hanifah tentang talak, riwayat sahabat kami dan orang lain, Hadis Mubahalah dan lain-lain.

Hadis Abu Basir Daripada Abu Abdullah A.S Tentang Pujian Terhadap Syi'ah Imamiah

Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad bin al-Walid daripada al-Hasan bin Mattil daripada Ibrahim bin Ishaq al-Nahawandiy daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dailami daripada Abu Sulaim al-Dailami daripada Abu Basir berkata: Aku datang kepada Abu Abdullah a.s selepas aku menjadi tua. Beliau a.s. bertanya kepadaku tentang *al-Nafs* (diri). Beliau a.s. berkata: Wahai Abu Muhammad! Apakah itu *al-Nafs*? Aku berkata kepadanya: Umur aku telah tua, tulang aku telah reput, dan ajal aku telah hampir sedangkan aku tidak mengetahui apakah aku akan jadi pada akhirat.

Beliau a.s. berkata: Wahai Abu Muhammad! Anda mengucapkan kata-kata seperti ini? Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda bagaimana aku tidak berkata sedemikian? Beliau a.s. berakta: Tidakkah anda mengetahui bahawa Allah memuliakan pemuda-pemuda (*al-Syabab*) daripada kamu dan malu kepada orang-orang tua (*al-Kuhul*)? Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, bagaimana Dia memuliakan pemuda-pemuda di kalangan kita dan Dia malu kepada orang-orang tua? Beliau a.s. berkata: Dia memuliakan pemuda-pemuda daripada kamu supaya Dia tidak menyeksa mereka dan Dia malu kepada orang-orang tua daripada kamu supaya Dia tidak menghisabkan mereka. Adakah aku telah menggembirakan anda? Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku, kerana kami telah melakukan perkara yang buruk, belakang kami telah pecah, hati

kami telah mati, penguasa-penguasa telah menghalalkan darah kami di dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh para ulama mereka.

Beliau a.s. berkata: al-Rafidhah? Aku berkata: Ya. Beliau a.s. berkata: Bukan mereka yang telah menamakan kamu dengannya, malah Allah yang telah menamakan kamu dengan nama tersebut. Tidakkah kamu mengetahui bahawa bersama Fir'aun adalah tujuh puluh lelaki daripada Bani Israel yang beragama dengan agamanya. Ketika ternyata bagi mereka kesesatan Fir'aun dan hidayat Musa, maka mereka *Rafadhu* (menolak) Fir'aun.

Kemudian mereka menyertai Musa dan berada di dalam kem Musa dan dikenali sebagai yang kuat beribadat dan berijtihad. Mereka telah menolak Fir'aun. Maka Allah telah mewahyukan kepada Musa supaya menetapkan nama ini untuk mereka di dalam Taurat. Sesungguhnya aku telah menggunakan nama mereka, kemudian Allah menyimpan nama ini sehingga Dia menamakan kamu dengannya, kerana kamu telah menolak (*Rafadhattum*) Fir'aun, Haman dan tentera-tentera mereka berdua. Kamu telah mengikut Muhammad dan keluarga Muhammad, wahai Abu Muhammad! Adakah aku telah menggembirakan anda?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Manusia telah berpecah kepada beberapa golongan dan syi'ah, tetapi kamu telah menjadi syi'ah Ahlu l-Bait Nabimu. Maka kamu telah berpegang kepada apa yang telah diperintahkan oleh Allah dan kamu memilih apa yang telah dipilihkan oleh Allah.

Kamu mencintai mereka yang telah dicintai oleh Allah, kamu telah kehendaki mereka yang telah dikehendaki oleh Allah, maka terimalah berita gembira ini. Demi Tuhan, sesungguhnya kamu dirahmati Allah (*al-Marhumun*), Dia menerima amalan baik kamu dan menolak amalan jahat kamu. Siapa yang tidak berjumpa dengan Allah seperti kamu, maka Allah tidak akan menerima amalan baiknya dan tidak memaafkan kejahatannya. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya meluruhkan dosa-dosa daripada belakang syi'ah kami sebagaimana angin meluruhkan daun daripada pohon pada masa luruhnya sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Syura (42):5 "*para malaikat bertasbih dan memuji Tuhan mereka dan memohon ampun bagi orang-orang yang ada di bumi*" *Istighfaru-hum* (permohonan ampun) para malaikat adalah untuk kamu bukan untuk alam ini. Adakah aku telah menggembirakan kamu wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku? Beliau a.s berkata: Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Ahzab (33):23 "*Di antara orang-orang mukmin itu ada*

orang-orang yang menepati apa yang mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur,dan di antara mereka ada yang menunggu-nunggu,dan mereka sedikit pun tidak mengubah(janjinya)"

Demi Allah, sesungguhnya Dia tidak maksudkan selain daripada kamu, kerana kamu telah menyempurnakan perjanjian kamu (*mithaqakum*) tentang wilayah kami dan kamu tidak menukarkan kami dengan orang selain daripada kami. Jika kamu berbuat sedemikian, nescaya Allah akan menghina kamu sebagaimana Dia telah menghina orang lain selain daripada kamu di dalam kitab-Nya Surah al-A'raf (7):102 *"Dan kami tidak mendapati kebanyakan mereka memenuhi janji, sesungguhnya kami mendapati kebanyakan mereka orang-orang yang fasiq"* Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku? Beliau a.s berkata: Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Zukhruf (43): 67 *"Teman-teman akrab pada hari itu sebahagiannya menjadi musuh bagi sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang bertakwa"* Makhluk, demi Tuhan, besok menjadi musuh selain daripada kami dan syi'ah kami. Allah tidak maksudkan dengan *al-Muttaqin* selain daripada kami dan selain daripada syi'ah kami. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Nisa' (4):69 *"Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan bersama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah iaitu para nabi , para siddiqin,orang-orang yang mati syahid dan orang-orang soleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya"*

Muhammad s.a.w adalah *al-Nabiyyin*, kami adalah *al-Siddiqin* dan *al-Syuhada'*, dan kamu adalah *al-Salihun*. Kamu dinamakan dengan *al-Salihin* sebagaimana Allah telah menamakan kamu. Demi Tuhan, Dia tidak maksudkan selain daripada kamu. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda. Beliau a.s berkata: Allah telah mengumpulkan kami, wali kami dan musuh kami di dalam satu ayat di dalam kitab-Nya Surah al-Zumar (39):9 *"Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran"* Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Sad (38):62 *"Dan (orang-orang derhaka) berkata: Mengapa kami tidak melihat orang-orang yang dahulu(di dunia) kami anggap sebagai orang-orang jahat"* Kamu yang

akan dicari di neraka manakala di syurga, demi Tuhan, kamu dihormati. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut dan melindungi kamu daripada syaitan yang dilaknati di dalam kitab-Nya Surah al-Hijr (15): 42 dan Surah al-Isra'(17):65 "*Sesungguhnya hamba-hamba-Ku tidak ada kekuasaan bagimu terhadap mereka*"

Demi Tuhan, Dia tidak maksudkan selain daripada kita dan selain daripada syi'ah kita (*ma'anna ghaira-na wa ghaira syi'ati-na*). Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya, maka Dia telah mewajibkan keampunan untuk kamu. Dia berfirman dalam Surah al-Zumar (39):53 " *Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya*"

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, bukan begitu yang kita membacanya, sesungguhnya kita membacanya *Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah.Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya*"

Beliau a.s berkata: Wahai Abu Muhammad! Jika Allah mengampuni dosa-dosa semuanya, maka siapakah yang diseksanya? Demi Tuhan, Dia tidak maksudkannya selain daripada kita dan selain daripada syi'ah kita. Ianya secara khusus untuk kami dan kamu. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Demi Tuhan, Dia tidak mengecualikan seorang di kalangan para wasi dan pengikut mereka selain daripada Amir al-Mukminin a.s, dan syi'ahnya. Allah berfirman di dalam Surah al-Dukhan (44) :41-2 "*Iaitu hari seorang karib tidak dapat memberi manfaat kepada karibnya sedikit pun dan mereka tidak akan dapat pertolongan, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang*"

Demi Tuhan, Dia tidak maksudkan dengan "rahmat" selain daripada Amir al-Mukminin a.s dan syi'ahnya. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda,tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Ali bin al-Husain a.s berkata: Tidak di atas fitrah Islam selain daripada kita dan selain daripada syi'ah kita.

Sementara orang lain adalah terlepas daripadanya (fitrah Islam). Adakah aku telah meyakinkan anda wahai Abu Muhammad?[155]

Hukuman Ajaib Amir al-Mukminin A.S Tentang Lapan Keping Roti

Abu Ahmad daripada seorang lelaki daripada Abu Abdullah atau Abu Ja'far a.s berkata: Dua orang lelaki berkumpul untuk makan. Salah seorangnya mempunyai tiga keping roti sementara seorang lagi mempunyai lima keping roti.

Beliau a.s. berkata: Seorang lelaki datang dan memberi salam kepda mereka berdua. Mereka berdua berkata: *Wa alaika al-Salam,* dijemput makan bersama. Lalu lelaki itu duduk dan makan bersama mereka berdua. Apabila selesai makan, dia berdiri dan memberi lapan dirham kepada mereka berdua sambil berkata: Ini adalah sebagai ganti kepada kamu berdua terhadap apa yang aku telah makan daripada makanan kamu berdua. Beliau a.s. berkata: Mereka berdua bertengkar mengenai bayaran itu. Lelaki yang mempunyai tiga keping roti berkata: Separuh adalah untuk aku dan separuh adalah untuk anda. Lelaki yang mempunyai lima keping roti pula berkata: Untuk aku lima dirham dengan kadar lima keping roti aku dan untuk anda tiga dirham dengan kadar tiga keping roti anda. Masalah mereka tidak selesai dan terus bertengkar sehingga mereka berjumpa dengan Amir al-Mukminin a.s dan memberitahunya mengenainya. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya perkara yang kamu berdua bertengkar ini adalah sedikit nilainya, justeru itu, kamu berdua tidak patut membawanya ke pengadilan.

Kemudian Ali a.s berjumpa dengan lelaki yang mempunyai tiga keping roti sambil berkata: Aku fikir sahabat anda telah mencadangkan untuk memberi kepada anda tiga dirham, kerana rotinya adalah lebih banyak daripada roti anda, maka redailah cadangannya. Dia berkata: Tidak, demi Tuhan, wahai Amir al-Mukminin, aku tidak reda melainkan dengan berlalunya pengadilan. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya jika pengadilan dilakukan, maka anda berhak satu dirham. Lantaran itu, ambillah satu dirham dan berilah kepadanya tujuh dirham. Dia berkata: *Subhana l-Lah!* Wahai Amir al-Mukminin! dia telah mencadangkan kepada aku tiga dirham, maka aku enggan. Bagaimana aku akan mengambil satu dirham sahaja? Beliau a.s berkata: Beliau telah mencadangkan kepada anda tiga dirham adalah untuk perdamaian, tetapi anda telah bersumpah bahawa anda tidak reda melainkan dilakukan pengadilan.

Jika pengadilan dilakukan, anda berhak satu dirham. Dia berkata: Berikan penjelasan kepada aku? Beliau a.s berkata: Tidakkah anda mengetahui bahawa tiga yang anda miliki itu adalah sama dengan

[155] Al-Kulaini, *al-Raudhah min al-Kafi,* hlm. 33

sembilan dibahagikan dengan tiga. Dia berkata: Ya. Beliau a.s berkata: Tidakkah anda mengetahui bahawa limanya itu adalah menyamai lima belas dibahagikan dengan tiga? Dia berkata: Ya. Jadi semuanya adalah dua puluh empat dibahagikan dengan tiga. Engkau telah memakan lapan, tetamu telah memakan lapan dan sahabat anda telah memakan lapan. Maka tinggallah daripada sembilan anda itu satu dan telah dimakan oleh tetamu. Dan tinggal daripada lima belasnya adalah tujuh, maka ia telah dimakan oleh tetamu, lantaran itu, dengan tujuhnya, ia mendapat tujuh dan anda dengan satu anda yang telah dimakan oleh tetamu maka anda mendapat satu[156].

Hadis Amir al-Mukminin A.S Bersama Iblis

Al-Qasim bin Muhammad al-Hamdani berkata: Abu Ishaq Ibrahim bin Muhammad bin Ibrahim al-Kufi telah memberitahu aku berkata: Abu al-Husain Yahya bin Muhammad al-Farisi telah memberitahu kami daripada bapanya daripada Abu Abdullah daripada bapanya a.s daripada Amir al-Mukminin a.s berkata: Pada suatu hari aku keluar ke luar Kufah dan di hadapan ku adalah Qanbar. Aku berkata kepadanya: Wahai Qanbar! Adakah anda melihat apa yang aku lihat? Beliau berkata: Allah telah memberi cahaya kepada anda wahai Amir al-Mukminin sementara mata aku tidak dapat melihatnya. Beliau a.s. berkata: Wahai sahabat kami, adakah kamu melihat apa yang aku lihat? Mereka berkata: Tidak, sesungguhnya Allah telah memberi cahaya kepada anda wahai Amir al-Mukminin sementara mata kami tidak dapat melihatnya. Beliau a.s. berkata: Demi Yang telah membelah biji-bijian dan melepaskan jiwa, kamu akan melihatnya sebagaimana aku melihatnya dan kamu akan mendengar suaranya sebagaimana aku mendengarnya.

Kami telah menunggu beberapa ketika, kemudian seorang tua berpendirian tegap, mempunyai dua mata yang agak panjang ternampak di hadapan kami. Dia berkata: Salam ke atas anda wahai Amir al-Mukminin dan rahmat Allah dan berkat-Nya. Beliau a.s. berkata: Dari manakah anda datang wahai yang terkutuk? Dia berkata: Daripada manusia. Beliau a.s. berkata: Dan ke manakah anda tuju? Dia berkata: Manusia. Beliau a.s. berkata: Sejahat-jahat orang tua adalah anda. Dia berkata: Kenapakah anda berkata sedemikian wahai Amir al-Mukminin? Demi Tuhan, aku akan memberitahu anda satu hadis mengenai aku daripada Tuhan, tidak ada di antara kita orang yang ketiga. Beliau a.s. berkata: Wahai yang dilaknati tentang anda daripada Tuhan, tidak ada di antara anda berdua orang yang ketiga?

---

156 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xxiv, 15

Dia berkata: Ya, sesungguhnya aku turun disebabkan kesalahan aku di langit ke empat. Aku telah menyeru Tuhanku: Aku tidak menjangka Engkau telah menciptakan makhluk yang lebih celaka daripada aku? Maka Allah telah berkata: Ya, sesungguhnya Aku telah menciptakan makhluk yang lebih celaka daripada anda, maka pergilah kepada Malik, ia akan memperlihatkannya kepada anda, aku datang kepada Malik dan berkata: Salam ke atas anda dan berkata: Anda perlihatkan kepada aku orang yang paling celaka. Malik bersama aku pergi ke neraka, maka Malik telah mengangkat tingkat pertama. Maka api berwarna hitam keluar.

Aku menyangka ia telah memakan aku dan memakan Malik tetapi Malik berkata kepadanya: Bertenanglah, maka ia menjadi tenang. Kemudian beliau pergi bersama aku ke tingkat kedua, maka api yang lebih hitam dan panas keluar daripadanya. Malik berkata kepadanya: Padam, maka ia padam sehingga Malik pergi bersama-sama aku ke tingkat tujuh. Setiap api yang keluar daripada tingkat-tingkat tersebut adalah lebih panas daripada yang pertama. Api keluar, maka aku menyangka sesungguhnya ia telah memakan aku dan memakan Malik, serta semua makhluk Allah. Aku telah meletakkan tangan aku ke atas mata aku sambil berkata: Perintahkan ia supaya padam, maka ia berkata: Sesungguhnya anda tidak akan dipadamkan sehingga waktu yang ditetapkan.

Malik memerintahnya, maka ia padam. Aku melihat dua orang lelaki. Di atas tengkuk mereka berdua terdapat rantai daripada api (*fa-raiatu rajulaini fi a'naqi-hima salasila al-Niran mua'aliqaini bi-ha ila fauq*) tergantung dengannya ke atas dan di atas kepala mereka berdua. Satu kumpulan yang mempunyai tukul daripada api bersama mereka berdua (*maqami' al-Niran*). Kumpulan itu memukul mereka berdua dengan tukul itu. Aku berkata kepada Malik: Siapakah dua lelaki ini? Malik berkata: Tidakkah anda telah membaca di tiang 'Arasy dan anda sebelum ini telah membacanya; sebelum Allah menciptakan dunia dua ribu tahun "tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah, aku telah memperkuatkannya dan menolongnya dengan Ali". Malik berkata: Dua lelaki ini adalah daripada musuh-musuh mereka atau orang-orang yang menzalimi mereka (*Hadha ni min a'da'i ulaika au zalimi-him*)[157].

Bab Kias

Mu'alla bin Muhammad bin Ja'far daripada sebahagian sahabat kita telah meriwayatkannya secara *marfu'* kepada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya orang yang pertama menggunakan kias adalah Iblis. Dia berkata: Engkau telah menciptakan aku daripada api dan Engkau telah

---

[157] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix , 388, Abu Bakr dan Umar

menciptanya daripada tanah. Jika Iblis mengetahui ciptaan Allah pada Adam, nescaya dia tidak akan bermegah ke atasnya. Kemudian beliau berkata: Sesungguhnya Allah a.w telah mencipta malaikat daripada cahaya, Jin daripada api, sebahagia Jin daripada angin dan sebahagiannya daripada air. Dia telah mencipta Adam daripada tanah.

Kemudian Dia telah mengadunkan pada Adam cahaya (*al-Nur*), api, angin dan air. Maka dengan cahaya Adam dapat melihat, memikir dan memahami. Dengan api Adam dapat makan dan minum jika tidak ada api di tali perut, maka ia tidak akan melumatkan makanan. Jika tidak ada angin di dalam perut manusia yang menyalakan api di dalam tali perut, nescaya ia tidak menyala. Jika tidak ada air di dalam perut manusia memadamkan kepanasan tali perut, nescaya api akan membakar perut manusia. Justeru itu, Allah telah menghimpunkan pada Adam lima sifat (termasuk tanah). Sementara Iblis memiliki satu sifat sahaja. Dengannya dia telah bermegah ke atas Adam[158].

Dialog Mukmin al-Taq Bersama Abu Hanifah Tentang Talak

Ya'qub bin Yazid al-Baghdadi daripada Muhammad bin Abu Umair berkata: Abu Hanifah telah berkata kepada Abu Ja'far Mukmin al-Taq: Apakah pendapat anda tentang talak tiga? Mukmin al-Taq berkata: Adakah di atas dasar menyalahi kita dan sunnah? Abu Hanifah berkata: Ya. Mukmin al-Taq berkata: Ianya tidak boleh (*la yajuzu*). Abu Hanifah berkata: Kenapa tidak boleh? Mukmin al-Taq berkata: Kerana pernikahan adalah akad yang dilakukan berdasar ketaatan. Justeru itu, ia tidak dibolehkan dengan maksiat. Jika tidak boleh pernikahan dilakukan di pihak maksiat. Maka talak juga tidak boleh dilakukan di pihak maksiat. Jika membolehkan ianya berlaku dengan maksiat, bererti menghina Allah a.w tentang apa yang diperintahkannya dan menghina Rasul-Nya tentang apa yang telah disunatkannya, kerana melakukan perkara yang menyalahi kedua-duanya, tidak ada erti bagi kedua-duanya, kerana ternyata di dalam kata-kata kami: Siapa yang menyalahi kedua-duanya, maka ia dikembalikan kepada kedua-duanya di dalam keadaan hina (*man syazza 'an-huma rudda ilai-hima wa huwa saghirun*).

Abu Hanifah berkata: Para ulama telah mengharuskannya. Mukmin al-Taq berkata: Sejahat-jahat ulama adalah ulama yang telah membolehkan bagi hamba beramal dengan maksiat dan mengamalkan sunnah syaitan di dalam agama Allah. Tidak ada yang lebih alim daripada kitab dan sunnah, kenapa kamu membolehkan bagi hamba Allah menghimpunkan apa yang telah dipisahkan Allah tentang talak tiga pada satu masa sedangkan kamu tidak membolehkan baginya

158 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 477

menghimpunkan apa yang telah dipisahkan oleh Allah tentang solat yang lima? Pada membolehkan sedemikian, adalah suatu pembekuan terhadap kitab Allah dan merosakkan sunnah. Allah telah berfirman di dalam Surah al-Talaq (65):1 *"Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah, maka dia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri"*

Justeru itu, orang yang melanggar hukum-hukum Allah adalah dengan memisahkannya.

Apakah pendapat anda, wahai Abu Hanifah, tentang seorang lelaki yang telah menceraikan isterinya menurut sunnah syaitan? Adakah harus baginya talak tersebut?

Abu Hanifah berkata: Dia telah menyalahi sunnah dan isterinya tercerai secara *ba'in*, dan dia telah menderhaka Tuhannya.

Mukmin al-Taq berkata: Ia sebagaimana kami telah katakan bahawa apabila dia telah menyalahi sunnah Allah, maka dia telah beramal dengan sunnah syaitan, siapa yang berjalan di atas sunnahnya (syaitan), maka dia adalah di atas agamanya dan tidak ada bahagiannya lagi di dalam agama Allah.

Abu Hanifah berkata: Ini 'Umar bin al-Khattab. Dia adalah imam muslimin yang terbaik berkata: Sesungguhnya Allah s.w.t telah menjadikan bagi kamu talak berperingkat-peringkat, tetapi kamu telah meminta ia dipercepatkannya, maka kami telah membolehkannya untuk kamu menurut apa yang kamu kehendaki[159].

Mukmin al-Taq berkata: Sesungguhnya 'Umar tidak mengetahui hukum-hukum agama. Abu Hanifah berkata: Bagaimana begitu? Mukmin al-Taq berkata: Apa yang aku katakan mengenainya, janganlah anda mengingkarinya. Adapun pertamanya 'Umar berkata: Seorang lelaki di dalam junub tidak boleh mengerjakan solat sehingga dia mendapati air sekalipun setahun. Sedangkan umat menyalahi pendapatnya.

Abu Kaif al 'Aidi datang kepadanya dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Aku telah menghilangkan diri, kemudian aku telah kembali, tetapi aku dapati isteri aku telah berkahwin? Umar berkata: Jika dia (suaminya) telah melakukan persetubuhan dengannya, maka dia lebih berhak dengannya. Dan jika dia belum melakukan persetubuhan dengannya, maka anda adalah lebih berhak dengannya. Ini adalah hukum yang dia tidak ketahui sedangkan umat menyalahinya.

Umar juga memberi hukuman tentang seorang lelaki yang telah menghilang diri daripada keluarganya (*ghaba*) selama empat tahun. Dalam hal ini dia mengatakan isterinya itu boleh berkahwin jika dia mahu, sedangkan umat menyalahinya dan berpegang bahawa isterinya

---

[159] Muslim, *Sahih*, I, 574, Ibn Hanbal, *al-Musnad*, I, 31, al-Hakim, *al-Mustadrak*, ii, 196, al-Qurtubi, *al-Tafsir*, iii, 130

itu tidak boleh berkahwin selama-lamanya sehingga terbukti suaminya telah mati atau telah menjadi kafir atau telah menceraikannya.

Umar juga telah membunuh tujuh orang daripada penduduk Yaman dengan seorang lelaki dan berkata: Jika penduduk San'a' tidak diambil kira, nescaya aku membunuh mereka semua dengannya sedangkan umat menyalahinya.

Dibawa kepada 'Umar seorang perempuan yang hamil. Pembawa telah memberi penyaksian bahawa perempuan itu telah melakukan zina. Umar memerintahkan supaya ia direjam. Ali a.s berkata: Jika anda ada jalan ke atasnya, maka apakah jalan anda ke atas kandungannya? Umar berkata: Jika tidak ada Ali, nescaya binasalah 'Umar.

Seorang perempuan gila telah berzina dan dibawa kepada Umar. Dia memerintahkan supaya perempuan gila itu direjam. Ali a.s berkata: Tidakkah anda mengetahui bahawa *al-Qalam* (taklif) diangkat daripadanya sehingga ia sembuh. Maka 'Umar berkata: Jika tidak ada Ali, nescaya binasalah 'Umar.

Umar tidak mengetahui *al-Kalalah*, maka dia bertanya Nabi s.a.w tentangnya. Baginda s.a.w. telah memberitahunya, tetapi 'Umar tidak memahaminya. Selepas itu Umar memerintah anak perempuannya bertanya Nabi s.a.w mengenai *al-Kalalah*. Lalu anaknya bertanyakan kepada Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. berkata: Bapa anda telah memerintah anda supaya bertanya aku? Dia menjawab: Ya. Baginda s.a.w. berkata: Bapa anda tidak akan memahaminya sehingga dia mati. Justeru itu, siapa yang tidak mengetahui *al-Kalalah*, maka bagaimana dia mengetahui hukum-hukum agama? [160]

Riwayat Sahabat Kami dan Orang Lain

Diriwayatkan daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Tidak seorang pun Ahlu l-Bait memasuki syurga melainkan mereka semua memasukinya. Ditanya: Bagaimana boleh terjadi begitu? Baginda s.a.w. bersabda: Beliau akan memberi syafaat kepada mereka, dan mereka pula boleh memberi syafaat kepada orang lain sehingga tinggal seorang khadam. Maka baginda s.a.w. berkata: Wahai Tuhanku! *Khadimah*ku, dia telah melindungi aku daripada kepanasan dan kesejukan, lalu baginda s.a.w. memberi syafaat kepadanya[161].

Diriwayatkan daripada al-Sadiq a.s berkata: Tidak ada Ahlu l-Bait melainkan terdapat pada mereka seorang yang cerdik (*najib*) dan yang paling cerdik adalah daripada Ahlu Bait Nabi s.a.w.

---

160 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iv, 144
161 *Ibid*, iii, 307

Diriwayatkan bahawa bagi orang-orang munafik mereka mempunyai empat alamat: Keras hati, keras mata, berterusan di atas dosa dan tamak kepada dunia[162].

Sahal bin Ziad al-Adami telah memberitahu aku berkata: Urwah bin Yahya telah memberitahu aku daripada Abu Sa'id al-Madai'ni berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Apakah pengertian firman Allah a.w di dalam Surah al-Qasas (28):46 "*Dan tiadalah kamu berada berhampiran gunung Tur, ketika kami menyeru(musa)*" ? Beliau a.s berkata: Kitab untuk kami, Allah telah menulisnya wahai Abu Sa'id, pada satu daun (kertas) sebelum Dia mencipta makhluk dua ribu tahun ada bersamanya di Arasy atau di bawah Arasy-Nya tertulis di dalamnya: Wahai syi'ah Ali Muhammad! Aku telah memberi kepada kamu sebelum kamu memohon kepada-Ku (*Ya syi'ata Ali Muhammad, a'taitu-kum qabla an tas'aluni*). Aku telah mengampuni untuk kamu sebelum kamu memohon ampun daripada-Ku (*wa ghafartu la-kum qabla an tastaghfiruni*). Siapa yang telah mendatangi-Ku di kalangan kamu dengan wilayah ali Muhammad, maka Aku akan menempatkannya di syurga-Ku dengan rahmat-Ku (*man atani min-kum bi-wilayati ali Muhammad askantu-hu jannati bi-rahmati*)"[163]

Muhammad bin Ja'far bin Abu Syakir telah memberitahuku daripada mereka yang telah memberitahunya daripada beberapa lelaki daripada Abu Abdullah a.s berkata: Allah akan membalas kebaikan (*al-Ma'ruf*) seseorang apabila dia tidak memulakannya dengan masalah, tetapi apabila saudara anda datang kepada anda kerana satu hajat, hampir dia melihat darahnya pada mukanya dalam keadaan bahaya, sedangkan dia masih ragu untuk memenuhi atau enggan. Maka demi Tuhan, demi Tuhan, jika dia keluarkan kesemua yang dia miliki untuk saudaranya itu selepas berlalu keperluannya, nescaya dia tidak dapat membalas (keaiban)nya[164].

Hadis Mubahalah

Bismillaahi r-Rahmani r-Rahim

Abu Bakr bin Muhammad bin Ibrahim al-'Allaf al-Hamdani di Hamadan telah memberitahu aku berkata: Abdullah bin Ja'far bin Muhammad bin Ja'far bin Musa bin Syazan al-Bazzaz telah memberitahu kami dengan katanya: Abu Abdullah al-Husain bin Muhammad bin Sa'id al-Bazzaz yang dikenali dengan Ibn al-Matbaqi, dan Ja'far al-Daqqaq telah memberitahu kami, mereka berdua berkata:

---

[162] *Ibid*, xv, 23
[163] *Ibid*, 119
[164] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iv, 23

Abu al-Hasan Muhammad bin al-Faidh bin Fayyadh al-Dimasyqi di Dimsyiq telah memberitahu kami dengan katanya: Ibrahim bin Abdullah anak saudara lelaki Abd al-Razzaq telah memberitahu kami, berkata: Abd al-Razzaq bin Hammam al-San'ani telah memberitahu kami, berkata: Mu'ammar bin Rasyid telah memberitahu kami, berkata: Muhammad bin al-Munkadir telah memberitahu kami daripada bapanya daripada datuknya berkata: Al-Sayyid dan al-'Aqib adalah dua orang paderi Najran berserta rombongannya yang terdiri tujuh puluh orang telah datang mengunjungi Nabi s.a.w. Aku telah berada bersama mereka dan di kalangan kami diadakan pengajaran Injil secara ringkas, iaitu pengajaran Injil oleh pengeluar dana mereka. Tiba-tiba seekor baghal betina terjatuh, maka paderi itu berkata: Terjatuhlah orang yang kami mendatanginya dari jauh (Rasulullah s.a.w). Lantas sahabatnya bernama al-'Aqib berkata: Andalah yang terjatuh dan terbalik. Paderi itu berkata: Kenapakah begitu?

Al-'Aqib berkata: Kerana anda telah menjatuhkan Nabi al-Ummiy Ahmad. Paderi berkata: Bagaimana anda mengetahuinya? Al-'Aqib berkata: Tidakkah anda membaca daripada al-Miftah al-Rabi' daripada wahyu kepada *al-Masih*: Katakanlah kepada Bani Israel: Alangkah jahilnya kamu! Kamu melahirkan diri kami dengan hiasan dunia di sisi ahlinya dan ahli kamu. Sedangkan di dalam hati kamu di sisi aku seperti bangkai yang busuk. Wahai Bani Israel! Berimanlah dengan Rasul-Ku al-Ummiy, ia akan lahir pada akhir zaman. Mukanya seperti bulan penuh purnama, mempunyai seekor unta betina merah dihiasi dengan cahaya, mempunyai maruah yang baik dan pakaian yang kasar. Dia adalah penghulu kepada orang-orang terdahulu di sisi-Ku, orang terakhir yang paling mulia, akan menurut sunnah-Ku, akan memasuki syurga-Ku, pejuang dan di tangannya kaum musyrikin kerana-Ku, bergembiralah dengan berita tersebut. Wahai Bani Israel! Perintahlah Bani Israel supaya menolong dan membantunya.

Isa berkata: *Quddus, quddus*. Siapakah hamba yang soleh ini? Hati aku telah mencintainya sekalipun mata aku tidak pernah melihatnya? Dia berkata: Beliau adalah daripada anda dan anda adalah daripadanya, beliau adalah ipar anda daripada ibu anda, sedikit anak, berkahwin ramai, tinggal di Makkah iaitu tempat asas yang telah diletakkan Ibrahim. Keturunannya daripada zuriat yang diberkati (*Mubarakah*) iaitu madu ibu anda di syurga. Beliau mempunyai beberapa keadaan; matanya tidur, tetapi hatinya jaga. Beliau memakan hadiah, tetapi tidak memakan sedekah. Beliau mempunyai kolam (haudh) di pinggir Zamzam sehingga ke tempat jatuhnya matahari.

Padanya dua minuman daripada jenis Rahiq dan Tasnim. Padanya piala-piala yang banyak seperti bilangan bintang di langit. Siapa yang meminumnya maka dia tidak akan dahaga selama-lamanya. Itu adalah kerana Aku telah melebihkannya ke atas semua rasul. Perbuatannya

menepati perkataannya secara rahsia atau terang-terangan. Alangkah bagusnya untuk dirinya. Alangkah bagusnya untuk umatnya yang menghidupkan agamanya dan mati di atas sunnahnya dan bersama-sama Ahlu l-Baitnya. Mereka cenderung dalam keadaan beriman, tenang dan diberkati. Pada musim kemarau dan kesusahan beliau menyeru-Ku, maka langit menurunkan hujan dengan lebat sehingga dilihat kesan keberkatannya. Aku akan memberkati apa yang dilakukannya. Beliau berkata: Ilahi, namakannya. Dia berkata: Ya. Namanya Ahmad iaitu Muhammad rasul-Ku kepada semua makhluk, yang paling hampir kedudukannya dengan-Ku, yang paling banyak mendapat syafaat-Ku. Beliau tidak memerintah melainkan apa yang Aku suka dan beliau melarang apa yang Aku benci.

Sahabat al-'Aqib berkata kepadanya: Kenapa anda mengemukakan kepada kami orang yang sebegini sifatnya? Al-'Aqib berkata: Kita akan menyaksikan keadaannya, kita melihat akan bukti-buktinya. Jika ia benar sebagaimana yang dikatakan (*yakun huwa huwa*), kita akan menolongnya dengan perdamaian. Kita meneguhnya dengan harta-harta kita daripada penganut-penganut agama kita di dalam keadaan beliau tidak menyedari rancangan kita. Jika beliau seorang pendusta, maka pendustaannya ke atas Allah sudah cukup bagi kita. Paderi berkata: Kenapa apabila anda melihat tanda-tandanya anda tidak mengikutinya?

Beliau berkata: Tidakkah anda lihat bagaimana mereka menghormati kita, melayani kita dan membenarkan kita membina gereja-gereja serta meninggikan suara kita di dalamnya dan bagaimana jiwa boleh menerima agama yang menyamakan yang mulia dengan yang hina. Apabila mereka datang ke Madinah, para sahabat Rasulullah s.a.w melihat mereka dan berkata: Kami belum pernah melihat rombongan Arab yang lebih cantik daripada mereka, yang mempunyai perasaan, dan pakaian di atas mereka. Rasulullah s.a.w pada masa itu telah berada jauh dari Masjid, maka aku telah menghadiri solat rombongan itu. Mereka berdiri dan mengerjakan solat di Masjid Rasulullah s.a.w ke arah timur. Beberapa lelaki di kalangan sahabat Rasulullah s.a.w memahamkan mereka dengan menghalang mereka. Rasulullah s.a.w datang sambil bersabda: Tinggalkan mereka dan apabila mereka menyelesaikan solat, mereka duduk di sisi Rasululah s.a.w. dan mengadakan dialog dengannya.

Mereka berkata: Wahai Abu al-Qasim! Berhujahlah dengan kami tentang Isa? Baginda s.a.w bersabda: Isa adalah seorang hamba Allah dan Rasul-Nya serta kalimat-Nya yang telah dicampakkan kepada Maryam dan roh daripada-Nya. Seorang daripada mereka berkata: Isa adalah anak lelaki-Nya dan orang yang kedua daripada dua. Sementara yang lain pula berkata: Isa adalah yang ketiga daripada tiga: Bapa, ibu dan roh *al-Qudus*. Kami telah mendengarnya di dalam al-Qur'an yang

telah diturunkan kepada anda iaitu ayat: Kami telah melakukannya, kami telah menjadikannya dan kami telah menciptakannya.

Jika Ia adalah Satu, nescaya Dia akan berkata: Aku telah mencipta (*khalaq-tu*), aku telah menjadikannya (*ja'al-tu*) dan aku telah melakukannya (*fa'al-tu*). Pada saat itu Nabi s.a.w telahpun menerima wahyu yang diturunkan kepadanya pada permulaan Surah Ali Imran sehingga enam puluh ayat. Di antaranya Surah Ali Imran (3):61"*Siapa yang membantahmu tentang kisah Isa sesudah datang ilmu, maka katakanlah (kepadanya) Marilah kita memanggil anak-anak kami dan anak-anak-kamu,wanita kami dan wanita kamu, diri kami dan diri kamu,kemudian marilah kita bermubahalah kepada Allah dan kita minta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang dusta*"

Rasulullah s.a.w telah menceritakan kepada mereka tentang kisah ini dan membaca ke atas mereka al-Qur'an, sebahagian mereka berkata kepada yang lain: Demi Tuhan, ia telah datang kepada kamu dengan lebih jelas daripada cerita sahabat kamu.

Rasulullah s.a.w berkata kepada mereka: Sesungguhnya Allah a.w telah memerintahkan aku supaya bermubahalah dengan kamu. Mereka berkata: Jika begitu, besok kami bermubahalah dengan kamu. Mereka berkata: Sehingga kita menunggu dengan apakah beliau bermubahalah besok. Adakah dengan pengikut-pengikutnya yang biasa atau dengan keluarganya daripada ahli Safwah dan Taharah? Kerana mereka adalah tunjang para nabi dan rujukan mereka. Setelah tiba keesokan harinya, Nabi s.a.w berjalan di waktu pagi di kanannya Ali, di kirinya al-Hasan dan al-Husain, dan di belakang mereka adalah Fatimah a.s. Di atas mereka kain Najran sementara di atas bahu Rasulullah s.a.w kain kasar yang sederhana tebal.

Maka baginda s.a.w. memerintah supaya berhenti di antara dua pohon, kemudian baginda s.a.w. membersihkan tempat di antara keduanya. Baginda s.a.w. meletakkan kain (*al-Kisa'*) di atas kedua-dua pohon tersebut dan memasukkan ahli keluarganya di bawah kain tersebut. Kemudian baginda s.a.w. memasukkan bahunya di sebelah kiri bersama-sama mereka di bawah kain berpegang kepada panahnya, mengangkat tangan kanannya ke langit untuk bermubahalah. Orang ramai melihat dengan tekun. Warna al-Sayyid dan al-'Aqib berubah menjadi kuning, fikiran mereka berdua hampir terbantut. Seorang daripada mereka berdua berkata kepada sahabatnya: Adakah kita akan bermubahalah dengannya?

Beliau berkata: Tidakkah anda mengetahui bahawa tidak ada satu kaum pun yang bermubahalah dengan seorang nabi kecuali yang muda mereka akan membesar dan yang tua mereka akan tinggal. Aku fikir anda tidak akan mampu menghadapi bahayanya. Justeru itu, berilah kepadanya harta dan senjata yang beliau kehendaki, kerana beliau adalah seorang ahli peperangan. Katakan kepadanya: Adakah dengan

mereka itu anda bermubahalah dengan kami supaya beliau (Nabi s.a.w) tidak terfikir bahawa kami telah mengetahui kelebihannya dan kelebihan Ahlu l-Baitnya pada awal-awal lagi.

Apabila Nabi s.a.w mengangkat tangannya ke langit untuk bermubahalah, seorang daripada mereka berdua berkata: Rahbaniyyah yang mana satu ini?! Jika lelaki itu membuka mulutnya untuk bermubahalah, nescaya kami tidak akan kembali kepada kelurga dan harta kami. Mereka berdua berkata: Wahai Abu al-Qasim! Adakah dengan mereka itu anda akan bermubahalah kami? Baginda s.a.w. berkata: Ya, mereka itu adalah orang yang paling terkemuka di atas muka bumi ini selepas aku di sisi Allah s.w.t, dan yang paling hampir kepada-Nya. Kedua-dua paderi itu menjadi cemas dan berkata kepadanya: Wahai Abu al-Qasim! Kami akan memberi kepada anda seribu pedang, seribu baju besi dan seribu perisai daripada kulit. Seribu dinar setiap tahun dengan syarat baju besi, pedang dan perisai di sisi anda diberi pinjam sehingga kaum kami datang selepas kami, maka kami akan memberitahu mereka tentang pendapat kami sama ada menerima Islam, jizyah atau memberi barang-barang yang dijanjikan (*al-Muqata'ah*) setiap tahun.

Nabi s.a.w berkata: Aku telah menerima perkara tersebut daripada kamu berdua. Demi Yang telah mengutus aku dengan kekeramatan, jika kamu bermubahalah dengan aku dan dengan mereka di bawah kain, nescaya Allah akan membakar kamu dengan api dan mereka di sekelilingnya lebih cepat dari kelipan mata. Maka Jibrail turun ke atasnya dan berkata: Wahai Muhammad, Allah memberi salam kepadamu dan berfirman: Demi kekuatan-Ku, Kemuliaan-Ku dan ketinggian tempat-Ku, jika penghuni langit dan penghuni bumi bermubahalah dengan mereka di bawah kain (*al-Kisa'*), nescaya langit akan runtuh dan bumi akan terputus-putus. Tidak ada sesuatu pun yang dapat berdiri di atasnya lagi. Maka Nabi s.a.w. mengangkat tangannya sehingga dapat dilihat keputihan ketiaknya. Baginda s.a.w. bersabda: Bagi mereka yang telah menzalimi kamu akan hak kamu dan tidak mengambil berat tentang upah yang telah difardukannya oleh Allah pada kamu, maka laknat Allah mengikuti mereka sehingga hari Kiamat.

Peringatan Ummu Salmah R.A Terhadap 'Aisyah

Muhammad bin Ali bin Syazan telah memberitahu aku dan berkata: Ahmad bin Yahya al-Nahwi Abu al-Abbas Tha'lab memberitahu kami berkata: Ahmad bin Sahal Abu Abd al-Rahman memberitahu kami berkata: Yahya bin Muhammad bin Ishaq bin Musa memberitahu kami berkata: Ahmad bin Qutaibah Abu Bakr telah memberitahu kami daripada Abd al-Hakim al-Qutaibi daripada Abu Kisah dan Yazid bin

Ruman mereka berdua berkata: Ketika 'Aisyah berkumpul untuk keluar ke Basrah, maka Ummu Salmah r.a datang kepadanya dari Makkah. 'Aisyah berkata kepadanya: Wahai Anak perempuan Abu Umayyah! Anda adalah Ummahat al-Mukminat yang tertua. Rasulullah s.a.w telah makan dan minum di rumah anda. Baginda s.a.w. telah memberi bahagian kami di rumah anda, wahyu telah turun di rumah anda.

Ummu Salmah r.a berkata: Wahai anak perempuan Abu Bakr! Adakah dengan darah Uthman anda tuntut? Sedangkan anda adalah orang yang paling kuat menentangnya dan telah melepaskan diri anda daripadanya atau pemerintahan Ali bin Abu Talib yang anda tentang sedangkan orang-orang muhajirin dan ansar telah mengikutinya? Sesungguhnya anda adalah penyandar atau pintu di antara Rasulullah s.a.w dan umatnya, dinding contoh di atas kehormatannya. Al-Qur'an dikumpulkan ekoran anda. Justeru itu, janganlah bermegah dengannya. Bawa bertenang kedudukan anda. Janganlah mensia-siakannya. Allah adalah di belakang umat ini. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengetahui kedudukan anda jika baginda s.a.w. mahu membuat perjanjian dengan anda, nescaya baginda s.a.w. telah melakukannya.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah melarang anda dari merayau-rayau di seluruh negeri. Sesungguhnya tiang Islam tidak boleh dibaiki oleh wanita jika ia pecah. Kepujian seorang wanita adalah apabila dia tidak banyak bercakap dan merendahkan penglihatannya. Aku bukanlah orang yang berkata jika Rasulullah s.a.w membentangkan kepada anda sebahagian padang pasir, anda akan segera menjelajah dari kawasan berpaya ke kawasan yang lain. Sesungguhnya Allah melihat perjalanan dan pergerakan anda.

Dan kepada Rasulullah s.a.w anda akan datang pada hari Kiamat. Sesungguhnya anda telah menghadapi kegelapannya dan anda telah meninggalkan janjinya. Aku bersumpah dengan nama Allah, jika aku berjalan dengan perjalanan anda ini, kemudian ada orang berkata kepada aku: Masuklah syurga Firdaus, nescaya aku menjadi malu berjumpa dengan Muhammad s.a.w dalam keadaan mengoyakkan hijab yang dilakukan Ali. Jadikan rumah anda sebagai benteng, kubur anda dirahsiakan sehingga anda menemuinya, kerana itu adalah baik.

Kemudian Ummu Salmah berkata: Jika aku mengingatkan anda lima perkara tentang kelebihan Ali a.s daripada Rasulullah s.a.w, nescaya anda akan mematuk aku seperti seekor ular yang bisa. Adakah anda masih ingat ketika Rasulullah s.a.w membuat undian di antara isteri-isterinya (*yaqra' baina nisa'i-hi*) apabila baginda s.a.w. ingin musafir, maka bahagian aku dan bahagian anda telah keluar di kala itu kita bersamanya. Baginda s.a.w. pada masa itu sedang turun dari Qudaid dan bersamanya Ali a.s bercakap-cakap dengannya. Lantas anda telah pergi untuk menyerangnya.

Aku berkata kepada anda: Rasulullah s.a.w bersama sepupunya. Kemungkinan baginda s.a.w. memerlukannya tetapi anda menderhaka aku dan kembali dalam keadaan menangis. Maka aku pun bertanya kepada anda, lalu anda berkata: Anda telah menyerangnya (Ali a.s) dan anda berkata kepadanya: Wahai Ali! Aku berhak bersama Rasulullah s.a.w satu hari daripada sembilan hari. Sesungguhnya anda telah menyibukkannya daripada aku. Anda juga telah memberitahu aku bahawa Rasulullah s.a.w telah berkata kepada anda: Anda memarahinya (Ali). Tiada seorang pun daripada keluarga aku dan umat aku yang memarahi Ali melainkan terkeluar imannya? Aisyah menjawab: Ya.

Pada hari Rasulullah s.a.w mahu musafir, aku telah menyediakan makanan untuknya, maka baginda s.a.w. bersabda kepada aku: Seorang di kalangan isteri-isteri aku akan menjadi pemilik unta betina dan akan disalak oleh anjing-anjing di Hau'ab. Maka aku mengangkat tangan aku dari menyediakan makanannya dan aku berkata: Aku memohon perlindungan Allah supaya ia tidak berlaku kepada aku. Maka baginda s.a.w. bersabda: Demi Tuhan, salah seorang daripada kamu berdua akan melakukannya, bertakwalah kepada Allah wahai Humaira' supaya anda tidak melakukannya. Adakah anda masih mengingatinya wahai 'Aisyah? Aisyah menjawab: Ya.

Pada hari kita bersiar-siar di hadapan Rasulullah s.a.w, anda telah memakai pakaian aku dan aku telah memakai pakaian anda. Maka Rasulullah s.a.w datang, lalu duduk di sisi anda dan bersabda: Adakah anda menyangka wahai Humaira' bahawa aku tidak mengenali anda? Sesungguhnya umat aku akan menghadapi anda pada suatu hari yang pahit atau pada hari yang berdarah. Adakah anda masih mengingatinya wahai 'Aisyah?

Pada hari aku dan anda berserta Rasulullah s.a.w, tiba-tiba datang bapa anda dan sahabatnya meminta izin. Maka aku pun memasuki bilik aku. Kemudian mereka berdua berkata: Wahai Rasulullah! Kami tidak mengetahui kadar kedudukan anda tentang kami, adalah lebih baik,jika anda jadikan untuk kami seorang yang boleh kami mendatanginya selepas anda (*fa-lau ja'al-ta lana insanan na'ti-hi ba'da-ka*). Baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya aku mengenali kedudukannya dan aku mengetahui tempatnya, jika aku memberitahu kamu mengenainya, nescaya kamu akan berpecah sebagaimana berpecahnya Bani Israel daripada Isa bin Maryam (*Lau akhbartu-kum bi-hi la-tafarraqt-um 'an-hu ka-ma tafarraqat Bani Israel*). Apabila mereka berdua keluar, maka aku dan anda keluar kepadanya dan anda berdukacita ke atasnya sambil berkata: Siapakah yang anda akan melantiknya untuk mereka? Baginda s.a.w. bersabda: Tukang kasut(*khasif al-Na'al*). Ali bin Abu Talib membaiki kasut Rasulullah s.a.w apabila ia rosak, membasuh kainnya apabila ia kotor. Maka aku berkata: Aku tidak melihat melainkan Ali,

maka baginda s.a.w bersabda: Beliaulah orangnya, adakah anda masih mengingatinya wahai 'Aisyah? Aisyah menjawab: Ya.

Pada hari Rasulullah s.a.w mengumpulkan kita di rumah Maimunah dan bersabda: Wahai isteri-isteri aku! Bertakwalah kepada Allah dan janganlah seorang pun daripada kamu musafir. Adakah anda masih mengingatinya wahai 'Aisyah? Aisyah menjawab: Ya.

Kemudian aku pun keluar dan utusannya juga keluar dan menyeru kepada orang ramai: Siapa yang ingin keluar, maka hendaklah dia keluar kerana Umm al-Mukminin akan keluar. Lantas Abdullah bin al-Zubair memasukinya dan membisikkan pada telinganya dan hatinya yang belum membuat keputusan. Utusannya keluar dan menyeru: Siapa yang ingin berjalan, maka hendaklah beliau berjalan, kerana Ummu al-Mukminin akan keluar. Apabila 'Aisyah menyesal, maka Ummu Salmah mengeluarkan bait-bait syair berikut:

Jika seorang yang berpegang masih tergelincir
Maka 'Aisyah adalah seorang daripada mereka
Berapa tahun sahaja dia meninggalkan Rasulullah
Membaca ayat-ayat al-Qur'an dan mengkajinya
Kadang-kadang Allah mencabut akal manusia
Sehingga dengannya ia menghukum ke atas manusia
Allah merahmati Ummu al-Mukminin sesungguhnya
Dia telah bertukar dari keriuhan kepada ketenangan

Ali A.S Menghantar Sa'sa'ah bin Sauhan Kepada Khawarij

Muhammad bin Ali telah memberitahu kami berkata: Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami berkata: Al-'Akliy al-Hirmari telah memberitahu aku daripada Salih bin Aswad bin San'an al-Ghanawi berkata: Masma' bin Abdullah al-Basri telah memberitahu aku daripada seorang lelaki berkata: Ali bin Abu Talib a.s mengutus Sa'sa'ah bin Sauhan kepada Khawarij. Mereka berkata kepadanya: Bagaimana pendapat anda sekiranya Ali bersama kami di tempat kami. Adakah anda akan bersamanya? Sa'sa'ah menjawab: Ya. Mereka berkata: Jika begitu keadaannya, maka anda bertaklid kepada Ali sebagai agama anda? Kembalilah anda, kerana anda tidak ada agama. Sa'sa'ah berkata kepada mereka: Celakalah anda! Tidakkah aku bertaklid kepada orang yang bertaklid kepada Allah, Ali sentiasa benar di dalam menjalankan urusan Allah.

Tidakkah Rasulullah s.a.w telah mengemukakannya di dalam peperangan sehingga beliau dapat mengalahkan musuh, memadamkan api peperangan dengan tegas dan berjuang kerana zat Allah s.w.t. Itulah gambaran Rasulullah s.a.w dan muslimin terhadapnya. Di manakah kamu akan pergi? Siapakah yang kamu mahu? Dari bulan yang terang,

lampu yang cerah, jalan Allah yang lurus? Allah akan membunuh kamu di mana kamu berada. Adakah pada al-Siddiq al-Akbar dan al-Gharadh al-Aqsa (Ali a.s) kamu lontarkan? Akal kamu telah pudar ingatannya, muka kamu manjadi hudoh, kamu telah menaiki bukit yang kecil dan menjauhkan tempat yang mengandungi air. Adakah kamu menyasarkan Amir al-Mukminin dan wasi Rasulullah s.a.w? Kamu akan mendapat kerugian yang besar dan ia lebih jauh lagi bagi orang-orang kafir yang zalim. Syaitanlah yang telah memesongkan kamu daripada petunjuk. Penentangan kamu telah membutakan kamu daripada hujah yang terang.

Abdullah bin Wahab al-Rasibi berkata kepadanya: Kamu telah bercakap wahai anak lelaki Sauhan seperti suara seekor unta yang tersesak nafasnya. Beritahukan sahabat anda bahawa kami akan memeranginya di atas dasar hukum Allah dan al-Qur'an. Kemudian Abdullah bin Wahab telah mengeluarkan beberapa bait syair. Al-'Akli al-Hirmariy berkata: Aku tidak mengetahui sama ada bait-bait itu kepunyaannya atau pun tidak:

Kami memerangi kamu bagi melaksanakan kebenaran
Kami menentang kamu demi mencapai kemenangan
Jika kamu mencari hukum Allah,kami berpihak kepada kamu
Apabila kami mendapati kebenaran, keamanan dan keamanan
Jika tidak, al-Masyrafiyyah akan berada
Di tangan lelaki yang beragama dan berilmu

Sa'sa'ah berkata: Wahai saudara Rasibi Seolah-olah aku sedang melihat kepada anda berlumuran dengan darah anda dan burung akan singgah di atas anggota anda. Seruan anda tidak dijawab kerana Imam yang mendapat hidayah menguasai anda.

Al-Rasibi berkata:

Singa akan diketahui apabila kita bertarung
Peranannya ke atasnya atau ke atas kami

Beritahu sahabat anda bahawa kami tidak mengundur diri daripadanya atau dia mengakui kekafirannya kepada Allah atau Dia mengampunkan daripada dosanya. Sesungguhnya Allah menerima taubat, kuat balasan-Nya, mengampuni taubat. Apabila dia melakukan semua ini maka kami akan mempertimbangkannya.

Sa'sa'ah berkata: " Di waktu pagi mereka memuji berjalan di waktu malam". Kemudian Sa'sa'ah kembali kepada Ali a.s dan memberitahunya apa yang telah berlaku di antaranya dengan goongan Khawarij. Ali a.s berkata:

Dua utusan aku mahu berhenti Kemudian Mereka memegang
tangan dengan tangan bersama mengambil bahagian untuk aku

Kecelakaan bagi mereka wahai Ibn Sauhan! Sesungguhnya aku telah dijanjikan untuk mereka dan akulah sahabat mereka. Aku tidak berbohong dan tidak dibohongi. Sesungguhnya hari peperangan akan berlaku di antara mukminin dan penderhaka. Alangkah jauhnya mereka daripada Roh Allah! Kemudian beliau a.s berkata:

Apabila kuda berjalan pada pemuda dan terdedah
Kebengisan dia tidak meminta selain dari tikaman
Pemuda hanya bertemu lawannya berdepan
Apabila ia gementar menakutkan pengecut

Kemudian beliau a.s. mengangkat kepalanya dan dua tangannya ke langit dan berkata: Wahai Tuhanku, saksikanlah (beliau a.s. ulangi sebanyak tiga kali) Sesungguhnya keuzuran telah diberikan kepada mereka yang telah diberi peringatan. Dengan Engkau aku pohon pertolongan, kepada Engkau aku merayu, di atas Engkau aku bertawakal. Kepada Engkau kami menolak pembunuhan mereka, mereka terus angkuh di dalam kebatilan, Allah hanya menerima kebenaran. Kemudian beliau a.s. memberi isyarat kepada para sahabatnya dan berkata: Bersiaplah untuk menghadapi musuh kamu. Sesungguhnya kamu akan mengalahkan mereka dengan izin Allah. Kemudian beliau a.s. membaca akhir Surah Ali Imran.

Tulisan Tangan Abd al-Muttalib

Muhammad bin Ali telah memberitahu kami berkata: Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami berkata: Abd al-Rahman anak saudara lelaki al-Asma'i telah memberitahu kami daripada bapa saudaranya (*'ammu-hu*) berkata: Sebahagian sahabat kami telah memberitahuku daripada Abd al-Rahman bin al-Khalid bin Abu al-Hasan Jumhur, hamba al-Mansur berkata: Sebahagian daripada anak lelaki Sulaiman bin Ali telah mengeluarkan kepada aku satu surat dengan khat Abd al-Muttalib iaitu seakan-akan khat perempuan: Dengan nama Engkau, wahai Tuhanku (ini) adalah peringatan tentang hak Abd al-Muttalib bin Hasyim daripada ahli Makkah ke atas polan bin polan al-Humairi daripada ahli Zul San'a'. Di atasnya seribu dirham perak yang baik mengikut timbangan yang baru. Apabila beliau berdoa

dengannya, maka Allah akan menerima doanya. Allah telah menyaksikannya dan dua malaikat-Nya[165].

Hadis Rasulullah S.A.W Tentang Anggur

Abu al-Hasan Ali bin Zanjawaih al-Dainuwari telah memberitahu kami berkata: Abu Uthman Sa'id bin Ziad telah memberitahu kami di Qaryah Ram berkata: Abu Ziad bin Qaid telah memberitahuku daripada bapanya Qaid bin Ziad daripada datuknya Ziad bin Abu Hindun daripada Abu Hindun al-Dari berkata: Rasulullah s.a.w telah dihadiahkan dengan satu talam hidangan yang ditutup. Lalu baginda s.a.w. membukanya dan bersabda: Makanlah kamu semua dengan nama Allah, sebaik-baik makanan adalah anggur, kerana ia menguatkan saraf, menghilangkan rasa sakit, memadamkan kemarahan, meredai Tuhan, menghilangkan kahak, menyedapkan bauan nafas dan melicinkan kulit"[166].

Ali bin Zanjawaih telah memberitahu kami berkata: Salmah bin Musayyab telah memberitahu kami berkata: Abd al-Razak telah memberitahu kami daripada Mu'ammar daripada Ibn Tawus daripada bapanya daripada Abu Hurairah bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w bersabda: Siapa yang bersumpah (*halafa*) dan berkata: Insya' Allah, maka dia telah mengecualikannya (*istathna*). Dan bersabda:

Wahai gharib yang berjalan di antara bukit-bukit
Wahai bukit-bukit temanlah al-Gharib
Wahai gharib daripada ahlinya dan malam-malam
Allah akan mengembalikan anda dalam keadaan
Selamat wahai gharib!

Surat Muhammad bin Abu Bakr Kepada Mu'awiyah

Daripada Muhammad bin Abu Bakr r.a. kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan: Salam ke atas ahli taat kepada Allah daripada ahli wilayat Allah.

Amma ba'du. Adapun kemudian daripada itu bahawa sesungguhnya Allah dengan segala ketinggian, kebesaran dan kekuasaan-Nya telah mencipta makhluk-Nya tanpa sia-sia, tanpa kelemahan kepada kekuatan-Nya, tanpa memerlukannya tetapi Dia telah menciptakan mereka sebagai hamba. Kemudian Dia telah mencipta di kalangan mereka yang bodoh terdapat yang cerdik dan yang celaka terdapat yang bahagia. Kemudian Dia memilih Muhammad s.a.w sebagai Rasul di atas

---

165 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi, 36
166 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 845

keilmuan-Nya. Orang yang pertama yang menyahuti seruan Muhammad s.a.w. serta membenarkannya, beriman dan menerima Islam adalah saudaranya yang juga sepupunya iaitu Ali bin Abu Talib. Ali telah membenarkannya dalam keghaiban yang masih tersembunyi. Baginda s.a.w telah mencintai Ali dberbanding dengan semua sahabat yang lain, menjaganya, menyamakan dirinya dengannya dalam setiap ketakutan.

Memerangi mereka yang memeranginya, berdamai dengan mereka yang berdamai dengannya (Ali). Beliau s.a.w sentiasa menjaga dirinya di masa ketakutan, kelaparan dan kesusahan sehingga Allah memenangkan hujahnya. Sesungguhnya aku melihat anda, wahai orang yang sesat, menjemukannya (Ali). Anda adalah tetap anda dan beliau adalah tetap beliau. Orang yang terkemuka pada setiap masa, orang yang pertama Islam, paling benar niatnya, orang yang paling mulia zuriatnya, orang yang paling baik isterinya, orang yang paling baik persaudaraannya, sepupunya, wasinya, pilihannya, saudaranya yang menggadaikan dirinya di dalam peperangan Mu'tah. Bapa saudaranya (*'ammu-hu*) penghulu para syahid dalam peperangan Uhud dan bapanya seakan-akan muka Rasulullah s.a.w.

Anda adalah *al-La'in* (terkutuk) anak lelaki *al-La'in*. Anda dan bapa anda sentiasa menzalimi Rasulullah s.a.w, berusaha memadamkan cahaya-nya, berkumpul menentangnya secara umum, menghasut kabilah-kabilah menentangnya, membelanjakan harta bagi menentangnya. Bapa anda telah mati di dalam keadaan sedemikain dan anda mengikutinya di dalam penentangan. Perkara yang menjadi saksi ke atas anda adalah perbuatan anda sendiri di mana saki baki golongan al-Ahzab, kepala-kepala munafik, ahli perpecahan dan penentangan terhadap Rasulullah s.a.w dan Ahlu l-Baitnya berlindung kepada anda. Mereka yang menjadi saksi kepada Ali bin Abu Talib a.s adalah penolong-penolongnya yang bersama-samanya. Kelebihan mereka telah disebut di dalam al-Qur'an. Allah telah memuji ke atas mereka yang terdiri di kalangan muhajirin dan ansar, maka mereka adalah bersama-samanya dengan beberapa pasukan tentera di sekelilingnya mengangkat pedang-pedang mereka, mengalirkan darah mereka tanpanya, mereka melihat kebenaran di dalam mengikutinya dan kecelakaan di dalam menyalahinya. Bagaimana anda, neraka untuk anda. Bgaimana anda menyamai diri anda dengan Ali.

Sedangkan Ali adalah saudara Rasulullah, wasinya, bapa kepada anak-anaknya. Orang yang pertama menjadi pengikutnya, orang paling terakhir membuat perjanjian dengannya, beliau s.a.w telah memberitahu kepadanya rahsianya dan berkongsi di dalam urusannya sedangkan anda adalah musuhnya dan anak lelaki musuhnya. Oleh itu, bergembiralah sekejap-apa yang anda mampu- dengan kebatilan anda, dan 'Umru bin al-'As membantu anda di dalam kesesatan anda. Ajal anda seolah-olah telah berakhir, dan penipuan anda telah lemah.

Kemudian anda meminta penjelasan daripada orang yang akan mendapat kedudukan yang tinggi. Dan ketahuilah bahawa anda sedang menipu Tuhan anda(*tukayidu rabba-ka*), anda telah menyelamatkan "tipudaya-Nya" pada diri anda, anda telah berputus asa daripada roh-Nya, Dia sedang menunggu anda, anda di dalam kesangsian daripada-Nya, Allah, Rasul-Nya, dan keluarganya tidak memerlukan anda. Salam kepada mereka yang mengikut petunjuk.

Muhammad bin Abu Bakr telah menulis beberapa bait syair kepada Mu'awiyah seperti berikut:

Mu'awi nafsu ku tidak akan membawa ku
Kepada anda,aku tidak menyembunyikan
Perkara yang aku tidak iklankan
Dan aku juga tidak terbawa kepada anda apabila
Aku menyaksikan pecahan anak panah dan tidak takut
Di dalam peperangan
Anda menyelesaikan peperangan secara pengecut
Sebagai angan-angan pengecut dan anak pengecut
Aku kira anda salah satu daripada tiga anda telah
Melihatnya dengan mata anda atau perkara yang
anda tidak melihatnya
Anda menunggang peperangan selepas keamanan
Dengan angkuh
Sesungguhnya kuku bintang telah berdarah dan
Hujung pedang terpatah
Api yang terkeluar daripada dua tapak tangan
Menyembunyikan nyala api
Kejahilan dikemukakan kepada anda oleh tukang
Tenung
Sentuhan anda kepada kunci kuda liar membawa
anda kepada sarang burung merpati
Anda menentang kerana maruah akan ahlinya
Di dada anda terdapat penyakit yang tersembunyi

Apabila Mu'awiyah membaca surat Muhammad, maka beliau terus menjawabnya:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim, daripada Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada Muhammad bin Abu Bakr yang menghina bapanya. *Amma ba'd*, adapun kemudian daripada itu, sesungguhnya surat anda telah sampai kepada aku. Anda telah menyebut tentang kekuasaan Allah dan pemilihan Rasul-Nya serta percakapan yang anda ciptakannya. Pendapat anda adalah lemah dan mengenai bapa anda adalah keras. Anda telah menyebut kelebihan Ali bin Abu Talib, pemeluk agama Islam

yang terawal, kerabat Rasulullah s.a.w yang terdekat, pertolongannya untuknya dan temannya pada setiap ketakutan.

Hujah anda ke atasku dan penghinaan anda terhadap ku adalah dengan kelebihan orang lain bukan kelebihan anda sendiri. Justeru itu aku memuji Allah kerana memalingkan kelebihan tersebut daripada anda dan telah menjadikannya untuk orang lain. Sesungguhnya kami dan bapa anda telah bersama kami pada masa hidup Nabi s.a.w. Kami melihat hak Ali bin Abu Talib adalah untuk kami dan kelebihannya adalah terserlah ke atas kami sehingga Allah memilih Nabi-Nya dan menyempurnakan janji-Nya.

Kemudian Allah mematikan Nabi-Nya. Orang pertama yang menentang Ali adalah bapa anda dan faruqnya ('Umar). Mereka berdua telah menentang Ali di dalam urusannya. Lantaran itu mereka berdua bersatu, kemudian mereka berdua memaksa Ali supaya memberi baiah kepadanya. Tetapi Ali sengaja melambat-lambatkannya dan memberi sebab kelambatannya kepada mereka berdua. Mereka berdua memahami kesedihannya. Kemudian dia memberi baiah kepada mereka berdua dan memberi salam. Mereka berdua tidak berkongsi dengannya di dalam urusan mereka berdua. Tidak juga memberitahu rahsia mereka berdua kepada Ali sehinggalah mereka berdua mati. Kemudian datang orang ketiga selepas mereka berdua 'Uthman bin 'Affan yang mengikut jejak langkah mereka berdua. Namun anda dan sahabat anda telah menghina Uthman sehingga ahli maksiat tamak kepadanya. Kemudian kamu berdua telah melahirkan permusuhan ke atasnya sehingga kamu berdua mencapai tujuannya.

Berwaspadalah wahai Anak lelaki Abu Bakr. Kiaslah jengkal anda dengan telunjuk anda. Bagaimana anda menentang mereka yang mempunyai cita-cita sebesar gunung tetapi tidak sepenat bapa anda yang telah menyediakan tempat untuknya. Jika kami benar di dalam perkara ini, maka bapa anda adalah orang pertamanya, kami hanya pengikutnya. Jika ianya zalim, maka bapa anda adalah orang yang pertama yang mengasaskan binaannya. Kami hanya telah mengikutinya. Jika bapa anda tidak melakukannya pada awal lagi, nescaya kami tidak menentang Ali dan kami telah menyerahkan diri kami kepadanya. Walau bagaimanapun hinalah bapa anda sebanyak mana yang anda mahu atau membiarkannya sahaja. Salam kepada mereka yang telah bertaubat dan kembali daripada kesesatannya.

Pengertian Pakaian Indah, Pakaian Takwa dan Orang-Orang Yang berjihad Untuk Kami

Diriwayatkan daripada Zaid bin Ali bahawa beliau berkata tentang firman-Nya Surah al-A'raf (6):26 "*Pakaian indah dan pakaian takwa*" Pedang (*al-Saif*).

Diriwayatkan daripada Abu Ja'far Muhammad bin Ali a.s tentang firman-Nya di dalam Surah al-Ankabut (29):69 "*Dan orang-orang yang berjihad (jahadu fi-na) untuk kami, nescaya kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan kami. Dan sesungguhnya Allah berserta orang-orang berbuat baik*" Beliau a.s berkata: Ayat ini diturunkan pada kami Ahlu l-Bait.

Kathir al-Nuwa dan Zaid bin Ali bin al-Husain A.S

Diriwayatkan daripada Abu Mu'ammar berkata: Kathir bin al-Nuwa datang, lalu beliau memberi baiah kepada Zaid bin Ali, kemudian beliau menarik balik baiahnya dan berkata:

Bagi peperangan kaum yang dijadikan untuk mereka
Bagi perniagaan dan sultan ada beberapa kaum[167]

Ali A.S Lebih Baik Daripada Mereka Berdua

Diriwayatkan daripada Hakam bin Jubair berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far bin Muhammad bin Ali a.s: Sesungguhnya Sya'bi meriwayatkan di sisi kami di Kufah bahwa Ali berkata: Sebaik umat ini selepas Nabi-Nya ialah Abu Bakr dan 'Umar. Maka beliau berkata: Lelaki tersebut melebihkan ke atas dirinya orang yang tidak sepertinya kerana mencintainya dan memuliakannya. Kemudian aku datang berjumpa dengan Ali bin al-Husain a.s memberitahunya tentang perkara tersebut. Beliau a.s. telah memukul paha aku dan berkata: Beliau a.s. (Ali) adalah lebih baik daripada mereka berdua.

Zuhair bin Mu'awiyah dan Makhul

Diriwayatkan daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Abdullah bin Muhammad bin 'Umar bin Ali bin Abu Talib a.s berkata: Aku telah berkata kepada Abu Nu'aim al-Fadhl bin al-Dakin: Zuhair bin Mu'awiyah bin Khadij bin al-Rahil telah menjaga pos kawalan Zaid bin Ali? Beliau berkata: Ya, beliau adalah lebih jahat daripada itu, datuknya yang bernama al-Rahil adalah di kalangan mereka yang telah membunuh al-Husain a.s[168].

Diriwayatkan daripada Sa'id bin Abd al-'Aziz berkata: Biasanya Makhul apabila disebut Ali, beliau tidak mahu menamakannya dengan nama Ali, beliau hanya berkata: Abu Zainab. Diriwayatkan daripada Ibn Abbas berkata: Sesungguhnya Bani Umayyah telah memijak lubang

---

[167] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 50
[168] *Ibid*

telinga agama Islam dan mereka menyembelihnya dengan pisau besar dan panjang.

Diriwayatkan daripada Ibn Kudainah al-Audi berkata: Seorang lelaki berdiri di hadapan Amir al-Mukminin a.s dan bertanya kepadanya tentang firman-Nya Surah al-Hujarat (49):1 "*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya*" kepada siapakah ayat ini di turunkan? Beliau a.s. menjawab: Pada dua orang lelaki Quraisy[169].

Hadis Jabir al-Ja'fi dan Abu Ja'far A.S Tentang Surah al-Jumu'at

Diriwayatkan daripada Jabir al-Ja'fi berkata: Pada suatu malam aku berada di sisi Abu Ja'far a.s. Aku membaca ayat dalam Surah al-Jumu'at (62) :9-10 "*Wahai orang-orang yang beriman,apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu (fa-s'au) kepada mengingati Allah (zikri l-Lahi)*". Beliau a.s. berkata: Bagaimana anda membacanya wahai Jabir? Aku berkata: "*Wahai orang-orang yang beriman, apabila diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu (fa-s'au) kepada mengingati Allah.* Beliau a.s berkata: Ini adalah *tahrif*[170] wahai Jabir.

Aku berkata: Bagaimana aku membacanya-Allah telah menjadikan diri aku tebusan anda-? Beliau a.s berkata: *fa mdhau ila zikri l-Lahi,* bukan *fa-s'au ila zikri l-Lahi,* begitulah ia diturunkan. Jika ia adalah *Sa'yan* seperti di dalam ayat, maka ia bererti *'adwan* (berlari dengan cepat) sedangkan Rasulullah s.a.w tidak menyukainya. Baginda s.a.w. membenci lelaki yang berlari dengan cepat bagi menunaikan solat.

Wahai Jabir! Kenapakah hari Jumaat dinamakan Jumaat? Aku berkata: Anda beritahu aku, Allah telah menjadi diri aku tebusan anda. Beliau a.s. berkata: Wahai Jabir, Allah menamakan hari Jumaat sebagai Jumaat kerana Allah pada hari itu dikumpulkan mereka yang terdahulu (*al-Awwalin*), mereka yang terkemudian (*al-Akhirin*). Kesemua makhluk Allah yang terdiri daripada Jin, manusia dan segala yang telah dijadikan oleh Tuhan kita terdiri daripada langit, bumi, laut, syurga, neraka. Segala yang dijadikan Allah di dalam *al-Mithaq*. Dia telah mengambil *al-Mithaq* daripada mereka untuk-Nya dengan ketuhanan-Nya (*al-Rububiyyah*). Untuk Muhammad s.a.w dengan kenabiannya (*al-Nubuwwah*). Untuk Ali a.s dengan kewaliannya (*al-Wilayah*).

Pada hari itu Allah berfirman kepada langit dan bumi dalam Surah Fussilat (41) :11 "*Datanglah kamu berdua menurut perintah-Ku dengan suka hati atau terpaksa. Mereka berdua menjawab: Kami datang dengan suka hati* " Justeru itu Allah menamakannya Jumaat kerana Dia telah

---

169 Abu Bakr dan 'Umar

170 Perubahan atau pertukaran

mengumpulkan pada hari tersebut mereka yang terdahulu dan mereka yang terkemudian. Kemudian Dia berfirman: *Wahai orang-orang yang beriman,apabila diseru untuk menunaikan solat (al-Salat) pada hari* Jumaat* iaitu hari Dia telah mengumpulkan kamu padanya. *Al-Salat* adalah Amir al-Mukminin a.s. Yang dimaksudkan dengan *al-Salat* ialah *al-Wilayah* iaitu *al-Wilayah al-Kubra*. Pada hari itu para nabi, para rasul dan para malaikat, malah setiap suatu yang dijadikan Tuhan; manusia dan Jin, langit, bumi dan mukminun mengucap *talbiah* kepada Allah a.w (*fa mdhau ila zikri l-Lahi*).

Zikri l-Lahi adalah Amir al-Mukminin a.s *wa dharu l-Bai'a* (tinggalkanlah jual beli). Apa yang dimaksudkan dengan *al-Bai'a* adalah yang pertama (Abu Bakr). *Dhali-kum* (yang demikian itu) iaitu baiah Amir al-Mukminin a.s dan wilayahnya. *Khairun la-kum* (lebih baik bagi kamu) dari baiah yang pertama (Abu Bakr) dan wilayahnya sekiranya kamu mengetahui (*in kuntum ta'lamun*). *Fa-idha qudiati s-Salatu* (apabila selesai menunaikan solat) iaitu baiah Amir al-Mukminin a.s, *fa ntasyiru fi l-Ardh* (bertebaranlah kamu di bumi). Apa yang dimaksudkan dengan *al-Ardh* (bumi) adalah para wasi (*al-Ausiya'*). Allah memerintahkan supaya mentaati mereka dan mewalikan mereka sebagaimana Dia telah memerintahkan supaya mentaati Rasul dan mentaati Amir al-Mukminin a.s. Allah menggantikan nama mereka dengan nama *al-Ardh* sebagai kinayah. *Wa- btaghu fadhla l-Lahi*. Maka Jabir berkata: *wa- btaghu min fdhli l-Lahi*. Abu Ja'far a.s berkata: Ini juga *tahrif*, tidak sebagaimana ia diturunkan iaitu carilah kelebihan Allah ke atas para wasi "Dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung"

Kemudian Allah a.w berfirman: Wahai Muhammad, *idha raau* (apabila mereka yang syak atau menentang melihat) *tijaratan* (perniagaan) iaitu yang pertama (Abu Bakr) atau *lahwan* (permainan) iaitu yang kedua ('Umar) mereka kembali kepadanya (*insarafu ilai-ha*). Aku berkata: *Infadhdhu ilai-ha*. Beliau a.s berkata: Ini juga tahrif .Apa yang diturunkan ialah *insarafu ilaiha* di tempat *infadhdhu ilai-ha*. *Wa taraku-ka* (mereka telah meninggalkan kamu) bersama Ali sedang berdiri. Katakanlah wahai Muhammad *ma inda-l-Lahi* (apa yang ada di sisi Allah) iaitu wilayah Ali dan para wasi yang lain *khairun mina l-Lahwi wa t-Tijarati* (lebih baik daripada perniagaan dan permainan) iaitu lebih baik daripada baiah kepada yang pertama dan yang kedua bagi mereka yang bertakwa. Allah adalah sebaik baik pemberi rezeki.

Kelebihan Hari Jumaat dan Malamnya

Diriwayatkan daripada Jabir bin Yazid daripada Abu Ja'far a.s bahawa beliau a.s. ditanya tentang hari Jumaat dan malamnya. Beliau a.s. berkata: Malamnya bercahaya, harinya berseri, tiada satu hari di bumi di mana matahari condong lebih bebas daripada neraka selain

pada hari Jumaat. Sesiapa mati pada hari Jumaat di dalam keadaan mengetahui hak Ahlu l-Bait a.s akan ditulis untuknya terlepas (*bara'ah*), daripada neraka dan terlepas daripada azab kubur. Sesiapa yang mati pada malam Jumaat, dia akan dibebaskan (*'utiqa*)daripada neraka[171].

Ali bin Mihziyar meriwayatkan secara *marfu'* kepada Abu Abdullah a.s berkata: Sesiapa mati pada malam Jumaat di dalam keadaan mengetahui hak kami, dia dibebaskan daripada neraka dan ditulis untuknya terlepas daripada azab kubur.[172]

Khalifah-khalifah

Israfil telah berada (*qarana*) bersama Rasulullah s.a.w selama tiga tahun. Baginda s.a.w mendengar suaranya, tetapi tidak melihatnya. Kemudian Jibrail a.s berada bersamanya selama dua puluh tahun menyampaikan wahyu kepadanya. Bgainda s.a.w. berada di Makkah selama sepuluh tahun. Kemudian berhijrah ke Madinah dan menetap di sana selama sepuluh tahun. Baginda s.a.w mati pada usia enam puluh tiga tahun[173].

Abu Bakr mati ketika usia enam puluh tiga tahun dan memerintah selama dua tahun enam bulan[174].

'Umar dibunuh ketika usia enam puluh tiga tahun dan memerintah selama sepuluh tahun enam bulan.

'Uthman dibunuh ketika usia lapan puluh satu tahun dan memerintah selama dua belas tahun[175].

Amir al-Mukminin a.s dibunuh ketika usia enam puluh tiga tahun, tetapi orang ramai menyangka umurnya ketika itu lima puluh tujuh tahun. Beliau a.s telah memerintah selama lima tahun[176].

Mu'awiyah bin Abu Sufyan *la'ana-hu l-Lahu* mati ketika usia tujuh puluh lapan tahun dan memerintah selama dua puluh tahun[177].

Anaknya Yazid *la'anahu l-Lahu* mati ketika usia tiga puluh tiga tahun dan memerintah selama empat tahun.

Mu'awiyah bin Yazid mati ketika usianya dua puluh satu tahun dan memerintah selama empat puluh malam[178].

Marwan bin al-Hakam, Abd al-Malik bin Marwan, al-Walid bin Abd al-Malik, Sulaiman bin Abd al-Malik, 'Umar bin Abd al-Aziz bin Marwan,

---

171 Al-Kulaini, *al-Kafi*, iii, 415
172 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xviii, 474
173 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi, 553
174 Al-Majlis, *Bihar al-Anwar*, vii, 272-5
175 *Ibid*
176 Al-Kulaini, *al-Kafi*, I , 452
177 Al-Majlisi, *Bihar al, nwar*, vii, 562
178 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 34

Yazid bin Abd al-Malik, al-Walid bin Yazid bin Abd al-Malik, Yazid bin al-Walid bin Abd al-Malik, Ibrahim bin al-Walid bin Abd al-Malik, dan Marwan bin Muhammad al-Hammar.

Wasiat-Wasiat Nabi S.A.W Kepada Ali A.S

Bismillahi r-Rahmanir Rahim

Ahmad berkata: 'Umru bin Hafs dan Abu Nasr telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Haitham daripada Ishaq bin Najih daripada Husaib daripada Mujahid daripada al-Khudri berkata: Rasulullah s.a.w telah berwasiat kepada Ali a.s dan bersabda: Wahai Ali, apabila pengantin perempuan memasuki rumah anda, maka cabutlah kasutnya ketika beliau duduk dan basuhlah dua kakinya. Curahkan air dari pintu rumah anda ke pintu yang paling jauh, kerana apabila anda melakukannya, Allah akan mengeluarkan dari rumah anda tujuh puluh bahagian kefakiran dan memasukkan tujuh puluh bahagian keberkatan dan menurunkan ke atas anda tujuh puluh rahmat dibentangkan ke atas pengantin perempuan sehingga dia mendapati keberkatannya di setiap penjuru rumah anda. Ia juga aman daripada penyakit gila, penyakit kusta dan balar selama berada di rumah tersebut. Tegahlah pengantin perempuan di dalam minggu pertamanya daripada empat perkara: Susu, cuka, ketumbar dan buah epal yang masam.

Ali a.s berkata: Wahai Rasulullah! Apakah sebab utama empat perkara tersebut ditegah? Baginda s.a.w bersabda: Kerana rahim menjadi mandul dan sejuk daripada anak dengan perkara-perkara tersebut. Tikar di sudut rumah itu adalah lebih baik daripada perempuan yang tidak beranak.

Ali a.s berkata: Wahai Rasulullah! kenapakah cuka ditegah? Baginda s.a.w bersabda: Apabila perempuan datang haid selepas memakan cuka, maka haidnya tidak akan bersih dengan sempurna. Ketumbar akan membinasakan haid di perutnya dan menyukarkannya bersalin. Epal yang masam pula akan memutuskan haidnya dan akan menimbulkan penyakit kepadanya.

Kemudian Baginda s.a.w bersabda: Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri (*la tujami' imra'ata-ka*) pada awal bulan, pada pertengahan bulan dan pada akhir bulan kerana akan menyebabkan gila, kusta dan balar cepat menghidapinya dan anaknya

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda selepas zuhur, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, maka matanya akan menjadi juling (*ahwalu*). Syaitan akan bergembira dengan orang yang bermata juling.

Wahai Ali, janganlah anda bercakap-cakap ketika bersetubuh, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi bisu,

dan janganlah anda melihat kepada kemaluan perempuan anda, pejamkan mata anda ketika bersetubuh, kerana ia akan mewarisi buta kepada anak anda.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda dengan syahwat perempuan, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi khunsa yang hina.

Wahai Ali, jika anda di dalam keadaan berjunub di atas tempat tidur anda, maka janganlah anda membaca al-Qur'an, kerana aku takut api akan turun dari langit dan membakar kamu berdua.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda melainkan anda mempunyai kain (*khirqah*) dan isteri anda mempunyai kain yang lain, janganlah kamu berdua menyapunya dengan satu kain. Apabila syahwat akan bertemu syahwat maka ia akan membawa kepada perpisahan dan perceraian.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda di dalam keadaan berdiri, kerana itu adalah perbuatan keldai, jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan kencing di atas tilam seperti keldai yang kencing di setiap tempat.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda pada malam raya puasa, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan mungkir janji dan dia kelak akan mendapat anak pada usia yang tua.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda pada malam Raya Korban, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, aku takut ia akan mempunyai enam atau empat jari.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda di tengah kepanasan matahari melainkan anda membentangkan tabir, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, maka ia akan berada di dalam kesengsaraan dan kefakiran sepanjang hidup.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda di bawah pokok yang berbuah, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi keras kepala dan pembunuh.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda di antara azan dan *iqamah*, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan mengalirkan darah.

Wahai Ali, jika isteri anda hamil, maka janganlah anda bersetubuh dengannya melainkan anda berwuduk, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi buta hati dan tidak mahu memberi pertolongan kepada orang lain.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda pada pertengahan bulan Sya'ban (*nisf al-Sya'ban*), kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi lebam di mukanya.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda pada akhir bulan (iaitu dua hari dipenghujung bulan) kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi papa kedana.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda dengan syahwat saudara perempuan isteri anda, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi perompak, penolong kepada orang yang zalim atau pembinasa manusia yang ramai.

Wahai Ali, apabila anda bersetubuh dengan isteri anda, maka bacalah: Wahai Tuhanku! Jauhilah aku daripada syaitan dan jauhilah syaitan dari apa yang Engkau kurniakan kepada aku" jika kamu berdua mendapat anak kelak, syaitan tidak dapat memudaratkannya.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda di bawah bumbung binaan (bukan rumah), kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi munafik, mahu menunjuk-nunjuk dan melakukan bid'ah.

Wahai Ali, jika anda keluar musafir, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda pada malam itu, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan membelanjakan hartanya tidak pada tempatnya. Rasulullah s.a.w membaca Surah al-Isra' (17):27 " *Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan.*"

Wahai Ali, jika anda keluar musafir tiga hari dan tiga malam, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia kan membantu kepada orang yang zalim.

Wahai Ali, bersetubuhlah dengan isteri anda pada malam Isnin, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjaga kitab Allah dan reda dengan rezeki yang dikurniakan Allah kepadanya.

Wahai Ali, jika anda bersetubuh dengan isteri anda pada malam Selasa dan kamu berdua mendapat anak, ia akan mati syahid selepas syahadah bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Pesuruh-Nya. Dia tidak akan diseksa oleh Allah bersama-sama musyrikin. Bau mulutnya menjadi harum bersih lidahnya daripada mengumpat dan pembohongan.

Wahai Ali, jika anda bersetubuh dengan isteri anda pada malam Khamis dan jika kamu berdua mendapat anak, ia akan menjadi bijak atau alim dan jika anda bersetubuh dengan isteri anda ketika matahari condong dan mendapat anak, syaitan tidak akan mendekatinya sehingga dia beruban. Dia akan menjadi seorang fakih. Allah akan mengurniakan kepadanya keselamatan dunia dan akhirat.

Jika anda bersetubuh dengannya pada malam Jumaat dan mendapat anak, ia akan menjadi seorang khatib dan pandai berbicara. Jika anda bersetubuh dengannya pada hari Jumaat selepas asar dan kamu berdua mendapat anak, ia akan menjadi seorang yang terkenal dan alim. Jika anda bersetubuh dengannya pada malam Jumaat selepas

Isya' akhir, adalah diharapkan anak anda kelak menjadi salah seorang *abdal* [179]Insya' Allah.

Wahai Ali, janganlah anda bersetubuh dengan isteri anda pada awal jam malam, kerana jika kamu berdua mendapat anak kelak, ia akan menjadi tukang tenung dan tukang sihir, cinta kepada dunia daripada akhirat. Wahai Ali, hafazlah wasiat aku ini sebagaimana aku telah menghafaznya daripada Jibrail a.s.

Hadis Tentang Percakapan Sebahagian Binatang

Beliau berkata: Ibn Abbas berkata: Kami telah menyaksikan satu majlis Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s bersama-sama kami beberapa orang asing, mereka memberi salam kepadanya dan berkata: Kami datang kepada anda kerana mahu bertanya enam perkara, jika anda dapat memberitahu kami, kami akan beriman dan kami membenarkannya. Jika tidak, kami akan membohongi dan mengingkari anda.

Ali a.s berkata: Kemukakan soalan-soalan kamu kerana ingin tahu dan bukan kerana kedegilan kamu. Mereka berkata: Beritahu kami apakah yang dikatakan oleh kuda, keldai, landak, burung jambul, ayam jantan dan katak-katak ketika mengeluarkan suara atau bunyi mereka?

Ali a.s berkata: Apabila bertembung dua kumpulan dan lelaki berjalan kepada lelaki dengan pedang, maka kuda akan mengangkat kepalanya dan berkata: *Subhana l-Maliki l-Quddusi* (Maha suci Raja yang Kudus) Keldai berkata: *Allahumma il'an al-'asysyarin* (wahai Tuhanku, laknatilah mereka yang zalim). Ayam jantan berkata di waktu sahur: *Uzkuru l-Laha ya Ghafilin* (Ingatlah kepada Tuhan wahai orang-orang yang lalai). Katak-katak berkata: *Subhana l-Ma'bud fi lujaji l-Bihar* (Maha Suci Yang disembah di lautan yang dalam). Landak berkata: *Al-Rahmanu 'ala l-'Arsy l-stawa* (Yang Maha Pemurah menduduki *singgahsana*). *Burung jambul pula berkata: Allahumma il'an mubghidhi ali Muhammad* (wahai Tuhanku, laknatilah orang yang memusuhi ali Muhammad).

Ibn Abbas menyatakan: Mereka berkata: Kami telah percaya dan kami telah membenarkannya. Tidak ada sesiapapun di atas muka bumi ini yang lebih alim daripada anda. Ali a.s berkata: Tidakkah aku memberi faedah kepada kamu? Mereka berkata: Ya. Wahai Amir al-Mukminin. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya kuda setiap hari mempunyai tiga doa yang mustajab, ia berkata pada awal siangnya: *Allahumma wassi' 'ala sayyidi al-Rizqa* (Wahai Tuhanku, kurnialah ke atas tuanku rezekinya) Ia berkata di pertengahan harinya: *Allahumma j'alni ahabba ila sayyidi min ahli-hi wa mali-hi* (Wahai Tuhanku, jadikan diri aku lebih dikasihi oleh tuanku daripada keluarganya dan hartanya,

[179] Pembantu-pembantu para Imam a.s

ia berkata pada akhir siangnya: *Allahumma r- zuq sayyidi 'ala zahri al-Syahadah* (Wahai Tuhanku, kurniakanlah tuanku di atas belakang aku kesyahidan[180].

Penukaran Bentuk Manusia dan Sebabnya

Bismillahi r Rahmanir Rahim

Muhammad bin Abu 'Atikah al-Dimasqi berkata: Al-Walid bin Salmah al-Azadi telah memberitahu aku daripada Abd al-Rahman al-Qurasyi daripada Huzaifah bin al-Yaman berkata: Kami berada bersama-sama Rasulullah s.a.w ketika baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Allah s.w.t telah menukar (*masakha*) bentuk manusia kepada dua belas bahagian, Dia telah menukar sebahagian mereka kepada bentuk kera (*al-Qirdat*), khinzir, Suhail, Zuhrah, kala jengking (*al-'Aqrab*), gajah (*al-Fail*), belut (*al-Jaryu*) iaitu jenis ikan yang tidak boleh dimakan, ulat-ulat jentik dan seumpamanya (*al-Du'mus*), beruang(*al-Dubb*), labah-labah (*al-'Ankabut*) dan landak (*al-Qunfudh*)[181].

Huzaifah berkata: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku wahai Rasulullah s.a.w, perjelaskan kepada kami bagaimana mereka telah ditukarkan bentuk mereka (*kaifa musikhu*)? Baginda s.a.w bersabda: Ya. Adapun bentuk kera, kerana mereka telah memburu ikan paus pada hari sabtu pada masa Nabi Daud a.s. Mengenai bentuk khinzir, kerana mereka telah mengingkari hidangan yang turun dari langit kepada Isa bin Maryam a.s. Mengenai Suhail, kerana dia adalah seorang yang zalim. Pada suatu ketika seorang lelaki ahli ibadat pada zamannya melalui di hadapannya, lalu dia berkata: Tunjukkan kepada aku nama Allah yang membolehkan aku berjalan di atas air dan menaiki langit. Maka ahli ibadat itu menunjukkannya. Kemudian beliau berkata: Sepatutnya orang yang mengetahui nama ini tidak tinggal di bumi, malah dia naik ke langit. Kemudian Allah telah menukarkan bentuknya (*masakha*) dan menaikkannya ke langit. Allah telah menjadikannya bukti kepada alam semesta.

Adapun Zuhra asalnya seorang perempuan yang telah memfitnahkan dua malaikat bernama Harut dan Marut. Adapun bentuk kala jengking telah ditukarkan daripada bentuk manusia, kerana dia asalnya seorang lelaki pengumpat yang berjalan di kalangan orang ramai dan menggalakkan permusuhan di kalangan mereka. Mengenai gajah pada asalnya seorang lelaki yang kacak, kemudian ditukarkan (*musikha*)kepada gajah, kerana bersetubuh dengan binatang ternakan

---

[180] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xiv, 660

[181] Mereka menyerupai bentuk binatang binatang tersebut

seperti lembu dan kambing. Dia tidak mempunyai syahwat terhadap perempuan.

Mengenai belut (*al-Janyu*) asalnya seorang peniaga yang telah ditukar bentuknya (*musikha*) kerana telah mengurangkan timbangan di dalam perniagaannya[182]. Adapun ulat-ulat jentik (*al-Du'mus*) asalnya seorang lelaki yang telah ditukarkan bentuknya (*musikha*), kerana apabila melakukan persetubuhan dengan isterinya tanpa mandi junub, lalu meninggalkan solat. Justeru itu, Allah menjadikan tempatnya di air sehingga hari Kiamat, kerana dia takutkan kesejukan.

Mengenai beruang (*al-Dubb*) asalnya seorang lelaki yang telah ditukarkan bentuknya (*musikha*), kerana melakukan rompakan di jalan. Dia tidak mengira mangsanya sama ada kaya atau miskin semuanya dirompaknya.

Mengenai biawak (*al-Dabb*) asalnya seorang lelaki Badwi yang telah ditukar bentuknya, kerana tidak memberi arah perjalanan yang betul. Dia mendirikan khemahnya di tengah jalan, apabila kafilah melalui di hadapannya dia telah memberi jawapan yang bertentangan dengan yang sebenar. Jika mereka mahu pergi ke timur maka dia akan menunjukkan mereka arah ke barat sehingga mereka menjadi sesat. Dia beliau tidak menunjukkan mereka ke jalan yang baik.

Mengenai labah-labah (*al-'Ankabut*)asalnya seorang perempuan yang telah ditukar bentuknya (*musikhat*), kerana mengkhianati suaminya; menyerah kemaluannya kepada orang lain. Adapun landak (*al-Qunfudh*) asalnya seorang lelaki Arab yang berani, kemudian ia ditukarkan bentuknya (*musikha*), kerana apabila tetamu bermalam di rumahnya, dia menutup pintu di hadapannya dan berkata kepada hamba perempuannya: Keluarlah anda menemui tetamu dan katakan kepadanya: Sesungguhnya tuanku tidak ada di rumah, lantaran itu, tetamu tadi bermalam di pintu rumah di dalam keadaan lapar sedangkan isi rumah bermalam di dalam keadaan kenyang[183].

Surat Mu'awiyah Kepada Ali Bin Abu Talib A.S dan Jawapan Ali A.S Melalui al-Tirmah[184]

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Amma ba'du. Adapun kemudian daripada itu. Wahai Ali, aku akan memukul anda dengan cahaya api yang menjadi pemutus. Tidak dapat dikurangkan oleh angin dan tidak

---

182 Terdapat riwayat menyatakan bahawa mereka juga, pada masa silam, tidak mengakui wilayah Amir al-Mukminin Ali a.s, lalu ditukarkan kepada belut dan spesiesnya

183 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 786

184 Al-Tirmah adalah saudara lelaki Hajr bin 'Adi di kalangan sahabat Amir al-Mukminin a.s

dapat dipadamkan oleh air. Apabila ia digegarkan akan mengenakan sasarannya dengan tepat, wassalam.

Apabila Ali a.s membacanya. Beliau a.s. menyeru supaya dibawakan pensel dan kertas. Kemudian beliau a.s. menulis:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Amma ba'du adapun kemudian daripada itu. Wahai Mu'awiyah, sesungguhnya anda telah berbohong, aku adalah Ali bin Abu Talib dan aku adalah bapa kepada al-Hasan dan al-Husain, pembunuh datuk anda, bapa saudara anda (*'ammu-ka*), bapa saudara anda (*khalu-ka*) dan bapa anda. Akulah yang telah memusnahkan kaum anda di Hari Badr, Hari Pembukaan dan Hari Uhud. Pedang itu berada di tangan aku sekarang dibawa oleh lengan aku dengan keberanian hati aku seperti ia ditinggalkan oleh Nabi s.a.w di tapak tangan wasinya. Aku tidak akan meminta tukarkan Allah sebagai Tuhan, Muhammad sebagai seorang nabi, pedang sebagai ganti, dan salam bagi mereka yang mengikut petunjuk.

Kemudian beliau a.s. melipatkan surat dan menyeru al-Tirmah bin 'Adi. Dia adalah seorang lelaki yang pandai bercakap. Beliau a.s. berkata kepadanya: Ambillah surat aku ini dan pergi kepada Mu'awiyah dan kembalikan jawapannya. Al-Tirmah mengambil surat tersebut dan menyeru supaya diberikan kain (*'amamah*), lalu dia memakainya di atas songkoknya. Kemudian beliau menunggang unta dengan laju di udara. Dia berjalan sehingga sampai di bandar Dimasyq, lalu bertanya pengawal-pengawal Mu'awiyah. Seorang daripada mereka bertanya: Siapakah yang anda mahu berjumpa? Al-Tirmah menjawab: Seorang yang berhati keras, berbadan besar, bermuka bulat, mempunyai dada yang lebar dan bersifat kedekut Abu al-Munaya, Abu al-Hatuf, Abu al-A'war al-Silmi, 'Umru bin al-'As, Syamar bin Dhi al-Jausyan, dan al-Huda bin Muhammad bin al-Asy'ath al-Kindi.

Seorang pengawal berkata: Mereka sedang berkumpul di Bab al-Khadhra'. Al-Tirmah turun dari untanya dan menambatnya. Beliau menunggu sehingga mereka selesai bermesyuarat, kemudian menuju kepada mereka. Apabila terserempak dengannya, mereka berdiri dan menghina al-Tirmah. Salah seorang daripada mereka berkata: Wahai Badwi! Adakah anda mempunyai berita dari langit? Al-Tirmah menjawab: Ya. Jibrail di langit, malaikat maut di udara dan Ali di dalam pemerintahan. Mereka bertanya: Wahai Badwi, dari manakah anda datang? Beliau menjawab: Daripada seorang yang bertakwa dan bersih kepada seorang munafik yang kotor. Mereka berkata kepadanya: Wahai Badwi, kenapa anda tidak mendekati kami sehingga kami berbincang dengan anda? Beliau menjawab: Demi Tuhan, tidak ada keberkatan berbincang dengan kamu dan orang seperti aku tidak akan berbincang dengan orang seperti kamu. Mereka berkata: Wahai Badwi, kami akan menulis kepada Yazid tentang berita anda, pada masa itu Yazid adalah bakal pemimpin mereka, lalu mereka menulis kepadanya:

Amma ba'du, wahai Yazid, seorang Badwi datang di pihak Ali bin Abu Talib, mempunyai lidah yang bercakap apa yang ia mahu wa ssalam.

Apabila Yazid membaca surat tersebut, beliau memerintahkan supaya pengawalnya membuat halangan di pintu. Di tangan mereka tiang daripada besi. Ketika al-Tirmah berhadapan dengan mereka, dia berkata: Siapakah mereka itu seolah-olah mereka adalah malaikat Zabaniah berada di tempat yang sempit? Mereka berkata: Diam, mereka itu sedang membuat persediaan untuk Yazid. Selepas itu Yazid pun keluar. Apabila dia melihat kepada al-Tirmah, lalu Yazid berkata: Salam ke atas anda wahai Badwi. Al-Tirmah menjawab: Allah al-Salam al-Mu'min al-Muhaimin ke atas anak Amir al-Mukminin. Yazid berkata: Amir al-Mukminin memberi salam kepada anda, beliau berkata: Salamnya bersama aku di Kufah, Yazid berkata: Sesungguhnya beliau membentangkan ke atas anda beberapa hajat. Al-Tirmah berkata: Hajat aku yang pertama adalah mencabut rohnya di hadapannya dan kedua ia meninggalkan kedudukannya sehingga orang yang lebih berhak dan *aula* menduduki tempatnya. Yazid berkata kepadanya: Wahai Badwi, kami akan menguasainya. Maka tidak ada helah dan peluang bagimu.

Berbincangan Mu'awiyah Dengan al-Tirmah

Al-Tirmah berkata: Salam ke atas anda, wahai *al-malik* (raja). Mu'awiyah berkata: Apakah yang menghalang anda berkata: Amir al-Mukminin? Al-Tirmah menjawab: Kami adalah mukminum. Siapakah yang melantik anda menjadi amir ke atas kami? Mu'awiyah berkata: Berikan surat anda kepada aku. Al-Tirmah menjawab: Aku tidak suka mencemarkan hamparan anda, Mu'awiyah berkata: Wazir aku akan mengambilnya. Al-Tirmah berkata: Wazir adalah pengkhianat dan amir adalah seorang yang zalim. Mu'awiyah berkata: Hamba aku akan mengambilnya. Al-Tirmah berkata: Hamba yang jahat telah dibeli oleh tuannya dengan wang yang tidak halal dan menggunakannya bukan untuk mentaati Allah.

Mu'awiyah berkata: Apakah helah anda lagi wahai Badwi? Tidak ada helah bagi seorang mukmin seperti aku dengan seorang munafik seperti anda. Berdirilah dengan rendah diri dan ambillah surat ini. Kemudian Mu'awiyah berdiri dengan rendah diri, lalu mengambilnya, membukanya dan membacanya sambil berkata: Wahai Badwi! Bagaimanakah keadaan Ali ketika anda meninggalkannya? Beliau berkata: Ketika aku meninggalkannya, demi Tuhan, di dalam keadaan keras, merdeka, cekal, mulia, berani, pemurah, beliau tidak bertemu seorang tentera melainkan beliau mengalahkannya, begitu juga dengan istana melainkan beliau memusnahkannya. Mu'awiyah berkata: Bagaimana

keadaan al-Hasan dan al-Husain? Al-Tirmah berkata: Mereka berdua di dalam keadaan sihat, fasih, mulia, berani, pemurah, muda, pendamai untuk dunia dan akhirat.

Mu'awiyah berkata: Bagaimana keadaan para sahabat Ali? Al-Tirmah berkata: Mereka dan Ali bersama-sama mereka seperti bulan dan mereka seperti bintang-bintang, jika Ali a.s. memerintah, mereka memulakannya, dan jika beliau melarang, mereka akan berhenti. Mu'awiyah berkata kepada Badwi: Aku tidak fikir ada orang yang lebih alim daripada anda mengenai Ali. Al-Tirmah berkata: Celaka anda! Pohonlah istighfar daripada Tuhan anda, berpuasa setahun sebagai kafarah kepada apa yang anda katakan, bagaimana jika anda dapati mereka yang fasih di dalam percakapan mereka (*udaba'*), anda akan terjatuh di dalam lautan ilmu mereka dan akan tenggelam, wahai orang yang celaka!. Mu'awiyah berkata: Celaka ibu anda!.

Al-Tirmah berkata: Malah bagus bagi ibu aku kerana melahirkan seorang mukmin menentang seorang munafik seperti anda. Mu'awiyah berkata kepadanya: Wahai Badwi! Adakah anda fikir bahawa anda akan mendapat hadiah daripada aku? Al-Tirmah berkata: Aku berfikir untuk mengurangkan umur anda dan aku tidak berfikir untuk mengurangkan harta anda. Mu'awiyah memerintah supaya diberikan kepadanya seribu dirham. Kemudian dia berkata: Adakah aku akan menambahnya lagi wahai Badwi? Berikan nikmat, anda menjadi tuan selama-lamanya. Mu'awiyah memerintah supaya diberikan kepadanya seratus ribu dirham lagi. Al-Tirmah berkata: Jadikannya satu pertiga, kerana Allah adalah tunggal. Kemudian beliau memberinya satu pertiga dan berkata: Sekarang apa anda akan kata selepas ini. Al-Tirmah berkata: Aku memuji Allah dan mencela anda. Mu'awiyah berkata: Kenapa anda wahai celaka? Al-Tirmah menjawab: Kerana tidak ada bagi anda dan bapa anda pusaka. Sesungguhnya ia adalah daripada Baitulmal muslimin, anda telah memberikannya kepada aku.

Kemudian Mu'awiyah berpaling kepada penulisnya dan berkata: Tuliskan jawapan kepada Badwi, kita tidak terdaya berbicara dengannya. Maka beliau menulis:

Amma ba'du Adapun kemudian daripada itu, wahai Ali, aku akan kemukakan kepada anda empat puluh pasukan tentera (*khardal*), setiap pasukan (*khardalah*) mempunyai seribu pejuang. Mereka akan minum Dajlah dan mereka akan mengambil air dari al-Furat. Ketika al-Tirmah melihat apa yang ditulis penulis tersebut, dia terus berjumpa dengan Mu'awiyah dan berkata: Jika penulis menulis bukan dari perintah anda, maka dia telah melemahkan anda di dalam kekuasaan anda dan jika penulis menulisnya dengan perintah anda, maka aku menjadi malu kepada anda kerana pembohongannya. Dari yang mana satu anda memohon keuzuran atau dari mana satu yang anda mengambil teladan?

Adapun Ali a.s mempunyai ayam jantan bernama Asytar dari keturunan yang baik. Dia akan memungut *khardal* (biji sawi) untuk tentera Ali a.s. dan tentera-tenteranya. Dia akan mengumpulkannya di dalam dompet kulitnya. Mu'awiyah bertanya: Siapakah itu wahai Badwi? Al-Tirmah menjawab: Beliau adalah Malik bin al-Harith al-Asytar. Kemudian al-Tirmah mengambil surat dan hadiah, lalu pulang kepada Ali bin Abu Talib a.s. Setelah itu Mu'awiyah berhadapan dengan para sahabatnya dan berkata: Kami berpendapat jika aku kemukakan kamu semua sebagaimana dikemukakan oleh sahabatnya, nescaya kamu tidak akan melaksanakannya untuk aku sekalipun satu per sepuluh[185].

Bacaan Abu Abdullah A.S Selepas Membaca al-Qur'an

Diriwayatkan daripada Abu Abdullah a.s sesungguhnya apabila beliau a.s. membaca al-Qur'an, beliau a.s. berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah membaca apa yang Engkau telah laksanakan untuk aku daripada kitab Engkau yang Engkau telah menurunkannya ke atas Nabi Engkau yang benar, maka bagi Engkau segala kepujian wahai Tuhan kami. Wahai Tuhanku, jadilah aku daripada mereka yang telah menghalalkan halalnya, mengharamkan haramnya dan mempercayai *muhkam*nya dan *mutasyabih*nya.

Jadikan al-Qur'an untuk aku sebagai teman di dalam kubur aku, teman di dalam kebangkitan aku. Jadilah aku daripada mereka yang meningkat darjatnya bagi setiap ayat yang aku membacanya setinggi-tinggi makam *'illiyyin amin ya Rabb al- 'Alamin.* Selawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarganya. *Bismillah* wahai Tuhanku, sesungguhnya aku naik saksi sesungguhnya ini adalah kitab Engkau yang diturunkan dari sisi Engkau ke atas Rasul Engkau Muhammad yang mengandungi di dalamnya hukumnya dan syariat agama Engkau yang Engkau telah menurunkannya ke atas Nabi Engkau. Engkau menjadikannya sebagai perjanjian daripada Engkau kepada makhluk Engkau, sebagai tali penghubung di antara Engkau dan hamba-hamba Engkau; wahai Tuhanku, aku telah menyebarkan janji (*'ahda-ka*) Engkau dan kitab Engkau: Wahai Tuhanku! Jadilah penglihatan aku kepadanya sebagai ibadat, bacaan aku padanya sebagai bahan pemikiran dan pemikiran aku sebagai teladan (*Allahumma fa-j'al nazari fi-hi 'ibadatan wa qiraati fi-hi fikran wa fikri i'tibaran*).

Dan jadilah aku daripada mereka yang mengambil nasihat daripada penerangan nasihat Engkau tentangnya dan menjauhi kemaksiatan Engkau. Janganlah Engkau "melekatkan" ketika bacaan aku akan kitab Engkau ke atas hati aku dan pendengaran aku dan janganlah Engkau

---

185 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 587

menjadikan penutup ke atas penglihatan aku. Janganlah Engkau menjadikan bacaan aku bacaan yang tidak dapat direnungkannya, malah jadilah aku seorang yang berfikir akan ayat-ayat-nya dan hukum-hukumnya, melaksanakan syariat agama Engkau. Janganlah Engkau jadikan pandangan aku mengenainya di dalam kelalaian dan bacaan aku daripadanya sia-sia. Sesungguhnya Engkau Maha Penyayang dan Maha Pengasih[186].

Sembilan Orang Allah Tidak Menerima Solat Mereka

Sembilan orang Allah tidak menerima solat mereka: Pemimpin yang zalim (*al-Imam al-Ja'ir*). Imam yang mengerjakan solat dengan kaumnya, tetapi mereka membencinya. Orang yang tidak mengeluarkan zakat (*mani' al-zakat*). Orang yang meninggalkan wuduk (*tarik al wadhu'*). Orang yang menahan kencing dan berak (*al-zabin*). Perempuan yang bermalam dan suaminya memarahinya (*wa zauju-ha 'alai-ha sakhitun*) dan perempuan yang merdeka (*al-Hurrat*) mengerjakan solat tanpa *qana'ah*.

Diriwayatkan daripada al-'Alim a.s (Khidir a.s) sesungguhnya beliau a.s. berkata: Orang yang merahsiakan kebaikan yang dilakukannya baginya pahala tujuh puluh kali ganda dan orang yang menceritakannya mendapat satu pahala. Orang yang merahsiakan kejahatan yang dilakukannya akan diampunkan dosanya dan orang yang menceritakannya akan dihina. Orang yang mengakui dengan dosanya adalah seperti orang tiada dosa baginya. Apabila seorang lelaki pada pertengahan malam di dalam solatnya mengakui kepada Allah tentang dosa-dosanya dan memohon taubat dan di dalam hatinya dia tidak akan mengulanginya lagi, maka Allah akan mengampuni untuknya.

Beliau berkata: Seorang lelaki telah mengemukakan surat (yang mengandungi fitnah) kepada Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s. kemudian Amir al-Mukminin melihat kepadanya dan berkata: Jika anda benar, kami lepaskan anda. Jika anda pembohong, kami akan mengenakan tindakkan ke atas anda. Jika anda sukakan pembatalannya, maka kami akan membatalkannya. lelaki itu berkata: Anda batalkannya untuk aku.

Dan firman-Nya di dalam Surah Ali Imran (3): 200 "*Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkan kesabaran mu dan tetaplah ikatan mu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung*"

---

[186] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xix, 52

Iaitu bersabarlah di atas musibat yang menimpa kamu dan bersabarlah di atas agama kamu, dan tetaplah ikatan untuk imam kamu.

Kejadian Manusia

Al-'Alim a.s berkata: Allah mencipta dua alam yang saling berhubungan di antara satu sama lain; alam tinggi (*'alawiyyun*) dan alam bawahan (*safaliyyun*) Kemudian Dia menyusun dua alam kesemuanya pada manusia, dan menciptakannya seperti benda bulat yang berpusing. Allah menciptakan kepala manusia seperti kubah planet, rambutnya seperti bintang-bintang, dua matanya seperti matahari dan bulan, dua lubang hidungnya seperti utara dan selatan, dua telinganya seperti timur dan barat. Allah s.w.t. menjadikan kelipan matanya seperti kilat, percakapannya seperti guruh, perjalanannya seperti perjalanan planet, duduknya sepertilah rehatnya, tidurnya sepertilah penurunannya, matinya sepertilah kebakarannya.

Alah s.w.t. telah menciptakan pada belakangnya dua puluh empat rangkaian tulang belakang seperti bilangan jam malam dan siang. Dia telah menciptakan untuk manusia tiga puluh tali perut seperti bilangan bulan tiga puluh hari. Allah s.w.t. mencipta bagi manusia dua belas anggota iaitu kadar masa janin tinggal di dalam perut ibunya. Allah s.w.t. melumatkannya daripada empat air. Dia menciptakan kemasinan pada dua matanya, justeru itu kedua-duanya tidak menjadi cair pada masa panas dan tidak pula beku pada masa sejuk. Allah s.w.t. menciptakan kepahitan pada dua telinganya supaya ia tidak didekati binatang-binatang yang merayap. Allah s.w.t. menciptakan air mani di belakang manusia supaya ia tidak dilanda kerosakan.

Allah s.w.t. menciptakan kemanisan di lidahnya, lantaran itu Adam telah naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah. Dia telah menciptakannya dengan nafsu, jasad dan roh. Maka rohnya tidak akan terpisah dengan Adam melainkan dengan terpisahnya dari dunia. Dengan nafsunya dia melihat angan-angan dan makam-makam. Sementara jasadnya akan reput dan kembali kepada tanah[187].

Mukmin Adalah Hasyimi, Qurasyi, Nabati...

Diriwayatkan daripada al-Sadiq a.s bahawa beliau a.s. berkata: Mukmin adalah seorang *hasyimi* kerana dia memusnahkan kesesatan (*hasyama al-dhalal*), kekafiran dan kemunafikan. Mukmin adalah seorang *qurasyi* kerana dia mengakui dirinya untuk sesuatu (*aqarra li-al-sya'*) dan kamilah sesuatu itu. Dia juga mengingkari bukan sesuatu(*alla*

187 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 461

sya') yang munafik serta pengikut-pengikutnya. Mukmin adalah *nabati* kerana dia membuat kesimpulan (*istanbata*) di dalam sesuatu perkara, lalu dia dapat mengetahui perkara yang buruk daripada perkara yang baik.

Mukmin adalah seorang *'Arabi,* kerana dia menjelaskan (*a'raba 'anna*)tentang kami Ahlu l-Bait. Mukmin adalah seorang *a'jami* kerana dia menentang kemunafikan dan tidak menyebutnya sebagai baik. Mukmin adalah seorang *farisi* kerana dia menjadi wira di dalam keimanan (*yafrusu fi al-Iman*). Sekiranya iman berada di bintang Surayya, nescaya akan dicapai oleh anak-anak *farisi* iaitu dari sudut keperwiraannya, lalu dia memilih dan berpegang apa yang terbaik daripadanya. Rasulullah s.a.w bersabda: Berhati-hatilah dengan firasat mukmin kerana dia melihat dengan cahaya Allah[188].

---

[188] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xv , 17

BAHAGIAN KELIMA

Surat Ibn Di'bin tentang tujuh puluh kelebihan Amir al-Mukminin a.s, deringan telinga, alamat bencana di dalam setahun, ujian Amir al-Mukminin a.s, kisah keislaman Jin dan lain-lain.

Surat Ibn Di'bin Tentang Tujuh Puluh Kelebihan Amir al-Mukminin A.S

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Abdullah-*Rahimahu l-Lah-* telah memberitahu kami, berkata: Ahmad bin Ali bin al-Hasan bin Syazan telah memberitahu kami, berkata: Abu al-Husain Muhammad bin Ali bin al-Fadhl bin 'Amir al-Kufi telah meriwayatkan kepada kami, berkata: Abu Abdullah al-Husain bin al-Farazdaq al-Fazari al-Bazzaz telah memberitahu kami, berkata: Abu Isa Muhammad bin Ali bin 'Umaraih al-Tahan iaitu al-Qarraq telah memberitahu kami, berkata: Abu Muhammad al-Hasan bin Musa telah memberitahu kami, berkata: Ali bin Asbat telah memberitahu kami daripada beberapa orang sahabat daripada Ibn Di'bin[189] berkata: Aku telah berjumpa dengan orang ramai sedang bercakap-cakap tentang sifat-sifat keistimewaan Arab.

Mereka berkata: Jika Allah mengutus kepada kita seorang nabi, nescaya sebahagian para sahabatnya mempunyai tujuh puluh sifat terpuji, dunia dan akhirat. Maka mereka memikir dan mencari-cari adakah akan terkumpul sepuluh sifat yang terpuji pada seorang lelaki, apatah lagi tujuh puluh sifat. Mereka tidak dapat mencari sifat-sifat yang terkumpul untuk dunia dan akhirat. Mereka hanya dapat mencari sepuluh sifat yang terkumpul untuk dunia sahaja dan bukan untuk akhirat. Mereka telah mendapati Zuhair bin Hubab al-Kalbi, mereka mendapatinya sebagai penyair, doktor di dalam perubatan, pahlawan, ahli nujum, seorang yang dihormati (*syarif*), perkasa, tukang tilik, orang yang arif tentang nasab, tukang tenung nasib dengan menggunakan burung dan penghalang (*zajir*). Mereka telah menyebut bahawa Zuhair telah hidup selama tiga ratus tahun.

---

[189] Namanya Abu al-Walid Isa bin Yazid bin Bakr ibn Di'bin, tinggal di Hijaz semasa pemerintahan Musa al-Hadi al-'Abasi.Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* ix, 450

Ibn Di'bin berkata: Kemudian mereka telah memikir dan mencari-cari di kalangan orang Arab yang mengetahui ilmu pemikiran (ahli *al-Nazar*), maka sifat-sifat tersebut tidak juga terkumpul pada seorang untuk agama dan dunia melainkan pada Ali bin Abu Talib a.s sama ada mereka suka ataupun tidak. Lantaran itu, mereka dengki kepada Ali a.s. sehingga merosakkan hati dan amalan mereka. Ali a.s. adalah orang yang lebih berhak dan lebih *aula* daripada mereka, kerana Allah a.w. memusnahkan rumah-rumah musyrikin dengan tangan Ali a.s. menolong Rasul s.a.w. Agama telah menjadi kuat dengan pembunuhan ke atas musyrikin oleh Ali a.s. di dalam peperangan bersama Nabi s.a.w.

Ibn Di'bin berkata: Kami bertanya kepada mereka: Apakah sifat-sifat tersebut (*al-Khisal*)? Mereka menjawab: keakraban kepada Rasulullah s.a.w dan menemaninya (*al-Mu'asat li-al-Rasul*), mengorbankan diri keranaanya, menjaga kehormatannya (*al-Hafizah*), menolak kesusahan daripadanya, membenarkan Rasul s.a.w dengan janji, zuhud dan meninggalkan angan-angan, pemalu, murah hati, kefasihan bercakap, kepimpinan, lemah lembut, keilmuan, keputusan yang tepat, keberanian, meninggalkan kegembiraan ketika menang, tidak melahirkan kesukaan, meninggalkan penipuan dan kelicikan. Tidak mengudungkan anggota badan musuh (*al-Muthlah*) sedangkan dia mampu melakukannya. Kecintaan yang ikhlas kepada Allah s.w.t, memberi makan kepada orang miskin kerana mencintai-Nya. Memandang rendah kemenangan yang dicapai di dunia, tidak melebihkan dirinya dan anak-anaknya di atas seorang pun rakyatnya.

Makanannya adalah yang paling rendah yang dimakan oleh rakyatnya, pakaiannya adalah yang paling murah yang dipakai oleh seorang Islam, pembahagiannya adalah saksama, keadilannya pada semua rakyat, maju di dalam peperangannya, orang ramai pernah menghinanya, tetapi dia menganggap hinaan itu sebagai ujian bagi mentaati Allah, mempunyai kekuatan menghafaz. orang Arab menamakannya sebagai akal sehingga dinamakan dengan telinga yang jaga (*uzunun wa'iyah*), bersifat pemaaf, menyebarkan hikmat, mengeluarkan kalimat, menyampaikan nasihat, keperluan orang ramai apabila dia berada di hadapan mereka.

Percakapannya diambil, menjelaskan kesamaran kepada orang ramai, mempertahankan mereka yang dizalimi, menolong mereka di dalam kecemasan, mempunyai maruah, menjaga kehormatan perut dan kemaluan, menjaga hartanya dengan baik supaya dia tidak mengguna harta orang lain, tidak menunjukkan kelemahan dan penyerahan kepada musuh (*al-Wahn wa al-Istikanah*), tidak mengadu kesakitan kerana luka-luka yang dialaminya, menyembunyikan kelukaannya dari kepala hingga ke kakinya hampir seribu luka pada jalan Allah, menyuruh melakukan kebaikan.

Melarang melakukan keburukan, melaksanakan hukuman sekalipun ke atas dirinya sendiri, tidak menyembunyikan keredaan Allah ke atas anak-anaknya, memberi pengakuan kepada orang ramai tentang kelebihannya yang diturunkan di dalam al-Qur'an dan *manaqib*nya yang diceritakan oleh orang ramai mengenainya daripada Rasulullah s.a.w. Dia tidak pernah membantah Rasulullah s.a.w walaupun satu perkataan, tidak pernah meninggalkan sebarang fardu, penyaksian orang ramai bahawa dia melaksanakan tugasnya untuk mereka dan menahan dirinya daripada dunia mereka. Dia tidak menerima rasuah di dalam penghukuman, mempunyai hati yang cerdik, cekal menghadapi tentangan Khawarij ke atasnya. Dia tinggal seorang diri di atas mimbar masjid sedangkan orang ramai melarikan diri.

Orang ramai bercakap-cakap bahawa burung telah menangis bagi Ali a.s. Riwayat Ibn Syihab al-Zuhri mengatakan bahawa batu Bait al-Maqdis bertukar tempat ketika pembunuhan Ali a.s. dan mendapati darah di bawahnya. Perkara ini adalah besar sehingga paderi-paderi bercakap-cakap mengenainya, penyeruannya kepada orang ramai supaya bertanya kepadanya tentang fitnah yang menyesatkan seratus orang dan memberi hidayat kepada seratus orang. Riwayat orang ramai tentang keajaibannya menceritakan tentang Khawarij dan pembunuhan mereka, tidak melahirkan kemampuannya yang luar biasa, malah melahirkan tangisan, menunjukkan kelemahan diri kepada Allah s.w.t sehingga Rasulullah s.a.w bersabda: Apakah tangisan ini wahai Ali? Beliau a.s. menjawab: Aku menangis kerana keredaan Rasulullah terhadap aku.

Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah, para malaikat-Nya dan Rasul-Nya telah meredai anda. Beliau a.s. tidak merasai kesejukan pada hari sejuk, tidak merasai kepanasan pada hari panas, tidak merasai panas dan sejuk, menghunus pedang pada jalan Allah, memberi penerangan kepada orang ramai tentang hukum Allah ke atas makhluk-Nya, mempunyai bonggol seperti lembu jantan yang jauh dari dua bahunya, mempunyai dua lengannya yang kuat. Tidak seorang pun dapat menghadapi Ali a.s. melainkan beliau a.s. menahannya atau membunuhnya.

Ibn Di'bin berkata: Kami berkata: Apakah pengertian *al-Mu'asat li-al-Rasul* (keakraban kepada Rasulullah s.a.w dan menemaninya)? Mereka berkata: Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: Sesungguhnya Quraisy telah bersepakat untuk membunuh aku, maka anda tidurlah di atas hamparan aku, Ali a.s berkata: dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku, aku mendengar dan mentaati Allah dan Rasul-Nya. Lalu beliau a.s tidur di atas hamparan Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. meninggalkan tempatnya dengan perlahan-lahan. Ali a.s tidur di atas hamparannya dan Quraisy mengawalnya.

Kemudian mereka menangkapnya dan berkata: Andalah yang telah menipu kami sejak awal malam; mereka memotong sebatang kayu, lalu memukulnya hampir membinasakannya. Kemudian beliau a.s. melepaskan dirinya daripada tangan mereka dan Rasulullah s.a.w mengutus kepadanya ketika berada di dalam gua supaya beliau a.s. menghantarkan kepadanya tiga ekor unta: "Seekor untuk aku, seekor untuk Abu Bakr dan seekor untuk pemandu jalan. Anda bawalah anak-anak perempuan aku sehingga anda datang kepada aku". Maka Ali a.s telah melaksanakan apa yang diperintahkannya.

Ibn Di'bin berkata: Apakah maksud menjaga kehormatan(*al-Hafizah*)? Mereka berkata: Beliau a.s berjalan kaki dan membawa anak-anak perempuan Rasulullah s.a.w di atas belakangnya. Ali a.s. menyembunyikan dirinya pada siang hari dan berjalan kaki dengan mereka sehingga sampai ke tempat Rasulullah s.a.w. Dua kakinya berdarah beberapa ketika, Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: Adakah anda mengetahui apakah yang telah diturunkan kepada anda? Maka baginda s.a.w memberitahu kepada Ali a.s. tentang apa yang tidak boleh ditukar ganti sekiranya beliau a.s. kekal di dunia, tetapi dunia tidaklah kekal.

Baginda s.a.w. bersabda: Telah turun kepada anda Surah Ali Imran (3):195 "*Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya: Sesungguhnya aku tidak akan menghilangkan amal di antara kamu, baik lelaki (min zakarin) atau perempuan (untha) sebahagian kamu adalah keturunan sebahagian lain. Maka orang-orang yang berhijrah dari kampung halamannya dan diseksa pada jalanKu yang berperang dan dibunuh, pastilah akan Ku hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan pastilah aku akan memasukkan mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai sebagai pahala di sisi Allah. Dan Allah pada sisi-Nya pahala yang baik*"

Zakarin (lelaki) di dalam ayat tersebut adalah anda sendiri dan *untha* (perempuan) adalah anak-anak perempuan Rasulullah s.a.w. Ibn Di'bin berkata: Apakah maksud menolak kesusahan daripadanya (*daf' al-Dhaim*)? Mereka berkata: Apabila Rasulullah s.a.w dikepong di lorong bukit, maka Abu Talib membelanjakan hartanya dan menghalangnya daripada beberapa kabilah Quraisy. Abu Talib berkata sedemikian kepada Ali yang berada bersama-sama Rasulullah s.a.w di dalam urusannya, khidmatnya, membantunya dan menjaganya.

Ibn Di'bin berkata: Apakah maksud "membenarkannya dengan janjinya" (*al-Tasdiq bi l-Wa'di*) Mereka berkata: Rasulullah s.a.w. sendiri berkata kepada Ali a.s sedemikian. Baginda s.a.w. memberitahu kepada Ali a.s. tentang pahala yang banyak bagi mereka yang berjihad dengan baik dengan harta, diri dan niat yang baik. Maka beliau a.s. tidak cepat untuk mendapatkan sesuatu daripada pahala dunia sebagai ganti kepada pahala di akhirat. Beliau a.s. tidak melebihkan dirinya ke atas

seseorang di sisinya. Beliau a.s. meninggalkan pahalanya di dunia bagi mengambil sepenuhnya di akhirat. Beliau a.s. berjanji kepada Allah bahawa beliau tidak akan mendapati dunia melainkan kadar yang paling minimum. Beliau a.s. tidak melebihkan dirinya di atas kepenatan badannya dan keringatnya melainkan beliau a.s. kemukakannya untuk Allah. Maka Allah berfirman di dalam Surah al-Baqarah (2) : 110 "*Dan kebaikan apa saja yang kamu lakukan, kamu akan mendapat pahalanya di sisi Allah*"

Ibn Bi'din berkata: Ada orang telah bertanya kepada mereka: Apakah maksud zuhud di dunia (*al-Zuhdu fi al-Dunia*)? Mereka berkata: Beliau a.s memakai kain daripada kapas dan memotong lengan baju yang melebihi anak jarinya. Beliau a.s. memendekkan lengan baju yang panjang dan menyempitkan behagian bawahnya. Panjang lengan baju ialah tiga jengkal. Panjang bahagian bawah pula ialah dua belas dua belas jengkal. Panjang bahagian badan ialah enam jengkal. Ibn Bi'din berkata: Kami bertnya: Apakah maksud "meninggalkan angan-angan" (*tark al-Amal*)?

Mereka menjawab: Ada orang bertanya kepada Ali a.s.: (Tangan baju) ini engkau telah memetong lebih singkat daripada jarimu. Kenapakah engkau tidak melipat lengan bajumu?. Beliau a.s. berkata: Perkara ini (potong) lebih cepat daripada itu (melipatnya). Bani Hasyim berkumpul dan meminta kepadanya. Mereka mendesak supaya beliau a.s. memberi pakaiannya kepada mereka. Beliau a.s. memakai pakaian orang ramai. Maka berpindahlah miliknya dengan sebab tuntutan itu. Meka beliau a.s. pun memberikan reaksi sedih dan hiba kepada mereka. Beliau a.s. berkata: Dengan nama bapa aku dan ibu aku, sesiapapun tidak akan kenyang dengan roti gandum sehingga dia berjumpa dengan Allah. Beliau a.s. berkata: Ini adalah pakaian sederhana yang memuaskan orang miskin dan orang mukmin pula boleh menutup dengannya.

Ibn Bi'din berkata: Apakah yang di maksudkan dengan pemalu (*al-Haya*)? Mereka berkata: Beliau a.s. tidak pernah menyerang sesiapapun yang mahu membunuhnya dalam keadaan mendedahkan auratnya melainkan beliau a.s meninggalkan penyerang itu kerana malu.

Ibn Bi'din berkata: Apakah maksud *al-Karam* (kemuliaan) ? Mereka berkata: Sa'd bin Abu Waqqas berkata kepada Ali a.s ketika dia bermalam bersamanya di al-'Azzab pada permulaan hijrah: Apakah yang telah menghalang anda untuk meminang anak perempuan Rasulullah s.a.w? Beliau a.s berkata: Aku berani untuk meminang anak perempuan Rasulullah s.a.w? Demi Allah, jika Rasulullah s.a.w mempunyai hamba perempuan pun aku tidak berani. Sa'd menceritakan kata-kata Ali kepada Rasulullah s.a.w. Maka Baginda s.a.w berkata kepadanya: Katakan kepada Ali a.s. bahawa beliau a.s. akan melakukannya. Sesungguhnya aku akan melakukannya. Apabila Sa'd memberitahunya,

beliau a.s. menangis. Kemudian beliau berkata: Aku bergembira kerana Allah telah mengumpulkan menantunya bersama kerabatnya.

Justeru itu, *al-karam* adalah orang yang merendahkan dirinya dan meninggalkan kemuliaan ke atas orang lain. Kemuliaan Abu Talib telah diketahui umum, Ali a.s adalah sepupu Rasulullah s.a.w di sebelah bapanya dan sebelah ibunya. Bapanya adalah Abu Talib bin Abd al-Muttalib bin Hasyim dan ibunya adalah Fatimah binti Asad bin Hasyim yang didoakan oleh Rasulullah s.a.w pada liang kuburnya. Baginda s.a.w telah mengapankan Fatimah binti Asad dengan bajunya dan membalut dengan kainnya. Baginda s.a.w. memohon kepada Tuhan supaya tidak luntur kapannya dan tidak mendedahkan auratnya. Malaikat kubur tidak menyiksanya. Baginda s.a.w. memujinya ketika kematiannya, menyebut kebaikannya dan pendidikannya untuknya iaitu di sisi bapa saudaranya Abu Talib dan bersabda: Seorang pun tidak boleh memberi manfaat kepada aku selain daripadanya.

Kemudian tentang kefasihan bercakap (*al-Balaghah*). Orang ramai datang kepada Ali a.s. ketika beliau a.s. turun daripada mimbar dan berkata: Kami tidak pernah mendengar seorang pun wahai Amir al-Mukminin, yang lebih fasih daripada anda. Maka beliau a.s. tersenyum dan berkata: Apa yang menghalang aku? Aku adalah kelahiran Makkah, dan beliau tidak menambahkan mereka selain dua perkataan tersebut.

Kemudian tentang khutbahnya, tidak terdapat daripada orang-orang terdahulu dan orang-orang terkemudian yang pernah mendengar khutbah dan percakapannya seumpamanya. Sebahagian ahli dewan menyangka bahawa jika tidak ada percakapan Ali bin Abu Talib a.s dan khutbahnya, serta balaghahnya, nescaya seorang pun tidak dapat menulis surat kepada panglima tentera atau kepada rakyat dengan baik.

Kemudian tentang kepimpinan (*al-Ri'asah*), maka semua mereka yang telah memerangi dan menentangnya adalah di atas kejahilan dan kesesatan. Mereka berkata: Kami menuntut darah Uthman. Tidak ada pada diri mereka keupayaan untuk menuntut kepimpinannya menentangnya. Beliau a.s berkata: Aku menyeru kamu kepada Allah, kepada Rasul-Nya supaya melaksanakan ikrar kamu dengan Allah dan Rasul-Nya yang mewajibkan ketaatan dan menyahuti Rasulullah s.a.w kepada ikrar dengan kitab dan Sunnah.

Kemudian tentang lemah lembut (*al-Hilmu*). Safiyyah binti Abdullah bin Khalaf al-Khaza'i pernah berkata kepada Ali a.s.: Semoga Allah menjadikan perempuan-perempuan anda yatim kerana anda sebagaimana anda telah menjadikan perempuan-perempuan kami yatim. Semoga Allah menjadikan anak-anak lelaki anda yatim kerana anda sebagaimana anda telah menjadikan anak-anak lelaki kami yatim daripada bapa-bapa mereka. Maka orang ramai datang kepadanya dengan cepat. Ali a.s berkata: Tahankan diri kamu daripada perempuan

itu, lalu mereka menahan diri mereka daripadanya. Lantas perempuan itu berkata kepada keluarganya: Celakalah kamu yang telah berkata sedemikian; mereka telah mendengar percakapan Ali a.s dengan kagum kerana lemah lembutnya (*hilmu-hu*) terhadapnya.

Kemudian tentang ilmu (*al-'Ilm*). Berapa banyak perkataan yang telah dikatakan 'Umar kepadanya: Jika tidak ada Ali, nescaya binasalah 'Umar (*Laula 'Ali la-halaka 'Umar*).

Kemudian tentang mesyuarat (*al-Musywarah*) pada setiap perkara yang telah berlaku di antara mereka sehingga beliau a.s. menunjukkan jalan keluar kepada mereka.

Kemudian tentang penghakiman (*al-Qadha'*). Beliau a.s. tidak pernah berkata kepada seorang pun yang datang kepadanya: Datanglah besok atau menolaknya. Sesungguhnya beliau a.s. akan menyelesaikan penghakiman pada tempat itu juga. Kemudian apabila lelaki itu datang kembali, maka beliaulah yang memulakannya.

Kemudian tentang keberanian (*al-Syaja'ah*). Tidak terdapat orang-orang terdahulu atau orang-orang yang terkemudian yang mempunyai keberanian seperti Ali a.s. Beliau a.s. tidak pernah berpaling belakang kepada musuhnya, membunuh sesiapa yang bertarung (*yabruzu ilai-hi*) dengannya, tidak pernah menjadi pengecut kepada sesiapa yang mencabarnya (*da'a-hu ila mubarazati-hi*). Beliau a.s. tidak memukul atau menikam seseorang secara panjang, malah beliau a.s. mengeratnya (*qudda-hu*). Beliau a.s. tidak memukul atau menikam seseorang secara melintang melainkan beliau a.s. memotongnya kepada dua bahagian (*qata'a-hu bi-nisfaini*). Mereka telah menyebut bahawa Rasulullah s.a.w telah membawanya di atas kuda. Maka beliau a.s. berkata: Demi bapa aku, anda dan ibu aku, apakah perlu aku kepada kuda, aku tidak mengikut sesiapapun. Aku tidak lari daripada seseorang pun (*wa-la afirru*). Apabila aku menghunus pedang, aku tidak akan meletakkannya melainkan (*wa idha artadai-tu saifi lam adha'-hu illa li l-Ladhi artadi la-hu*)kepada orang yang aku hunus untuknya.

Kemudian beliau a.s. meninggalkan kegembiraan (*tark al-Farah*) dan meninggalkan kesukaannya (*tark al-Marah*) ketika sampai berita gembira kepada Rasulullah s.a.w tentang pembunuhan mereka yang terbunuh di Uhud daripada tentera musuh tetapi beliau a.s tidak bergembira dan bermegah dengannya. Sebaliknya Abu Dujanah bermegah dan berjalan di antara dua saf dalam keadaan bermegah diri. Maka Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: Sesungguhnya perjalanan anda sedemikian dimurkai Allah melainkan pada tempat ini.

Kemudian apabila beliau a.s. melakukan di Khaibar apa yang telah dilakukan sebelumnya. Maka larilah mereka yang pernah lari dalam peperangan sebelumnya. Rasulullah s.a w bersabda: Aku akan memberi bendera kepada seorang lelaki yang mencintai Allah dan Rasul-Nya (*la a'tiyanna al-Rayata rajulan yuhibbu l-Laha wa rasula-hu*). Sementara

Allah dan Rasul-Nya mencintainya pula dan bukan lari (*wa yuhibbu-hu l-Lahu wa rassulu-hu laisa bi-farrar*) di dalam peperangan.

Sabdanya bahawa "beliau tidak lari" adalah sebagai satu sindiran kepada mereka yang telah lari di dalam peperangan sebelumnya. Beliau a.s. membukanya dan membunuh musuhnya, membawa pintu kota Khaibar seorang diri. Ianya tidak mampu dibawa oleh empat puluh orang lelaki. Berita itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. maka baginda s.a.w. bangun di dalam keadaan gembira. Apabila sampai berita kepada Ali a.s bahawa Rasulullah s.a.w datang kepadanya, beliau a.s pergi kepadanya. Rasulullah s.a.w berkata kepadanya: Telah sampai kepada aku ujian anda, maka aku meredai anda. Lantas Ali a.s menangis pada masa itu juga.

Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: Tahankan diri anda, apakah yang membuatkan anda menangis? Beliau a.s. berkata: Kenapa aku tidak menangis sedangkan Rasulullah s.a.w meredai aku? Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah, para malaikat-Nya dan Rasul-Nya meredai anda. Baginda s.a.w. bersabda lagi: Jika aku tidak takut sebahagian umat aku akan berkata sebagaimana telah berkata orang-orang Kristian tentang Isa bin Maryam, nescaya aku akan berkata kepada anda pada hari ini mengenai perkataan yang orang-orang Islam sama ada sedikit ataupun ramai, akan mengambil tanah di bawah dua tapak kaki anda kerana mendapatkan berkat.

Kemudian beliau a.s. meninggalkan penipuan, tipu helah dan kelicikan. Orang ramai berkumpul, lalu mereka berkata kepadanya: Tuliskan, wahai Amir al-Mukminin, kepada orang yang menyalahi anda tentang wilayahnya, kemudian pecatlah dia. Lantas beliau a.s. berkata: Penipuan, tipu helah dan kelicikan adalah di neraka.

Kemudian beliau a.s. meninggalkan perbuatan mengkudungkan anggota badan musuh (*al-Muthlah*). Beliau a.s. berkata kepada anak lelakinya al-Hasan a.s: Wahai anak lelakiku, bunuhlah pembunuh aku, dan jauhilah dari mengkudungkan anggota badannya kerana Rasulullah s.a.w membencinya sekalipun terhadap anjing yang ganas.

Kemudian cinta mendekatkan diri kepada Allah dengan bersedekah. Rasulullah s.a.w bersabda kepada Ali a.s: Apakah anda telah lakukan pada malam anda? Beliau a.s. berkata: Kenapa wahai Rasulullah s.a.w? Baginda s.a.w. bersabda: Telah diturunkan kepada anda empat ayat. Beliau a.s berkata: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku, bahawa bersama aku empat dirham, aku telah bersedekah satu dirham pada waktu malam, satu dirham pada siang hari, satu dirham secara rahsia dan satu dirham secara terang-terangan. Baginda s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada anda Surah al-Baqarah (2):274 "*Orang-orang yang menafkahkan hartanya pada waktu malam dan siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka*

mendapat pahala di sisi Tuhan mereka.Tidak ada ketakutan kepada mereka dan mereka tidak (pula) bersedih"

Kemudian baginda s.a.w bersabda kepadanya: Adakah anda telah melakukan sesuatu selain daripada ini? Sesungguhnya Allah telah menurunkan ke atas anda tujuh belas ayat; Surah al-Insan (76) :5-22 " *Sesungguhnya orang-orang yang membuat kebaikan minum dari gelas yang campurannya adalah air kafur"* sehingga firman-Nya " *Sesungguhnya ini adalah balasan untukmu,dan usahamu adalah disyukuri "* Dan firman-Nya *"Dan mereka memberi makanan yang disukainya kepada orang miskin anak yatim dan orang yang ditawan"*

Al-'Alim berkata: Walaupun Ali tidak menyebut "kerana Allah" di dalam ayat di atas, tetapi di dalam ayat berikutnya perkataan " kerana Allah" di sebut. *"Sesungguhnya kami memberi makanan kepadamu hanyalah untuk mengharap Allah, kami tidak menghendaki balasan daripada kamu dan tidak (pula) terima kasih"* kerana Allah telah mengetahui di hati Ali a.s bahawa beliau a.s telah memberi makanan kerana Allah. Lantaran itu, Dia telah memberitahunya apa yang Dia mengetahui daripada hatinya tanpa memperkatakannya.

Kemudian tentang hinanya habuan dunia yang didapatinya. Beliau a.s. mengumpul harta kemudian memasukinya dan berkata:

Inilah jenayah ku dan pilihannya padanya
Kerana setiap buah,tangannya ke mulut jua

Beliau berkata: Aku adalah ketua mukminin, harta adalah ketua orang-orang yang zalim. Beliau a.s. tidak menunjukkan kelebihan dirinya (*taraka al-Tafdhil*), dan anak-anaknya ke atas seorang pun ahli Islam. Adik perempuannya bernama Ummu Hani' bin Abu Talib datang kepadanya, lalu beliau a.s memberi kepadanya dua puluh dirham. Ummu Hani' bertanya hamba perempuannya yang bukan Arab berkata: Berapakah Amir al-Mukminin a.s memberi kepada anda? Dia berakta: Dua puluh dirham. Maka Ummi Hani' kembali ke rumah di dalam keadaan marah. Beliau a.s berkata kepadanya: Pulanglah anda, semoga dirahmati Allah, kami tidak dapati di dalam kitab Allah kelebihan Ismail ke atas Ishaq.

Diutus kepadanya anak-anak perempuan Kaisar. Beliau a.s. berkata kepada mereka: Aku akan mengahwini kamu? Mereka berkata kepadanya: Kami tidak berhajat untuk berkahwin dengan anda, kerana tiada kufu bagi kami melainkan anak-anak lelaki anda jika anda mengahwinkan kami dengan mereka, maka kami reda.

Beliau a.s tidak suka mengutamakan anak-anaknya daripada orang lain. Diutus kepadanya dari Basrah hadiah dari kapal karam yang tidak diketahui nilainya, anak perempuannya Umm Kalthum berkata kepadanya: Wahai Amir al-Mukminin! Bolehkah aku memakainya? Ia

akan berada di leher aku? Beliau a.s berkata: Wahai Abu Rafi', Masukkannya ke dalam Baitulmal.

Setelah dilantik (sebagai khalifah), beliau a.s. berdiri memberi khutbah di Madinah: Wahai kaum muhajirin dan ansar! Wahai kaum Quraisy! Ketahuilah, demi Tuhan, aku tidak membezakan di kalangan kamu selama aku ada kaitan di Yathrib. Adakah kamu melihat aku menegah dengan diriku dan anak-anak aku dan memberi kepada kamu. Aku akan menyamakan di antara si hitam dan si merah? 'Aqil bin Abu Talib berdiri dan berkata: Anda akan menjadikan aku dan si hitam di bandar Sudan itu sama? Beliau a.s berkata kepadanya: Duduklah anda, semoga dirahmati Allah, adakah orang lain akan bercakap? Tidak ada kelebihan anda ke atas mereka melainkan orang pertama memeluk Islam (*sabiqah*) atau takwa.

Kemudian tentang pakaian (*al-Libas*) Ziad bin Siddad al-Harithi sahabat Rasulullah s.a.w. meminta tolong ke atas saudaranya Ubaidillah bin Siddad dan berkata: Wahai Amir al-Muminin! Saudaraku telah pergi beribadat. Dia enggan tinggal bersama aku di rumahku. Dia memakai pakaian yang paling murah. Ubaidillah berkata: Wahai Amir al-Mukminin, aku telah menghiaskan diri aku dengan hiasan anda dan aku telah memakai pakaian anda. Amir al-Mukminin a.s berkata: Anda janganlah berbuat demikian, kerana imam muslimin apabila mengendalikan urusan mereka, memakai pakaian yang paling murah yang pernah dipakai oleh orang-orang fakir mereka supaya orang fakir tidak memberontak dengan kefakirannya, lalu membunuhnya. Justeru itu, aku memberitahu anda bahawa anda pakailah pakaian kaum anda yang paling baik. Surah al-Dhuha (93):11"*Dan terhadap nikmat Tuhanmu,maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya*" Beramal dengan nikmat adalah lebih aku sukai dari bercakap mengenainya.

Kemudian tentang pembahagian sama rata (*al-Qasm*) dan keadilan kepada rakyat. Beliau a.s. melantik Ammar bin Yasir dan Abu al-Haitham al-Taihan menjaga Baitulmal. Beliau a.s. menulis: Arab, Quraisy, Ansar dan bukan Arab, malah setiap orang Islam yang terdiri daripada kabilah Arab atau bukan Arab adalah sama di dalam pembahagian. Sahal bin Hanif dan hambanya yang berkulit hitam datang kepada Ali a.s. dan bertanya: Berapakah anda akan memberi kepada hamba ini? Amir al-Mukminin a.s . berkata kepadanya: Berapakah anda akan mengambilnya untuk anda? Sahal berkata: Tiga dinar, orang ramai telah mengambil tiga dinar.

Beliau berkata: Mereka telah memberi kepada hambanya jumlah yang telah diambil olehnya iaitu sebanyak tiga dinar. Apabila orang ramai mengetahui bahawa tidak ada kelebihan sesama mereka melainkan dengan takwa kepada Allah, maka Talhah dan al-Zubair mendatangi Ammar bin Yasir dan Abu al-Haitham bin al-Taihan. Lalu mereka berdua berkata: Wahai Abu Yaqzan, benarkan kami berjumpa

dengan sahabat anda. Beliau berkata: Sahabat aku telah membenarkannya. Beliau a.s mengambil bakulnya dan peralatannya, lalu pergi bekerja di kebun kurma di Bi'r al-Malik untuk menanam pokok kurma. Ini sebahagian keadilannya terhadap rakyat dan pembahagiannya yang sama rata.

Ibn Di'bin berkata: Kami bertanya: Apakah makanan rakyat yang paling rendah? Beliau berkata: Orang ramai bercakap-cakap bahawa makanannya adalah roti dan daging. beliau memakan gandum dan minyak zaitun. Beliau cepat menamatkan makanannya supaya tidak ditambah pada makanannya. Suatu ketika beliau a.s. mendengar kuali di rumahnya, lantas beliau a.s. bangun sambil berkata: Pada *zimmah* Ali bin Abu Talib kuali yang menggerodak. Orang memberitahunya tentang keadaan itu lalu keluarganya menjadi takut. Mereka berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Sesungguhnya beliau adalah isteri anda telah menyembelih unta di kampungnya, lalu diambil sebahagian daripadanya untuknya. Keluarganya telah menghadiahkannya kepadanya. Beliau a.s berkata: Makanlah dengan baik.

Ada orang berkata: Amir al-Mukminin a.s tidak pernah mengadu kesakitannya melainkan ketika saat kematiannya. Beliau a.s. takut menerima hadiah daripada rakyat kerana penerimaan hadiah oleh pemerintah adalah suatu pengkhianatan kepada kaum muslimin.

Ada orang berkata: Apakah ketahanan (*al-Saramah*)? Dia menjawab: Beliau a.s telah pulang daripada peperangannya. Maka beliau a.s. berkhemah di kebun kurma, orang ramai kembali ke rumah mereka dan meminta kebenarannya. Mereka berkata: Pedang-pedang kami telah menjadi tumpul dan mata lembing kami telah hilang kesannya, lantaran itu, izinlah kami pulang. Kami akan kembali lagi dengan semangat baru, tetapi beliau tetap di kemnya di kebun kurma dan berkata: Sesungguhnya panglima perang berjaga malam, dahaga air pada siangnya, tidak bersama-sama perempuan-perempuannya dan anak-anaknya, beliau bukanlah pulang ke rumah dan kembali kepadanya.

Beliau bukanlah orang yang bermukim, kemudian tinggal di kemnya, apabila beliau melihat semuanya ini, beliau memasuki Kufah dan menaiki mimbar, lantas berkata: Kamu adalah singa yang garang ketika kelaparan dan serigala yang pantas, tetapi kamu bukanlah menentang musuh dengan kekuatan kamu. Wahai mereka yang mempunyai badan yang satu, tetapi nafsu yang berbeza, tiada kekuatan dakwah mereka bagi menyeru kamu, tiada rehat bagi hati mereka yang menentang kamu bersama mana-mana imam selepas aku. Di negeri manakah selepas ini kamu mengelak dari berperang? Beliau a.s pada peperangannya yang terakhir amat berdukacita dan marah sehingga orang ramai menghinanya.

Ibn Bi'din berkata: Apakah itu penghafazan (*al-Hifz*)? Dia berkata: Orang Arab menamakannya *al-'Aql*, apa yang telah diberitahu oleh

Rasulullah s.a.w kepadanya beliau a.s. menghafaznya. Beliau a.s. menyedari apa yang diturunkan kepada Nabi-Nya, tidak sesuatu yang pelik turun dari langit melainkan beliau a.s. bertanya kepada nabi tentang ayat itu sehingga turun ayat dalam Surah al-Haqah (69):12 "*agar diperhatikan oleh telinga yang mahu mendengar*" Beliau a.s. merupakan telinga yang mendengar. Pada suatu hari beliau a.s datang ke pintu Rasulullah s.a.w. Para malaikat memberi salam kepada rasul. Beliau a.s. berdiri sehingga mereka selesai memberi salam kepadanya. Kemudian beliau a.s. memasuki rumah Rasulullah s.a.w dan berkata kepadanya: Wahai Rasulullah! Lebih empat ratus malaikat telah memberi salam kepada anda, beliau s.a.w bersabda: Apakah yang membuatkan anda mengetahuinya? Ali a.s berkata: Aku telah menghafaz bahasa-bahasa mereka (*hafaztu lughaata-hum*). Setiap Malaikat telah memberi salam kepada rasul dengan bahasa yang berbeza daripada yang lain.

Al-Sayyid Ismail al-Humairi berkata:

Beliau terus memasukkan dua tapak tangannya mendengar
Seolah-olah beliau menghitungnya dari ahli kampung kami
Membawa kepadanya barang berharga
Bahtera India membawa nakhoda di kalangan kami

Ibn Di'bin berkata: Ahli kampung kami adalah orang dari negeri Syam. Ahlinya adalah sebaik-baik kaum.

Ibn Di'bin berkata: Aku mendapati orang ramai memandang rendah mana-mana percakapan yang tidak dapat menyerupai percakapannya. Mereka berkata: Ali a.s berdiri dan bercakap dari gelincir matahari sehingga jatuh matahari. Mereka mendengarnya dan berkata: Demi Tuhan, aku tidak datang kepada kamu secara sukarela, tetapi aku telah mendatangi kamu kerana cintakan kamu....

Kemudian tentang hikmat, dan pengeluaran kalimat dengan bijaksana. Mereka tidak pernah mendengarnya daripada orang lain seumpamanya. Beliau a.s berkata kepada seorang lelaki: Kamu dilarang, tetapi tidak berhenti, menyuruh manusia apa yang tidak memberi faedah, menuntut lebihan apa yang ada dan menghilangkan apa yang diberikan, kamu mencintai orang-orang yang soleh, tetapi tidak beramal dengan amalan mereka, kamu memarahi orang-orang yang jahat, tetapi kamu adalah seorang daripada mereka, menyegerakan perkara dunia yang binasa, meninggalkan perkara akhirat yang kekal, membenci kematian kerana dosa-dosanya dan tidak meninggalkan dosa-dosanya di dalam hidupnya.

Kemudian orang lain berhajat kepadanya sedangkan beliau a.s. tidak berhajat kepada mereka. Beliau a.s. sentiasa mempunyai tempat di

kalangan manusia seperti kedatangan Yahudi bertanyakan kepadanya secara degil, kemudian beliau a.s. memberitahu mereka apa yang ada di Taurat tentang mereka. Ramai orang Yahudi memeluk Islam kerananya! Adapun tidak berhajatnya beliau a.s. kepada orang ramai, kerana beliau a.s. tidak pernah berada di pintu seorang daripada mereka bertanyakan kepadanya walaupun satu kalimat dan beliau a.s. tidak mengambil faedah sekalipun satu huruf daripadanya.

Kemudian mempertahankan orang yang dizalimi dan menolong orang di dalam kesusahan. Orang-orang Kufah mengatakan bahawa pada suatu hari Sa'id bin al-Qais al-Hamdani melihatnya dalam keadaan cuaca panas terik di suatu kawasan. Lalu Sa'id berkata: Wahai Amir al-Mukminin, di saat ini anda berada di sini? Beliau a.s berkata: Aku keluar kerana ingin menolong orang yang dizalimi atau menolong orang di dalam kesusahan. Tiba-tiba seorang perempuan datang kepadanya dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Suami aku telah menzalimi aku dengan menyerang aku. Dia bersumpah untuk memukul aku. Datanglah kepadanya bersama-sama aku. Beliau a.s menundukkan kepalanya, kemudian mengangkatnya sambil berkata: Tidak, demi Tuhan, sehingga diambil daripada orang yang dizalimi akan haknya tanpa teragak-agak lagi. Di manakah rumah anda?

Perempuan itu berkata: Di tempat itu dan itu. Beliau a.s. menuju bersama-samanya sehingga sampai di rumahnya. Perempuan itu berkata: Inilah rumah aku. Beliau a.s memberi salam. Kemudian seorang pemuda keluar dengan memakai kain yang berwarna-warni. Beliau a.s berkata: Bertakwalah anda kepada Allah. Sesungguhnya anda telah menakut-nakutkan isteri anda. Pemuda itu menjawab: Apakah kaitan anda di dalam perkara ini? Demi Tuhan, aku akan membakarnya dengan api kerana kata-kata anda. Beliau a.s berkata: Aku memerintahkan anda perkara yang baik dan melarang anda perkara yang mungkar. Sekarang anda menolak perkara yang baik, maka bertaubatlah anda. Jika tidak, aku akan membunuh anda. Orang ramai datang untuk bertanya Amir al-Mukminin a.s tentang apa yang berlaku. Kemudian pemuda itu menyesal di atas perbuatannya dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, maafkan kami, semoga Allah memaafkan anda.

Demi Tuhan, aku akan menjadikan bumi tempat anda berpijak sebagai ingatan, lantas beliau menyuruh isterinya masuk ke dalam rumah. Beliau membaca "*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali bisikan daripada orang yang menyuruh memberi sedekah atau berbuat makruf atau mengadakan perdamaian di antara manusia*" Segala puji bagi Allah yang telah membaiki aku dan isteri aku, Allah berfirman Surah al-Nisa' (4):114 "*Tidak ada kebaikan pada kebanyaakan bisik-bisikan mereka, kecuali bisikan daripada orang yang menyuruh memberi sedekah atau berbuat makruf atau mengadakan*

perdamaian di antara manusia.Dan barangsiapa yang berbuat demikian kerana mencari keridhaan Allah, maka kelak kami memberi kepadanya pahala yang besar"

Kemudian tentang maruah, menjaga perut, kemaluan dan pembaikan harta. Adakah kamu melihat seorang yang memukul bukit dengan tukul. Kemudian keluar darinya longgokan emas seperti tengkuk unta yang disembelih. Setiap kali ia keluar, beliau a.s. berkata: Beritahu berita gembira kepada pewaris. Kemudian beliau a.s. menjadikan ketulan itu sebagai sedekah sehingga Allah mewariskan bumi ini kepada siapa di atasnya bagi memalingkan neraka dari mukanya dan memalingkan mukanya dari neraka.

Ibn Di'bin berkata: Beliau a.s telah membawa karung yang mengandungi tiga ratus ribu biji kurma. Ada orang bertanya beliau mengenainya, beliau telah menanam semua biji tersebut dan kesemuanya telah tumbuh.

Kemudian beliau tidak menunjukkan kelemahan dan penyerahan kepada musuh (*al-Wahn wa al-Istikanah*). Beliau a.s. kembali dari peperangan Uhud dengan lapan puluh luka-luka. Beliau memasukkan pembalut di satu tempat dan mengeluarkannya dari tempat yang lain. Maka Rasulullah s.a.w. datang melawatnya. Beliau a.s pada masa itu sepertilah seketul daging di atas hamparan. Apabila Rasulullah s.a.w melihatnya, baginda s.a.w terus menangis dan bersabda: Sesungguhnya seorang lelaki yang ditimpa begini kerana Allah, maka berhak bagi Allah melakukan sesuatu untuknya dan beliau juga melakukan sesuatu untuk Allah.

Maka Ali a.s berkata kepadanya: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku, segala puji bagi Allah yang tidak melihat aku lari daripada anda dan aku tidak melarikan diri aku. Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku kenapakah aku telah dihalang untuk menjadi syahid? Baginda s.a.w. bersabda: Sesungguhnya ia akan berlaku kepada anda Insya' Allah. Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Abu Sufyan menghantar perjanjian di antara kita dan kamu "singa merah". Beliau a.s berkata: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku, demi Allah, jika aku dibawa oleh beberapa orang lelaki berhadapan musuh, nescaya aku tidak akan lari daripada anda.

Kemudian turun ayat di dalam Surah Ali Imran (3):146 " *Dan berapa banyaknya nabi yang berperang bersama-sama mereka sejumlah besar pengikutnya yang bertakwa. Mereka tidak menjadi lemah kerana bencana menimpa mereka di jalan Allah, tidak lesu dan tidak pula menyerah (kepada musuh). Allah menyukai orang-orang yang sabar* " dan turun ayat sebelumnya kepadanya a.s Surah Ali Imran (3) : 145 "*Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya .Barangsiapa yang menghendaki pahala dunia, nescaya kami berikan kepadanya pahala*

dunia itu, dan barangsiapa yang menghendaki pahala akhirat, maka kami berikan kepadanya pahala akhirat.Dan kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur"

Kemudian beliau a.s. tidak mengadu (*al-Syikayah*) tentang kesakitan lukanya. Dua orang perempuan telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w mengenai kesakitan lukanya dan berkata: Wahai Rasulullah s.a.w ! Kami khuatir tentang bahaya lukanya dan kesakitan yang dialaminya. Kesan lukanya ketika beliau a.s. mati adalah seribu luka dari kepala sehingga kepada kakinya.

Kemudian tentang menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kemungkaran. Beliau a.s berkhutbah: Wahai manusia! Perintahkan manusia supaya melakukan kebaikan dan melarang kemungkaran, kerana kedua-duanya tidak akan mendekatkan ajal dan tidak melewatkan rezeki.

Mereka menyebutkan bahawa beliau a.s mengambil wuduk bersama-sama orang ramai. Tiba-tiba seorang lelaki menghimpitkannya. Lalu beliau memukulnya dengan cemeti sambil berkata: Ini bukan caranya anda melakukan kepada aku. Jika orang yang lebih lemah daripada aku datang dan anda melakukan kepadanya perkara yang sama, maka anda bertanggung jawab. Pada suatu hari beliau a.s. berteduh di sebuah kedai daripada hujan. Lalu beliau a.s. diusir oleh tuan kedai tersebut yang tidak mengenalinya. Kemudian beliau a.s. menjalankan hudud sekalipun ke atas dirinya dan anak-anaknya. Sementara orang ramai tidak menjalankannya ke atas orang-orang kenamaan. Adakah seseorang pernah mendengar bahawa seorang kenamaan telah dijalankan had ke atasnya oleh seseorang selain daripadanya? Di antaranya adalah 'Ubaidillah bin 'Umar bin al-Khattab, Qudamah bin Maz'un dan al-Walid bin 'Uqbah bin Abu Mu'it telah meminum arak. Orang ramai menahan diri mereka dari menjalankan had ke atas mereka dan terus pulang ke rumah mereka. Tetapi beliau a.s memukul mereka dengan tangannya, kerana khuatir hukum hudud dibekukan.

Beliau a.s. tidak menyembunyikan apa yang telah berlaku terhadap anak perempuannya Ummi Kalthum. Ketika seorang gabenor menghadiahkan minyak wangi kepadanya. Beliau a.s menaiki mimbar dan berkata: Wahai manusia! Sesungguhnya Ummi Kalthum binti Ali telah mengkhianati kamu dengan minyak wangi. Demi Tuhan, jika beliau mencurinya, nescaya aku akan memotong tangannya sebagaimana aku memotong tangan perempuan-perempuan kamu.

Kemudian tentang ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan tentang kelebihannya adalah tidak terkira banyaknya. Kemudian mereka bersepakat bahawa beliau a.s tidak pernah membantah Rasulullah s.a w sekalipun satu kalimah. Tidak pernah berganjak dari tempat yang diutusnya. Beliau a.s. memberi khidmat kepada Rasulullah s.a.w pada

masa musafirnya, memenuhi bekas airnya, mengupas kulit gandum, mengawal di hadapannya dengan pedang sehingga baginda s.a.w memerintahnya supaya duduk atau pulang.

Beliau a.s. diutus beberapa kali untuk mendapat air dari Juhfah. Orang lain tidak membawa air pulang kerana kesukaran mendapatkannya. Kemudian beliau a.s. datang dan membawa air pulang dengan banyak sehingga dialu-alukan oleh para malaikat. Rasulullah s.a.w. memberitahunya tentang perkara tersebut dan bersabda: Itulah Jibrail dengan seribu malaikat, Mikail dengan seribu malaikat, dan Israfil dengan seribu malaikat.
Sayyid Ismail al-Humairi berkata:

Itulah dia orang yang telah diberi salam pada suatu malam
Ke atasnya Mikail,dan Jibrail
Mikail dengan seribu dan Jibrail dengan
Seribu kemudian diikuti Israfil

Orang ramai memasuki rumahnya satu hari sebelum kesyahidannya. Mereka memberi penyaksian sesungguhnya beliau a.s. telah melaksanakan tugasnya terhadap mereka dengan saksama. Tidak menerima rasuah di dalam penghakiman mereka, tidak mengambil harta dari Baitulmal walaupun seberat tali unta. Beliau a.s. tidak makan melainkan sekadar mencukupi dirinya. Mereka juga memberi penyaksian bahawa sesungguhnya mereka yang paling jauh kedudukannya adalah mereka yang paling hampir kepadanya[190].

Barangsiapa Yang Berdering Telinganya, Maka Hendaklah Dia Berselawat Kepadaku

Al-Fazari berkata: Abu Isa telah memberitahu kami, berkata: Abu Muhammad al-Hasan bin Musa telah memberitahu kamu, berkata: Muhammad bin 'Umar al-Ansari telah memberitahu kami daripada Mu'ammar daripada bapanya daripada datuknya berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Siapa yang berdering telinganya (*tannat udhunu-hu*), maka hendaklah beliau berselawat kepada aku. Sesiapa yang menyebut namaku dengan baik, maka Allah akan menyebutnya dengan baik. Dengan sanad yang sama beliau berkata: Apabila Rasulullah s.a.w mengambil wuduk untuk mengerjakan solat, baginda s.a.w. menggerakkan cincinnya sebanyak tiga kali.

Alamat-Alamat Bencana Di Dalam Setahun

[190] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 450-454

Ketahuilah apabila bintang Zuhrah seiring dengan bintang Marikh pada satu buruj, maka binasalah raja Rom atau bencana yang besar menimpa negara Rom.

Apabila Zuhrah seiring dengan Zuhal, maka pada tahun itu akan berlaku kesusahan dan kesempitan hidup.

Apabila Zuhrah seiring dengan al-Musytari, maka orang ramai akan mendapat kesenangan hidup.

Apabila Zuhrah seiring dengan 'Atarid, maka akan berlaku pertumpahan darah dan pembukaan yang besar.

Apabila Bahram seiring Zuhal pada satu buruj, maka raja yang buminya bertepatan dengan buruj akan binasa.

Apabila Bahram dan al-Musytari berhimpun pada satu buruj, seorang raja yang besar akan binasa.

Apabila Zuhal dan 'Atarid berhimpun, akan berlaku ketakutan dan kesusahan kepada pedagang-pedagang. Demikian juga akan berlaku kepada ahli sastera.

Apabila berhimpun Zuhal dan al-Musytari pada satu buruj, dunia akan berubah di dalam semua keadaan dan urusan manusia juga akan mengalami perkara yang sama. Khawarij akan keluar di segenap penjuru terutamanya di Jilan dan dari Dailam akan keluar kaum Kurdi. Mereka akan membunuh orang ramai dengan kejam, melahirkan ketakutan dan kesusahan, tabiat orang ramai akan berubah; akan hilang sifat malu dan sifat kemanusiaan daripada mereka. Sifat tamak menguasai mereka. Akan bertambah kerosakan, terutamanya pada perempuan sehingga mereka menggugurkan anak-anak mereka, melahirkan anak-anak haram, menumpahkan darah, pembunuhan dan kelaparan.

Apabila berhimpun al-Musytari dan 'Atarid, dunia akan ditimpa penyakit taun dan berlaku permusuhan di kalangan manusia.

Apabila bulan menaiki di atas Zuhal, raja segala raja akan mati.

Apabila berhimpun Bahram dan 'Atarid pada Scorpio, maka itu adalah bukti pembunuhan raja Babylon.

Apabila al-Musytari dan Zuhrah berhimpun pada Scorpio, itu adalah bukti ketakutan dan penyakit di Babylon.

Apabila berhimpun matahari ke arah Scorpio, itu adalah bukti perpecahan Rom dan pembunuhan raja mereka.

Apabila berhimpun Marikh dan 'Atarid ke arah Scorpio, itu adalah bukti kemusnahan istana raja Babylon dan Farsi.

Apabila berhimpun matahari dan bulan ke arah Scorpio dan Bahram pada Saratan, maka jika anda mampu untuk memasuki mana-mana lubang di bumi, maka anda boleh melakukannya.

Apabila Zuhrah dan al-Musytari berhimpun, maka perempuan-perempuan menjadi takut kepada suami-suami mereka secara permusuhan.

Apabila turunnya Kiyawan al-Tarfah, maka akan berlakulah taun di Iraq dan orang ramai akan mati.

Apabila turunnya al-Tarfah ke atas yang lain, maka akan berlaku di bumi Iraq pembunuhan dan fitnah.

Apabila turunnya al-Nathbarah, akan bertukar propensi di Iraq dan orang ramai akan menghadapi bala yang besar.

Apabila turunnya Kiyawan al-Ghafar, maka akan berlaku di Iraq peperangan dan fitnah dan apabila turunnya Kiyawan Jubhah, akan berlaku kematian kepada lembu, binatang buas dan ganas.

Apabila turunnya Kiyawan dan al-Musytari ke arah al-Iklil dan al-Qalb, akan berlaku di timur dan barat taun yang kuat. Ramai orang akan mati, akan berlaku kerosakan dan bencana di bumi dan kebanyakannya berlaku kepada manusia. Raja-raja dan para ulama dibunuh sebaliknya orang bawahan akan memerintah.

Ketahuilah bahawa bersama-sama matahari planet-planet yang lain yang mempunyai pengikut-pengikutnya. Apabila planet timbul pada satu buruj, maka bumi yang terkena buruj tersebut akan berlaku bala, kejahatan dan fitnah.

Apabila anda melihat planet merah di mana anda tidak dapat mengenalinya, dan ia tidak berjalan menurut perjalanan bintang-bintang, berpindah dari satu tempat kepada tempat yang lain bentuknya seperti tiang, maka itu adalah bukti peperangan, bala, pembunuhan pembesar-pembesar, banyak kejahatan dan kesusahan pada manusia[191].

Surat Tentang Ujian Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib A.S

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim. Diriwayatkan bahawa Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s sedang duduk di masjid dan di sisinya sekumpulan orang ramai. Mereka berkata kepadanya: Beritahukan kami sesuatu, wahai Amir al-Mukminin. Maka beliau a.s. berkata: Aduhai kamu, sesungguhnya percakapan aku sulit dan menyulitkan (*inna kalami sa'bun wa mustas'abun*), tidak dapat difahami melainkan oleh mereka yang alim. Mereka berkata: Anda mesti memberitahu kami sesuatu. Beliau a.s. berkata: Datanglah bersama kami, lantas beliau memasuki rumah dan berkata: Akulah yang telah tinggi dan perkasa(*'alau-tu fa-qahar-tu*).

Akulah yang menghidupkan dan mematikan (*uhyi wa umitu*). Akulah yang pertama dan yang akhir, yang zahir dan batin. Lantas mereka memarahinya dan berkata: Beliau a.s. telah menjadi kafir (*kafara*) dan mereka terus berdiri. Maka Ali a.s berkata kepada pintu: wahai pintu, tutup dan berkata: Tidakkah aku telah berkata kepada

---

191 Al-Majlis, *Bihar al-Anwar*, xiv, 173

kamu: Sesungguhnya percakapan aku sulit dan menyulitkan, tidak boleh difahami melainkan oleh mereka yang alim? Datang, aku akan menerangkannya kepada kamu.

Adapun kata-kata aku: Akulah yang telah tinggi dan perkasa, maka akulah yang telah meninggikan kamu dengan pedang ini, maka aku telah menguasai kamu sehingga kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Adapun kata-kata aku, aku menghidupkan dan mematikan, maka akulah yang menghidupkan sunnah Rasulullah s.a.w dan akulah yang mematikan bid'ah. Adapun kata-kata aku: Akulah yang pertama, maka akulah yang pertama beriman dengan Allah dan menerima Islam. Adapun kata-kata aku, akulah yang akhir, maka akulah yang terakhir meletakkan kain ke atas Nabi s.a.w dan mengapankannya. Adapun kata-kata aku, akulah yang zahir dan yang batin, maka di sisi aku ilmu zahir dan batin. Mereka berkata: Anda telah menyelamatkan kami dan Allah telah menyelamatkan anda[192].

Ja'far bin Ahmad bin Isa bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib daripada Ya'qub al-Kufi berkata: Musa bin Ubaid telah memberitahu kami daripada Umru bin Abu al-Miqdam daripada Abu Ishaq daripada al-Harith daripada Jabir daripada Abu Ja'far daripada Muhammad bin al-Hanafiyyah berkata: Ketua Yahudi datang kepada Ali bin Abu Talib a.s selepas beliau a.s. kembali daripada peperangan Nahrawan. Beliau sedang duduk di masjid Kufah, berkata: Wahai Amir al-Mukminin! Sesungguhnya aku ingin bertanyakan anda tentang perkara-perkara yang tidak diketahui akannya melainkan oleh seorang nabi atau wasi nabi.

Beliau a.s berkata: Tanyalah apa yang terlintas di hati anda, wahai saudara Yahudi. Yahudi berkata: Sesungguhnya kami dapati di dalam kitab bahawa sesungguhnya Allah a.w apabila mengutus seorang nabi, Dia memerintahkan supaya nabi itu mengambil daripada ahli baitnya orang yang akan melaksanakan perintah Tuhannya pada umatnya selepasnya serta membuat perjanjian kepadanya tentang mereka supaya beliau mematuhinya dan beramal dengannya pada umatnya selepasnya. Sesungguhnya Allah s.w.t menguji para wasi pada masa hidup para nabi dan menguji mereka selepas kematian para nabi. Beritahu kepada aku berapa kali Allah menguji para wasi pada masa hidup para nabi? Berapa kali Dia menguji mereka selepas kematian para nabi? Dan apakah kesudahan perintah para wasi apabila Allah meredai ujian mereka?

Ali a.s berkata kepadanya: Demi Yang telah membelah laut untuk Bani Israel, dan Yang telah menurunkan Taurat ke atas Musa. Jika aku memberitahu anda dengan benar apa yang anda akan kemukakannya adakah anda akan memperakuinya? Ketua Yahudi berkata: Ya. Beliau

---

192 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 645

a.s berkata: Demi Yang tiada tuhan selain daripada-Nya, jika aku membenarkan anda, adakah anda akan menerima Islam? Ketua Yahudi berkata: Ya. Ali a.s berkata: Sesungguhnya Allah menguji para wasi pada masa hidup para nabi pada tujuh tempat bagi menguji ketaatan mereka.

Apabila Allah telah meredai mereka dengan ujian itu, maka Dia memerintahkan para nabi supaya mengambil mereka sebagai para wali pada masa hidup mereka dan para wasi selepas kematian mereka. Justeru itu, Allah menjadikan ketaatan kepada para wasi di tengkuk umat sebagai sambungan kepada ketaatan kepada para nabi a.s. Kemudian Allah menguji para wasi selepas kematian para nabi pada tujuh tempat bagi menguji kesabaran mereka. Apabila Allah telah meredai mereka dengan ujian itu, maka Dia akan mengakhiri mereka dengan kesyahidan bagi menghubungi mereka dengan para nabi. Justeru itu, Allah telah menyempurnakan kebahagiaan untuk mereka.

Ketua Yahudi berkata kepadanya: Anda memang benar wahai Amir al-Mukminin. Beritahu kepada kami berapa kali Allah a.w telah menguji anda pada masa hidup Muhammad s.a.w? Dan berapa kali Dia telah menguji anda selepas kematiannya? Dan bagaimanakah kesudahan perintah anda? Lantas Ali a.s memegang tangannya dan berkata: Bangun bersama kami, aku akan memberitahu anda mengenainya wahai saudara Yahudi. Sebahagian daripada para sahabatnya berdiri dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, beritahu kepada kami mengenainya bersamanya. Beliau a.s berkata: Aku khuatir hati kamu tidak boleh menanggungnya. Mereka berkata: Kenapa begitu, wahai Amir al-Mukminin?

Beliau a.s. berkata: Kerana beberapa perkara yang telah jelas kepada aku tentang beberapa orang daripada kamu. Al-Asytar terus berdiri dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, beritahulah kepada kami perkara tersebut, demi Allah, sesungguhnya kami mengetahui bahawa sesungguhnya tiada di atas bumi ini seorang wasi nabi selain daripada anda dan kami mengetahui bahawa Allah tidak akan mengutus seorang nabi selepas nabi kita, dan sesungguhnya ketaatan kepada anda adalah di atas tengkuk kami bersambung dengan ketaatan kepada nabi kita. Maka Ali a.s pun duduk berhadapan ketua Yahudi dan berkata: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Allah a.w telah mengujiku pada masa hidup Nabi kami s.a.w pada tujuh tempat. Maka Dia telah mendapati aku mengenainya -tanpa membersihkan diri aku dengan nikmat Allah- mentaati-Nya (*muti'an la-hu*).

Ketua Yahudi berkata: Tentang apa, tentang apa wahai Amir al-Mukminin? Beliau a.s berkata: Pertamanya Allah s.w.t telah mewahyukan kepada Nabi kami tentang kenabian, kemudian kerasulan. Aku adalah yang termuda di dalam keluarga aku. Aku telah memberi perkhidmatan aku kepadanya di rumahnya dan aku melaksanakan

suruhannya di hadapannya. Maka baginda s.a.w menyeru yang muda dan yang tua mereka kepada syahadah "tiada tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya beliau adalah pesuruh-Nya". Lantas mereka menentangnya, menjauhinya dan menyisihkannya, kerana semua orang menentangnya.

Mereka membesar-besarkan apa yang telah dibentangkan kepada mereka kerana hati mereka tidak dapat menanggungnya dan akal mereka tidak dapat memahaminya. Aku telah menyahut seruan Rasulullah s.a.w seorang diri di dalam keadaan segera, taat dan yakin, tanpa menimbulkan sesuatu di hati aku. Kami tinggal di dalam keadaan sedemikian selama tiga musim, pada masa itu tidak ada makhluk di muka bumi mengerjakan solat dan memperakui apa yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya selain daripada aku dan anak perempuan Khuwailid-*rahima-ha l-Lah-* Kemudian baliau s.a. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ianya begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Kedua: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Quraisy sentiasa berfikir dan bekerja keras untuk membunuh Nabi s.a.w sehingga ke akhir hari mereka berkumpul bersama-sama Iblis *laknatu l-Lah* yang telah hadir di dalam majlis tersebut di dalam bentuk seorang lelaki Thaqif yang buta sebelah matanya. Iblis telah berusaha keras sehingga mereka bersepakat untuk melantik seorang lelaki dari setiap kabilah. Kemudian setiap lelaki daripada mereka mengambil pedangnya. Kemudian mereka akan mendatangi Nabi s.a.w yang sedang tidur di atas hamparannya, lalu mereka membunuhnya dengan pedang-pedang mereka semua dengan satu pukulan seorang lelaki. Lantaran itu, mereka membunuhnya dan apabila mereka membunuhnya, Quraisy tidak akan menyerahkan lelaki mereka untuk diadili. Justeru itu, darahnya akan menjadi sia-sia, maka Jibrail a.s telah turun ke atas Nabi s.a.w, lalu memberitahu kepadanya mengenai hal itu dan menceritakan malam yang mereka akan berkumpul untuk membunuh nabi s.a.w. dan waktu mereka akan mendatangi rumahnya.

Lalu Jibrail memerintah nabi s.a.w. supaya keluar untuk ke gua Hira'. Rasulullah s.a.w memberitahu aku tentang berita tersebut dan memerintahkan aku supaya aku tidur di tempat tidurnya bagi mempertahankan dirinya dengan diri aku. Aku telah mempercepatkan diri aku kerana mentaatinya dan bergembira dengannya dan diri aku. Aku tidur di atas hamparannya. Beberapa orang lelaki Quraisy di dalam diri mereka untuk pembunuhan Nabi s.a.w. Apabila mereka memasuki rumah yang aku tidur di dalamnya maka aku bangkit dengan pedangku, lalu aku mempertahankan diri aku daripada mereka sebagaimana telah diketahui oleh orang ramai. Kemudian beliau a.s. berhadapan dengan para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Ketiga: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya dua anak lelaki Rabi'ah dan anak lelaki 'Utabah adalah pahlawan Quraisy telah menyeru untuk bertarung di hari Badr. Tidak ada makhluk yang telah menyahuti cabarannya. Rasulullah s.a.w telah membangkitkan semangat aku bagi menentang mereka sedangkan aku adalah sahabat yang paling muda dan kurang pengalaman di dalam peperangan. Maka Allah telah membunuh Walid dan Syaibah dengan tangan aku di samping orang-orang kenamaan Quraisy yang aku telah membunuh mereka pada hari itu. Ini tidak termasuk mereka yang telah dijadikan sebagai tawanan aku, sepupu aku telah mati syahid pada hari itu-*rahimahu l-Lah*-Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Keempat: Wahai saudara Yahudi, Quraisy dan Arab telah berkumpul dan mengadakan perjanjian di kalangan mereka bahawa mereka tidak akan berpaling ke belakang sehingga mereka membunuh Rasulullah s.a.w, dan membunuh kami bersamanya Bani 'Abd al-Muttalib. Mereka melengkapkan diri mereka dengan peralatan perang sehingga mereka bertapak di Madinah di dalam keadaan masih percaya kepada perancangan mereka. Maka Jibrail telah turun ke atas Rasulullah s.a.w memberitahu kepadanya tentang perkara tersebut. Rasulullah s.a.w telah mempersiapkan dirinya bersama-sama Muhajirin dan Ansar. Quraisy datang dan berkhemah di al-Khandaq (parit), menyangka bahawa mereka kuat sedangkan kami lemah. Rasulullah s.a.w. menyeru mereka dengan kekerabatan dan silaturahim, tetapi mereka menolaknya. Malah mereka lebih sombong lagi. Pahlawan mereka pada masa itu adalah 'Umru bin 'Abd Wuddin menjerit seperti unta ganas menyeru untuk bertarung memegang lembingnya pada satu masa dan memegang pedangnya pada masa yang lain pula.

Tiada seorang pun berani tampil menentangnya. Rasulullah s.a.w telah membangkitkan semangat aku dan memakaikan aku kainnya dengan tangannya, serta memberikan kepada aku pedangnya Dhu l-Fiqar. Maka aku keluar menuju kepadanya sementara perempuan-perempuan Madinah menangis kerana kasihan kepada aku bagi menentang Ibn 'Abd Wuddin al-'Amiri, maka Allah telah membunuhnya dengan tangan aku. Arab tidak mengakui orang lain sebagai pahlawan selain daripadanya. Al-'Amiri memukul aku dengan pukulan ini –Beliau a.s. telah memberi isyarat kepada tubuhnya. Allah telah mengalahkan Quraisy dan Arab dengan pukulan aku terhadap mereka. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Kelima: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya penduduk Makkah datang kepada kami semenjak awal lagi telah mengumpul kabilah-kabilah Arab dan Quraisy bagi menuntut bela di atas kematian kaum

musyrikin Quraisy pada hari Badr dan al-Khandaq. Maka Jibrail a.s turun ke atas Rasulullah s.a.w memberitahu kepadanya tentang perkara tersebut. Lantas Rasulullah s.a.w dan para sahabatnya membuat persiapan di Uhud. Musyrikin menentang kami secara serentak. Beberapa kaum muslimin mati syahid dan yang lain menerima kekalahan.

Semoga Allah memaafkan mereka. Aku telah berada bersama-sama Rasulullah s.a.w sementara Muhajirin dan Ansar pulang ke rumah mereka di Madinah. Semua berkata: Nabi s.a.w telah dibunuh dan para sahabatnya juga telah dibunuh. Allah telah menghina kaum musyrikin, aku telah mengalami luka di hadapan Nabi s.a.w melebihi tujuh puluh luka di antaranya di sini dan di antaranya di sini. Kemudian beliau a.s. telah menunjukkannya dengan tangannya. Semoga Allah memberi pahala-Nya kepada aku pada hari itu, Insya' Allah. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Keenam: Wahai saudara Yahudi, kami telah datang bersama Rasulullah s.a.w. di bandar sahabat anda Khaibar yang dikawal oleh lelaki Yahudi dan pahlawan-pahlawan daripada Quraisy. Kami bertembung dengan mereka seperti bukit yang terdiri daripada kuda, senjata, dan tentera yang ramai. Semuanya menyeru untuk bertarung dan memulakan peperangan tiada seorang pun di kalangan sahabat kami bertarung melainkan mereka membunuhnya sehingga aku diseru untuk bertarung. Setiap orang telah mementingkan dirinya, sebahagian daripada sahabat aku berkata kepada yang lain: Hentam mereka, wahai Abu al-Hasan, bangun. Maka Rasulullah s.a.w telah mendorong aku bagi menentang mereka.

Maka tidak seorang pun daripada mereka bertarung dengan aku melainkan aku telah membunuhnya. Tidak berdiri seorang panglima berkuda di hadapan aku melainkan aku menikamnya, aku telah menerkam kepada mereka seperti terkaman seekor singa jantan kepada mangsanya sehingga aku telah memasuki bandar mereka seorang diri. Aku telah membunuh siapa saja daripada lelaki mereka padanya dan aku telah menawan perempuan-perempuan mereka sehingga aku telah membuka Khaibar seorang diri, tiada seorang pun yang telah menolong aku selain daripada Allah. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka berkata: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Ketujuh: Wahi saudara Yahudi, sesungguhnya Rasulullah s.a.w. apabila mengarahkan bagi pembukaan Makkah, baginda s.a.w. suka memaafkan mereka dan menyeru mereka kepada Allah a.w pada kali terakhir sebagaimana baginda s.a.w. menyeru mereka kepada-Nya pada permulaannya. Baginda s.a.w. menulis kepada mereka memberi peringatan kepada mereka tentang azab Tuhan mereka, mengharap

mereka mendapat pengampunan daripada Tuhan mereka dan baginda s.a.w. membentangkan kepada mereka akhir Surah al-Bara'ah. Semua para sahabatnya menjadi keberatan untuk membawa Surah al-Bara'ah kepada penduduk Makkah.

Apabila baginda s.a.w. melihat keadaan sedemikian, maka baginda s.a.w. melantik seorang lelaki[193] untuk membawanya kepada penduduk Mekah. Maka Jibrail datang kepadanya dan berkata: Wahai Muhammad, sesungguhnya tidak boleh menunaikan tugasan daripada anda melainkan seorang lelaki daripada keluarga anda. Lantas Rasulullah s.a.w. memberitahu perkara tersebut kepada aku dan mengarah aku supaya membawanya kepada penduduk Makkah. Lantaran itu, aku mendatangi Makkah dan penduduknya sebagaimana kamu telah mengetahui sikap mereka terhadap aku. Maka aku menyampaikan perutusan Nabi s.a.w dan aku telah membaca suratnya kepada mereka. Semuanya telah menemui aku dengan ugutan dan kecaman, melahirkan kemarahan dan kebencian daripada lelaki dan perempuan mereka. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Beliau a.s. berkata: Wahai saudara Yahudi, ini tujuh tempat di mana aku berserta Rasulullah s.a.w telah diuji oleh Allah. Maka Dia telah mendapati aku mengenainya, dengan kurniaan-Nya, taat kepada-Nya, tiada seorang pun yang menghadapi ujian seperti aku. Jika aku berkata sedemikian, nescaya kata-kata aku akan menggemparkan mereka, kerana Allah telah melarang mengangkat diri sendiri. Mereka berkata: Anda memang benar wahai Amir al-Mukminin. Demi Allah! Sesungguhnya Allah telah memberi kelebihan kepada anda dengan kekerabatan anda dengan Nabi kita s.a.w, dan Dia telah membahagiakan anda dengan menjadikan anda sebagai saudaranya (*akha-hu*), kedudukan anda dengannya sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa.

Dia telah melebihkan anda di beberapa tempat di mana anda telah menyertainya, saat-saat kesusahan yang anda telah mengalaminya, simpanan pengalaman anda yang anda sebutkan dan lebih banyak daripada itu anda tidak menyebutnya di mana tiada seorang muslim setanding dengan anda, orang yang berkata sedemikian adalah orang yang telah menyaksikan anda di kalangan kami bersama Rasulullah s.a.w dan orang yang telah menyaksikan anda di kalangan kami selepasnya.

Lantaran itu, beritahu kepada kami, wahai Amir al-Mukminin, tentang ujian Allah terhadap anda selepas Nabi kita s.a.w di mana anda telah menghadapinya dan anda telah bersabar ke atasnya. Jika kami mahu, kami boleh memberitahu anda perkara yang kami

[193] Abu Bakr

mengetahuinya, tetapi kami suka mendengar daripada anda perkara tersebut sebagaimana kami telah mendengarnya daripada anda tentang ujian Allah terhadap anda pada masa hidupnya, maka anda telah mentaati-Nya mengenainya.

Beliau a.s. berkata: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Allah telah menguji aku selepas kematian Nabi-Nya pada tujuh tempat. Maka Dia telah mendapati aku padanya, tanpa meninggi diri aku, dengan kurniaan-Nya dan nikmat-Nya, seorang yang sabar.

Pertama: Tiada terdapat untuk aku secara khusus dan bagi muslimin secara umum seorang yang aku telah menemaninya. Aku berpegang kepadanya, aku meminta tidur kepadanya secara pura-pura. Aku mendekati diri kepada Allah dengan mentaatinya, aku bergembira ketika senang, berehat ketika susah selain daripada Rasulullah s.a.w.

Baginda s.a.w. yang telah mendidik aku ketika kecil, menolong aku, ketika besar, memaksa aku daripada keyatiman, dan membebaskan aku dari meminta-minta, menjaga aku dari pencarian aku, menanggung diri aku, keluarga aku dan anak-anak. Ini adalah pengurusan dunia. Baginda s.a.w. telah mengkhususkan aku dengan darjat-darjat yang membawa aku kepada tempat yang tinggi di sisi Allah. Telah berlaku kepada aku dengan kematian Rasulullah s.a.w perkara yang aku tidak pernah menduganya bahawa jika bukit dibawa secara paksa, nescaya ia akan berlaku. Aku melihat orang ramai di kalangan keluarga aku di antara kesedihan dan tidak dapat mengawal diri serta tidak tahan menanggung kesusahan. Aku telah membawa diri aku bersabar selepas kematiannya.

Aku terus berdiam diri dan melakukan perkara yang telah diperintahkan Allah kepada aku; menyempurnakan jenazah dan mengerjakan solat ke atasnya, meletaknya di liang kubur, menghimpunkan amanah Allah, kitab-Nya, janji-Nya yang kami telah menanggungnya untuk makhluk-Nya. Kami telah meletaknya kepada mereka. Air mata, kecaman nafas, penderitaan dan musibat yang besar tidak melalaikan aku dari melakukan hak yang wajib bagi Allah dan Rasul-Nya ke atas aku. Aku telah menunaikan apa yang diperintahkan kepada aku. Maka aku telah menghadapinya dengan penuh kesabaran dan perhitungan. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Kedua: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah melantik aku menjadi amir pada masa hidupnya ke atas semua umatnya (*ammara-ni fi hayati-hi 'ala jami'i ummati-hi*) dan telah mengambil baiah daripada mereka yang telah menghadirinya di kalangan mereka dengan ketaatan kepada perintah aku. Baginda s.a.w. telah memerintahkan penyaksi (*al-Syahid*) menyampaikannya kepada yang ghaib (*al-Ghaib*) tentang perkara tersebut. Maka akulah penyampai

perintah Rasulullah s.a.w kepada mereka apabila aku telah menghadirinya dan aku menjadi Amir ke atas mereka yang telah berada bersama-sama aku di kalangan mereka apabila aku berpisah dengan Rasulullah s.a.w. Tiada sebarang pertengkaran daripada seorang makhluk yang meresahkan jiwa aku di dalam suatu perkara pada masa hidup Nabi s.a.w dan selepas kematiannya.

Kemudian Allah telah memerintahkan Rasul-Nya supaya mengarahkan tentera yang dipimpin oleh Usamah bin Zaid bergerak ke sasarannya pada saat baginda s.a.w. sakit yang membawa kepada kewafatannya. Rasulullah s.a.w tidak meninggalkan seorang pun daripada kabilah-kabilah Arab, Quraisy, Aus, Khazraj dan orang lain yang baginda s.a.w. khuatir akan menentang aku.

Begitu juga baginda s.a.w. tidak meninggalkan seorang pun di kalangan mereka yang melihat aku dengan mata kemarahan (*'Ain al-Baghdha'*) yang terdiri daripada mereka yang aku terpaksa membunuh bapa, saudara atau kerabat mereka melainkan baginda s.a.w telah mengarahkan mereka supaya berada di dalam tentera tersebut. Begitu juga beliau tidak meninggalkan Muhajirin, Ansar, muslimin dan orang lain yang terdiri daripada mualaf dan munafikin supaya menyertai tenteranya bagi membersihkan hati mereka yang tinggal bersama-sama aku di Madinah dengan kehadirannya s.a.w. Dan supaya tiada seorang pun yang akan berkata sesuatu yang aku tidak suka di sisi Rasulullah s.a.w. Dan tiada seorang pun yang menentang *al-Wilayah* dan pelaksanaan urusan rakyat selepasnya. Kemudian perintah akhirnya mengenai urusan umatnya adalah penerusan tentera Usamah; supaya tidak seorang pun daripada mereka tersebut meninggalkannya.

Aku tidak menyedari selepas kematian Rasulullah s.a.w melainkan beberapa lelaki[194] yang telah diutus bersama-sama Usamah dan tenteranya telah meninggalkan pusat tentera mereka. Kumpulan itu telah menuju ke tempat lain dan menyalahi perintah Rasulullah s.a.w. Mereka bersegera untuk membatalkan perjanjian yang telah di meterai oleh Allah kepada aku dan Rasul-Nya di tengkuk mereka. Maka mereka telah membatalkannya, sebaliknya mereka telah menjadikan perjanjian untuk mereka dengan suara yang bising, tanpa berbicara dengan seorang pun daripada kami Bani 'Abd al-Muttalib.

Atau meneruskan *istiqamah* baiah aku di tengkuk mereka. Mereka telah melakukan semua ini ketika aku sibuk dengan urusan penyempurnaan jenazah Rasulullah s.a.w, kerana ia adalah yang terpenting dan lebih berhak untuk dimulai dengannya. Semuanya wahai saudara Yahudi, menjadikan hati aku berat dan bencana menimpa aku adalah besar. Maka aku telah bersabar ke atasnya, kerana ia (*khilafah*) berlaku sebaik saja peristiwa kematian rasul. Kemudian

---

[194] Abu Bakr dan 'Umar serta kumpulan mereka

beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Ketiga: Wahai saudara Yahudi, al-Qaim selepas Nabi s.a.w. pernah berjumpa dengan aku memohon maaf pada setiap hari pemerintahannya. Beliau juga berjumpa dengan orang lain mengenai apa yang telah dilakukannya tentang hak aku dan penolakan baiah aku. Beliau telah meminta penyelesaian aku, maka aku berkata: Hari-harinya akan berlalu, hak aku akan kembali kepada aku di mana Allah telah menjadikannya untuk aku sebagai perkara yang mudah tanpa aku melakukan sesuatu pada Islam seperti apa yang dilakukan olehnya. Kerana hampir masanya dengan jahiliah di dalam tuntutan hak aku secara pertelingkahan, kemungkinan ada orang berkata mengenainya: Ya dan ada pula orang berkata: Tidak. Maka ia bertukar daripada kata-kata kepada perbuatan, sebahagian daripada para sahabat Rasulullah s.a.w yang istimewa, yang lebih terkenal dengan nasihat kerana Allah, Rasul-Nya s.a.w, kitab-Nya dan agama-Nya Islam telah datang kepada aku baik secara rahsia atau terang-terangan menyeru aku supaya mengambil balik hak aku. Mereka akan mengorbankan diri mereka untuk menolong aku agar mereka dapat mengembalikan hak baiah aku di tengkuk mereka. Maka aku berkata: Sabar sedikit, mudah-mudahan Allah mengembalikan perkara tersebut dengan mudah, tanpa pertengkaran dan penumpahan darah.

Orang ramai menjadi tidak menentu selepas kematian Rasulullah s.a.w. Orang-orang yang tidak layak telah berebut-rebut untuk mendapatkan jawatan khalifah selepas kematiannya. Sebahagian mereka berkata: Amir hendaklah daripada golongan kami, orang yang berkata sedemikian adalah mereka yang mahu jawatan khalifah diambil oleh orang lain selain daripada aku. Manakala hampir kematian al-Qaim (Abu Bakr) dan telah berlalu hari-harinya, jawatan khalifah telah berpindah kepada sahabatnya ('Umar) selepasnya. Perkara ini merupakan saudara kembar kepada perkara yang lalu dan kedudukan aku adalah sama sahaja.

Beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w. berkumpul dan berkata kepada aku sebagaimana mereka telah berkata kepada aku pada kali pertama. Kata-kata aku yang kedua dan pertama adalah sama; aku terus bersabar, yakin dan kasihanbelas terhadap kumpulan yang telah dijinakkan oleh Rasulullah s.a.w dengan kelembutan dan kekuatan, dengan pengorbanan dan pedang sehingga mereka dapat tinggal dengan aman, kenyang, gembira, pakaian, tempat tinggal dan kain selimut sedangkan kami Ahlu Bait Muhammad s.a.w tidak mempunyai rumah yang beratap.

Tidak berpintu dan tidak pula berpagar selain daripada pelepah kurma dan seumpamanya dan tidak mempunyai halaman dan kain selimut. Kebanyakan kami hanya mempunyai satu kain untuk

mengerjakan solat dan menghabiskan siang dan malam dengan kelaparan. Kadangkala Allah telah mengurniakan kepada kami *al-Fai'* dan menjadikan hak kami secara khusus, tanpa menjadikannya hak orang lain. Demikianlah keadaan kami sebagaimana aku telah katakan. Rasulullah s.a.w dapat mempengaruhi pemilik-pemilik harta kerana menjinakkan mereka.

Maka aku adalah orang yang lebih berhak untuk tidak memecah-belah kumpulan yang telah dijinakkan oleh Rasulullah s.a.w dan tidak membawanya kepada rancangan yang tidak sampai kepada matlamatnya atau kehabisan ajalnya. Jika aku melantik diri aku (*nasabtu nafsi*) dan aku menyeru mereka supaya menolong aku nescaya mereka di sisi aku. Dalam keadaan ini urusan aku akan berada di atas salah satu kedudukan sama ada menjadi pengikut yang berjuang (*mutbi'un muqatil*) atau akan dibunuh (*maqtul*). Jika ia tidak mengikut orang ramai atau ia menjadi hina dan menjadi kafir dengan kehinaannya jika ia tidak menolong aku atau tidak mentaati aku. Sesungguhnya telah diketahui umum bahawa kedudukan aku di sisinya s.a.w sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa. Ini bererti sebarang penentangan terhadap aku atau tidak mentaati aku adalah menepati penentangan kaum Musa terhadap Harun dan tidak mentaatinya.

Aku telah melihat orang ramai berebut-rebut untuk mendapatkannya, menolak nafas panjang dan terus bersabar sehingga Allah membukanya atau melaksanakan apa yang disukai-Nya. Bagi menambah habuan aku daripada Allah aku terus mengiringi kumpulan yang aku telah katakan kepada kamu. Urusan Allah adalah kadar yang telah ditetapkan, jika aku tidak mempertahankan diri aku di dalam keadaan ini, wahai saudara Yahudi, kemudian aku menuntut hak aku, nescaya aku adalah orang yang paling layak di kalangan mereka yang telah menuntutnya, kerana keilmuan para sahabat Rasulullah s.a.w tentang hak aku termasuk para sahabat yang berada di hadapan anda.

Aku pernah mempunyai ramai pengikut, mempunyai keluarga yang mulia, mentaati perintah, mempunyai hujah yang paling terang, mempunyai *manaqib* dan *athar* yang banyak, Islam awal, kekerabatan aku, lebih-lebih lagi hak aku dengan wasiat yang tidak ada jalan keluar bagi sesiapapun daripadanya dan baiah yang terdahulu di tengkuk mereka bagi mereka yang telah memberi baiah kepadanya. Sesungguhnya Nabi s.a.w telah mati dan sesungguhnya wilayah umat adalah di tangannya dan di rumahnya, bukan di tangan mereka yang telah merampasnya dan bukan di rumah mereka, malah di rumah Ahlu Baitnya yang telah disucikan Allah daripada kotoran dosa merupakan *Uli al-Amri* selepasnya. Bukan orang lain di dalam semua keadaan. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Keempat: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Umar selepas sahabatnya pernah bermesyuarat dengan aku di dalam beberapa perkara yang sukar, lalu beliau melaksanakannya menurut pendapat aku. Aku dan sahabat aku tidak mengetahui seorang pun yang telah berbincang dengannya selain daripada aku dan tiada seorang pun yang ingin menjadi khalifah selepasnya selain daripada aku. Apabila datang angan-angannya tanpa kesakitan sebelumnya dan tanpa perintah yang dikeluarkan ketika kesihatannya, maka aku tidak syak lagi bahawa aku akan mengembalikan hak aku dengan mudah dan itulah yang aku tuntut. Sesungguhnya Allah akan melakukan perkara itu di atas sebaik-baik yang aku harapkan. Di antara perbuatannya ialah, dia telah mengakhiri urusannya dengan melantik enam orang dan akulah yang keenam mereka. Umar telah menyamakan aku dengan mereka. Dia tidak menyebut tentang waris aku dengan Rasulullah s.a.w sebagaimana dia tidak menyebut tentang kekerabatan aku, menantu dan nasab, tiada seorang daripada mereka telah memeluk Islam lebih awal daripada aku, dan tidak mempunyai *athar* seperti *athar-atharku*, malah dia telah menjadikan *syura* di kalangan kami, dia telah menjadikan anak lelakinya hakim ke atas kami dan memerintahnya supaya memenggal leher kami berenam jika kami tidak melaksanakan perintahnya. Cukuplah dengan kesabaran ini wahai saudara Yahudi.

Mereka telah menghabiskan hari-hari mereka semuanya, setiap orang bercakap untuk dirinya, dan aku telah menahan diriku daripadanya. Hanya apabila mereka bertanya kepada aku tentang urusanku, maka aku berbincang dengan mereka pada hari-hari aku dan hari-hari mereka mengenai *athar-atharku* dan *athar-athar* mereka. Aku menerangkan kepada mereka apa yang mereka tidak mengetahuinya tentang hak aku ke atasnya dan bukan hak mereka. Aku telah menyebut kepada mereka tentang janji Rasulullah s.a.w untuk aku ke atas mereka dan sokongannya terhadap baiah aku di tengkuk mereka, cinta kepada pemerintahan dengan menggunakan kekuatan tangan dan lidah di dalam suruhan dan larangan, cenderung kepada dunia dengan menuruti orang-orang sebelum mereka bagi merampas apa yang tidak dijadikan Allah untuk mereka.

Aku telah memberi ingatan kepada setiap orang daripada mereka tentang hari-hari Allah dan apa yang akan terjadi kepada setiap orang daripada mereka. Apabila mereka tidak mendapati aku selain daripada hujah yang terang berpandukan al-Kitab dan wasiat Rasulullah s.a.w untuk memberi setiap orang daripada mereka apa yang telah dijadikan Allah untuknya dan menegahnya apa yang tidak dijadikan Allah untuknya. Maka makin bertambah kedegilan mereka, lantas mereka memindahkannya daripada aku kepada Ibn 'Affan kerana tamak dunia. Ibn 'Affan tidak layak jika dibandingkan dengan mereka yang berada di dalam majlis itu. Kemudian aku tidak mengetahui ke manakah mereka

telah menghabiskan "waktu petang" mereka sehingga mereka telah melahirkan kesesalan mereka dan berpatah-balik menentangnya.

Setiap orang mencela dirinya dan mencela para sahabatnya. Kemudian hari-hari tidak lama berlalu dengan Ibn 'Affan sehingga mereka telah mengkafirkannya (*akfaru-hu*), melepaskan diri mereka daripadanya (*tabarra'u min-hu*). Kemudian Ibn 'Affan telah mendatangi para sahabatnya secara khusus dan semua para sahabat Rasulullah s.a.w secara umum meminta mereka supaya menarik balik baiah mereka kepadanya dan dia akan bertaubat kepada Allah daripada kesalahannya. Ini adalah lebih besar daripada peristiwa yang lalu, tetapi aku terus bersabar di atas penderitaan ini . Ahli majlis *syura* dahulu telah datang kepada aku, setiap orang telah meminta aku supaya membuang Ibn 'Affan dan mengambil hak aku daripadanya. Setiap orang telah memberi sokongannya dan baiahnya sehingga mati di bawah bendera aku atau Allah mengembalikan kepada aku hak aku.

Kemudian selepas itu sekali lagi mereka diuji mengenainya dengan bermacam-macam ujian, sekali dengan mencukur kepala, sekali dengan janji-janji pengasingan diri dan sekali dengan menepati tempat-tempat tertentu, semuanya janji-janji kosong yang tidak ditepati. Demi Tuhan, wahai saudara Yahudi, aku tidak bertindak kali ini sebagaimana aku tidak bertindak di masa-masa yang lalu, kerana aku melihat pengekalan jawatan mereka lebih baik daripada memusnahkannya. Aku telah mengetahui sesungguhnya jika aku menanggungnya di atas panggilan maut, aku dapat melakukannya, adapun tentang diri aku semuanya telah mengetahui bahawa kematian di sisi aku sepertilah kedudukan minuman air sejuk pada hari panas terik bagi mereka yang amat dahagakan air (*inna l-Mauta 'indi bi-manzilati al-Syurbati al-Baridati fi l-Yaumi al-Syadidi l-Harri min dhi al- 'atasyi al-Sada*).

Sesungguhnya aku telah berjanji kepada Allah dan Rasul-Nya apabila bapa saudara aku (*'ammi*) Hamzah, saudara aku Ja'far dan sepupu aku 'Ubaidah di dalam suatu urusan kerana Allah dan Rasul-Nya, maka mereka telah mendahului aku, dan aku telah tinggal selepas mereka. Maka Allah telah menurunkan ayat Surah al-Ahzab (33):23 "*Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah; maka di antara mereka ada yang gugur.Dan di antara mereka ada(pula) yang menunggu-nunggu dan mereka sedikitpun tidak merubah*"

Adapun mereka yang telah gugur adalah Hamzah, 'Ubaidah dan Ja'far, sementara aku sedang menunggu. Wahai saudara Yahudi, aku tidak akan merubah. Apa yang telah membuatkan aku menahan diri aku daripada Ibn 'Affan adalah kerana aku telah mengetahui tentang akhlaknya bahawa dia akan menyeru keluarganya sama ada yang jauh mahu pun yang dekat untuk membunuhnya atau memecatnya. Lantaran itu aku berada di dalam keadaan *'uzlah*. Maka aku telah

bersabar dan aku tidak bercakap mengenainya walaupun satu huruf selain daripada "Tidak" dan bukan "Ya". Kemudian satu kumpulan datang kepada aku. Aku -Allah telah mengetahui- benci kerana aku tahu ketamakan mereka mengumpul harta dan bersuka ria di bumi. Mereka menyedari bahawa perkara sedemikian tidak ada di sisi aku. Apabila mereka tidak mendapatinya di sisi aku, mereka telah mencari alasan yang lain. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Kelima: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya mereka yang telah memberi baiah kepada aku. Apabila mereka menarik baiah daripada aku, mereka mengajak seorang perempuan untuk menentangku aku sekalipun aku pemimpin perempuan itu dan wasi ke atasnya. Mereka membawa perempuan itu di atas unta betina dan memaksanya supaya bermusafir melintasi padang pasir dan daratan. Anjing al-Hauab telah menyalaknya. Alamat penyesalan terserlah pada mereka setiap detik dan keadaan. Satu kumpulan telah memberi baiah kepada aku kali kedua selepas baiah pertama pada masa hidup Nabi s.a.w sehingga mereka datang kepada penduduk setempat, tangan mereka pendek, janggut mereka panjang, akal mereka kecil, pendapat mereka adalah ganjil, jiran Badwi yang mengharungi lautan!.

Maka 'Aisyah membawa mereka untuk menentang aku dengan pedang-pedang mereka tanpa ilmu, melontar anak-anak panah mereka tanpa fahaman. Aku berdiri di atas dua perkara. Kedua-duanya aku tidak menyukainya. Jika aku menegah diri aku, nescaya mereka tidak akan kembali dan jika aku meneruskannya, nescaya aku akan sampai kepada perkara yang aku tidak menyukainya. Lantaran itu, aku telah mengemukakan hujah di dalam bentuk amaran dan peringatan; aku menyeru perempuan itu supaya kembali ke rumahnya dan mereka yang telah membawanya supaya setia dengan baiah mereka terhadap aku dan tidak membatalkan janji Allah pada aku yang telah memberi kepada mereka setiap perkara yang aku mampu melakukannya.

Aku berbincang dengan mereka. Maka ada yang kembali. Aku memberi peringatan kepada mereka, maka ada yang menerimanya. Kemudian aku berhadapan dengan orang ramai dan mengemukakan perkara yang sama. Namun mereka menjadi lebih bertambah jahil dan melampau. Apabila mereka enggan melainkan 'Aisyah untuk memimpin mereka, maka ke atas merekalah kekalahan dan penyesalan. Pada merekalah kehancuran dan pembunuhan. Aku telah membawa diri aku pada perkara yang aku tidak dapat mengelakkannya.

Aku berusaha sehingga ke akhirnya sebagaimana aku telah berusaha pada peringkat awalnya; menahan diri dari melakukannya. Kamu melihat aku, jika aku menahan diri aku, sebagai seorang yang menolong mereka melakukan kerosakan dan pembunuhan, menjadikan

perempuan yang kurang akal sebagai hakim dalam semua perkara seperti yang dilakukan oleh bangsa Rom, raja Saba' dan umat yang terdahulu. Maka aku terjebak dengan perkara yang aku tidak menyukainya dan aku membiarkan perempuan dan tenteranya melakukan apa yang mereka kehendaki sebagaimana aku telah perjelaskan kedudukan dua golongan ini. Aku tidak gopoh di dalam perkara ini melainkan selepas aku melakukan apa yang sepatutnya; aku telah menangguhkannya, membuat penelitian, menghantar utusan, bercakap secara lisan, memberi peringatan, memberi amaran dan memberi kepada mereka apa yang sepatutnya, tetapi mereka enggan melainkan peperangan. Maka Allah "menyampaikan" (*balagha*) kepada aku dan kepada mereka apa yang Dia kehendaki dan Dia menjadi saksi di atas perkara tersebut. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Keenam: Wahai saudara Yahudi, *Tahkim* dua orang hakim dan memerangi anak lelaki kepada perempuan yang memakan hati (*akilati al-Akbad*) iaitu seorang *taliq* yang menentang Allah, Rasul-Nya dan mukminin semenjak pembukaan Makkah secara kekerasan. Aku telah mengambil baiahnya dan baiah bapanya untuk aku bersamanya pada hari itu dan pada tiga tempat selepasnya. Sebelum itu bapanya adalah orang yang pertama yang memberi salam kepada aku sebagai wali mukminin dan mendesak aku supaya bangkit menentang mereka yang telah merampas hak aku sebelum aku. Dia memperbaharui baiahnya kepada aku pada setiap kali beliau datang kepada aku. Dia menguap di hadapan aku hasil daripada pemakanan harta muslimin dan menguasai mereka bagi mendapatkan sedikit perkara yang akan binasa dan meluputkan banyak perkara yang kekal.

Apa yang paling pelik sekali adalah apabila dia melihat Tuhanku mengembalikan hak aku kepada aku dan meletakkannya (hak) kepada tempatnya. Terputus harapannya untuk menjadi orang keempat pada agama Allah dan pada amanahnya yang kami telah membawanya sebagai hakim. 'Umru bin al-'As telah lari daripada aku, lalu dipujuk oleh Mu'awiyah supaya menyokongnya. Kemudian dia telah bersama Mu'awiyah selepas ditawarkan kepadanya untuk menjadi gabenor Mesir. Lantaran itu, adalah haram ke atasnya mengambil *al-Fai'* di atas pembahagiannya walaupun satu dirham.

Dan haram ke atas mereka yang bertanggung-jawab di dalam harta mereka menyampaikan dirham kepadanya di atas haknya dan mengampuninya di atas apa yang diambilnya. Dia mulai memerintah negeri dengan zalim. Siapa yang memberi baiah kepadanya, maka dia meredainya. Dan siapa yang menyalahinya, maka dia akan menentangnya. Kemudian dia menghadapi aku dengan menarik balik baiahnya kepada aku, mengubah suasana negara timur dan barat, utara

dan selatan. Berita itu sampai kepada aku mengenai perkara tersebut. Maka seorang lelaki yang mempunyai mata sebelah dari Thaqif telah mendatangi aku, memberi isyarat kepada aku supaya aku melantik Mu'awiyah pada tempatnya. Dengan ini aku senang memecatnya selepas itu. Aku telah bermesyuarat dengan orang yang aku percayai nasihatnya untuk Allah, Rasul-Nya, untuk aku dan mukminin. Maka nasihatnya tentang Mu'awiyah adalah seperti pendapat aku. Dia telah melarang aku untuk melantiknya dan memberi peringatan kepadaku supaya tidak melibatkan Mu'awiyah dengan urusan muslimin supaya menyaksikan bahawa aku tidak mengambil orang-orang yang sesat sebagai pembantu. Aku telah mengarah seorang saudara di Jilah satu kali dan saudara al-Asy'ariyyin satu kali supaya tidak menyokongnya.

Kedua-dua orang tersebut cenderung kepada dunia mereka dan menurut hawa nafsunya. Apabila aku melihatnya melampaui hukum-hukum Allah dengan angkuh, maka aku telah bermesyuarat dengan para sahabat Muhammad di kalangan ahli Badr di mana Allah telah meredai mereka dan mereka pula telah meredai-Nya ketika mereka memberi baiah dan lain-lain. Semua pendapat mereka selari dengan pendapat aku di dalam memerangi Mu'awiyah. Maka aku telah bertindak bersama para sahabat aku bagi menentangnya dengan menghantar surat-surat aku pada setiap tempat menyerunya supaya kembali kepada hakikatnya; mematuhi aku.

Sebaliknya dia telah bertindak menentang aku dan bercita-cita ke atas ku dan mengenakan syarat-syarat kepada aku yang tidak diredai Allah, Rasul-Nya dan muslimin. Di antara syaratnya dia meminta aku supaya menyerahkan para sahabat Muhammad s.a.w yang terpilih kepadanya. Antaranya; 'Ammar bin Yasir. Orang seperti Ammar, demi Tuhan, sewaktu kami telah datang bersama Nabi s.a.w. Maka baginda s.a.w tidak menghitung kami berlima melainkan Ammar keenam mereka, dan tidak menghitung kami berempat melainkan Ammar adalah kelima mereka. Mu'awiyah telah mensyaratkan supaya mereka dikembalikan kepadanya supaya dia dapat membunuh dan menyulakan mereka.

Darah Uthman telah mengalir, demi Tuhan, Mu'awiyah tidak berkumpul untuk mempertahankan Uthman dan tidak pula mengumpulkan orang ramai bagi membunuhnya melainkan dia dan para sahabatnya daripada pokok yang dilaknati di dalam al-Qur'an. Setelah aku tidak menyahuti syaratnya, dia meneruskan keangkuhannya dan kezalimannya, memerintahkan mereka yang tidak berfikiran jauh, lalu mereka mematuhinya. Dia telah memberi kepada mereka apa yang mereka kehendaki. Aku membentangkan mereka kepada Allah selepas memberi peringatan dan keuzuran.

Setelah aku mendapatinya lebih bertambah keangkuhan dan kezaliman, maka kami telah menghadapinya dengan peperangan

sehingga Allah memberikan kami kemenangan ke atas musuh-musuh-Nya dan musuh kami, bendera Rasulullah s.a.w berada di tangan kami. Allah sentiasa memburu parti syaitan dengannya sehingga beliau (Mu'awiyah) mati. Dia adalah pembawa bendera bapanya. Aku telah memeranginya bersama-sama Rasulullah s.a.w pada semua tempat, lantaran itu dia tidak dapat menyelamatkan dirinya melainkan melarikan diri. Lantas dia menunggang kudanya dan membalikkan benderanya tanpa mengetahui bagaimana dia akan bertindak. Lalu dia meminta pertolongan dengan pendapat 'Umru bin al-'As supaya mashaf-mashaf diangkat di hadapan orang ramai dan berkata: Sesungguhnya anak lelaki Abu Talib dan partinya adalah ahli yang berwawasan dan rahmat.

Sesungguhnya mereka telah menyeru anda kepada kitab Allah pada peringkat pertama dan akan menyahuti anda pada peringkat kedua. Maka Mu'awiyah menerima pendapatnya, kerana tidak ada jalan lain bagi mengelakkan dirinya daripada pembunuhan selain daripadanya. Justeru itu dia mengangkat beberapa mashaf dan menyeru orang ramai kepada apa yang ditulisnya. Maka beberapa orang sahabat aku telah cenderung kepada mashaf-mashaf tersebut selepas kehilangan pilihan mereka dan kegigihan mereka di dalam memerangi musuh-musuh Allah dan musuh-musuh mereka di atas kesedaran mereka. Mereka menyangka bahawa Mu'awiyah setia kepada seruannya . Justeru itu, mereka telah menerima seruannya dan datang kepada aku. Maka aku berkata kepada mereka: Itu adalah tipu muslihat daripadanya dan 'Umru bin al-'As bersama-samanya. Sesungguhnya tipu muslihat adalah lebih hampir kepada mereka berdua daripada kesetiaan kepada seruan mereka. Tetapi mereka dipihakku tidak menerima kata-kata aku. Mereka juga tidak mematuhi perintah aku.

Malah mereka enggan kecuali dari menerima seruan Mu'wiyah. Aku suka atau tidak dan aku mahu atau tidak sehingga sebahagian mereka berkata kepada sebahagian yang lain: Sekiranya beliau (Ali a.s) tidak melakukannya, maka kaitlah beliau dengan anak lelaki 'Affan atau tolakkannya kepada anak lelaki Hindun sekali gus. Maka aku berusaha dengan keras -Allah telah mengetahui usaha aku- Aku tidak meninggalkan satu tujuan pun di dalam diri aku melainkan aku telah menyampaikannya supaya mereka menerima aku dan pendapat aku tetapi mereka tidak melakukannya sehingga aku meminta mereka supaya bersabar seketika. Namun mereka juga tidak mahu melakukannya selain daripada syeikh ini- Beliau a.s. memberi isyarat dengan tangannya kepada Asytar- dan sekumpulan keluarga aku.

Demi Allah, tidak ada yang telah menghalang aku dari meneruskan wawasan aku melainkan aku khuatir dua orang ini akan dibunuh- Beliau a.s. telah memberi isyarat dengan tangannya kepada al-Hasan dan al-Husain a.s- Maka dengan ini akan terputuslah keturunan

Rasulullah s.a.w dan zuriatnya bagi umatnya. Aku juga khuatir dua orang ini akan dibunuh -Beliau a.s. telah memberi isyarat dengan tangannya kepada Abdullah bin Ja'far dan Muhammad bin al-Hanafiyyah r.a. Sesungguhnya aku mengetahui jika aku tidak mempunyai kedudukan ini, nescaya mereka berdua tidak akan mengambil sikap sedemikian. Justeru itu, aku telah bersabar di atas apa yang dikehendaki oleh mereka serta apa yang telah diketahui oleh Allah mengenainya terlebih dahulu.

Apabila kami meletakkan pedang-pedang kami dari menentang mereka, maka mereka meminta supaya diadakan penghakiman (*tahkim*) di dalam perkara tersebut; mereka telah memilih pendapat-pendapat dan meninggalkan mashaf-mashaf dan hukum al-Qur'an. Maka aku enggan dihakimi sedemikian pada agama Allah yang Esa, kerana penghakiman sedemikian adalah salah. Tanpa syak lagi, setelah mereka juga enggan, maka aku mahu seorang daripada keluarga aku menjadi hakim atau orang yang aku meredai pendapatnya dan akalnya. Orang yang aku percaya dengan nasihatnya, kasih sayangnya dan agamanya. Aku telah mengemukakannya tanpa menamakan sesiapapun daripada keluarga aku. Tetapi anak lelaki Hindun menghalangnya.

Aku telah menyeru kebenaran kepadanya, tetapi dia telah membelakangi, malah dia telah memaksa kezalimannya ke atas kami. Semuanya kerana para sahabat aku mematuhinya di dalam perkara tersebut. Mereka juga enggan kecuali mengalahkan aku secara *tahkim*, maka aku telah melepaskan diri aku kepada Allah daripada mereka dan aku telah menyerahkan perkara tersebut kepada mereka. Maka mereka telah memilih seorang yang kurang ilmu[195] untuk mewakili mereka. Kemudian wakil tersebut telah ditipu oleh 'Umru bin al-'As. Penipuan itu terserlah di timur dan di barat. Orang terkena tipu pula melahirkan penyesalan yang tidak terhingga. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Ketujuh: Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah berjanji kepada aku supaya aku berperang pada saat hari-hari akhir aku ke atas sekumpulan daripada para sahabat aku. Mereka itu berpuasa di siang hari dan bangkit mengerjakan solat di waktu malam, membaca kitab Allah. Mereka terkeluar daripada agama kerana perselisihan mereka dengan aku. Peperangan mereka (*muharabati-him*)terhadapku seperti keluarnya anak panah dari lontaran. Di kalangan mereka adalah Dhu al-Thadyah yang telah mengakhiri aku dengan pembunuhan mereka dengan kebahagiaan. Setelah aku kembali ke tempat aku ini -selepas majlis *tahkim*- sebahagian daripada mereka mengeluarkan kata-kata cacian sesama mereka kerana telah menyokong

195 Abu Musa al-Asy'ari

tahkim dua lelaki dan mereka tidak mendapati jalan keluar selain berkata: Amir kita sepatutnya tidak memberi baiah kepada mereka yang telah bersalah di kalangan kita.

Dan beliau sepatutnya meneruskan pendapatnya untuk membunuh dirinya dan mereka yang telah menyalahinya di kalangan kita. Sesungguhnya beliau telah menjadi kafir kerana mengikuti kita. ketaatannya kepada kita adalah di dalam kesalahan. Justeru itu, pembunuhannya adalah halal bagi kita. Lantas mereka bersepakat di dalam keadaan tersebut dan keluar dengan angkuh dan menyeru dengan suara yang tinggi: *La hukma illa li-l-Lah* (tiada penghakiman melainkan untuk Allah). Kemudian mereka telah berpecah kepada tiga golongan, satu golongan di Nakhilah dan golongan kedua di Haraura' dan golongan yang ketiga melintasi ke arah timur sehingga menyeberangi Dajlah. Golongan ini telah menguji setiap muslim yang telah dijumpainya.

Barangsiapa yang telah memberi baiah kepada mereka, maka mereka membiarkannya hidup. Sesiapa yang telah menyalahi mereka akan dibunuh. Maka aku keluar kepada golongan pertama dan kedua satu demi satu menyeru mereka kepada ketaatan kepada Allah, mengikuti kebenaran dan kembali kepada-Nya. Kedua-dua golongan ini enggan melainkan pedang. Maka aku pun menyerahkan penghakiman mereka kepada Allah. Allah telah membunuh mereka. Jika mereka tidak menentang aku, nescaya aku telah mendapat sokongan yang kuat. Tetapi Allah telah kehendaki sedemikian. Kemudian aku telah menulis kepada golongan ketiga. Aku mengarahkan utusan aku kepada mereka.

Mereka terdiri daripada para sahabat yang mulia, ahli ibadat dan zuhud di dunia, tetapi mereka enggan melainkan mengikut dua golongan yang terdahulu. Lantas aku mempercepatkan pembunuhan mereka, aku keluar sehingga aku telah memotong Dajlah daripada mereka. Aku mengutus al-Asytar, al-Ahnaf bin Qais al-Kindi dan Sa'id bin Qais al-Kindi kepada mereka. Setelah mereka enggan melainkan pedang maka aku memerangi mereka. Wahai saudara Yahudi, sesungguhnya Allah telah membunuh mereka sehingga individu yang terakhir. Pada ketika itu mereka berjumlah empat ribu orang atau lebih. Tetapi tidak ada seorang pun yang terlepas dariku. Aku mengeluarkan Dhu al-Thadyah yang telah terbunuh ke hadapan. Mereka melihatnya. Dia mempunyai payu dara seperti payu dara seorang wanita. Kemudian beliau a.s. berpaling kepada para sahabatnya dan berkata: Tidakkah ia begitu? Mereka menjawab: Ya, wahai Amir al-Mukminin.

Beliau a.s. berkata: Sesungguhnya aku telah melaksanakan tujuh dan tujuh perkara, wahai saudara Yahudi dan masih tinggal yang lain di mana aku telah menghampirinya. Maka para sahabat Ali a.s. menangis dan begitu juga ketua Yahudi. Mereka berkata: Wahai Amir al-Mukminin, beritahu kepada kami tentang perkara yang lain itu? Beliau

a.s. berkata: Perkara yang lain itu adalah akan menjadi merah di tempat ini -Beliau a.s. memberi isyarat dengan tangannya kepada janggutnya-daripada tempat ini -Beliau a.s. memberi isyarat kepada pangkal lehernya.

Beliau a.s. berkata: Maka telah berlakulah riuh-rendah dengan tangisan di masjid Jamik sehingga semua orang di dalam rumah di Kufah keluar dalam keadaan takut dan ketua Yahudi telah memeluk Islam di tangan Amir al-Mukminin a.s serta merta. Beliau terus menetap di Kufah sehingga terbunuhnya Amir al-Mukminin a.s. Setelah beliau a.s. dibunuh maka Ibn Muljam *-la'ana-hu l-Lah-* ditangkap. Ketua Yahudi tersebut datang dan berdiri di hadapan al-Hasan a.s. Orang ramai di sekelilingnya sementara Ibn Muljam di hadapannya. Dia berkata: Wahai Abu Muhammad, bunuhlah dia, nescaya Allah membunuhnya. Sesungguhnya aku telah membaca di dalam kitab-kitab yang telah diturunkan ke atas Musa bin Imran; ini adalah jenayah yang paling besar di sisi Allah daripada jenayah anak lelaki Adam yang telah membunuh saudaranya dan pembunuh unta betina kaum Thamud[196].

Percakapan Jin Tentang Kenabian Nabi S.A W

Abu Muhammad daripada Sabah al-Mazni daripada al-Harith bin al-Hasirah daripada al-Asbagh bin Nabatah sesungguhnya beliau berkata: Kami berada bersama-sama Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s pada hari Jumaat di Masji selepas solat Asar. Tiba-tiba datang seorang lelaki yang tinggi, kelihatan seperti seorang Badwi. Lalu memberi salam kepadanya.

Ali a.s berkata kepadanya: Apakah yang dilakukan oleh Jin sahabat anda yang datang kepada anda? Lelaki itu berkata: Sesungguhnya dia masih mendatangiku sehingga aku berdiri di hadapan anda wahai Amir al-Mukminin. Ali a.s berkata: Dia (jin) telah menceritakan kepada aku tentang kaumnya. Maka lelaki itupun pun duduk dan kami telah mendengar katan-katanya. Dia berkata: Sesungguhnya aku tinggal di Yaman sebelum Allah mengutus Nabinya s.a.w. Tiba-tiba seorang Jin telah datang kepada aku pada pertengahan malam. Lalu dia menendang aku dengan kakinya dan berkata: Duduk, maka aku pun duduk di dalam keadaan ketakutan. Jin itu berkata: Dengarlah. Aku berkata: Apakah yang akan aku dengar? Dia berkata:

Aku telah menjadi hairan kepada jin dan kesamarannya
Dinaiki oleh unta cantik pakaiannya
Datang ke Makkah mencari petunjuk
Jin yang bersih tidak sama dengan yang kotornya

---

196 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 300-305

Datanglah kepada yang terpilih daripada Bani Hasyim
Lontarlah dengan dua mata anda kepada ketuanya

Lelaki itu berkata: Demi Allah, Jin itu menceritakan kepada aku sesuatu tentang anak lelaki Hasyim. Aku berharap agar dia menerangkannya kepada aku. Sesungguhnya aku telah menghabiskan malam aku di dalam keadaan dukacita. Tiba-tiba Jin itu datang lagi kepada aku pada pertengahan malam ketika aku sedang duduk. Lalu dia menendang aku dengan kakinya dan berkata: Duduklah. Maka aku pun duduk di dalam ketakutan. Jin itu berkata: Dengarlah. Aku berkata: Apakah yang akan aku dengar? Dia berkata:

Aku telah menjadi hairan dengan jin dan berita-berita
Dinaiki oleh unta cantik warna dengan pakaian kelengkapannya
Datang ke Makkah mencari petunjuk
Jin mukmin tidak sama dengan jin kafirnya
Datanglah kepada yang terpilih daripada Bani Hasyim
Di antara bukit-bukit dan batu-batunya

Aku berkata: Dia telah bercakap sesuatu tentang Bani Hasyim dan aku berharap dia dapat menerangkannya kepada aku. Aku menghabiskan malam aku di dalam keadaan dukacita. Tiba-tiba dia datang lagi kepada aku pada pertengahan malam dan aku duduk. Lalu dia menendang aku dengan kakinya dan berkata: Duduklah. Maka aku pun duduk di dalam ketakutan. Dia berkata: Dengarlah. Maka aku berkata: Apakah yang akan aku dengar? Dia berkata:

Aku telah menjadi hairan dengan jin dan fikirannya
Dinaiki oleh unta cantik warna dengan bonggolnya
Datang ke Makkah mencari petunjuk
Tidak sama jin yang benar dengan pembohongnya
Datanglah kepada yang terpilih daripada Bani Hasyim
Ahmad adalah sebaik-baik tuannya

Aku berkata: Demi Tuhan, aku telah faham. Maka di manakah beliau? Jin berkata: Beliau telah lahir di Makkah sedang menyeru kepada syahadah tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah. Maka unta akupun memulakan perjalanannya pada waktu pagi menuju ke arah Makkah.

Orang yang pertama aku jumpa ketika aku memasuki Makkah adalah Abu Sufyan- beliau adalah seorang syeikh yang sesat- Aku telah

memberi salam kepadanya dan bertanya tentang Bani Hasyim. Maka Abu Sufyan berkata: Mereka hidup mewah melainkan anak yatim Abu Talib telah merosakkan agama kami. Aku bertanya: Apakah namanya? Muhammad atau Ahmad. Aku berkata: Di manakah beliau? Abu Sufyan berkata: Beliau telah berkahwin dengan Khadijah binti Khuwailid dan tinggal bersama-samanya. Kemudian aku menaiki unta aku sehingga aku berakhir ke pintu rumahnya.

Maka aku pun mengikat unta aku kemudian aku mengetukkan pintunya. Khadijah bertanya kepada aku: Siapakah ini? Aku berkata: Aku mahu Muhammad. Khadijah berkata: Pergilah anda kepada pekerjaan anda. Anda tidak Mahu Muhammad berehat di bayang rumahnya. Kamu mengusir dan mengepungnya. Pergilah kepada pekerjaan anda. Aku berkata: *Rahima-ki l-Lah-* Aku adalah seorang lelaki datang dari Yaman. Mudah-mudahan Allah melimpahkan kurniaan-Nya ke atas aku dengan Muhammad dan janganlah anda menghalang aku berjumpa dengannya. Maka aku telah mendengar beliau berkata: Wahai Khadijah, bukalah pintu itu. Lalu Khadijah membukanya. Maka aku memasukinya. Aku melihat cahaya di mukanya. Kemudian aku berpusing di belakangnya. Maka ia tertulis : Aku adalah nabi yang terakhir" di sebelah bahu kanannya. Maka aku pun mengucupnya. Kemudian aku telah berdiri di hadapannya dan aku berkata:

Jin mendatangi aku selepas ketenangan dan ketiduran
Tidak mungkin apa yang aku telah membacanya pembohong
Tiga malam kata-katanya setiap malam
Telah datang kepada anda rasul daripada Lu'i bin Ghalib
Aku telah menunggang unta yang kuat antara bumi yang jauh
Kami telah percaya wahyu Engkau, wahai Yang Maha Kuasa
Walaupun menghadapi berbagai-bagai kesulitan
Aku naik saksi tiada tuhan selain daripada-Nya
Sesungguhnya andalah diperintahkan ke atas setiap yang ghaib
Sesungguhnya anda adalah rasul mursal sebagai wasilah
Kepada Allah wahai anak lelaki yang paling mulia
Jadilah aku sebagai pemberi syafaat di hari yang tiada syafaat
Kepada Allah tanpa memerlukan Sawad bin Qarib.

Nama lelaki itu adalah Sawad bin Qarib. Maka aku pun kembali dan demi Tuhan, telah beriman kepadanya s.a.w. Kemudian dia menyertai perang di Siffin bersama-sama Amir al-Mukminin a.s dan mati syahid[197].

[197] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi, 320, xiv, 592

BAHAGIAN KEENAM

Hadis tentang Fadak, Saqifah Bani Sa'idah, balaghah Nabi s.a.w, mutiara kata Amir al-Mukminin a.s, dialog Abu Hanifah dengan Abu Abdullah a.s, qasidah al-Farazdaq untuk Ali bin al-Husain a.s dan lain-lain

Hadis Tentang Fadak

Abu Muhammad, daripada Abdullah bin Sinan daripada Abu Adillah a.s berkata: Apabila Rasulullah s.a.w mati, Abu Bakr telah menduduki tempatnya, beliau telah mengutus kepada wakil Fatimah a.s,lalu mengeluarkannya dari Fadak, kemudian Fatimah a.s telah mendatanginya dan berkata: Wahai Abu Bakr! Anda telah mendakwa bahawa anda adalah pengganti bapa aku, menduduki tempatnya, mengutus kepada wakil aku dan mengeluarkannya dari Fadak sedangkan anda mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w telah menghadiahkannya kepada aku dan sesungguhnya aku mempunyai beberapa saksi.

Maka Abu Bakr berkata kepadanya: Sesungguhnya Nabi s.a.w tidak meninggalkan pusaka, maka beliau kembali kepada Ali a.s, lalu memberitahunya, Ali a.s berkata kepadanya: Kembalilah anda kepadanya dan berkata: Anda telah menyangka bahawa Nabi s.a.w tidak mewariskan pusakanya sedangkan Sulaiman telah mewarisi Daud, dan Yahya telah mewarisi Zakaria dan bagaimana aku tidak mewarisi bapa aku? 'Umar berkata: Anda mahu mengajar kami? Beliau a.s berkata: Sekiranya aku adalah seorang yang mengajar anda, maka sepupu aku, dan suami akulah yang telah mengajar aku.

Abu Bakr berkata: 'Aisyah dan 'Umar menjadi saksi sesungguhnya mereka berdua telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Nabi s.a.w tidak mewariskan pusakanya. Fatimah a.s berkata: Ini adalah penyaksian bohong pertama di dalam Islam yang dilakukan oleh mereka berdua. Kemudian beliau berkata: Sesungguhnya Fadak adalah pemberian Rasulullah s.a.w kepada aku dan aku mempunyai beberapa orang saksi, beliau berkata kepadanya: Panggil

saksi-saksi anda ke mari, maka Fatimah a.s datang bersama Ummu Aiman dan Ali a.s, Abu Bakr berkata kepada Ummu Aiman: Wahai Ummi Aiman sesungguhnya anda telah mendengar daripada Rasulullah s.a.w bersabda tentang Fatimah?

Maka mereka berdua berkata: Kami telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Fatimah adalah penghulu wanita syurga, kemudian Ummu Aiman berkata: Penghulu wanita syurga mendakwa perkara yang bukan haknya? Dan aku adalah wanita syurga selama aku menjadi saksi apa yang aku telah mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w.'Umar berkata: Tinggalkan kami dengan kisah-kisah ini wahai Ummu Aiman, dengan apakah kamu berdua menjadi saksi? Ummu Aiman berkata: Aku duduk di rumah Fatimah a.s dan Rasulullah s.a.w juga duduk sehingga turun Jibrail ke atasnya, dan berkata:Wahai Muhammad! Berdirilah sesungguhnya Allah s.w.t telah memerintah aku supaya menggariskan Fadak untuk anda dengan sayap aku, maka Rasulullah s.a.w berdiri bersama Jibrail.

Kemudian beliau kembali. Maka Fatimah a.s berkata: Wahai bapaku di manakah anda telah pergi? Maka beliau bersabda: Jibrail telah membuat garisan Fadak untuk aku dengan sayapnya dan menetapkan sempadannya untuk aku, Fatimah a.s berkata: Wahai bapa aku, sesungguhnya aku khuatir tanggungan dan keperluan selepas anda, maka berilah ia kepada aku, maka beliau bersabda:Ia adalah pemberian kepada anda. Beliau berkata: Ya, Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai Ummu Aiman, saksikanlah, wahai Ali, saksikanlah. Umar berkata: Anda adalah seorang perempuan dan kami tidak mengharuskan penyaksian seorang perempuan seorang sahaja, adapun Ali, maka beliau akan melakukannya untuk dirinya sendiri.

Fatimah berdiri di dalam keadaan marah dan berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya mereka berdua telah menzalimi hak anak perempuan Nabi Engkau, maka kuatkanlah tekanan Engkau ke Atas mereka berdua. Kemudian beliau keluar dan dibawa oleh Ali a.s mengelilingi rumah kaum muhajirin dan ansar, al-Hasan dan al-Husain bersama mereka berdua, Fatimah a.s berkata: Wahai, kaum muhajirin dan ansar, tolonglah Allah, kerana aku adalah anak perempuan Nabi kamu, kamu telah memberi baiah kepada Rasulullah s.a.w pada hari itu kamu telah memberi baiah kepadanya untuk melindunginya dan zuriatnya daripada sebarang ancaman sebagaimana kamu melindungi diri kamu, dan zuriat kamu.

Beliau berkata: Tetapi tiada seorang pun yang telah menolongnya. Kemudian beliau datang kepada Mu'adh bin Jabal dan berkata: Wahai Mu'adh, sesungguhnya aku datang bagi meminta bantuan anda, anda telah memberi baiah kepada Rasulullah s.a.w agar anda menolongnya dan zuriatnya, menghalangnya sebagaimana anda menghalang diri anda dan zuriat anda. Sesungguhnya Abu Bakr telah merampas Fadak

daripada aku, dan mengeluarkan wakil aku daripadanya. Beliau berkata: Adakah orang lain selain daripada aku? Beliau a.s berkata: Tiada seorang pun yang telah menyahuti seruan aku. Beliau berkata:Di manakah aku akan mendapatkan pertolongan untuk anda? Maka Fatimah a.s keluar dari sisinya, dan anak lelakinya datang kepadanya dan berkata: Apakah yang membuatkan anak perempuan Muhammad datang kepada anda?

Beliau berkata: Beliau datang untuk mendapatkan pertolongan aku menentang Abu Bakr, kerana beliau telah mengambil Fadak daripadanya, beliau bertanya lagi: Anda tidak menyahut seruannya? Beliau berkata: Aku seorang tidak boleh melakukannya. Beliau berkata: Anda telah enggan menolongnya? Beliau menjawab: Ya, beliau berkata:Apakah yang telah dikatakan kepada anda? Beliau berkata kepada aku: Demi Allah, aku akan menentang anda sepenuhnya sehingga aku membentangkannya kepada Rasulullah s.a.w.

Maka anak lelakinya berkata: Demi Allah, aku akan menentang anda sepenuhnya sehingga aku membentangkannya kepada Rasulullah s.a.w jika anda tidak menyahuti seruan anak perempuan Muhammad s.a.w, beliau berkata: Fatimah a.s keluar dari sisinya dan berkata: Demi Allah,aku tidak akan bercakap dengan anda sehingga aku dan anda berkumpul di sisi Rasulullah s.a.w, kemudian beliau pulang. Maka Ali a.s berkata kepadanya: Pergi kepada Abu Bakr, kerana beliau adalah lebih lembut daripada sahabatnya dan katakan kepadanya: Anda telah mendakwa tempat bapa aku dan anda khalifahnya.

Anda telah menduduki tempatnya, jika Fadak milik anda kemudian aku meminta anda supaya anda memberinya kepada aku, maka ia wajib diberikan kepada aku. Manakala beliau mendatanginya, beliau berkata kepadanya sedemikian, Abu Bakr berkata: Anda memang benar. Lalu beliau menulis surat tentang pemberian balik Fadak, lantas beliau a.s keluar dan surat telah berada bersamanya, kemudian beliau terserempak dengan 'Umar, maka beliau berkata: Wahai anak perempuan Muhammad, apakah surat bersama anda? Beliau berkata: Surat yang telah ditulis Oleh Abu Bakr tentang pemberian balik Fadak kepada aku, beliau berkata: Berikan kepada aku.

Fatimah a.s enggan untuk memberikannya kepadanya, lalu 'Umar menendangnya[198] dengan kakinya pada masa itu beliau sedang mengandung anak lelakinya al-Muhsin. Maka Muhsin telah tergugur dari kandungannya, kemudian beliau telah memukulnya seolah-olah aku sedang melihat kepada subang di telinganya jatuh bertaburan. Kemudian 'Umar telah mengambil surat tersebut, lalu mengoyaknya. Fatimah a.s pergi dan tinggal tujuh puluh hari di dalam keadaan sakit

---

[198] Menendang pintu rumahnya di mana pada masa itu Fatimah sedang berada di balik pintu tersebut.Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xxx, 296

kerana pukulan 'Umar, apabila hampir mati, beliau telah menyeru Ali a.s dan berkata: Anda memberi jaminan atau aku wasiatkannya kepada anak lelaki al-Zubair.

Maka Ali a.s berkata: Aku menjamin wasiat anda wahai anak perempuan Muhammad, Fatimah a.s berkata: Aku meminta anda dengan hak Rasulullah s.a.w apabila aku mati, dua lelaki[199] itu tidak akan menyaksikan aku dan tidak akan mengerjakan solat jenazah untuk ku, Ali a.s berkata: Maka bagi anda hak sedemikian, apabila beliau mati, maka Ali a.s telah mengapankannya pada waktu malam. Penduduk Madinah datang pada waktu pagi untuk menghadiri jenazahnya, begitu juga Abu Bakr dan 'Umar. Ali a.s keluar dari rumahnya kepada Abu Bakr dan 'Umar, mereka berdua berkata kepadanya: Apakah anda telah lakukan kepada anak perempuan Muhammad, anda telah menyempurnakannya, wahai Abu al-Hasan? Ali a.s berkata: Demi Allah, aku telah menyempurnakannya pada waktu malam.

Mereka berdua berkata: Apakah yang telah membawa anda melakukan sedemikian tanpa memberitahukan kami? Beliau a.s berkata: Fatimah a.s telah memerintah aku sedemikian. 'Umar berkata: Demi Allah, aku bercadang untuk menggalinya dan mengerjakan solat ke atasnya. Ali a.s berkata: Demi Allah, selama hati aku masih berfungsi, dan pedang Dhu l-Fiqar masih di tangan aku, anda tidak akan dapat menggali kuburnya, dan anda lebih mengetahuinya. Abu Bakr berkata kepada 'Umar: Pergilah kerana beliau (Ali) adalah lebih berhak dengannya daripada kita, orang ramai pun bersurai[200].

Hadis Tentang Saqifah Bani Sa'idah

Abu Muhammad daripada 'Umru bin Abu al-Miqdam daripada bapanya daripada datuknya berkata: Tiada hari yang lebih besar dialami oleh Ali a.s daripada dua hari, pertama adalah hari kematian Rasulullah s.a.w . Kedua adalah hari Saqifah Bani Sa'idah, demi Allah, aku sedang duduk di Saqifah Bani Sa'idah di kanan Abu Bakr dan orang ramai sedang memberi baiah kepadanya apabila 'Umar berkata kepada Abu Bakr: Kenapa anda tidak berbuat sesuatu kepada Ali yang belum memberi baiah kepada anda, utus kepadanya sehingga beliau datang kepada anda untuk memberi baiah?

Beliau berkata: Beliau telah mengutus Qunfudh, dan berkata kepada Ali a.s: Sahutlah seruan khalifah Rasulullah s.a.w? Ali a.s berkata: Alangkah cepatnya anda telah berbohong ke atas Rasulullah s.a.w sedangkan Rasulullah s.a.w tidak melantik seorang pun

---

[199] Abu Bakr dan 'Umar

[200] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 103

penggantinya selain daripada aku, Qunfudh kembali dan memberitahu Abu Bakr tentang kata-kata Ali a.s, Abu Bakr berkata: Pergi kepadanya dan katakan kepadanya: Abu Bakr menyeru anda dan datanglah kepadanya sehingga anda memberi baiah, kerana anda seorang lelaki di kalangan muslimin, Ali a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah memerintahkan aku supaya aku tidak keluar sehingga aku menyusun al-kitab (al-Qur'an), kerana ia masih berada di pelepah kurma dan di kulit unta.

Qunfudh kembali lagi kepada Abu Bakr dan memberitahunya tentang kata-kata Ali a.s, lantas 'Umar berkata kepada Abu Bakr:Berdiri lah anda kepada lelaki itu, maka Abu Bakr, Umar, Uthman, Khalid bin al-Walid, al-Mughirah bin Syu'bah, Abu 'Ubaidah, Salim hamba Abu Hudhaifah, dan aku telah berdiri bersama-sama mereka, Fatimah a.s telah menyangka bahawa tiada seorang pun akan memasuki rumahnya melainkan dengan izinnya, maka beliau telah menutup pintunya. Manakala mereka sampai di pintunya, maka 'Umar telah menendangnya dengan kakinya dan memecahkannya-Ia diperbuat dari pelepah kurma-lalu mereka memasukinya dan mengeluarkan Ali a.s di dalam keadaan terikat.

Fatimah a.s keluar dan berkata: Wahai Abu Bakr dan 'Umar! Kamu berdua mahu menjadikan aku ibu tunggal daripada suami aku, demi Tuhan, sekiranya kamu berdua tidak berhenti dari melakukannya terhadapnya, nescaya aku akan menguraikan rambut aku, aku akan mengoyakkan poket baju aku, dan aku akan mendatangi kubur bapa ku,dan aku akan mengadu kepada Tuhanku, maka beliau pun keluar dan memegang tangan al-Hasan dan al-Husain menuju ke arah kubur Rasulullah s.a.w. Ali a.s berkata kepada Salman: Wahai Salman, dapatkan anak perempuan Muhammad, kerana aku sedang melihat dua kawasan Madinah sedang bergerak, demi Tuhan,jika beliau melakukan apa yang dikatakannya, nescaya Madinah dan penduduknya akan ditelan bumi, beliau berkata: Salman dapat memintasnya dan berkata: Wahai anak perempuan Muhammad,sesungguhnya Allah s.w.t telah mengutus bapa anda sebagai rahmat,maka kembalilah, Fatimah a.s berkata: Wahai Salman, aku tidak sabar lagi, lantaran itu, tinggallah aku sehingga aku mendatangi kubur bapa aku,maka aku dapat mengadu kepada Tuhanku, Salman berkata: Sesungguhnya Ali a.s telah mengutus aku kepada anda supaya pulang, beliau berkata: Aku mentaatinya, maka beliau pulang, mereka telah mengeluarkan Ali dari rumahnya di dalam keadaan terikat.

Beliau berkata: Al-Zubair datang di dalam keadaan pedang terhunus seraya berkata: Wahai Bani Abd al-Muttalib! Adakah dilakukan sebegini kepada Ali sedangkan kamu masih hidup? Kemudian beliau telah menerkam kepada 'Umar untuk memukulnya dengan pedangnya, lantas Khalid bin al-Walid melontar batu ke tangannya, dan

ia mengenainya, lalu terjatuh pedang di tangannya. Lantas 'Umar mengambil pedangnya dan memukulnya ke atas batu, lalu ia pecah.

Ali a.s telah melalui di atas kubur Rasulullah s.a.w dan berkata: Wahai anak lelaki ibu aku, sesungguhnya kaum telah menindas aku dan mereka hampir membunuh aku". Kemudian Ali a.s dibawa ke Saqifah untuk majlis Abu Bakr, kemudian 'Umar berkata kepadanya: Baiahlah anda kepada Abu Bakr, maka Ali a.s berkata: Jika aku tidak melakukannya? 'Umar berkata: Demi Tuhan, kami akan memukul tengkuk anda, Ali a.s berkata: Jika begitu, aku akan menjadi hamba Allah dan saudara Rasulullah s.a.w yang terbunuh? Umar berkata: Adapun hamba Allah yang terbunuh, maka jawapannya: Ya, dan adapun saudara Rasulullah s.a.w yang terbunuh, maka jawapannya: Tidak.-Beliau telah berkata sebanyak tiga kali, 'Abbas berkata: Berlembutlah kamu semua terhadap anak saudara aku, maka baiahnya kepada anda adalah terletak di atas aku.

Kemudian Abbas telah mengambil tangan Ali a.s dan menyapukannya di atas tangan Abu Bakr, dan mereka telah membiarkan Ali a.s di dalam keadaan marah, lalu beliau mengangkat kepalanya ke langit, kemudian berkata: Wahai Tuhanku, Engkau mengetahui sesungguhnya Nabi Ummiyyi telah bersabda kepada aku: Jika mereka genap dua puluh, maka perangilah mereka iaitu firman Engkau di dalam kitab Engkau Surah al-Anfal (8): 65 "*Jika kamu mempunyai dua puluh orang yang sabar di kalangan kamu, mereka akan mengalahkan dua ratus orang*", wahai Tuhanku, sesungguhnya mereka tidak sampai dua puluh orang-sehingga beliau telah berkata sebanyak tiga kali-kemudian beliau pulang[201].

Balaghah Nabi S.A.W

Diriwayatkan oleh sebahagian Bani Hasyim tentang sebuah hadis yang dikaitkan kepada Rasulullah s.a.w secara *marfu'* bahawa seorang lelaki Badwi telah mendatangi Rasulullah s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah s.a.w! Adakah boleh seorang lelaki menangguhkan mahar isterinya? Beliau bersabda: Ya, apabila ia seorang fakir, kemudian beliau bertanya : Wahai Rasulullah! Siapakah yang telah mengajar anda?

Beliau bersabda: Allah yang telah mengajar aku, dan aku adalah seorang Arab yang paling fasih walaupun aku daripada Quraisy, dan dididik di rumah Hawazin Bani Sa'd bin Bakr. Aku telah membesar bagaikan awan, mereka berkata: Inilah awan yang telah meneduhkan kami. Maka beliau bersabda: Bagaimana kamu melihat bawahannya yang meliputi ufuk langit? Mereka berkata: Alangkah cantik dan kukuh kedudukannya! Beliau bersabda: Bagaimana kamu melihat

[201] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 44

keseluruhannya? Mereka berkata: Alangkah cantiknya ia di dalam bentuk bulatnya. Beliau bersabda: Bagaimana kamu melihat sinaran dan keputihannya atau jaluran cabangnya yang panjang? Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya telah datang hujan kepada kamu? Mereka berkata: Wahai Rasulullah s.a.w! Kami tidak dapati orang yang lebih fasih daripada anda. Beliau bersabda: Apakah yang menghalang aku, sedangkan aku adalah seorang Arab yang paling fasih. Allah telah menurunkan al-Qur'an dengan bahasa aku, sebaik-baik bahasa sekalipun aku dibesarkan di kalangan Bani Sa'd[202].

Mutiara Kata Amir al-Mukminin A.S

Diriwayatkan daripada Amir al-Mukminin a.s bahawa beliau berkata: Orang yang bermegah dengan dirinya sendiri adalah lebih mulia daripada orang yang bermegah dengan bapanya, kerana aku adalah lebih mulia daripada bapa aku, dan Nabi s.a.w adalah lebih mulia daripada bapanya, Ibrahim adalah lebih mulia daripada Tarikh.

Ada orang bertanya kepadanya: Dengan apakah kemegahan itu? Beliau berkata: Dengan salah satu daripada tiga perkara:Harta lahir, adab yang baik, dan pertukangan di mana seorang tidak malu dengannya.

Ada orang bertanya Amir al-Mukminin a.s: Bagaimana anda menyambut waktu pagi wahai Amir al-Mukminin? Beliau berkata:Aku menyambut waktu pagi aku dengan memakan rezeki aku, dan menunggu ajal aku, ada orang bertanya kepadanya: Apa pendapat anda tentang dunia? Beliau berkata: Apa aku akan berkata kepada dunia pada awalnya dukacita, dan akhirnya kematian, barangsiapa yang menjadi kaya padanya, hakikatnya ia adalah seorang fakir, dan barangsiapa yang menjadi fakir padanya, maka ia berdukacita, halalnya dihisab, dan haramnya ke neraka.

Ada orang bertanya kepadanya: Siapakah orang yang paling bergembira? Beliau berkata: Orang yang selamat dari balasan,dan mengharap pahala ketika jasad di bawah tanah.

Beliau berkata: Barangsiapa yang telah mengunjungi saudaranya muslim kerana Allah, maka Allah akan menyerunya:Wahai pengunjung! Anda telah melakukan perkara yang baik,dan syurga pun baik kepada anda.

Beliau berkata: Apabila seorang muslim menunaikan hajat seorang muslim, maka Allah akan menyerunya: Di atasKu pahala anda, dan aku tidak reda kepada anda tanpa syurga.

Beliau berkata: Tiga orang yang akan diketawakan Allah kepada mereka pada hari Kiamat: Seorang lelaki berada di atas hamparannya

---

202 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi , 230

bersama-samanya isterinya yang dicintai, lalu ia mengambil wuduk, memasuki masjid, mengerjakan solat dan bermunajat kepada Tuhannya, seorang lelaki yang berjunub, kemudian tiada air, lantas ia pergi kepada salji dan memecahkannya, kemudian ia memasukinya dan mandi junub, dan seorang lelaki bertembung musuhnya bersama-sama para sahabatnya, tiba-tiba mereka diserang, maka ia ikut berperang sehingga ia terbunuh.

Beliau berkata: Ucapan takziah akan mewarisi syurga, beliau berkata: Apabila anda membawa keranda mayat, nescaya anda keluar daripada dosa sebagaimana anda dilahirkan ibu anda.

Beliau berkata: Siapa yang telah membeli daging kepada keluarganya dengan satu dirham seolah-olah beliau telah memerdekakan hamba daripada anak Ismail.

Beliau berkata: Siapa yang telah meminum lebihan minuman saudaranya kerana mengambil keberkatannya, nescaya Allah menjadikan di antara mereka berdua malaikat yang akan memohon ampun untuk mereka berdua sehingga berlakunya Kiamat. Beliau berkata: Lebihan makanan atau minuman mukmin adalah penyembuhan kepada tujuh puluh penyakit[203].

Dialog Abu Hanifah Dengan Abu Abdullah

Muhammad bin 'Ubaid daripada Hammad daripada Muhammad bin muslim berkata: Abu Hanifah datang berjumpa dengan Abu Abdullah a.s dan berkata: Aku telah melihat anak lelaki anda Musa sedang mengerjakan solat, dan orang ramai melalui di hadapannya, tetapi beliau tidak melarang mereka, dan itulah apa yang telah berlaku, Abu Abdullah a.s berkata: Panggilkan Musa untukku, manakala beliau datang kepadanya, beliau berkata kepadanya: Wahai anak lelaki aku, sesungguhnya Abu Hanifah menyebut bahawa anda sedang mengerjakan solat, dan orang ramai melalui di hadapan anda, tetapi anda tidak melarang mereka, beliau berkata: Ya, wahai bapaku, sesungguhnya yang aku mengerjakan solat kepada-Nya adalah lebih hampir kepadaku daripada mereka, Allah berfirman di dalam Surah al-Qaf (50):16 "*Kami lebih hampir kepadanya daripada urat lehernya*". Lantas Abu Abdullah mendakapnya dan berkata: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku, wahai Yang menyimpan segala rahsia![204]

Abu Abdullah berkata: Wahai Abu Hanifah, adakah pembunuhan di sisi kamu lebih berat daripada zina? Beliau berkata: Pembunuhan lebih berat daripada zina, beliau berkata: Bagaimana Allah telah memerintah di dalam pembunuhan dua saksi sementara di dalam zina empat saksi?

---

[203] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvii, 125
[204] Al-Kulaini, *al-Kafi*, iii, 297

Bagaimana ini boleh didapati dengan kias? Wahai Abu Hanifah, adakah meninggalkan solat lebih berat atau meninggalkan puasa? Beliau berkata: Meninggalkan puasa lebih berat, beliau berkata: Bagaimana seorang perempuan menggantikan puasanya, dan tidak menggantikan solatnya; bagaimana ini boleh didapati dengan kias?

Aduhai anda wahai Abu Hanifah, adakah perempuan lebih lemah di dalam pendapatnya atau lelaki? Beliau berkata: Malah perempuan, beliau berkata: Bagaimana Allah telah menjadikan satu saham untuk perempuan dan dua saham untuk lelaki? Bagaimana perkara ini dapat dilakukan kias? Wahai Abu Hanifah, berak lebih kotor atau air mani? Beliau berkata: Malah berak lebih kotor, bagaimana boleh dilakukan *istinja'* daripada berak dan dimandikan junub daripada air mani? Bagaimanakah perkara ini dapat dilakukan dengan kias? Aduhai anda wahai Abu Hanifah, anda berkata aku berkata: Aku akan turun sebagaimana Allah turun? Beliau berkata: Aku minta pertolongan Tuhan dari mengatakannya, beliau a.s berkata: Ya, anda dan para sahabat anda berkata sedemikian tanpa mengetahuinya.

Abu Hanifah berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, beritahu aku sebuah hadis yang kami akan memberitahu kepada orang ramai tentang anda? Beliau a.s berkata: Abu Muhammad bin Ali telah memberitahu aku daripada bapanya Ali bin al-Husain a.s daripada bapanya al-Husain bin Ali a.s daripada bapanya Ali in Abu Talib a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah mengambil perjanjian (*al-Mithaq*) Ahlu l-Bait daripada setinggi-tinggi tanah *'illiyyin*, dan Dia telah mengambil tanah syi'ah kita daripada kami. Jika seluruh penduduk langit dan penduduk bumi bekerja keras untuk mengubah sesuatu daripadanya, nescaya mereka tidak mampu melakukannya. Beliau berkata: Abu Hanifah telah menangis, begitu juga para sahabatnya. Kemudian Abu Hanifah keluar, kemudian diikuti oleh para sahabatnya[205].

Hadis Tentang Baghal Betina Abu Hanifah

Daripadanya, daripada Sama'ah berkata: Seorang lelaki telah bertanya kepada Abu Hanifah tentang (*al-Syai'*) sesuatu tertentu dan tentang *la syai'* (tanpa sesuatu), lalu beliau memberitahunya tentang *al-syai'* dan tidak dapat menjawab kepadanya tentang *la syai'*, lantaran itu beliau berkata kepada lelaki tersebut: Pergilah dengan baghal betina ini kepada imam orang al-Rafidhah (Abu Abdullah), dan juallah kepadanya *bi-la syai'*, dan terimalah harganya, kemudian lelaki tersebut telah datang bersama baghal tersebut menemui Abu Abdullah a.s, Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Aku telah meminta Abu Hanifah

---

205 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 176

supaya menjual baghal betina ini. Beliau berkata: Beliaulah yang telah memerintahkan aku supaya menjualkannya. Beliau a.s berkata: Berapakah harganya? Beliau berkata: *Bi-la syai'*, beliau berkata kepadanya: Apakah yang anda katakan? Beliau berkata: Kebenaran yang aku katakan, maka beliau a.s berkata: Sesunguhnya aku telah membelinya daripada anda *bi-la syai'*.

Beliau berkata: Abu Abdullah telah menyuruh hambanya memasukkan baghal betina tersebut di dalam kandangnya.

Beliau berkata: Muhammad bin al-Hasan telah menunggu bayaran selama satu jam, manakala beliau a.s melambatkan pembayarannya, Muhammad bin al-Hasan berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda tentang bayaran? Beliau berkata: Perjanjian adalah pada keesokannya, lantas beliau kembali kepada Abu Hanifah, maka beliau telah memberitahunya tentang perkara tersebut dan meredainya, pada keesokannya, Abu Hanaifah datang kepadanya, maka Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Anda telah datang untuk menerima bayaran baghal betina *la syai'*?

Beliau berkata: Ya, dan *la syai'* adalah bayarannya? Beliau berkata: Ya, maka Abu Abdullah menaiki baghal tersebut sementara Abu Hanifah menaiki binatang lain melintasi padang pasir, apabila hari siang, Abu Abdullah telah melihat kepada maya sedang meninggi seolah-olah seperti air yang sedang mengalir, Abu Abdullah berkata: Wahai Abu Hanifah, apakah di lurahnya seolah-olah ia sedang mengalir? Beliau berkata: Itulah air wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, manakala mereka berdua sampai ke tempat tersebut,maka ianya semakin jauh, lantas Abu Abdullah berkata: Terimalah bayaran baghal betina itu, Allah berfirman Surah al-Nur (24) :39 *"laksana maya di tanah datar, yang di sangka air oleh orang yang dahaga, tetapi apabila didatanginya air itu, maka dia tidak mendapatinya sesuatupun"*

Beliau berkata: Abu Hanifah keluar kepada para sahabatnya di dalam keadaan dukacita, lalu mereka bertanya kepadanya: Apakah gerangan anda wahai Abu Hanifah? Beliau menjawab: Baghal betina aku telah pergi tanpa bayaran sedangkan harga baghal betina itu adalah sepuluh ribu dirham.

Hadis Qasidah Al-Farazdaq Untuk Ali Bin al-Husain A.S

Ja'far bin al-Husain al-Mu'min - *rahimahu llahu-* telah memberitahu kami daripada Haidar bin Muhammad bin Nu'aim yang dikenali dengan Abu Ahmad al-Samarqandi, murid Abu al-Nadhar Muhammad bin Mas'ud daripada Muhammad bin Mas'ud berkata: Muhammad bin Ja'far telah memberitahu kami berkata: Abu al-Fadhl Muhammad bin Ahmad bin Mujahid telah memberitahu kami, berkata: Al-'Alaa' bin Muhammad bin Zakaria di Basrah telah memberitahu kami berkata: 'Ubaidillah bin

Muhammad bin 'Aisyah[206] telah memberitahu kami, lalu berkata: Bapa aku telah memberitahu aku bahawa Hisyam bin Abd al-Malik telah menunaikan fardu haji pada masa pemerintahan Abd al-Malik dan al-Walid, beliau telah melakukan tawaf di Ka'bah, dan mahu mengucup Hajr al-Aswad, tetapi tidak dapat melakukannya kerana kesesakan, maka disediakan untuknya mimbar, lalu beliau duduk di atasnya.

Penduduk Syam telah melakukan tawaf bersama-samanya, tiba-tiba Ali bin al-Husain datang memakai pakaian ihram, mempunyai muka yang bersih, memakai bauan, dan di antara dua matanya kesan sujud, beliau mulai melakukan tawaf di Ka'bah. Apabila beliau sampai di Hajr al-Aswad, orang ramai memberi ruang kepadanya sehingga beliau mengucup Hajr al-Aswad, kerana kehebatan, dan kemuliaannya, maka Hisyam telah menjadi marah, seorang lelaki daripada Syam berkata kepada Hisyam: Siapakah lelaki yang dihormati oleh orang ramai sebegitu rupa sehingga mereka mengosongkan ruang untuknya bagi mengucup Hajr al-Aswad? Hisyam berkata: Aku tidak mengenalinya,aku harap orang-orang Syam tidak mencintainya, maka al-Farazdaq berkata bahawa beliau telah hadir bersama, dan mengenalinya. Lelaki Syam berkata: Siapakah dia wahai Abu Faris? Beliau menjawab:

Inilah orang yang dikenali jejaknya oleh ahlinya
Baitullah mengenalinya dan syiarnya-syiarnya
Ini adalah anak lelaki sebaik-baik hamba Allah
Inilah seorang bertakwa, bersih, suci ilmunya
Ini adalah Ali Rasulullah s.a.w bapanya
Cahaya petunjuknya menerangi kegelapan
Apabila Quraisy melihatnya dan berkata:
Kepada kemuliaan lelaki ini berakhirnya kemuliaan
Meningkat kemuncak kemuliaan yang tidak
Dicapai oleh Arab Islam dan A'jam
Hampir dipegang oleh Hajr apabila beliau mengucupnya
Diam kerana malu diam kerana kehebatannya
Ia tidak bercakap melainkan ketika ia senyum
Berpecah cahaya kegelapan daripada cahaya sinarannya
Seperti matahari yang memecahkan cahaya kegelapan
Di tapak tangannya bauan harum telah melekat
Bauannya dari tapak tangan sehingga ke hidungnya
Bertanggung jawab terhadap kaumnya di dalam kesusahan

---

206 Al-Isfahani, *al-Aghani*, xiv, 75

Lemah lembut dan mempunyai daya tarik
menggembirakan
Inilah anak lelaki Fatimah jika anda tidak
mengenalinya
Dengan datuknya segala para nabi berakhir
Inilah anak lelaki Fatimah yang dinisbahkan
Di syurga yang kekal namanya ditulis dengan Qalam
Allah telah memuliakannya dan menghormatinya pada awal
lagi
Telah berlaku sedemikian untuknya pada awal Lauh
Daripada datuknya kelebihan para nabi terserlah
kerananya
Dan kelebihan umat terdahulu terserlah kerana
umatnya
memecahkan
Segala kefakiran dan kezaliman
Dua tangannya sebagai pembantu untuk manfaat
umum
Dua tapak tangannya adalah sama dan tidak pernah
menolak
Tingkah lakunya amat menyenangkan tidak takut
dengan cabaran
Dihiaskan dengan dua perkara: Akhlak yang baik dan
mulia
Melaksanakan ihsan dengan saksama, dan
Tidak mungkir janji, baik jagaannya
Lapang dada menghadapi kesusahan dengan cekal
hati
Mencintai mereka adalah perintah agama,dan
membenci mereka
Kekafiran,dan mendekati mereka adalah kejayaan
dan pegangan
Menolak kejahatan dan bala dengan mencintai
mereka
Bertambah ihsan dengannya dan nikmat
Diutamakan selepas menyebut Allah adalah
menyebutkan mereka
Pada permulaan kalam dan selepasnya
Jika dikira ahli takwa kesemuanya merekalah para
imam mereka
Ditanya sebaik-baik penduduk bumi?Jawapannya
adalah mereka
Tidak mampu menandingi mereka dengan
kemurahan mereka

Merekalah bagaikan hujan memberi rahmat
Bagaikan singa yang mengawas dan api yang
Membakar
Celaan enggan memasuki halaman mereka
Akhlak mulia diikuti sifat mulia yang berterusan
Kesusahan hidup tidak mengurangkan
perkhidmatan mereka
Apatah lagi jika mereka kaya atau tidak mempunyai
sesuatu
Mana-mana makhluk tidak di dalam jagaan mereka
Tidak memiliki keistimewaannya, kerana ia adalah
nikmat
Siapa yang mengenali Allah akan mengenali
Keistimewaan ini
Agama dari keluarga rumah inilah dianuti oleh umat

Beliau berkata: Hisyam telah pergi dan memerintahkan supaya Farazdaq ditahan, lalu beliau ditahan di 'Asfan di antara Makkah dan Madinah. Berita penahanannya telah sampai kepada Ali bin al-Husain a.s, maka beliau mengutus kepadanya dua belas ribu dirham, dan berkata: Kami memohon izin wahai Abu Firas, jika kami mempunyai lebih banyak daripada ini, nescaya kami akan memberikannya kepada anda, tetapi beliau telah menolaknya, dan berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, anda tidak berkata melainkan kemarahan untuk Allah dan Rasul-Nya s.a.w, dan aku tidak bergantung kepadanya sedikitpun, lalu beliau menolaknya kepadanya dan akhirnya beliau telah menerimanya, al-Farazdaq telah menghina Hisyam ketika di dalam tahanan, antaranya:

Adakah anda menahanku di antara Madinah
Di mana hati manusia cenderung kepadanya
Menukar kepala bukan kepala sayyid
Mata juling telah hilang keaibannya

Ali bin al-Hasan bin Yusuf telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Ja'far al-'Alawi daripada al-Husain bin Muhammad bin Jumhur al-'Ammi berkata: Far'an, perawi al-Farazdaq, telah memberitahuku, berkata: Aku telah mengerjakan haji bersama-sama Abd al-Malik bin Marwan, maka beliau telah melihat kepada Ali bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib a.s, lalu menghinanya dengan berkata: Siapakah lelaki ini? Al-Farazdaq berkata:

Inilah anak lelaki sebaik-baik hamba Allah
Inilah yang takwa, bersih, suci ilmunya

Sehingga beliau menyempurnakan qasidahnya, beliau berkata: Abd al-Malik memberi kepadanya seribu dinar setiap tahun, tetapi beliau tidak memberinya pada tahun itu, lalu al-Farazdaq mengadu kepada Ali bin al-Husain a.s dan memintanya supaya menghubunginya, maka beliau a.s berkata: Aku akan memberi kepada anda harta aku sebagaimana Abd al-Malik telah memberinya kepada anda, beliau berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, aku tidak mahu membebankan anda sedikit pun, aku mahu pahala daripada Allah pada masa akan datang daripada pahala dunia yang cepat, lantaran itu, beliau telah menghubungi Mu'awiyah bin Abdullah bin Ja'far al-Tayyar salah seorang pemuka Bani Hasyim, beliau berkata : Wahai Abu Firas, berapa tahun lagi anda menganggar umur anda? Beliau berkata: Dua puluh tahun, beliau berkata: Ini dua puluh ribu dinar aku memberi kepada anda daripada harta aku, dan maafkan wahai Abu Muhammad, semoga Allah memuliakan anda di dalam urusan anda tanpa sebarang masalah, beliau berkata: Aku telah berjumpa dengan Abu Muhammad. Beliau telah membelanjakan hartanya kepada aku, aku telah memberitahu kepadanya bahawa aku telah mengakhirkan pahalanya di dunia kepada pahala akhirat[207].

Abdullah Bin Abu Ya'fur

Beberapa orang syeikh kami, daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ibn Abu Najran daripada Muhammad bin Abu Yahya daripada Hammad bin 'Uthman berkata: Aku mahu keluar ke Makkah, maka aku telah mendatangi Ibn Abu Ya'fur, mengucap selamat tinggal kepadanya, aku berkata: Adakah anda mempunyai hajat kepada sesuatu? Beliau berkata: Ya, anda sampaikan salam aku kepada Abu Abdullah a.s.

Beliau berkata: Apabila aku telah sampai ke Madinah, maka aku telah masuk berjumpa dengan Abu Abdullah a.s. Beliau bertanya kepada aku, kemudian berkata: Apakah Ibn Ya'fur buat sekarang? Aku berkata: Beliau berada di dalam keadaan baik, aku telah datang mengucap selamat tinggal kepadanya, lalu beliau telah meminta aku menyampaikan salamnya kepada anda. Beliau berkata: *wa 'alai-hi s-Salam*, dan sampaikan salam aku kembali dan katakan kepadanya: Peganglah apa yang aku telah janjikan kepada anda[208].

Ja'far bin al-Husain, daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ibrahim bin Hasyim daripada Ibn Abu 'Umair berkata: Salman al-Farra' telah

---

[207] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 37
[208] *Ibid*, 21

memberitahuku daripada Abdullah bin Abu Ya'fur berkata: Para sahabat kami telah membayar zakat kepadanya,maka beliau membahagi-bahagikannya di kalangan para sahabatnya di dalam keadaan menangis, Salman berkata: Apakah yang membuatkan anda menangis? Beliau berkata: Aku khuatir mereka melihat pembayaran zakat dari pihak aku[209].

Isa Bin Abdullah al-Qummi

Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahuku daripada Abdullah bin Ja'far al-Humairi daripada Muhammad bin al-walid al-Khazzaz daripada Yunus bin Ya'qub berkata: Isa bin Abdullah al-Qummi telah datang berjumpa dengan Abu Abdullah a.s.Apabila beliau ingin pulang, Abu Abdullah a.s berkata kepada khadamnya: Panggil beliau supaya datang, lalu beliau datang kembali, lantas beliau berwasiat kepadanya beberapa perkara, kemudian beliau berkata: Wahai Isa bin Abdullah, sesungguhnya Allah berfirman di dalam Surah Taha (20):132 " *Dan perintahlah kepada keluarga mendirikan solat* ", dan sesungguhnya anda adalah di kalangan kami Ahlu l-Bait. Apabila matahari dari sini jaraknya dan dari sini pada waktu asar, maka kerjalah solat enam rakaat.

Beliau berkata: Kemudian beliau mengucap selamat tinggal kepada Abu Abdullah a.s, lalu beliau a.s mengucup di antara dua mata Isa dan pulang, Yunus bin Ya'qub berkata: Aku tidak pernah meninggalkan solat enam rakaat semenjak aku mendengar Abu Abdullah a.s memberitahu kepada Isa bin Abdullah.

Dan para sahabat Abu Abdullah dan Abu Ja'far a.s yang masih tidak dapat dikesan adalah Muhammad bin Maskan, Yusuf al-Tatari 'Umar al-Kardi-diriwayatkan oleh al-Mufadhdhal-Hisyam bin al-Muthanna al-Razi[210].

Hamraan bin A'yan

Daripada Ibn Abu 'Umair daripada Hisyam bin al-Hakam daripada Hajr bin Zaidah daripada Hamraan bin A'yan berkata: Aku berkata kepada Abu Ja'far a.s: Aku telah berjanji dengan Allah bahawa aku tidak akan keluar dari Madinah sehingga anda memberitahu aku apa yang aku akan bertanya kepada anda tentangnya, beliau berkata: Abu Abdullah a.s berkata kepada aku: Tanyalah. Beliau berkata: Aku

---

209 *Ibid*
210 *Ibid*, 209

berkata: Adakah aku daripada syi'ah anda? Beliau berkata: Ya, di dunia dan di akhirat[211].

Ahmad bin Muhammad telah memberitahu kami daripada Sa'd bin Abdullah daripada Ya'qub bin Yazid daripada Marwak bin Ubaid daripada Hisyam bin al-Hakam daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sebaik-baik orang yang memberi syafaat adalah aku, dan bapa aku untuk Hamraan bin A'yan pada hari Kiamat, kami mengambil tangannya sehingga kami memasuki syurga, Muhammad bin Isa bin 'Ubaid telah meriwayatkan daripada Ziad bin Marwan al-Qandi daripada Abu Abdullah a.s: Beliau a.s berkata tentang Hamraan: Sesungguhnya beliau adalah lelaki di kalangan ahli syurga[212].

Kelebihan Amir al-Mukminin A.S

Tamim bin Abdullah bin Tamim al-Qurasyi-*radhia l-Lahu-* telah memberitahu kami berkata: Bapaku telah memberitahuku daripada Ali bin Ahmad bin Ali al-Ansari berkata: Ali bin Mitham telah memberitahuku daripada bapanya berkata: Manakala dibelikan untuk Hamidah ibu Musa bin Ja'far a.s akan ibu al-Ridha Najmah, Hamidah telah menyebut bahawa beliau telah bermimpi melihat Rasulullah s.a.w di dalam tidurnya bersabda kepadanya: Wahai Hamidah, berikan Najmah kepada anak lelaki anda Musa, kerana beliau akan melahirkan daripadanya sebaik-baik anak di bumi, lantaran itu, beliau telah memberinya kepada Musa a.s.

Najmah Ibu al-Ridha A.S

Manakala beliau melahirkan al-Ridha a.s, beliau dinamakan al-Tahirah, di samping itu beliau mempunyai beberapa nama, antaranya: Najmah, Arwa, Sakan, Samanah, dan Tukattum iaitu namanya yang terakhir, Mitham berkata: Aku telah mendengar bapa aku berkata: Najmah adalah seorang yang masih dara ketika Hamidah membelinya.

Bapaku telah memberitahu kepada kami, berkata: Sa'd bin Abdullah telah memberitahu kami daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Hasan bin al-Mahbub daripada Ya'qub bin Ishaq daripada Abu Zakaria al-Wasiti daripada Hisyam bin Ahmar berkata: Abu al-Hasan yang pertama a.s berkata: Adakah anda telah mengetahui bahawa seorang ahli al-Maghrib telah datang? Aku berkata: Tidak, beliau berkata: Ya, datanglah bersama-sama kami, kami telah datang bersama-samanya sehingga kami berjumpa dengan seorang lelaki dari al-Maghrib bersama-samanya hamba-hamba, beliau berkata kepadanya:

---

[211] Al-Kasyi, *al-Rijal,* hlm. 117
[212] *Ibid*

Bentangkan kepada kami, maka beliau pun membentangkan kepada kami sembilan hamba perempuan.

Abu al-Hasan a.s berkata: Kami tidak perlu kepada mereka semua, kemudian beliau berkata : Bentangkan lagi kepada kami. Beliau berkata: Tidak ada hamba perempuan lagi, beliau berkata: Bentangkan kepada kami. Beliau berkata: Demi Allah, kami tidak mempunyai hamba perempuan lagi selain daripada seorang hamba perempuan yang sedang sakit. Beliau berkata: Kenapa anda tidak mahu membentangkannya kepada kami? Lelaki itu enggan melakukannya, kemudian beliau a.s pulang, pada keesokannya, beliau telah mengutus aku kepadanya dan berkata: Katakan kepadanya: Berapakah harga terakhir anda mengenainya, dan apabila beliau berkata: Sekian dan sekian, maka katakan: Aku telah mengambilnya.

Akupun mendatanginya dan berkata: Aku tidak mahu mengurangkan harganya, aku berkata: Aku telah mengambilnya dan ia adalah untuk anda, beliau berkata: Ia adalah untuk anda, tetapi siapakah lelaki bersama-sama anda kelmarin? Aku berkata: Seorang lelaki Bani Hasyim, beliau berkata: Bani Hasyim yang mana satu? Aku berkata: Daripada ketua-ketua mereka, beliau berkata: Aku mahu lebih daripada itu, aku berkata: Aku tidak ada lebih daripada itu, beliau berkata: Aku akan memberitahu kepada anda tentang hamba perempuan ini, aku telah membelinya di pedalaman al-Maghrib.

Tiba-tiba seorang perempuan ahlu l-Kitab telah berjumpa dengan aku dan berkata: Apakah hamba perempuan ini berada bersama-sama anda? Aku berkata: Aku sendiri yang telah membelinya, beliau berkata: Tidak patut hamba perempuan ini berada di sisi anda, sepatutnya ia berada di sisi sebaik-baik orang di bumi, kemudian Najmah telah melahirkan seorang hamba di mana timur dan barat terhutang budi kepadanya, beliau berkata: Aku telah mendatangi Abu al-Hasan Musa a.s dengan Najmah, tidak lama kemudian beliau telah melahirkan Ali al-Ridha a.s.

Empat Perkara Tabi'i

Abu Ahmad Hani' bin Muhammad bin Mahmud al-'Abdi telah memberitahu kami-*radhia l-lahu*-berkata: Bapa aku telah memberitahu aku dengan sanad-sanadnya secara *marfu'* bahawa Musa bin Ja'far a.s telah berjumpa dengan al-Rasyid, dan al-Rasyid berkata kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w: Beritahu kepada aku tentang empat perkara tabi'i, Musa a.s berkata: Adapun angin, maka malaikat yang memusingkannya. Adapun darah, maka ia adalah hamba; kadangkala menyerang tuannya, adapun kahak, maka ia tidak dapat dirawatnya dengan mudah. Jika ia disekat ia akan meledak. Adapun hempedu, maka ia sepertilah bumi jika ia bergegar, maka akan bergegarlah organ-

organ di atasnya, Harun berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, anda telah membelanjakan barang simpanan Allah dan Rasul-Nya kepada orang ramai[213].

Perkara Di Antara Dua Perkara

Seorang lelaki berkata: Disebut di sisi al-Ridha a.s tentang *al-Jabr* dan *al-Tafwidh*, maka beliau berkata: Aku akan memberi kepada kamu asas perkara ini, kamu tidak akan bertengkar mengenainya melainkan kamu memusnahkannya, kami bertanya: Apakah pendapat anda mengenainya? Beliau berkata: Sesungguhnya Allah tidak ditaati dengan paksaan, dan tidak ditentang dengan kekuatan, Dia tidak mengabaikan hamba-hamba-Nya di dalam kerajaan-Nya, Dialah Pemilik manakala Dia memberi mereka hak milik.

Dan Dialah Penguasa manakala Dia memberi kepada mereka kuasa ke atas sesuatu. Apabila hamba-hamba-Nya mahu melakukan ketaatan, maka Allah tidak menjadi penghalang kepadanya (ketaatan), dan penentangnya. Jika mereka mahu melakukan maksiat,dan jika Allah mahu menghalang mereka, maka Dia boleh melakukannya, dan jika Dia tidak mahu (*syaa*), dan mereka melakukannya, maka Dia bukanlah yang membuatkan mereka melakukannya, kemudian beliau berkata: Barangsiapa yang memahami garis sempadan percakapan ini, maka beliau telah menentang mereka yang menyalahinya[214].

Manaqib Amir al-Mukminin A.S

Daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Sinan, daripada mereka yang telah memberitahunya, daripada Abd al-Rahim bin al-Qasir berkata: Abu Ja'far a.s telah memulakan percakapannya dengan aku, dan berkata: Adapun Dhu l-Qurnain telah diberi pilihan dua awan (*al-sahabatain*). Maka beliau telah memilih awan yang bernama Dhdhalul, dan menyimpan kepada sahabat kamu awan yang bernama al-Sa'ab, aku bertanya kepadanya apakah itu al-Sa'ab? Beliau berkata: Awan yang mengandungi guruh, dan petir, maka sahabat kamu menaikinya. Beliau akan menaiki awan, dan melepasi rintangan-rintangan kepada tujuh langit dan tujuh bumi; lima yang membangun dan dua yang rosak[215].

Daripadanya, daripada al-Husain bin Sa'id daripada Uthman bin 'Uthman, daripada Sima'ah bin Mihran daripada Abu Basir daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Ali a.s telah memiliki apa yang

---

[213] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv , 474
[214] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iii, 6
[215] *Ibid*, xiii, 183

ada di atas bumi dan di bawahnya, kemudian dibentangkan kepadanya dua awan; al-Sa'bah dan al-Dhdhalul. Adapun al-Sa'bah adalah pemilikan apa yang terdapat di bawah bumi dan al-Dhdhalul adalah pemilikan di atas bumi,lalu beliau telah memilih al Sa'bah di atas al-Dhadhalul, maka ia telah berpusing dengan Ali a.s sebanyak tujuh bumi, beliau mendapati tiga bumi telah rosak dan empat masih membangun.

Daripadanya, daripada Muhammad bin Sinan daripada Abu Khalid al-Qamat, dan Abu Salam al-Hanat daripada Surat bin Kulaib daripada Abu Ja'far a.s berkata: Adapun Dhu l-Qurnain telah diberi pilih dua awan, maka beliau telah memilih al-Dhdhalul, dan telah menyimpan al-Sa'ab kepada sahabat kamu, aku berkata: Apakah itu al-Sa'ab? Beliau berkata: Awan yang mengandungi guruh, dan petir, maka sahabat kamu menaikinya. Beliau akan menaiki awan, dan melepasi rintangan-rintangan kepada tujuh langit dan tujuh bumi; lima yang membangun dan dua yang rosak[216].

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Husain bin Sa'id daripada Safwan bin Yahya daripada Mu'awiyah Ibn 'Ammar daripada Abu al-Zubair daripada Jabir bin Abdullah berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Di dalam peperangan Taif beliau telah menyeru Ali a.s, maka Ali a.s bermunajat dengannya, Abu Bakr dan 'Umar serta orang ramai berkata: Beliau telah bermunajat dengan Ali a.s, tidak dengan kami, Nabi s.a.w berdiri di hadapan orang ramai memberi khutbah, memuji Allah kemudian bersabda: Wahai manusia, kamu berkata: Aku telah bermunajat dengan Ali a.s, sesungguhnya aku, demi Allah, aku tidak bermunajat dengannya, tetapi Allah telah bermunajat dengannya. Mu'awiyah berkata: Aku telah membentangkannya kepada Abu Abdullah a.s, maka beliau berkata: Itulah apa yang dikatakannya.

Ali bin Muhammad bin Sa'd, daripada Hamdan bin Sulaiman al-Nisaburi berkata: Abdullah bin Muhammad al-Yamani telah memberitahu aku daripada Mani' daripada Yunus daripada Ali bin A'yan daripada bapanya daripada datuknya daripada Abu Rafi' berkata: Manakala Rasulullah s.a.w mengutus Surah al-Bara'ah kepada Abu Bakr, maka Allah telah menurunkan ke atasnya supaya mengambil Surah al-Bara'ah daripada Abu Bakr, lalu Abu Bakr memberinya kepada Ali a.s.,Ali a.s berkata kepada Rasulullah s.a.w: Berilah wasiat kepada aku, maka Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: Sesungguhnya Allah akan memberi wasiat kepada anda dan bermunajat dengan anda. Justeru itu, Dia telah bermunajat dengan Ali a.s di hari al-Bara'ah sebelum solat pertama sehingga solat Asar.

---

216 *Ibid*

Dan diriwayatkan dengan sanad-sanad ini daripada Abu Rafi' sesungguhnya Allah telah bermunajat dengan Ali a.s pada hari Rasulullah s.a.w dikapankan.

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid daripada al-Qasim bin 'Urwah daripada 'Asim bin Hamid daripada Mu'awiyah bin 'Ammar daripada Abu al-Zubair daripada Jabir bin Abdullah, berkata: Pada hari Taif Rasulullah s.a.w telah bermunajat dengan Ali a.s. Abu Bakr dan 'Umar berkata: Anda telah bermunajat dengannya, tanpa kami, beliau bersabda: Aku bukan bermunajat dengannya, malah Allah telah bermunajat dengannya.

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab daripada Ja'far bin al-Basyir, dan al-Hasan Ibn Ali bin Fadhdhal daripada al-Muthanna Ibn al-Walid al-Hannat daripada al-Mansur bin Hazim daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bermunajat dengan Ali a.s pada hari Taif, maka para sahabatnya berkata: Wahai Rasulullah, anda telah bermunajat dengan Ali a.s sedangkan beliau yang termuda di kalangan kami, beliau bersabda:Aku bukan bermunajat dengannya, malah Allah bermunajat dengannya.

Daripadanya, dengan sanad-sanad ini, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda kepada ahli Taif: Wahai ahli Taif! Aku akan mengutus kepada kamu seorang lelaki seperti diri aku sendiri (*rajulan ka-nafsi*) Allah akan membuka dengannya kebaikan pedangnya dan cemetinya, lantaran itu orang ramai akan menghormatinya. Apabila tiba waktu pagi, beliau telah menyeru Ali a.s, dan bersabda: Pergilah anda ke Taif, kemudian Allah telah memerintahkan Nabi-Nya s.a.w supaya datang kepadanya selepas kedatangan Ali a.s. Apabila beliau s.a.w tiba, Ali a.s telah sampai di kemuncak bukit, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Cekalkan pendirian anda, maka Ali menjadi cekal, kami telah mendengar suara seperti suara guruh[217]. Maka beliau bertanya: Apakah ini wahai Rasulullah s.a.w? Beliau bersabda: Sesungguhnya Allah a.w sedang bermunajat dengan Ali a.s[218].

Tentang Muhammad Bin Muslim

Beliau berasal daripada Taif, al-Thaqafi, menetap di Kufah berbangsa Arab, mati pada tahun seratus lima puluh hijrah.

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin a-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Yasin al-Dharir al-Basri, daripada Huraiz daripada Muhammad bin Muslim berkata: Tidak bertelagah di hatiku oleh sesuatu pun melainkan aku telah bertanya

---

[217] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 380
[218] *Ibid*

Abu Ja'far a.s sehingga aku telah bertanya kepadanya tiga puluh ribu hadis, dan aku telah bertanya kepada Abu Abdullah a.s enam belas ribu hadis[219].

Ja'far bin al-Husain daripada Muhammad bin al-Hasan, daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar, daripada Ali bin Hassan daripada Ali bin 'Atiyyah al-Zayyat yang digelar dengan al-Bawwab, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, beritahu aku tentang pembekuan matahari dari fungsinya *(rukud)*? Beliau berkata: Aduhai anda wahai Muhammad, alangkah kecilnya bangkai anda dan sukarnya masalah anda! Kemudian beliau telah diam selama tiga hari tanpa bercakap dengan aku. Apabila masuk hari keempat, beliau berkata kepada aku: Anda layak untuk menjawabnya.

Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu aku daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar, dan Sa'd bin Abdullah, daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Abdullah bin Muhammad al-Hijjal, daripada al-'Ala' bin Razin daripada Abdullah bin Abu Ya'fur berkata: Aku telah bertanya Abu Abdullah a.s: Sesungguhnya aku bukan setiap masa dapat bertemu anda, aku tidak dapat datang dan seorang lelaki di kalangan sahabat kami datang, lalu bertanya aku,tetapi beliau tidak ada di sisiku setiap kali beliau bertanya aku tentangnya, berkata: Apakah yang menghalang anda daripada Muhammad bin Muslim al-Thaqafi kerana beliau telah mendengar daripada bapa aku, dan beliau di sisinya diredai dan dihormati[220].

Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahu kami daripada Abdullah bin Ja'far al-Humairi daripada Ahmad bin Hilal al-'Abdi daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal daripada Abdullah bin Bakir daripada Zararah berkata: Abu Karibah al-Azadi,dan Muhammad bin Muslim telah menjadi saksi di sisi Syarik dengan satu penyaksian di mana beliau sebagai kadi, maka beliau telah melihat pada muka mereka berdua sejenak, kemudian berkata: Dua orang ja'fari dan fatimi, lantas mereka berdua menangis.

Beliau berkata kepada mereka berdua: Apakah yang membuatkan kamu berdua menangis? Mereka berkata: Anda telah mengaitkan kami dengan kaum yang tidak meredai orang seperti kami untuk menjadi saudara-saudara mereka manakala mereka melihat kewarakan kami yang sedikit, dan anda telah mengaitkan kami kepada seorang lelaki yang tidak meredai orang seperti kami menjadi syi'ahnya, jika beliau menerima kami, kami menerima, maka baginya sebagai kurniaan ke atas kami, Syarik tersenyum, kemudian beliau berkata: Jika mahu menjadi lelaki, maka jadilah lelaki seperti kamu berdua, wahai Walid,

---

219 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm. 109, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 14
220 Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.108

lepaskan mereka berdua pada kali ini, dan jangan mereka berdua mengulanginya pada kali kedua, beliau berkata: Kami telah mengerjakan haji, maka kami telah memberitahu Abu Abdullah a.s tentang kisah tersebut, beliau berkata: Allah akan memakaikan Syarik pada hari Kiamat dua kasut dari api neraka[221].

Ahmad bin Harun dan Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar, dan Sa'd bin Abdullah daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Hasan bin Fadhdhal daripada Ali bin 'Aqabah daripada Abu Kahmasy berkata: Aku telah bertemu dengan Abu Abdullah a.s, maka beliau berkata kepada aku:Muhammad bin Muslim telah memberi penyaksian di sisi Ibn Abu Laila, tetapi beliau telah menolak penyaksiannya? Aku berkata: Ya, beliau berkata: Apabila anda pulang ke Kufah nanti, maka berjumpalah dengan Ibn Abu Laila, dan katakan kepadanya: Aku akan bertanya kepada anda tiga soalan, dan janganlah anda memberi fatwa kepada aku dengan menggunakan kias.

Dan janganlah anda berkata: Sahabat kami berkata, pertama: Tanyakan kepadanya tentang lelaki yang mengesyaki pada dua rakaat pertama daripada solat fardu. Kedua: Tentang lelaki yang terkena air kencing pada tubuhnya atau kainnya bagaimana beliau membasuhnya. Ketiga: Tentang lelaki yang melontar dengan tujuh batu kecil, dan satu daripadanya terjatuh bagaimana beliau akan melakukannya? Apabila tidak ada di sisinya jawapan, maka katakan kepadanya: Ja'far bin Muhammad berkata kepada anda: Apakah yang telah membawa anda menolak penyaksian seorang lelaki yang lebih arif tentang hukum Allah daripada anda, dan lebih alim tentang Sunnah Rasulullah s.a.w daripada anda?

Abu Kahmasy berkata: Manakala aku sampai di Kufah, aku mendatangi Ibn Abu Laila sebelum aku sampai ke rumahku, aku berkata kepadanya:Aku akan bertanya kepada anda tiga soalan, dan janganlah anda memberi fatwa kepada aku mengenainya dengan menggunakan kias, dan janganlah anda berkata: Sahabat kami berkata, maka beliau berkata: Bertanyalah, aku berkata: Apakah pendapat anda tentang lelaki yang mengesyaki dua rakaat pertama di dalam solat fardu? Beliau diam seketika, kemudian mengangkat kepalanya kepada ku, dan berkata: Sahabat kami berkata, maka aku berkata kepadanya: Ini adalah syaratku kepada anda, janganlah anda berkata: Sahabat kami berkata, maka beliau berkata: Aku tidak ada jawapan di sisiku mengenainya, aku berkata kepadanya: Apakah pendapat anda tentang lelaki yang terkena air kencing pada tubuhnya atau kainnya bagaimana beliau membasuhnya?

---

221 *Ibid*

Beliau diam seketika, kemudian mengangkat kepalanya dan berkata: Sahabat kami berkata, maka aku berkata:Ini adalah syarat aku ke atas anda. Beliau berkata: Aku tidak ada jawapan di sisiku mengenainya. Aku berkata: Lelaki yang melontar dengan tujuh batu kecil, maka satu batu terjatuh daripadanya bagaimana beliau melakukannya? Beliau telah menggerakkan kepalanya kemudian mengangkatnya, dan berkata: Sahabat kami berkata, aku berkata:Ini adalah syarat ku ke atas anda, beliau berkata: Aku tidak ada jawapan di sisiku mengenainya, aku berkata: Ja'far bin Muhammad berkata kepada anda: Apakah yang membuatkan anda menolak penyaksian seorang lelaki yang lebih arif tentang hukum Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w daripada anda? Beliau berkata: Siapakah dia? Aku berkata: Muhammad bin Muslim, maka beliau berkata: Ja'far bin Muhammad telah berkata kepada anda sedemikian? Aku berkata: Allah, Ja'far bin Muhammad telah berkata kepada aku sedemikian. Beliau berkata: Beliau telah mengutus kepada Muhammad bin Muslim, dan menyerunya, lalu beliau memberi penyaksian di sisinya, maka beliau telah menerima penyaksiannya[222].

Ahmad bin Muhammad bin Yahya daripada Sa'd bin Abdullah daripada Ya'qub bin Yazid daripada Ibn Abu 'Umair daripada Hisyam bin Salim berkata: Muhammad bin Muslim telah tinggal di Madinah selama empat tahun. Beliau telah berjumpa dengan Abu Ja'far a.s bertanya tentang agama, kemudian beliau telah berjumpa dengan Abu Abdullah a.s selepasnya bertanya kepadanya tentang agama. Ibn Abu 'Umair berkata: Aku telah mendengar Abd al-Rahman bin al-Hajjaj dan Hammad bin 'Uthman berkata: Tiada seorang syi'ah yang lebih alim daripada Muhammad bin Muslim[223].

Daripadanya daripada Sa'd bin Abdullah daripada Ahmad bin Muhammad daripada Ibn Fadhdhal daripada Abdullah bin Bakir daripada Muhammad bin Muslim, berkata: Sesungguhnya aku pada suatu malam sedang tidur di tingkat atas,tiba-tiba seorang telah mengetuk pintu. Aku berkata: Siapakah itu? Beliau berkata: Lihatlah dulu *-rahima-ka l-Lahu-*, maka aku telah melihat seorang perempuan, beliau berkata: Aku mempunyai seorang anak perempuan yang baru kahwin, mengalami kesakitan melahirkan anak. Beliau sentiasa di dalam kesakitannya sehingga beliau mati sedangkan anaknya sedang bergerak di dalam perutnya, maka apakah yang aku perlu melakukannya? Aku berkata kepadanya: Wahai hamba Allah, Muhammad bin Ali bin al-Husain bin Muhammad al-Baqir a.s telah ditanya tentang perkara yang sama, maka beliau a.s berkata: Perut si mati hendaklah dipecahkan, dan anaknya dikeluarkan.

---

222 *Ibid*

223 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 224

Wahai hamba Allah, lakukanlah perkara tersebut. Wahai hamba Allah, aku adalah seorang lelaki di dalam persembunyian, siapakah yang telah mengarahkan anda datang kepada aku? Beliau berkata kepadaku: *Rahima-ka l-Lahu*, aku telah datang kepada Abu Hanifah, maka beliau berkata kepada aku: Aku tidak ada jawapan di sisiku, tetapi anda hendaklah datang kepada Muhammad bin Muslim al-Thaqafi, kerana beliau akan memberitahu anda mengenainya, dan apa yang telah difatwakannya kepada anda, maka anda kembali kepada aku memberitahu aku mengenainya, maka aku berkata kepadanya:Pergilah dengan selamat, pada keesokannya, aku telah keluar ke masjid, tiba-tiba Abu Hanifah sedang bertanya para sahabatnya tentang perempuan tersebut, lantas perempuan itu mengeluarkan suara perlinya, maka Abu Hanifah berkata: Wahai Tuhanku, sembunyilah aku, tinggalkan kami, kerana kami mahu hidup[224].

Abu Ja'far al-Ahwal Muhammad Bin al-Nu'man Mu'min al-Taq

Muhammad bin al-Nu'man bin Abu Tariqah Abu Ja'far al-Ahwal adalah hamba kepada Bajilah, beliau pernah bekerja sebagai pengurup wang, orang ramai telah memanggilnya syaitan al-Taq, kerana mereka telah mengesyaki pada dirham, lalu mereka membentangkannya kepadanya, beliau berkata kepada mereka: Dirham palsu bersalut perak, mereka berkata: Beliau adalah syaitan al-Taq,tetapi para sahabat kami memanggilnya mukmin al-Taq, beliau adalah di kalangan para mutakallimin syi'ah, Abu Abdullah a.s telah memujinya tentang perkara tersebut[225].

Jabir Bin Yazid al-Ja'fi Pengarang Tafsir

Ja'far bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Ismail daripada Ali bin al-Hakam daripada Ziad bin Abu al-Halal berkata: Para sahabat kami telah berselisih faham tentang hadis-hadis Jabir al-Ja'fi, maka aku berkata: Aku akan bertanya Abu Abdullah a.s. Manakala aku memasuki rumahnya, beliau telah mula berkata kepadaku: *Rahima l-Lahu* Jabir al-Ja'fi, kerana beliau telah membenarkan kami. Allah melaknati al-Mughirah bin Sa'id, kerana beliau telah membohongi kami[226].

Ja'far bin al-Husan telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada

---

[224] *Ibid*, 230
[225] *Ibid*, 224
[226] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm.126

Muhammad Ibn Isa daripada Yunus daripada Jamil daripada Abu Abdullah a.s berkata: Manusia telah menjadi murtad (*irtadda al-Nasu*) selepas al-Husain melainkan tiga orang: Abu Khalid al-Kabili, Yahya bin Ummu al-Tawil, dan Jubair bin Mut'im, kemudian orang ramai telah memasuki Islam kembali[227].

Daripadanya daripada Ahmad bin Syazan daripada al-Fadhl bin Syazan daripada Ibn Abu Umair daripada Hisyam bin Salim daripada Abu Abdullah a.s bahawa Jubair bin Sa'id telah menjadi pengikut kepada Ali bin al-Husain a.s. Ali bin al-Husain telah memujinya dan inilah sebab beliau dibunuh oleh al-Hajjaj, beliau adalah seorang yang cekal hati. Diriwayatkan bahawa apabila beliau dibawa di hadapan al-Hajjaj bin Yusuf, maka beliau berkata kepadanya: Anda adalah Syaqiyyun bin Kusair? Beliau berkata: Ibu aku adalah lebih arif dengan nama aku. Beliau telah menamakan aku dengan Sa'id bin Jubair.

Beliau berkata: Apakah pendapat anda tentang Abu Bakr dan 'Umar adakah mereka berdua di syurga atau di neraka? Beliau berkata: Jika aku telah memasuki neraka dan aku telah melihat kepada penghuninya, nescaya aku telah mengetahui mereka di dalamnya.Jika aku telah memasuki syurga, dan aku telah melihat kepada penghuninya, nescaya aku telah mengetahui mereka di dalamnya, beliau berkata: Apakah pendapat anda tentang khalifah-khalifah? Beliau berkata: Aku tidak menjadi wakil mereka, beliau berkata: Siapakah di kalangan mereka yang anda paling mencintainya? Beliau berkata: Orang paling diredai oleh Pencipta aku, siapakah di kalangan mereka yang paling diredai oleh Pencipta? Beliau berkata: Orang yang mengetahui rahsia mereka. Beliau berkata: Anda telah enggan membenarkan aku? Beliau berkata: Ya, aku tidak suka membohongi anda[228].

Hammad Bin Isa al-Jahani al-Basri

Beliau adalah berasal dari Kufah, telah tinggal di Basrah, hidup selama sembilan puluh tahun lebih, berkecimpung dengan Abu Abdullah a.s, dan mati di Wadi Qanat di Madinah iaitu wadi yang mengalir dari Syajarah ke Madinah. Beliau telah mati pada tahun dua ratus sembilan hijrah. Ja'far bin al-Husain al-Mu'mi-*rahima-hul-Lahu-* telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Muhammad bin Isa bin 'Ubaid daripada Hammad bin Isa berkata: Kami telah memasuki rumah Abu al-Hasan yang pertama a.s, maka aku berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, doakan untuk aku supaya Allah memberi rezeki kepada aku sebuah rumah, isteri, anak, khadam,

---

227 *Ibid*, 82
228 *Ibid*

dan haji setiap tahun, maka beliau berkata: Wahai Tuhanku, selawat ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad, kurniakan kepadanya sebuah rumah, seorang isteri, anak, khadam, dan haji selama lima puluh tahun.

Hammad berkata: Apabila beliau telah mensyaratkan lima puluh tahun, maka aku telah mengetahui bahawa aku tidak boleh mengerjakan haji lebih dari lima puluh tahun, Hammad berkata: Aku telah mengerjakan haji sebanyak empat puluh lapan kali, ini adalah rumahku. Ini ialah isteri aku di balik dinding sedang mendengar percakapanku. Ini adalah anak lelakiku. Ini adalah khadam aku. Maka beliau telah mengerjakan haji selepas percakapan ini dua kali haji, genap lima puluh kali haji, kemudian beliau telah keluar selepas lima puluh kali haji bertemankan Abu al-Abbas al-Naufali al-Qasir. Apabila beliau telah sampai di tempat ihram, beliau telah masuk mandi di wadi, lalu ditenggelami air-*rahmatu l-Lahi 'alai-hi* – beliau telah mendatanginya selepas beliau mengerjakan haji lebih daripada lima puluh kali. Beliau telah hidup sehingga di zaman al-Ridha a.s, dan telah mati pada tahun dua ratus sembilan hijrah, beliau adalah dari Juhainah di bahagian Kufah[229].

Huraiz Bin Abdullah Dan Ibn Maskan

Daripadanya daripada Haidar bin Muhammad bin Nu'aim, Ja'far bin Muhammad bin Quluwaih telah memberitahu kami daripada Ja'far bin Muhammad bin Mas'ud, daripada Muhammad bin Mas'ud al-'Ayasyi, berkata: Ja'far bin Ahmad bin Ayyub telah memberitahu aku daripada al-'Umarki berkata: Ahmad bin Syaibah telah memberitahu aku daripada Yahya bin al-Muthanna daripada Ali bin al-Hasan bin Ribat daripada Huraiz berkata: Aku telah masuk berjumpa dengan Abu Hanifah di sisinya buku-buku yang hampir menghalang di antaranya dan aku, beliau berkata kepada aku: Buku-buku ini semuanya tentang talak dan sumpah (*al-Yamin*). Beliau mulai membalikkannya dengan dua tangannya, aku berkata: Kami membuat kesimpulan di dalam satu perkataan. Beliau berkata: Apakah dia? Aku berkata: Firman-Nya Surah al-Talaq (65):1 "*Hai nabi, apabila kamu menceraikan isteri-isterimu, maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat iddahnya,dan hitunglah waktu iddah itu* "

Beliau berkata kepada aku: Anda tidak mengamalkan suatu perkara melainkan dengan riwayat? Aku berkata: Ya, beliau berkata kepada aku: Apa pendapat anda tentang hamba *mukatib* dengan harga seribu dirham, tetapi beliau telah membayar hanya sembilan ratus sembilan puluh sembilan dirham, kemudian beliau telah melakukan perkara yang

---

[229] *Ibid*, hlm. 204

besar iaitu zina bagaimana anda melakukan had ke atasnya? Aku berkata: Di sisiku mengenainya hadis yang telah diberitahu kepada aku oleh Muhammad bin Muslim daripada Abu Ja'far a.s bahawa Ali a.s telah memukul dengan tongkat, satu pertiganya, separuhnya, dan setengahnya menurut kadar selayaknya, beliau berkata kepada aku: Sesungguhnya aku akan bertanya anda tentang unta betina yang telah dikeluarkan dari laut? Aku berkata: Jika ia mahu, ia boleh jadi unta betina, dan jika ia mahu, ia boleh menjadi lembu betina, dan jika ia mempunyai sisik, kami memakannya, dan jika tidak, kami tidak memakannya[230].

Abu al-Nadhar Muhammad bin Mas'ud telah menyebut bahawa Ibn Maskan tidak memasuki rumah Abu Abdullah a.s, kerana khuatir beliau tidak dapat memberi penghormatan sepenuhnya kepada Abu Abdullah a.s. Beliau hanya mendengar daripada para sahabatnya, dan enggan berjumpa dengannya, kerana menghormatinya, Yunus bin Abd al-Rahman telah menyebut bahawa Ibn Maskan seorang lelaki mukmin. Beliau telah menyambut para sahabatnya apabila mereka datang kepadanya, dan mengambil apa (ilmu) yang ada di sisi mereka[231].

Huraiz bin Abdullah telah berpindah ke Sajistan dan dibunuh di sana. Dan sebab pembunuhannya, kerana beliau mempunyai sahabat yang sependapat dengannya, kebanyakan penduduk di Sajistan adalah Khawarij. Para sahabat Huraiz telah mendengar daripada mereka cacian terhadap Amir al-Mukminin a.s, lalu mereka memberitahu Huraiz dan mereka meminta beliau membunuh mereka yang mencaci Amir al-Mukminin a.s, maka beliau telah memberi kebenaran kepada mereka untuk melakukannya.

Justeru itu, Khawarij mendapati pembunuhan selepas pembunuhan berlaku terhadap mereka. Walaupun begitu mereka tidak mengesyaki syi'ah melakukannya disebabkan sedikit bilangan mereka. Mereka mencari kaum Murjiah dan memerangi mereka. Keadaan sedemikian berterusan sehingga mereka dapat mengesan Huraiz, lalu mereka menentang syi'ah. Lantaran itu, para sahabat Huraiz telah berkumpul kepada Huraiz di masjid, dan mereka telah menipu khawarij di masjid, dan menukarkan buminya-*rahima-humu l-Lahu*-[232].

Pimpinan Imam Dua Belas A.S

Abu Ja'far Muhammad bin Ahmad al-'Alawi berkata: Ahmad bin Ali bin Ibrahim bin Hasyim telah memberitahu aku daripada bapanya daripada datuknya Ibrahim bin Hasyim daripada Hammad bin Isa

---

230 *Ibid*, hlm.244

231 *Ibid*

232 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi , 224

daripada bapanya daripada al-Sadiq a.s berkata: Salman al-Farisi-*rahmatu l-Lahi 'alai-hi*-berkata: Aku telah melihat al-Husain bin Ali a.s di bilik Nabi s.a.w di dalam keadaan beliau s.a.w sedang mengucup dua matanya, dan dua bibir mulutnya sambil bersabda: Anda adalah sayyid bin sayyid bapa kepada sayyid-sayyid, anda adalah Hujjah bin hujjah bapa kepada hujjah-hujjah, anda adalah imam bin imam, dan bapa kepada sembilan imam daripada keturunan anda, dan yang kesembilan mereka adalah *qaim* mereka (*anta sayyid bin sayyid abu sadah, anta hujjah ibn hujjah abu hujajin, anta al-Imam ibn al-Imam abu al-Aimmah al-Tis'ah min salbi-ka, tasi 'u-hum qaimu-hum*)[233]

Beliau berkata: Abu al-Hasan Muhammad bin Ma'qal al-Qarmisini telah memberitahu kami, berkata: Muhammad bin Abdullah al-Misri telah memberitahu kami, berkata: Ibrahim bin Mahzam telah memberitahu kami daripada bapanya daripada Abu Abdullah a.s daripada bapa-bapanya a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Dua belas orang daripada keluarga aku adalah mereka yang telah dikurniakan Allah kefahamanku, dan ilmuku, mereka telah diciptakan daripada tanahku (*tinat-i*). Maka neraka wail bagi mereka yang mengingkari hak mereka selepasku, mereka yang memutuskan pada mereka perhubungan aku (*silat-i*), Allah tidak akan memberi mereka syafaat aku[234].

Abu al-Hasan Muhammad bin Ma'qal telah memberitahu kami berkata: Muhammad bin 'Asim telah memberitahu kami, berkata: Ali bin al-Husain telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Marzuq daripada 'Amir al-Sarraj daripada Sufyan al-Thauri daripada Qais bin Muslim daripada Tariq bin Syihab berkata: Aku telah mendengar Huzaifah berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Ketika keluarnya al-Qaim seorang penyeru dari langit menyeru: Wahai manusia, diputuskan daripada kamu masa penguasa-penguasa zalim, dan urusan pemerintahan akan dipimpin oleh sebaik-baik umat Muhammad s.a.w. Justeru itu, sertailah beliau di Makkah, kemudian *al-Nujaba'* (orang-orang cerdik) dari Mesir, dan *al-Abdal* (perkasa) dari Syam,dan al- 'Asaib (cekal) dari Iraq.

Di waktu malam seperti rahib, dan di waktu siang seperti singa jantan. Hati mereka seperti besi. Maka mereka akan memberi baiah kepadanya di antara *Rukn* dan *Maqam*, Umar bin al-Hasin berkata: Wahai Rasulullah s.a.w, beritahukan kami tentang lelaki ini? Beliau s.a.w bersabda: Beliau adalah seorang lelaki daripada anak al-Husain seolah-olah beliau di kalangan lelaki Syanwah di Yaman, memakai dua kain daripada kapas, namanya sepertilah nama aku, dan pada masa itu, burung-burung akan menetas di sangkar-sangkarnya, dan ikan-ikan

---

[233] *Ibid*, ix, 158

[234] Al-Saduq, *Kamal al-Din*, hlm.164

paus di laut-lautnya, sungai-sungai akan mengalirkan air yang banyak, mengeluarkan mata air, bumi akan menjadi subur, pendapatan yang berganda, kemudian Jibrail akan berjalan di hadapannya, dan di belakangnya Israfil. Bumi akan dipenuhi keadilan dan saksama sebagaimana ia dipenuhi penindasan dan kezaliman[235].

Beliau berkata: Muhammad bin Quluwaih telah memberitahu kami berkata: Sa'd bin Abdullah telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Khalid al-Tayalasi daripada al-Mundhir bin Muhammad daripada al-Nasr bin al-Sanadi daripada Abu Daud Sulaiman bin Sufyan al-Mustariq daripada Tha'labah bin Maimun daripada Malik bin al-Jahani daripada al-Harith bin al-Mughirah daripada al-Asbagh bin Nabatah. Sa'd bin Abdullah berkata: Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab al-Kufi telah memberitahu kami, berkata: Al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal telah memberitahu kami daripada Tha'labah bin Maimun daripada Malik al-Jahani daripada al-Harith bin al-Mughirah daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah datang kepada Amir al-Mukminin a.s, maka aku telah mendapati beliau sedang mengetukkan tanah dengan kayu (*yankutu*).

Aku berkata : Wahai Amir al-Mukminin, aku melihat anda sedang berfikir mengetukkan tanah, adakah kehendak anda sendiri melakukannya? Beliau berkata: Tidak, demi Tuhan, aku tidak menghendakinya, mahu pun dunia ini walaupun satu hari, tetapi aku telah memikir tentang *maulud* (anak kelahiran) daripada zuriat kesebelas daripada anak lelaki aku iaitu al-Mahdi yang akan memenuhi bumi dengan keadilan dan saksama sebagaimana ia dipenuhi penindasan dan kezaliman, akan dipenuhi kehairanan dan ghaib, akan sesat sebahagian kaum dan akan mendapat hidayat sebahagian yang lain, aku berkata: Adakah ini akan terjadi? Beliau berkata: Ya, sebagaimana ia dijadikan. Maka di manakah kedudukan anda di dalam perkara ini wahai Asbagh? Mereka itu adalah pilihan umat ini bersama-sama pilihan terbaik keluarga ini, aku berkata: Apakah akan berlaku selepas itu? Beliau berkata: Allah akan melakukan apa yang Dia kehendaki, kerana bagi Allah iradat, permulaan dan matlamat yang banyak[236].

---

235 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiii, 179
236 Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 337

BAHAGIAN KETUJUH

Mashaf al-Zahra', mukjizat Amir al-Mukminin a.s, hikayat menakjubkan tentang Infak, kejadian roh-roh syi'ah, kemampuan para Imam a.s, himpunan kebaikan dunia dan akhirat dan lain-lain.

Mashaf al-Zahra' A.S

Muhammad bin Ma'qal telah memberitahu kami berkata: Bapa aku telah memberitahu kepada aku daripada Abdullah bin Ja'far al-Humairi di sisi kubur al-Husain a.s di al-Ha'ir pada tahun dua ratus sembilan puluh lapan hijrah berkata: al-Hasan bin Zarif bin Nasih telah memberitahu kami daripada Bakr bin Salih daripada Abd al-Rahman bin Salim daripada Abu Basir daripada Abu Abdullah a.s berkata: Bapa aku Muhammad telah berkata kepada Jabir bin Abdullah al-Ansari: Sesungguhnya aku ada hajat dengan anda, apabila anda ada masa aku akan bersama-sama anda dan aku akan bertanya kepada anda mengenainya? Jabir berkata kepadanya: Pada bila-bila masa anda kehendaki wahai *sayyidi*, bapa aku telah berada beberapa hari bersama-samanya. Beliau berkata kepada Jabir: Beritahu kepada aku tentang *Lauh* yang anda telah melihatnya pada tangan ibu aku Fatimah a.s, dan apa yang telah diberitahu kepada anda oleh ibu aku, dan apa yang tertulis di *Lauh* ini? Jabir berkata: Aku naik saksi dengan Allah bahawa aku telah memasuki rumah Fatimah a.s pada masa hidup Rasulullah s.a.w, aku telah memberi tahniah kepadanya di atas kelahiran al-Husain a.s, aku telah melihat di tangannya *Lauh* berwarna hijau. Aku telah menyangkanya zamrud. Aku telah melihat padanya surat berwarna putih seperti cahaya matahari, maka aku telah berkata kepadanya: Dengan nama bapa aku, anda, dan ibu aku apakah *Lauh* ini? Beliau berkata: Ini adalah *Lauh* di mana Allah telah menghadiahkannya kepada Rasulullah s.a.w.

Di dalamnya terdapat nama bapa aku, nama aku, nama Ali, nama dua anak lelaki aku, dan nama-nama para wasi daripada anak-anak aku. Maka bapa aku telah memberikannya kepada aku untuk

menggembirakan aku dengannya, Jabir berkata: Ibu anda telah memberikannya kepada aku, maka aku telah membacanya, dan membuat salinannya, bapa aku a.s berkata: Adakah anda, wahai Jabir, akan membentangkannya kepada aku? Beliau berkata: Ya. Lalu bapa aku berjalan bersama-samanya menuju ke rumah Jabir, kemudian bapa aku mengeluarkan dari genggamnya mashaf dari kulit nipis sambil berkata: Wahai Jabir, lihatlah pada surat (kitab) anda supaya aku membacanya kepada anda, lantas beliau melihat kepada suratnya,lalu bapa aku membaca kepadanya, ia tidak menyalahi walaupun satu huruf, Jabir berkata: Aku naik saksi dengan Allah sesungguhnya aku telah melihatnya seperti di *Lauh* tertulis:

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Surat (kitab) ini adalah daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui untuk Muhammad Nabi-Nya, Duta-Nya, Hijab-Nya,Penunjuk-Nya. Diturunkan oleh *al-Ruh al-Amin* dari sisi Tuhan semesta alam, hormatilah, wahai Muhammad, akan nama-nama-Ku, bersyukurlah kepada nikmat-nikmat-Ku, dan janganlah Engkau mengingkarinya, sesungguhnya Aku adalah Allah, tiada tuhan melainkan Aku, pemusnah para penguasa, pembantu mereka yang dizalimi.

Pemilik hari Kiamat, sesungguhnya Aku adalah Allah,tiada tuhan melainkan Aku, barangsiapa yang telah berharap selain dari kelebihan-Ku, atau beliau takut selain dari keadilan-Ku, nescaya Aku akan menyeksanya dengan penyeksaan yang belum pernah Aku melakukannya kepada sesiapapun di seluruh semesta. Maka kepada-Kulah engkau sembah, dan kepada Akulah engkau bertawakal. Aku tidak mengutus seorang nabi melainkan aku menyempurnakan hari-harinya, dan tamat masanya melainkan Aku menjadikan untuknya seorang wasi. Sesungguhnya Aku telah melebihkan engkau ke atas para nabi, dan Aku telah melebihkan wasi engkau ke atas para wasi. Aku menghormati engkau dengan dua orang anak lelaki anda selepasnya; al-Hasan dan al-Husain, Aku telah menjadikan al-Hasan galian ilmu-Ku selepas tamat masa bapanya. Aku telah menjadikan al-Husain penyimpan wahyu-Ku, Aku memuliakannya dengan kesyahidan. Dan Aku menamatkannya dengan kebahagiaan. Justeru itu, beliau adalah sebaik-baik mereka yang telah mati syahid, dan yang paling tinggi darjat di kalangan para syahid di sisi-Ku. Aku telah menjadikan kalimat-Ku yang sempurna bersama-nya, dan hujah aku yang kukuh di sisinya.

Dengan *'itrah*nya, Aku memberi pahala dan menyeksa, awal mereka adalah Ali sayyid al-'Abidin, dan perhiasan kepada para wali-Ku yang lalu, dan anak lelakinya seperti datuknya yang terpuji Muhammad al-Baqir kerana ilmu-Ku, dan galian hikmah-Ku, dan akan binasa mereka

yang tidak mempunyai pendirian tentang Ja'far; penentang kepadanya adalah seperti penentang kepada-Ku. Kata-kata yang tepat bagi-Ku bahawa Aku akan menghormati kedudukan Ja'far. Aku akan menggembirakannya di kalangan penyokong-penyokong dan pembantu-pembantunya dan para walinya.

Dan selepasnya adalah Musa. Fitnah yang buta dan halus akan berlaku, kerana rancangan jahat tidak terputus, dan hujah-Ku tidak juga tersembunyi. Sesungguhnya para wali-Ku akan meminum gelas yang sempurna. Barangsiapa yang telah menentang seorang daripada mereka, maka sesungguhnya beliau telah mengingkari nikmat-Ku, dan telah mengubah ayat daripada kitab-Ku, dan telah berbohong ke atas-Ku, neraka wail bagi pembohong-pembohong yang menentang selepas Musa, hamba-Ku, kekasih-Ku, dan pilihan-Ku, kerana pembohong kepada salah seorang daripada mereka adalah pembohong kepada semua para wali-Ku. Ali adalah wali-Ku, dan pembantu-Ku.

Siapa yang Aku meletakkan ke atasnya tanggungan kenabian atau Aku mengujinya dengan kekuatan tersebut, akan dibunuh oleh jin yang sombong, di kapankan di bandar yang telah dibina oleh hamba yang soleh (Dhu l-Qurnain) di sisi sejahat-jahat makhluk-Ku. Aku akan menggembirakannya dengan Muhammad anak lelakinya, khalifahnya selepasnya, dan pewaris ilmu-nya. Lantaran itu, beliau adalah galian ilmu-Ku, dan tempat simpan ilmu-Ku, dan hujah-Ku di atas makhluk-Ku. Aku telah menjadikan syurga tempat tinggalnya.

Aku telah memberi syafaat kepadanya bagi membolehkannya menyelamatkan tujuh puluh ribu keluarganya yang layak untuk ke neraka. Aku telah menamatkan kebahagiaan anak lelakinya Ali, wali-Ku dan penolong-Ku, dan saksi kepada makhluk-Ku, pemegang amanah wahyu-Ku. Aku akan mengeluarkan daripadanya seorang pendakwah kepada jalan-Ku dan penyimpan kepada ilmu-Ku al-Hasan, kemudian Aku menyempurnakannya selepasnya anak lelakinya (al-Mahdi) sebagai rahmat kepada alam semesta.

Di atasnya kesempurnaan Musa, kehebatan Isa dan kesabaran Ayyub. Para wali-Ku akan dihina pada zamannya, kepala-kepala mereka menunduk sebagaimana dilakukan oleh orang- orang Turki dan Dailam, mereka akan dibunuh, dibakar, mereka menjadi takut, bumi dimerahi dengan darah-darah mereka, penderitaan dan tangisan berlaku kepada perempuan-perempuan mereka, mereka itu adalah para wali-Ku yang sebenar, dengan mereka Aku menolak segala bala, dan fitnah yang buta, dengan mereka Aku menahan gegeran, dan dengan mereka Aku menolak bencana, ke atas mereka itu adalah selawat dan rahmat daripada Tuhan mereka, dan mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayat.

Abd al-Rahman bin Salim berkata: Abu Basir berkata: Sekiranya anda tidak mendengar hadis selain daripada hadis ini, nescaya ia

dengan mereka Aku menahan litergeran, dan dengan mereka Aku menolak bencana, ke atas mereka itu adalah selawat dan rahmat daripada Tuhan mereka, dan mereka adalah orang-orang yang mendapat hidayat.

Abd al-Rahman bin Salim berkata: Abu Basir berkata: Sekiranya anda tidak mendengar hadis selain daripada hadis ini, nescaya ia memadai bagi anda, lantaran itu, jagalah hadis ini melainkan kepada ahlinya[237].

Mukjizat Amir al-Mukminin A.S

Muhammad bin Ali telah memberitahu kami daripada bapanya daripada Ali bin Ibrahim bin Hasyim daripada bapanya daripada Ibn Abu Umair daripada Abban Ahmar berkata: Al-Sadiq a.s berkata: Wahai Abban, bagaimana orang ramai mengingkari kata-kata Amir al-Mukminin a.s manakala beliau berkata: Jika aku mahu, nescaya aku mengangkat kaki aku ini bagi memukul dada Mu'awiyah bin Abu Sufyan di Syam, justeru itu aku membalikkannya dari katilnya* tetapi mereka tidak mengingkari pengambilan Asif ; wasi Sulaiman, akan singgahsana Balqis dan membawanya kepada Sulaiman sebelum berkelip matanya, tidakkah Nabi kita sebaik-baik para nabi dan wasi kita sebaik-baik wasi? Kenapakah mereka tidak menjadikannya (Ali a.s) seperti wasi Sulaiman? Allah telah menghukum di antara kita dan mereka yang mengingkari hak kami, dan mengingkari kelebihan kami[238].

Ahmad bin Abdullah daripada Abdullah bin Muhammad al-'Abasi berkata:Ahmad bin Salmah telah memberitahu aku daripada al-A'masy daripada Ziad bin Wahab daripada Abdullah bin Mas'ud berkata: Aku telah mendatangi Fatimah a.s, maka aku berkata kepadanya: Di manakah suami anda? Beliau berkata: Jibrail a.s telah naik ke langit bersama-samanya. Aku berkata: Kenapa? Beliau berkata: Beberapa malaikat telah berselisih faham tentang sesuatu, maka mereka telah bertanya hukum daripada manusia, maka Allah telah mewahyukan kepada mereka supaya membuat pilihan. Lantas mereka memilih Ali bin Abu Talib a.s[239].

Muhammad bin Ali berkata: Bapa aku telah memberitahu aku daripada Sa'd bin Abdullah daripada al-Hasan bin Musa daripada Ismail bin Mihran daripada Ali bin Uthman daripada Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya para nabi, anak-anak para nabi, dan pengikut-pengikut para nabi dikhususkan dengan tiga sifat: Kesakitan di badan, takut kepada pemerintah, dan kefakiran.

---

237 Al-Saduq, *Kamal al-Din*, hlm. 178

238 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, v, 360

239 *Ibid*, ix, 379

Sujud Matahari Kepada Allah

Muhammad bin Ahmad al-'Alawi berkata: Ahmad bin Ziad telah memberitahu kami daripada Ali bin Ibrahim daripada Muhammad ibn Isa bin Ubaid daripada Yunus bin Abd al-Rahman daripada Abu al-Sabah al-Kinani berkata: Aku telah bertanya Abu Abdullah tentang firman-Nya Surah al-Hajj (22):18 *'Apakah kamu tiada mengetahui, bahawa kepada Allah sujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohonan, binatang-binatang yang melata dan sebahagian besar daripada manusia?*

Beliau a.s berkata: Sesungguhnya bagi matahari tiga sujud setiap hari dan malam, beliau berkata: Sujud pertama apabila falak keluar dari bumi apabila anda melihat warna putih bersinar memanjang sebelum naik fajar, aku berkata: Ya, aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, beliau berkata: Itulah fajar *al-Kadhib,* kerana matahari keluar di dalam keadaan sujud berada berdekatan bumi, dan apabila ia naik dari sujudnya, fajar naik dan masuklah waktu solat. Adapun sujud kedua apabila ia berada berdekatan Arasy, ia menjadi tidak berfungsi *(rakadat)*, kerana melakukan sujud. Apabila ia naik dari sujudnya, maka masuklah waktu gelincir. Adapun sujud ketiga apabila ia ghaib dari ufuknya di dalam keadaan sujud. Apabila ia naik dari sujudnya, maka datanglah malam[240].

Hikayat Menakjubkan Tentang Infak

Muhammad bin Ali daripada bapanya daripada Muhammad bin Abual-Qasim daripada Muhammad bin Ali al-Kufi daripada Muhammad bin Sinan daripada Ali bin Jamil al-Ghanawi daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Seorang lelaki daripada anak-anak para nabi yang mempunyai harta telah membelanjakan hartanya kepada orang-orang yang lemah, miskin dan berhajat. Kemudian tidak lama selepas itu, beliau mati, isterinya telah mengambil alih di dalam pengurusan hartanya sebagaimana dilakukan olehnya. Kemudian harta telah kehabisan. Seorang anak lelakinya semakin membesar. Beliau selalu berdoa untuk kebaikan bapanya. Pada suatu hari, beliau datang kepada ibunya dan berkata: Apakah keadaan bapa aku? Sesungguhnya aku tidak melalui seorang melainkan aku memintanya supaya beliau berdoa kepada bapa aku, ibunya berkata: Sesungguhnya bapa anda adalah seorang lelaki yang soleh.

Beliau telah mempunyai harta yang banyak, beliau telah membelanjakan hartanya kepada orang-orang yang lemah, miskin dan yang berhajat, apabila beliau mati, aku telah mengambil-alih

---

240 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xiv, 129

pengurusan hartanya dan akhirnya hartanya telah kehabisan. Anak lelakinya berkata: Bapa aku akan diberi pahala apa yang beliau belanjakan sedangkan anda adalah seorang yang berdosa, ibunya berkata: Kenapakah begitu wahai anak lelakiku? Beliau berkata: Bapa aku telah membelanjakan hartanya sementara anda membelanjakan harta orang lain. Beliau berkata: Anda memang benar wahai anak lelakiku, dan aku tidak terfikir anda menyusahkan aku. Beliau berkata: Anda di dalam lapangan yang luas. Adakah anda mempunyai sesuatu di mana kita boleh mendapatkan pahala di sisi-Nya? Lantas ibunya memberikan kepadanya seratus dirham, lalu beliau mengambilnya, kemudian beliau keluar bagi mendapatkan pahala di sisi Allah.

Beliau telah melalui seorang mayat lelaki di tengah jalan di dalam keadaan baik dan berkata: Aku tidak mahu perniagaan selepas ini, aku mengambilnya, memandikannya, mengapannya dan mengerjakan solat ke atasnya, serta meletaknya di dalam kubur, maka beliau telah melakukannya dan membelanjakan sebanyak lapan puluh dirham, dan masih berada di sisinya sebanyak dua puluh dirham. Maka beliau keluar untuk mendapat pahala dengan wang tersebut tiba-tiba seorang lelaki berhadapan dengannya dan berkata: Ke manakah tujuan anda wahai Abdullah? Beliau berkata: Aku mahu mencari pahala, beliau berkata:Apakah perkara yang anda miliki bagi mencari pahala?

Beliau berkata: Bersama aku ada dua puluh dirham, beliau berkata: Apa yang anda dapat lakukan dengan dua puluh dirham itu? Beliau berkata: Apabila Allah mahu memberi keberkatan di dalam sesuatu perkara, maka Dia memberkatinya, beliau berkata: Anda memanglah benar, beliau berkata: Aku akan menunjukkan caranya dan adakah anda akan bersepakat dengan aku? Beliau berkata: Ya, beliau berkata: Penghuni rumah ini menghendaki anda menjadi tetamunya selam tiga hari, maka terimalah kehendaknya.

Dan setiap kali khadamnya datang kepada anda, beliau akan membawa bersama-samanya seekor kucing jantan berwarna hitam, maka anda katakan kepadanya: Anda juallah kucing ini dengan bersungguh-sungguh, maka anda seolah-olah memaksanya dan beliau akan berkata: Aku menjualnya kepada anda dengan dua puluh dirham, dan apabila beliau menjualnya kepada anda, maka berilah kepadanya dua puluh dirham, anda ambillah, dan sembelihlah, kemudian ambil kepalanya, dan bakarnya, kemudian ambillah otaknya (*dimagh*), dan pergilah ke bandar berjumpa dengan seorang raja, kerana raja mereka adalah seorang yang buta, anda beritahu mereka bahawa anda akan mengubatinya (*tu'aliju-hu*), dan janganlah anda terasa takut apabila anda melihat mereka yang telah dibunuh dan ditahan olehnya kerana kegagalan mereka mengubatinya.

Sebaliknya beritahu kepadanya bahawa anda akan mengubatinya dan mengenakan syarat rawatannya. Jangan merawatnya lebih daripada

satu kali, kerana beliau akan berkata kepada anda: Tambahkan lagi untuk aku. Justeru itu, janganlah anda melakukannya. Kemudian ubatilah beliau pada keesokannya, anda akan melihat apa yang anda suka, maka beliau akan berkata kepada anda: Tambahkan lagi untuk aku, maka anda jangan melakukannya. Apabila datang hari ke tiga, maka anda akan melihat perkara yang anda sukai, beliau akan berkata lagi kepada anda: Tambahkan lagi untuk aku, maka janganlah anda melakukannya. Apabila beliau telah melakukan apa yang disuruhnya, maka raja itu sembuh, dapat melihat, dan berkata: Anda telah mengembalikan penglihatan aku dan aku akan mengahwini anda dengan anak perempuan aku.

Beliau berkata: Aku masih mempunyai ibu, beliau berkata: Tinggallah bersama aku, dan apabila anda mahu keluar, maka keluarlah. Beliau telah tinggal di dalam pemerintahannya selama setahun melaksanakan pentadbirannya dengan baik. Apabila genap setahun, beliau berkata kepadanya: Aku mahu pulang ke kampungku, lalu disediakan kepadanya baju besi, unta betina, kambing, dan bermacam-macam peralatan. Kemudian beliau keluar sehingga sampai di tempat lelaki yang telah dijumpainya dahulu. Tiba-tiba lelaki tersebut masih di dalam keadaan seperti dahulu lagi, lalu beliau berkata: Adakah anda telah menyempurnakannya?

Lelaki itu berkata: Jadilah aku di dalam penyelesaian dahulu (tanpa penyelesaian). Beliau berkata: Kemudian beliau telah mengumpulkan beberapa perkara, dan membahagikannya kepada dua bahagian. Kemudian beliau berkata: Pilihlah, maka beliau telah diberi pilihan satu bahagian daripadanya, kemudian beliau berkata: Adakah anda telah menyempurnakannya? Beliau berkata: Tidak. Beliau berkata: Kenapa? Perempuan yang aku telah mendapatinya. Beliau berkata: Anda memang benar.

Ambillah apa yang ada di tangan aku untuk anda sebagai mengganti tempat perempuan itu, beliau berkata: Tidak, aku tidak akan mengambil apa yang tidak menjadi hak aku, dan aku tidak mahu menjadi kaya dengannya, beliau berkata: Beliau telah meletakkan gergaji di atas kepala perempuan itu, kemudian beliau berkata: potonglah, maka beliau berkata: Anda telah menyempurnakannya, Dan setiap apa yang ada bersama anda adalah untuk anda. Sesungguhnya aku diutus oleh Allah bagi memberi ganjaran kepada anda tentang mayat di atas jalan yang anda telah menyempurnakannya tempoh hari dan inilah sebagai ganjaran perbuatan anda ke atasnya[241].

Hadis al-Mufadhdhal Dan Kejadian Roh-Roh Syi'ah

---

[241] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 117

Muhammad bin Ali berkata: Muhammad bin Musa bin al-Mutawakkil telah memberitahu kepada aku berkata: Ali bin Ibrahim telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Isa bin Ubaid daripada Abu Ahmad al-Azadi daripada Abdullah bin al-Fadhl al-Hasyimi berkata: Aku telah berada di sisi Ja'far al-Sadiq a.s, tiba-tiba al-Mufadhdhal bin 'Umar datang, apabila beliau melihat kepadanya,beliau ketawa kepadanya, lalu berkata: Datang kepada aku wahai Mufadhdhal.

Demi Tuhanku, sesungguhnya aku benar-benar mencintai anda dan aku mencintai mereka yang mencintai anda, wahai Mufadhdhal, jika semua para sahabat aku mengetahui apa yang anda mengetahui, nescaya dua orang tidak akan berselisih faham, al-Mufadhdhal berkata kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah, sesungguhnya aku kira ramai yang telah mendapat kedudukan yang lebih daripada kedudukanku.

Beliau berkata: Malah, Allah telah mengurniakan kedudukan (*al-Manzila*) kepada anda, beliau berkata: Apakah kedudukan Jabir bin Yazid daripada kamu? Beliau berkata: Kedudukan Salman daripada Rasulullah s.a.w, apakah kedudukan Daud bin Kathir daripada kamu? Beliau berkata: Kedudukan al-Miqdad daripada Rasulullah s.a.w.

Beliau berkata: Kemudian beliau datang kepada aku sambil berkata: Wahai Abdullah bin al-Fadhl, sesungguhnya Allah a.w telah menciptakan kami daripada cahaya kebesaran-Nya, menjadikan kami dengan rahmat-Nya, dan Dia telah menjadikan roh-roh kamu daripada kami, lantaran itu, kami terasa kasih kepada kamu, dan kamu terasa kasih kepada kami, demi Tuhan, sekiranya penghuni timur dan barat bekerja keras untuk menambah pada syi'ah kami seorang lelaki atau mengurangkan seorang lelaki daripada mereka, nescaya mereka tidak mampu melakukannya, kerana mereka tertulis di sisi kami dengan nama-nama mereka, nama-nama bapa mereka, kabilah mereka dan keturunan mereka, wahai Abdullah bin al-Fadhl, jika anda mahu, nescaya aku memperlihatkan anda nama anda pada mashaf kami.

Beliau berkata: Kemudian beliau telah menyeru supaya dibawa mashaf kepadanya, lalu dibukakannya, maka aku telah mendapatinya putih, tanpa kesan tulisan, aku berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, aku tidak melihat kesan tulisan, beliau berkata: Beliau a.s telah menyapu tangannya ke atasnya, maka aku telah mendapatinya tertulis di bawahnya nama aku, lantas aku terus sujud kepada Allah kesyukuran[242].

Kemampuan Para Imam A.S

Ali bin Ismail bin Isa daripada Musa bin Talhah daripada Hamzah ibn Abdullah al-Ja'fi berkata: Aku telah memasuki rumah Abu al-Hasan

---

242 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 224

al-Ridha a.s bersama mashaf atau surat daripada Abu Abdullah a.s: Sesungguhnya dunia pada seorang imam bagaikan pecahan buah pala (*inna al-Dunya tamathathala li-sahib hadha al-Amri fi mithli filqati al-Jauz*) .Beliau berkata: Wahai Hamzah, ini demi Tuhan, adalah benar, pindahlah ia ke dalam bekas kulit[243].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab daripada Musa bin Sa'dan daripada Abdullah bin al-Qasim al-Hadhrami daripada Sama'ah bin Mihran berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya dunia bagi seorang imam bagaikan pecahan buah pala, tiada yang pelik baginya, beliau boleh mengambilnya dari berbagai-bagai sudut sebagaimana seorang daripada kamu boleh mengambil di atas hidangannya apa yang ia mahu.

Daripadanya, daripada Abdullah bin Muhammad, daripada mereka yang telah memberitahunya, daripada Muhammad bin Khalid al-Barqi daripada Hamzah bin Abdullah al-Ja'fari berkata: Aku telah menulis di belakang kertas bahawa dunia bagi seorang imam bagaikan sebiji buah pala yang dipecahkan. Maka aku telah mengutusnya kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, aku berkata kepadanya: Sesungguhnya para sahabat kita telah meriwayatkan sebuah hadis di mana aku tidak mengingkarinya, tetapi aku suka mendengarnya daripada anda. Beliau berkata: Beliau a.s telah melihat kepada kertasnya, kemudian melipatkannya sehingga aku menyangka ia telah terkoyak, kemudian beliau berkata: Ia adalah benar, lalu beliau memindahkannya ke dalam bekas kulit, segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam.

Himpunan Kebaikan Dunia Dan Akhirat

Amir al-Mukminin a.s berkata: Himpunan kebaikan dunia dan akhirat adalah di dalam penyembunyian rahsia, dan persahabatan dengan orang-orang yang terpilih.

Himpunan kejahatan adalah di dalam pendedahan rahsia, dan persahabatan dengan orang-orang yang jahat[244].

Dua Jenis Kesabaran

Beliau a.s berkata: Kesabaran ada dua: Kesabaran ketika musibah adalah kesabaran yang baik, dan yang lebih besar daripada itu adalah mengingati Allah ketika berdepan dengan apa yang telah diharamkan Allah, maka ia akan menjadi pendinding[245].

---

243 *Ibid*, vii, 269
244 *Ibid*, xvi, 137
245 *Ibid*, xv, 15

Celaan Tidur Keterlaluan

Rasulullah s.a.w bersabda: Jauhilah kamu dari tidur yang keterlaluan, kerana keterlaluan tidur akan menjadikan seorang itu fakir pada hari Kiamat[246].

Hadis Tentang Waktu-Waktu Makruh Jimak

Muhammad bin Ali daripada bapanya daripada Sa'd bin Abdullah daripada Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab daripada Muhammad bin Aslam al-Jili daripada Abd al-Rahman bin Salim al-Asyall daripada bapanya daripada Abu Ja'far a.s berkata: Aku berkata kepadanya: Adakah waktu tertentu yang menjadikan jimak makruh sekalipun ia adalah halal? Beliau berkata: Ya, di antara naik fajar sehingga naik matahari, daripada lenyapnya matahari kepada lenyapnya syafak, pada hari gerhana matahari, pada malam gerhana bulan, di siang dan malam ketika wujudnya angin hitam atau angin merah atau angin kuning.

Di hari dan malam yang berlakunya gegaran bumi, Rasulullah s.a.w telah bermalam bersama salah seorang isterinya di malam berlakunya gerhana bulan tanpa melakukan jimak sehingga pagi, isterinya berkata: Wahai Rasulullah, kemarahan berlaku pada anda pada malam ini? Beliau bersabda: Tidak, tetapi gerhana bulan telah terserlah pada malam ini, maka aku tidak suka persetubuhan pada malam ini, sesungguhnya Allah telah menghina beberapa kaum terdahulu, Dia berfirman di dalam Surah al-Tur(52):44 " *Jika mereka melihat sebahagian dari langit gugur, mereka akan mengatakan:Itu adalah awan yang bertindih-tindih. Maka biarlah mereka sehingga mereka menemui hari mereka yang pada hari itu mereka dibinasakan*"

Kemudian Abu Ja'far a.s berkata: Demi Tuhan, seorang tidak akan menjimak isterinya pada waktu-waktu tersebut sehingga beliau dikurniakan anak yang dicintainya[247].

Doa Dapat Menolak Apa Yang Ditetapkan

Daripada Abd al-Rahman bin Abu Najran daripada Hisyam bin Salim daripada 'Umar bin Yazid berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Doa dapat menolak apa yang telah ditetapkan, dan apa yang belum ditetapkan(al-*Du'a yaruddu ma quddira wa ma lam yuqaddar*). Beliau berkata: Adapun apa yang telah ditetapkan anda telah

---

246 *Ibid*

247 Al-Kulaini, *al-Kafi*, v, 198

mengetahuinya, bagaimana dengan apa yang belum ditetapkan? Beliau berkata: Sehingga ia tidak akan terjadi[248].

Mulailah Sedekah Dengan Mereka Dibawah Tanggungan Anda

Daripadanya, daripada Hisyam bin Salim daripada Hasan bin Ali al-Jalal berkata: Datuk aku telah memberitahu kepada aku berkata: Aku telah mendengar al-Husain bin Ali a.s berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Mulailah sedekah dengan mereka di bawah tanggungan anda (*ibda' bi-man ta'ul*); ibu mu, bapa mu, saudara perempuannya, dan saudara lelaki mu, kemudian mereka yang lebih rendah dan seterusnya, dan beliau s.a.w bersabda lagi: Tidak ada sedekah selama kerabat terdekat masih berhajat (*La sadaqata wa dhu rahimi muhtajun*)

Mukjizat Amir al-Mukminin A.S

Safwan, daripada Abu al-Sabah al-Kinani telah menyangka bahawa beliau seorang penjalin rambut telah memberitahunya bahawa beliau telah berjalan bersama-sama Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s menuju Karbala' dan telah mengalami dahaga yang amat sangat. Sesungguhnya Ali a.s telah berhenti di suatu tempat, lalu menggali tanah dengan tangannya sehingga terserlah batu berwarna putih, lantas beliau membawanya, dan meletakkannya di suatu sudut, tiba-tiba di bawahnya terpancar mata air berwarna putih, maka beliau meminumnya, dan kami pun ikut meminumnya, kemudian kami memberi minum binatang-binatang ternakan kami, kemudian beliau meratakan tanahnya. Beliau telah meneruskan perjalanannya beberapa ketika kemudian beliau berdiri sambil berkata: Aku berazam ke atas kamu apabila kamu pulang nanti, kamu mencarinya (batu putih).Orang ramai telah mencarinya sehingga mereka menjadi jemu, tetapi mereka tidak mampu mendapatinya, lantas mereka kembali kepada Amir al-Mukminin a.s, dan berkata: Kami tidak mampu mendapatinya[249].

Sekutu Syaitan

Abu Ja'far daripada bapanya daripada al-Husain bin Muhammad bin 'Amir daripada bapa saudaranya Abdullah bin 'Amir daripada Muhammad bin Ziad daripada Saif bin 'Umairah berkata: Ja'far bin Muhammad a.s berkata: Barangsiapa yang tidak peduli apa yang beliau katakan dan apa ang dikatakan kepadanya, maka beliau adalah sekutu

[248] Al-Kulaini, *al-Kafi*, v, 498
[249] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix , 575

syaitan, dan barangsiapa cintakan perkara haram, dan syahwat zina, maka beliau adalah sekutu syaitan[250].

Alamat-Alamat Anak Zina

Kemudian beliau a.s berkata: Alamat-alamat anak zina. Pertama: Membenci kami Ahlu l-Bait. Kedua: Cinta kepada perkara yang haram di mana beliau dijadikan daripadanya. Ketiga: Meringan-ringankan agama. Keempat: Buruk pada pandangan orang ramai, tetapi tidak buruk pada saudara-saudaranya melainkan mereka yang dilahirkan bukan daripada hamparan bapanya atau mereka yang telah dikandungkan oleh ibunya di dalam haidnya[251].

Empat Puluh Perisai Ke Atas Hamba Mukmin

Dengan sanad-sanad ini beliau berkata: al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya bagi Allah s.w.t ke atas hamba-Nya yang mukmin empat puluh perisai, apabila beliau melakukan dosa besar, maka diangkatkan daripadanya satu perisai, apabila beliau mengumpat terhadap saudaranya mukmin dengan suatu perkara yang beliau mengetahuinya daripadanya, maka terbukalah perisai-perisai tersebut daripadanya, dan terdedah penghormatannya di langit di lidah para malaikat, dan di bumi di lidah manusia, apabila beliau melakukan dosa, mereka menyebutnya, dan para malaikat akan berkata: Wahai Tuhanku, hamba Engkau masih melanggar batas sedangkan Engkau telah memerintahkan kami menjaganya, Allah akan berfirman:Wahai malaikat-Ku, jika aku mahu hamba ini kebaikan, nescaya Aku tidak mendedahkan keburukannya. Justeru itu, angkatlah sayap-sayap kamu daripadanya, maka dengan kemuliaan-Ku, dia tidak akan melakukan selepasnya kebaikan selama-lamanya.

Ketakjuban Diri Dan Akibatnya

Abu Ja'far berkata: Muhammad bin Musa bin al-Mutawakkil telah memberitahu aku, berkata: Ali bin Ibrahim bin Hasyim telah memberitahu kami daripada bapanya daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr al-Bazantiy daripada Abd al-Karim bin Umru daripada Abu al-Rabi' al-Syamiy berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Barangsiapa yang takjub dengan dirinya, akan binasa (*man a'jaba bi-nafsi-hi halaka*), dan barangsiapa yang takjub dengan pendapatnya, akan binasa (*man a'jaba bi-ra'yihi halaka*).

---

250 Al-Saduq, *Ma'ani al-Akhbar*, hlm.113

251 *Ibid*

Sesungguhnya Isa bin Maryam berkata: Aku telah mengubati pesakit, maka aku telah menyembuhkan mereka dengan izin Allah, aku telah menyembuhkan orang buta, dan orang yang berpenyakit sopak, dan aku menghidupkan orang mati dengan izin Allah. Aku telah mengubati orang yang mati, maka aku telah menghidupkan mereka dengan izin Allah, dan aku telah mengubati *al-Ahmaq* (si bodoh), tetapi aku tidak mampu memperbaikinya, ada orang bertanya: Wahai Roh Allah, apakah *al-Ahmaq*? Beliau berkata: Orang takjub dengan dirinya dan pendapatnya yang melihat kelebihan semuanya untuknya, dan bukan ke atasnya, mewajibkan kebenaran untuk dirinya, dan tidak mewajibkan kebenaran ke atas dirinya, maka itu adalah *al-Ahmaq* yang tidak ada cara untuk mengubatinya.

Muhammad bin Ali berkata: Muhammad bin Musa bin al-Mutawakkil telah memberitahuku, berkata: Abdullah bin Ja'far telah memberitahuku, berkata: Ahmad bin Muhammad telah memberitahuku daripada bapanya berkata: Abu Ahmad al-Azadi telah memberitahuku daripada Abban bin Taghlab berkata: Sa'd al-Khaffaf telah memberitahuku daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah bertanya Amir al-Mukminin Ali bin Abu Talib a.s tentang Salman al-Farisi-*rahmatullah*-Aku berkata: Apa pendapat anda tentangnya? Aku tidak memberi pendapat tentang seorang lelaki yang telah diciptakan dari tanah kami (*tinati-na*), rohnya disertai dengan roh kami.

Allah telah mengkhususkan ilmu kepadanya pada awalnya dan akhirnya, zahirnya dan batinnya, rahsianya dan terangnya, aku telah hadir di hadapan Rasulullah s.a.w sedangkan Salman di hadapannya. Tiba-tiba seorang lelaki Badwi telah masuk dan mengusirnya dari tempatnya, lalu duduk di tempatnya, lantas Rasulullah s.a.w telah menjadi marah sehingga peluhnya mengalir dari dua matanya, kemudian kedua-dua matanya menjadi merah, beliau bersabda: Wahai Badwi, adakah anda mengusir seorang lelaki yang dicintai Allah di langit, dan dicintai oleh Rasul-Nya di bumi? Wahai Badwi, adakah anda mengusir seorang lelaki di mana Jibrail tidak datang kepada aku melainkan beliau memerintahkan aku daripada Tuhanku menyampaikan salam kepadanya. Wahai Badwi, sesungguhnya Salman adalah daripada aku. Barangsiapa yang tidak melayaninya, maka beliau tidak melayani aku. Barangsiapa yang telah menyakitinya, maka beliau telah menyakiti aku. Barangsiapa yang telah menjauhkannya, maka beliau telah menjauhkan aku. Barangsiapa yang telah mendekatinya, maka beliau telah mendekati aku. Wahai Badwi, janganlah anda mengasari Salman, kerana Allah telah memerintah aku supaya aku memperlihatkannya ilmu masa depan, ilmu tentang bala, keturunan, dan percakapan.

Beliau berkata: Badwi berkata: Wahai Rasulullah s.a.w, aku tidak menyangka perbuatan Salman sampai kepada peringkat yang anda

sebutkan, tidakkah beliau seorang majusi kemudian memasuki Islam? Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai Badwi, aku sedang bercakap kepada anda sekarang daripada Tuhanku, dan anda bercakap kepadaku. Sesungguhnya Salman bukanlah seorang majusi, tetapi beliau adalah seorang yang melahirkan syirik, tetapi merahsiakan imannya. Wahai Badwi, tidakkah anda mendengar Allah berfirman di dalam Surah al-Nisa' (4) :65 "*maka demi Tuhanmu, mereka tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan. Kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya*".

Tidakkah anda mendengar firman-Nya Surah al-Hasyr (59) :7 "*Apa yang diberikan Rasul kepada kamu, maka terimalah dia.Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggallah*"

Wahai Badwi, ambillah apa yang aku telah berikan kepada anda, nescaya anda di kalangan mereka yang bersyukur, janganlah anda mengingkari, nescaya anda di kalangan mereka yang akan diseksa, terimalah Rasulullah s.a.w dan sabdanya, nescaya anda di kalangan mereka yang aman sejahtera.

Tentang Salman, Abu Dhar, al-Miqdad Dan Ammar

Daripadanya berkata: Muhammad bin Ali telah memberitahu kami daripada bapa saudaranya Muhammad bin Abu al-Qasim berkata: Ahmad bin Muhammad bin Khalid telah memberitahu aku, berkata: Ibn Abu Najran telah memberitahu aku daripada al-'Ala' daripada Muhammad bin Muslim daripada Abu Ja'far Muhammad bin Ali al-Baqir a.s berkata: Aku telah mendengar Jabir bin Abdullah al-Ansari berkata: Aku telah bertanya Rasulullah s.a.w tentang Salman al-Farisi, beliau bersabda: Salman adalah lautan ilmu yang tidak mampu diharungi, Salman dikhususkan dengan ilmu awal dan akhir. Allah memarahi mereka yang memarahi Salman, mencintai mereka yang mencintainya.

Aku berkata: Apakah pendapat anda tentang Abu Dhar? Beliau bersabda:Itu adalah daripada kami. Allah memarahi mereka yang memarahinya, Allah mencintai mereka yang mencintainya, aku berkata: Apakah pendapat anda tentang al-Miqdad? Beliau berkata: Itu adalah daripada kami. Allah memarahi mereka yang memarahinya, Allah mencintai mereka yang mencintainya, aku berkata: Apakah pendapat anda tentang 'Ammar? Beliau bersabda: Itu adalah daripada kami, Allah memarahi mereka yang memarahinya, Allah mencintai mereka yang mencintainya, Jabir berkata: Aku keluar bagi memberitahu berita gembira kepada mereka. Apabila aku berpaling, beliau s.a.w bersabda: Datang kepada aku wahai Jabir, anda adalah daripada kami. Allah memarahi mereka yang memarahi anda, Allah mencintai mereka yang mencintai anda.

Beliau berkata: Aku berkata: Apakah pendapat anda tentang Ali bin Abu Talib a.s? Beliau bersabda: Beliau adalah diri aku, aku berkata: Apakah pendapat anda tentang al-Hasan dan al-Husain a.s. Beliau bersabda: Mereka berdua adalah roh aku, dan Fatimah adalah ibu mereka berdua adalah anak perempuan aku, ia akan menyakiti aku apa yang telah menyakitinya, menggembirakan aku apa yang menggembirakannya, aku naik saksi, sesungguhnya aku berperang dengan orang-orang yang memerangi mereka, berdamai dengan orang-orang yang berdamai dengan mereka. Wahai Jabir, apabila anda ingin berdoa kepada Allah, dan doa anda dimakbulkan, maka serulah dengan nama-nama mereka, kerana nama-nama mereka adalah paling dicintai oleh Allah a.w[252].

Hadis Tentang Doa Dan Waktu-Waktunya

Daripada Muhammad bin Muslim daripada Abu Abdullah a.s berkata:Datuk aku s.a.w bersabda: Sila berdoa kerana seorang hamba apabila berdoa, kemudian turun bala, lalu dikatakan kepadanya: Suara yang lembut. Apabila beliau tidak berdoa, kemudian turun bala, lalu dikatakan kepadanya: Di manakah anda sebelum hari ini (dengan suara nyaring)?[253]

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang tidak memohon kepada Allah daripada kelebihan-Nya, beliau akan menjadi fakir.

Dan beliau a.s berkata: Doa dimakbulkan pada empat tempat: Di dalam solat witir, selepas naik matahari, selepas zuhur dan selepas maghrib[254].

Hadis Tentang Para Imam A.S

Daripadanya, berkata: Muhammad bin Musa bin al-Mutawakkil telah memberitahu kami daripada Muhammad bin Abu Abdullah al-Kufi daripada Musa bin Imran daripada bapa saudaranya (*'amm-hu*) al-Husain bin Yazid daripada Ali bin Salim daripada bapanya daripada Sa'd bin Tarif daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah mendengar Ibn Abbas berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Menyebut Allah s.w.t adalah ibadat, menyebut aku adalah ibadat, menyebut ke atasku adalah ibadat, menyebut para imam daripada anak-anaknya adalah ibadat.

Demi Yang telah mengutus aku dengan kenabian, dan telah menjadikan aku sebaik-baik manusia sesungguhnya wasi aku adalah sebaik-baik wasi, sesungguhnya beliau adalah hujah Allah ke atas

---

[252] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vi , 784
[253] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 472
[254] *Ibid*, 477

hamba-Nya, khalifah-Nya ke atas makhluk-Nya, dan daripada anak-anaknya para imam yang memberi petunjuk selepas aku, dengan merekalah Allah menahan azab daripada penduduk bumi, dengan merekalah Allah memegang langit dari jatuh ke atas bumi dengan izin-Nya, dengan merekalah Dia memegang bukit dari condong, dengan merekalah Dia menurunkan hujan ke atas makhluk-Nya, dengan merekalah Dia mengeluarkan tumbuh-tumbuhan.

Merekalah para wali Allah yang sebenar,dan khalifah-khalifah aku yang sebenar. Bilangan mereka adalah seperti bilangan bulan-bulan iaitu dua belas bulan. Bilangan mereka adalah seperti bilangan para *naqib* Musa bin Imran, kemudian beliau s.a.w membaca Surah al-Buruj (85):1 "*Demi langit yang mempunyai gugusan bintang*" Kemudian beliau bersabda: Adakah anda wahai Ibn Abbas menetapkan bahawa Allah telah bersumpah dengan langit yang mempunyai gugusan bintang? Aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w apakah itu? Beliau s.a.w bersabda:Adapun *al-Sama'* (langit) adalah aku. Adapun *al-Buruj* (gugusan bintang) adalah para imam selepas aku, yang awal mereka adalah Ali dan yang akhir mereka adalah al-Mahdi a.s[255].

Hadis Tentang Ziarah Mukmin Kerana Allah

Daripada 'Umru bin Syamar daripada Jabir daripada Abu Abdullah al-Sadiq a.s berkata: Malaikat telah memohon izin Tuhannya untuk turun ke bumi di dalam bentuk seorang manusia, lalu Dia telah mengizinkannya. Kemudian beliau melalui seorang lelaki di pintu rumahnya bertanyakan tentang seorang lelaki daripada penghuni rumah, malaikat berkata: Wahai hamba Allah, apakah yang anda mahu daripada lelaki yang anda sedang mencarinya? Beliau berkata: Beliau adalah saudara aku di dalam Islam, aku telah mencintainya kerana Allah, aku datang kerana ingin mengucapkan salam kepadanya, beliau berkata: Tiada pertalian darah di antara anda dan beliau, dan bukan pula kerana sesuatu hajat? Beliau berkata: Tidak, melainkan cinta kerana Allah, aku datang kerana ingin mengucapkan salam kepadanya, beliau berkata: Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada anda dan Dia berfirman: Aku telah mengampuni kamu kerana cinta kamu kepadanya kerana-Ku."

Daripadanya beliau berkata: Muhammad bin al-Hasan telah memberitahu kami, berkata: Sa'd bin Abdullah telah memberitahu kami daripada Ahmad bin Muhammad daripada al-Hasan bin al-Mahbub daripada Salih bin Sahal al-Hamdani berkata: Al-Sadiq a.s berkata: Seseorang muslim yang telah ditanya tentang muslim, lalu beliau membenarkannya, dan akibatnya muslim itu mendapat kemudaratan,

255 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 161

maka beliau ditulis di sisi Allah di kalangan pendusta, dan siapa yang telah bertanya tentang muslim, lalu beliau berbohong mengenainya, akibatnya muslim itu mendapat manfaat, maka beliau ditulis di sisi Allah di kalangan mereka yang benar.

Kebaikan Dunia Dan akhirat

Dan al-Sadiq a.s berkata: Bapa aku telah memberitahuku daripada bapanya a.s berkata: Seorang lelaki dari Kufah telah menulis surat kepada Abu al-Husain bin Ali a.s wahai *sayyidi*, beritahuku kebaikan dunia dan akhirat, maka beliau a.s menulis: *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim.Amma ba'du*, adapun kemudian daripada itu barangsiapa yang menuntut keredaan Allah dengan kemarahan manusia, Allah akan memadainya dengan urusan manusia. Barangsiapa yang menuntut keredaan manusia dengan kemarahan Allah, maka Allah mewakilkannya kepada manusia, wassalam.

Amir al-Mukminin a.s berkata tentang firman-Nya di dalam Surah al-Rahman (55) : 60 *"Tidak ada balasan kebaikan melainkan kebaikan"* Beliau berkata: Kami telah mendengar Nabi s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah s.w.t bermaksud: Tidak ada balasan bagi mereka yang Aku telah mencucuri nikmat tauhid ke atasnya melainkan syurga.

Kelebihan Akhlak Yang Baik

Rasulullah s.a.w bersabda: Jika kamu tidak dapat berkhidmat kepada orang ramai dengan harta kamu, maka berkhidmatlah kepada mereka dengan akhlak kamu.

Rasulullah s.a.w bersabda: Akhlak adalah pemberian daripada Allah a.w. Apabila Dia mencintai seorang hamba, maka Dia mengurniakannya akhlak yang baik, dan apabila Dia memarahi seorang hamba, maka Dia akan mengurniakannya akhlak yang buruk.

Celaan Kepada umpat-umpatan Dan Pendedahan Aurat Muslimin

Beliau berkata: Amir al-Mukminin a.s telah melihat kepada seorang lelaki yang sedang mencela seorang lelaki di sisi al-Hasan a.s, lalu beliau a.s berkata: Wahai anak lelaki aku, bersihkan pendengaran anda daripada perkara seumpama ini, kerana beliau telah melihat kepada seburuk-buruk perkara di dalam bekasnya, lantaran itu kosongkan ia daripada bekas anda[256].

Beliau berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai orang yang memasuki Islam dengan lidahnya, tetapi imannya tidak sampai ke

---

[256] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 189

hatinya, janganlah kamu mencela mukminin dan mendedahkan aurat mereka, kerana orang yang mendedahkan aurat mukminin, Allah akan mendedahkan auratnya pula.

Celaan Kepada Pembohongan, Mungkir Janji Dan Khianat

Daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Abu Ja'far al-Baqir a.s berkata: Barangsiapa yang telah mengetahui seorang hamba daripada hamba Allah berbohong apabila beliau bercakap, mungkir janji apabila beliau berjanji, khianat apabila beliau diamanahkannya. Kemudian beliau menyampaikan amanah kepadanya pula, maka adalah berhak ke atas Allah mengujinya dengan bala mengenainya, kemudian Dia tidak meninggalkannya di atas perbuatannya, dan tidak memberi pahala kepadanya.

Empat perkara Di Dalam Taurat

Daripada Rifa'ah daripada Abu Abdullah a.s berkata: Beliau berkata: Empat perkara besar, dan empat perkara kecil ditulis di dalam Taurat. Pertama: Barangsiapa menyambut waktu pagi di dalam keadaan dukacita (*hazinan*), bererti beliau menyambut Allah di dalam keadaan marah (*sakhitan*). Kedua: Barangsiapa mengadu musibat yang telah menimpanya, maka sesungguhnya beliau mengadu kepada Tuhannya. Ketiga: Barangsiapa mendatangi seorang kaya, lalu beliau memperkecilkan sesuatu perkara bagi mendapatkan ganjaran daripadanya, nescaya hilang dua pertiga agamanya. Keempat: Barangsiapa memasuki neraka daripada umat ini yang membaca al-Qur'an, maka beliau adalah daripada mereka yang mengambil ayat-ayat Allah secara olok-olok. Empat perkara yang kecil: Anda akan dilakukan sebagaimana anda melakukannya.

Barangsiapa memiliki sesuatu, maka beliau tidak akan terasa cukup. Barangsiapa tidak pernah bermesyuarat, akan menyesal. Kefakiran adalah kematian yang paling besar[257]. Daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin Sinan daripada sebahagian para sahabatnya daripada Abu Jarud secara *marfu'* berkata: Amir al-Mukminin a.s berkata: Barangsiapa yang meletakkan dirinya di tempat tohmah, maka beliau tidak boleh mencela mereka yang menyangka jahat terhadapnya. Barangsiapa menyembunyikan rahsianya, maka kebaikan berada di tangannya, dan setiap percakapan melebihi dua orang akan tersebar. Letakkanlah urusan saudara anda di tempat yang paling baik sehingga datang kepada anda perkara yang dapat memenangkan anda.

---

[257] *Ibid,* xvii, 170

Janganlah anda menyangka apa yang keluar daripada saudara anda itu jahat semata-mata sedangkan anda akan mendapati kebaikan di dalamnya. Bersahabatlah dengan mereka yang benar,maka berusahalah untuk mendapatkan mereka. Bersedia ketika senang, dan menjadi cekal ketika susah. Bermesyuaratlah dengan mereka yang takutkan Allah. Cintailah saudara-saudara mengikut kadar ketakwaannya. Hati-hati dengan perempuan-perempuan jahat, walaupun yang terbaik di kalangan mereka. Jika mereka menyuruh kamu melakukan kebaikan, maka hadapi mereka sehingga mereka tidak tamak di dalam kemungkaran[258].

Umpatan Adalah Lebih Berat Daripada Zina

Rasulullah s.a.w bersabda:*al-Ghaibah* (mengumpat) adalah lebih berat daripada zina, ada orang bertanya: Kenapakah begitu wahai Rasulullah s.a.w? Beliau bersabda: Orang yang berzina bertaubat, maka Allah akan mengampuninya. Adapun orang yang mengumpat bertaubat, Allah tidak menerima taubatnya sehingga orang yang diumpat itu memaafinya.

Al-Sadiq atau al-Baqir a.s berkata: Seorang hamba itu lebih hampir kepada kekafiran apabila beliau mempersaudarakan seorang lelaki di atas dasar keagamaan, kemudian beliau menghitung kesilapan, dan kesalahannya bagi tujuan mendedahkannya pada suatu hari kelak[259].

Nasihat Abu Abdullah A.S Kepada Hamraan

Daripada Hisyam bin Salim berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata kepada Hamraan bin A'yan: Wahai Hamraan, lihatlah kepada mereka yang rendah daripada anda dari segi kemampuan, dan janganlah anda melihat kepada mereka yang lebih tinggi daripada anda dari segi kemampuan, kerana itu adalah lebih memanfaatkan anda dari kurniaan Allah kepada anda, dan lebih layak untuk anda mendapat kurniaan tambahan daripada Tuhan anda, dan ketahuilah bahawa amalan sedikit yang berterusan di atas keyakinan itu adalah lebih baik di sisi Allah dari amalan yang banyak tanpa keyakinan.

Ketahuilah bahawa tiada kewarakan yang lebih baik dari menjauhi apa yang diharamkan Allah a.w, dan menahan diri dari menyakiti mukminin, dan berbicara keburukan mereka. Tiada kehidupan yang lebih senang dari akhlak yang baik. Tiada harta yang lebih baik dari

[258] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvii , 125
[259] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 354

memadai apa yang dimiliki. Dan tiada kejahilan yang lebih parah dari ketakjuban diri.

Daripada al-Baqir a.s berkata: Kami telah mendapati di dalam kitab Ali bahawa Rasulullah s.a.w berkata kepada Ali a.s di atas mimbar: Demi Allah, tiada tuhan melainkan Dia bahawa mukmin tidak pernah dikurniakan kebaikan dunia dan akhirat melainkan mengikut sangkaan baiknya terhadap Allah a.w, dan menahan diri dari memburukkan mukmin. Demi Allah, tiada tuhan melainkan Dia bahawa Allah tidak akan menyeksa mukmin dengan seksaan selepas taubat dan istighfar kepada-Nya melainkan dengan sangkaan jahatnya terhadap Allah a.w, dan umpatannya kepada mukminin[260].

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang telah berkata tentang mukmin apa yang dilihat dua matanya, dan apa yang didengari dua telinganya, maka beliau adalah di kalangan mereka yang difirmankan Allah di dalam Surah al-Nur (24) :19 *"Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar perbuatan yang keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan di akhirat"*

Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang memakan harta saudaranya mukmin atau meminumnya, atau memakainya (secara haram), maka Allah akan memberi makanan kepadanya makanan dari neraka Jahanam, minuman dari neraka Hamim, dan memakaikannya pakaian dari pakaian neraka.

Barangsiapa yang telah meletakkan saudaranya mukmin di tempat yang hina, maka Allah akan meletakkannya di makam angkuh dan riak. Barangsiapa yang telah memperbaharui persaudaraan di dalam Islam, maka Allah akan membina baginya mahligai di syurga dari permata[261].

Rasulullah s.a.w bersabda: Sejahat-jahat manusia pada hari Kiamat adalah *al-Muthallath*. Ada orang bertanya kepadanya: Apakah itu *al-Muthallath*, wahai Rasulullah s.a.w? Beliau bersabda: Lelaki berjalan dengan saudaranya kepada imamnya, lalu membunuhnya, lantaran itu beliau membinasakan dirinya, saudaranya, dan imamnya[262].

Beliau s.a.w bersabda: *Al-Ghaibah* (mengumpat) adalah lebih cepat kepada jasad mukmin daripada pemakan dagingnya[263].

Beliau berkata: Rasulullah s.a.w apabila memberi khutbah, beliau bersabda pada akhirnya: Beruntunglah mereka yang baik akhlaknya, dan bersih tabiatnya, baik dalamannya, dan baik luarannya, berbelanja lebihan hartanya, menahan diri berlebihan di dalam percakapannya, dan memberi kesedaran kepada orang ramai melalui amalan dirinya.

---

260 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi , 189

261 *Ibid*

262 *Ibid*, 191

263 *Ibid*

Sebaik-Baik Ibadat Menjaga Kehormatan Perut Dan Kemaluan

Daripada Hamzah al-Thumali daripada Abu Ja'far al-Baqir, daripada Ali bin al-Husain a.s berkata: Sebaik-baik ibadat adalah menjaga kehormatan perut dan kemaluan, dan tidak ada perkara yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada doa, kerana doa dapat menolak penetapan yang telah ditetapkan (*abrama*). Kebaikan yang paling cepat adalah membuat baik, kejahatan yang paling cepat adalah balasan orang yang zalim. Cukuplah seorang itu menjadi malu (*'aib*) apabila beliau melihat keaiban orang lain tanpa melihat keaiban dirinya atau beliau menyakiti sahabatnya dengan perkara yang tiada kaitan dengannya atau beliau melarang manusia apa yang beliau sendiri tidak mampu meninggalkannya[264].

Rasulullah s.a.w bersabda: Umat aku yang paling ramai memasuki neraka adalah kerana perut dan kemaluan (*al-Farj*). Umat aku yang paling ramai memasuki syurga adalah kerana ketakwaan kepada Allah dan akhlak yang mulia.

Al-Sadiq a.s berkata: Empat alamat nifak: Keras hati, keras mata, berterusan melakukan dosa, tamak kepada dunia.

Rasulullah s.a.w bersabda: Janganlah kamu melihat kepada banyaknya solat mereka, puasa mereka, banyaknya haji dan zakat mereka, banyak melakukan perkara yang baik, berjaga malam, tetapi lihatlah kepada percakapan yang benar, dan pelaksanaan amanah.

Wasiat Amir al-Mukminin A.S Kepada Muhammad Bin al-Hanafiyyah

Daripada Abu Abdullah a.s berkata: Amir al-Mukminin a.s berkata di dalam wasiatnya kepada Muhammad bin al-Hanafiyyah: Ketahuilah bahawa lidah adalah anjing yang liar, jika anda membiarkannya, ia akan menggonggong, kadangkala satu kalimat yang diucapkan dapat menghilangkan nikmat, simpanlah lidah anda sebagaimana anda menyimpan emas dan wang anda. Barangsiapa yang tidak mempunyai sifat malu akan membawanya kepada perkara yang tidak diingini. Rasulullah s.a.w bersabda: Allah mencucuri rahmat ke atas seorang hamba yang benar-benar malu kepada-Nya, beliau menjaga kepalanya dan sekelilingnya, perut dan apa yang disimpannya, menyebut kubur dan bala, serta menyebut baginya Ma'ad di akhirat

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang meriwayatkan kepada saudaranya satu riwayat bagi tujuan menghinanya, dan merosakkan maruahnya, maka Allah akan meletakkannya di tanah Khubal (neraka) sehingga beliau meninggalkan apa yang dikatakannya.

---

264 Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii ,7

Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah menyebarkan *fahisyatan* (kejahatan) adalah seperti pelakunya. Barangsiapa yang telah menghina seorang mukmin dengan sesuatu, maka beliau tidak akan mati sehingga beliau melakukannya[265].

al-Sadiq a.s berkata: Apabila berlaku di antara anda dan saudara anda ketegangan, maka janganlah anda menghinanya dengan dosa.

Al-Baqir a.s berkata: Barangsiapa yang menahan dirinya dari kehormatan orang lain, maka Allah akan menjaga kehormatan dirinya pada hari Kiamat. Barangsiapa menahan kemarahannya daripada orang ramai, maka Allah akan menahan dirinya daripada azab pada hari Kiamat.

Daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Ali bin al-Husain a.s berkata: Sesungguhnya lidah manusia mengawasi anggota-anggotanya setiap hari dan berkata: Bagaimana kamu menyambut waktu pagi? Mereka akan berkata: Dengan baik jika anda meninggalkan kami. Dan mereka akan berkata kepada kami: Allah, Allah, pada kami, dan mereka berkata lagi: Kami diberi pahala dengan anda dan kami diseksa dengan anda.

Mu'awiyah bin Wahab berkata: Al-Sadiq a.s berkata: Bertindaklah kerana kebenaran, janganlah anda bentangkan apa yang tidak perlu, dan jauhilah apa yang tiada kaitan dengan anda. Jauhilah musuh anda, hati-hatilah tentang sahabat anda di kalangan mereka melainkan beliau seorang yang boleh dipercayai yang bertakwa kepada Allah. Janganlah anda bersahabat dengan orang yang jahat (*fajir*), dan janganlah anda membiarkannya melihat rahsia anda.

Al-Sadiq a.s berkata: Jauhilah anda bermusuhan dengan seseorang, kerana ia akan mewarisi malu, dan pendedahan aurat.

Al-Sadiq a.s berkata: Banyak bergurau akan menghilangkan air muka, dan banyak ketawa akan menyapu keimanan[266].

Enam Kalimat Bagi Salman

Daripada Abu Abdullah a.s berkata: Salman al-Farisi berkata: Aku menjadi hairan dengan enam perkara. Tiga perkara yang mentertawakan aku, dan tiga perkara yang membuatkan aku menangis. Adapun perkara yang membuatkan aku menangis adalah perpisahan dengan kekasih Muhammad s.a.w, penderitaan pada hari Kiamat, dan berdiri di hadapan Allah s.w.t. Adapun tiga perkara yang mentertawakan aku: Orang yang mengejar dunia sedangkan mati sedang mengejarnya. Orang lalai (*ghafil*), tetapi ia tidak dilupai, dan orang yang ketawa besar tidak mengetahui adakah Allah telah meredainya atau memarahinya.

---

265 Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 356

266 *Ibid*, 665

Al-Sadiq a.s berkata kepada Ishaq bin Ammar: Wahai Ishaq, layanilah munafik dengan lidah anda, lakukanlah keikhlasan anda kepada mukmin. Jika seorang Yahudi duduk di sisi anda, maka duduklah anda dengan baik bersama-samanya[267].

Amir al-Mukminin a.s telah berkata kepada anak lelakinya Muhammad bin al-Hanafiyyah: Janganlah anda berkata apa yang anda tidak tahu, dan janganlah anda berkata semua yang anda tahu.

Al-Sadiq a.s berkata: Janganlah anda tertipu oleh orang ramai tentang diri anda, kerana ia akan sampai kepada anda bukan mereka. Janganlah anda menghabiskan siang hari anda dengan itu dan ini, kerana bersama anda ada orang yang menjaga anda. Janganlah anda memperkecilkan kebaikan yang sedikit, kerana anda melihatnya besok boleh menggembirakan anda,janganlah anda memperkecilkan kejahatan yang sedikit, kerana anda akan melihatnya besok boleh mendukacitakan anda. Berbuat baiklah, kerana aku tidak melihat sesuatu yang lebih dituntut, dan lebih cepat didapati dari kebaikan bagi dosa yang lalu. Sesungguhnya Allah berfirman di dalam Surah Hud (11):114 " *Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu dapat menghapuskan perbuatan-perbuatan yang jahat. Itulah peringatan bagi orang-orang yang ingat* "

al-Sadiq a.s berkata: Dengarlah kamu semua percakapan daripada aku yang lebih baik daripada dirham-dirham yang mahal. Janganlah anda bercakap melainkan apa yang ada kaitan dengan anda. Tinggalkan percakapan yang banyak tentang anda sehingga anda mendapati tempat yang sewajarnya. Kadangkala seorang itu bercakap benar tetapi tidak pada tempatnya (*fa-rubba mutakallimin bi haqqin fi ghairi maudhi'i-hi*). Janganlah anda berhujah dengan orang yang bodoh, dan orang yang lemah lembut, kerana yang lemah lembut akan mengalahkan anda. Sementara yang bodoh akan memburukkan anda. Sebutlah saudara anda apabila beliau tidak berada di hadapan anda dengan sebaik-baik perkataan yang anda paling sukai disebut tentang anda sendiri apabila anda tidak berada di hadapannya. Ketahuilah inilah amalannya, dan beramallah amalan orang yang mengetahui bahawa beliau akan dibalas dengan kebaikan dan akan diambil tindakan dengan jenayah (*mujza bi l-Ihsan ma'khudhun bi l-Ajram*).

Mukmin Tidak Akan Menjadi Pembohong

Al-Hasan bin Mahbub berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah: Adakah mukmin menjadi seorang yang bakhil? Beliau berkata: Ya, beliau berkata: Aku berkata: Adakah beliau menjadi seorang pengecut (*jabbanan*)? Beliau berkata: Ya, aku berkata: Adakah

---

[267] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 43

beliau menjadi seorang pembohong *(kadhiban)*? Beliau berkata: Tidak, dan tidak pula bersifat dingin, kemudian beliau berkata: Seorang mukmin dari segi tabiatnya (seperti orang lain) boleh melakukan semua perkara selain dari pengkhianatan dan pembohongan[268].

Kelebihan Berdiam Diri

Daripada Abu Ja'far a.s berkata: Amir al-Mukminin a.s berkata: Kebaikan terkumpul pada tiga sifat: Perbincangan(*al-Nazar*), diam (*al-Sukut*), dan percakapan (*al-Kalam*). Semua perbincangan yang tidak mengandungi iktibar adalah suatu kelalaian (*sahwun*). Semua diam yang tidak mengandungi pemikiran adalah suatu kelupaan (*ghaflatin*). Dan semua percakapan yang tidak mengandungi peringatan adalah percakapan yang bodoh (*laghwun*). Maka beruntunglah orang yang perbincangannya menjadi iktibar, diamnya menjadi pemikiran, percakapannya menjadi peringatan. Beliau menangis di atas kesalahannya, dan orang ramai terselamat daripada kejahatannya.

Rasulullah s.a.w bersabda: Pembohong tidak berbohong melainkan menghina dirinya sendiri, dan asal ejekan (*sukhriyyah*) adalah memberi ketenangan kepada pembohong. Daripada Ja'far bin Muhammad daripada bapanya a.s berkata: Beruntunglah orang yang diamnya menjadi pemikiran, perbincangannya menjadi iktibar, daya usahanya menjadi rumahnya, menangis di atas kesalahannya,dan orang ramai terselamat daripada tangan dan lidahnya.

Al-Ridha a.s berkata: Alangkah baiknya diam (*al-Samt*) yang bukan kerana kurang keupayaan atau kelemahan diri. Daud al-Raqiy berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Diam adalah harta yang berharga, perhiasan bagi orang yang lemah lembut, dan penutup kejahilan.

Al-Ridha a.s berkata: Diam adalah satu pintu daripada pintu-pintu hikmat. Sesungguhnya diam akan mendapat kasih sayang, dan petanda kebaikan.

Beliau a.s berkata: Alamat kefahaman itu adalah lemah lembut, keilmuan, dan diam.

Furat bin Ahnaf berkata: Amir al-Mukminn a.s berkata: Berkorbanlah, tetapi janganlah untuk mendapat publisiti. Sembunyikan diri anda supaya tidak disebut. Belajarlah, dan sembunyikanlah. Diamlah, nescaya anda terselamat.

Beliau berkata: Amir al-Mukminin a.s telah memberi isyarat dengan tangannya kepada dadanya sambil berkata: Orang-orang yang baik bergembira dan orang-orang yang jahat meradang.

---

268 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 168

Al-Sadiq a.s berkata: Seorang mukmin ditulis baik selama beliau berdiam (*sakitan*). Apabila beliau bercakap, beliau ditulis baik atau jahat.

Beliau berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Seorang lelaki yang baik akan membawa khabar yang baik, dan seorang lelaki yang jahat akan membawa khabar yang jahat.

Daripada Daud al-Raqiy, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Beliau berkata: Wahai Daud, anda memasukkan tangan anda di mulut ikan paus sehingga ke pangkal lengan adalah lebih baik bagi anda dari memohon hajat anda kepada orang yang tidak menghargainya.

Daripada Ja'far bin Muhammad daripada bapanya daripada Amir al-Mukminin a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Beruntunglah orang yang telah meninggalkan syahwat semasa kepada masa yang beliau tidak melihatnya[269].

Daripada Abu Hamzah berkata: Aku telah mendengar Fatimah binti al-Husain a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:Tiga sifat orang yang sempurna imannya: Apabila beliau reda, maka redanya tidak akan memasukkannya dalam kebatilan. Apabila beliau marah, maka kemarahannya tidak akan mengeluarkannya daripada kebenaran, dan apabila beliau berkuasa, maka beliau tidak akan memberi perkara yang bukan miliknya[270].

---

269 Al-Hasan bin Ali bin Syu'bah al-Harani, *Tuhaf al-'Uqul*, hlm. 49
270 Al-Majlisi, *Buhar al-Anwar*, xvi, 125

BAHAGIAN KELAPAN

Para Imam selepas Nabi s.a.w, diazab enam dengan enam, khutbah Amir al-Mukminin a.s, dosa-dosa dan kesan-kesannya dan lain-lain.

Para Imam Selepas Nabi Kita Dua Belas Orang Cerdik

Daripada Abd al-Azia al-Qaratisi berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Para Imam selepas Nabi kita s.a.w adalah dua belas orang cerdik yang dikurniakan pengetahuan (*nujaba' mufhamun*). Barangsiapa yang mengurang atau menambah seorang daripada mereka, nescaya beliau terkeluar daripada agama Allah (*kharaja min dini-l-Lahi*), dan beliau bukanlah daripada wilayah kami.

Daripada al-Naufaliy daripada al-Sukuniy daripada Ja'far daripada bapanya daripada bapa-bapanya a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah meratakan wuduknya, memperelok solatnya, menunaikan zakat hartanya, menahan marahnya, memenjarakan lidahnya, memohon ampun akan dosanya, menunaikan nasihat Ahlu l-Bait Nabi-nya, maka beliau telah menyempurnakan hakikat keimanan, dan pintu-pintu syurga terbuka untuknya.

Rasulullah s.a.w bersabda: Tuntutlah kebaikan di sisi mereka yang mempunyai muka yang baik[271].

Daripada al-Harith daripada Ali bin Abu Talib a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Bagi seorang muslim ke atas seorang muslim enam perkara: Memberi salam apabila berjumpa, menggembirakannya apabila beliau bersin, menziarahinya apabila beliau sakit, menjawabnya apabila beliau memanggilnya, menyaksikannya apabila beliau mati, mencintainya sebagaimana beliau mencintai dirinya, dan menasihatinya tentang perkara yang ghaib.

Diazab Enam Dengan Enam

271 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xxiii, 23

Daripada Abu Abdullah daripada bapa-bapanya daripada Amir al-Mukminin a.s berkata: Sesungguhnya Allah mengazab enam dengan enam: Arab dengan *'asabiah*, pembesar-pembesar dengan keangkuhan, para pemerintah dengan kezaliman, ahli fiqh dengan hasad, peniaga-peniaga dengan khianat, dan ahli Rasatiq dengan kejahilan.

Al-Sadiq a.s berkata: Orang yang bakhil disebabkan kebakhilannya dikira jahat sangka dengan Tuhannya, dan barangsiapa yang yakin dengan masa depannya (*aiqana bi l-Khalaf*), akan bermurah hati dengan pemberian (*jada bi l- 'Atiyyah*).

Abu Hamzah al-Thumali daripada Ali bin al-Husain daripada bapanya al-Husain bin Ali daripada Amir al-Mukminin a.s berkata: Demi Allah, tidak ada manusia yang lebih baik daripada Muhammad, daripada aku, dan Ahlu l-Baitku, dan sesungguhnya para malaikat meletakkan sayap-sayapnya bagi penuntut-penuntut ilmu di kalangan syi'ah kami.

Beliau berkata: Ditanya Amir al-Mukminin a.s: Manakah dosa yang menyegerakan balasan kepada pelakunya? Beliau berkata: Barangsiapa yang telah menzalimi orang yang tidak ada penolong selain daripada Allah, mengabaikan nikmat yang dikurniakan kepadanya, dan melanjutkan kezaliman ke atas orang yang fakir.

Al-Sadiq a.s berkata: Apabila jatuhnya matahari, Allah mewakilkan malaikat yang menyeru: Wahai manusia, datanglah kepada Tuhan kamu, kerana apa yang sedikit dan memadai itu adalah lebih baik daripada yang banyak, dan melalaikan. Dan malaikat yang diwakilkan ketika naiknya matahari menyeru: Wahai anak Adam, lahirlah untuk mati, binalah untuk kemusnahan, dan berkumpullah untuk kebinasaan[272].

Rasulullah s.a.w bersabda: Orang yang berpuasa adalah di dalam ibadat walaupun beliau tidur di atas hamparannya selama beliau tidak mengumpat muslim[273].

Daripada al-Sadiq daripada bapanya daripada bapa-bapanya a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah menzalimi seseorang, kemudian tidak sempat memohon maaf daripadanya, maka hendaklah beliau memohon istighfar kepada Allah sebagai kafarah untuknya.

Al-Sadiq a.s berkata: Allah telah menurunkan wahyu kepada Musa bin Imran a.s: Katakan kepada sebahagian daripada Bani Israel: Jauhilah kamu dari membunuh diri yang diharamkan tanpa kebenaran, kerana orang yang telah membunuh seorang di dunia, Aku akan

---

[272] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xvi, 25
[273] *Ibid,* xvi, 186

membunuhnya di neraka seribu kali pembunuhan seperti pembunuhan sahabatnya[274].

Khutbah Amir al-Mukminin A.S

Ali bin Muhammad al-Sya'rani daripada al-Hasan bin Ali bin Syu'aib daripada Isa bin Muhammad al-'Alawi daripada Muhammad bin al-'Abbas bin Bassam daripada Muhammad bin Abual-Sarriy daripada Ahmad bin Abu Abdullah daripada Yunus daripada Sa'd al-Kinani daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata:Manakala Amir al-Mukminin a.s menduduki jawatan khalifah, dan orang ramai memberi baiah kepadanya, maka beliau keluar kepada Masjid memakai serban, burdah dan kasut Rasulullah s.a.w, menghunus pedang Rasulullah s.a.w, kemudian menaiki mimbar, dan mendudukinya dengan keadaan bertongkat, kemudian beliau memasukkan anak-anak jari tangannya, lalu diletakkan di bawah perutnya.

Kemudian beliau berkata: Wahai manusia, bertanyalah kepada aku sebelum ketiadaan aku, inilah bakul ilmu (*saft al-'ilm*), inilah air liur (*lu'ab*) Rasulullah s.a.w. Ini adalah apa yang telah dikurniakan kepada aku oleh Rasulullah s.a.w. Bertanyalah kepada aku, kerana di sisi aku ilmu orang-orang yang terdahulu, dan ilmu orang-orang yang terakhir, demi Allah, jika aku diberi kuasa pemerintahan, nescaya aku memberi fatwa ke atas ahli Taurat dengan Taurat mereka sehingga Taurat akan bercakap: Ali memang benar, beliau tidak bohong. Sesungguhnya beliau telah memberi fatwa kepada kamu menurut apa yang diturunkan Allah pada aku.

Dan aku akan memberi fatwa ke atas ahli Injil dengan Injil mereka sehingga Injil akan bercakap: Ali memang benar, beliau tidak bohong. Sesungguhnya beliau telah memberi fatwa kepada kamu menurut apa yang diturunkan Allah pada aku, dan aku akan memberi fatwa ke atas ahli al-Qur'an dengan Qur'an mereka sehingga al-Qur'an bercakap: Ali memang benar, beliau tidak bohong. Sesungguhnya beliau telah memberi fatwa kepada kamu menurut apa yang diturunkan Allah pada aku, kamu membaca al-Qur'an siang dan malam adakah pada kamu seorang yang mengetahui apa yang telah diturunkan tentangnya? Jika tidak ada satu ayat di dalam kitab Allah a.w, nescaya aku memberitahu kamu apa yang telah berlaku, apa yang akan berlaku, dan apa yang akan terjadi sehingga hari Kiamat iaitu ayat di dalam Surah al-Ra'd (13) : 39 *"Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki). Dan di sisi-Nyalah terdapat Ummu al-Kitab"*.

Kemudian beliau a.s berkata: Kamu bertanyalah kepada aku sebelum ketiadaan aku. Demi Yang telah membelah biji-bijian, dan

---

274 *Ibid,* xxiv, 38

menghidupkan jiwa, jika kamu bertanya kepada aku tentang ayat mana pada waktu siang diturun atau pada waktu malam diturunkan, Makkahnya atau Madinahnya, di pantainya atau di daratannya, *nasikh*nya atau mansuhnya, *mahkamah*nya atau *mutasyabih*nya, takwilnya atau *tanzil*nya, nescaya aku akan memberitahu kamu tentangnya.

Lantas seorang lelaki berdiri, ia dikenali dengan Dha'lab seorang yang fasih bercakap, dan berani hatinya sambil berkata: Sesungguhnya anak lelaki Abu Talib telah mendapat kedudukannya dengan susah, maka aku akan memalukannya hari ini di hadapan kamu tentang masalah aku kepadanya sambil berkata: Wahai Amir al-Mukminin, adakah anda telah melihat Tuhan anda? Beliau berkata: Celaka anda wahai Dha'lab, aku tidak pernah menyembah Tuhan yang aku tidak melihatnya, beliau berkata: Bagaimana anda telah melihatnya, ceritalah kepada kami? Beliau a.s berkata: Celaka anda, mata tidak melihatnya dengan penyaksian penglihatan, tetapi hati melihatnya dengan hakikat keimanan (*lam tara-hu al-'Uyuun bi-musyahadati al-Absar wa-lakin ra'at-hu al-Qulub bi-haqaiq al-Iman*).

Celaka anda wahai Dha'lab, sesungguhnya Tuhanku tidak boleh disifatkan dengan berjauhan, tidak dengan pergerakan, tidak dengan pendirian, dan tidak dengan kedatangan? Dan tidak dengan pemergian, halus dengan sehalus-halusnya, tetapi tidak boleh disifatkan dengan halus, besar (*'azim*), tetapi tidak boleh disifatkan dengan kebesaran jasad. Ketua keangkuhan, tetapi tidak boleh disifatkan dengan keangkuhan (*al-Kibr*), ketua kemuliaan, tetapi tidak boleh disifatkan dengan kekasaran, lembut rahmat, tetapi tidak boleh disifatkan dengan lembut (*riqqah*), mukmin tetapi bukan dengan ibadat, mencapai sesuatu, tetapi bukan dengan rasa (*majassah*), berfirman, tetapi bukan dengan lafaz.

Dia di dalam perkara-perkara (*al-Asyya'*), tetapi bukan dengan percampuran, keluar daripadanya bukan dengan perbezaan, di atas setiap sesuatu, tetapi tidak boleh dikatakan: Sesuatu di atas-Nya, di hadapan setiap sesuatu, tetapi tidak boleh dikatakan: Bagi-Nya hadapan (*amam*), di dalam semua perkara (sesuatu), tetapi Dia bukanlah memasuki seperti sesuatu di dalam sesuatu, keluar daripada sesuatu bukanlah sesuatu keluar daripada sesuatu, maka Dha'lab telah menunduk kepadanya dan berkata: Dengan nama Allah, aku tidak pernah mendengar jawapan seperti ini, demi Allah, aku tidak akan mengulanginya seperti ini selama-lamanya.

Kemudian beliau berkata: Kamu bertanyalah aku sebelum ketiadaan aku, lalu al-Asy'ath bin Qais berdiri, dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, bagaimana diambil jizyah daripada majusi sedangkan kitab tidak diturunkan ke atas mereka, dan nabi tidak diutus kepada mereka? Beliau berkata: Ya, wahai Asy'ath, sesungguhnya Allah telah

menurunkan kitab ke atas mereka, dan telah mengutus seorang nabi kepada mereka. Mereka mempunyai seorang raja yang telah mabuk pada suatu malam, lalu beliau menyeru anak perempuannya kepada hamparannya dan terus melakukan persetubuhan (*irtakaba-ha*). Pada keesokannya, rakyatnya mendapat tahu berita tersebut, lalu mereka berkumpul di pintu istana dan berkata: Wahai raja, anda telah mencemarkan di atas kami agama kami, maka anda telah memusnahkannya. Justeru itu, keluarlah supaya kami membersihkan anda, kami akan melaksanakan hukuman had ke atas anda.

Maka beliau berkata kepada mereka: Kamu berkumpullah, dan dengarlah percakapan aku sekiranya ada jalan keluar daripada apa yang telah aku lakukan, jika tidak, maka ini adalah hal kamu. Lantas mereka berkumpul, lalu beliau berkata kepada mereka: Adakah kamu telah mengetahui bahawa Allah tidak mencipta makhluk yang lebih mulia daripada bapa kita Adam dan ibu kita Hawa? Mereka berkata: Anda memang benar wahai raja.

Beliau berkata: Tidakkah beliau telah mengahwinkan anak-anak lelakinya akan anak-anak perempuannya, dan anak-anak perempuannya daripada anak -anak lelakinya? Mereka berkata: Anda memang benar, maka ini adalah agama, kemudian mereka telah mengadakan perjanjian di atas perkara tersebut. Lalu Allah menyapu ilmu di dada mereka,dan diangkat kitab daripada mereka, maka mereka adalah kafir, akan memasuki neraka tanpa hisab, tetapi munafikin adalah lebih parah keadaan mereka daripada majusi, maka al-Asy'ath berkata: Demi Allah, aku tidak mendengar jawapan seperti ini, dan aku tidak akan mengulanginya seperti ini selama-lamanya.

Kemudian beliau berkata: Kamu bertanyalah aku sebelum ketiadaan aku, lalu seorang lelaki datang kepadanya dari penjuru Masjid berjalan menggunakan tongkatnya dicelah-celah orang ramai sehingga beliau menghampirinya dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, tunjuklah kepada aku amalan jika aku melakukannya, nescaya Allah akan melepaskan aku dari api neraka, maka beliau berkata kepadanya: Dengarlah, dan fahamilah, kemudian yakinilah bahawa dunia telah berdiri di atas tiga perkara: Seorang alim yang bercakap,dan beramal dengan ilmunya, seorang kaya yang tidak bakhil dengan hartanya terhadap ahli agamanya, dan seorang fakir yang bersabar. Apabila seorang yang alim menyembunyikan ilmunya, orang kaya menjadi bakhil, dan orang fakir tidak lagi bersabar, maka dunia akan menjadi huru-hara, dan di sisinya diketahui mereka yang arif dengan Allah, dan dunia telah kembali kepada permulaannya-iaitu kepada kekafiran selepas keimanan.

Wahai orang yang bertanya, janganlah anda terpedaya dengan banyaknya masjid, dan perkumpulan yang ramai. Jasad mereka berkumpul sedangkan hati mereka bermacam-macam. Sesungguhnya

manusia tiga jenis: Zahid, pencinta dunia (*raghib*), dan penyabar (*sabir*). Adapun orang zahid, maka beliau tidak bergembira walaupun sedikit dengan dunia yang datang kepadanya, dan tidak berdukacita di atas perkara yang terlepas daripadanya. Adapun penyabar,beliau berangan-angan tentang dunia di dalam hatinya. Jika beliau mendapatinya, beliau dapat mengendalikan dirinya dari akibatnya yang buruk. Adapun pencinta dunia (*raghib*), maka beliau tidak peduli apa yang didapatinya sama ada halal atau haram.

Beliau berkata: Wahai Amir al-Mukminin, apakah alamat-alamat mukmin pada zaman itu? Beliau berkata: Mukmin melihat kepada kebenaran yang diwajibkan Allah ke atasnya, lalu beliau mentaatinya, beliau melihat kepada apa yang menyalahinya, lalu beliau membebaskan diri daripadanya sekalipun ia seorang kekasih yang rapat, beliau berkata: Anda memang benar wahai Amir al-Mukminin. Kemudian lelaki itu telah menghilangkan diri, kami tidak dapat melihatnya lagi. Lalu orang ramai mencarinya,tetapi mereka tidak mendapatinya, kemudian beliau a.s tersenyum di atas mimbar dan berkata: Apakah gerangan kamu, ini adalah saudara aku Khidir a.s.

Kemudian beliau berkata: Kamu bertanyalah kepada aku sebelum ketiadaan aku, maka tiada seorang pun berdiri kepadanya,lalu beliau mengucap kesyukuran kepada Allah, dan memuji-Nya serta berselawat ke atas Nabinya s.a.w, kemudian beliau berkata kepada al-Hasan a.s: Wahai Hasan, berdirilah, naiklah mimbar, dan bercakaplah dengan percakapan di mana Quraisy tidak akan melupai anda selepasku, mereka berkata: Al-Hasan tidak dapat memberi ucapan yang baik, beliau berkata: Wahai abah, bagaimana aku menaiki mimbar, dan aku bercakap sedangkan anda mendengar, dan melihat aku di kalangan orang ramai? Beliau berkata: Dengan nama bapa aku, anda, dan ibu aku, aku akan menyembunyikan diri aku daripada anda, aku akan mendengar, dan melihat, tetapi anda tidak melihat aku.

Al-Hasan a.s menaiki mimbar, lantas memuji Allah dengan pujian-pujian yang mendalam, dan berselawat kepada Nabi s.a.w dengan selawat yang ringkas, kemudian beliau berkata:Wahai manusia, aku telah mendengar datuk aku Rasulullah s.a.w bersabda: Aku adalah bandar ilmu dan Ali adalah pintunya (*ana madinatu l-Ilmi wa 'Ali babu-ha*). Seorang tidak dapat memasuki bandar melainkan dari pintunya, kemudian beliau turun, lantas Ali a.s melompat ke atasnya, dan menolaknya ke dadanya, kemudian beliau berkata kepada al-Husain a.s : Wahai anak lelakiku, berdirilah dan naiklah mimbar, bercakaplah dengan percakapan di mana Quraisy tidak akan melupai anda selepas aku, mereka berkata: Al-Husain tidak mempunyai pandangan yang jauh, percakapan anda hendaklah sejajar dengan percakapan saudara lelaki anda.

Al-Husain menaiki mimbar, memuji Allah, dan berselawat ke atas Nabinya s.a.w dengan ringkas, kemudian beliau berkata: Wahai manusia, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Ali adalah bandar petunjuk (*madinatu huda*), barangsiapa yang memasukinya berjaya, dan barangsiapa yang tidak memasukinya binasa, lantas Ali melompat ke arahnya, dan mendakapnya ke dadanya, lalu mengucupnya, kemudian beliau berkata: Mereka berdua adalah anak-anak Rasulullah s.a.w, dan simpanannya yang beliau telah meminta aku menyimpannya. Lantaran itu, aku meminta kamu supaya menyimpannya, wahai manusia, Rasulullah s.a.w meminta kamu supaya melaksanakannya[275].

Dosa-Dosa Dan Kesannya

Daripada Abdullah bin Sinan daripada Abu Abdullah a.s berkata: Dosa yang mengubah nikmat adalah perlanggaran hak. Adapun dosa yang mewarisi penyesalan adalah pembunuhan, dosa yang menurunkan dendam adalah kezaliman. Dosa yang mencemarkan kehormatan adalah minum arak. Dosa yang menahan rezeki adalah zina. Dosa yang menyegerakan kebinasaan adalah memutuskan pertalian keluarga. Dan dosa yang menghalang doa adalah menderhaka ibu bapa (*'uquq al-Walidain*)[276].

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang telah menakut-nakutkan seorang mukmin dengan kuasa bagi mendapatkan daripadanya perkara yang dibenci agama (*makruhan*), tetapi tidak mendapatinya, maka beliau akan ke neraka. Barangsiapa menakut-nakutkan seorang mukmin dengan kuasa bagi mendapatkan perkara yang dibenci agama, kemudian beliau mendapatinya, maka beliau adalah bersama-sama Fir'aun dan keluarga Fir'aun di neraka[277].

Amir al-Mukminin a.s berkata: Barangsiapa yang keterlaluan di dalam perbalahan, maka beliau telah melakukan kezaliman. Barangsiapa yang telah mengabaikannya, maka beliau telah melakukan kezaliman, dan tidak mampu menentang orang yang menyalahi Allah[278].

Lima Orang Yang Tidak Boleh Bersahabat

Daripada Muhammad bin muslim daripada al-Sadiq daripada bapanya a.s berkata: Bapa aku Ali bin al-Husain a.s berkata: Wahai anakku, lihatlah kepada lima orang ,dan janganlah anda bersahabat dan

---

275 Al-Saduq, *al-Tauhid*, hlm. 319
276 Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 448
277 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 157
278 *Ibid*

membuat cakap dengan mereka,jangan anda mengiringi mereka di jalan, beliau berkata: Wahai abah, siapakah mereka? Perkenalkan mereka kepada aku, beliau berkata: Jauhilah anda bersahabat dengan pembohong, kerana ia sepertilah kedudukan kilauan(*al-sarab*), beliau akan mendekatkan anda yang jauh, dan akan menjauhkan bagi anda yang dekat. Jauhilah anda bersahabat dengan orang yang fasiq, kerana ia akan menjual anda dengan satu kali makan atau lebih sedikit daripada itu.

Jauhilah anda bersahabat dengan orang bakhil, kerana beliau akan menghina anda pada hartanya apabila anda lebih berhajat kepadanya. Jauhilah anda bersahabat dengan *ahmaq* (si bodoh), kerana beliau mahu memberi manfaat kepada anda, tetapi ia memudaratkan anda. Jauhilah bersahabat dengan orang yang memutuskan pertalian keluarganya, kerana aku telah mendapatinya dilaknat di dalam kitab Allah a.w pada tiga tempat. Allah berfirman di dalam Surah Muhammad (47) : 22-23 "*Maka apakah kiranya jika kamu berkuasa kamu akan membuat kerosakan di muka bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan? Mereka itulah orang-orang yang dilaknati Allah dan ditulikan-Nya telinga mereka dan dibutakan-Nya penglihatan mereka*"

Dan firman-Nya di dalam Surah al-Ra'd (13):25 "*Orang-orang yang merosak janji Allah setelah diikrarkan dengan teguh dan memutuskan apa-apa yang Allah perintahkan supaya dihubungkan dan mengadakan kerosakan di bumi, orang-orang itulah dilaknati Allah, dan bagi mereka tempat kediaman yang buruk* "

Dan firman-Nya di dalam Surah al-Baqarah (2) :27 "*Orang-orang yang melanggar perjanjian Allah sesudah perjanjian itu teguh dan memutuskan apa yang diperintahkan Allah untuk menghubungkannya dan membuat kerosakan di muka bumi, mereka itulah orang-orang yang rugi*"

Ammar bin Musa berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Cinta orang-orang yang baik (*al-Abrar*)kepada orang-orang yang baik, adalah pahala kepada orang-orang yang baik. Cinta orang-orang yang jahat (*al-Fujjar*) kepada orang-orang yang baik adalah kelebihan bagi orang-orang yang baik, kemarahan orang-orang jahat kepada orang-orang baik adalah perhiasan bagi orang-orang yang baik, dan kemarahan orang-orang yang baik kepada orang-orang yang jahat adalah penghinaan (*khizyun*) kepada orang-orang yang jahat[279].

Al-Sadiq a.s berkata: Saudara-saudara aku yang paling aku cintai adalah mereka yang menunjukkan keaiban aku kepada aku.

Pengertian Jihad Akbar Dan Asghar

[279] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 641

Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengutus satu pasukan kecil, apabila mereka kembali, maka beliau bersabda: Selamat datang dengan kaum yang telah melaksanakan jihad yang kecil (*jihad asghar*), dan masih tinggal bersama mereka jihad yang lebih besar (*jihad akbar*). Ada orang bertanya kepada Rasulullah s.a.w: Apakah jihad yang lebih besar itu ? Beliau bersabda: Jihad di dalam diri sendiri (*jihad al-Nafs*).

Pohon Hajat Kepada Hati Yang Pemurah

Daripada al-Sadiq Ja'far bin Muhammad a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menjadikan rahmat pada hati makhluk-Nya yang pemurah (*qulubu-ruhama'*). Justeru itu, pohonlah hajat daripada mereka, dan janganlah memohon hajat daripada mereka yang keras hati (*al-Qasiyatu qulubu-hum*), kerana Allah telah memasukkan kemarahan-Nya pada mereka (*ahalla ghadhaba-hu bi-him*).

Beliau a.s berkata: Barangsiapa yang telah mengaibkan saudaranya dengan satu keaiban, maka beliau adalah daripada ahli neraka.

Mengenai Kebaikan

Daripadanya a.s berkata: Lakukanlah kebaikan (*al-Ma'ruf*) kepada ahlinya, dan kepada yang bukan ahlinya, kerana jika ia bukan ahlinya, maka anda adalah ahlinya.

Rasulullah s.a w bersabda: Setiap kebaikan (*ma'ruf*)itu adalah sedekah, penunjuk kepada kebaikan itu adalah seperti pelakunya. Dan Allah suka menolong mereka di dalam kesusahan.

Al-Baqir a.s berkata: Membuat baik menolak kejadian buruk.

Al-Sadiq a.s berkata: Ahli kebaikan di dunia adalah ahli kebaikan di akhirat. Ada orang berkata kepada mereka: Dosa-dosa telah diampuni, maka berilah kebaikan kamu kepada siapa yang kamu kehendaki,dan kebaikan adalah wajib di atas setiap orang dengan hatinya, lidahnya, dan tangannya. Lantaran itu, siapa yang tidak mampu membuat kebaikan dengan tangannya, maka dengan hati dan lidahnya, dan jika beliau tidak mampu dengan ladahnya , maka dengan hatinya.

Al-Sadiq a.s berkata: Allah melaknati orang yang memutus jalan kebaikan, iaitu seorang lelaki yang dilakukan kebaikan kepadanya, lalu beliau menutupinya, kemudian menegah sahabatnya melakukan kebaikan kepada orang lain[280].

Abu Talib Seperti Penghuni-Penghuni Gua

280 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 130

Al-Sadiq a.s berkata: Umpama Abu Talib seperti penghuni-penghuni gua (*ashab al-Kahfi*), mereka telah menyembunyikan keimanan, dan melahirkan syirik, maka Allah memberi pahala kepada mereka dua kali[281].

Mimpi Yang Benar

Beliau a.s berkata: Apabila seorang di dalam kemaksiatan kepada Allah s.w.t dan Allah menghendaki kebaikan baginya, maka Allah memperlihatkan di dalam mimpinya perkara yang menakutkannya, lalu beliau meninggalkan maksiat itu, dan sesungguhnya mimpi yang benar itu adalah sebahagian daripada tujuh puluh bahagian daripada kenabian[282].

Pelaksanaan Amanah

Al-Sadiq a.s berkata: Laksanakan amanah kepada yang baik dan yang jahat, jika pembunuh Ali a.s memberi amanah kepada aku, nescaya aku menunaikannya, dan beliau berkata: Laksanakan amanah sekalipun kepada pembunuh al-Husain bin Ali a.s[283].

Ketaatan Kepada Ahlu l-Bait A.S

Al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ke atas kamu kecintaan, dan kepatuhan(*muwalati-na*) kepada kami, dan memfardukan ke atas kamu ketaatan kepada kami. Barangsiapa yang daripada kami, maka hendaklah ia mengikuti kami. Sesungguhnya keadaan kami adalah warak, ijtihad, menunaikan amanah kepada yang baik dan jahat, silaturahim, menghormati tetamu, memaafi orang yang jahat kepadanya. Barangsiapa yang tidak mengikuti kami, maka beliau bukanlah daripada kami,dan beliau berkata: Janganlah kamu bertindak bodoh, kerana para imam kamu bukanlah orang-orang yang bodoh[284].

Hamba Allah Tercinta

Al-Husain bin Abu al-'Ala' berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Hamba yang paling dicintai Allah adalah hamba yang benar di dalam percakapannya, menjaga solatnya, dan menunaikan amanah Allah ke atasnya, kemudian beliau berkata: Barangsiapa yang telah diamanahkan kepadanya, kemudian beliau

---

281 *Ibid*

282 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwarn*, xvi, 148

283 *Ibid*

284 Al-Saduq, *al-Amali*, hlm.149

menunaikannya, maka beliau telah menyelesaikan seribu simpulan dari tengkuknya daripada simpulan-simpulan api neraka. Justeru itu, bersegeralah kamu menunaikan amanah, kerana setiap orang yang menyimpan amanah, iblis akan mewakilkan seratus syaitan di kalangan pembantu-pembantunya bagi menyesatkannya, dan membuatkannya menjadi waswas sehingga mereka membinasakannya melainkan mereka yang dipelihara Allah[285].

Ketakjuban Diri

Al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah mengetahui bahawa dosa itu adalah lebih baik bagi mukmin daripada ketakjuban diri. Jika ianya tidak sedemikian, Allah tidak akan menguji mukmin dengan dosa selama-lamanya[286].

Pengabaian Hak

Ismail bin Jabir daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Tiada seorang mukmin yang telah mengabaikan satu hak yang wajib ke atasnya, melainkan beliau akan diberikan kepadanya kebatilan dua kali ganda seumpamanya. Tiada seorang mukmin yang menegah dari menolong saudaranya muslim atau tidak berusaha untuk mendapatkan hajatnya yang terlaksana atau akan dilaksanakan, melainkan Allah mengujinya dengan menunaikan hajat orang yang menderhaka-Nya, dan tidak akan diberi pahala kepadanya, dan tiada seorang hamba yang bakhil membelanjakan hartanya pada keredaan Allah melainkan beliau diuji membelanjakannya berlipat ganda pada jalan kemurkaan Allah[287].

Muhammad bin Ali daripada bapanya daripada Sa'd bin Abdullah daripada Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ali bin al-Hikam daripada Hisyam bin Salim berkata: Aku telah berkata kepada al-Sadiq a.s: Wahai anak lelaki Rasulullah, apakah gerangan mukmin apabila beliau berdoa kadangkala dimakbulkan doanya, dan kadangkala tidak dimakbulkan doanya sedangkan Allah berfirman di dalam Surah al-Mukmin (40): 60 *"Dan Tuhan kamu berfirman" Berdoalah kepadaku, nescaya akan Kuperkenankan bagimu"*

Sebab Kemustajaban Doa Dan Sebaliknya

---

285 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 149

286 al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 313

287 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 164

Beliau a.s berkata: Sesungguhnya seorang hamba apabila beliau berdoa kepada Allah a.w dengan niat yang benar dan hati yang ikhlas, akan dimakbulkan baginya selepas kesetiaannya dengan janji Allah a.w, dan apabila beliau berdoa kepada Allah tanpa niat ikhlas, maka doanya tidak akan dimakbulkan untuknya, tidakkah Allah berfirman di dalam Surah al-Baqarah (2) :40 " *dan penuhilah janjimu kepadaKu, nescaya Aku penuhi janjiKu*". Lantaran itu siapa yang memenuhi janjinya, akan dipenuhi janjinya[288].

Al-Ridha a.s berkata: Barangsiapa yang mencampakkan baju kemaluan, maka tiada umpatan baginya[289].

Beliau a.s berkata: Barangsiapa yang mempertarungkan Allah dengan sumpah yang bohong, maka Allah terlepas daripadanya[290].

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang telah melaksanakan hak orang yang tidak melaksanakan hak-Nya seolah-olah beliau telah menyembahnya selain daripada Allah[291].

Beliau a.s bersabda: Berkhidmatlah untuk saudara anda, dan jika beliau meminta anda berkhidmat kepadanya, maka jangan, tiada *karamah* bagi anda. Ada orang bertanya: Adakah aku memperkenalkan diri aku kepada orang yang tidak mengenali aku? Beliau berkata: Tiada *karamah*[292].

Rasulullah s.a.w bersabda: Sebaik-baik manusia adalah orang ramai dapat mengambil faedah daripadanya. Sejahat-jahat manusia adalah orang ramai terseksa dengannya, dan yang lebih jahat daripada itu adalah orang yang dihormati oleh orang ramai kerana takutkan kejahatannya, dan yang paling jahat daripada itu adalah orang yang telah menjual agamanya dengan dunia orang lain[293].

Al-Sadiq a.s berkata: Barangsiapa yang telah bertambah keilmuannya tentang Allah, dan bertambah cinta kepada dunia, akan bertambah jauh daripada Allah, dan Allah pula menambahkan kemarahan ke atasnya.

Rasulullah s.a.w bersabda: Jika dunia ini di sisi Allah disamakan dengan sayap nyamuk, nescaya orang kafir tidak berpeluang meminum airnya.

Al-Sadiq a.s berkata: Bapa aku a.s berkata:Manakah suatu yang lebih buruk dari kemarahan (*al-Ghadhab*)! Sesungguhnya seorang lelaki apabila beliau marah, akan membunuh orang lain, dan menuduh *muhsanah*.

---

[288] *Ibid*, xix, 58
[289] *Ibid*, xvi, 189
[290] *Ibid*, xxiv, 11
[291] *Ibid*, xvi, 49
[292] *Ibid*
[293] *Ibid*, 164

Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s berkata: Bukan daripada kami orang yang tidak menghisab dirinya pada setiap hari, jika beliau melakukan kebaikan, maka beliau memohon Allah menambahkan kebaikan kepadanya, dan memuji-Nya. Jika beliau melakukan kejahatan, maka beliau memohon ampun kepada Allah dan bertaubat.

Daripada Abu Ja'far al-Baqir a.s: Tiada seorang hamba mukmin melainkan pada hatinya titik putih. Jika beliau melakukan dosa, maka warna hitam akan keluar dari titik itu. Jika beliau berterusan di dalam dosa, titik hitam akan meluas sehingga ia menutupi titik putih,dan pelakunya tidak akan kembali kepada kebaikan selama-lamanya iaitu firman Allah di dalam Surah al-Mutaffifin (83):14 "*Sekali-kali tidak (sedemikian),sebenarnya apa yang selalu mereka usahakan itu menutup hati mereka*".

Amir al-Mukminin a.s berkata: Tiada kebaikan pada perkataan melainkan dengan amal, tiada kebaikan pada pemandangan melainkan dengan kemampuan menggambarkannya. Tiada kebaikan pada harta melainkan bersama dermawan. Tiada kebaikan pada kebenaran melainkan bersama kesetiaan. Tiada kebaikan pada fahaman (*al-Fiqh*) melainkan bersama warak. Tiada kebaikan pada sedekah melainkan bersama niat. Tiada kebaikan pada kehidupan melainkan bersama kesihatan. Tiada kebaikan pada negara melainkan bersama keamanan, dan kemudahan.

Sifat Akal Dan Kejahilan

Al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya Allah apabila Dia mencipta akal, Dia berfirman kepadanya: Datang ke sini, maka ia datang. Dia berfirman kepadanya: Undur ke belakang, maka ia berundur. Kemudian Dia berfirman: Demi kemuliaan-Ku dan kebesaran-Ku, Aku tidak mencipta makhluk yang lebih mulia daripada kamu; dan Aku menyokong orang yang Aku mencintainya dengan kamu"[58].

Beliau a.s berkata: Empat sifat yang membolehkan seorang itu menjadi ketua: Kehormatan diri (*'iffah*), adab, dermawan, dan akal.

Beliau a.s berkata: Empat tabiat yang paling istimewa: Akal yang beribadat, percakapan yang paling dipercayai adalah ilmu, habuan yang paling mulia adalah hikmat, dan simpanan yang paling baik adalah kebaikan.

Beliau a.s berkata: Akal menyelam di dalam percakapan, kemudian ia mengeluarkannya dari rahsia dada sebagaimana seorang penyelam menyelami lautan yang dalam bagi mendapatkan mutiara[59].

---

58 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, I, 33-4

59 *Ibid*

Kesempurnaan Akal Pada Tiga Perkara

Beliau a.s berkata: Kesempurnaan akal pada tiga perkara: Tawaduk kepada Allah, keyakinan yang bertepatan, dan diam untuk kebaikan.

Kejahilan Pada Tiga Perkara

Beliau a.s berkata: Kejahilan pada tiga perkara: Takbur, kemegahan, dan kejahilan dengan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang rugi[60].

Beliau a.s berkata: Allah telah mencipta akal dari empat perkara:Ilmu, kekuasaan, cahaya, dan kehendak dengan perintah. Maka Allah telah menjadikannya sentiasa berdiri dengan ilmu di alam malakut.

Beliau a.s berkata: Akal seorang lelaki akan bertambah selepas empat puluh tahun kepada lima puluh, dan enam puluh tahun. Kemudian akalnya akan berkurangan selepas itu.

Al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah mengutus kepada Adam a.s tiga perkara supaya beliau memilih satu daripadanya: Akal, malu (*al-Haya'*), dan kemurahan hati (*al-Sakha'*), lalu beliau memilih akal, maka Jibrail a.s berkata kepada malu, dan kemurahan hati: Naiklah kamu berdua, lalu mereka berdua berkata: Kami diperintahkan supaya tidak berpisah dengan akal.

Al-Sadiq a.s berkata: Apabila anda ingin menguji akal seseorang lelaki di dalam satu majlis, maka bercakaplah kepadanya di celah-celah percakapan anda dengan perkara yang tidak akan berlaku, jika beliau mengingkarinya, maka beliau adalah seorang yang berakal. Jika beliau membenarkannya, maka beliau adalah seorang yang bodoh (*ahmaq*)[61].

Beliau a.s berkata: Apabila Allah mahu menghilangkan daripada seorang hamba nikmat, maka perkara pertama yang Dia akan mengubahkannya adalah akalnya[62].

Al-Sadiq a.s berkata: Orang yang berakal tidak digigit dua kali pada satu tempat.

Amir al-Mukminin a.s berkata: Manusia adalah musuh kepada apa yang dia tidak tahu[63].

Al-Baqir a.s berkata: Roh adalah tiang agama (*'imad al-Din*), ilmu adalah tiang roh dan keterangan (*al-Bayan*)adalah tiang ilmu.

Kelebihan Ilmu

---

60 *Ibid*

61 *Ibid,* 43

62 *Ibid,* 32

63 *Ibid*

Amir al-Mukminin a.s berkata: Seorang yang beribadat tanpa memahaminya adalah seperti keldai memusingkan kisaran angin. Dua rakaat daripada seorang yang alim adalah lebih baik daripada tujuh puluh rakaat daripada seorang yang jahil, kerana orang yang alim didatangi fitnah, lalu beliau keluar dari fitnah dengan ilmunya. Sementara fitnah mendatangi orang yang jahil, lalu membinasakannya. Sedikit amalan bersama ilmu yang banyak adalah lebih baik dari banyak amalan bersama ilmu yang sedikit, syak dan syubhah.

Al-Baqir a.s berkata: Perbincangan ilmu (*tadhakur*)satu jam itu adalah lebih baik dari *Qiyam al-Lail*[64].

Beliau a.s berkata: Jika anda duduk di sisi seorang yang alim, maka hendaklah anda mendengar dengan lebih berhati-hati dan berkata: Belajarlah pendengaran yang baik sebagaimana anda mempelajari percakapan yang baik, dan janganlah anda memotong percakapan seorang[65].

Al-Ridha a.s berkata: Janganlah anda menguji ulama, nescaya mereka akan menolak anda, janganlah anda menguji orang-orang yang jahil, kerana mereka tidak mengetahui anda.

Nabi s.a.w bersabda: Barangsiapa yang sabar ke atas apa yang mendatanginya, maka beliau adalah seorang yang lemah lembut, Luqman berkata: Musuh yang *halim* (lemah lembut) adalah lebih baik daripada sahabat yang bodoh.

Al-Sadiq a.s berkata: Tiada harta yang lebih berharga dari akal, tiada musibah yang lebih besar dari kejahilan, tiada demonstrasi yang lebih dipercayai dari mesyuarat, tiada warak yang lebih dari menahan diri, tiada ibadat seperti tafakur. Tiada pemimpin yang lebih baik dari taufik, tiada sahabat yang lebih baik dari akhlak yang mulia dan tiada warisan yang lebih baik dari adab[66].

Tiga Orang Tidak Dikenali

Luqman berkata: Tiga orang tidak dikenali melainkan pada tiga tempat: Seorang yang lemah lembut (*al-Halim*) tidak dikenali melainkan ketika marah, tidak dikenali seorang yang berani melainkan di dalam peperangan, dan anda tidak mengenali saudara anda melainkan ketika anda memerlukannya[67].

Akulah Yang Telah Membatalkan Sihir

---

64 *Ibid*, 64
65 *Ibid*, 68
66 *Ibid*, 32
67 *Ibid*, xvi , 49

Abu Ja'far al-Mansur telah berkata kepada pengawalnya: Utuskan kepada Abu Abdullah, lalu beliau mengutus kepadanya. Beliau berdiri sehingga Abu Abdullah a.s masuk. Apabila beliau a.s melihat Abu Ja'far al-Mansur dan pengawal-pengawalnya telah bersedia untuknya, lantas beliau mengangkat tangannya ke langit, kemudian beliau telah bercakap dengan percakapan sebahagiannya nyaring dan sebahagiannya perlahan. Beliau berkata: Celaka kamu! Akulah yang telah membatalkan sihir bapa-bapa kamu pada masa Musa, dan akulah yang membatalkan sihir kamu, kemudian beliau menyeru dengan suaranya yang nyaring: Qiswarah! Lantas beberapa ekor singa telah melompat ke arah Abu Ja'far al-Mansur dan mengepung tempatnya. Lantas beliau terjatuh dari singgahsananya sambil berkata: Maafkan aku, demi Allah, aku tidak akan mengulanginya lagi, beliau a.s berkata: Aku telah memaafkan anda.

Beliau berkata: Singa-singa itu telah kembali ke tempatnya. Beliau berkata: Jika tongkat Musa dikembalikan, maka singa-singa itu akan kembali lagi.

Riwayat Abd al-'Azim Tentang Abu al-Hasan al-Ridha A.S

Diriwayatkan daripada Abd al-'Azim daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s berkata: Wahai Abd al-'Azim, sampaikan salam aku kepada para wali aku, dan katakan kepada mereka: Janganlah mereka menjadikan jalan bagi syaitan menguasai mereka. Perintahkan mereka dengan kebenaran di dalam percakapan, dan pelaksanaan amanah. Perintahkan mereka supaya diam, dan meninggalkan pertengkaran yang tidak ada kaitan dengan mereka.

Bekerjasama dan bantu-membantu di kalangan mereka adalah lebih dekat kepada aku. Jangan menyibukkan diri mereka untuk perpecahan. Aku bersumpah bahawa barangsiapa yang melakukannya, dan memarahi salah seorang wali aku, maka aku akan menyeru Allah supaya mengazabkannya di dunia, dan di akhirat termasuk orang-orang yang rugi. Beritahukan mereka bahawa Allah telah mengampuni orang yang baik di kalangan mereka, dan akan mengampuni yang jahat mereka melainkan orang yang syirik dengan-Nya atau menyakiti seorang daripada wakil-wakil aku atau menyembunyikan kejahatan terhadapnya. Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuninya sehingga beliau bertaubat. Jika tidak, roh imannya akan dicabut dari hatinya, dan terkeluar dari wilayah aku, tiada baginya habuan di dalam wilayah kami. dan aku berlindung dengan Allah dari demikian itu[68].

Pendapat Falsafah

[68] al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 63

Sa'd bin Abdullah daripada sebahagian sahabatnya berkata: Seorang falsafah telah mengikuti seorang falsafah yang lain sejauh tujuh ratus farsakh[69]. Manakala beliau bertemu dengannya, berkata: Tiada yang lebih tinggi dari langit? Tiada yang lebih luas dari bumi? Tiada yang lebih kaya dari laut? Tiada yang lebih keras dari batu? Tiada yang lebih panas dari api? Tiada yang lebih sejuk dari Zamharir? Tiada yang lebih berat dari bukit? Beliau berkata: Kebenaran adalah lebih tinggi dari langit. Keadilan adalah lebih luas dari bumi, kekayaan jiwa adalah lebih kaya dari kekayaan laut, hati orang kafir adalah lebih keras dari batu. Orang yang tamak adalah lebih panas dari api, putus asa daripada orang yang terdekat itu adalah lebih sejuk dari Zamharir. Pembohongan ke atas orang yang bersih adalah lebih berat dari bukit[70].

Kelebihan Malu, Amanah, Dan Rahmat

Daripada Anas bin Malik berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Perkara yang pertama yang dicabut daripada seorang hamba adalah perasaan malu. Lantaran itu beliau akan menjadi pemarah, kemudian Allah mencabut daripadanya amanah. Lantaran itu beliau menjadi seorang pengkhianat, kemudian Allah mencabutkan daripadanya rahmat, lantaran itu beliau menjadi seorang yang kasar, kemudian Dia mencabut agama Islam dari tengkuknya. Lantaran itu, beliau menjadi syaitan yang dilaknati

Kelebihan Amir al-Mukminin A.S

Ali bin Abbas daripada Salih bin Hamzah daripada Hasan bin Abdullah daripada al-Sadiq a.s berkata: Amir al-Mukminin a.s telah berkhutbah dan berkata: Wahai manusia, bertanyalah kepada aku sebelum kamu ketiadaan aku, wahai manusia, akulah hati Allah yang sedar (*al-Wa'i*), lidah-Nya yang bercakap (*lisanu-hu al-Natiq*), penjaga amanah kepada rahsia-Nya, hujah-Nya ke atas makhluk-Nya, khalifah-Nya ke atas hamba-hamba-Nya, mata-Nya yang melihat kepada makhluk-Nya, tangan-Nya yang terbuka dengan kasihan belas,dan rahmat, agama-Nya di mana tidak akan membenarkan aku melainkan keimanan semata-mata, dan tidak membohongi aku melainkan kekafiran semata-mata[71].

Daripada al-Husain bin al-Hasan, daripada Bakr bin Salih daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Muhammad bin Sinan daripada Abu Basir daripada Abu Abdullah a.s

69 Farsakh:Ukuran panjang yang sama dengan tiga batu atau 4.8 kilometer
70 *Ibid*, xvii, 248
71 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 336

berkata: Amir al-Mukminin a.s berkata: Aku adalah penunjuk dan pemberi petunjuk, bapa anak-anak yatim, suami kepada ibu-ibu tunggal, dan orang-orang miskin, aku adalah tempat berlindung setiap orang yang lemah, tempat keamanan bagi setiap yang takut, aku adalah pemimpin mukminin ke syurga.

Aku adalah tali Allah yang kukuh. Akulah ikatan Allah yang kukuh, aku adalah mata Allah, lidah-Nya yang benar, dan tangan-Nya, akulah *junbu* Allah di mana jiwa akan berkata: Alangkah dukacitanya aku di atas apa yang aku melakukannya pada *junbu* Allah, akulah tangan Allah yang terbuka ke atas hamba-Nya dengan rahmat dan keampunan

Akulah pintu taubat. Barangsiapa yang telah mengenali aku, dan mengetahui hak aku, maka sesungguhnya beliau telah mengenali Tuhannya, kerana aku adalah wasi nabi-Nya di bumi-Nya, dan hujah-Nya ke atas hamba-Nya. Tiada seorang pun yang boleh mengingkarinya selain daripada orang yang menolak Allah dan Rasul-Nya[72].

Rasulullah s.a.w bersabda: Bukan daripada kami orang yang menghina amanah-iaitu orang yang memakannya apabila beliau menyimpannya, dan bukanlah daripada kami orang yang telah mengkhianati seorang muslim pada keluarganya, dan hartanya[73].

Beliau s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah mentaati Allah, maka sesungguhnya beliau telah mengingati Allah sekalipun solatnya, puasanya, dan tilawah al-Qur'annya berkurangan. Barangsiapa yang telah menderhaka kepada Allah, maka sesungguhnya beliau telah melupai Allah sekalipun solatnya, puasanya, tilawah al-Qur'annya bertambah banyak.

Beliau s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah meninggalkan maksiat, kerana takutkan Allah, maka Allah meredainya pada hari Kiamat.

Beliau s.a.w bersabda: Sekiranya ramalan jahat pada sesuatu, maka ianya di lidah.

Beliau s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah berusaha mencari harta tidak halal, maka tempat kembalikannya di neraka.

Beliau s.a.w bersabda:Allah berfirman: Barangsiapa yang tidak pedulikan dari pintu manakah beliau mendapatkan dinar dan dirham, maka Aku tidak pedulikannya pada hari Kiamat nanti dari pintu manakah Aku akan memasukkannya ke neraka.

Pembentangan Wilayah Ahlu l-Bait Ke Atas Semua Perkara

Daripada Imran bin Yasar al-Yasykariy, daripada Abu Hafs al-Madlaji daripada Syarif bin Rabi'ah, daripada Qanbar maula Amir al-

[72] *Ibid*, 131
[73] *Ibid*, xvi, 164

Mukminin a.s berkata: Aku telah berada bersama-sama Amir al-Mukminin a.s, tiba-tiba seorang lelaki masuk dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, Aku suka buah tembikai. Qanbar berkata: Amir al-Mukminin a.s. memerintah aku supaya membeli sebiji buah tembikai. Maka aku membayar satu dirham, lalu mereka membawa kepada kami tiga biji buah tembikai. Aku memotong satu sebiji tembikai, maka aku mendapatinya pahit. Aku berkata: Pahit, wahai Amir al-Mukminin a.s. Beliau a.s berkata: Campakkannya kerana ia dari neraka kepada neraka.

Qanbar berkata: Aku memotong buah tembikai yang kedua, maka ia adalah masam. Aku berkata: Masam, wahai Amir al-Mukminin a.s, beliau berkata: Campakkannya kerana ia dari neraka kepada neraka. beliau berkata: Aku telah memotong buah tembikai yang ketiga. Maka aku mendapatinya berulat. Aku berkata: Berulat, wahai Amir al-Mukminin a.s. Beliau a.s. berkata: Campakkannya kerana ia dari neraka ke neraka. Kemudian aku membayarnya dengan satu dirham yang lain, lalu mereka datang kepada kami dengan tiga biji tembikai diletaknya di kaki aku. Lalu aku berkata: Maafkan aku, wahai Amir al-Mukminin a.s untuk memotongnya.

Amir al-Mukminin a.s berkata kepadaku: Silakan duduk wahai Qanbar, ini adalah perintah. Aku pun duduk dan memotong satu biji tembikai. Aku telah mendapatinya manis, aku berkata: Manis, wahai Amir al-Mukminin a.s. Beliau a.s berkata: Makanlah dan berilah makan kepada kami. Lalu aku telah makan sebahagian dan aku memberi makan kepadanya sebahagian. Kemudian aku memberi makan satu bahagian kepada lelaki yang duduk di sisi aku. Aku telah berpaling kepada Amir al-Mukminin a.s. Maka beliau a.s. berkata: Sesungguhnya Allah telah membentangkan wilayah kami ke atas penghuni langit dan penghuni bumi daripada Jin, manusia, buah-buahan dan lain-lain. Barangsiapa yang telah menerima wilayah kami, maka ia adalah baik, bersih, dan manis. Barangsiapa yang tidak menerimanya, maka ia adalah jahat, buruk dan busuk[74].

Daripada Abban bin Taghlab al-Kindi berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya roh iman adalah satu, keluar di sisi Yang Satu, kemudian berpisah pada tubuh yang berlainan, maka di atas-Nya ia bertaut, dan berkasih sayang, ia akan keluar dari bermacam-macam, dan kembali di dalam keadaan yang satu, di sisi Yang Satu.

Kelebihan Mengenali Wilayah Ahlu l-Bait A.S

Ibn Sinan daripada al-Mufadhdhal bin 'Umar berkata: Abu Abdullah a.s berkata kepadaku: Sesungguhnya Allah s.w.t adalah Satu, lalu Dia

[74] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 419

memperkenalkan kepada hamba-Nya akan diri-Nya, kemudian Dia telah menyerahkan kepada mereka urusan-Nya, dan mengharuskan mereka syurga-Nya. Barangsiapa Allah mahu membersihkan hati-nya(*an yutahhira qalba-hu*)di kalangan Jin dan manusia, maka Dia memperkenalkan kepadanya wilayah kami (*wilayati-na*). Dan barangsiapa yang Dia mahu memadamkan hatinya, maka Dia menahannya dari mengenali kami.

Kemudian beliau berkata: Wahai Mufadhdhal, demi Allah, sesungguhnya Adam tidak berhak diciptakan Allah dengan tangan-Nya, (*ma istaujaba Adam an yakhluqa-hu l-Lahu bi-yadi-hi*) dan dihembuskan padanya roh-Nya melainkan dengan wilayah Ali a.s (*illa bi-wilayati Ali*). Allah tidak bercakap dengan Musa sebarang percakapan melainkan dengan wilayah Ali a.s. Dan Allah tidak memperkuatkan Isa ibn Maryam sebagai bukti (*ayatan*) bagi alam semesta melainkan dengan *khudhu'* kepada Ali a.s, kemudian beliau berkata: Makhluk Allah tidak layak "melihat" Allah melainkan dengan mentaati kami[75].

Balasan Mereka Yang Menegah Mukmin Dari Hajatnya

Daripada Ali bin Ja'far daripada saudaranya Musa bin Ja'far a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Barangsiapa yang telah didatangi saudaranya muslim di dalam sesuatu hajat, maka sesungguhnya ia adalah suatu rahmat daripada Allah kepadanya. Jika beliau menerimanya, maka sesungguhnya beliau telah menyambungkannya dengan wilayah kami iaitu sambungan dengan wilayah Allah Jika beliau menolaknya dari menunaikan hajatnya sedangkan beliau mampu melaksanakannya, maka Allah akan menguasai ke atasnya dengan api neraka yang membakarnya di dalam kuburnya sehingga hari Kiamat sama ada beliau diampuni ataupun diseksa, kerana keuzurannya kepada yang berhajat adalah lebih buruk keadaannya[76].

Abu Abdullah a.s berkata: Seorang yang telah bercakap dengan satu percakapan petunjuk, lalu orang lain mengamalkannya, maka beliau akan mendapat pahala sebagaimana pelakunya. Begitu juga jika beliau bercakap dengan perkataan sesat, maka baginya dosa sebagaimana pelakunya[77].

Daripada al-'Alim: Barangsiapa yang telah melakukan sunnah yang baik, maka baginya pahalanya, dan pahala orang yang melakukannya tanpa mengurangkan pahala mereka sedikit. Barangsiapa yang

[75] *Ibid*, 344
[76] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 196
[77] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvii, 188

melakukan sunnah yang jahat, maka beliau akan menanggung dosanya, dan dosa pelakunya tanpa sedikit pun mengurangi dosa mereka.

Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah mempelajari suatu ilmu bagi berhujah dengan orang-orang yang bodoh atau menguji para ulama dan menarik orang ramai kepadanya sambil berkata: Akulah ketua kamu, maka beliau akan menduduki tempatnya di neraka. Kemudian beliau berkata: Sesungguhnya kepimpinan tidak layak melainkan kepada ahlinya. Barangsiapa yang telah menyeru orang ramai kepada dirinya sedangkan di kalangan mereka terdapat orang yang lebih alim daripadanya, maka Allah tidak akan melihat kepadanya di hari Kiamat[78].

Daripada al-Harith bin al-Mughirah berkata: Abu Abdullah a.s telah berjumpa dengan aku di bahagian jalan ke Madinah secara berhadapan, berkata kepada aku: Harith! Aku berkata: Ya, maka beliau berkata: Aku akan membawa dosa orang-orang bodoh di kalangan kamu ke atas orang-orang yang lemah lembut kamu (*hulama'i-kum*). Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, kenapa? Beliau berkata: Apakah yang menghalang kamu dari mendatangi lelaki yang telah menimbulkan keaiban kepada kami di sisi orang ramai, menasihatinya dengan kata-kata yang baik? Aku berkata: Jika beliau tidak menerima kami dan mematuhi kami? Beliau berkata: Jika begitu, maka kamu tinggalkan dia dan jauhilah daripadanya.

Persaudaraan Ada Dua Jenis

Daripada Yunus bin Abd al-Rahman daripada Abu Maryam daripada Abu Ja'far a.s berkata: Seorang lelaki telah berdiri kepada Amir al-Mukminin a.s di Basrah, dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin a.s, beritahu kepada aku tentang saudara-saudara (*al-Ikhwan*). Beliau berkata: Saudara-saudara ada dua jenis: Saudara yang dipercayai (*thiqah*) dan saudara ketika ketawa (*mukasyarah*). Adapun saudara-saudara yang dipercayai, maka mereka sepertilah tapak tangan, sayap, ahli, dan harta. Jika anda mempercayai saudara anda, maka berbelanjalah harta anda, badan anda, bersahabat dengan orang yang bersahabat dengannya, bermusuhan dengan orang yang bermusuhan dengannya. Sembunyikan rahsianya, keaibannya, dan perlihatkan kebaikannya. Ketahuilah, wahai orang yang bertanya, bahawa mereka adalah lebih mulia daripada permata merah. Adapun saudara-saudara ketika ketawa, anda akan mendapat kelazatan daripada mereka, anda janganlah memutuskan perhubungan dengan mereka, dan janganlah anda meminta lebih daripada itu. Berbelanjalah kepadanya sebagaimana

---

[78] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 47

beliau membelanjakan kepada anda dengan muka yang baik dan lidah yang manis[79].

Tingkatan Persahabatan

Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya mereka yang anda menganggap sebagai sahabat tetapi apabila anda menguji mereka, maka anda akan mendapati mereka terbahagi kepada beberapa peringkat: Pertama: Mereka adalah seperti singa pada membesar-besarkan makan. Kedua: Mereka seperti serigala di dalam kemudaratan. Ketiga: Mereka seperti anjing di dalam mengerak-gerakan ekornya. Keempat: Mereka seperti musang di dalam tipu muslihat, dan pencurian. Bentuk mereka bermacam-macam, tetapi pekerjaan mereka adalah satu. Apakah anda akan lakukan jika anda ditinggalkan keseorangan, tanpa ahli, dan anak melainkan Tuhan semesta alam?[80]

Al-Sadiq a.s berkata: Sahabat musuh Ali a.s adalah musuh Ali a.s.[81]

Al-Ridha a.s berkata: Apabila anda di dalam kesusahan, maka kamu pohonlah pertolongan melalui kami kepada Allah iaitu firman-Nya Surah al-A'raf (7): 180 *"Hanya milik Allah asma' al-Husna maka pohonlah kepada-Nya dengannya"*[82]

Beliau berkata: Amir al-Mukminin a.s berkata: Janganlah anda menampakkan gigi anda sedangkan keburukan telah dilakukan, anda tidak dapat mengelakkan azab dari amalan yang jahat[83].

Simpanlah Hadis Kami Di Benteng-Benteng yang kukuh

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Salmah bin al-Khattab daripada Ahmad bin Musa daripada Abu Sa'id al-Zanjani daripada Muhammad bin Isa daripada Abu Sa'id al-Mada'ini berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sampaikan salam aku kepada *mawali* kita, dan beritahu kepada mereka supaya mereka menyimpan hadis kami di dalam benteng-benteng yang kukuh (*husun hasinah*), di dada-dada fakih (*sudur faqihah*), dan di dalam mimpi-mimpi yang tenang, demi Yang telah membelah biji-bijian, dan Yang telah menghidupkan jiwa, bahawa bukanlah pencaci kami (*al-Syatimu la-na* 'ardhan) yang menjadi halangan, dan bukanlah penentang kami (*al-Nasibu la-na* harban) yang mengisytiharkan peperangan terhadap kami yang lebih membahayakan kami daripada penyebar (*al-*

---

[79] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 248
[80] *Ibid*, xvi, 49
[81] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 53
[82] *Ibid*, ix, 68
[83] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 66

mudhi') hadis kami kepada orang yang tidak boleh menerimanya (*man la yahtimilu-hu*)[84].

Kelebihan Kemurahan Hati

Diriwayatkan daripada seorang yang alim sesungguhnya beliau berkata: Kemurahan hati (*al-Sakha'*) adalah satu pohon di syurga, dan dahan-dahannya adalah di dunia. Barangsiapa yang telah bergantung di salah satu dahannya, maka ia akan membawanya ke syurga. Kebakhilan (*al-Bakhl*) adalah satu pohon di neraka, dan dahan-dahannya adalah di dunia. Barangsiapa yang telah bergantung di salah satu dahannya, maka ia akan membawanya ke neraka.

Rasulullah s.a.w bersabda kepada 'Adi bin Hatim: Sesungguhnya Allah telah menolak azab yang kuat daripada bapa anda kerana kemurahan hatinya.

Diriwayatkan bahawa sekumpulan tawanan telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w, lalu beliau telah memerintahkan Amir al-Mukminin a.s supaya memenggal leher mereka, kemudian beliau telah memerintahnya supaya mengasingkan seorang daripada mereka, dan tidak dibunuh, lelaki itu berkata: Kenapa anda telah mengasingkan aku daripada para sahabat aku sedangkan jenayah adalah satu, beliau s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepada aku bahawa anda adalah seorang yang pemurah di kalangan kaum anda, dan aku tidak akan membunuh anda, lantas lelaki itu berkata: Aku naik saksi tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya anda adalah pesuruh Allah. Beliau berkata: Kemurahan hatinya telah membawanya ke syurga.

Diriwayatkan bahawa seorang lelaki yang pemurah yang melakukan dosa itu adalah lebih dicintai Allah daripada seorang tua (syeikh) yang kuat beribadat, tetapi bakhil.

Diriwayatkan bahawa tiada suatu perkara yang hampir kepada Allah dan lebih dicintai-Nya dari memberi makan, dan pengaliran darah (sembelihan binatang atau syahadah).

Diriwayatkan: Kamu duduklah di hadapan hidangan di dalam waktu yang agak lama, kerana ia adalah waktu yang tidak dikira umur kamu.

Diriwayatkan bahawa jika seorang membelanjakan makanan dengan harga seratus ribu dirham, kemudian seorang mukmin sahaja memakannya, maka ia tidak dikira seorang pemboros(*musrifan*).

Diriwayatkan daripada seorang yang alim bahawa beliau berkata: Beri makanlah makanan, berilah salam, kerjalah solat ketika orang ramai sedang tidur, maka masuklah syurga dengan sejahtera.

---

[84] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, I, 89

Diriwayatkan: Hanya kepada kamulah pahala, wahai pemurah hati (*al-Sakhiyyu*), kerana Allah a.w menyambut dengan tangan-Nya.

Diriwayatkan bahawa Allah menyambut di ubun-ubun bayi apabila ia terantuk.

Beliau berkata: Allah berfirman di dalam hadis kudsi: Redailah apa yang Aku telah kurniakan kepada kamu, nescaya kamu menjadi orang yang paling kaya.

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad al-Jauhari daripada Ali bin Abu Hamzah daripada Abu Basir berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far berkata: Rahsia Allah di mana Dia telah menyimpan rahsia-Nya kepada Jibrail, dan Jibrail telah menyimpan rahsianya kepada Muhammad s.a.w, dan Muhammad telah menyimpan rahsianya kepada Ali a.s, dan Ali a.s telah menyimpannya kepada orang yang ia kehendaki seorang selepas seorang.

Hukum-Hukum Diat

Al-Hasan bin Mahbub daripada Hisyam bin Salim daripada Ziad bin Sauqah daripada al-Hakam bin Utaibah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Ja'far a.s: *Aslaha-ka l-Lahu*, sesungguhnya sebahagian orang mempunyai tiga puluh dua gigi di mulutnya, dan sebahagian orang mempunyai dua puluh lapan gigi, lantaran itu, berapakah dibahagikan diat gigi? Maka beliau berkata: Asal kejadian adalah dua puluh lapan gigi; dua belas di hadapan mulut, dan enam belas gigi di belakang, maka di atas asas inilah dibahagikan diat gigi. Fidyah setiap gigi hadapan apabila ia pecah dan hilang adalah lima ratus dirham. Bagi dua belas gigi, maka fidyahnya adalah enam ribu dirham. Fidyah setiap gigi gusi sehingga ia hilang adalah separuh fidyah gigi hadapan. Lantaran itu fidyah setiap gigi yang telah pecah sehingga ia hilang adalah dua ratus lima puluh dirham. Oleh itu enam belas gigi gusi, maka fidyahnya adalah empat ribu dirham. Semua diat gigi hadapan dan belakang adalah sepuluh ribu dirham, dan gigi yang melebihi dua puluh lapan tiada diat baginya, begitu juga gigi yang kurang, maka tiada diat baginya. Demikianlah kami telah mendapatinya di dalam kitab Ali.

Al-Hakam berkata: Maka aku berkata kepadanya: Sesungguhnya diat diambil sebelum hari ini dari unta dan kambing, beliau berkata: Itu telah berlaku di perkampungan sebelum Islam. Apabila datang Islam dan kertas (*al-waraq*) telah menjadi banyak di kalangan orang ramai, maka Amir al-Mukminin a.s telah membahagikannya di atas wang kertas. Al-Hakam berkata: Aku telah berkata kepadanya: Apakah pendapat anda jika ia berlaku kepada penduduk kampung,adakah diambil daripadanya unta atau wang kertas? Beliau berkata: Unta pada hari ini sepertilah wang kertas, tetapi ia adalah lebih baik dari wang

kertas di dalam diat. Diambil daripada mereka diat kesalahan (*al-Khata'*) adalah seratus ekor unta, setiap ekor unta dinilai sebayak seratus dirham, maka jumlah kesemuanya adalah sepuluh ribu dirham, aku berkata kepadanya: Berapakah umur seratus ekor unta? Beliau berkata: Apabila cukup setahun[85].

al-Hakam berkata: Aku telah bertanya kepadanya:Apakah pendapat anda tentang sengaja (*al-'Amd*), dan secara tidak sengaja (*al-Khata'*) di dalam pembunuhan dan kecederaan? Beliau berkata: *Al-Khata'* (secara tidak sengaja) tidak sama dengan sengaja (*al-'Amd*). Sengaja di dalam pembunuhan dan kecederaan adalah dikenakan kisas, sementara pembunuhan dan kecederaan secara tersalah dikenakan diat, kemudian beliau berkata: Wahai Hakam, apabila kesalahan daripada pembunuh atau orang yang melakukan kecederaan itu seorang Badwi, maka fidyah yang dilakukan oleh Badwi secara tidak sengaja itu, adalah di atas wali-wali Badwinya. Dan jika pembunuh atau orang yang melakukan kecederaan itu terdiri daripada orang kampung, maka diat kesalahannya adalah di atas wali-wali kampungnya[86].

Daripadanya, daripada al-Hakam berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang anak-anak jari tangan (*asabi' al-Yadain*), dan anak-anak jari kaki yang melebihi sepuluh jari atau yang berkurangan daripadanya, adakah dikenakan diat? Beliau berkata: Maka beliau berkata kepada ku: Wahai Hakam, asal kejadian adalah sepuluh anak-jari bagi dua tangan, dan sepuluh anak jari kaki bagi dua kaki dan apa yang terlebih dan berkurangan, maka tiada diat baginya, setiap anak jari tangan, maka diatnya adalah seribu dirham, dan diat bagi setiap anak jari kaki adalah seribu dirham, dan setiap anak jari yang lumpuh, maka diatnya adalah satu pertiga dari anak jari yang sihat[87].

Hisyam bin Salim daripada Ammar bin al-Sabiti daripada Abu Ubaidah berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang seorang yang buta yang telah mencungkil mata seorang lelaki yang sempurna dengan sengaja, maka beliau berkata: Wahai Abu Ubaidah, sesungguhnya kesengajaan seorang yang buta sepertilah seorang yang melakukannya dengan tidak sengaja, lantaran itu, beliau wajib mengeluarkan diat dari hartanya. Jika beliau tidak mempunyai harta, maka diatnya adalah di atas imam, dan ia tidak membatalkan hak seorang muslim.

Alamat-Alamat Kejayaan

---

85 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xxiv, 50

86 *Ibid*

87 *Ibid*

'Umru bin Abu al-Miqdam daripada Jabir al-Ja'fi berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepada aku: Wahai Jabir, sentiasalah berada di tanah, janganlah anda menggerakkan tangan, dan kaki sehingga anda melihat alamat-alamat di mana aku akan menyebutnya kepada anda jika anda mendapatinya: Perselisihan anak lelaki si polan, tetapi aku tidak fikir anda akan mendapatinya. Ia akan berlaku selepas aku. Penyeru akan menyeru dari langit, dan suara akan mendatangi kamu dari arah Dimasyq, akan menelan sebuah kampung di Syam dinamakan al-Jabiyah, satu kumpulan akan terjatuh dari Masjid Dimasyq di sebelah kanan, pemberontak akan keluar di sebelah Turki, dan dikuti di sebelah Rom.

Dialu-alukan saudara-saudara sehingga mereka berkumpul di al-Jazirah. Begitu juga pemberontak Rom dialu-alukan sehingga mereka berkumpul di al-Ramlah. Pada tahun itu, wahai Jabir, terdapat perbezaan yang banyak pada setiap tanah di sebelah al-Maghrib. Maka bumi al-Maghrib akan merosakkan bumi Syam, kemudian mereka bertengkar di atas tiga bendera: Bendera al-Ashab, bendera al-Abqa', dan bendera al-Sufyani. Kumpulan al-Sufyani akan bertemu dengan kumpulan al-Abqa', lalu mereka berperang. Al-Abqa' dan tenteranya terbunuh begitu juga al-Ashab dibunuh.

Kemudian matlamatnya adalah mara ke Iraq, dan tenteranya akan melalui Qirqisa di mana mereka akan membunuh seratus ribu orang tentera yang kuat. Kemudian al-Sufyani akan menghantar tentera ke Kufah, dan bilangan mereka adalah tujuh puluh ribu. Mereka akan membunuh penduduk Kufah, menyula, dan menjadikan mereka hamba. Di dalam keadaan mereka sedemikian, tiba-tiba bendera-bendera di sebelah Khurasan memenuhi rumah-rumah, dan bersama-sama mereka adalah beberapa orang sahabat al-Qaim a.s. Seorang daripada *mawali* penduduk Kufah keluar, lalu dibunuh oleh pemerintah tentera al-Sufyani di antara al-Hirah dan Kufah, kemudian al-Sufyani akan menghantar delegasi ke Madinah, lalu al-Mahdi melarikan diri ke Makkah. Maka berita telah sampai kepada pemerintah tentera al-Sufyani bahawa al-Mahdi telah keluar dari Madinah.

Lantas beliau mengutus tentera untuk menjejakinya, tetapi tidak mendapatinya sehingga beliau a.s memasuki Makkah di dalam keadaan takut menunggu mengikut sunnah Musa bin Imran a.s; pemerintah tentera al-Sufyani berkumpul di al-Baida', lalu penyeru menyeru dari langit: Wahai Baida', adakah di sisi al-Baida' kumpulan yang akan ditelan bumi di al-Baida', dan tidak akan terlepas daripada mereka melainkan tiga orang, Allah akan menukar muka-muka mereka ke belakang. Dan pada merekalah Surah al-Nisa, (4): 47 diturunkan " *wahai orang-orang yang telah diberi al-Kitab, berimanlah kamu kepada apa yang telah kami turunkan (al-Qur'an) yang membenarkan kitab yang ada pada kamu sebelum kami merubah muka(mu)*".

Beliau berkata: Al-Qaim a.s pada masa itu berada di Makkah, menyandar belakangnya di Ka'bah sambil berdoa: Wahai manusia: Sesungguhnya kami memohon pertolongan Allah, dan siapa yang menyahuti seruan kami di kalangan manusia, kerana kami adalah Ahlu l-Bait Nabi kamu. Kami adalah orang yang paling *aula* dengan Allah, dan Muhammad s.a.w. Barangsiapa yang berhujah dengan aku tentang Adam, maka aku adalah orang yang paling *aula* dengan Adam. Barangsiapa yang berhujah dengan aku tentang Nuh, maka aku adalah orang yang paling *aula* dengan Nuh.

Barangsiapa yang berhujah dengan aku tentang Ibrahim, maka aku adalah orang yang paling *aula* tentang Ibrahim. Barangsiapa yang berhujah denganku tentang Muhammad s.a.w, maka aku adalah orang yang paling *aula* tentang Muhammad s.a.w. Barangsiapa yang berhujah dengan aku tentang para nabi, maka aku adalah orang yang paling *aula* tentang para nabi, tidakkah Allah berfirman di dalam kitabnya Surah Ali Imran (3) : 34 *"Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim, dan keluarga Imran melebihi segala umat sebagai satu keturunan yang sebahagiannya dari yang lain. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui "*.

Maka aku adalah *baqiyyatun* (peninggalan) daripada Adam, simpanan daripada Nuh, tapisan daripada Ibrahim dan pilihan daripada Muhammad s.a.w. Barangsiapa yang berhujah dengan aku tentang kitab Allah, maka aku adalah orang yang aling *aula* tentang kitab Allah. Barangsiapa yang berhujah dengan aku tentang sunnah Rasulullah s.a.w, maka aku adalah orang yang paling *aula* tentang sunnah Rasulullah s.a.w dan sirahnya.

Aku menyeru Allah akan orang yang telah mendengar percakapan ku hari ini manakala orang yang menyaksikan di kalangan kamu telah menyampaikannya kepada orang yang tidak hadir, aku meminta kamu dengan hak Allah, hak Rasul-Nya, dan hak aku, sesungguhnya bagiku di atas kamu hak kerabat dengan Rasulullah s.a.w, kamu telah menentang kami, dan menghalang kami daripada mereka yang menzalimi kami. Sesungguhnya kami telah diugut, dizalimi, diusir dari rumah-rumah kami, dan anak-anak kami. Kami ditindas, dipinggirkan dari hak kami, dan ahli batil menentang kami. Allah, Allah jika mereka telah mengambil kami, dan telah menolong kami, Allah akan menolong kamu; maka Allah akan mengumpulkan untuknya para sahabatnya sebanyak tiga ratus tiga belas orang lelaki, Allah akan mengumpulkan untuknya tanpa menetapkan hari tertentu, iaitu sebagaimana ayat, wahai Jabir, yang telah disebutkan di dalam Surah al-Baqarah (2) : 148 *"Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu"*

Maka mereka akan memberi baiah kepadanya di antara Ka'bah dan Makam Ibrahim bersama-samanya janji dari Rasulullah s.a.w yang

diwarisi para nabi daripada bapa-bapa mereka, dan al-Qaim, wahai Jabir, adalah seorang lelaki daripada anak lelaki al-Husain bin Ali a.s. Allah akan memperbaiki urusannya untuknya di dalam satu malam. Beliau tidak akan menyusahkan orang ramai tentang perkara itu, wahai Jabir, dan kelahirannya daripada Rasulullah s.a.w juga tidak akan menyusahkan keadaan, dan pewarisannya akan para ulama seorang selepas seorang tidak akan menimbulkan masalah ke atas mereka. Jika kemusykilan berlaku, maka suara dari langit akan menyeru dengan namanya, nama bapanya, dan nama ibunya[88].

Pemberitahuan Apa Yang Akan Berlaku

'Umar bin Thabit daripada Jabir berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Demi Allah, seorang lelaki daripada kami Ahlu l-Bait selepas kematiannya tiga ratus sembilan tahun, beliau berkata: Maka aku berkata: Bilakah ia akan berlaku? Beliau berkata: Maka beliau berkata: Selepas kematian al-Qaim. Aku telah berkata kepadanya: Berapa lama al-Qaim akan berada di dunianya sehingga beliau mati? Beliau berkata: Maka beliau berkata: Sembilan belas tahun dari hari pertamanya sehingga hari kematiannya, aku berkata: Adakah selepas kematiannya akan berlaku huru-hara? Beliau berkata: Ya, selama lima puluh tahun.

Kemudian al-Muntasir akan keluar ke dunia menuntut darahnya, dan darah para sahabatnya, maka beliau membunuh dan mengambil tawanan sehingga dikatakan kepadanya: Jika inilah dari zuriat para nabi, nescaya beliau tidak membunuh orang ramai seperti pembunuhan ini, orang ramai sama ada yang putih atau yang hitam mereka akan berkumpul kepadanya sehingga mereka membuatnya berlindung kepada Ka'bah, dan apabila bala berlaku kepadanya, maka al-Muntasir dibunuh, kemudian al-Saffah keluar kepada dunia di dalam keadaan marah, kerana pembunuhan al-Muntasir, maka beliau akan membunuh setiap musuh kami, adakah anda mengetahui siapakah al-Muntasir, dan al-Saffah wahai Jabir? Al-Muntasir adalah al-Husain bin Ali, dan al-Saffah adalah Ali bin Abu Talib a.s[89] .

'Ala' bin Razin daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Tiada agama bagi orang yang telah mentaati orang menderhaka kepada Allah, tiada agama bagi orang yang telah mempercayai kebatilan, dan tiada agama bagi orang yang telah menentang sesuatu dari ayat-ayat Allah.

---

[88] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiii, 164
[89] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiii, 225

BAHAGIAN KESEMBILAN

Umpama ilmu Ahlu l-Bait a.s, hukum mengingkari imam daripada Allah, kegembiraan kepada mukmin, kelebihan keadilan dan beramal dengannya, bilangan para nabi a.s, Musa dan kaumnya yang tersesat di jalan dan lain-lain.

Umpama Ilmu Ahlu l-Bait A.S

Ishaq bin 'Ammar daripada Abu Abdullah a.s: Sesungguhnya umpama Ali bin Abu Talib a.s, dan umpama kami selepasnya pada umat ini sepertilah Nabi Musa, dan Nabi Khidir a.s, Nabi Musa a.s telah memohon untuk bercakap dengan Nabi Khidir a.s, dan meminta persahabatan dengannya, kisah mereka berdua telah diceritakan oleh Allah di dalam Surah al-A'raf (7) :144 "*bahawa Allah telah berkata kepada Musa wahai Musa sesungguhnya Aku telah memilih kamu dari manusia yang lain untuk membawa risalah-Ku dan untuk berbicara langsung dengan-Ku, sebab itu berpegang teguhlah kepada apa yang Aku telah berikan kepadamu dan hendaklah kamu termasuk orang-orang yang bersyukur*"

Kemudian Dia berfirman di dalam Surah yang sama:145 "*Dan telah kami tuliskan untuk Musa pada Lauh-lauh segala sesuatu sebagai pelajaran dan penjelasan bagi segala sesuatu*"

Nabi Khidir a.s telah memiliki ilmu yang tidak ditulis di lauh-lauh (*alwah*) Musa, tetapi Musa a.s telah menyangka bahawa semua perkara yang beliau perlukan di dalam kenabiannya, dan semua ilmu telah ditulis untuknya di lauh-lauh sebagaimana mereka yang mendakwa bahawa mereka adalah ulama dan *fuqaha'*, diberi semua kefahaman, dan ilmu di dalam agama yang diperlukan umat kepadanya.

Mereka mengesahkan bahawa ia adalah daripada Rasulullah s.a.w, lalu mereka mempelajari dan menghafaznya. Sebenarnya bukan semua ilmu Rasulullah s.a.w mereka telah mempelajarinya, dan bukan semuanya daripada Rasulullah s.a.w, malah mereka tidak mengetahuinya. Suatu perkara sama ada yang halal atau yang haram ditanya kepada mereka, tetapi mereka tidak mempunyai hadis

Rasulullah s.a.w tentang perkara tersebut, dan mereka pula menjadi malu apabila kejahilan dikaitkan kepada mereka, mereka tidak suka mereka ditanya, kerana mereka tidak dapat menjawabnya, lantas orang ramai menuntut ilmu dari galiannya. Justeru itu, mereka telah mengguna pendapat (*al-Ra'yu*), dan kias di dalam agama Allah, dan meninggalkan hadis Rasulullah s.a.w.

Mereka mendekati Allah dengan berbagai bid'ah, Rasulullah s.a.w bersabda: Setiap bid'ah adalah sesat. Jika mereka bertanya sesuatu tentang agama Allah, dan mereka tidak mengetahui hadis Rasulullah s.a.w, maka hendaklah mereka kembalikan kepada Allah, kepada Rasulullah s.a.w, dan kepada *Uli l-Amri* daripada mereka, nescaya ali Muhammad akan memberitahu kepada mereka, tetapi permusuhan (*al-'adawah*) dan hasad telah menghalang mereka dari menuntut ilmu daripada kami, tetapi Nabi Musa a.s tidak pernah mempunyai perasaan hasad kepada Nabi Khidir a.s, beliau telah mengetahui keilmuan Nabi Khidir a.s, lalu beliau telah mengakuinya, dan tidak berhasad dengki kepadanya sebagaimana umat ini telah berhasad dengki kepada kami selepas Rasulullah s.a.w akan keilmuan kami, dan apa yang telah kami warisi daripada Rasulullah s.a.w. Mereka tidak gemar kepada keilmuan kami, tidak sebagaimana Musa a.s yang telah gemar kepada Khidir a.s,lalu menjalinkan persahabatan dengannya, mempelajari keilmuannya, manakala beliau telah bertanya Nabi Khidir a.s, maka beliau mengetahui bahawa Musa tidak mampu untuk meneruskan persahabatan dengannya, dan tidak boleh menanggung keilmuannya, serta tidak boleh bersabar dengannya pada masa itu, Nabi Khidir a.s berkata kepadanya: Sesungguhnya anda tidak mampu bersabar bersama aku. Musa berkata kepadanya: Kenapa aku tidak bersabar? Maka Khidir berkata: Bagaimana anda boleh bersabar di atas perkara yang anda tidak mengetahui beritanya, Musa berkata kepadanya dengan rendah diri supaya Khidir menerimanya: Anda akan mendapati aku seorang yang bersabar dan aku tidak akan menderhaka anda walau sedikit.

Khidir telah mengetahui bahawa Musa tidak bersabar di atas keilmuannya, begitulah, demi Tuhan, wahai Ishaq, keadaan kadi-kadi mereka, *fuqaha'* mereka, dan kumpulan mereka hari ini, mereka tidak mampu menanggung, demi Tuhan, keilmuan kami, mereka tidak boleh menerimanya, mereka tidak mampu, dan mereka tidak akan menerimanya, mereka tidak akan bersabar sebagaimana Musa tidak bersabar di atas keilmuan Khidir ketika beliau bersahabat dengannya, dan melihat apa yang beliau telah melihat tentang keilmuannya. Demikianlah ia di sisi Musa merupakan perkara yang dibencinya (*makruhan*), dan ia di sisi Allah adalah suatu *keredaan* iaitu kebenaran, begitulah keadaan ilmu kami di sisi orang-orang jahil merupakan ilmu

yang dibenci (*makruhan*), dan tidak diambil-kira sedangkan ia di sisi Allah adalah kebenaran[90].

Abu Ayyub, daripada Muhammad bin Muslim daripada Abu Ja'far a.s berkata: Aurat mukmin ke atas mukmin itu adalah haram,dan berkata: Barangsiapa yang telah mengintai mukmin di rumahnya, maka dua matanya adalah *mubah* bagi mukmin pada masa itu. Barangsiapa yang memasuki rumah mukmin tanpa izinnya, maka darahnya adalah *mubah* bagi mukmin pada masa itu. Barangsiapa yang telah mengingkari seorang nabi yang diutus akan kenabiannya, dan membohonginya, maka darahnya adalah *mubah*.

Hukum Mengingkari Imam Daripada Allah

Beliau berkata: Maka aku berkata:Apa pendapat anda bagi mereka yang telah mengingkari seorang imam daripada kamu apakah keadaannya? Beliau berkata: Barangsiapa yang telah mengingkari seorang imam daripada Allah, membebaskan diri daripadanya, dan daripada agamanya, maka beliau adalah seorang kafir, terkeluar dari Islam, kerana *imamah* adalah daripada Allah, agamanya adalah agama Allah. Barangsiapa yang telah bebas daripada agama Allah, maka beliau adalah seorang yang kafir, darahnya adalah *mubah* pada masa itu melainkan beliau kembali bertaubat kepada Allah dari apa yang dikatakannya, beliau berkata: Barangsiapa yang telah memusnahkan seorang mukmin kerana mahukan hartanya, dan dirinya, maka darahnya adalah *mubah* bagi mukmin pada masa itu.

Muhammad bin al-Husain daripada Ibn Mahbub daripada Hisyam bin Salim daripada Habib al-Sajistani daripada Abu Ja'far a.s berkata: Allah berfirman: Aku akan mengazabkan setiap rakyat di dalam Islam yang telah mentaati seorang imam yang bukan daripada Allah sekalipun rakyat baik dan bertakwa, dan Aku akan mengampuni setiap rakyat di dalam Islam yang telah mentaati seorang imam yang adil daripada Allah sekalipun rakyat itu zalim dan jahat.

Memasukkan Kegembiraan Kepada Mukminin

Al-Sayyari, daripada Muhammad bin Jumhur berkata: Al-Najjasyi adalah seorang lelaki di kalangan peniaga, menjadi gabenor di al-Ahwaz dan Faris, berkata: Maka sebahagian pekerja-pekerjanya berkata kepada Abu Abdullah a.s: Sesungguhnya di dewan al-Najjasyi, kharaj untuk aku, beliau adalah seorang yang mentaati anda, tidakkah anda fikir untuk menulis surat kepadanya? Beliau berkata:Maka beliau telah

---

90 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, I, 134

menulis surat kepadanya: *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim*, buatlah saudara anda gembira, nescaya Allah akan menggembirakan anda.

Beliau berkata: Apabila beliau telah mendapatkan surat itu, beliau memasuki majlisnya, kemudian beliau telah menyerahkannya kepadanya, dan berkata: Ini adalah surat Abu Abdullah a.s, lalu beliau mengucupnya dan meletakkannya di hadapannya, beliau berkata kepadanya: Apakah hajat anda? Beliau berkata: Kharaj untuk aku di dewan anda, beliau berkata kepadanya: Berapa dirham? Beliau berkata: Sepuluh ribu dirham.

Beliau berkata: Lalu beliau menyeru penulisnya,dan memerintahnya supaya menunaikannya, kemudian beliau mengeluarkan namanya dari dewan. Kemudian beliau telah memerintahnya supaya diberikan kepadanya sebagai penerima, kemudian beliau berkata: Adakah aku telah menggembirakan anda? Maka beliau berkata: Ya.

Beliau berkata: Maka beliau telah memerintah untuknya sepuluh ribu dirham lagi, beliau berkata kepadanya: Adakah aku telah menggembirakan anda (*sarartu-ka*)? Maka beliau berkata: Ya, aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, beliau berkata: Kemudian beliau telah memerintah untuknya seekor binatang tunggangan, seorang hamba perempuan dan seorang hamba lelaki, kemudian beliau telah memerintah untuknya satu bekas pakaian. Dan setiap kali beliau berkata kepadanya: Adakah aku telah menggembirakan anda? Setiap kali beliau berkata kepadanya: Ya, beliau menambahkan lagi untuknya sehingga selesai, kemudian beliau berkata: Bawalah hamparan rumah ini di mana aku telah duduk di atasnya ketika anda memberi surat *maula*ku kepada aku, dan kemukakanlah kepada aku segala hajat anda.

Beliau berkata: Beliau telah melaksanakan kesemuanya. Kemudian lelaki itu keluar dan datang kepada Abu Abdullah a.s. Lalu beliau menceritakan kepadanya segala-galanya. Beliau a.s telah bergembira apa yang telah dilakukan oleh lelaki itu. Maka lelaki itu berkata kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah, seolah-olah beliau telah menggembirakan anda dengan apa yang beliau telah berikan kepada aku, beliau berkata: Ya, demi Allah, sesungguhnya beliau telah menggembirakan Allah dan Rasul-Nya(*la-qad sarra l-Laha wa Rasula-hu*)[91].

Ibrahim bin Ishaq daripada Abdullah bin Hammad daripada Sudair daripada Abu Abdullah a.s berkata: Beliau berkata: Sesungguhnya aku akan menggembirakan anda? Aku berkata: Ya, Allah telah menjadikan aku tebusan anda, beliau berkata: Tiada penguasa yang zalim pada masa dahulu, dan pada masa akan datang melainkan bersamanya

---

[91] Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 190

seorang yang kuat daripada Allah yang akan mempertahankan para wali-Nya dari kejahatan mereka[92].

Muhammad bin al-Husain daripada Isa bin Hisyam daripada Abd al-Karim daripada al-Halb daripada Abu Abdullah a.s berkata: Keadilan itu adalah lebih manis daripada air yang mengenai orang yang dahaga (*al-'Adl ahla min al-Ma' yusibu-hu al-zam'an*). Alangkah luasnya keadilan jika keadilan dilaksanakan sekalipun sedikit.

Daripada Muhammad bin Isa daripada saudaranya Ja'far bin Isa daripada Ishaq bin 'Ammar berkata: Seorang lelaki telah bertanya Abu Abdullah a.s tentang keterlibatannya dengan kerja penguasa? Beliau berkata: Mereka melibatkan diri kamu atau kamu melibatkan diri kamu dengan mereka? Beliau berkata: Tidak, mereka yang melibatkan kami, beliau berkata: Tidak mengapa[93].

Ali bin Ibrahim al-Ja'fari daripada Muslim *maula* Abu al-Hasan a.s berkata: Seorang lelaki telah bertanya kepadanya: Turki itu lebih baik atau mereka itu? Beliau berkata: Apabila kamu datang ke Turki mereka akan memisahkan di antara kamu dan agama kamu? Beliau berkata: Aku berkata: Ya, aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, beliau berkata: Mereka akan memisahkan di antara kamu dan agama kamu? Beliau berkata: Aku berkata: Tidak, malah mereka akan bekerja keras untuk membunuh kita, beliau berkata: Jika mereka memulakan peperangan ke atas mereka, maka perangilah mereka dengan mereka atau menolong menentang mereka.[94]

Kelebihan Keadilan Dan Beramal Dengannya

Ibrahim bin Ishaq daripada Abdullah bin Hammad daripada 'Umru bin Syamr daripada Jabir daripada Abu Ja'far a.s berkata: Barangsiapa yang telah berjalan kepada penguasa yang zalim, lalu beliau telah memerintahnya supaya bertakwa kepada Allah, menasihatinya, dan menakut-nakutkannya, maka pahalanya adalah seperti pahala ibadat jin dan manusia, dan seperti amalan mereka[95].

Daripada Ibn Mahbub daripada Mu'awiyah bin Wahab daripada Abu Abdullah a.s berkata: Keadilan itu adalah lebih manis dari madu (*al-'Adl ahla min al-Syhadi*), lebih lembut dari keju (*al-Yanu min al-Zabadi*), dan lebih sedap baunya dari minyak wangi (*atyabu rihan min al-Miski*).[96]

---

92 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xvi, 220
93 *Ibid*
94 *Ibid*, xxi, 98
95 *Ibid*, xvi, 230
96 *Ibid*, 220

Ahmad daripada bapanya daripada Abdullah bin al-Mughirah daripada Muhammad bin Sinan daripada Talhah bin Zaid daripada Abu Abdullah a.s bahawa sesungguhnya bapanya berkata: Barangsiapa yang telah mendatangi seorang imam yang zalim, lalu beliau membaca al-Qur'an ke atasnya bertujuan untuk mendapat habuan dunia, maka pembaca itu akan dilaknati (*lu'ina al-Qari'u*) setiap huruf sepuluh laknat sementara pendengarnya pula dilaknati (*lu'ina al-Mustami'*) setiap huruf dengan satu laknat.

Abu al-Hasan Dengan Harun al-Rasyid

Abdullah bin Muhammad al-Sa'i daripada al-Hasan bin Musa daripada Abdullah bin Muhammad al-Nahiki daripada Muhammad bin Sabiq bin Talhah al-Ansari berkata: Di antara apa yang telah dikatakan oleh Harun ketika Abu al-Hasan dibawa kepadanya: Apakah rumah ini? Maka beliau berkata: Ini adalah rumah orang-orang fasiq, beliau membaca Surah al-A'raf (7): 146 "*Aku akan memalingkan orang-orang yang menyombongkan dirinya di muka bumi tanpa alasan yang benar dan tanda-tanda kekuasan-Ku .Mereka jika melihat tiap-tiap ayat-Ku, mereka tidak beriman kepadanya. Dan jika mereka melihat jalan yang membawa mereka kepada petunjuk, mereka tidak mahu menempuhnya, tetapi jika mereka melihat jalan kesesatan, mereka terus menempuhnya. Yang demikian itu adalah kerana mereka mendustakan ayat-ayat kami dan mereka selalu lalai daripadanya*"

Harun berkata kepadanya: Rumah siapakah ini? Beliau berkata: Ia adalah untuk syi'ah kami beberapa ketika dan selain daripada mereka adalah (rumah) fitnah, beliau berkata: Apakah gerangan tuan rumah ini yang tidak mengambilnya (teladan)? Beliau berkata: Diambil daripadanya di dalam keadaan membangun, dan beliau tidak mengambil daripadanya melainkan ia telah dibangunkan, beliau berkata: Di manakah syi'ah anda? Lalu Abu al-Hasan a.s membaca Surah al-Bayyinah (98):1 "*Orang-orang kafir iaitu Ahli kitab dan orang-orang musyrik tidak akan meninggalkan agama mereka sebelum datang kepada mereka bukti yang nyata*"

Beliau berkata: Harun berkata kepadanya:Jika begitu kami ini orang-orang kafir? Beliau berkata: Tidak, tetapi sebagaimana firman Allah di dalam Surah Ibrahim (14) :28 " *Orang-orang yang telah menukar nikmat Allah dengan kekafiran dan menjatuhkan kaumnya ke lembah kebinasaan* ", lantas beliau memarahinya ketika itu, dan mengasarinya.

Abu al-Hasan telah berhadapan dengannya dengan kata-kata seumpama ini, dan ia tidak menakutkannya. Ini adalah bertentangan

dengan pendapat yang mengatakan bahawa beliau telah melarikan diri daripada Harun kerana takut[97].

Agama Dan Kuasa Adalah Dua Saudara Kembar

Sebahagian mereka meriwayatkan bahawa beliau berkata:Agama dan kuasa adalah dua saudara kembar (*ikhwani tauamani*) yang tidak dapat dipisahkan, agama adalah asas sementara kuasa (*al-Sultan*) adalah pengawal. Apa yang tidak ada asas akan musnah, dan apa yang tidak ada pengawal akan hilang[98].

Kenapakah Rasulullah S.A.W Dinamakan al-Ummiyyu

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Barqi daripada Ja'far bin Muhammad al-Sufi berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far Muhammad bin Ali bin al-Ridha a.s, aku telah berkata kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, kenapa di namakan Rasulullah s.a w dengan al-Ummiyyu? Beliau berkata: Apakah orang ramai berkata? Aku berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, mereka berkata: Sesungguhnya beliau dinamakan al-Ummiyyu kerana beliau tidak pernah menulis. Beliau berkata: Mereka telah berbohong, maka laknat Allah adalah ke atas mereka.

Bagaimana ia boleh terjadi begitu sedangkan Allah berfirman di dalam Surah al-Jumu'at (62):2 *"Dialah yang mengutus kepada kaum Makkah seorang rasul di antara mereka yang membacakan ayat-ayatnya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka kitab dan hikmat"*, bagaimana beliau mengajar mereka perkara yang beliau sendiri tidak mengetahuinya, demi Allah, bahawa Rasulullah s.a.w membaca dan menulis dengan tujuh puluh dua atau tujuh puluh tiga bahasa, beliau dinamakan al-Ummiyyu kerana beliau adalah daripada ahli Makkah, dan Makkah adalah ibu segala kampung (*Ummu al-Qura*) sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-An'am (6): 92 *"agar kamu memberi peringatan kepada penduduk Ummu al-Qura* (*Makkah*)*"*[99]

Bilangan Para Nabi A.S

Sekumpulan daripada para sahabat kami, daripada Muhammad bin Ja'far al-Muaddib berkata: Sebilangan para sahabat kami telah memberitahu kami daripada Muhammad bin al-Husain daripada Abu al-Khattab daripada Ali bin Asbat daripada al-Hasan bin Ziad daripada

---

97 *Ibid*, xi, 279

98 *Ibid*, xvi, 214

99 Al-Saduq, *Ma'ani al-Akhbar*, hlm 20

Safwan bin Mihran al-Jamal daripada Abu Abdullah a.s berkata: Beliau berkata kepada aku: Wahai Safwan, adakah anda mengetahui berapakah Allah telah mengutus nabi? Beliau berkata: Aku berkata: Aku tidak mengetahuinya, beliau berkata: Allah telah mengutus seratus empat puluh empat ribu nabi, begitu juga bilangan para wasi dengan kebenaran di dalam percakapan, menunaikan amanah, zuhud di dunia. Allah tidak mengutus seorang nabi yang lebih baik daripada Muhammad, dan Allah tidak mengutus seorang wasi yang lebih baik daripada wasinya[100].

Beliau berkata: Ahmad bin Muhammad bin Yahya telah memberitahu kami daripada bapanya daripada al-Husain bin al-Hasan bin Abban daripada Muhammad bin Urmah daripada Ali bin Muzahhar daripada al-Hasan al-Mithami daripada seorang lelaki daripada Abu Abdullah a.s berkata: Abu Dhar berkata: Wahai Rasulullah, berapa orang Allah telah mengutus nabi? Beliau bersabda: Tiga ratus dua puluh ribu nabi, beliau berkata: Wahai Rasulullah, berapa orang kah bilangan para rasul? Tiga ratus dan belasan orang, beliau berkata: Berapakah kitab yang telah diturunkan Allah? Beliau bersabda: Seratus dua puluh kitab, Dia telah menurunkan ke atas Idris lima puluh mashaf iaitu Ukhnukh; orang pertama yang telah mengguna khat di dalam tulisan, Dia telah menurunkan ke atas Nuh sepuluh mashaf, Dia telah menurunkan ke atas Ibrahim sepuluh mashaf. Dia telah menurunkan Taurat ke atas Musa, Zabur ke atas Daud, Injil ke atas Isa, dan al-Qur'an ke atas Muhammad s.a.w.[101]

Diriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa beliau berkata: Rasul pertama yang diutus adalah Adam a.s, dan yang paling akhir adalah Muhammad s.a.w. Bilangan para nabi adalah seratus dua puluh empat ribu, dan para rasul di kalangan mereka adalah tiga ratus lima orang. Lima di kalangan mereka adalah Ulu al-'Azm: Nuh Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad s.a.w. Lima adalah di kalangan Arab: Hud, Salih, Syu'aib, Ismail, dan Muhammad s.a.w. Lima di kalangan mereka adalah Hebrew: Adam, Thith, Idris, Nuh, dan Ibrahim a.s. Nabi pertama di kalangan Bani Israel adalah Musa, dan yang akhir mereka adalah Isa. Dan kitab yang diturunkan ke atas para nabi seratus empat kitab. Di antaranya diturunkan ke atas Adam lima puluh mashaf, ke atas Idris tiga puluh, ke atas Ibrahim dua puluh, ke atas Musa Taurat, ke atas Isa Injil, dan ke atas Muhammad s.a.w adalah al-Furqan[102].

Muhammad bin Ja'far al-Muaddib, daripada Ahmad bin Abu Abdullah daripada bapanya daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal daripada 'Umar bin Abban daripada sebahagian daripada mereka

[100] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, v, 16
[101] *Ibid*
[102] *Ibid*, v , 12

berkata: Lima di kalangan para nabi adalah Siriyaniyyun: Adam, Thith, Idris, Nuh dan Ibrahim. Lisan Adam adalah berbahasa Arab iaitu bahasa ahli syurga. Apabila beliau menderhaka Tuhannya, lisannya berbahasa Arab Siriyaniyyah.

Beliau berkata: Lima di kalangan mereka adalah berbangsa Hebrew: Ishaq, Ya'qub, Musa, Daud, dan Isa. Di kalangan Arab: Hud, Salih, Syu'aib, Ismail, dan Muhammad s.a.w. Lima di kalangan mereka diutus pada zaman yang sama: Ibrahim, Ishaq, Ismail, Ya'qub, dan Lut a.s. Allah telah mengutus Ibrahim, dan Ishaq di bumi al-Muqaddasah. Ya'qub diutus ke Mesir, Ismail ke bumi Jurhum yang tinggal di sekitar Ka'bah selepas 'Amlaq bin Ludin bin Sam bin Nuh. Lut diutus kepada empat bandar: Sodom, 'Amur, San'an, dan Daruma. Tiga di kalangan para nabi terdiri daripada raja: Yusuf, Daud, dan Sulaiman a.s. Dan raja dunia adalah dua mukmin dan dua kafir: Adapun dua orang mukmin adalah Dhu l-Qurnain, dan Sulaiman a.s. Adapun dua orang kafir adalah Nimrud bin Kusy bin Kan'an dan Bakht Nasr[103].

Musa Dan Kaumnya Yang Tersesat Jalan

Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr daripada Abban daripada Abu Hamzah daripada Abu Ja'far a.s berkata: Apabila Musa telah sampai ke tanah al-Muqaddasah, beliau berkata kepada mereka: Masuklah ke tanah al-Muqaddasah yang telah difardukan Allah kepada kamu, janganlah kamu berpaling belakang, nescaya kamu akan rugi, mereka berkata: Sesungguhnya di dalamnya terdapat kaum yang perkasa. Kami tidak akan memasukinya sehingga mereka keluar darinya.

Jika mereka keluar darinya, maka kami akan memasukinya. Dua orang daripada mereka yang takut di mana Allah telah kurniakan nikmat ke atas keduanya berkata: Masuklah kepada mereka melalui pintu, dan apabila kamu memasukinya, maka kamulah yang menang. Mereka berkata: Pergilah kamu, dan Tuhan kamu, serta kamu berdua berperanglah, sesungguhnya kami di sini duduk sahaja.

Beliau berkata: Wahai Tuhanku, aku tidak memiliki selain diriku, dan saudaraku, maka pisahlah di antara kami dan kaum yang fasiq. Manakala mereka enggan memasukinya, maka Allah mengharamkannya ke atas mereka, lalu mereka tersesat pada empat farsakh selama empat puluh tahun di bumi, maka janganlah kamu berputus asa ke atas kaum yang fasiq.

Abu Abdullah a.s berkata: Apabila waktu petang tiba, seorang daripada mereka berkata: Kamu telah menyambut waktu petang untuk

---

103 *Ibid*

musafir, lalu mereka memulai perjalanan mereka di dalam keadaan yang tidak stabil; mereka hanya berpusing-pusing di sekitar rumah mereka sahaja, mereka berkata: Kamu telah tersalah jalan, mereka tinggal di dalam keadaan sedemikian selama empat puluh tahun, dan diturunkan ke atas mereka Manna dan Salwa sehingga mereka binasa melainkan dua orang lelaki: Yusyu' bin Nun, dan Kalib bin Yufna serta anak-anak mereka yang telah tersesat di kawasan sekitar empat farsakh, apabila mereka mahu memulakan perjalanan,pakaian mereka menjadi terapung-apung.

Beliau berkata: Bersama-sama mereka batu dan apabila mereka bermalam, Musa memukulnya dengan tongkatnya, lalu terpancar dua belas pancutan air, setiap kabilah mempunyai satu pancaran air. Apabila mereka berjalan, air itu kembali memasuki batu itu. Dan batu itu di letakkan di atas binatang kenderaan[104].

Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah memerintahkan Bani Israel supaya memasuki tanah al-Muqaddasah yang Allah memfardukan ke atas mereka, tetapi telah ternyata bahawa anak-anak para nabi telah memasukinya.

Al-Sadiq a.s berkata tentang firman-Nya di dalam Surah Yunus (10): 89 "*Sesungguhnya telah diperkenankan permohonan kamu berdua*". Beliau berkata: Ia telah mengambil masa selama empat puluh tahun[105].

Daripada Abu Basir daripada Abu Ja'far a.s berkata: Jibrail berkata: Aku telah berkata kepada Tuhanku tentang Fir'aun, maka aku berkata: Wahai Tuhanku, Engkau membiarkannya sedangkan beliau berkata: Aku adalah tuhan kamu yang paling tinggi, maka Allah berfirman: Yang berkata sedemikian adalah orang seperti kamu (*innama yaqulu hadha mithlu-ka*).

Daripada Abdullah bin Jundab daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s berkata: Apabila Musa sampai di laut, maka Fir'aun dan tenteranya telah mengikutinya. Beliau berkata: Kuda Fir'aun telah takut untuk memasuki laut, lantas Jibrail telah menjelma untuknya di atas kereta kuda. Apabila kuda Fir'aun telah melihat kereta kuda, lalu ia mengikutinya, Fir'aun dan para sahabatnya telah memasuki laut, dan mereka tenggelam[106].

Para Imam Di Sudut Perintah Dan Larangan Adalah Sama

Daripada Muhammad bin Isa daripada al-Hasan bin Ziad mereka berdua berkata: Adakah para imam sebahagian mereka lebih alim daripada sebahagian yang lain? Beliau berkata: Ya, ilmu mereka tentang

---

104 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, v, 264
105 *Ibid*, v, 2
106 *Ibid*

halal , haram, dan tafsir al-Qur'an adalah satu (*'ilmu-hum bi l-Halali wa l-Harami wa tafsiri l-Qur'an wahidun*)[107].

Daripada Muhammad bin Isa daripada Yunus daripada beberapa lelakinya daripada Abu Abdullah a.s berkata: Tiada sesuatu yang keluar dari sisi Allah melainkan dimulai dengan Rasulullah, kemudian dengan Amir al-Mukminin, kemudian dengan mereka selepasnya supaya ilmu yang akhir mereka di sisi yang pertama mereka (*li-yakuna 'ilmu akhiri-him min 'inda awwali-him*), dan yang akhir mereka tidaklah lebih alim daripada yang pertama mereka.

Daripadanya, daripada bapanya daripada Muhammad bin al-Husain daripada Abu Daud al-Mustariq daripada Tha'labah daripada sebahagian daripada para sahabatnya daripada Abu Abdullah atau Abu Ja'far a.s berkata: Yang pertama kami adalah bukti di atas yang akhir kami (*awwalu-na dalilun 'ala akhiru-na*). Dan yang akhir kami membenarkan yang pertama kami(*wa akhiru-na musaddiqun li-awwali-na*). Sunnah pada kami adalah sama (*wa al-Sunnah fi-na s.a.wa'*). Kerana Allah apabila telah menetapkan satu hukum, maka Dia melaksanakannya.

Daripada al-Harith bin al-Mughirah daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Rasulullah s.a.w dan kami tentang perintah, larangan, halal, dan haram kami menjalankan perkara yang sama (*najri majra wahidan*). Adapun Rasulullah, dan Ali a.s mempunyai kelebihan mereka berdua.[108]

Ahmad bin Muhammad bin Yahya daripada al-Humairi daripada Muhammad bin al-Walid, dan Muhammad bin Abd al-Hamid daripada Yunus bin Ya'qub daripada Abd al-A'la bin A'yan berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Yang pertama kami adalah bukti ke atas yang akhir kami, dan yang akhir kami membenarkan yang pertama kami, dan Sunnah pada kami adalah sama, sesungguhnya Allah apabila Dia menetapkan hukuman, maka Dia melaksanakannya.

Daripada Ali bin al-Husain daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Muhammad bin al-Hasan al-Saffar daripada Ali bin al-Sanadi, daripada Muhammad bin 'Umru daripada Abu al-Sabah *maula* Ali Sam, berkata: Kami telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, aku dan Abu al-Maghra, tiba-tiba seorang lelaki daripada keluarga kulit hitam telah masuk dan berkata: Salam ke atas kamu wahai Amir al-Mukminin rahmat Allah dan berkat-Nya ke atas anda, Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Salam di atas anda dan rahmat Allah ke atas anda.

Kemudian beliau telah menariknya dan mendudukkannya di sisinya; maka aku telah berkata kepada Abu al-Maghra atau Abu al-Maghra berkata kepadaku: Sesungguhnya aku tidak melihat seorang pun yang memberi salam dengan perkataan Amir al-Mukminin

---

107 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 267

108 *Ibid*, vii, 267

melainkan ke atas Amir al-Mukminin Ali a.s. Maka Abu Abdullah a.s berkata kepadaku: Wahai Abu al-Sabah, sesungguhnya seorang hamba tidak akan mendapat hakikat iman sehingga beliau mengetahui bahawa apa yang ada pada yang akhir kami adalah apa yang ada pada yang pertama kami.[109]

Daripada Malik bin 'Atiyyah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Adakah para imam berbeza tentang kelebihan mereka? Beliau berkata: Adapun tentang halal, dan haram, maka ilmu mereka adalah sama, tetapi kelebihan mereka berbeza selain daripada itu[110].

Daripada Ahmad bin 'Umar berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Tidak sempurna iman seorang hamba sehingga beliau mengetahui bahawa apa yang berlaku pada yang akhir kami adalah apa yang berlaku kepada yang pertama kami, mereka dari segi ketaatan, hujah, halal, dan haram adalah sama, dan bagi Muhammad dan Amir al-Mukminin a.s kelebihan mereka sendiri.

Daripada Ahmad bin 'Umar daripada Abu al-Hasan berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya hujah tidak berdiri ke atas makhluk-Nya melainkan dengan imam hidup yang dikenali (*imam hayyin yu'rafu*).

Daripada al-Ridha a.s berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya hujah tidak berdiri melainkan dengan imam hidup yang dikenali (*inna al-Hujjata la taqumu li-l-Lahi 'ala khalqi-hi illa bi-imam hayyin yu'rafu*)[111].

Barangsiapa Yang Telah Mati Tanpa Imam, Maka Beliau Telah Mati Sebagai Seorang Jahiliah

Daripada 'Umar bin Yazid, daripada Abu al-Hasan yang pertama a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Barangsiapa yang telah mati tanpa imam, maka beliau telah mati sebagai seorang jahiliah; imam hidup yang beliau mengetahuinya. Maka aku berkata: Aku tidak mendengar bapa anda menyebutnya, iaitu imam yang hidup. Beliau berkata: Demi Allah, Rasulullah s.a.w telah bersabda sedemikian. Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang telah mati, tanpa mentaati imam hidup yang zahir, maka beliau mati sebagai seorang jahiliah(*man mata wa-laisa la-hu imam yasma'u la-hu wa yuti'u mata maitatan jahiliyyatan*)[112].

Daripada Abu Jarud berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Barangsiapa yang telah mati, tanpa mentaati imam hidup

---

[109] *Ibid*

[110] *Ibid*

[111] Al-Kulaini, *al-Kafi*, I , 177

[112] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 20

yang zahir, maka beliau mati sebagai seorang jahiliah[349]. Beliau berkata: Aku berkata: Imam yang hidup, aku telah menjadikan diriku tebusan anda? Beliau berkata: Imam yang hidup (*imam hayyun*).

Daripada Daud al-Raqiy daripada hamba yang soleh(Khidir a.s) berkata: Sesungguhnya hujah tidak berdiri bagi Allah ke atas makhluk-Nya melainkan dengan imam hidup yang dikenali[350].

Khazanah Bumi Dan Anak Kuncinya Untuk Para Imam

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada 'Umar bin Abd al-Aziz daripada seorang lelaki daripada al-Husain bin Ahmad al-Khaibari daripada Yunus bin Zabyan, Mufadhdhal bin 'Umar, Abu Salmah al-Sarraj, dan al-Husain bin Thaubar bin Abu Fakhitah mereka berkata: Kami telah berada di sisi Abu Abdullah a.s berkata: Bagi kami khazanah bumi dan segala anak kuncinya, jika aku mahu, nescaya aku akan menendang dengan salah satu kaki aku ke tanah supaya bumi mengeluarkan emas, kemudian beliau telah menendang dengan salah satu kakinya, maka beliau telah menggariskannya di tanah satu garisan (*khattan*), maka tanah itu terbuka.

Kemudian beliau memukul dengan tangannya, lalu terkeluar jongkong emas, lalu beliau telah mengambilnya. Beliau berkata: Lihatlah padanya dengan baik sehingga kamu tidak mengesyakinya, kemudian beliau berkata: Lihatlah ke dalam tanah, tiba-tiba jongkong emas bertimbun-timbun banyaknya bersinar-sinar, sebahagian daripada kami berkata kepadanya: Kamu telah dikurniakan dengan apa yang telah dikurniakan kepada kamu sedangkan syi'ah kamu masih berhajat? Beliau berkata: Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan syi'ah kita dunia dan akhirat, dan akan memasukkan mereka syurga-syurga-Nya (*wa yudkhilu-hum jannati al-Na'im*), dan memasukkan musuh kita neraka Jahim (*wa yudkhilu 'aduwwa-na nar al-Jahim*)[351].

Ahmad bin Muhammad bin Yahya al-'Atar daripada bapanya daripada Hamdan bin Sulaiman al-Nisaburi, berkata: Abdullah bin Muhammad al-Yamani telah memberitahu kami daripada Muni', daripada Mujasyi' daripada al-Mu'alla daripada Muhammad bin al-Faidh daripada Muhammad bin Ali as. Berkata: Tongkat Musa pada asalnya adalah milik Adam, kemudian telah jatuh kepada Syu'aib. Kemudian kepada Musa, dan sesungguhnya tongkat itu di sisi kami sekarang, ia berwarna hijau seperti dahulu ketika ia dicabut dari pohonnya, ia akan bercakap, jika diminta berbuat demikian. Ia disediakan untuk al-Qaim kita, beliau akan melakukannya sebagaimana

---

349 *Ibid*

350 Al-Kulaini, *al-Kafi*, I , 177

351 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 128

dilakukan oleh Musa, ia adalah menakutkan, dan akan menelan apa saja yang diperintahkan kepadanya, ia membuka dua bibir mulutnya; salah satunya di bumi, dan yang satu lagi ke atas dengan jarak empat puluh hasta, ia akan mematuk mangsanya dengan lidahnya[116].

Ahmad bin Muhammad, dan Fidhalah daripada Abu Basir, dan Zararah daripada Abu Ja'far a.s: Asif hanya melihat di belakang dan di hadapannya sekelip mata sahaja, kemudian beliau melihat kepada Sulaiman, kemudian beliau menghulurkan tangannya, maka beliau mendapatinya di hadapannya.

Ali bin Mihziyar menyebutnya daripada Ahmad bin Muhammad daripada Hammad bin 'Uthman daripada Zararah, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sahabat Sulaiman tidak lebih dari menggerakkan anak jari tangannya begini, maka beliau dapat membawa singgahsana ratu Saba'. Hamraan berkata kepadanya: Bagaimana ini – *aslaha-ka l-Lahu-* Beliau berkata: Sesungguhnya bapa aku berkata: Sesungguhnya bumi ini dilipatkan untuknya apabila beliau mahu melipatkannya (*Inna al-Ardh tuwiyat lahu idha aradha tawa-ha*).

Mukjizat Ali Bin Musa al-Ridha A.S

Muhammad bin Isa bin Ubaid daripada Muhammad bin Hamzah bin al-Qasim berkata: Ibrahim bin Musa telah memberitahu kepada aku, berkata: Aku telah berkali-kali meminta sesuatu daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s dan beliau menjanjikannya kepada aku. Pada suatu hari beliau telah keluar menyambut gabenor Madinah, dan aku telah berada bersama-samanya.

Lalu beliau datang berdekatan kota polan, dan turun di bawah pohon-pohon, dan aku telah turun bersama-samanya serta tiada orang yang ketiga bersama-sama kami. Aku berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda di dalam perayaan ini yang telah merahmati kita, aku tidak memiliki walaupun satu dirham, lantas beliau memecahkan tanah dengan tongkatnya dengan kuat, kemudian beliau memukulnya dengan tangannya, kemudian beliau telah mengambil darinya satu jongkong emas sambil berkata: Gunalah untuk faedah anda, dan sembunyikan apa yang anda telah melihatnya (*Fa-tanawala-ha sabikata dhahabin fa-qala:Istanfi' bi-ha wa- ktum ma ra'ai-ta*)[117]

Mukjizat Amir al-Mukminin A.S

'Umru bin Ali bin 'Umar bin Yazid daripada Ali bin Mitham al-Tammar, daripada mereka yang telah memberitahunya daripada Amir al-

---

[116] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 328
[117] *Ibid*, xii, 14

Mukminin a.s bahawa beliau bersama-sama para sahabatnya di Masjid Kufah, maka seorang lelaki telah berkata kepadanya: Dengan nama bapa aku, anda, dan ibu aku, sesungguhnya aku hairan dengan dunia ini di tangan mereka itu, dan tidak di tangan anda? Beliau berkata: Wahai polan, anda fikir kami mahu dunia, tetapi kami tidak diberikannya? Kemudian beliau memegang segenggam anak batu, maka tiba-tiba ia bertukar menjadi permata, lalu beliau berkata: Apakah ini? Aku berkata: Ini adalah permata yang bermutu. Beliau berkata: Jika kami menghendakinya, nescaya kami dapat, tetapi kami tidak menghendakinya. Kemudian beliau melontarnya, maka ia kembali menjadi anak batu[118].

Ali bin Ibrahim al-Ja'fari telah memberitahu kepada aku berkata:Abu al-Abbas telah memberitahu kepada aku daripada Muhammad bin Sulaiman al-Hadha' al-Basri daripada seorang lelaki daripada al-Hasan bin Abu al-Hasan al-Basri berkata: Amir al-Mukminin a.s telah datang kepada kami dan aku pada masa itu adalah seorang kanak-kanak yang sudah baligh, maka beliau telah memasuki rumahnya-Hadis adalah panjang-Kemudian beliau keluar dan diikuti oleh orang ramai, apabila sampai di al-Jabanah, beliau telah turun lalu dikelilingi oleh orang ramai, kemudian beliau telah menggaris dengan tongkatnya satu garisan, maka beliau telah mengeluarkan satu dinar.

Kemudian beliau telah menggariskan satu garisan yang lain, lalu beliau mengeluarkan satu dinar sehingga beliau telah mengeluarkan tiga dinar, kemudian beliau telah membalikkannya dengan tangannya sehingga orang ramai telah melihatnya. Kemudian beliau mengembalikannya, dan menanamnya semula dengan ibu jarinya, dan beliau berkata: Ia akan menguji orang yang baik dan jahat selepas aku. Kemudian beliau telah menaiki baghal betina Rasulullah s.a.w, dan kembali ke rumahnya, lalu kami telah mengambil alamat dan kami kembali ke tempat tadi, kami telah menggalinya sehingga kami sampai ke tempat yang keras, tetapi kami tidak mendapatinya, ada orang berkata kepada al-Hasan: Wahai Abu Sa'id, apakah anda melihat sedemikian daripada Amir al-Mukminin? Beliau berkata: Adapun aku, maka aku tidak mengetahuinya bahawa perbendaharaan bumi tersembunyi melainkan kepada orang sepertinya.

Al-Kumait Dan Abu Ja'far A.S

Daripadanya berkata: Al-Husain bin Ahmad bin Muslimah al-Lu'-lu' telah memberitahu kami daripada Muhammad al-Muthanna daripada bapanya daripada Uthman bin Yazid daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s: Aku telah datang kepadanya, lalu aku telah mengadu

118 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 570

kepadanya hajat aku, beliau berkata: Wahai Jabir, kami tidak memiliki walaupun satu dirham.

Beliau berkata: Aku tidak menunggu lama sehingga al-Kumait datang kepadanya, dan berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, adakah anda membenarkan aku mengemukakan qasidah untuk anda? Beliau berkata: Teruskanlah, lalu beliau mengemukakan qasidah untuknya, maka beliau berkata: Wahai budak, keluarkan dari rumah itu sepuluh ribu dirham, dan bayarkan kepada al-Kumait, kemudian beliau berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, adakah anda membenarkan ku untuk mengemukakan kepada anda qasidah yang lain pula?

Beliau berkata: Teruskanlah, lalu beliau mengemukakan kepadanya qasidah yang lain pula. Beliau berkata: Wahai budak, keluarkan dari rumah itu sepuluh ribu dirham lagi, dan bayarkannya kepada al-Kumait, lalu budak itu telah membayarnya kepada al-Kumait. Kemudian beliau berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, adakah anda membenarkan aku untuk mengemukakan kepada anda qasidah yang ketiga? Beliau berkata kepadanya: Teruskanlah, lalu beliau mengemukakan qasidah untuknya, beliau a.s berkata: Wahai budak, keluarkan dari rumah itu sepuluh ribu dirham lagi, dan bayarkannya kepada al-Kumait, maka al-Kumait berkata kepadanya: Demi Allah, aku bukanlah memuji kamu kerana dunia yang aku menuntut daripada kamu. Aku tidak kehendaki demikian itu selain mahukan perhubungan dengan Rasulullah s.a.w, dan apa yang Allah telah mewajibkannya bagi kamu ke atasku tentang kebenaran.

Beliau berkata: Abu Ja'far a.s telah menyerunya dan berkata: Wahai budak, kembalikannya kepada tempatnya. Jabir berkata: Aku telah mendapati sesuatu pada diri aku, dan aku berkata: Beliau a.s telah berkata kepadaku: Aku tidak memiliki walaupun satu dirham sedangkan beliau telah memerintah untuk al-Kumait tiga puluh ribu dirham? Beliau berkata: Wahai Jabir, berdirilah, maka masuklah rumah itu.

Beliau berkata: Aku pun berdiri dan memasuki rumah itu, maka aku tidak mendapati di dalamnya sesuatu, lalu aku keluar kepadanya, maka beliau berkata kepada aku: Kami tidak menyembunyikan sesuatu daripada kamu, kemudian beliau telah mengambil tangan aku, lalu beliau memasukkan aku di dalam rumah itu, kemudian beliau telah menendang dengan kakinya, tiba-tiba emas seperti tengkuk unta telah keluar, maka beliau berkata kepada aku: Wahai Jabir, lihatlah kepada ini, dan janganlah anda memberitahu kepada sesiapapun melainkan kepada orang yang anda percaya di kalangan saudara-saudara anda. Sesungguhnya Allah telah memberikan kami kemampuan untuk melakukan apa yang kami kehendaki (*Inna l-Laha qad aqdara-na 'ala ma*

nuridu). Jika kami kehendaki, nescaya kami menerajui bumi keseluruhannya[119].

Dialog Amir al-Mukminin A.S Dengan Abu Bakr

Sa'd berkata: 'Ubbad bin Sulaiman telah memberitahu kepada kami daripada Muhammad bin Sulaiman daripada bapanya Sulaiman daripada 'Uthaim bin Aslam daripada Mu'awiyah bin 'Ammar al-Duhni daripada Abu Abdullah a.s berkata: Abu Bakr telah mendatangi Ali a.s, dan berkata kepadanya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w tidak pernah memberitahu kepada kami tentang urusan anda selepas hari wilayah, aku naik saksi bahawa anda adalah *maulaku* mengakui wilayah anda.

Aku telah memberi salam kepada anda pada masa Rasulullah sebagai pemimpin mukminin (*bi-imrati l-Mu'minin*), dan Rasulullah s.a.w telah memberitahu kami sesungguhnya anda adalah wasinya, pewarisnya dan khalifahnya pada ahlinya dan perempuan-perempuannya (*akhbara-na rasulullah anna-ka wasiyyu-hu wa warisu-hu wa khalifatu-hu fi-ahli-hi wa nisa'i-hi*), tetapi beliau tidak memberitahu kami bahwa anda khalifahnya selepasnya (*wa lam yukhbir-na bi-anna-ka khalifatu-hu min ba'di-hi*).

Justeru itu, tiada apa-apa di antara kami dan anda, dan tiada dosa di antara kami dan Allah a.w (*la dhanba baina-na wa baina l-Lahi a.w*), maka Ali a.s berkata kepadanya: Jika aku memperlihatkan Rasulullah s.a.w sehingga beliau memberitahu anda bahawa aku adalah lebih berhak (*aula*) dengan jawatan khalifah (*araiatu-ka rasulallah hatta yukhbira-ka bi-anni aula*) dan anda jika tidak menjauhinya, nescaya anda kafir (*wa anna-ka in lam tanahha 'an-hu kafar-ta*) apakah pendapat anda? Beliau berkata : Jika aku melihat Rasulullah s.a.w sehingga beliau memberitahu sebahagian daripadanya, maka aku memadai dengannya (*in raaitu rasulallah hatta yukhbira-ni bi-ba'dhin hadha aktafai-tu bi-hi*).

Beliau berkata: Beliau telah berjanji dengan aku selepas aku menunaikan solat maghrib, beliau berkata: Beliau telah kembali selepas solat maghrib, lalu beliau memegang tangannya, dan mengeluarkannya ke masjid Qaba, tiba-tiba Rasulullah s.a.w sedang duduk ke arah kiblat, lantas beliau bersabda: Wahai 'Atiq[120], anda telah merampas hak Ali, dan anda telah menduduki majlis kenabian (*wathab-ta 'ala 'Ali wa jalas-ta majlisa al-Nubuwwati*). Aku telah memberitahu kepada anda perkara ini, justeru itu cabutlah pakaian yang anda memakainya, berilah ia kepada Ali, jika tidak, maka janji anda adalah neraka (*fa-khalli-hi li- 'Ali wa illa fa-mau'idu-ka al-Nar*)

---

119 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 68

120 Abu Bakr

Beliau berkata: Kemudian beliau telah memegang tangannya, dan mengeluarkannya, kemudian Nabi s.a.w berdiri meninggalkan mereka berdua, Amir al-Mukminin a.s telah datang kepada Salman dan berkata kepadanya: Wahai Salman, tidakkah anda telah mengetahui bahawa perkara itu telah berlaku sedemikian? Salman berkata: Beliau akan mengisytiharkannya dan akan mendedahkannya kepada sahabatnya, serta akan memberitahu kepadanya tentang berita itu, lalu Amir al-Mukminin a.s tersenyum dan berkata: Sama ada beliau akan memberitahu sahabatnya, maka ia akan melakukannya, kemudian beliau berkata: Tidak, mereka berdua tidak akan menyebutnya sehingga hari Kiamat, mereka berdua lebih melihat kepada diri mereka berdua tentang perkara itu.

Maka Abu Bakr telah berjumpa dengan 'Umar, beliau berkata: Sesungguhnya Ali telah mendatangkan perkara sedemikian, telah melakukan sedemikian dan berkata kepada Rasulullah sedemikian, maka 'Umar berkata kepadanya: Celaka anda, alangkah ceteknya akal anda, demi Tuhan, anda berada di sana pada masa itu adalah sebahagian sihir Ibn Abu Kabsyah[121] (*Waila-ka ma aqalla 'aqla-ka fa wa-l-Lahi ma anta fi-hi al-Sa'at illa min ba'dhi sihri ibni Abu kabsyah*) Anda telah melupai sihir Bani Hasyim, dan di mana boleh Muhammad kembali (*qad nasai-ta sihra Bani Hasyim wa min aina yarji'u Muhammad wa la yarji'u man mata*), kerana orang yang telah mati tidak akan kembali lagi. Sesungguhnya anda padanya adalah sebesar-besar sihir Bani Hasyim (*inna ma anta fi-hi a'zamu min sihri Bani Hasyim*), maka pakailah pakaian ini dan teruskanlah[122].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada al-Hakam bin Miskin daripada Abu Sa'id al-Makari daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s telah bertemu dengan Abu Bakr dan berkata kepadanya: Tidakkah Rasulullah s.a.w telah memerintahkan anda supaya mentaati aku? Beliau berkata: Tidak, jika beliau telah memerintah aku, nescaya aku telah melakukannya, beliau berkata: Datanglah dengan kami kepada Rasulullah s.a.w, lalu beliau datang ke masjid Qaba, tiba-tiba Rasulullah s.a.w sedang solat, manakala beliau selesai solat, maka Ali a.s berkata kepadanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah berkata kepada Abu Bakr: Tidakkah Rasulullah s.a.w telah memerintahkan anda supaya mentaati aku? Beliau berkata: Tidak, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya aku telah memerintahkan anda, maka taatlah kepadanya (*qad amartu-ka fa-ati'-hu*).

Beliau berkata: Abu Bakr keluar dan bertemu dengan 'Umar di dalam keadaan ketakutan (*dha'run*), lalu 'Umar berdiri seraya berkata

---

[121] Rasulullah s.a.w

[122] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 81

kepadanya: Apakah gerangan anda? Beliau berkata kepadanya: Rasulullah bersabda sedemikian, 'Umar berkata kepadanya: Celakalah umat yang telah melantik anda untuk urusan merekal Tidakkah anda mengetahui sihir Bani Hasyim?[123]

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ali bin al-Hakam daripada khalid bin Madi al-Qalanisi daripada Muhammad bin Hammad daripada Muhammad bin Khalid al-Tayalisi daripada bapanya daripada Abu Abdullah a.s berkata: Setelah Abu Bakr dilantik menjadi khalifah, 'Umar datang kepada Ali a.s dan berkata kepadanya: Tidakkah anda mengetahui bahawa Abu Bakr telah dilantik khalifah? Ali a.s berkata kepadanya: Siapakah yang telah menjadikannya khalifah? 'Umar berkata: Muslimun telah meredai dengan perkara tersebut.

Ali a.s berkata kepadanya: Demi Allah, alangkah cepatnya mereka menyalahi Rasulullah s.a.w, dan membatalkan janjinya, dan mereka telah menamakannya bukan dengan namanya. Demi Allah, Rasulullah s.a.w tidak melantiknya. 'Umar berkata kepadanya: Anda sentiasa berbohong ke atas Rasulullah pada masa hidupnya dan selepas kematiannya. Lantas Ali a.s berkata kepadanya: Datang bersama kami, wahai Umar bagi mengetahui siapakah di kalangan kita pembohong ke atas Rasulullah s.a.w pada masa hidupnya dan selepas kematiannya. Umar telah datang bersama-samanya ke kubur, tiba-tiba tertulis padanya "Adakah anda telah mengingkari (*kafar-ta*), wahai 'Umar, dengan Yang telah menjadikan anda dari tanah, kemudian air mani, kemudian Dia telah menjadikan anda seorang lelaki". Ali a.s berkata kepadanya: Demi Allah, Allah telah mendedahkan keburukan anda pada masa hidup rasul dan selepas kematiannya[124].

Daripadanya, daripada Muhammad bin Hammad daripada Abu Ali daripada Ahmad bin Musa daripada Ziad bin al-Mundhir daripada Abu Ja'far a.s berkata: Amir al-Mukminin a.s telah bertemu dengan Abu Bakr di sebahagian jalan di Madinah, dan berkata kepadanya: Anda telah melakukan kezaliman (*zalam-ta wa fa'al-ta*). Abu Bakr berkata: Siapakah yang mengetahuinya? Beliau a.s. berkata: Rasulullah s.a.w mengetahuinya. Abu Bakr berkata: Apakah hubunganku dengan rasul sehingga dia mengetahui keadaanku sedemikian. Jika beliau s.a.w. mendatangi aku di dalam tidurku dan memberitahuku keadaan itu, maka aku boleh mengakuinya. Beliau a.s. berkata: Aku akan membawa anda (*udkhilu-ka*) kepada Rasulullah s.a.w. Maka beliau membawanya ke dalam masjid Quba', tiba-tiba Rasulullah s.a.w berada di masjid Quba', dan berkata kepadanya: Jauhilah dari menzalimi Amir al-Mukminin.

---

123 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 87

124 *Ibid*, ix, 563

Beliau berkata: Maka beliau telah keluar dari sisinya, lalu 'Umar bertemu dengannya (Abu Bakr) dan memberitahu kepadanya perkara tersebut. Maka 'Umar berkata kepada Abu Bakr: Diam, tidakkah anda telah mengetahui sejak lama dahulu tentang sihir Bani Hasyim bin Abd al-Muttalib?[125]

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ali bin al-Hakam daripada al-Rabi' bin Muhammad al-Musalli daripada Abdullah bin Sulaiman daripada Abu Abdullah a.s berkata: Apabila Ali a.s dikeluarkan di dalam keadaan dua tangannya terikat, beliau telah berhenti di kubur Nabi s.a.w, dan berkata: Wahai Ibn Umm, sesungguhnya kaum telah menindas aku dan hampir mereka membunuh aku.

Beliau berkata: Satu tangan telah keluar dari kubur Rasulullah s.a.w, mereka mengetahui bahawa itulah tangan Rasulullah s.a.w, dan suaranya terhadap Abu Bakr: Wahai ini Adakah anda telah kafir dengan Yang telah menjadikan anda dari tanah, kemudian air mani, kemudian menjadikan anda seorang lelaki"[126]

Imlak Jibrail Ke Atas Amir al-Mukminin A.S.

Ali bin Ismail bin Isa daripada Safwan bin Yahya daripada Rifa'ah bin Musa daripada Abu Abdullah a.s sesungguhnya Rasulullah s.a w telah mengimlakkan mashaf ke atas Ali a.s. Setelah sampai separuhnya, Rasulullah s.a.w telah meletakkan kepalanya di pangkuan Ali, kemudian Ali a.s telah menulis sehingga memenuhi mashaf (*imtala'at*). Apabila Rasulullah s.a.w mengangkat kepalanya, beliau bersabda: Siapakah yang telah mengimlakkannya ke atas anda wahai Ali? Beliau berkata: Anda wahai Rasulullah, beliau bersabda: Malah Jibrail telah mengimlakkannya ke atas anda[127].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, Ahmad dan Abdullah dua anak lelaki Muhammad bin Isa daripada al-Hasan bin Mahbub daripada Hanan bin Sudair daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Rasulullah s.a.w telah menyeru Ali a.s, dan menyeru dengan daftar, lalu beliau mengimlakkan ke atasnya di bahagian dalamnya, kemudian beliau tertidur, lantas Jibrail mengimlakkan pada bahagian luarnya, kemudian Rasulullah s.a.w terjaga, dan bersabda: Siapakah yang telah mengimlakkan ini wahai Ali? Beliau berkata: Anda wahai Rasulullah s.a.w, maka beliau berkata: Aku telah mengimlakkannya ke atas anda bahagian dalamnya sementara Jibrail telah mengimlakkan ke atas anda bahagian luarnya[128].

---

[125] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 81
[126] *Ibid*, viii, 44
[127] *Ibid*, ix, 379
[128] *Ibid*

Keadaan Mu'awiyah di Barzakh

Ayyub bin Nuh dan al-Hasan bin Ali bin Abdullah bin al-Mughirah daripada al-Abbas bin 'Amir al-Qasbani daripada Abban bin Uthman daripada Basyir bin al-Nabal daripada Abu Ja'far a.s: Aku telah berada di belakang bapa aku a.s di atas baghalnya, tiba-tiba aku telah melihat seorang lelaki di tengkuknya rantai besi, dan seorang lelaki sedang mengikutinya, maka beliau berkata: Wahai Ali bin al-Husain, berilah aku air, maka lelaki yang mengikutinya berkata: Janganlah anda memberi air kepadanya, Allah tidak akan memberinya air, beliau adalah Mu'wiyah *la'ana-hu l-Lahu*.

Ali bin Muhammad al-Hijjal daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu' daripada Muhammad bin Sinan daripada Abd al-Malik bin Abdullah al-Qummi daripada saudaranya Idris bin Abdullah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Manakala aku dan bapa aku sedang menuju ke Makkah, bapa aku telah mendahului aku pada satu tempat bernama Dhajanan, tiba-tiba seorang lelaki di tengkuknya rantai yang ditariknya, datang kepada aku dan berkata: Berilah aku air, berilah aku air (*isqini*) lalu bapa aku telah melaung kepada aku: Janganlah anda memberi air kepadanya, tidak, Allah tidak akan memberi air kepadanya.

Beliau berkata: Di dalam keadaan mencari air, seorang lelaki mengikutinya, menarik rantainya dengan tarikan yang kuat, lalu menolaknya ke neraka[129].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id daripada al-Qasim bin Muhammad al-Jauhari daripada Abban bin Uthman daripada Basyir al-Nabbal berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah berada bersama-sama bapa aku di 'Asfan atau di Dhajanan, lantas baghalnya telah melarikan diri, tiba-tiba seorang lelaki di tengkuknya rantai besi, dan sebahagiannya di tangannya menariknya, maka beliau berkata: Berikan aku air, seorang lelaki berkata: Janganlah anda memberi air kepadanya, Allah tidak akan memberi air kepadanya (*la saqahul-Lahu*). Aku telah berkata kepada bapa aku: Siapakah ini? Beliau berkata: Ini adalah Mu'awiyah.

Daripadanya daripada al-Husain bin Sa'id daripada Ibrahim bin Abu al-Bilad daripada Ali bin al-Mughirah berkata: Abu Ja'far telah berada di Dhajanan, maka beliau telah berkata sebanyak tiga kali: Allah tidak akan mengampuni anda, apabila beliau berkata: Adakah kamu tahu kepada siapakah kamu berkata? Atau sebahagian daripada para sahabat kami berkata, maka beliau berkata: Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melalui di hadapan aku di dalam keadaan menarik rantai besinya sehingga lidahnya terkeluar meminta aku supaya aku memohon ampun

---

129 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iii, 161

untuknya, kemudian beliau berkata: Ia adalah satu lembah dari lembah-lembah Jahanam.

Daripadanya, daripada Ali bin al-Hakam daripada Malik bin 'Atiyyah daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah menjadi tawanan bersama-sama bapa aku di dalam perjalanan ke Makkah dan kami telah menaiki dua unta, manakala kami sampai di lembah Dhajanan, seorang lelaki telah keluar di tengkuknya rantai besi yang sedang ditariknya, maka beliau berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah, berilah aku air, maka Allah akan memberi air kepada kamu, lantas seorang lelaki lain mengikutinya, lalu beliau menarik rantai besi, dan berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah, janganlah anda memberi air kepadanya, Allah tidak akan memberinya air, maka bapa aku telah berpaling kepada aku dan berkata: Wahai Ja'far, adakah anda telah mengenalinya? Ini adalah Mu'awiyah *la'ana-hu l-Lahu.*[130]

Dua Orang Fasiq DiKeluarkan Secara Segar, Lalu Disula

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya' daripada Abu Saghar Ahmad bin Abd al-Rahim daripada al-Hasan bin Ali; seorang lelaki yang bekerja sebagai pemungut zakat khalifah Makmun berkata: Aku dan seorang lelaki daripada sahabat kami telah bertemu dengan Abu Tahir bin Isa bin Abdullah al-'Alawi, Abu Sakhar berkata: Aku telah menyangkanya daripada anak lelaki 'Umar bin Ali. Beliau telah tinggal di Dar al-Saidiyyin. Kami telah bertemu dengannya pada waktu Asar di tangannya bekas air yang beliau menyapu dengannya, kami telah memberi salam kepadanya, maka beliau menjawab salam kami.

Kemudian beliau telah memulakan percakapan dengan kami, dan berkata: Adakah orang lain bersama-sama kamu berdua? Kami berkata: Tidak. Kemudian beliau telah berpaling ke kiri dan ke kanan adakah beliau sedang melihat kepada seseorang? Kemudian beliau berkata: Abu Jundi telah memberitahu aku sesungguhnya beliau telah berada bersama-sama Abu Ja'far Muhammad bin Ali a.s di Mina sedang melontar *jamrat* dan Abu Ja'far a.s telah melontar beberapa batu kecil (*al-Jamrat*), lalu beliau telah menyempurnakannya. Dan masih tertinggal di tangannya beberapa batu kecil, maka beliau telah menghitungnya lima batu kecil. Kemudian beliau telah melontar dua biji batu kecil ke satu sudut dan tiga biji batu kecil ke satu sudut yang lain.

Maka aku berkata kepadanya: Beritahu aku, aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, apakah ini, aku telah melihat anda telah melakukan sesuatu yang tidak dilakukan oleh seorang pun sebelum ini (*sana'ta syai'an ma sana'a-hu ahadun qat*). Sesungguhnya anda telah

---

[130] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xi, 80

melontar dengan lima batu kecil selepas itu, tiga di satu sudut dan dua di satu sudut yang lain (*thintaini fi nahiyatin wa thalathata fi nahiyatin*)? Beliau berkata: Ya, sesungguhnya pada setiap musim haji dua orang yang fasiq dikeluarkan (*idha kana kullu mausimin ukhrija al-Fasiqani*) secara segar, lalu disula di sini (*fa-sulibaa ha-huna*). Tidak dapat melihat kepada mereka berdua melainkan oleh imam yang adil (*la yara-huma illa imam 'adil*). Justeru itu, aku telah melontar kepada yang pertama[131] dua batu kecil dan yang akhir [132] dengan tiga batu kecil kerana yang akhir itu lebih jahat daripada yang pertama (*li-anna al-Akhara akhbathu min al-Awwali*)[133].

Mentaati Para Wasi Adalah Difardukan

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Khalid al-Barqi daripada al-Qasim bin al-Jauhari daripada al-Husain bin Abual-'Ala' berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s : Adakah mentaati para wasi difardukan? Beliau berkata: Mereka itulah yang telah difirmankan Allah di dalam Surah al-Nisa' (4):59 "*Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, Rasul-Nya, dan Uli l-Amri di kalangan kamu*"

Dan merekalah yang telah difirmankan Allah di dalam Surah al-Ma'idah (4):55 "*sesungguhnya wali kamu adalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang mendirikan solat, dan memberi zakat di dalam keadaan rukuk*"

Daripadanya, daripada Mu'ammar bin Khallad berkata: Seorang lelaki farsi telah bertanya Abu al-Hasan al-Ridha a.s, maka beliau berkata: Mentaati kamu satu fardu (*ta'atu-kum muftaradhah*)? Beliau berkata: Ya, maka beliau berkata: Seperti mentaati Ali bin Abu Talib a.s? Beliau berkata: Ya[134].

Ahmad bin Ahmad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Umru bin Maimun, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya kami pasti mengetahui lelaki apabila kami telah melihatnya dengan hakikat iman dan hakikat nifak (*Inna la-na'rifu al-Rajula bi-haqiqati al-Iman wa bi-haqiqati al-Nifaq*)[135]

Muhammaad bin Hammad al-Kufi, daripada saudaranya Ahmad bin Hammad, daripada Nasr bin Muzahim, daripada Umru bin Syamr daripada Jabir bin Yazid daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya

---

131 Abu Bakr

132 Umar

133 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii , 214

134 *Ibid*, vii, 62

135 *Ibid*, vii, 306

Allah telah mengambil perjanjian (*mithaq*) syi'ah kita dari salbi Adam, lantaran itu, kami mengetahui cinta pencinta (*hubba al-Muhibb*) sekalipun beliau melahirkan sebaliknya dengan lidahnya. Kami mengetahui kemarahan pemarah (*bughdha al-Mubghidh*) sekalipun beliau melahirkan kecintaan kepada kami Ahlu l-Bait[136].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Muhammad bin Sinan daripada 'Ammar bin Marwan, daripada al-Mankhal bin Jamil, daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s berkata tentang firman Allah a.w di dalam Surah al-Nur (24) : 35 "*Allah adalah cahaya langit dan bumi umpama cahaya-Nya*" adalah Muhammad s.a.w " *di dalamnya ada pelita besar*" adalah ilmu " *pelita itu di dalam kaca*". Kaca adalah Amir al-Mukminin a.s dan ilmu Nabi Allah adalah di sisinya[137].

Daripadanya, daripada al-Husain bin Sa'id daripada Fadhalah bin Ayyub daripada 'Umar bin Abban al-Kalbi daripada Adam bin al-Hasan, daripada Hamraan bin A'yan berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Telah sampai berita kepada aku bahawa Allah a.w telah bercakap secara rahsia dengan Ali a.s (*naja*)? Maka beliau a.s berkata: Ya, munajat telah berlaku di antara Allah a.w dan Ali a.s di Taif, Jibrail telah turun dan berkata: Sesungguhnya Allah telah mengajar Rasul-Nya haram, halal, dan takwil, maka Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali semuanya[138].

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Ali bin al-Hakam, daripada Abdullah bin Bakir al-Hajari, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Ali bin Abu Talib adalah *hibatullah* (pemberian Allah) kepada Muhammad s.a.w, beliau telah mewarisi ilmu para wasi, dan ilmu para nabi dan rasul sebelum Muhammad s.a.w[139].

Muhammad bin Abd al-Hamid al-'Attar daripada Mansur bin Yunus, daripada 'Umar bin Udhinah, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Jibrail telah turun ke atas Muhammad s.a.w dengan dua biji buah delima (*rummanataini*) dari syurga, lantas Ali a.s bertemu dengannya, maka beliau berkata: Apakah dua biji buah delima di tangan anda? Beliau berkata: Adapun ini adalah untuk kenabian (*al-Nubuwwah*) di mana anda tidak ada bahagian dan ini adalah ilmu, kemudian Rasulullah s.a.w telah membelahnya, lalu memberi separuhnya kepada Ali a.s, dan Rasulullah s.a.w telah mengambil separuhnya, kemudian beliau bersabda: Anda adalah bersyarikat dengan aku (*anta syariki*) dan aku adalah bersyarikat dengan anda (*wa ana syariku-ka fi-hi*). Tiada satu huruf yang telah diajar

---

136 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 306
137 *Ibid*, vii, 64
138 *Ibid*, ix, 474
139 *Ibid*, vii, 318

oleh Allah kepada Rasulullah s.a.w melainkan beliau s.a.w telah mengajarnya kepada Ali a.s (*illa 'allama-hu 'aliyyan*). Kemudian ilmu itu telah berakhir kepada kami (*thumma intaha al-'ilmu ilai-na*), dan beliau telah meletakkan tangannya di atas dadanya[140].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Ismail bin Bazi', daripada Muhammad bin 'Adhafir, daripada Abu Ya'qub al-Ahwal berkata: Kami beberapa orang telah keluar bersama-sama Abu Basir, lalu kami datang ke rumah Abu Abdullah a.s, maka beliau berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya ilmu Ali bin Abu Talib a.s adalah daripada ilmu Rasulullah s.a.w, maka beliau telah mengajarnya kepada kami, oleh itu sembahlah Allah, kerana dengan-Nyalah kejayaan[141].

Ahmad dan Abdullah kedua-duanya adalah anak lelaki Muhammad bin Isa, daripada Mu'ammar bin Khallad, daripada Abu al-Hasan al-Ridha a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya kami Ahlu l-Bait akan mewarisi yang kecil kami (*yatawarathu asaghiru-na*)daripada yang besar kami perkara yang sama.

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-khattab, daripada Abd al-Rahman bin Abu Hasyim, daripada 'Anbasah bin Bijad al-'Abid, daripada al-Mughirah al-Hawari *maula* Abd al-Mu'min al-Ansari, daripada Sa'd bin Tarif, daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah mendengar Ali a.s berkata di atas mimbar: Kamu bertanyalah kepada aku sebelum kamu ketiadaan aku (*saluni qabla an tufqiduni*). Demi Allah, tiada bumi yang subur dan yang gersang, dan tiada kumpulan yang menyesatkan seratus atau kumpulan yang memberi hidayat kepada seratus melainkan aku telah mengetahui pemimpinnya dan penariknya. Aku telah memberitahunya kepada seorang lelaki daripada keluargaku di mana yang besar mereka akan memberitahunya kepada yang kecil mereka sehingga hari Kiamat.

Ahmad dan Abdullah, kedua-duanya anak lelaki Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin al-Husain bin al-Khattab daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Suwaid bin Ghuflah berkata: Aku telah berada di sisi Amir al-Mukminin a.s, tiba-tiba seorang lelaki telah mendatanginya dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, aku telah datang dari Wadi al-Qura, dan Khalid bin 'Urfatah telah mati, maka Amir al-Mukminin a.s berkata: Sesungguhnya beliau belum mati, lalu lelaki itu telah mengulanginya. Maka beliau a.s berkata: Beliau belum mati, beliau telah menentang dengan mukanya, lelaki itu telah mengulanginya pada kali yang ketiga, maka beliau berkata: *Subhanallah*! Aku telah memberitahu kepada anda bahawa sesungguhnya beliau telah mati dan anda masih berkata bahawa beliau belum mati? Ali a.s berkata: Demi Yang diri aku di tangan-Nya bahawa

---

140 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar* vii, 317

141 *Ibid*

beliau tidak akan mati sehingga beliau mengetuai tentera yang sesat di mana pembawa benderanya adalah Habib bin Jammaz[142].

Beliau berkata: Habib bin Jammaz telah mendengar kata-kata tersebut, lalu beliau telah mendatangi Amir al-Mukminin a.s, dan berkata kepadanya: Aku menyeru anda dengan nama Allah tentang diri aku bahawa aku adalah syi'ah anda. Anda telah menyebut aku dengan satu perkara, tidak, demi Allah, aku tidak mengetahuinya tentang diri aku, Ali a.s berkata kepadanya: Siapakah anda? Beliau berkata: Aku adalah Habib bin Jammaz. Maka Ali a.s berkata kepadanya:Jika anda adalah Habib bin Jammaz, maka andalah yang akan membawa benderanya, lantas Habib meninggalkannya. Abu Hamzah berkata:Demi Allah, Khalid bin 'Urfatah tidak mati sehingga 'Umar bin Sa'id mengutus kepada al-Husain bin Ali a.s, dan menjadikan Khalid bin 'Urfatah di hadapannya dan Habib bin Jammaz pembawa benderanya (*sahib rayati-hi*)[143]

Hamzah bin Ya'la, daripada Ahmad bin al-Nadhar, daripada 'Umru bin Syamr, daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Beliau berkata: Wahai Jabir, Sesungguhnya kami jika kami memberitahu kepada kamu dengan pendapat kami dan hawa nafsu kami (*lau kunna nuhaddithu-kum bi-ra'yi-na wa hawana*), nescaya kami daripada mereka yang binasa, tetapi kami memberitahu kepada kamu hadis-hadis yang kami menyimpannya daripada Rasulullah s.a.w (*nuhaddithu-kum bi ahadith naknidhu-ha 'an rasulillah*) sebagaimana mereka itu menyimpan emas mereka dan wang mereka (*kama yaknidhu haula' dhahaba-hum wa waraqa-hum*).

Ahmad bin Muhammadd bin Isa, daripada al-Husain bin sa'id, daripada Fadhdhalah bin Ayyub, daripada Jamil bin Darraj daripada Fudhail bin Yasar, daripada Abu Ja'far a.s bahawa beliau berkata: Sesungguhnya kami adalah di atas keterangan Tuhan kami (*inna 'ala bayyinatin min rabbi-na*). Dia telah menerangkannya kepada Nabi-Nya. Maka Nabi-Nya telah menerangkannya kepada kami, jika tidak, nescaya kami sama seperti mereka saja (*laula dhalika la-kunna ka-ha'ula' al-Nas*)[144].

Semua Perkara Dalam Kitab Allah Dan Sunnah-Nya

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin khalid al-Barqi, daripada Ismail bin Mihran, daripada Yusuf bin 'Umairah, daripada Abu al-Maghra Hamid bin al-Muthanna al-'Ajali, daripada Sama'ah bin Mihran, daripada Abu al-Hasan yang pertama a.s,

---

[142] al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 578
[143] *Ibid*
[144] *Ibid*, vii, 281

berkata:Aku telah berkata: Adakah semua perkara ada di dalam kitab Allah dan sunnah-Nya atau apakah pendapat anda mengenainya? Beliau berkata: Malah semua perkara ada di dalam kitab Allah dan sunnah-Nya (*bal kullu syai'in fi kitab Allah wa sunnati-hi*)[145].

Daripadanya, daripada Muhammad bin Khalid al-Barqi daripada Safwan bin Yahya daripada Sa'id bin Abdullah al-A'raj berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Terdapat di sisi kami bahawa mereka yang memahami agama berkata: Perkara yang kami tidak mengetahuinya apabila dibentangkan kepada kami, lalu kami berkata dengan pendapat kami (*bi-ra'yi-na*), maka beliau a.s berkata: Mereka telah berbohong, semua perkara ada di dalam al-Kitab, dan al-Sunnah. Daripadanya, daripada al-Hasan bin Fadhdhal, daripada Abu al-Maghra, daripada Sama'ah, daripada al-'Abd al-Salih berkata: Aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya beberapa orang daripada para sahabat kita telah bertemu dengan bapa anda dan datuk anda, dan mereka telah mendengar hadis daripada mereka berdua. Kemungkinan ada perkara yang menguji mereka di mana mereka tidak mendapati sesuatu yang membolehkan mereka memberi fatwa atau mereka mempunyai perkara yang hampir sama, adakah boleh mereka mengamalkan kias? Beliau berkata: Tidak, sesungguhnya telah binasa mereka sebelum kamu dengan kias, maka aku telah berkata kepadanya: Kenapa kias tidak diterima? Beliau berkata: Kerana tiada perkara melainkan ada di dalam Kitab dan Sunnah.

Al-Sanadi bin Muhammad al-Bazzaz, daripada Safwan bin Yahya, daripada Muhammad bin Hakim, daripada Abu al-Hasan yang pertama a.s berkata: Aku telah berkata kepadanya: Kami telah mempelajari agama daripada kamu dan kami telah meriwayatkan hadis daripada kamu, kemungkinan seorang lelaki datang kepada kami, dan beliau diuji dengan perkara kecil di mana kami tidak mengetahui untuk memberi fatwa tentangnya, tetapi kami mempunyai perkara seumpamanya atau menyerupainya. Adakah boleh kami menggunakan kias akan perkara yang menyerupainya? Beliau berkata: Tidak, kenapa kamu menggunakan kias? Dengan kiaslah telah binasa mereka sebelum kamu, aku berkata: Adakah Rasulullah s.a.w telah mengemukakan kepada orang ramai apa yang mereka perlu? Beliau berkata: Rasulullah s.a.w telah mengemukakan kepada orang ramai apa yang mereka perlu pada masa hidupnya dan mereka akan memadai dengannya sehingga hari Kiamat. Aku berkata: Adakah sesuatu telah hilang daripadanya (*fa-dha'a min-hu syai'un*)? Beliau berkata: Tidak, ia berada di sisi ahlinya (*huwa 'inda ahli-hi*)[146].

---

145 Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 62

146 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, I, 163

Rasulullah S.A.W Telah Mengajar Ali A.S Seribu Bab

Ya'qub bin Yazid, daripada Muhammad bin Abu'Umair, daripada Murazim bin Hakim al-Azadi, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s seribu bab, dan setiap satu bab akan membuka seribu bab(*'allma rasulullah s.a.w 'aliyyan alfa bab yaftahu kullu bab alfa bab*)[147].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada sebahagian daripada para sahabatnya, daripada Ahmad bin 'Umar al-Halabi, daripada Abu Basir berkata: Aku telah berjumpa dengan Abu Abdullah a.s, maka aku telah berkata kepadanya: Sesungguhnya syi'ah bercakap-cakap bahawa Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s satu bab yang dapat membuka seribu bab. Abu Abdullah a.s berkata: Wahai Abu Muhammad, Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s seribu bab, dan setiap bab akan membuka seribu bab yang lain, aku telah berkata kepadanya: Adakah ini ilmu? Beliau berkata: Sesungguhnya ia adalah ilmu[148].

Daripadanya,dan Muhammad bin Abd al-Jabbar, daripada Abdullah bin Muhammad al-Hijjal, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Abdullah bin Hilal berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s satu bab yang akan membuka untuknya seribu bab yang lain, setiap bab akan membuka untuknya seribu bab yang lain pula.

Daripadanya, dan Ahmad bin al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada [149] al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Abd al-Rahman bin Abu Abdullah berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s satu bab yang akan membuka untuknya seribu bab, dan setiap bab akan membuka untuknya seribu bab yang lain pula[150].

Ya'qub bin Yazid, dan Ibrahim bin Hasyim, daripada Muhammad bin Abu 'Umair daripada Ibrahim bin Abd al-Hamid, daripada Abu Hamzah al-Thumali daripada Abu Ja'far a.s berkata: Ali telah berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengajar aku seribu bab, setiap bab akan membuka seribu bab yang lain.

Muhammad bin Isa, dan Ibrahim bin Ishaq, daripada Abdullah bin Hammad al-Ansari, daripada Sabah al-Mazni, daripada al-Harith bin al-Hasirah, daripada al-Asbagh bin Nabatah, daripada Amir al-Mukminin a.s berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengajar aku seribu

---

[147] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 281
[148] *Ibid*
[149] *Ibid*
[150] *Ibid*

bab daripada halal dan haram daripada apa yang telah berlaku, dan akan berlaku sehingga hari Kiamat. Setiap bab daripadanya akan membuka seribu bab yang lain. Lantaran itu, ia telah menjadi seratus ribu bab sehingga aku telah diajar ilmu *al-Munaya, al-Balaya* dan *Fasl al-Khitab* (kefasihan bercakap).

Ahmad dan Abdullah kedua-duanya anak lelaki Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Hisyam bin Salim, daripada bapanya, daripada Hamzah al-Thumali, daripada Abu Ishaq al-Sabi'i berkata: Aku telah mendengar sebahagian para sahabat Amir al-Mukminin a.s yang dipercayai berkata: Aku telah mendengar Ali a.s berkata: Sesungguhnya di dalam dadaku ini ilmu yang banyak di mana Rasulullah s.a.w telah mengajarnya kepadaku (*inna fi sadri hadha la-'ilman jamman 'allamani-hi rasulullah s.a.w lau ijidu la-hu hafazah yar'auna-hu haqqa ri'ayati-hi wa yarwauna-hu 'anni ka-ma yasma'una-hu 'anni idhan la-auda'tu-hum ba'dha-hu*). Jika aku mendapati untuknya para penghafaz yang menjaganya dengan baik dan meriwayatkannya kepada aku sebagaimana mereka mendengarnya daripadaku, nescaya aku telah menyimpan sebahagiannya kepada mereka. Lantaran itu, banyak ilmu yang diketahuinya, sesungguhnya ilmu adalah pembuka kepada setiap bab dan setiap bab akan membuka seribu bab.

'Umru Bin Huraith Dan Keburukannya

Al-Mu'alla bin Muhammad al-Basri, daripada Bustam bin Murrah, daripada Ishaq bin Hassan, daripada al-Haitham bin Waqid, daripada Ali bin al-Hasan al-'Abdi, daripada Sa'd bin Tarif, daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Amir al-Mukminin a.s telah memerintah kami berjalan ke al-Mada'in dari Kufah. Lalu kami telah berjalan pada hari Ahad, dan 'Umru bin Huraith serta tujuh orang yang lain tertinggal ke belakang. Lalu mereka telah keluar ke satu tempat di al-Hirah dinamakan al-Khauranaq, mereka berkata: Kita berkelah, dan apabila tiba hari Rabu, kita keluar dan akan bersama Ali a.s sebelum beliau berhimpun, manakala mereka berehat, tiba-tiba seekor biawak (*dhabb*)keluar kepada mereka, lantas mereka memburunya, dan ditangkap oleh 'Umru bin Huraith sambil berkata: Kamu Baiahlah kepada biawak ini, kerana ia adalah Amir al-Mukminin (*bayi'u hadha Amir al-Mu'minin*), lalu tujuh orang sahabatnya, dan 'Umru bin Huraih adalah orang yang kelapan mereka, telah memberi baiah kepadanya.

Mereka telah berjalan pada malam Rabu, dan mereka telah sampai di al-Mada'in pada hari Jumaat di mana Amir al-Mukminin a.s sedang berkhutbah, mereka berlapan tidak berpisah di antara mereka sehingga mereka turun di pintu masjid, manakala memasukinya, Amir al-Mukminin a.s telah melihat kepada mereka, dan berkata:Wahai manusia, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah merahsiakan kepada

aku seribu hadis pada setiap hadis seribu bab, dan setiap bab seribu anak kunci dan aku telah mendengar Allah berfirman di dalam Surah Al-Isra' (17) 71 "*Hari kami menyeru setiap manusia dengan imam mereka*", sesungguhnya aku bersumpah dengan Allah untuk kamu bahawa Dia akan membangkitkan pada hari Kiamat lapan orang dengan imam mereka iaitu biawak dan jika aku mahu menamakan mereka, nescaya aku boleh melakukannya.[151]

Kitab-Kitab Di Sisi Para Imam A.S

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Qasim bin Muhammad al-Jauhari, daripada Ali bin Hamzah, daripada Imran bin Ali al-Halabi, daripada Abban bin Taghlab berkata: Abu Abdullah a.s telah memberitahu aku bahawa sesungguhnya di hulu pedang Ali a.s terdapat mashaf di mana Ali a.s telah menyeru al-Hasan kepadanya, lalu beliau telah mengangkatnya kepadanya, dan memberi pisau kepadanya, kemudian berkata kepadanya: Bukalah, maka al-Hasan tidak mampu membukanya, lalu Ali a.s telah membukakannya untuknya.

Kemudian beliau berkata kepadanya: Bacalah, lalu al-Hasan a.s membaca *al-Alif* , *al-Ba'* , *al-Sin*, *al-Lam*, dan seterusnya, kemudian beliau telah melipatkannya, lalu memberikannya kepada saudaranya al-Husain, maka beliau tidak mampu membukanya, lalu beliau membukakannya untuknya, kemudian beliau berkata kepadanya: Bacalah, lalu beliau membacanya sebagaimana telah dibaca oleh al-Hasan, kemudian beliau telah melipatkannya, dan memberikannya kepada Muhammad bin al-Hanafiyyah, tetapi beliau tidak mampu membukakannya, maka Ali a.s telah membukakannya untuknya, dan berkata kepadanya: Bacalah, maka beliau tidak dapat mengeluarkan sesuatu daripadanya, lalu beliau telah mengambilnya dan melipatkannya. Kemudian beliau telah menggantungkannya di hulu pedangnya, maka Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Apakah perkara yang terdapat di dalam mashaf itu? Beliau berkata: Iaitu huruf-huruf yang dapat membuka setiap huruf seribu huruf yang lain, Abu Basir berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Dua huruf pun tidak akan keluar kepada orang ramai sehingga hari Kiamat[152].

Rasulullah S.A.W Mengajar Ali A.S Seribu Kalimah

Daripadanya, dan Muhammad bin Abd al-Jabbar, daripada Muhammad bin Ismail bin Bazi', daripada Mansur bin Yunus, daripada

[151] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, viii, 615
[152] *Ibid*, vii, 288

Abu Bakr al-Hadhrami, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s seribu huruf yang dapat membuka seratus ribu huruf dan setiap huruf daripadanya dapat membuka seribu huruf.

Daripadanya, dan Ibrahim bin Hasyim, daripada Uthman bin Isa, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Abd al-Rahman bin Abu Abdullah, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s satu huruf yang dapat membuka seribu huruf, dan setiap huruf daripadanya dapat membuka seribu huruf (*yaftahu alfa harfin*)[153]

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, dan Muhammad bin Abd al-Jabbar daripada Muhammad bin Ismail bin Bazi', daripada Mansur bin Yunus, daripada Abu Hamzah al-Thumali daripada Ali bin al-Husain a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah mengajar Ali a.s satu kalimah yang dapat membuka seratus ribu kalimah dan setiap kalimah dapat membuka seribu kalimah.

Ali bin Muhammad al-Hijjal, daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu'i daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ismail bin Jabir, dan Abd al-Karim bin Abu Dailam, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah berwasiat kepada Ali a.s dengan seribu kalimah(*ausa Rasulullah s.a.w ila Ali bi-alfi kalimatin*), dan setiap kalimah dapat membuka seribu kalimah (*yaftahu kullu kilimatin alfa kalimatin*).

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin Abd al-Jabbar daripada Muhammad bin Khalid al-Barqi daripada Fadhalah bin Ayyub, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu Bakr al-Hadhrami, daripada *maula*nya Hamzah bin Rafi', daripada Ummu Salmah; isteri Nabi s.a.w berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda ketika sakit yang telah membawa kepada kematiannya: Serukan kepadaku *khalilku*. Maka 'Aisyah menghantar utusan untuk menjemput bapanya. Apabila Abu Bakr datang maka Rasulullah s.a.w. menutup mukanya. Maka Abu Bakr pulang. Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: Panggilkan kepadaku khalilku. Hafsah menghantar utusan kepada bapanya. Justeru itu 'Umar datang. Rasulullah s.a.w terus menutup mukanya (*ghatta rasulullah s.a.w wajha-hu*) dan bersabda: Serukan *khalilku*. Maka Umarpun kembali. Setelah itu, Fatimah memanggil Ali a.s. Apabila Ali a.s datang, maka Rasulullah s.a.w berdiri, lalu beliau a.s. masuk. Kemudian beliau s.a.w. memuliakan Ali a.s dengan kainnya. Fatimah a.s berkata: Ali a.s berkata: Rasulullah s.a.w telah memberitahu aku seribu hadis sehingga aku telah berpeluh dan Rasulullah s.a.w turut berpeluh (*fa-haddathani bi-alfi hadith hatta 'araqtu wa 'araqa rasulullah s.a.w*). Peluhnya telah

---

153 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 282

mengalir ke atasku, dan peluhku telah mengalir ke atasnya (*fa-sala 'alayya 'araqu-hu wa sala 'alai-hi 'araqi*)[154].

Keilmuan Para Imam A.S

Ahamad al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada 'Umru bin Sa'id al-Mada'ini, daripada Musaddiq bin Sadaqah al-Mada'ini, daripada 'Ammar bin Musa al-Sabiti, daripada Abu Abdullah a.s berkata:Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s tentang imam adakah belliau mengetahui perkara ghaib (*ya'lamu al-Ghaib*)? Beliau berkata: Tidak, tetapi apabila beliau mahu mengetahui sesuatu, maka Allah akan memberitahu kepadanya perkara tersebut (*idha arada an ya'lama al-Sya' a'lama-hu l-Lahu dhalika*)[155].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, dan Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Ahmad bin al-Hasan al-Maithami, daripada Muhammad bin Abu Hamzah, daripada Ali bin Yaqtin berkata: Aku telah berkata kepada Abu al-Hasan Musa a.s: Ilmu alim kamu secara pendengaran atau ilham? Beliau berkata: Kadang-kala secara pendengaran dan kadang-kala secara ilham atau kedua-duanya sekali (*qad yakunu samma'an wa yakunu ilhaman wa yakunani ma'an*).

Ahmad bin Muhammad bin Isa daripada Muhammad bin Abu Nasr, daripada Hammad bin Uthman, daripada al-Harith bin al-Mughirah berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Apakah ilmu alim kamu (*ma 'ilmu 'alimu-kum*), adakah sebahagiannya dicampak dihatinya (*a jumlatun yuqdhafu fi qalbi-hi*) atau diperdengarkan di telinganya (*au yunkatu fi udhuni-hu*)? Beliau berkata: Seperti wahyu ibu Isa.

Ya'qub bin Yazid, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Muhammad bin Hamraan daripada Sufyan bin al-Samt, daripada Abdullah bin al-Najjasyi, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Beliau berkata: Di kalangan kami, demi Allah, ada yang dibisikkan di telinganya (*fi-na, wa l-Lahi, man yunqaru fi udhuni-hi*), dan ada yang diberitahu di hatinya (*yunkatu fi qalbi-hi*), dan ada yang telah berjabat tangan dengan malaikat (*tusafihu-hu al-Malaikatu*). Aku berkata: Di masa yang lalu, atau hari ini? Beliau berkata: Malah hari ini (*bal al-Yaum*), wahai Ibn al-Najjasyi- Beliau telah berkata sedemikian sehingga tiga kali.

Al-Hasan bin Ali bin Abdullah bin al-Mughirah, daripada 'Abis bin Hisyam al-Asadi, daripada Kiram bin 'Umru al-Khusy'ami, daripada Abdullah bin Abu Ya'fur, berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Sesungguhnya kami berkata: Sesungguhnya Ali a.s dibisikkan di telinganya (*kana yunkatu fi udhuni-hi*) dan diberitahu di

---

[154] *Ibid*, ix, 475

[155] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 288

dadanya (*wa yuqaru fi sadri-hi*), maka beliau berkata: Sesungguhnya Ali a.s adalah seorang *Muhaddathan* (boleh bercakap dengan malaikat). Manakala beliau telah melihat aku bahawa kata-katanya telah menjadi berat ke atasku, maka beliau berkata: Sesungguhnya Ali a.s pada hari Bani Quraizah, dan al-Nadhir telah diapit oleh Jibrail di kanannya, dan Mikail di kirinya, mereka berdua sedang bercakap-cakap dengannya (*yuhaddithana-hu*)[156].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Hammad bin Isa, daripada al-Husain bin al-Mukhtar al-Qalanisi, daripada al-Harith bin al-Mughirah bin al-Nadhari, daripada Hamraan berkata: Abu Ja'far a.s telah berkata kepadaku: Sesungguhnya Ali a.s adalah *Muhaddathan*, maka aku pun telah datang kepada para sahabatku, lalu aku berkata: Aku datang kepada kamu dengan berita yang pelik, mereka berkata: Apakah ia? Aku berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Ali adalah seorang *Muhaddathan*, mereka berkata: Anda jangan melakukan sesuatu melainkan anda bertanya kepadanya siapakah yang bercakap dengannya.

Lalu aku kembali kepadanya dan aku berkata: Sesungguhnya aku telah memberitahu para sahabatku tentang perkara yang anda telah memberitahu aku, maka mereka berkata: Anda jangan melakukan sesuatu melainkan anda bertanya kepadanya siapakah yang bercakap dengannya, maka beliau berkata kepadaku: Malaikat yang bercakap dengannya (*yuhaddithu-hu malakun*), aku berkata: Anda berkata bahawa beliau seorang nabi? Lantas beliau menggerakkan tangannya begini, beliau berkata: Atau seperti sahabat Sulaiman atau seperti sahabat Musa atau seperti Dhu al-Qarnain atau tidakkah telah sampai berita kepada kamu bahawa beliau berkata: Di kalangan kamu ada orang seumpamanya (*wa fi-kum mithlu-hu*)[157].

Musa bin Ja'far bin Wahab al-Baghdadi, daripada Ali bin Asbat, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku dan al-Mughirah bin Sa'id sedang duduk di Masjid, lalu al-Hakam bin 'Utbah datang kepada kami, dan berkata: Sesungguhnya aku telah mendengar daripada Abu Ja'far a.s satu hadis di mana aku tidak pernah mendengarnya sebelum ini, maka kami telah bertanya kepadanya tentangnya, tetapi beliau telah enggan memberitahu kami mengenainya, beliau berkata: Ya, kami telah mendapati ilmu Ali a.s di dalam satu ayat pada kitab Allah a.w; Surah al-Hajj (22):52 *" Dan kami tidak mengutus seorang rasul sebelum kamu, dan tidak pula seorang nabi, (dan tidak pula seorang muhaddathin), melainkan apabila ia mempunyai sesuatu keinginan, syaitan pun memasukkan godaan-godaan terhadap keinginan itu"*

---

156 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 292
157 *Ibid*

Maka kami berkata: Ayatnya bukan begitu, maka beliau berkata: Ayat itu terdapat di dalam kitab Ali, aku berkata: Bagaimana *muhaddath* terjadi? Beliau berkata: Dibisikkan di telinganya (*yunkatu fi udhuni-hi*), lalu beliau mendengar deringan atau gema (*tanin*) seperti deringan atau gema sesuatu terjatuh di dalam mangkuk (*ka-tanin al-Tist*) atau diketuk di hatinya (*yuqra'u 'ala qalbi-hi*), lalu beliau mendengar ketukan seperti ketukan rantai besi yang terjatuh di dalam mangkuk (*fa-yasma'u waq'an ka waq'i al-silsilati yaqa'u fi al-Tist*). Aku berkata: Beliau seorang nabi? Beliau berkata: Tidak, seperti Khidir, dan Dhu al-Qarnain[158].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada al-Nadhar bin Syu'aib, daripada 'Abd al-Ghaffar al-Jazi, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku bercakap tujuh puluh cara (*wajhan*) untukku; semuanya ada jalan keluar[159].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Ismail bin Bazi', daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Abdullah bin Maskan, daripada Abd al-A'la bin A'yan berkata: Aku dan Ali bin Hanzalah telah datang kepada Abu Abdullah a.s, maka Ali bin Hanzalah telah bertanya kepadanya tentang satu masalah, maka beliau telah menjawabnya, Ali berkata kepadanya: Jika ia begitu, maka ia adalah begitu, maka beliau telah menjawabnya dengan jawapan yang lain pula, beliau berkata kepadanya: Jika ia begitu, maka ia adalah begitu, maka beliau telah menjawab dengan jawapan yang lain pula sehingga beliau telah menjawab dengan empat jawapan.

Ali bin Hanzalah telah berpaling kepada aku, dan berkata: Wahai Abu Muhammad, sesungguhnya kami telah menguasainya (*ahkamna-ha*), lantas Abu Abdullah a.s telah menegahnya, dan berkata: Janganlah anda berkata sedemikian wahai Abu al-Hasan, kerana anda adalah seorang lelaki yang warak, sesungguhnya di antara perkara-perkara itu ada perkara-perkara yang sempit waktunya (*dhayyiqah*), maka ia tidak berlaku melainkan di atas satu cara, di antaranya Jumaat yang hanya mempunyai satu waktu ketika tergelincirnya matahari. Dan di antara perkara-perkara itu terdapat perkara-perkara yang luas waktunya (*muwassa'ah*) yang berlaku di atas beberapa cara dan ini adalah di antaranya, demi Allah, di sisiku tujuh puluh cara[160].

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, dan Ya'qub bin Yazid, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Muhammad bin Hamraan, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya kami bercakap dengan satu kalimah yang mempunyai tujuh puluh cara untuk aku semuanya ada jalan keluar.

---

158 *Ibid*
159 *Ibid*
160 *Ibid*

Ahmad dan Abdullah dua anak lelaki Muhammad bin Isa, daripada al-Hasan bin Mahbub, daripada Muhammad bin al-Nu'man al-Ahwal, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Kamu adalah orang yang paling alim selama kamu memahami pengertian percakapan kami. Sesungguhnya percakapan kami bertukar kepada tujuh puluh cara (*yansarifu ila sab'in wajhan*)[161].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, dan Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Abd al-Karim bin 'Umru, daripada Abu Basir berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Aku bercakap dengan satu kalimah yang mempunyai tujuh puluh cara, jika aku kehendaki, aku akan melakukannya menurut caranya yang tersendiri.

Ahmad bin Muhammad bin Isa dan Muhammad bin al-Husain al-Khattab, dan Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Muhammad bin Sinan dan Ali bin al-Nu'man, daripada Abdullah bin Maskan, daripada Abu Basir, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Allah a.w tidak akan meninggalkan bumi melainkan padanya seorang alim yang mengetahui pertambahan dan kekurangan (*fi-ha 'alim ya'lamu al-Ziyadah wa al-Nuqsan*) di bumi. Apabila orang-orang mukmin telah menambahkan sesuatu, maka Dia kembalikannya kepada mereka, dan apabila mereka mengurangkan sesuatu, maka Dia menyempurnakannya untuk mereka, maka beliau berkata: Kamu ambillah ia dengan sempurna (*khudhu-hu kamilan*). Jika tidak, nescaya urusan mereka akan menjadi kesamaran kepada orang-orang mukmin, lantaran itu, mereka tidak dapat membezakan di antara kebenaran dan kebatilan.

Al-Hasan bin Ali bin al-Nu'man,56 daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Bumi tidak akan sunyi melainkan padanya seorang lelaki daripada kami mengetahui kebenaran (*lan takhlu al-Ardhu illa wa fi-ha rajulun minna ya'rifu al-Haqqa*). Apabila orang ramai telah menambahkan sesuatu padanya, beliau berkata: Sesungguhnya mereka telah menambahkannya, dan apabila mereka menguranginya, beliau berkata: Mereka telah menguranginya, dan apabila mereka mengakui kekurangannya, maka beliau membenarkan mereka, jika tidak, kebenaran tidak akan dikenali daripada kebatilan.

---

161 *Ibid*

BAHAGIAN KESEPULUH

Para imam mengetahui semua lisan dan bahasa, di sisi mereka kitab-kitab para nabi a.s, mereka mengetahui percakapan binatang, mereka mengetahui semua keadaan manusia ketika melihat mereka, para imam a.s adalah Mutawassimin dan lain-lain.

Para Imam Mengetahui Semua Lisan Dan Bahasa

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid dan Ibrahim bin Mihziyar berkata: Aku telah menghantar hamba aku yang berbangsa Slav kepada Abu al-Hasan ketiga a.s, maka hamba aku telah kembali kepadaku dengan pelik, aku berkata kepadanya: Apakah dengan anda wahai anak lelakiku? Beliau berkata: Bagaimana aku tidak merasa pelik, beliau a.s sentiasa bercakap dengan aku di dalam bahasa Slav seolah-olah beliau adalah seorang daripada kami, aku telah menyangka bahawa beliau telah mengguna bahasa ini supaya hamba-hamba lain tidak mendengar apa yang berlaku di kalangan mereka.

Ahmad bin Muhammad, daripada Abu al-Qasim Abd al-Rahman bin Hammad al-Kufi dan Abdullah bin 'Imran, daripada Muhammad bin Basyir, daripada seorang lelaki, daripada 'Ammar bin Musa al-Sabiti berkata: Abu Abdullah a.s telah berkata kepada aku: Wahai 'Ammar, lalu beliau meletakkan kain ke atas aku, aku berkata: Aku tidak pernah melihat seorang nabati yang lebih fasih daripada anda di dalam bahasa Nabatiyyah, beliau berkata: Wahai 'Ammar, di dalam semua bahasa.

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, dan Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya bin 'Imran al-Halabi, daripada saudara Malih berkata: Abu Yazid Furqad telah memberitahu aku, berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s. Beliau telah mengutus hambanya berbangsa *a'jam*[398] di dalam satu hajat, maka hambanya telah kembali kepadanya. Lalu beliau mulai mengubah perutusannya, tetapi ia tidak menghairankannya sehingga aku telah menyangka bahawa beliau a. s

---

[398] Selain daripada bahasa atau bangsa Arab

akan memarahinya. Beliau berkata: Bercakaplah di dalam bahasa mana yang anda kehendaki, sesungguhnya aku memahami tentang kamu. Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin Abd al-Jabbar, daripada Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada Fadhdhalah bin Ayyub, daripada seorang lelaki namanya Masma' bin Abd al-Malik, *laqab*nya adalah Kardin, daripada Abu Abdullah a.s, maka beliau berkata: Aku telah datang kepadanya, dan di sisinya anak lelakinya Ismail.

Kami pada masa itu akan berimamkannya selepas bapanya, maka beliau telah menyebut kepada aku hadis yang panjang bahawa beliau telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata tentangnya menyalahi apa yang kami telah menyangkanya. Aku telah mendatangi dua lelaki daripada ahli Kufah yang berkata mengenainya. Lalu aku telah memberitahu mereka berdua, maka seorang daripada mereka berdua berkata:Aku telah mendengar, aku telah mentaati dan aku telah meredai.

Sementara yang lain pula berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak mendengar, aku tidak reda, dan aku tidak mentaati sehingga aku mendengarnya daripadanya. Kemudian beliau telah keluar menuju Abu Abdullah a.s, lalu aku telah mengikutinya. Apabila kami berada di pintu, maka mereka berdua telah meminta kebenaran masuk, maka beliau telah membenarkan aku masuk sebelumnya, kemudian beliau telah membenarkannya masuk, manakala beliau masuk, maka Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Wahai polan, adakah setiap seorang daripada kamu dibawa datang dengan kitab yang berterbangan? Sesungguhnya apa yang telah diberitahu kepada anda oleh polan itu adalah benar.

Maka beliau berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, sesungguhnya aku suka mendengarnya daripada anda sendiri, lantas beliau berkata: Sesungguhnya polan itu adalah imam anda, dan sahabat anda selepas aku, iaitu Abu al-Hasan Musa a.s-tidak akan menuntutnya di antara aku dan beliau (Musa a.s) melainkan pembohong, maka beliau telah berpaling kepada seorang lelaki dari Kufah yang pandai berbicara di dalam bahasa Nabatiyyah, maka beliau berkata kepadanya: *Dirqihi* (*percakapan?*), lalu Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: *Dirqihi* di dalam bahasa Nabatiyyah, kamu ambillah.

Muhammad bin Jazak, daripada Yasir al-Khadim berkata: Hamba-hamba Abu al-Hasan a.s di rumahnya terdiri daripada bangsa Slav dan Rom. Abu al-Hasan a.s adalah rapat dengan mereka. Beliau telah mendengar mereka di waktu malam merepek dengan bahasa Slav dan Roman, mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mengeluarkan darah kami di negara kami pada setiap tahun, kemudian kita tidak melakukannya di sini. Pada keesokannya, Abu al-Hasan a.s telah bertemu dengan seorang doktor, lalu beliau berkata kepadanya:

Keluarkan darah polan. Kemudian beliau berkata: Wahai Yasir, janganlah anda mengeluarkan darah anda.

Yasir berkata: Darah aku telah dikeluarkan, lalu tanganku menjadi kehijauan. Maka beliau a.s berkata: Wahai Yasir, apakah telah terjadi kepada anda? Maka aku telah memberitahunya, lalu beliau berkata: Tidakkah aku telah melarang anda dari melakukannya, hulurkan tangan anda, lalu beliau menyapukan tangannya ke atas tanganku, dan meludahnya (*wa tafila fi-ha*). Kemudian beliau telah berwasiat kepada aku supaya aku tidak makan malam. Selepas itu aku telah terlupa, lalu aku makan malam, lantas beliau memukul aku[163].

Ya'qub bin Yazid, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada sebahagian lelakinya, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Al-Hasan bin Ali a.s berkata: Sesungguhnya bagi Allah dua bandar; satu di timur dan satu lagi di barat, di atasnya dinding dari besi, dan di atas setiap bandar seratus ribu daun dari emas, di dalamnya seratus ribu bahasa, setiap bahasa bercakap berlainan dengan bahasa sahabatnya dan aku mengetahui semua bahasa (*ana a'rifu jami' al-Lughat*), apa yang ada pada kedua-duanya, di antara kedua-duanya, dan hujah di atas kedua-duanya selain daripada aku, dan saudaraku al-Husain[164].

Musa bin 'Umar bin Yazid al-Saiqal, daripada Ali bin Ismail al-Maithami, daripada Sama'ah bin Mihran daripada seorang syeikh di kalangan sahabat kita, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Kami telah datang kerana ingin bertemu dengannya. Apabila kami sampai di Dahliz, kami telah mendengar bacaan di dalam bahasa Siryaniyyah dengan suara yang baik, dibaca dan ditangisi sehingga sebahagian kami turut menangis.[165]

Di Sisi Mereka Kitab-kitab Para Nabi

Ibrahim bin Hasyim, daripada al-Hasan bin Ibrahim, daripada Yunus, daripada Hisyam bin al-Hakam di dalam satu hadis tentang Barihah; seorang Nasrani yang telah datang bersama Hisyam sehingga beliau bertemu dengan Abu al-Hasan a.s, maka beliau berkata: Wahai Barihah, bagaimana keilmuan anda tentang kitab anda? Beliau berkata: Aku mengetahui dengannya (*an bi-hi alimun*). Beliau berkata: Bagaimana kepercayaan anda dengan takwilnya? Aku tidak yakin keilmuanku tentangnya. Lalu Musa a.s mula membaca Injil, Barihah berkata:Al-Masih telah membaca sedemikian dan bacaan ini tidak dibaca melainkan oleh al-Masih a.s. Kemudian Barihah berkata: Aku telah

---

163 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 321
164 *Ibid*
165 *Ibid*

mencarinya selama lima puluh tahun, lalu beliau menerima Islam di tangannya[166].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Ahmad bin al-Hasan al-Maithami, daripada Abban bin Uthman al-Fazari, daripada Musa bin Akil al-Namiri, berkata: Kami telah datang di pintu Abu Ja'far a.s, lalu kami meminta kebenarannya, tiba-tiba kami telah mendengar suara dibaca di dalam bahasa Ibrani, lantas kami menangis apabila kami mendengar suaranya, kami telah menyangka bahawa beliau telah mengutus kepada seorang lelaki ahlu l-Kitab untuk membaca ke atasnya. Maka kami telah masuk, tetapi kami tidak melihat seorang pun di sisinya, kami berkata: *Aslaha-ka l-Lahu*, kami telah mendengar di dalam bahasa Ibrani, kami telah menyangka bahawa anda telah mengutus kepada seorang lelaki di kalangan ahlu l-Kitab supaya membacanya untuk anda.

Beliau berkata: Tidak, tetapi aku telah menyebut munajatnya, maka aku telah menangis keranaya, kami berkata: Apakah munajatnya? Beliau berkata: Wahai Tuhanku, adakah Engkau akan mengazabkan aku selepas segala ibadat aku yang berpanjangan kepada Engkau (*ya rabb a tura-ka mu'adhdhibi ba'da tuli qiyami la-ka wa 'ibadati iyya-ka*), Engkau akan menyeksa aku selepas solatku kepada-Mu(*wa mu'adhdhibi ba'da salati la-ka*), beliau mulai menghitung amalan-amalannya, maka Allah telah mewahyukan kepadanya bahawa Aku tidak akan mengazabkan kamu, lalu beliau berkata: Wahai Tuhanku, apakah yang menghalang Engkau berfirman: Tidak, selepas ya, sedangkan aku adalah hamba Engkau (*ana 'abdu-ka*), dan di dalam genggaman Engkau. Maka Allah telah mewahyukan kepadanya bahawa sesungguhnya Aku apabila Aku berfirman sesuatu, maka Aku menunaikannya (*inni idha qultu qaulan wafai-tu*)[167].

Mereka Mengetahui Percakapan Burung

Ya'qub bin Yazid, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya', daripada mereka yang meriwayatkannya, daripada Ali bin Ismail al-Maithami, daripada Mansur bin Yunus, daripada Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah berada bersama-sama Ali bin al-Husain a.s di rumahnya. Dan di rumahnya terdapat pohon di mana di atasnya burung-burung sedang berkicau, beliau berkata: Adakah anda mengetahui apakah yang dikatakan mereka? Aku berkata: Aku tidak mengetahuinya, beliau berkata: Mereka sedang bertasbih kepada Tuhan mereka, dan sedang

---

166 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 319

167 *Ibid*

mencari rezeki mereka (*yusabbihna rabba-hunna wa yatlubna rizqa-hunna*)[168].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin Ismail bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Malik bin 'Atiyyah, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah berada bersama-sama Ali bin al-Husain a.s. Apabila burung-burung berterbangan dan berkicauan, maka beliau berkata: Wahai Abu Hamzah, adakah anda mengetahui apakah yang dikatakan oleh mereka? Aku berkata: Aku tidak mengetahuinya. Beliau berkata: Mereka sedang mentakdiskan Tuhan mereka, dan memohon kepada-Nya makanan harian mereka(*quta yaumi-hinna*). Kemudian beliau berkata: Wahai Abu Hamzah, kami telah diajar percakapan burung dan dikurniakan kepada kami setiap sesuatu (*'Ullamna mantiqa al-Tairi wa uti-na min kulli syai'in*)[169].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Khalid bin Muhammad al-Barqi, daripada sebahagian daripada lelakinya secara *marfu'* daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Seorang lelaki telah membaca ayat di dalam Surah al-Naml (27 : 16 "*Kami diajar percakapan burung, dan kami diberi segala sesuatu*". Abu Abdullah a.s berkata: Tidak ada padanya "*min*", tetapi ia adalah "*uti-na kulla syai'in*".

Daripadanya, daripada Ahmad bin Yusuf, daripada Ali bin Daud al-Haddad, daripada Fudhail bin Yassar, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Aku telah berada di sisinya, tiba-tiba aku melihat kepada sepasang burung merpati di sisinya; yang jantan telah mengeluarkan kata dengan manja dan lembut kepada yang betina (*hadala al-Dhakaru 'ala al-Untha*). Maka beliau berkata: Adakah anda mengetahui apakah yang dikatakan oleh merpati jantan itu? Ia berkata: Wahai sayangku, dan isteriku, Allah tidak mencipta makhluk yang paling aku cintai daripada anda melainkan *maulaku* Ja'far bin Muhammad a.s[170].

Ali bin Ismail bin Isa, daripada Muhammad bin 'Umru bin Sa'id al-Zayyat, daripada bapanya, daripada al-Faidh bin al-Mukhtar, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Sulaiman bin Daud a.s berkata: "*kami diajar percakapan burung, dan kami dikurniakan daripada setiap sesuatu* (*min kulli syai'in*)". Demi Allah, kami diajar percakapan burung dan kami dikurniakan setiap sesuatu (*kulla syai'in*)

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada al-Nadhar bin Syu'aib, daripada 'Umar bin Khalifah, daripada Syaibah, daripada al-Faidh, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Wahai manusia, kami telah diajar percakapan

---

[168] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 415
[169] *Ibid*
[170] *Ibid*

burung, dan kami dikurniakan setiap sesuatu, sesungguhnya ini adalah kelebihan yang besar.

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr, daripada sebahagian daripada sahabatnya berkata:Abu Abdullah a.s telah dihadiahkan dengan tiga ekor burung; *fakhitah, wirsyan,* dan *ra'ibi,* burung yang pertama berkata: Aku telah kehilangan kamu, aku telah kehilangan kamu, maka jauhilah ia sebelum ia meninggalkan kamu, Abu Ja'far a.s telah memerintahkan supaya ia disembelih. Adapun burung yang kedua berkata: Kamu telah disucikan, kamu telah disucikan, lantas beliau telah memberikannya kepada seorang sahabatnya. Adapun burung yang ketiga, maka ia berada di sisiku, aku menemaninya.

Mereka Mengetahui Percakapan Binatang-Binatang Yang Lain

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Ahamad bin al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Zararah, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Seekor unta milik seorang lelaki Madinah, apabila ia lanjut usia, seorang daripada mereka berkata: Bagaimana jika kita menyembelihnya? Unta itu kemudian datang kepada Rasulullah s.a.w, dan mulai mengeluarkan suaranya. Lantas Rasulullah s.a.w mengutus kepada pemiliknya. Apabila beliau datang, maka Rasulullah s.a.w bersabda kepadanya: Unta ini telah menyangka bahawa ia pada usia muda sehingga lanjut usianya telah bekerja keras untuk kamu, kemudian kamu mahu menyembelihnya pula, pemiliknya berkata:Ia benar, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Janganlah kamu menyembelihnya, maka tinggalkannya dan tinggalkannya[171].

Daripadanya, daripada al-'Abbas bin Ma'ruf, daripada Abu al-Qasim Abd al-Rahman bin Hammad al-Kufi, daripada Muhammad bin al-Hasan bin Abu Khalid, berkata: Aku telah keluar bersama Ali bin al-Husain a.s ke Makkah. Apabila kami telah memasuki al-Abwa', beliau masih di atas kenderaannya dan aku terus berjalan. Beliau a.s telah terserempak dengan seekor kambing jantan, tiba-tiba seekor kambing betina telah tertinggal dari kumpulan kambing jantan, ia telah mengembek, dan berpaling, tiba-tiba seekor anak kambing betina telah mengembek untuk mendapatinya, manakala anak kambing betina berdiri, maka kambing betina mengembek, lalu diikuti oleh anak kambing betina itu, maka Ali bin al-Husain a.s berkata: Wahai Abd al-Aziz, apakah yang telah dikatakan oleh kambing betina (*al-Na'jatu*) itu? Beliau berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak mengetahuinya Beliau berkata: Sesungguhnya ia berkata: Pergilah bersama-sama kambing jantan itu,

171 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* xiv, 660

kerana saudara betinanya pada tahun pertamanya telah tertinggal pada tempat ini, lalu ia telah dimakan oleh serigala (*fa-akala-ha al-Dhi'bu*)[172].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Ahmad bin al-Hasan bin Fadhdhal daripada Abdullah bin Bakir, daripada sebahagian daripada sahabat kami, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Sesungguhnya beberapa ekor serigala telah datang kepada Rasulullah s.a.w kerana menuntut rezekinya (makanannya). Maka beliau s.a.w. bersabda kepada para sahabatnya: Jika kamu setuju maka aku akan menyelesaikan hal ini dengan cara kamu menyempurnakan tuntutan serigala ini. Dengan itu, ia tidak akan memusnahkan harta kamu walaupun sedikit. Tetapi jika kamu enggan memenuhinya maka ia akan menggangu kamu. Oleh itu, kamu hendaklah mengawal harta kamu? Sahabat berkata: Malah kami enggan sekalipun ia akan menggangu kami sebagaimana yang ia telah lakukan. Kami akan mengawalnya menurut apa yang kami mampu[173].

Ali bin Muhammad bin al-Hijjal, daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu', daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abu al-Jarud, daripada Ali bin Thabit, daripada Jabir bin Abdullah al-Ansari berkata: Apabila kami duduk bersama-sama Rasulullah s.a.w, tiba-tiba seekor unta datang berlutut di hadapannya, dan mengeluarkan suaranya, serta berlinang air matanya, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Siapakah yang memiliki unta ini? Ada orang berkata: Ia adalah milik seorang Ansar, maka beliau berkata: Ia milik aku, lalu ia diberikan kepadanya.

Beliau s.a.w bersabda: Unta anda mengadu dan berkata sesuatu, pemiliknya berkata: Apakah yang dikatakannya? Ia berkata: Anda sentiasa menekannya supaya bekerja keras dan membuatnya lapar, beliau berkata: Wahai Rasulullah s.a.w, kami akan meringankannya dari kerjanya dan akan mengenyangkannya. Ia benar, wahai Rasulullah s.a.w, kami tidak memiliki unta yang lain selain daripadanya, dan aku adalah seorang lelaki yang banyak tanggungan. Beliau s.a.w bersabda: Ia berkata kepada anda: Perintahlah aku supaya bekerja keras, dan kenyangkanlah aku, pemiliknya berkata: Ya, wahai Rasulullah s.a.w, kami akan meringankannya dari kerjanya dan akan mengenyangkannya (*nukhaffifu 'an-hu wa nusybi'-hu*), maka unta itu pun berdiri, dan pergi.

Dengan sanad-sanad ini, daripada Jabir bin Abdullah berkata: Pada suatu hari kami telah berada di sisi Rasulullah s.a.w, tiba-tiba seekor unta datang sehingga berlutut di hadapan Rasulullah s.a.w, mengeluarkan suaranya dan air matanya mengalir. Beliau bersabda: Siapakah pemilik unta ini? Mereka berkata: Milik polan. Beliau bersabda: Bawa ia datang ke sini, lalu ia datang, beliau bersabda kepadanya: Unta kamu menyangka bahawa kamu memeliharanya pada

---

[172] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 8
[173] *Ibid*

masa kecil, kemudian pada masa besar, kamu memaksanya bekerja, kemudian kamu mahu menyembelihnya pula, maka beliau berkata kepada Rasulullah s.a.w: Wahai Rasulullah s.a.w, sesungguhnya kami ada *walimah*, maka kami mahu menyembelihnya pada *walimah* tersebut. Beliau bersabda: Tinggalkannya untuk aku, tinggalkannya untuk aku, lalu Rasulullah s.a.w melepaskannya (*i'taqa-hu*). Kemudian ia digemukkan sehingga kulitnya tidak mempunyai ruang lagi.

Al-Hasan bin Musa al-Khasysyab, daripada Ali bin Hassan, daripada Abd al-Rahman bin Kathir, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Rasulullah s.a.w pada suatu hari duduk di kalangan para sahabatnya, tiba-tiba seekor unta telah mendatanginya sehingga ia telah memukul bahagian depan tengkuknya (*jirani-hi*) ke bumi, dan mengeluarkan suara, maka seorang lelaki di kalangan sahabat berkata: Wahai Rasulullah, adakah unta ini sujud kepada anda? Jika ia sujud kepada anda, maka kami adalah berhak untuk melakukannya, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Tidak, malah sujudlah kepada Allah.

Sesungguhnya unta ini telah datang kerana ia mengadu tentang pemilik-pemiliknya; mereka telah memeliharanya di masa kecil, dan menggunakannya apabila ia besar, dan apabila umurnya meningkat, mereka mahu menyembelihnya pula, lantaran itu, ia telah mengadu perkara tersebut. Maka seorang lelaki di kalangan sahabat telah mengingkari kata-kata Rasulullah s.a.w, lalu Abu Basir berkata: Adakah lelaki itu 'Umar? Beliau berkata: Anda yang berkata sedemikian. Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda: Jika aku telah memerintah sesuatu supaya ia sujud kepada sesuatu, nescaya aku telah memerintah seorang isteri supaya sujud kepada suaminya, kemudian Abu Abdullah a.s mulai berkata: Tiga binatang yang telah bercakap pada masa Rasulullah s.a.w: Unta, serigala, dan lembu betina. Adapun unta, maka percakapannya anda telah mendengarnya. Adapun serigala, maka ia telah datang kepada Rasulullah s.a.w, lalu mengadu tentang kelaparannya.

Lantaran itu, beliau telah menyeru para sahabatnya. Beliau s.a.w. telah bercakap kepada mereka mengenai keperluan serigala itu, tetapi sahabat kedekut memenuhi keperluannya(*fa-syahhu*). Kemudian serigala itu datang pada kali kedua. Lalu ia telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Beliau s.a.w. menyeru sahabatanya. Mereka juga kedekut memenuhi keprluan serigala itu. Kemudian ia telah datang pada kali ketiga, lalu mengadu. Maka beliau s.a.w. menyeru sahabatnya. Tetapi mereka kedekut untuk memenuhi keperluannya. Kemudian Rasulullah s.a.w menyeru pemilik-pemilik kambing dan bersabda sebanyak tiga kali: Berilah sesuatu kepada serigala. Tetapi mereka juga kedekut memenuhi tuntutan itu. Maka beliau s.a.w. bersabda kepada serigala: Ambillah. Adapun lembu betina, kerana ia telah berkata

kepada Nabi s.a.w di kebun kurma Bani Salim, maka ia berkata: Wahai ali Dhuraih, amalan yang berjaya, di dalam bahasa Arab yang fasih; tiada tuhan melainkan Allah, Tuhan semesta alam, dan Muhammad adalah Rasulullah, serta Ali adalah penghulu para wasi, selawat Allah ke atas mereka berdua.

Ya'qub bin Yazid, daripada Abd al-Hamid bin Salim al-'Attar, daripada Harun bin Kharijah atau orang yang selain daripadanya, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Seekor unta betina telah berkata: Mereka telah mengejar Nabi s.a.w (*nafaru bi-al-Nabi*) pada suatu malam: Tidak, demi Allah, aku sentiasa stabil jika aku dipotong kepada beberapa keratan.

Abdullah bin Muhammad, daripada Muhammad bin Ibrahim berkata: Basyir dan Ibrahim bin Muhammad telah memberitahuku, daripada bapa mereka berdua, daripada Hamraan bin A'yan, daripada Abu Muhammad Ali bin al-Husain a.s berkata: Beliau telah duduk bersama-sama sekumpulan para sahabatnya, tiba-tiba seekor kijang betina telah datang kepadanya, lalu ia telah menggerakkan ekornya, dan telah memukul dengan dua tangannya, maka Abu Muhammad a.s berkata: Adakah kamu mengetahui apakah yang dikatakan oleh kijang betina ini? Mereka berkata: Tidak, beliau berkata: Kijang betina ini menyangka bahawa polan bin polan adalah seorang lelaki daripada Quraisy yang telah memburu anaknya yang baru berjalan pada hari ini.

Sesungguhnya ia telah datang pada hari ini supaya aku meminta pemburu meletakkan anak kecilnya (*al-Khasyfu*) di hadapannya bagi menyusukannya. Kemudian Abu Muhammad berkata kepada para sahabatnya: Berdirilah bersama kami, lalu mereka berdiri. Kemudian mereka membawa pemburu itu datang, lalu berkata kepada Abu Muhammad: Bapa aku dan ibu aku menjadi tebusan anda, apakah yang telah membuat anda datang ke mari? Beliau berkata: Aku meminta dengan hak aku ke atas anda melainkan anda mengeluarkan kepada aku anak kijang yang anda telah memburunya pada hari ini, lalu beliau mengeluarkannya dan meletakkannya di hadapan ibunya, lantas ia menyusukannya.

Ali bin al-Husain a.s berkata: Aku memohon anda supaya memberi anak kijang itu kepada kami, beliau berkata: Aku telah melakukannya, lalu beliau telah menghantar anak kijang itu bersama ibunya, kemudian kijang betina itu pergi sambil menggerakkan ekornya, Ali bin al-Husain berkata: Adakah kamu mengetahui apakah yang dikatakan oleh kijang betina itu? Mereka berkata: Tidak, beliau a.s berkata: Ia berkata:Allah akan kembalikan ke atas kamu setiap yang hilang daripada kamu, dan Dia mengampuni Ali bin al-Husain sebagaimana beliau telah mengembalikan kepadaku anakku[174].

---

[174] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 9

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Abd al-Rahman bin Abu Hasyim, daripada Abu Sulaiman Salim bin Mukarram al-Jamal, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Ali bin al-Husain a.s bersama-sama para sahabatnya di dalam perjalanan ke Makkah, tiba-tiba seekor serigala telah melalui di hadapannya, dan para sahabatnya sedang makan, Ali bin al-Husain a.s berkata kepada mereka: Adakah kamu akan memberi janji kepada Allah bahawa kamu tidak akan mengancam serigala ini sehingga aku menyerunya datang kepada kita? Mereka telah berjanji kepadanya, maka beliau berkata: Wahai serigala, datanglah, lantas serigala itu datang berlutut di hadapannya

Kemudian beliau mencampakkan makanan kepadanya, lalu ia berpaling untuk memakannya, lantas beliau berkata kepada mereka: Adakah kamu akan memberi kepada aku janji daripada Allah bahawa kamu tidak mengancamnya dan aku akan menyerunya supaya ia datang lagi, mereka telah memberi janji kepadanya, lalu beliau telah menyerunya, kemudian ia datang, seorang daripada para sahabatnya telah bermasam muka, lalu Ali bin al-Husain a.s berkata: Siapakah di kalangan kamu yang telah menyalahi janji aku? Maka seorang lelaki di kalangan mereka berkata: Wahai anak Rasulullah s.a.w, akulah yang telah bermasam muka, tetapi aku tidak memahaminya aku memohon keampunan Allah, lalu beliau a.s diam[175].

Ahmad bin al-Hasan, daripada Ahmad bin Ibrahim, daripada Abdullah bin Bakir, daripada 'Umar bin Taubat, daripada Sulaiman bin Khalid berkata: Manakala Abu Abdullah al-Balkhi bersama-sama Abu Abdullah a.s, kami telah berada di sisinya, tiba-tiba seekor kijang jantan telah menggerakkan ekornya, maka Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Lakukanlah jika Allah kehendaki, kemudian datanglah kepada kami (*if'al in sya' Allah thumma iqbal 'alai-na*) Maka Abu Abdullah a.s berkata: Adakah kamu mengetahui apakah yang dikatakan oleh kijang jantan itu? Allah, Rasul-Nya dan anak lelaki Rasul-Nya yang lebih mengetahui.

Beliau berkata: Sesungguhnya ia telah datang kepada aku dan memberitahu aku bahawa sebahagian penduduk Madinah telah mengenakan perangkap kepada kijang betinanya, lalu beliau telah mengambilnya sedangkan ia mempunyai dua ekor anak kecil yang masih tidak dapat berdiri dan tidak mampu mencari makan sendiri. Maka ia telah meminta aku supaya mereka melepaskan kedua-duanya, dan ia telah berjanji kepada aku bahawa apabila ia menyusu kedua-duanya sehingga boleh berdiri dan kuat, maka ia akan memulangkan kedua-duanya kepada mereka, beliau a.s berkata: Aku telah memintanya bersumpah di atas perkara tersebut. Maka kijang jantan itu berkata: Aku bebaskan diri aku daripada wilayah kamu Ahlu l-Bait jika

175 *Ibid*, xiv, 749

aku tidak melaksanakannya (*bari'-tu min wilayati-kum in lam ufi*), dan aku akan melakukannya jika Allah kehendaki (*wa ana fa'ilu dhalika in sya' Allah*). Al-Balkhi berkata kepadanya: Inilah sunnah kepada kamu seperti sunnah Sulaiman a.s.[176]

Al-Hasan bin Muhammad al-Qasyani, daripada Abu al-Ahwas Daud bin asad al-Misri, daripada Muhammad bin Jamil berkata: Ahmad bin Harun bin Muwaffaq *maula* Abu al-Hasan a.s telah memberitahu aku, berkata: Aku telah mendatangi Abu al-Hasan a.s untuk memberi salam kepadanya, maka beliau telah berkata kepada aku: Naiklah(*irkab*), kami berjalan-jalan mengelilingi harta-hartanya.

Beliau berkata: Aku telah menaiki binatang tunggangan, lalu aku telah sampai ke tempat simpanan hartanya, aku telah sampai ke tempat pengaliran air dan di sisinya tanaman yang menghijau. Aku telah duduk sehingga beliau datang dengan menaiki seekor kuda, aku pun berdiri, lalu aku mengucup pahanya dan apabila beliau turun daripada kudanya, aku telah cuba mengambil tali kudanya, tetapi beliau enggan, beliau sendiri yang telah melakukannya. Kemudian beliau telah duduk, dan bertanya kepada aku tentang kedatangan aku pada masa itu waktu maghrib, maka aku telah memberitahu kepadanya bahawa aku telah datang pada waktu asar, kemudian Abu al-Hasan a.s berkata: Tidak dikurniakan kepada Daud dan keluarganya sesuatu melainkan dikurniakan kepada Muhammad, malah keluarga Muhammad lebih banyak (*lam yu'ta Daud wa ali Daud syai'un illa wa qad u'tia Muhammad wa ali Muhammad aktharu*)[177].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Muhammad bin Ali, daripada Ali bin Muhammad al-Hannat, daripada Muhammad bin Sakin, daripada 'Umru bin Syamr, daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Manakala Ali bin al-Husain a.s bersama-sama para sahabatnya, tiba-tiba seekor kijang betina datang dari padang pasir sehingga ia berdiri dan mengeluarkan suaranya. Seorang daripada sahabatnya berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah, apakah yang dikatakan oleh kijang betina ini? Beliau berkata: Seorang Quraisy telah mengambil anak kecilnya (*khasyfa-ha*) kelmarin, dan ia tidak menyusunya semenjak kelmarin. Ali bin al-Husain a.s telah mengutus kepada lelaki tersebut supaya menghantarkannya kepadanya, lalu lelaki itu menghantarkannya kepadanya. Apabila ia melihat anak kecilnya, ia mengeluarkan suaranya, dan memukul dengan tangannya, lalu dilepaskannya bersama-sama anak kecilnya. Mereka berkata kepadanya: Wahai anak lelaki Rasulullah, apakah yang dikatakan

---

[176] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 415
[177] *Ibid*

olehnya? Beliau berkata: Ia telah menyeru kepada Allah untuk kamu, dan membalas kepada kamu kebaikan[178].

Al-Sanadi bin Muhammad al-Bazzaz, daripada Abban bin 'Uthman, daripada 'Umru bin Sahban, daripada Abdullah bin al-Fadhl, daripada Jabir bin Abdullah berkata: Apabila Rasulullah s.a.w pulang daripada peperangan Bani Tha'labah bin Ghatafan, tiba-tiba seekor unta datang kepada Rasulullah s.a.w dari celah-celah rumah, lalu meletakkan bahagian tengkuknya ke tanah, kemudian mengeluarkan suaranya. Rasulullah s.a.w bersabda: Adakah kamu mengetahui apakah yang dikatakan oleh unta ini? Mereka berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui, beliau bersabda: Sesungguhnya ia telah memberitahu aku bahawa pemiliknya telah menggunakannya sehingga lanjut usia. Sekarang mahu menyembelihnya, dan menjual dagingnya pula.

Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai Jabir, pergi bersama-samanya kepada pemiliknya, dan datang bersama-samanya, aku berkata: Aku tidak mengetahui pemiliknya, beliau bersabda: Ia akan menunjukkannya kepada anda, beliau berkata: Aku telah keluar bersama-samanya sehingga aku berakhir di perkampungan Bani Waqif. Lalu ia memasuki di celah-celah lorong, tiba-tiba aku dapati aku berada di dalam satu majlis, mereka berkata: Wahai Jabir, kenapakah anda telah meninggalkan Rasulullah s.a.w, dan bagaimana anda telah meninggalkan Muslimin? Aku berkata: Mereka berada di dalam keadaan baik, tetapi siapakah di kalangan kamu pemilik unta ini?

Seorang daripada mereka berkata: Aku, maka aku berkata: Sahutlah seruan Rasulullah s.a.w Beliau berkata: Kenapa dengan aku? Unta anda telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w, maka aku, unta dan pemiliknya datang kepada Rasulullah s.a.w, lalu beliau bersabda kepadanya: Sesungguhnya unta anda telah memberitahu aku bahawa anda telah menggunakannya di dalam pekerjaan anda sehingga lanjut usianya, dan sekarang anda mahu menyembelihnya dan menjual dagingnya pula, lelaki itu berkata: Ia benar, wahai Rasulullah, maka Rasulullah s.a.w bersabda: Juallah ia kepada aku, lelaki itu berkata: Ia adalah untuk anda wahai Rasulullah, beliau berkata: Malah juallah ia kepada aku, maka Rasulullah s.a.w telah membelinya daripadanya. Kemudian beliau telah memukul di bahagian mukanya, kemudian beliau meninggalkannya hidup di luar Madinah.

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Musa bin Sa'dan, daripada Abdullah bin al-Qasim al-Hadhrami, daripada Hisyam bin Salim al-Jawaliqi, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah berada bersama-sama Abu Ja'far a.s di antara Makkah dan Madinah. Aku menjadi tawanan di atas keldai aku sementara beliau di atas baghal betinanya, tiba-tiba seekor serigala datang dari puncak

---

178 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 9

bukit sehingga berakhir kepada Abu Ja'far a.s, lalu beliau menghentikan baghalnya, kemudian serigala telah menghampirinya sehingga beliau telah meletakkan tangannya di atas pelana keldainya, dan memanjangkan tengkuknya kepada telinganya, lalu beliau telah mendekatkan telinganya beberapa ketika.

Kemudian beliau berkata kepadanya: Pergilah, aku telah melakukannya. Aku berkata kepadanya: Aku telah melihat perkara yang pelik, beliau berkata: Anda mengetahui apakah yang dikatakan olehnya? Aku berkata: Allah, Rasul-Nya, dan anak lelaki Rasul-Nya lebih mengetahui. Beliau berkata: Serigala berkata: Sesungguhnya isteriku di atas bukit itu menghadapi kesukaran beranak, lantaran itu berdoalah kepada Allah supaya membebaskannya dan janganlah Dia membiarkan keturunan aku menguasai ke atas seorang pun di kalangan syi'ah kamu, maka aku berkata: Aku telah melakukannya[179].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Ahmad bin al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Zararah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Ali bin al-Husain a.s telah memiliki unta betina di mana beliau telah menaikinya di dalam mengerjakan haji sebanyak dua puluh dua kali haji, ia tidak pernah menyerang sesiapa. Beliau berkata: Ia tidak datang kepadaku selepas kematiannya melainkan sebahagian *Mawali* telah mendatangi aku. Mereka berkata: Sesungguhnya unta betina telah keluar, lalu mendatangi kubur Ali bin al-Husain a.s, kemudian ia berlutut di atasnya, dan memasukkan bahagian tengkuknya sambil mengeluarkan suaranya, aku berkata: Dapatkannya, dapatkannya, bawakan ia kepada aku sebelum mereka mengetahuinya atau melihatnya. Kemudian Abu Ja'far a.s berkata: Unta betina itu tidak pernah melihat kuburnya sebelumnya[180].

Daripadanya, daripada al-Husain bin Sa'id dan Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada Muhammad bin abu 'Umair daripada Hafs bin al-Bukhturi daripada mereka yang telah menyebutnya, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Manakala Ali bin al-Husan a.s telah mati, seekor unta betina miliknya telah datang dari tempat ternakannya ke kuburnya, lalu memukul kuburnya dengan bahagian tengkuknya, dan berguling di atasnya. Sesungguhnya bapa aku telah pergi haji dan umrah dengan menaikinya, dan ia tidak pernah menyerang sesiapa[181].

Jika Anda Menyebut Uthman, Maka Aku Akan Mencaci Ali

---

179 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 67
180 *Ibid*, vii, 416
181 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 14

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Hasan bin Ali al-Wasya', daripada Kiram bin 'Umru bin al-Khasy'ami, daripada Abdullah bin Talhah, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang cicak (*al-wazagh*), beliau berkata: Ia adalah najis dan *maskhun* (asalnya manusia). Apabila anda membunuhnya, maka mandilah (*fa-ghtasil*). Kemudian beliau berkata: Sesungguhnya bapa aku telah duduk di dalam bilik dan bersama-samanya seorang lelaki yang sedang bercakap dengannya, tiba-tiba seekor cicak mengeluarkan lidahnya, lalu bapa aku berkata kepada lelaki itu: Adakah anda mengetahui apakah yang dikatakan oleh cicak ini? Lelaki itu berkata: Aku tidak mengetahui apa yang dikatakan olehnya, beliau berkata: Ia berkata: Demi Allah, jika anda menyebut Uthman, nescaya aku akan mencaci Ali sehingga kamu berdiri dari sini (*lain zakarta Uthman la-asubanna 'aliyyan hatta taquma min ha-huna*)[182].

Ali bin Muhammad al-Hijjal, daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu', daripada Muhammad bin Sinan, daripada Fudhail bin al-A'war berkata: Seorang daripada sahabat kami telah memberitahuku, berkata: Di sisi Abu Ja'far a.s adalah seorang lelaki di kalangan sahabatnya sedang bercakap dengannya mengenai Uthman, tiba-tiba seekor cicak telah mengeluarkan suaranya di atas dinding, maka Abu Ja'far a.s berkata kepadanya: Adakah anda mengetahui apakah yang dikatakan oleh cicak ini? Beliau berkata: Tidak, beliau a.s berkata: Cicak berkata: Anda hendaklah berhenti dari menyebut Uthman atau aku akan mencaci Ali[183].

Mereka Mengetahui Semu Keadaan Manusia Ketika Melihat Mereka

Al-Sanadi bin al-Rabi' al-Baghdadi, daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Ali bin Gharab, daripada Abu Bakr bin Muhammad al-Hadhrami, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya tiada makhluk melainkan tertulis di antara dua matanya mukmin atau kafir (*inna-hu laisa min makhluq illa baina-'ainai-hi maktubun mu'min au kafir*), ia adalah terlindung daripada kamu (*mahjub 'an-kum*), tetapi tidak terlindung daripada para imam daripada ali Muhammad s.a.w, kemudian tiada seorang pun yang berjumpa dengan mereka melainkan mereka mengenalinya sama ada mukmin atau kafir. Kemudian beliau membaca ayat di dalam Surah al-Hijr (15):75 "*Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda*" Maka merekalah *al-Mutawassimin.*[184]

---

182 *Ibid*

183 *Ibid*

184 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 117

Para Imam Adalah al-Mutawassimin

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, dan Ibrahim bin Hasyim, daripada 'Umru bin Uthman al-Khazzaz, daripada Ibrahim bin Ayyub, daripada 'Umru bin Syamr, daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Manakala kami bersama-sama Amir al-Mukminin a.s telah berada di Masjid Kufah, tiba-tiba seorang perempuan telah datang kepadanya memusuhi suaminya, lalu beliau a.s telah menetapkan hukuman ke atasnya bagi pihak suaminya,tetapi beliau memarahinya, dan berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak dapat menerima hukuman anda. Anda tidak menghukum dengan saksama, anda tidak berlaku adil terhadap rakyat, dan hukuman anda di sisi Allah tidak diredai, maka beliau telah melihat kepadanya dengan penuh perhatian, kemudian berkata kepadanya: Anda telah berbohong (*kadhab-ti*)wahai perempuan berani melulu (*jari'ah*), wahai perempuan ang buruk akhlak (*badhiyyah*), wahai perempuan yang suka membuat bising(*al-Sakhabah*), wahai perempuan yang datang Haid dari duburnya (*salaqlaqiyyah*), wahai perempuan yang mandul.

Beliau berkata: Perempuan itu telah berpaling di dalam keadaan lari, dan berkata: Celakalah aku, celakalah aku, celakalah aku. Anda wahai anak lelaki Abu Talib, telah mendedahkan tabir yang dirahsiakan (*hatak-ta sitran kana masturan*). Beliau berkata: 'Umru bin Huraith telah datang kepadanya, dan berkata: Wahai hamba Allah, anda telah mengemukakan ke atas kami percakapan di mana anda telah merahsiakannya, kemudian Ali telah menyebut percakapannya kepada anda, lantaran itu, anda telah melarikan diri ke belakang? Beliau berkata: Sesungguhnya Ali, demi Allah, telah memberitahu aku perkara yang benar yang aku telah merahsiakannya kepada suami aku semenjak berkahwin dan juga kepada ibu bapa aku. 'Umru telah kembali kepada Amir al-Mukminin a.s memberitahunya apa yang telah dikatakan oleh perempuan itu, dan berkata kepadanya: Aku tidak mengenali anda dengan ilmu ramalan (*al-Kahanah*)? Ali a.s berkata kepadanya: Aduhai anda, ia bukanlah suatu ramalan daripada aku, tetapi Allah telah mencipta roh-roh sebelum Dia mencipta badan-badan selama dua ribu tahun, manakala Dia telah menyusunkan roh-roh pada badan-badannya, maka Dia telah menulis di antara mata mereka kafir dan mukmin, dan apa yang diuji ke atas mereka; amalan baik dan buruk mereka adalah sekadar ujian semata-mata, kemudian Dia telah menurunkan al-Qur'an ke atas Nabi-Nya s.a.w, maka Dia berfirman di dalam Surah al-Hijr (15): 75 "*Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda*".

Maka Rasulullah s.a.w adalah *al-Mutawassim*, kemudian aku selepasnya dan para imam daripada zuriat aku, merekalah *al-*

Mutawassimun, manakala aku memerhatikannya, aku mengetahui apa yang ada padanya melalui tanda-tandanya[185].

Al-Hasan bin Musa al-Khasyab, daripada Ali bin al-Hassan, dan Ahmad bin al-Husain, daripada Ahmad bin Ibrahim, dan al-Hasan bin al-Barra', daripada Ali bin Hassan, daripada Abd al-Rahman bin Kathir berkata: Aku telah mengerjakan haji bersama-sama Abu Abdullah a.s. Sesungguhnya aku telah bersamanya di beberapa jalan, tiba-tiba beliau menaiki bukit, dan melihat kepada orang ramai, kemudian berkata: Alangkah banyaknya bising (*ma akthara al-Dhajij*)? Daud bin Kathir al-Raqiy berkata kepadanya: Wahai Anak lelaki Rasulullah, adakah Allah akan menerima doa orang ramai yang aku sedang melihat kepada mereka sekarang?

Beliau berkata: Aduhai Abu Sulaiman, sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni orang yang mensyirikkan-Nya. Sesungguhnya penentang wilayah Ali adalah seperti penyembah berhala (*inna al-Jahida li-wilayati Ali a.s ka-'abidi wathanin*), maka aku berkata kepadanya: Aku telah menjadi tebusan kamu, adakah kamu mengetahui pencinta-pencinta kamu di kalangan pembenci-pembenci kamu? Beliau berkata: Aduhai Abu Sulaiman, sesungguhnya tiada seorang hamba yang dilahirkan melainkan ditulis di antara dua matanya mukmin atau kafir (*inna-hu laisa min 'abdin yuladu illa kutiba baina 'ainai-hi mu'min au kafir*). Dan seorang lelaki akan datang kepada kami mewalikan kami, dan membebaskan dirinya daripada musuh kami, maka ia dilihat tertulis di antara dua matanya mu'min (*inna al-Rajula la-yadkhalu ilai-na wa yatabarra'u min 'aduwwi-na fa-yura maktuban baina 'ainai-hi mu'min*) Allah berfirman di dalam Surah al-Hijr (15):75 "*Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda*". Justeru itu, kami mengetahui musuh kami daripda wali kami[186].

Ya'qub bin Yaid, daripada Muhammad bin Abu'Umair, daripada Asbat bin Salim Bayya' al-Zatti berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, seorang lelaki dari Hiyati telah bertanya kepadanya tentang firman Allah a.w di dalam Surah al-Hijr (15):75-76 "*Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda.Dan sesungguhnya ia adalah jalan yang lurus*". Beliau berkata: Kamilah *al-Mutawassimun* dan *al-Sabil* (*jalan*) kepada kami adalah lurus (*muqim*).

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Umar bin Abd al-'Aziz, daripada seorang lelaki, dan daripada beberapa orang di kalangan sahabat kami seperti Bakkar bin Kardam, Isa bin Sulaiman, daripada Abu Abdullah a.s, mereka berkata: Kami telah mendengarnya berkata:

---

185 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii , 117

186 *Ibid*

Seorang perempuan yang kasar telah datang, dan Amir al-Mukminin a.s berada di atas mimbar. Beliau telah membunuh saudara lelakinya dan bapanya, lalu berkata kepadanya: Ini adalah pembunuh orang-orang yang aku cintai (*qatil al-Ahibbah*). Maka Amir al-Mukminin a.s telah melihat kepadanya, dan berkata: Wahai perempuan yang suka membuat bising, wahai perempuan yang berani melulu, wahai perempuan yang buruk akhlak, wahai perempuan yang ingkar, wahai perempuan yang tidak datang haid seperti perempuan lain. Lantas perempuan itu melarikan diri.

Kemudian diikuti oleh 'Umru bin Huraith-penyokong Uthman-maka beliau berkata: Wahai perempuan, kami sentiasa mendengar perkara-perkara yang pelik, kami belum mengetahui kebenarannya atau kebatilannya. Ini adalah rumah aku, maka masuklah, aku mempunyai hamba-hamba perempuan, maka mereka akan melihat kepada perkara-perkara tersebut sama ada benar atau batil kata-katanya. Aku akan memberi kepada anda sesuatu, beliau memasuki rumahnya,lantas beliau memerintah hamba perempuannya melihat kepadanya, tiba-tiba sesuatu terlekat di lututnya, perempuan itu berkata: Wahai celakalah baginya, Ali telah melihat sesuatu yang tidak dilihat selain daripada ibu aku dan bidan aku, beliau berkata: 'Umru bin Huraith telah memberi sesuatu kepadanya[187].

Ibrahim bin Hasyim, daripada Muhammad bin Sulaiman daripada bapanya Sulaiman al-Dailami, daripada Mu'awiyah bin 'Ammar al-Duhani, daripada Abu Abdullah a.s tentang firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Rahman (55): 41 *" Orang-orang yang berdosa dikenal dengan tanda-tandanya, lalu dipegang ubun-ubun dan kaki mereka"*

Beliau berkata: Wahai Mu'awiyah, apakah pendapat mereka tentang ayat ini? Aku berkata: Mereka berkata: Sesungguhnya Allah mengenali orang-orang yang berdosa dengan tanda-tanda mereka pada hari Kiamat, lalu diperintahkan mereka diambil di ubun-ubun dan kaki mereka, kemudian mereka akan dicampak ke neraka, beliau berkata kepada aku: Bagaimana Allah Yang Maha Perkasa perlu untuk mengenali makhluk dengan tanda-tanda mereka sedangkan Dialah yang telah menciptakan mereka? Aku berkata: Apakah itu, aku telah menjadikan diri aku tebusan anda? Beliau berkata: Iaitu jika Qaim kita datang, maka Allah akan kurniakan kepadanya tanda-tanda, lalu dipegang ubun-ubun, dan kaki-kaki orang kafir, kemudian beliau akan memukul mereka dengan pedang (*yakhbitu bi-al-Saifi khabtan*).

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid dan Ibrahim bin Ishaq bin Ibrahim, daripada Abdullah bin Hammad al-Ansari, daripada al-Harith bin Hasirah, daripada al-Asbagh bin Nabatah, berkata: Kami telah bersama-sama Amir al-Mukminin a.s di Kufah, dan beliau pada masa itu sedang

[187] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* ix, 580

memberi *al-'Ata'* (pemberian) di Masjid, tiba-tiba seorang perempuan datang, dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, anda telah memberi *al 'Ata'* kepada semua yang hidup selain daripada suku Murad, anda tidak memberi sesuatu kepada mereka, beliau berkata: Anda diam, wahai perempuan yang berani melulu, wahai perempuan yang buruk akhlak, wahai perempuan yang suka membuat bising, wahai perempuan yang haidnya keluar melalui duburnya.

Beliau berkata: Perempuan itu telah melarikan diri, dan keluar dari Masjid, lalu diikuti oleh 'Umru bin Huraith sambil berkata kepadanya: Wahai perempuan, Ali telah berkata sesuatu kepada anda, adakah benar kata-katanya? Beliau berkata: Demi Allah, beliau tidak berbohong, dan apa yang beliau telah katakan kepada aku terdapat pada diri aku. Seorang pun tidak dapat mengetahuinya melainkan Allah yang telah menciptakan aku, dan ibu aku yang telah melahirkan aku. Kemudian 'Umru bin Huraith kembali dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, aku telah mengikuti perempuan itu, lalu aku telah bertanya kepadanya apa yang anda telah katakan kepadanya pada tubuhnya, maka beliau telah mengakui kesemuanya (*aqarrat bi-dhalika kulli-hi*), maka dari manakah anda telah mengetahui semuanya? Beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengajarnya seribu bab halal, dan haram, dan setiap bab akan membuka seribu bab sehingga aku mengetahui ilmu *al-Munaya, al-Wasaya,* dan *Fasl al-Khitab* sehingga aku telah mengetahui perempuan-perempuan yang bersifat lelaki dan lelaki yang bersifat perempuan (*hatta 'alim-tu al-Mudhakkarat min al-Nisa' wa al-Muannathin min al-Rijal*)[188].

Al-Husain bin Ali al-Dinuwari, daripada Muhammad bin al-Hasan berkata: Ibrahim bin Ghiyath telah memberitahuku daripada 'Umru bin Thabit, daripada Ibn Abu Habib, daripada al-Harith al-A'war berkata: Aku telah berada bersama-sama Amir al-Mukminin a.s di dalam majlis kehakiman, tiba-tiba seorang perempuan yang memusuhi suaminya telah bercakap dengan hujahnya sementara suami telah bercakap dengan hujahnya, lalu beliau mengeluarkan hukum ke atas perempuan itu, lantas beliau menjadi marah, kemudian beliau berkata: Demi Allah, wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya anda telah menghukum aku dengan zalim, apakah ini Allah telah memerintah anda (*wa ma bi-hadha amara-ka Allah*)?.

Lantas beliau berkata kepadanya: *Ya salfa muhayya', ya ', ya qarda'*, malah aku telah menghukum anda dengan kebenaran yang aku telah mengetahuinya. Apabila beliau telah mendengar kata-kata itu, lantas beliau melarikan diri, tanpa memberi apa-apa jawapan, lalu 'Umru bin Huraith mengikutinya dan berkata: Demi Allah, wahai hamba Allah, aku telah mendengar daripada anda perkara yang pelik dan aku

188 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* ix, 459

telah mendengar Amir al-Mukminin berkata kepada anda perkataan yang membuat anda lari dari sisinya tanpa anda menjawabnya, beliau berkata: Wahai hamba Allah, sesungguhnya beliau telah memberitahuku perkara yang tidak diketahui oleh seorang pun melainkan Allah dan aku.

Tentang sebab aku telah lari dari sisinya adalah kerana aku khuatir bahawa beliau akan memberitahu kepada aku perkara yang lebih besar daripada itu (*makhafatan an yukhbiruni bi-a'zam mimma raman-ni bi-hi*). Kesabaran aku di atas satu perkara itu adalah lebih elok daripada aku bersabar di atas satu perkara selepas satu perkara yang lain pula datang. 'Umru berkata: Beritahu aku, mudah-mudahan Allah memaafi anda-Apakah yang telah dikatakan oleh beliau kepada anda? Beliau berkata: Wahai hamba Allah, sesungguhnya aku tidak akan memberitahunya kepada anda, kerana apa yang beliau telah katakan kepada aku adalah perkara yang aku benci, selain daripada itu, ia adalah buruk (*qabih*)jika lelaki mengetahui keaiban (*'uyub*) yang terdapat pada perempuan.

Beliau berkata kepadanya: Demi Allah, anda tidak mengetahui aku dan aku pula tidak mengetahui anda, kemungkinan anda tidak melihat aku lagi selepas ini, dan aku pula tidak melihat anda selepas hari ini. 'Umru berkata: Manakala beliau melihat aku seakan-akan merayu kepadanya, maka beliau berkata: Tentang kata-katanya *ya salfa'*,maka demi Allah, beliau tidak berbohong kepada aku, sesungguhnya aku tidak datang haid seperti perempuan biasa. Adapun kata-katanya *Ya muhayya'*, sesungguhnya aku, demi Allah, adalah teman kepada wanita (*sahibatu al-Nisa'*) dan aku bukanlah teman kepada lelaki, tentang kata-katanya *ya qarda'*, kerana aku adalah perosak rumah suami aku, dan aku tidak tinggal di dalamnya, beliau berkata kepada perempuan itu: Aduhai, siapakah yang telah mengajarnya perkara ini? Adakah anda melihatnya seorang ahli sihir, seorang tukang tenung atau seorang yang mengguna khadam? Beliau telah memberitahu anda apa yang terdapat pada anda? Ini adalah ilmu yang banyak.

Beliau berkata kepadanya: Sejahat-jahat apa yang anda telah katakan, wahai Abdullah, sesungguhnya beliau bukanlah seorang ahli sihir, bukan seorang tukang tenung, dan bukan seorang yang mengguna khadam, tetapi beliau adalah ahlu bait kenabian (*ahli bait al-Nubuwwah*), wasi Rasulullah s.a.w, dan pewarisnya, beliau memberitahu kepada orang ramai apa yang telah diberitahu kepadanya oleh Rasulullah s.a.w, dan beliau s.a.w telah mengajarnya, kerana beliau adalah hujah Allah di atas makhluk ini selepas Nabi-Nya s.a.w. Kemudian 'Umru bin Huraith telah datang ke majlisnya, maka Amir al-Mukminin a.s. berkata kepadanya: Wahai 'Umru, dengan apakah anda menghalalkan kata-kata anda kepada aku? Demi Allah, perempuan itu mempunyai kata-kata yang lebih baik tentang aku daripada anda. Aku

dan anda akan berdiri di hadapan Allah, kemudian anda akan melihat bagaimana anda dapat melepaskan diri anda (*tatakhallasu*) daripada Allah.

Beliau berkata: Aku bertaubat kepada Allah (*ana taibun ila Allah*)dan kepada anda di atas apa yang telah berlaku, maka pohonlah keampunan-Nya untuk aku, nescaya Allah akan mengampuni anda, beliau berkata: Tidak, demi Allah, aku tidak akan memaafkan anda tentang dosa ini selama-lamanya (*la aghfiru la-ka hadha al-Dhanbu abadan*) sehingga aku dan anda berdiri di hadapan orang yang tidak akan menzalimi anda walaupun sedikit(*hatta aqifu ana wa anta baina yadayya man la yazlimu-ka syai'an*)[189].

Al-Hasan bin Ali bin al-Mughirah, daripada 'Abis bin Hisyam, daripada Abd al-Samad bin Basyir, daripada Abdullah bin Sulaiman, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang imam, adakah Allah telah menyerahkan kepadanya (*a fawadha l-Lahu ilai-hi*) sebagaimana Dia telah menyerahkannya kepada Sulaiman? Beliau berkata: Ya, itu berlaku apabila seorang lelaki telah bertanya kepadanya tentang sesuatu perkara, maka beliau telah menjawabnya, dan orang lain bertanya kepadanya tentang perkara yang sama, lalu beliau menjawabnya bukan seperti jawapannya yang pertama.

Kemudian orang lain pula telah bertanya kepadanya, lalu beliau menjawabnya tidak seperti jawapannya yang pertama dan kedua. Kemudian beliau berkata: *Inilah pemberian kami, maka peganglah atau berilah tanpa hisab.* Demikianlah bacaan di dalam mashaf Ali a.s, aku berkata: *Aslaha-ka l-Lahu,* ketika beliau menjawab kepada mereka dengan jawapan ini, imam mengetahui mereka? Beliau berkata: Maha Suci Tuhan, tidakkah anda mendengar Allah berfirman di dalam Surah al-Hijr (15):75-76 "*Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda*" Mereka adalah para imam.*Dan sesungguhnya ia adalah jalan yang lurus*" tidak akan terkeluar daripada mereka selama-lamanya, kemudian beliau berkata kepadaku: Ya, sesungguhnya seorang imam apabila beliau melihat kepada seorang lelaki, beliau akan mengetahuinya dan mengetahui apa yang ada padanya, beliau mengetahui warnanya dan jika beliau mendengar percakapannya di balik dinding, nescaya beliau mengetahuinya.

Sesungguhnya Allah berfirman di dalam Surah al-Rum (30) :22 " *Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi, dan berlain-lainan bahasa mu, dan warna kulit mu. Sesungguhnya pada demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui*". Maka merekalah para ulama. Beliau tidak mendengar sesuatu daripada bahasa yang bercakap melainkan beliau telah

---

189 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar,* ix, 579

mengetahuinya, sama ada ia seorang yang berjaya atau seorang yang binasa. Justeru itu, beliau memberi jawapan yang sesuai dengan mereka[190].

Al-'Abbas bin Ma'ruf, daripada Hammad bin Isa, daripada Ruba'i bin Abdullah, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s tentang firman Allah di dalam Surah al-Hijr (15):75 *"Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda"*, beliau berkata: Mereka adalah para imam, Rasulullah s.a.w bersabda: Takutlah firasat mukmin, kerana beliau melihat dengan cahaya Allah.

Ali bin Ismail bin Isa, daripada Muhammad bin 'Umru bin Sa'id al-Zayyat, daripada Muhammad bin Hamzah bin Abyadh, berkata: Ali bin 'Atiyyah telah memberitahu kami, berkata: Manakala kami berada di sisi Abu Abdullah a.s, tiba-tiba seorang lelaki telah datang kepada kami, lalu beliau telah mengelipkan matanya kepada beberapa orang syi'ah. Maka Abu Abdullah a.s telah menentangnya dengan mukanya, kemudian Abu Abdullah a.s telah melihatnya secara berdepan, maka lelaki itu terfikir bahawa Abu Abdullah a.s belum memahaminya, lalu beliau mengulangi percakapannya. Lantas Abu Abdullah a.s memegang janggutnya dengan tangan kirinya, kemudian beliau menggerakkannya sehingga aku menyangka bahawa ia akan terus berada di tangannya, kemudian beliau berkata: Jika aku mewalikan lelaki, dan aku membebaskan diri aku daripada mereka menurut apa yang sampai kepada aku tentang mereka, nescaya sejahat-jahat uban, adalah uban aku ini[191].

Al-Hasan bin Ali al-Zaituni, daripada Ahmad bin Hilal, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Dharis al-Kinasi, berkata: Kami telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, tiba-tiba seorang lelaki yang aku mengenalinya datang kepadanya, lalu beliau telah menyebut seorang lelaki daripada para sahabat kami, dan menghinanya di sisi Abu Abdullah a.s, tetapi beliau tidak menjawabnya, lelaki itu menyangka bahawa Abu Abdullah a.s tidak mendengarnya, lalu beliau mengulanginya, Abu Abdullah a.s tidak berpaling kepadanya, lelaki itu menyangka bahawa Abu Abdullah a.s tidak mendengarnya, lalu beliau mengulanginya pada kali ketiga. Lantas Abu Abdullah a.s menghulur tangannya kepada janggut lelaki itu, lalu memegangnya, kemudian beliau menggerakkannya sebanyak tiga kali sehingga aku menyangka bahawa janggutnya masih berada di dalam tangannya, kemudian beliau berkata: Jika aku tidak mengetahui lelaki melainkan menurut apa yang di disampaikan kepada aku tentang mereka, maka sejahat-jahat uban, adalah uban aku, kemudian beliau menghembuskan sisa janggut yang terlekat di tapak tangannya.

---

[190] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 116
[191] *Ibid*, vii, 307

Di sisi kami Ahlu l-Bait Benteng Ilmu Dan Pintu Hikmah

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Hasan bin Ali bin al-Nu'man, daripada Ali bin al-Nu'man, daripada Abdullah bin Maskan, daripada Muhammad bin Muslim, daripada Abu Ja'far a.s, berkata:Aku telah mendengarnya berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberi faedah kepada orang ramai dan kami Ahlu l-Bait di sisi kami benteng ilmu, pintu hikmah, dan pencerahan urusan (*dhiya' al-Amr*) manusia[192].

Ya'qub bin Yazid, dan Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Ziad bin Marwan al-Qandi, daripada Hisyam bin ibn Salim, berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Di sisi orang ramai (*al-'Ammah*) hadis-hadis Rasulullah perlu disahkan? Beliau berkata:Ya, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberi ilmu yang banyak kepada orang ramai, dan di sisi kami benteng ilmu (*ma'aqil al-'ilmi*) dan pemutus di antara manusia (*wa faslun ma baina al-Nas*)[193].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin Abd al-Jabbar, daripada Abdullah bin Muhammad al-Hijjal, daripada Ali bin Hammad, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberi ilmu yang banyak kepada orang ramai, dan di sisi kami Ahlu l-Bait asas ilmu, keasliannya, cahayanya, dan tunjangnya (*usul al-'ilmi wa 'ura-hu wa dhiyau-hu wa awakhi-hi*).

Ya'qub bin Yazid, dan Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Hisyam bin Salim, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Sesungguhnya kami mendapati sesuatu dari hadis-hadis kami di tangan orang ramai, maka beliau berkata: Mudah-mudahan anda tidak terfikir bahawa Rasulullah s.a.w telah memberi ilmu yang banyak kepada orang ramai- Beliau telah memberi isyarat dengan tangannya di kanannya, kirinya, di hadapannya, dan di belakangnya- Sesungguhnya kami Ahlu l-Bait di sisi kami benteng ilmu, pencerahan urusan, dan pemutus di antara orang ramai[194].

Ibrahim bin Hasyim, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Hisyam bin Salim, daripada al-Hasan bin Yahya, berkata:Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya kami Ahlu al-Bait di sisi kami benteng ilmu, peninggalan kenabian, ilmu al-Kitab, dan pemutus di antara orang ramai.

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Abu Abdullah Zakaria bin Muhammad al-Mu'min, daripada Abdullah bin Maskan, dan Abu Khalid al-Qammat, dan Abu Ayyub al-Khazzaz, daripada Muhammad bin

---

192 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, i , 136

193 *Ibid*

194 *Ibid*

Muslim berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberi ilmu yang banyak kepada orang ramai, dan di sisi kami keaslian ilmu, pintu hikmah, benteng ilmu, pencerahan urusan, dan tunjangnya. Barangsiapa yang telah mengenali kami, maka makrifatnya akan memberi manfaat kepadanya (*fa-man'arafa-na nafa'at-hu ma 'rifatu-hu*), dan diterima daripadanya amalannya. Barangsiapa yang tidak mengenali kami, maka makrifatnya tidak memberi faedah kepadanya dan amalannya tidak akan diterima[195].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Safwan bin Yahya, daripada Abu Khalid bin al-Qammat, daripada Hamraan bin A'yan berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Apakah kedudukan para ulama? Beliau berkata: Sepertilah Dhu l-Qurnain, sahabat Sulaiman, dan sahabat Musa[196].

Ya'qub bin Yazid, dan Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Ziad bin Marwan al-Qandi, daripada Muhammad bin 'Ammar, daripada al-Fudhail bin Yassar berkata: Aku telah bertanya kepada Abu Abdullah a.s bagaimana Amir al-Mukminin a.s mengenakan hukuman ke atas peminum arak (*syarib al-Khamr*)? Beliau berkata: Beliau telah mengenakan hukum hudud ke atasnya. Aku berkata: Jika ia mengulanginya? Beliau berkata: Beliau mengenakan hukum hudud, aku berkata: Jika ia mengulanginya? Beliau berkata: Beliau akan membunuhnya. Aku berkata: Bagaimana beliau mengenakan peminum minuman yang memabukkan (*al-Muskir*)? Beliau berkata: Hukumannya adalah sama. Aku berkata: Barangsiapa yang meminum minuman yang memabukkan seperti orang yang meminum minuman *khamr*? Beliau berkata: Ia adalah sama. Maka aku telah memperbesarkan perkara itu. Beliau berkata kepada aku: Wahai Fudhail, janganlah anda memperbesarkan perkara tersebut, sesungguhnya Allah telah mengutus Muhammad sebagai rahmat kepada alam semesta. Dan sesungguhnya Allah telah mendidik Nabi-Nya, maka beliau telah memperbaiki adabnya.

Manakala beliau telah mempelajari segala adab, Dia telah menyerahnya kepadanya. Lantaran itu, Allah telah mengharamkan *al-Khamr*, dan Rasulullah s.a.w telah mengharamkan segala yang memabukkan, maka Allah telah mengharuskannya untuknya pula. Allah telah menjadikan Makkah sebagai tanah haram sementara Rasulullah s.a.w telah menjadikan Madinah sebagai tanah haram, maka Allah telah mengharuskannya untuknya. Allah telah mewajibkan pusaka daripada keturunan salbi sementara Rasulullah s.a.w telah memberi bahagian datuk (*al-Jadd*), maka Allah telah mengharuskannya

195 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, I, 136
196 *Ibid*, vii, 393

untuknya. Kemudian beliau berkata: Wahai Fudhail, barangsiapa yang mentaati Rasul, maka beliau telah mentaati Allah[197].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Muhammad bin Yahya al-Khasy'ami, daripada Abd al-Rahim al-Qasir, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Ali a.s apabila dikemukakan kepadanya perkara yang tidak diturunkan kitab (*lam yanzil bi-hi kitab*), dan sunnah, beliau mengambil bahagian (*rajama*) mengenainya, lalu menepati sasarannya (*fa-asaba*). Abu Ja'far a.s berkata: Ia adalah di antara perkara-perkara yang menyulitkan(*al-Mu'dilat*)[198].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, dan Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Isa bin Imran al-Halabi, daripada Abdullah bin Maskan, daripada Abd al-Rahim berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Ali a.s apabila dikemukakan kepadanya perkara yang tidak didatangi (*lam yaji'*) oleh kitab dan sunnah, beliau mengambil bahagian mengenainya, lalu menepati sasarannya. Kemudian beliau berkata: Wahai Abd al-Rahim, itu adalah di antara perkara-perkara yang menyulitkan.

Penciptaan Syi'ah Dua Ribu Tahun Sebelum Adam

Ahmad bin Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada Khalaf bin Hammad, daripada Sa'd bin Tarif al-Iskaf, daripada al-Asbagh bin Nabatah bahawa Amir al-Mukminin a.s telah menaiki mimbar, lalu beliau memuji Allah, dan bersyukur kepada-Nya, kemudian berkata: Sesungguhnya syi'ah kita adalah dari tanah yang tersimpan(*tinah makhdhunah*) sebelum Allah mencipta Adam dua ribu tahun (*qabla an yakhluqa Adam bi-alfai 'am*), ia tidak dipisahkan oleh perkara yang ganjil (*la yasyudhdh min-ha syadhdhun*), dan tidak dimasuki padanya oleh sesuatu (*wala yadkhulu fi-ha dakhilun*), sesungguhnya aku mengenali mereka ketika aku melihat mereka (*wa inni la-a'rifu-hum hina anzuru ilai-him*), kerana Rasulullah s.a.w telah meludahkan pada mataku ketika aku menghidapi penyakit mata (*lamma tafila fi 'aini wa kuntu armadu*), dan beliau bersabda: Wahai Tuhanku, hilangkanlah daripadanya kepanasan dan kesejukan, perlihatkanlah kepadanya sahabatnya daripada musuhnya". Justeru itu, aku tidak lagi menghidapi penyakit mata, kepanasan, dan kesejukan. Aku mengetahui sahabat aku daripada musuh aku (*a'rifu sadiqi min 'aduwwi*).

Lantas seorang lelaki berdiri di kalangan orang ramai, kemudian berkata: Demi Allah, wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya aku

---

197 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 262

198 *Ibid*

berpegang kepada agama Allah dengan wilayah anda (*bi-wilayati-ka*), dan sesungguhnya aku mencintai anda secara rahsia sebagaimana aku menampakkan kepada anda secara terang-terangan, maka Ali a.s berkata kepadanya: Anda telah berbohong (*kadhab-ta*). Demi Allah, aku tidak mengetahui nama anda di kalangan nama-nama syi'ah (*fa-wallah ma a'rifu isma-ka fi al-Asma'*) dan muka anda di kalangan muka-muka syi'ah (*wa la wajha-ka fi al-Wujuh*), tanah anda bukan dari tanah syi'ah (*wa inna tinata-ka la-min ghairi tilka al-Tinati*).

Kemudian lelaki itu terus duduk, sesungguhnya Allah telah mendedahkan keburukannya dan menampakkannya kepada orang ramai, kemudian seorang lelaki yang lain berkata: Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya aku berpegang kepada agama Allah dengan wilayah anda dan sesungguhnya aku mencintai anda secara rahsia sebagaimana aku menampakkan kepada anda secara terang-terangan, maka Ali a.s berkata kepadanya: Anda memang benar (*sadaq-ta*), tanah anda adalah dari tanah tersebut, dan di atas wilayah kami diambil perjanjian anda (*wa 'ala wilayati-na ukhidha mithaqu-ka*). Sesungguhnya roh anda adalah dari Roh-roh mukminin, maka ambillah pakaian untuk kefakiran (*fa-itakhidh li-al-Faqri jilbaban*). Demi Yang diri aku di tangan-Nya sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Kefakiran itu adalah lebih cepat kepada pencinta-pencinta kami daripada banjir dari puncak lembah ke bawahnya (*al-Faqru asra'u ila muhibbi-na min al-Saili min a'la al-Wadi ila asfali-hi*)[199].

Daripadanya, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada al-Husain bin 'Alwan al-Kalbi, daripada Sa'd bin Tarif, daripada al-Asbagh bin Nabatah berkata: Aku telah berada bersama-sama Amir al-Mukminin a.s, maka seorang lelaki telah datang kepadanya, dan terus memberi salam kepadanya, kemudian berkata: Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya aku, demi Allah, benar-benar mencintai anda kerana Allah, aku mencintai anda secara rahsia sebagaimana aku mencintai anda secara terang-terangan, dan aku berpegang kepada agama Allah dengan wilayah anda secara rahsia sebagaimana aku berpegang kepada wilayah anda secara terang-terangan.

Di tangan Amir al-Mukminin sebatang kayu (*'ud*). Beliau telah menundukkan kepalanya (*ta'taa ra'sa-hu*), kemudian beliau menggariskan di tanah dengan kayu tersebut beberapa ketika, kemudian beliau mengangkat kepalanya kepadanya sambil berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah memberitahu aku seribu hadis, dan setiap hadis seribu bab, dan sesungguhnya roh-roh mukminin bertemu di udara (*taltaqi fi al-Hawa'*), lalu roh-roh tadi membaui (*fa-tasyammu*) dan mengenali di antara satu sama lain, dan apa yang ia kenali, akan bertaut, dan apa yang ia mengingkarinya, maka ia akan

---

[199] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 304

bertentangan (*fa-ma ta'arafa min-ha i'talafa wa ma tanakara min-ha ikhtalafa*).

Demi Allah, anda telah berbohong (*kadhab-ta*), aku tidak mengenali muka anda di kalangan muka-muka syi'ah, dan nama anda di kalangan nama-nama syi'ah, kemudian seorang lelaki lain telah datang kepadanya, dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya aku mencintai anda secara rahsia sebagaimana aku mencintai anda secara terang-terangan. Beliau berkata: Beliau telah menggaris pada tanah kali kedua dengan sebatang kayu, kemudian beliau mengangkat kepalanya (*rafa'a ra'sa-hu*) dan berkata kepadanya: Anda memang benar (*sadaq-ta*), sesungguhnya tanah kita tanah yang tersimpan (*inna tinata-na tinatun makhdhunatun*) di mana Allah telah mengambil perjanjiannya (*mithaqa-ha*) dari salbi Adam yang tidak dipisahkan oleh sesuatu yang ganjil, dan tidak dimasuki oleh sesuatu selain daripadanya, pergilah, dan ambillah pakaian untuk kefakiran. Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai Ali bin Abu Talib, demi Allah, kefakiran adalah lebih cepat kepada pencinta-pencinta kami daripada banjir kepada perut lembah (*butnu al-Wadi*)[200].

'Ubad bin Sulaiman, daripada Muhammad bin Sulaiman, daripada bapanya Sulaiman al-Dailami, daripada Harun bin al-Jaham, daripada Sa'd bin Tarif al-*Khaffaf*, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Manakala Amir al-Mukminin a.s pada suatu hari duduk di Masjid, dan para sahabatnya di sekelilingnya, seorang lelaki di kalangan syi'ahnya telah datang kepadanya, dan berkata kepadanya: Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya Allah mengetahui bahawa aku berpegang kepada agama-Nya dengan mencintai anda secara rahsia sebagaimana aku berpegang kepada agama-Nya dengan mencintai anda secara terang-terangan, aku mewalikan anda secara rahsia sebagaimana aku mewalikan anda secara terang-terangan. Amir al-Mukminin a.s berkata kepadanya: Anda memang benar (*sadaq-ta*), maka ambillah pakaian untuk kefakiran, kerana kefakiran adalah lebih cepat kepada syi'ah kami daripada banjir kepada perut wadi.

Beliau berkata: Lelaki itu pulang di dalam keadaan menangis gembira kerana kata-kata Amir al-Mukminin a.s: Anda memang benar, beliau berkata: Di sana seorang lelaki di kalangan khawarij, dan seorang sahabatnya yang dekat dengan Amir al-Mukminin a.s, maka salah seorang daripada mereka berdua berkata: Demi Allah, aku tidak melihat seperti hari ini bahawa seorang lelaki telah datang kepadanya, dan berkata kepadanya: Sesungguhnya aku mencintai anda, maka beliau berkata: Anda memang benar (*sadaq-ta*).

Sahabatnya pula berkata kepadanya: Aku tidak mengingkarinya, tetapi adakah di sana peluang apabila dikatakan kepadanya: Aku

---

200 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xiv, 426

mencintai anda bahawa beliau akan berkata: Anda memang benar? Adakah anda mengetahui bahawa aku mencintainya? Beliau berkata: Tidak, beliau berkata: Aku akan berdiri, dan berkata kepadanya sebagaimana telah dikatakan oleh lelaki itu, maka beliau akan menjawab kepada aku sebagaimana beliau telah menjawab kepadanya. Beliau berkata: Ya, maka lelaki itu berdiri, maka beliau telah berkata kepadanya sebagaimana dikatakan oleh lelaki yang pertama. Beliau telah melihat kepadanya dengan penuh perhatian, kemudian beliau berkata kepadanya: Anda telah berbohong (*kadhab-ta*), tidak, demi Allah, anda tidak mencintai aku, dan aku pula tidak mencintai anda (*la wallahi, ma tuhibbuni wala uhibbu-ka*) .

Beliau berkata: Lelaki khawarij itu telah menangis, kemudian berkata: Wahai Amir al-Mukminin, anda telah memalukan aku dengan perkara ini sedangkan Allah telah mengetahui sebaliknya. Lantaran itu, hulurkan tangan anda, nescaya aku memberi baiah kepada anda. Ali berkata: Di atas apa? Beliau berkata: Di atas apa yang telah dilakukan oleh Zuraiq[201], dan Habtar [202]. Maka beliau berkata kepadanya: Aku tampar anda, Allah telah melaknati mereka berdua (*la'ana l-Lahu al-Ithnaini*), demi Allah, seolah-olah aku melihat anda telah dibunuh di atas kesesatan, dan anda dipijak oleh binatang-binatang Iraq, dan kaum anda tidak akan mengenali anda, beliau berkata: Tidak lama selepas itu, ahli Nahrawan keluar bagi menentangnya, dan lelaki itu telah keluar bersama-sama mereka dan dibunuh[203].

Sekiranya Ilmu Mereka Tidak Bertambah, Nescaya Mereka telah kehabisan Ilmu

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Zararah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sekiranya ilmu kami tidak bertambah, nescaya kami kehabisan ilmu (*Laula anna nazdadu la-anfad-na*) Aku berkata: Kamu bertambah sesuatu (ilmu) yang tidak diketahui oleh Rasulullah s.a.w? Beliau berkata: Sesungguhnya apabila berlaku sedemikian, ia dibentangkan ke atas Rasulullah s.a.w, kemudian ke atas para imam a.s[204].

Daripadanya, daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Muhammad bin Rabi', daripada Abdullah bin Bakir, daripada Abu Basir berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sekiranya ilmu kami tidak bertambah, nescaya kami kehabisan ilmu, aku berkata:

---

[201] Abu Bakr

[202] 'Umar

[203] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 580

[204] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 298

Kamu bertambah sesuatu (ilmu) yang tidak ada di sisi Rasulullah s.a.w (*tazdadun syai'an laisa 'anda rasulillah*)? Beliau berkata: Apabila begitu, ia telah mendatangi(*ata*) Rasulullah s.a.w, lalu memberitahunya, kemudian mendatangi Ali, lalu ia memberitahunya (*fa-akhbara-hu*), kemudian mendatangi seorang selepas seorang sehingga berakhir kepada *Sahib al-Amr*[205].

Musa bin Ja'far bin Muhammad, daripada bapanya Ja'far bin Muhammad bin Abdullah, daripada Muhammad bin Isa bin Abdullah al-Asy'ari, daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dailami hamba Abu Abdullah a.s, daripada bapanya Sulaiman, berkata: Aku telah bertanya kepada Abu Abdullah a.s, maka aku berkata kepadanya: Aku telah mendengar anda berkata bukan sekali: Jika ilmu kami tidak bertambah, nescaya kami kehabisan ilmu, beliau berkata: Adapun tentang halal dan haram, maka sesungguhnya Allah telah menerangkannya kepada Nabi-Nya dengan sempurna. Justeru itu, seorang imam tidak ditambah ilmunya tentang halal, dan haram.

Aku berkata kepadanya: Apakah tambahan itu? Beliau berkata: Semua perkara selain daripada halal dan haram, aku berkata: Kamu bertambah sesuatu yang tersembunyi ke atas Rasulullah s.a.w, dan beliau tidak mengetahuinya (*tazdadun syai'an yukhfa 'ala rasulillah s.a.w wa la ya'lamu-hu*)? Beliau berkata: Tidak, sesungguhnya ilmu keluar dari sisi Allah, maka malaikat membawanya kepada Rasulullah s.a.w, dan berkata: Wahai Muhammad, Tuhan anda memerintah anda dengan perkara tertentu, maka beliau berkata: Pergilah kepada Ali, lalu malaikat membawanya kepada Ali a.s, Ali a.s berkata: Pergilah kepada al-Hasan, demikianlah malaikat membawanya kepada seorang selepas seorang sehingga ia datang kepada kami. Dan mustahil imam mengetahui sesuatu yang tidak diketahui oleh Rasulullah s.a.w, dan imam sebelumnya (*wa muhal an ya'lama al-Imamu syaian lam ya'lam-hu rasulullah s.aw wa al-Imam min qabli-hi*).

Muhammad bin Isa bin Ubaid, daripada Yunus bin Abd al-Rahman, daripada sebahagian para sahabatnya, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Tiada sesuatu yang keluar dari sisi Allah a.w sehingga ia bermula dengan Rasulullah s.a.w, kemudian dengan Ali a.s, kemudian dengan seorang selepas seorang supaya yang akhir kami tidaklah lebih mengetahui daripada yang pertama kami (*laisa syai'un yakhruju min 'indi l-Lahi a.w hatta yabda'u bi-rasulillah s.a.w thumma bi- ali a.s thumma bi-wahidin wahidin li-kaila yakuna akhiru-na a'lamu min awwali-na*).

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Uthman bin Isa, daripada Sama'ah bin Mihran, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Sesungguhnya Allah mempunyai dua ilmu; ilmu yang Dia telah

---

205 *Ibid*, vii, 296

memberitahu kepada para malaikat-Nya (*'ilman azhara 'alai-hi malaikata-hu*), para rasul-Nya, dan para nabi-Nya. Semua itu kami telah mengetahuinya (*qad 'alimna-hu*), dan ilmu yang Dia tidak memberitahu kepada sesiapa (*'ilman ista'thara bi-hi*), tetapi apabila terserlah bagi-Nya sesuatu daripadanya(*bada la-hu fi syai'in min-hu*), maka Dia memberitahu kami perkara tersebut (*a'lamana dhalika*), dan Dia membentangkannya ke atas para imam sebelum kami (*wa 'arada 'ala al-A'immati al-ladhina kanu qabli-na*).

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Yunus bin Abd al-Rahman, daripada Hisyam bin Salim, daripada Muhammad bin Muslim, berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Percakapan yang aku telah mendengarnya daripada Abu al-Khattab, maka beliau berkata: Bentangkannya kepada aku, maka aku berkata: Beliau berkata: Sesungguhnya kamu mengetahui halal dan haram, dan kata pemutus di antara orang ramai, maka beliau diam. Apabila aku mahu berdiri, beliau mengambil tanganku, dan berkata: Wahai Muhammad, demikianlah ilmu al-Qur'an, halal dan haram menjadi sebahagian ilmu yang berlaku pada malam dan siang (*yahduthu fi al-Laili wa al-Nahar*)[206].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada 'Umar bin Abd al- 'Aziz, daripada seorang lelaki, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Ali bin al-Husain a.s, berkata: Aku berkata kepadanya: Setiap apa yang berada di sisi Rasulullah s.a.w, maka sesungguhnya ia telah diberikan kepada Amir al-Mukminin a.s (*kullu ma kana 'anda rasulillah s.a.w fa-qad u'ti-hi amir al-Mu'minin a.s*), kemudian al-Hasan a.s selepas Amir al-Mukminin, kemudian al-Husain a.s selepasnya.Kemudian setiap imam sehingga berlakunya Kiamat berserta pertambahan (*al-Ziyadah*) yang berlaku pada setiap tahun, dan pada setiap bulan? Maka beliau berkata: Ya, demi Allah, pada setiap masa[207].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, dan Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Yahya bin Imran al-Halab, daripada al-Harith bin al-Mughirah al-Nasri, berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Kamu berhati-hatilah di dalam percakapan, kerana kami mengetahuinya[208].

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada Abu Abdullah Zakaria bin Muhammad al-Mu'min, daripada al-Hakam bin Aiman, daripada al-Harith bin al-Mughirah, dan Abu Bakr Muhammad al-Hadhrami, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Beliau berkata: Tidak berlaku (sesuatu) sebelum kamu melainkan kami telah mengetahui mengenainya (*ma yahduthu qabla-kum illa 'alim-na bi-hi*). Aku berkata: Bagaimana

---

206 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 318
207 *Ibid*, 297
208 *Ibid*, xi, 34

begitu? Beliau berkata: "Seorang penunggang" datang memberitahu kami mengenainya (*ya'ti-na bi-hi rakibun yadhribu*).

Abu al-Hasan Musa bin Ja'far bin Wahab al-Baghdadi, daripada Ali bin Ma'bad, daripada Ali bin al-Hasan bin Ribat, daripada Ali bin 'Abd al-'Aziz, daripada bapanya, berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Manakala Abd al-Malik bin Marwan dilantik menjadi khalifah dengan aman, beliau menulis surat kepada al-Hajjaj dengan tulisannya. Beliau menulis padanya: *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim*, daripada Abdullah: Abd al-Malik bin Marwan kepada al-Hajjaj bin Yusuf: *Amma ba'd*. Adapun kemudian daripada itu, cukuplah darah Bani Abd al-Muttalib, kerana aku telah melihat keluarga Abu Sufyan manakala mereka terjebak di dalamnya, mereka tidak dapat bertahan lama, wassalam.

Beliau telah menulis surat ini secara rahsia, tidak diketahui oleh seorang pun. Beliau mengirimnya melalui pos, berita ini telah sampai kepada Ali bin al-Husain a.s pada masa itu juga, lalu beliau memberitahu kepada Abd al-Malik bahawa masa kerajaannya ditambah sedikit, kerana beliau telah menghentikan kezaliman terhadap Bani Hasyim, beliau telah memerintah supaya ditulis kepada Abd al-Malik, dan memberitahunya bahawa Rasulullah s.a.w telah datang kepadanya di dalam tidurnya memberitahunya akan perkara tersebut, Ali bin al-Husain a.s telah menulis kepada Abd al-Malik tentang perkara tersebut[209].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Muhammad bin Ismail bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada 'Urwah ibn Musa al-Ja'fi, berkata: Pada suatu hari Abu Abdullah a.s telah berkata kepada kami, dan kami sedang bercakap-cakap di sisinya: Pada hari ini mata Hisyam bin Abd al-Malik telah pecah di dalam kuburnya, kami berkata:Bilakah beliau mati? Beliau berkata: Pada hari yang ketiga, maka cukuplah bagi kami kematiannya (*fa-hasbu-na mautu-hu*). Kami telah meminta perkara itu, maka ia telah berlaku.

Bumi Dilipatkan Untuk Mereka A.S

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ali bin al-Hakam, daripada Yusuf bin 'Umairah, daripada Daud bin Furqad, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya seorang lelaki di kalangan kami telah mengerjakan solat *'atamah* (satu pertiga malam) di Madinah, dan beliau telah datang kepada kaum Musa di dalam satu urusan di mana mereka telah bertengkar mengenainya di kalangan mereka. Dan beliau kembali pada malamnya, lalu mengerjakan solat *al-Ghadat* (pagi)di Madinah (*Inna rajulan minna salla al-'Atamata bi al-Madinati wa ata*

209 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 147

qauma musa fi amrin fa-tasyajaru fi-hi fi-ma baina-hum wa 'ada min lailati-hi fa-salla al-Ghadata bi al-Madinati)[210].

Ali bin Ismail bin Isa daripada Muhammad bin 'Umru bin Sa'id al-Zayyat, daripada Muhammad bin al-Fudhail, daripada Abu Hamzah al-Thumali, daripada Jabir bin Yazid, berkata: Pada suatu hari aku telah duduk di sisi Abu Ja'far a.s, lalu beliau berpaling kepadaku, dan berkata: Wahai Jabir, adakah anda mempunyai keldai untuk anda naiki, anda dapat berjalan di antara timur dan barat di dalam satu malam? Aku berkata: Tidak, maka beliau berkata: Aku benar-benar mengetahui seorang lelaki di Madinah yang mempunyai keldai yang beliau naiki, lalu beliau datang ke timur dan barat di dalam satu malam (*Inni la-a'rifu rajulan bi al-Madinati la-hu himarun yarkabu-hu fa-ya'ti al-Masyriqa wa al-Maghriba fi lailatin*)[211].

Abdullah bin 'Amir bin Sa'id, daripada al-Rabi', daripada Ja'far bin Basyir al-'Ajali, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya seorang lelaki daripada kami telah datang kepada kaum Musa di dalam suatu perkara di kalangan mereka, lalu beliau mendamaikan di antara mereka dan kembali (*inna rajulan minna ata qauma musa fi syai'in kana baina-hum fa-aslaha baina-hum wa raja'a*)

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan Ahmad bin al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada al-Hasan bin Ali bin Fadhdhal, daripada Abdullah bin Bakir, daripada Zararah berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya di Madinah seorang lelaki telah datang di tempat anak Adam, maka beliau telah melihatnya terpasung (*ma'qulan*) bersama-samanya sepuluh orang yang diwakilkan untuk mengawalnya. Pada musim panas mereka menghadapi matahari bersama-samanya, dan menyalakan api di sekelilingnya (*wa yuqidun haula-hu al-Nar*). Dan pada musim sejuk mereka mencurahkan air sejuk ke atasnya (*fa-idha kana al-Syita' sabbau 'alai-hi al-Ma' al-Barid*). Setiap kali seorang lelaki daripada sepuluh itu mati, penduduk kampung akan mengeluarkan seorang lelaki bagi menggantikan tempatnya, maka beliau berkata kepadanya: Wahai hamba Allah, apakah cerita anda, kenapakah anda diuji sebegini? Maka beliau berkata: Anda telah bertanya kepada aku tentang satu masalah yang tidak seorang pun bertanya kepada aku sebelum anda, sesungguhnya anda adalah seorang yang paling bodoh (*la-ahmaq*) atau anda seorang yang paling cerdik (*la-akyasu*). Maka Aku berkata kepada Abu Ja'far a.s: Adakah beliau akan diazabkan di akhirat? Beliau berkata: Beliau berkata: Allah akan mengumpulkan ke atasnya azab dunia dan akhirat[212].

---

210 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 270
211 *Ibid*
212 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 68

Salmah bin al-Khattab, daripada Sulaiman bin Sama'ah, dan Abdullah bin Muhammad, daripada Abdullah bin al-Qasim ibn al-Harith, daripada Abu Basir, berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Sesunggunya para wasi dilipatkan bumi untuk mereka dan mereka mengetahui apa yang ada di sisi para sahabat mereka (*inna al-Ausiya' la-tutwa lahum al-Ard wa ya'lamuna ma 'anda ashabi-him*)[213].

Ali bin Muhammad al-Hijjal, daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu', daripada Muhammad bin Sinan, daripada al-'Ala bin Razin, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya aku benar-benar mengetahui seorang lelaki daripada penduduk Madinah telah diambil dari bahagian bukit kepada golongan yang difirmankan Allah a.w di dalam kitab-Nya Surah al-A'raf (7) :159 "*Dan di antara kaum Musa itu terdapat suatu umat yang memberi petunjuk dengan hak dan dengan yang hak itulah mereka menjalankan keadilan*", kerana pertengkaran yang telah berlaku di antara mereka, kemudian beliau kembali[214].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Abu Abdullah Muhammad bin Khalid al-Barqi, daripada sebahagian para sahabat kami, daripada Yunus bin Ya'qub, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya seorang lelaki daripada kami telah mendatangi kaum Musa di dalam suatu perkara di antara mereka, lalu beliau telah mendamaikan di antara mereka, kemudian beliau telah melalui seorang lelaki yang dipasung (*bi-rajulin ma'qul*) di atasnya pakaian yang bersih bersertanya sepuluh orang yang diwakilkan untuk mengawalnya di mana pada musim sejuk,mereka mencurahkan air sejuk ke atasnya, dan pada musim panas, mereka menyalakan api di sekelilingnya.

Apabila seorang daripada sepuluh mati, maka penduduk kampung akan menggantikannya dengan lelaki yang lain, lantaran itu, orang ramai akan mati, dan sepuluh tidak akan berkurangan, maka beliau berkata kepadanya: Apakah urusan anda? Beliau berkata: Jika anda seorang yang alim, maka aku tidak akan memperkenalkan diri aku, al-'Ala' berkata: Muhammad bin Muslim berkata: Mereka berpendapat bahawa ia adalah anak lelaki Adam, dan mereka juga berpendapat bahawa ia adalah Abu Ja'far a.s *Sahib hadha al-Amr.*

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada al-Mankhal ibn Jamil, daripada Jabir bin Yazid, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Wahai Jabir, adakah anda memiliki keldai yang akan membawa anda dari timur ke barat di dalam masa satu hari? Aku berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan, wahai Abu Ja'far, bagaimanakah untuk aku semua ini? Abu Ja'far a.s berkata: Itulah Amir al-Mukminin

---

213 *Ibid,* vii, 270

214 *Ibid*

a.s, tidakkah anda mendengar sabda Rasulullah s.a.w tentang Ali a.s: Demi Allah, anda akan sampai kepada sebab-sebab-nya, dan demi Allah, anda akan menaiki awan (*la-tablughanna al-Asbab wa-l-Lahi la-tarkabanna al-Sahab*).

Ali bin Muhammad al-Hijjal, daripada al-Hasan bin al-Husain al-Lu'lu', daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abdullah bin Maskan, daripada Sudair al-Sairafi berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Wahai Abu al-Fadhl, sesungguhnya aku benar-benar mengetahui seorang lelaki daripada penduduk Madinah diambil sebelum terbitnya matahari, dan sebelum tenggelamnya matahari kepada golongan yang difirmankan oleh Allah s.w.t di dalam Surah al-A'raf (7) :159 " *Dan di antara kaum Musa itu terdapat suatu umat yang memberi petunjuk dengan hak dan dengan yang hak itulah mereka menjalankan keadilan* ", kerana pertengkaran yang berlaku di antara mereka. Lalu beliau telah mendamaikan di kalangan mereka (*fa-aslaha baina-hum*), dan kembali tanpa duduk (*wa raja'a wa lam yaq'ud*). Lantas beliau melalui air kamu, kemudian meminumnya(*fa-marra bi-rutfi-kum fa-syariba min-hu*), dan terus melalui di pintu anda, lalu mengetuk lingkaran pintu anda (*wa marra 'ala babi-ka fa-daqqa 'alaika halqata babi-ka*), kemudian beliau kembali ke rumahnya tanpa duduk (*thumma raja'a ila manzili-hi wa lam yaq'ud*)[215].

Ali bin Ismail bin Isa, daripada 'Umru Sa'id al-Zayyat, daripada bapanya, daripada Abdullah bin Maskan, daripada Sudair al-Sairafi berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya aku benar-benar mengetahui seorang lelaki daripada penduduk Madinah yang telah diambil dari bahagian bukit bumi kepada golongan yang difirmankan Allah a.w di dalam kitab-Nya Surah al-A'raf (7) :159 " *Dan di antara kaum Musa itu terdapat suatu umat yang memberi petunjuk dengan hak dan dengan yang hak itulah mereka menjalankan keadilan*", kerana pertengkaran yang telah berlaku di antara mereka, kemudian beliau kembali tanpa duduk, kemudian beliau melalui air kamu, lalu meminumnya-laitu air Furat- Kemudian datang kepada anda, wahai Abu al-Fadhl, lalu mengetuk pintu anda, dan beliau juga telah melalui seorang lelaki yang dipasung kerana pembunuhan(*ma'qul*), di atasnya kain yang bersih bersama-samanya sepuluh orang yang diwakilkan untuk mengawalnya.

Pada musim panas mereka menyalakan api di sekelilingnya, dan memusingkannya menurut pergerakan matahari. Setiap seorang daripada sepuluh itu mati, penduduk kampung akan menggantikannya dengan seorang yang lain. Lantaran itu, orang ramai akan mati, dan sepuluh orang tidak akan berkurangan, maka seorang lelaki tertentu telah melalui di hadapannya dan berkata kepadanya: Apakah cerita anda? Lelaki yang dipasung itu berkata: Jika anda seorang yang alim,

---

[215] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 68

maka aku tidak akan memperkenalkan diriku, dan urusanku. Dikatakan bahawa beliaulah anak lelaki Adam yang menjadi pembunuh (*inna-hu ibn adama al-qatilu*). Muhammad bin Muslim berkata: Lelaki seorang lagi itu adalah Abu Ja'far a.s (*wa kana al-Rajulu aba Ja'far a.s.*)[216]

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Musa bin Sa'dan, daripada Abdullah bin al-Qasim al-Hadhrami, daripada 'Umar bin Abban al-Kalbi, daripda Abban bin Taghlab berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, maka seorang lelaki daripada ulama ahli Yaman telah datang kepadanya, maka Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Wahai Yamani! Adakah pada kamu para ulama? Beliau berkata: Ya, beliau berkata: Apakah kadar keilmuan orang alim kamu? Beliau berkata: Sesungguhnya beliau berjalan pada satu malam kadar perjalanan sebulan (*inna-hu yasiru fi lailatin wihidatin masirata syahrin*), menahan burung terbang dan menjejaki segala kesan.

Beliau berkata kepadanya: Orang alim di Madinah lebih alim daripada orang alim kamu, beliau berkata: Apakah kadar keilmuan orang alim Madinah (*'ilmu 'alim al-Madinah*)? Beliau berkata: Beliau berjalan satu pagi kadar perjalanan setahun (*inna-hu yasiru fi sabahin wahidin masirarata sanatin*) seperti matahari apabila diperintah, sesungguhnya matahari pada hari ini tidak diperintah, tetapi apabila diperintah, ia akan melintasi dua belas maghrib (*idha umirat taqta' ithna 'asyara maghriban*), dua belas masyrik, dua belas matahari, dua belas bulan, dua belas daratan, dan dua belas alam, beliau berkata:Apa yang ada lagi pada tangan orang Yaman itu, aku sendiri tidak mengerti apa yang dikatakan olehnya, lalu Abu Abdullah a.s telah menahan dirinya dari bercakap[217].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Muhammad bin Abu 'Umair, daripada Abu Ayyub Ibrahim bin Uthman al-Khazzaz, daripada Abban bin Taghlab berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, tiba-tiba seorang lelaki daripada penduduk Yaman telah datang kepadanya, maka beliau berkata kepadanya: Wahai saudara Yaman, adakah di sisi kamu para ulama? Beliau berkata: Ya, beliau berkata: Apakah kadar keilmuan orang alim kamu? Beliau berkata: Beliau berjalan satu malam kadar perjalanan satu bulan, beliau dapat menahan burung terbang dan menjejaki segala kesan.

Maka Abu Abdullah a.s berkata kepadanya: Orang alim Madinah adalah lebih alim daripada orang alim kamu, beliau berkata: Apakah kadar keilmuan orang alim Madinah? Beliau berkata: Beliau berjalan satu jam di siang hari kadar perjalanan matahari satu tahun (*yasiru fi*

---

216 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 68
217 *Ibid*, vii , 270

sa'atin min al-Nahar masirata al-Thamsyi sanatan) sehingga beliau melintasi dua belas alam seperti alam kamu ini, mereka tidak mengetahui bahawa sesungguhnya Allah telah mencipta Adam dan Iblis, beliau berkata: Maka mereka mengetahui kamu (*fa-ya'rifuna-kum*)? Beliau berkata: Ya, Allah tidak mewajibkan ke atas mereka selain daripada wilayah kami (*wilayata-na*) dan pembebasan daripada musuh kami (*wa al-Bara'ata min 'aduwwi-na*)[218].

Ahmad bin al-Husain berkata: Al-Hasan bin al-Barra' , daripada Ali bin Hassan, daripada Abd al-Rahman bin Kathir berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, tiba-tiba seorang lelaki daripada penduduk Yaman telah memberi salam, maka beliau telah menjawab salamnya, kemudian beliau berkata kepadanya: Apakah kadar keilmuan orang alim kamu? Beliau berkata: Beliau dapat menahan burung terbang, dan menjejaki segala kesan di dalam satu jam kadar perjalanan satu bulan bagi penunggang yang cergas.

Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya orang alim Madinah adalah lebih alim daripada orang alim kamu, beliau berkata: Apakah kadar keilmuan orang alim kamu? Beliau berkata: Orang alim Madinah bukan sahaja dapat menjejaki segala kesan, dan menahan burung terbang, malah mengetahui di dalam satu detik kadar perjalanan matahari, melintasi dua belas planet, dua belas daratan, dua belas lautan, dan dua belas alam, maka orang Yaman itu berkata kepadanya: Aku jadikan diri aku tebusan anda, aku tidak fikir orang lain mengetahui perkara ini dan aku tidak mengerti apakah itu semua, lalu beliau keluar[219].

---

[218] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 20
[219] *Ibid*, vii, 368

BAHAGIAN KESEBELAS

Keganjilan keadaan dan perbuatan mereka, pembunuhan Mu'alla bin Khanis, Jangan menjadi tawanan dengan hadis kami, Haudh al-Kauthar, malakut al-Ardh, mukjizat Imam Ja'far bersama Mu'alla bin Khanis dan lain-lain.

Keganjilan Keadaan Dan Perbuatan Mereka A.S

Muhammad bin Abdullah al-Razi al-Jamurani, daripada Ismail bin Musa, daripada bapanya, daripada datuknya, daripada Abd al-Samad bin Ali berkata: Seorang lelaki telah datang kepada Ali bin al-Husain, maka Ali bin al-Husain berkata kepadanya: Siapakah anda? Beliau berkata: Aku adalah seorang ahli nujum yang mahir, beliau berkata: Maka beliau melihat kepadanya, kemudian berkata: Bolehkah aku menunjukkan kepada anda seorang lelaki yang telah melalui semenjak anda datang kepada kami empat belas alam, dan setiap alam adalah lebih besar daripada dunia tiga kali tanpa bergerak daripada tempatnya (*lam yataharak min makani-hi*)? Beliau berkata: Siapakah lelaki itu? Beliau berkata: Aku, jika anda mahu, aku akan memberitahu anda apa yang anda telah makan dan apa yang anda telah simpan di rumah anda[220].

Muhammad bin Hassan al-Razi telah memberitahu aku, berkata: Ali bin Khalid, seorang Zaidi- telah memberitahu aku, berkata: Aku telah berada di al-Askar, tiba-tiba berita sampai kepada aku bahawa di sana seorang lelaki yang ditahan, telah dibawa dari Syam di dalam keadaan digari(*makbulan*). Mereka berkata: Beliau telah membuat ramalan (*tanabba'a*). Ali bin Khalid berkata: Aku telah datang di pintu penjara. Aku telah melintasi beberapa penjaga pintu sehingga aku sampai kepadanya, tiba-tiba aku mendapatinya seorang lelaki yang mempunyai kefahaman (*la-hu fahmun*), maka beliau berkata: Aku telah berada di sisi kubur kepala al-Husain bin Ali a.s, ketika aku di dalam ibadatku, tiba-

220 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 9

tiba seorang lelaki datang kepada aku, dan berkata: Berdirilah dengan kami, maka akupun berdiri bersamanya.

Manakala aku bersama-samanya (*fa-baina ana ma'a-hu*), tiba-tiba aku bersama-samanya di Masjid Kufah (*idh ana ma'a-hu fi masjid kufah*), beliau berkata: Beliau mengerjakan solat dan akupun mengerjakan solat bersamanya (*fa-salla fa-sallai-tu ma'a-hu*). Manakala aku bersamanya, tiba-tiba kami di masjid Madinah. Beliau mengerjakan solat, maka aku mengerjakan solat bersamanya, beliau berselawat kepada Rasulullah s.a.w dan berdoa untuknya. Manakala aku bersamanya, tiba-tiba kami di Makkah, aku sentiasa bersamanya sehingga beliau menunaikan *manasik*nya dan aku menunaikan *manasik*ku bersama-nya.

Manakala aku bersamanya, tiba-tiba aku berada di tempat yang aku telah melakukan ibadat kepada Allah di Syam (*fa-baina ana ma'a-hu idh ana bi-maudi'i al-ladhi kuntu a'budu l-Laha fi-hi bi al-Syam*), dan lelaki itupun meninggalkan tempat itu. Manakala pada tahun berikutnya, pada musim haji, tiba-tiba aku bersamanya, lalu beliau melakukan kepada aku seperti perbuatannya yang pertama, manakala kami selesai dari mengerjakan *manasik* kami, beliau menghantar aku (*warada-ni*) ke Syam, dan beliau berdukacita kerana meninggalkan aku (*wa hamma bi-mufaraqati*), aku berkata kepadanya: Aku bertanya kepada anda dengan hak Yang memberi kuasa kepada anda (*sa'al-tu-ka bi haqqi al-Ladhi aqdara-ka*) menurut apa yang aku lihat melainkan anda memberitahu aku siapakah anda?

Beliau berkata: Beliau telah menundukkan kepalanya beberapa ketika, kemudian melihat kepada aku sambil berkata: Aku adalah Muhammad bin Ali bin Musa. Beliau berkata: Berita ini tersebar sehingga berakhir kepada Muhammad bin Abd al-Malik al-Zayyat, maka beliau telah mengutus kepada aku, lalu mengambil aku, menggari aku (*kabbala-ni*) dengan besi, membawa aku ke Iraq dan menahan aku (*habasa-ni*). Beliau berkata: Aku berkata kepadanya: Bawalah cerita anda ini kepada Muhammad bin Abd al-Malik? Beliau berkata: Siapakah aku untuk mendatanginya dengan cerita ini? Beliau berkata: Maka aku membawanya pensel dan kertas, lalu beliau menulis ceritanya kepada Muhammad bin Abd al-Malik dan menyebut di dalam ceritanya apa yang telah berlaku.

Kemudian beliau menandakan tangan ceritanya, katalah: Kepada Yang telah mengeluarkan anda pada suatu malam dari Syam ke Kufah, dari Kufah ke Madinah, dari Madinah ke Makkah, dan telah mengembalikan anda dari Makkah kepada tempat yang anda telah berada padanya supaya mengeluarkan anda dari tahanan anda, Ali bin Khalid berkata: Urusannya telah mendukacitakan aku, aku berlembut untuknya, dan aku telah menyuruhnya supaya bersabar, kemudian pada suatu hari aku telah kembali kepadanya, tiba-tiba seorang tentera,

ketua pengawal, penjaga penjara dan orang ramai telah berhimpun, maka aku berkata: Apakah ini? Maka seorang daripada mereka berkata: Orang yang dibawa (*al-Mahmul*) dari Syam yang telah membuat ramalan, telah hilang kelmarin dan kami tidak mengetahui sama ada beliau ditelan oleh bumi (*khusifat bi-hi al-Ardh*) atau disambar oleh burung di udara (*ikhtafat-hu al-Tairu*)[221].

Pemberitahuan Imam Ja'far A.S Tentang pembunuhan al-Mu'alla/Mu'alli Bin Khanis

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Musa bin Sa'dan, daripada Hafs al-Abyadh al-Tammar, berkata: Aku telah datang kepada Abu Abdullah a.s pada hari pembunuhan al-Mu'alla bin Khanis, dan sulaannya *-rahima-hu l-Lahu-*, beliau berkata kepadaku: Wahai Hafs, sesungguhnya aku telah memerintahkan al-Mu'alla bin Khanis dengan satu perintah, tetapi beliau telah menyalahi aku, kemudian beliau diuji dengan besi. Aku telah melihat kepadanya pada suatu hari berada di dalam keadaan yang mendukacitakan, aku berkata: Apakah yang telah terjadi kepada anda wahai Mu'alla seolah-olah anda telah mengingati keluarga anda harta anda dan tanggungan anda? Beliau berkata: Ya, maka aku berkata: Datanglah berhampiran aku, lalu beliau menghampiri aku, lantas aku menyapu mukanya, maka aku berkata:Di manakah anda melihat anda berada?

Beliau berkata: Aku diperlihatkan di rumah aku, ini adalah isteri aku, dan mereka adalah anak aku, lantas aku meninggalkannya bersama mereka dan aku telah bersembunyi daripada mereka sehingga beliau telah mengambil apa yang diambil oleh seorang lelaki daripada keluarganya, kemudian aku berkata kepadanya: Datanglah berhampiran aku, maka beliau datang berhampiran aku, lantas aku menyapu mukanya (*masah-tu wajha-hu*). Aku berkata kepadanya:Di mana anda melihat anda sekarang? Beliau berkata: Aku melihat aku bersama anda di Madinah dan ini adalah rumah anda, aku berkata kepadanya: Wahai Mu'alla, sesungguhnya bagi kami hadis (*inna la-na hadithan*), siapa yang menjaganya kerana kami, nescaya Allah menjaga ke atasnya agamanya, dan dunianya (*man hafaza-hu 'alai-na hafaza-hu l-Lahu 'alai-hi dina-hu wa dunya-hu*).

Jangan Menjadi Tawanan Dengan Hadis Kami

Wahai Mu'alla, janganlah kamu semua menjadi orang tawanan di tangan orang ramai dengan hadis kami (*la takunu usara' fi aidi al-Nasi bi-hadithi-na*). Jika mereka mahu, nescaya mereka beriman kepada

---

221 Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 492

kamu (*in sya'u amanu 'alai-kum*) dan jika mereka mahu, mereka membunuh kamu (*in sya'u qatalu-kum*) Wahai Mu'alla, sesungguhnya barangsiapa yang menyembunyikan hadis kami yang sulit (*man katama al-Sa'ba min hadithi-na*), nescaya Allah menjadikannya cahaya di antara dua matanya, dan Allah memberikannya kemuliaan pada orang ramai. Dan barangsiapa yang menyebarkan hadis kami yang sulit (*wa man adha'a al-Sa'ba min hadithi-na*), beliau tidak akan mati sehingga senjata akan menikamnya (*lam yamut hatta ya'udhdh-hu al-Silahu*) atau beliau akan mati digari (*au yamutu kablan*), wahai Mu'alla, anda akan dibunuh (*wa anta maqtul*), maka bersedialah (*fa-ista'id*).[222]

Imam Ja'far A.S Dan Haudh al-Kanthar

Al-Hasan bin Ahmad bin Salmah al-Lu'lu', daripada al-Hasan bin Ali bin Baqqah, daripada Abdullah bin Jabalah, daripada Abdullah bin Sinan berkata: Aku telah bertanya kepada Abu Abdullah a.s tentang al-Haudh, maka beliau berkata kepadaku: Ia adalah Haudh di antara penglihatanku kepada San'a' (*haudh ma baina basari ila San'a'*), adakah anda suka melihatnya? Aku berkata kepadanya: Ya, beliau berkata: Maka beliau telah mengambil tangan aku, dan mengeluarkan aku di luar Madinah, kemudian beliau menendang tanah dengan kakinya (*fa-dharaba bi-rijli-hi*), maka aku telah melihat kepada sungai yang sedang berlari di sudutnya air putih, dan susu daripada salji.

Di tengahnya *khamr* (arak) yang lebih baik daripada permata nilam, aku tidak pernah melihat sesuatu yang lebih baik daripada *khamr* di antara susu dan air, maka aku berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, di manakah ia keluar dan di manakah tempat berlarinya air? Beliau berkata: Mata-mata air ini telah disebut oleh Allah di dalam kitab-Nya adalah sungai-sungai di Syurga, mata air daripada air, mata air daripada susu, mata air daripada *khamr* mengalir di sungai ini, dan aku telah melihat di kedua-dua tepinya pohon-pohon padanya hamba-hamba perempuan (*jawar*) yang berjuntai dengan kepala-kepala mereka.

Aku tidak pernah melihat sesuatu yang lebih baik daripadanya, di tangan-tangan mereka bejana-bejana yang aku tidak pernah melihat secantik itu, bukan daripada bejana-bejana dunia. Maka beliau telah menghampiri salah seorang daripada mereka dan memberi isyarat kepadanya dengan tangannya supaya ia memberikan air kepadanya, maka aku melihat kepadanya, lalu ia condong ke hadapan untuk mencedok air dari sungai. Maka pohon itu condong ke hadapan, lalu ia mencedok air, kemudian ia memberikannya kepadanya (*nawalat-hu fa-nawala-ni fa-syarab-tu*), kemudian beliau memberinya kepadaku, lalu

[222] Al-Kasyi, *al-Rijal*, hlm. 240, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 272

aku meminumnya. Kemudian beliau mengambilnya, dan memberi isyarat kepadanya, maka pohon itu condong bersamanya (*fa-malat al-Syajaratu ma'a-ha*), lantas ia mencedok air, kemudian ia memberikannya kepadanya (Abu Abdullah a.s) dan beliau pula memberikannya kepada aku, maka aku meminumnya.

Aku tidak pernah melihat minuman yang lebih lembut, dan lebih lazat daripadanya. Bauannya adalah mewangikan. Aku telah melihat kepada gelasnya, maka aku mendapati tiga warna di dalam minuman itu, maka aku berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, aku tidak pernah melihat seperti hari ini, dan aku tidak pernah melihat perkara sebegini, maka beliau berkata: Ini adalah perkara yang paling sedikit yang disediakan oleh Allah kepada syi'ah kita (*hadha min aqalli ma a'ada-hu l-Lahu li-syi'ati-na*). Sesungguhnya mukmin apabila mati, maka rohnya akan sampai ke sungai ini, berehat di taman-tamannya, meminum airnya. Sementara musuh kita apabila mati, maka rohnya akan sampai ke lembah Barhut (*wa inna 'aduwwana idha tuwaffia sarat ruhu-hu ila wadi barhut*) dan dikekalkan azabnya, diberi makan zaqum, diberi minum air api neraka (*hamim*), maka pohonlah perlindungan dengan Allah dari dihantar ke lembah tersebut[223].

Mukjizat Abu Ja'far al-Baqir A.S Memperlihatkan Malakut al-Ardh Kepada Jabir Bin Yazid

Daripadanya, daripada Muhammad bin al-Muthanna,daripada bapanya, daripada 'Uthman bin Zaid, daripada Jabir bin Zaid, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Aku telah bertanya kepadanya tentang firman-Nya di dalam Surah al-An'am (6): 75 " *Dan demikainlah kami perlihatkan kepada Ibrahim keagungan langit dan bumi* (*malakutta al-Samawati wa-al-Ardh*) *agar Ibrahim termasuk orang-orang yang yakin*". Beliau berkata: Aku telah menundukkan kepalaku ke tanah, lalu beliau mengangkat tangannya ke atas, kemudian berkata: Angkatkan kepala anda, maka aku mengangkat kepala aku, dan aku melihat kepada atap telah tembus sehingga mata aku dapat melihat Kepada cahaya yang terang, lantas mata aku menjadi tercengang tanpanya, kemudian beliau berkata kepada aku: Ibrahim telah melihat keagungan langit dan bumi di dalam keadaan ini.

Kemudian beliau berkata kepada aku: Tunduk, maka aku pun tunduk, kemudian beliau berkata: Angkatkan kepala anda, lantas aku mengangkatkan kepala aku, maka aku mendapati atap masih di dalam keadaan yang terdahulu, kemudian beliau telah mengambil tangan aku, dan berdiri, lalu mengeluarkan aku dari rumah yang aku berada di

---

223 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 272

dalamnya, dan memasukkan aku ke rumah yang lain, lalu beliau menukarkan pakaian yang dipakainya,dan memakai pakaian lain, kemudian beliau berkata kepadaku: Pejamkan mata anda, maka aku pun memejamkan mataku. Beliau berkata: Janganlah anda membuka mata anda (*la taftah 'ainai-ka*), maka aku tunggu beberapa ketika, kemudian beliau berkata kepada aku: Anda mengetahui di manakah anda sekarang?

Aku berkata: Tidak, beliau berkata: Anda di dalam kegelapan yang telah dilalui oleh Dhu al-Qar'nain (*anta fi al-Zulmati al-Lati salaka-ha Dhu al-Qur'nain*), maka aku berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, adakah anda membenarkan aku membuka mata aku, maka aku dapat melihat anda? Beliau berkata kepada aku: Bukalah, sesungguhnya anda tidak akan melihat sesuatu, maka aku pun membuka mataku, tiba-tiba aku mendapati diri aku di dalam kegelapan, aku tidak dapat melihat tempat tapak kakiku berpijak. Kemudian beliau berjalan sedikit, lalu berdiri, maka beliau berkata: Adakah anda mengetahui di manakah anda sekarang?

Maka aku berkata: Aku tidak mengetahui, maka beliau berkata: Anda sedang berdiri di atas *'Ain al-Hayat* (mata kehidupan) yang diminum oleh Khidir a.s, kami berjalan, maka kami pun keluar daripada alam itu kepada alam lain, lalu kami berjalan padanya. Maka kami telah melihatnya seperti keadaan alam kita ini dari segi binaannya, rumah-rumahnya, dan penghuni-penghuninya, kemudian kami keluar kepada alam ketiga, maka ia adalah seperti keadaan alam pertama, dan kedua sehingga kami sampai kepada lima alam (*khamsati 'awalim*), beliau berkata: Kemudian beliau berkata kepada aku: Ini adalah *malakut al-Ardh* yang tidak dilihat oleh Ibrahim a.s.

Sesungguhnya beliau telah melihat *malakut al-Samawat* iaitu dua belas alam, dan setiap alam adalah seperti keadaan yang anda telah melihatnya, dan setiap kali berlalunya seorang imam (*kullama madha minna imammun*), maka beliau tinggal di salah satu alam-alam ini sehingga yang akhir mereka adalah al-Qaim pada alam kita di mana kita menjadi penghuninya. Kemudian beliau berkata kepada aku: Pejamkan mata anda, kemudian beliau mengambil tangan aku, maka tiba-tiba kami berada di rumah yang kami telah keluar darinya. Lalu beliau telah mencabutkan pakaian yang sedang dipakainya, dan memakai pakaian sebelumnya, dan kami kembali kepada majlisnya, maka aku berkata kepadanya:Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, berapa lama waktu telah berlalu? Maka beliau berkata: Tiga jam[224].

Mukjizat Imam Ja'far A.S Bersama Mu'alla Bin Khanis

---

[224] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xi, 129

Ahmad bin al-Husain bin Sa'id, daripada bapanya, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Hammad bin Uthman, daripada al-Mu'alla bin Khanis berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s di dalam sebahagian keperluannya, maka beliau berkata kepadaku: Kenapa aku melihat anda di dalam keadaan dukacita? Maka aku berkata:Berita yang telah sampai kepada aku mengenai Iraq dan penyakit di sana, maka aku telah teringat kepada keluarga aku, maka beliau berkata kepadaku: Adakah anda akan gembira melihat mereka?

Aku berkata: Aku mahu jika boleh, demi Allah, beliau berkata: Palingkan muka anda, maka aku pun memalingkan muka aku (*fa-saraf-tu waj-hi*), kemudian beliau berkata: Hadapkan muka anda ke hadapan, maka tiba-tiba rumah aku tergambar di mata aku, maka beliau berkata kepada aku: Masuklah rumah anda, maka aku pun memasukinya, maka aku mendapati semua keluarga aku; kecil, dan besar berada di rumahku, lalu aku menunaikan kemahuanku (*fa-qadhai-tu watri*), kemudian aku keluar, beliau berkata: Palingkan muka anda, maka aku memalingkannya, kemudian aku tidak melihat sesuatu (*fa-saraf-tu-hu fa-lam ara syai'an*)[225].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr, daripada Muhammad bin Hamraan, daripada al-Aswad bin Sa'id, berkata: Abu Ja'far a.s berkata kepada aku: Wahai Aswad bin Sa'id, sesungguhnya di antara kami dan setiap bumi penyekat (*tarran*) seperti anda melihat binaan (*mathala tarri al-Bana*). Apabila kami diperintah di bumi dengan sesuatu perintah, maka kami menarik penyekat tersebut (*fa-jadhab-na dhalika al-Tarr*), lalu bumi datang kepada kami dengan segala yang ada padanya sehingga kami melaksanakan padanya apa yang diperintahkan kepada kami daripada perintah Allah s.w.t[226].

Ibrahim bin Muhammad al-Thaqafi, daripada 'Umru bin Sa'id al-Thaqafi, daripada Yahya bin al-Hasan bin Furat, daripada Yahya bin al-Mus.a.wir, daripada Abu al-Jarud al-Mundhir bin al-Jarud, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Manakala Rasulullah s.a.w telah menaiki gua (*al-Ghar*), maka Ali bin Abu Talib a.s telah mencarinya, kerana khuatir kaum musyrikin membunuhnya, Rasulullah s.a.w berada di gua Hira', dan Ali berada di Thabir, maka Rasulullah s.a.w telah melihat Ali , dan berkata:Apakah dengan anda wahai Ali? Maka Ali a.s berkata: Dengan nama bapa aku, anda dan ibu aku, aku khuatir kaum musyrikin akan membunuh anda, justeru itu, aku mencari anda. Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Hulurkan tangan anda kepada aku wahai Ali, lantas bukit bergegar (*fa-rajafa al-Jabalu*) sehingga beliau melangkah dengan

---

225 *Ibid*

226 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 269

kakinya kepada bukit yang lain, kemudian bukit itu kembali kepada tempatnya yang asal (*raja'a al-Jabalu ila qarari-hi*)[227].

Mukjizat Abu al-Hasan Musa Bin Ja'far A.S

Al-Mu'alla bin Muhammad al-Basri, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Muhammad bin Yahya, daripada Salih ibn Sa'id berkata: Aku datang kepada Abu al-Hasan a.s, maka aku berkata kepadanya: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, Dalam setiap perkara mereka mahu memadamkan cahaya anda, dan mengabaikan anda sehingga mereka menjatuhkan anda, ini adalah suatu pengkhianatan yang jahat dan bangsat, maka beliau berkata: Di sini anda wahai Ibn Sa'id?! Kemudian beliau memberi isyarat dengan tangannya dan berkata: Lihatlah, maka aku pun melihat, maka tiba-tiba aku berada di taman-taman yang cantik, dan berseri, padanya perempuan-perempuan yang baik, dan kanak-kanak seolah-olah seperti mutiara yang tersembunyi, burung-burung, kijang-kijang, dan sungai-sungai yang segar mengalir, maka mata aku menjadi lemah, lalu beliau berkata kepada aku: Ini adalah disediakan untuk kami, dan kami bukanlah pengkhianat bangsat[228].

Daripadanya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abdullah, daripada Ali bin Muhammad, daripada Ishaq al-Jallab berkata: Aku telah membeli kambing yang banyak untuk Abu al-Hasan Musa bin Ja'far a.s, maka beliau telah menyeru aku dan memasukkan aku dari lorong rumahnya kepada tempat yang luas yang aku tidak mengetahuinya. Maka aku mulai memisahkan kambing-kambing itu kepada mereka di mana beliau telah perintahkan kepada aku. Lalu beliau telah mengutus kepada Abu Ja'far a.s, kepada ibunya, serta kepada mereka yang beliau telah perintahkan kepada aku, kemudian aku telah meminta izin daripadanya untuk pulang ke Baghdad menemui bapa aku,iaitu pada hari pertimbangan (*al-Tarwiyah*)[229].

Beliau telah menulis kepada aku: Supaya anda bermalam besok di sisi kami, kemudian anda pulang". Beliau berkata: Maka aku telah bermalam, dan apabila datang hari 'Arafah aku telah bermalam di sisinya. Dan aku telah bermalam pada malam Hari Raya Korban di khemahnya, manakala di waktu sahur, beliau telah datang kepada aku, dan berkata: Wahai Ishaq, berdirilah, beliau berkata: Aku pun berdiri, dan aku membuka mataku (*wa fatah-tu 'aini*), tiba-tiba aku berada di pintu (rumah)ku di Baghdad (*fa-idha ana 'ala bAbubi-Baghdad*). Lantas aku memasukinya bertemu dengan bapaku, dan para sahabatku datang

---

227 *Ibid*

228 Al-Kulaini, *al-Kafi*, I, 498

229 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xii, 130

kepadaku, aku berkata kepada mereka: Aku telah berada di 'Arafah di kawasan al-'Askar dan aku telah keluar di Baghdad untuk mengerjakan solat Aidiladha.

Ja'far bin Muhammad bin Malik al-Kufi, daripada Muhammad bin al-Muaddib, daripada anak lelaki al-Asytar, daripada Muhammad bin 'Ammar al-Sya'rani, daripada bapanya, daripada Abu Basir, berkata:Aku berada di sisi Abu Abdullah a.s, dan di sisinya seorang lelaki daripada penduduk Khurasan sedang bercakap dengannya dengan bahasa yang aku tidak memahaminya, kemudian beliau telah kembali kepada sesuatu yang aku telah memahaminya. Maka aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Tekankan tanah itu dengan kaki anda, tiba-tiba tanah itu bertukar menjadi sungai, dan di tepi kedua-duanya panglima-panglima berkuda yang telah menyandarkan tengkuk-tengkuk mereka di atas pemegang-pemegang pelana kuda mereka, maka Abu Abdullah a.s berkata: Mereka itu adalah para sahabat al-Qaim a.s (*ashab al-Qaim a.s*)[230].

Al-Hasan bin Ali al-Zaituni, dan Muhammad bin Ahmad bin Abu Qatadah, daripada Ahmad bin Hilal, daripada al-Hasan bin al-Mahbub, daripada al-Hasan bin 'Atiyyah berkata: Abu Abdullah a.s telah berdiri di al-Safa, maka 'Ubad al-Basri telah berkata kepadanya: Satu hadis yang diriwayatkan daripada anda, beliau berkata: Apakah ia? Beliau berkata: Aku berkata: Kehormatan mukmin itu adalah lebih besar daripada Ka'bah(*hurmatu al-Mu'min a'zamu min hurmati hadhi-hi al-Bunyah*).Beliau berkata: Aku telah berkata sedemikian. Sesungguhnya mukmin jika beliau berkata kepada bukit ini: Datang, maka ia datang, beliau berkata: Aku telah melihat kepada bukit itu telah datang, maka beliau berkata:*'Ala rusuli-ka*, sesungguhnya aku tidak akan mengembalikan anda.

Al-Husain bin al-Hasan bin Abban berkata: Al-Husain bin Sa'id telah memberitahu aku, dan menulisnya kepadaku dengan khatnya di hadapan Abu al-Hasan bin Abban berkata: Muhammad bin Sinan telah memberitahu aku, daripada Hammad al-Batahi, daripada sahabatnya-beliau adalah di kalangan sahabat Amir al-Mukminin a.s-berkata: Sesungguhnya beberapa orang daripada para sahabatnya berkata: Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya wasi Musa telah memperlihatkan mereka alamat-alamat (*kana uri-him al-'Alamat*), dan sesungguhnya wasi Isa telah memperlihatkan mereka alamat-alamat selepas Isa, maka kenapakah anda tidak memperlihatkannya kepada kami?

Maka beliau berkata: Kamu tidak percaya, maka mereka telah mendesaknya, dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, lantas beliau telah mengambil tangan sembilan daripada mereka dan keluar dengan

---

230 *Ibid*

mereka sebelum Abyat al-Hijriyyin berhampiran al-Sibkhah, maka beliau telah bercakap dengan percakapan yang perlahan, kemudian beliau menggali dengan tangannya: Dedahkan penutupan anda, maka tiba-tiba setiap apa yang telah diceritakan Allah tentang syurga berada di depan mata mereka bersama-sama rohnya dan bunga-bunganya, lantas empat daripada mereka telah kembali, dan berkata:Sihir, sihir dan seorang daripada mereka masih cekal *masya* Allah.

Kemudian beliau telah menduduki satu majlis, kemudian dipindah daripadanya sesuatu percakapan tentang perkara tersebut. Maka mereka berpegang kepadanya, lalu mereka datang dengannya kepada Amir al-Mukminin a.s dan berkata: Wahai Amir al-Mukminin, bunuhlah ia, dan janganlah anda mencemarkan agama Allah, beliau berkata: Apakah yang dilakukannya? Mereka berkata: Kami telah mendengarnya berkata: Begitu dan begini, beliau berkata: Daripada siapakah anda telah mendengar percakapan ini? Beliau berkata: Aku telah mendengarnya daripada polan bin polan, maka Amir al-Mukminin a.s berkata: Seorang lelaki telah mendengar daripada orang lain sesuatu, lalu beliau telah melaksanakannya, tidak ada jalan untuk diambil tindakan di atas perkara ini. Maka mereka berkata: Anda telah mencemarkan agama Allah, demi Allah, kami akan membunuhnya. Beliau berkata: Demi Allah, seorang lelaki daripada kamu tidak akan membunuhnya melainkan keluarganya dibebaskan.

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abd al-Malik bin Abdullah al-Qummi berkata: Saudaraku Idris bin Abdullah telah memberitahu aku, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya dunia di sisi kami Ahlu l-Bait adalah seperti perkara atau benda di hujung jari.

Muhammad bin Harun, daripada Abu Yahya Suhail bin Ziyad al-Wasiti, daripada orang yang telah memberitahunya, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Beliau berkata: Sesungguhnya Allah telah memberi pilihan kepada Dhu al-Qarnain dua awan (*al-Sahabataini*):al-Dhalul, dan al-Sa'ab, lalu beliau memilih al-Dhalul iaitu awan yang tidak mempunyai guruh, dan petir (*huwa laisa fi-hi barqun wala ra'dun*). Sekiranya beliau memilih al-Sa'ab, nescaya beliau tidak akan mendapatkannya, kerana Allah telah menyimpannya untuk al-Qaim a.s.

Mukjizat Dan Kekeramatan Amir al-Mukminin Ali A.S

Ibrahim bin Hasyim, daripada Uthman bin Isa, daripada Abu Ayyub al-Khazzaz, daripada Abu Basir, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Ali a.s ketika diberi pilihan memiliki apa yang ada di atas bumi dan di bawahnya, dibentangkan kepadanya dua awan: Sa'bah, dan Dhalul. Sa'bah adalah memiliki apa yang ada di bawah bumi dan Dhalul adalah memiliki apa yang ada di atas bumi, lalu beliau memilih al-

Sa'bah di atas Dhalul, maka beliau menaikinya (*fa-rakiba-ha*), dan berpusing dengannya tujuh bumi, maka beliau telah mendapati padanya tiga yang telah rosak (*thalathata kharaban*) dan empat yang sedang membangun (*arba'an 'awamir*).

Al-Mu'alla bin Muhammad al-Basri, daripada Sulaiman bin Sama'ah, daripada Abdullah bin al-Qasim, daripada Sama'ah bin Mihran berkata: Aku telah berada di sisi Abu Abdullah a.s, maka langit telah mengeluarkan petir dan guruh (*fa-ar'adat al-Sama'u wa abraqat*), lalu Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya petir dan guruh ini adalah daripada perintah sahabat kamu (*ma kana min hadha al-Ra'di wa min hadha al-Barqi fa-inna-hu min amri sahibi-kum*), aku berkata: Siapakah sahabat kita itu? Beliau berkata: Amir al-Mukminin a.s.

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada Fadhdhalah bin Ayyub, daripada 'Umar bin Abban al-Kalbi, daripada Adim bin al-Hurr, daripada Hamraan bin A'yan berkata: Aku berkata kepada Abu Abdullah a.s: Berita telah sampai kepadaku bahawa sesungguhnya Tuhan *tabaraka wa ta'ala* telah bermunajat dengan Ali a.s (*naja 'aliyyan*), Maka beliau berkata: Ya, munajat telah berlaku di Taif di mana Jibrail telah turun di antara kedua (*Kanat baina-huma munajat bi al-Taif nazala baina-huma Jibrail*)[231].

Ibrahim bin Hasyim, daripada Yahya bin Abu Imran, daripada Yunus, daripada Hammad bin Uthman, daripada Muhammad bin Muslim berkata: Aku telah berkata kepada Abu Abdullah a.s: Sessungguhnya Salamah bin Kuhail meriwayatkan tentang Ali perkara yang banyak, beliau berkata: Apakah ia? Aku berkata: Beliau telah memberitahu kepada aku bahawa Rasulullah s.a.w telah mengepung ahli Taif, dan sesungguhnya beliau telah bersendirian dengan Ali pada satu hari, maka seorang lelaki daripada para sahabatnya berkata: Aneh, apa yang berlaku kepada kami mengenainya, beliau s.a.w bermunajat dengan kanak-kanak ini semenjak hari ini (*yunaji hadha al-Ghulama mundh al-Yaum*), maka Rasulullah s.a.w bersabda: Aku bukan bermunajat dengannya, sesungguhnya beliau sedang bermunajat dengan Tuhannya (*ma ana bi- munaji-hi inna-ma yunaji rabba-hu*). Maka Abu Abdullah a.s berkata: Ya, sesungguhnya ini adalah perkara-perkara (*asyya'*) diketahui sebahagiannya akan sebahagian yang lain[232].

Ali bin Muhammad bin Ali bin Sa'd, daripada Hamdan bin Sulaiman al-Nisyaburi berkata: Abdullah ibn Muhammad al-Yamani telah memberitahu aku, daripada Muni', daripada Yunus, daripada Ali bin A'yan, daripada bapanya, daripada datuknya, daripada Abu Rafi' berkata: Manakala Rasulullah s.a.w telah menyeru Ali a.s pada hari Khaibar, maka beliau telah meludah pada kedua-dua matanya (*fa-tafala*

---

231 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, ix, 380
232 *Ibid*

fi 'ainai-hi) seraya bersabda: Apabila anda membukanya, maka berdirilah di kalangan orang ramai, kerana Allah telah memerintahkan aku sedemikian, Abu Rafi' berkata: Maka Ali pun telah pergi dan aku bersamanya.

Manakala beliau sampai di waktu pagi di Khaibar, maka beliau telah membukanya (*iftata-ha*) dan berdiri di kalangan orang ramai, lalu beliau telah memanjangkan *wuquf* di sana. Maka orang ramai berkata: Sesungguhnya Ali sedang bermunajat dengan Tuhannya (*inna 'aliyyan yunaji rabba-hu*). Manakala beliau tinggal selama satu jam, lalu diperintahkan supaya merampas bandar yang beliau telah membukanya. Maka aku telah mendatangi Rasulullah s.a.w. Aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w: Sesungguhnya Ali telah berdiri di kalangan orang ramai sebagaimana anda telah perintahkannya. Aku telah mendengar sebahagian daripada mereka berkata: Sesungguhnya Allah telah bermunajat dengannya (*inna Allah naja-hu*), maka beliau bersabda: Sesungguhnya Allah telah bermunajat dengannya pada hari Taif, hari 'Aqabah Tabuk, dan hari Khaibar.

Perbezaan Antara Rasul, Nabi Dan Muhaddath

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada bapanya, dan Muhammad bin Khalid al-Barqi, dan al-'Abbas bin Ma'ruf, daripada al-Qasim bin 'Urwah, daripada Barid bin Mu'awiyah al-'Ajali berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang rasul, nabi dan *muhddath*, maka beliau berkata: Rasul adalah yang didatangi oleh malaikat, dan berdepan dengan mereka, serta menyampaikannya daripada Allah (*al-ladhi ta'ti-hi m al-Malaikatu wa yu'ayinu-hum wa tablughu-hu 'ani l-Lahi*). Nabi adalah yang melihat di dalam tidurnya (*al-Ladhi yara fi manami-hi*). Maka apa yang beliau telah melihat di dalam tidurnya adalah sebagaimana beliau melihat ketika jaga, dan *al-Muhaddath* adalah yang mendengar percakapan malaikat (*al-Ladhi yasma'u kalama al-Malaikati*)sama ada ia membisikkannya di telinganya (*yanquru fi udhunai-hi*) atau menerangkannya di hatinya (*yankutu fi qalbi-hi*)[233].

Daripadanya, daripada Ahmad bin Muhammad bin Abu Nasr, daripada Tha'labah bin Maimun, daripada Zararah berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah a.w di dalam Surah Maryam (19): 54 "*dia adalah seorang rasul, dan nabi*". Kami telah mengetahui seorang rasul dan siapakah nabi? Maka beliau berkata: Nabi adalah orang yang melihat malaikat di dalam tidurnya, mendengar suara malaikat, tetapi tidak berdepan dengannya. Adapun rasul, maka ia berdepan dengan malaikat, dan bercakap kepadanya, aku berkata: Apakah kedudukan imam? Beliau berkata: Imam mendengar suara

[233] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii , 293

malaikat, tetapi tidak melihatnya, dan tidak berdepan dengannya. Kemudian beliau telah membaca ayat ini *" Aku tidak mengutus sebelum kamu seorang rasul, dan tidak seorang nabi (dan tidak seorang muhaddath)*[234].

Al-Haitham bin Abu Masruq al-Nahdi, dan Ibrahim bin Hasyim, daripada Ismail bin Mihran berkata: Al-Hasan bin al-'Abbas al-Ma'rufi telah menulis kepada Abu al-Hasan al-Ridha a.s: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, beritahu aku apakah perbezaan di antara rasul, nabi, dan imam? Maka beliau telah menulis kepadanya: Perbezaan di antara rasul, nabi, dan imam. Rasul adalah yang diturunkan Jibrail ke atasnya, maka beliau dapat melihatnya, bercakap kepadanya, dan mendengar percakapannya, dan diturunkan ke atasnya wahyu. Kemungkinan wahyu diberikan di dalam tidurnya seperti Ibrahim. Adapun nabi, kemungkinan beliau telah mendengar percakapan malaikat, kemungkinan beliau dapat melihatnya dan tidak mendengar percakapannya. Adapun imam mendengar percakapan malaikat, tetapi tidak melihatnya.

Ibrahim bin Muhammad al-Thaqafi berkata: Ismail bin Yasar telah memberitahu aku, daripada Ali bin Ja'far al-Hadhrami, daripada Zararah bin A'yan berkata: Aku telah bertanya Abu Abdullah a.s tentang firman-Nya *"kami tidak mengutus sebelum kamu seorang rasul, dan tidak seorang nabi, (dan tidak seorang muhaddath)* maka beliau berkata:'Rasul adalah yang didatangi Jibrail secara berdepan, maka ia bercakap kepadanya, dan beliau pula melihatnya sebagaimana seorang lelaki melihat sahabatnya. Nabi adalah yang didatangi wahyu di dalam tidurnya seperti mimpi Ibrahim dan Muhammad s.a.w. Di kalangan mereka ada yang terkumpul kerasulan dan kenabian, maka Muhammad s.a.w adalah di antara mereka yang terkumpul kerasulan dan kenabian. *Muhaddath* mendengar percakapan malaikat, tetapi tidak melihatnya, dan'ia tidak mendatanginya di dalam tidurnya[235].

Semua Para Imam Muhaddathun

Daripadanya, Ismail bin Yasar telah memberitahuku, berkata: Ali bin Ja'far al-Hadhrami telah memberitahu aku, daripada Sulaim bin Qais sesungguhnya beliau telah mendengar Ali a.s berkata: Sesungguhnya aku, dan para wasi aku daripada anak-anak lelaki aku adalah para imam yang mendapat hidayat semua kami adalah *muhaddathun*, aku berkata: Wahai Amir al-Mukminin, siapakah mereka? Beliau berkata: al-Hasan dah al-Husain, kemudian anak lelaki aku Ali bin al-Husain-beliau berkata: Ali pada masa itu masih menyusu-

---

234 Al-Kulaini, *al-Kafi*, 176

235 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 294

kemudian lapan orang selepasnya seorang selepas seorang, merekalah Allah telah bersumpah di dalam Surah al-Balad (90):3 " *dan demi bapa, dan anak-anaknya*" (*wa walidin wa ma walada*). Adapun *walid* (bapa) adalah Rasulullah s.a.w, dan *wa ma walada* (anak-anaknya) iaitu para wasi.

Maka aku berkata: Wahai Amir al-Mukminin, adakah dua imam berkumpul? Maka beliau berkata: Tidak, melainkan salah satu daripadanya diam tidak bercakap sehingga berlalunya yang pertama. Sulaim berkata: Aku telah bertanya Muhammad bin Abu Bakr, maka aku berkata: Adakah Ali a.s *Muhaddath*? Beliau berkata: Ya, aku berkata:Malaikat bercakap kepada para imam (*yuhaddithu al-Malaikatu al-Aimmata*)? Maka beliau berkata: Tidakkah anda membaca " *dan kami tidak mengutus sebelum kamu seorang rasul, dan tidak seorang nabi, dan* (*tidak seorang muhaddath*). Aku berkata: Adakah Amir al-Mukminin *muhaddath*? Maka beliau berkata: Ya, dan Fatimah adalah *muhaddathah* walaupun beliau bukan seorang nabi perempuan (*wa lam takun nabiyyatan*).

Urusan Keagamaan Diserahkan Kepada Mereka

Ahmad bin Muhammad bin Isa, dan saudaranya Abdullah bin Muhammad, daripada bapa mereka berdua Muhammad bin Isa, daripada Abdullah bin Sinan, daripada Musa bin Asyim berkata: Aku telah datang kepada Abu Abdullah a.s, maka aku telah bertanya kepadanya tentang satu masalah, maka beliau telah memberi jawapan kepadaku mengenainya dengan satu jawapan. Maka aku duduk, tiba-tiba seorang lelaki datang, maka beliau bertanya kepadanya masalah yang sama, maka beliau telah memberi jawapan kepadanya menyalahi dengan apa yang beliau berikan kepadaku (*bi-khilafi ma ajabani*).Seorang lelaki yang lain datang, lalu bertanya kepadanya tentang masalah yang sama, maka beliau telah memberi jawapan kepadanya menyalahi apa yang beliau berikan kepadaku dan sahabatku.

Justeru itu, aku takut tentang perkara tersebut, dan ia menjadi besar kepadaku (*'azuma 'alayya*). Manakala mereka keluar, maka beliau telah melihat kepada aku, dan berkata: Wahai Ibn Asyim, seolah-olah anda takut, maka aku berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, sesungguhnya Allah telah menyerahkan (*fawwadha*) kepada Daud urusan kerajaannya, dan berfirman di dalam Surah al-Sad (38):39 " *inilah anugerah kami, maka berikanlah atau tahanlah dengan tiada pertanggungan jawab*". Dan Dia telah menyerahkan kepada Muhammad s.a.w urusan agama-Nya, dan berfirman di dalam Surah al-Hasyr(59):7 " *Dan apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah dia.Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggallah*". Dan sesungguhnya Allah telah menyerahkan urusan keagamaan kepada para imam daripada

kami (*inna l-Laha fawwadha ila al-Aimmati minna*), dan kepada kamilah (kembali) apa yang Dia telah serahkan kepada Muhammad s.a.w (*wa ilai-na ma fawwadha ila Muhammad s.a.w*). Lantaran itu, janganlah anda berdukacita.

Daripadanya, daripada al-Husain bin Sa'id, daripada sebahagian daripada sahabatnya, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu Hamzah al-Thumali, dan Muhammad bin Khalid al-Tayalasi telah memberitahuku, daripada Saif bin 'Umairah, daripada Abu Hamzah al-Thumali berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Barangsiapa yang kami telah menghalalkan untuknya sesuatu di mana beliau telah mendapatinya (*asaba-hu*) daripada orang-orang yang zalim, maka ia adalah halal baginya (*fa-huwa la-hu halalun*), kerana para imam daripada kami diserahkan urusan keagamaan kepada mereka (*mufawwadhun 'alai-him*). Lantaran itu, apa yang dihalalkan oleh mereka, maka ia adalah halal, dan apa yang diharamkan oleh mereka, maka ia adalah haram[236].

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada Abd al-Rahman bin Abu Najran, daripada 'Asim bin Hamid, daripada Abu Ishaq al-Nahwi berkata: Aku telah mendengar Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah mengajar Nabi-Nya di atas kecintaan kepada-Nya (*inna l-Laha addaba nabiyya-hu 'ala mahabbati-hi*), maka Dia berfirman di dalam Surah al-Qalam (68):4 " *Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung*", kemudian Dia telah memberi kuasa kepadanya (*fawwadha ilai-hi*).

Dan berfirman di dalam Surah al-Hasyr(59):7 "*Dan apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah dia.Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggallah*". Dan Dia berfirman di dalam Surah al-Nisa' (4):80 "*Barangsiapa yang mentaati rasul, sesungguhnya ia telah mentaati Allh*", sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah menyerahkan urusan keagamaan (*fawwadh*) kepada Ali a.s, dan mengamanahkannya kepadanya, maka kamu telah menerimanya sedangkan orang ramai telah mengingkarinya. Lantaran itu, kami adalah antara kamu dan Allah. Allah tidak akan menjadikan kebaikan bagi seorang yang menyalahi perintah kami (*ma ja'ala i-Lahu li-ahadin min khairin fi khilafi amri-na*, kerana urusan kami adalah urusan Allah (*fa-inna amra-na amru l-Lahi*).

Muhammad bin Isa bin 'Ubaid, daripada al-Nadhar bin Suwaid, daripada Ali bin Samit, daripada Adim bin al-Hurr berkata: Musa bin Asyim telah bertanya Abu Abdullah a.s tentang ayat dari kitab Allah, dan aku hadir, maka beliau telah memberitahu ayat tersebut kepadanya. Kemudian seorang lelaki datang, lalu beliau bertanya Abu Abdullah a.s tentang ayat yang sama, maka beliau telah

236 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 260

memberitahunya kepadanya, tetapi ia menyalahi apa yang beliau telah memberitahu Musa bin Asyim, kemudian Musa bin Asyim berkata: Maka perasaan tidak puas hati telah timbul seolah-olah hatiku dihiris dengan pisau, dan aku berkata: Kami telah meninggalkan Abu Qatadah di Syam, beliau tidak menyalahi walaupun satu huruf. Sementara Abu Abdullah a.s telah menyalahi semua.

Manakala aku di dalam keadaan sedemikian, seorang lelaki yang lain datang kepadanya, lalu beliau bertanya kepadanya tentang ayat yang sama, lantas beliau telah memberitahu ayat tersebut kepadanya, tetapi ia menyalahi apa yang beliau telah memberitahu aku mengenainya, dan juga menyalahi apa yang beliau telah memberitahu kepada orang yang bertanya kepadanya selepas aku. Apa yang jelas kepada aku bahawa ia adalah suatu yang sengaja dilakukan olehnya (*ta'ammudan*).

Maka aku berkata kepada diri aku sesuatu, lalu Abu Abdullah a.s berpaling kepada aku dan berkata: Wahai Ibn Abu Asyim, janganlah anda melakukan begitu dan begini, maka ia jelas datang daripada percakapan diriku, kemudian beliau berkata: Wahai Ibn Asyim, sesungguhnya Allah telah memberi kuasa (*fauwadha*) kepada Sulaiman bin Daud, maka Dia berfirman di dalam Surah al-Sad (38):39 " *inilah anugerah kami, maka berikanlah atau tahanlah dengan tiada pertanggungan jawab*". Dan Dia telah memberi kuasa kepada Nabi-Nya s.a.w, maka Dia berfirman di dalam Surah al-Hasyr(59):7 " *Dan apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggallah*".

Apa yang Dia telah memberi kuasa kepada Nabi-Nya s.a.w, maka Dia telah memberi kuasa (*tafwidh*) kepada kami. Wahai Ibn Asyim, Allah berfirman di dalam Surah al-An'am (6):125 " *Barangsiapa yang Allah kehendaki memberi petunjuk kepadanya, nescaya Dia melapangkan dadanya kepada Islam. Dan barangsiapa yang Dikehendaki Allah kesesatannya Dia akan menjadikan dadanya sesak lagi sempit* " Adakah anda mengetahui apakah *al-Haraj* (sempit)? Aku berkata: Tidak, lalu beliau telah memasukkan anak-anak jari tangannya dengan kuat di mana sesuatu tidak akan keluar atau memasukinya[237].

Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Muhammad bin Sinan, daripada Abdullah bin Maskan berkata:Abu Abdullah a.s berkata: Tidak, demi Allah, sesungguhnya Allah tidak memberi kuasa (*fauwadha*) kepada seorang daripada makhluk-Nya melainkan kepada Rasulullah s.a.w, kemudian kepada para imam, maka Dia berfirman di dalam Surah al-Nisa' (4):105 " *Sesungguhnya kami telah menurunkan kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu*

[237] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, vii, 260

mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu " Iaitu berlaku kepada para wasi[474].

Muhammad bin Khalid al-Tayalasi, daripada al-Saif bin'Umairah, daripada Abu Bakr al-Hadhrami, daripada Rafid hamba Ibn Hubairah, berkata: Abu Abdullah a.s berkata: Apabila anda melihat al-Qaim memberi kepada seorang lelaki seribu dirham, dan beliau memberi kepada anda satu dirham, maka perkara tersebut janganlah membesar di dada anda, kerana urusan itu diberi kuasa kepadanya (*fa-inna al-Amra mufawwadhun ilai-hi*).

Muhammad bin Khalid al-Tayalasi, dan Muhammad bin al-Husain bin Abu al-Khattab, daripada Muhammad bin Sinan, daripada 'Ammar bin Marwan, daripada al-Makhal bin Jamil, daripada Jabir bin yazid, berkata: Aku telah membaca ke atas Abu Ja'far a.s satu ayat di dalam Surah Ali Imran (3):128 "*Tidak ada sedikitpun campur tanganmu dalam urusan mereka* " Beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah berhasrat bahawa Ali menjadi *wali al-Amri* selepasnya. Lantaran itu, Allah maksudkan "*Tidak ada sedikit pun campur tanganmu dalam urusan mereka* " Maka bagaimana beliau tidak boleh campur tangan sedikit pun di dalam urusan *wali al-Amr* sedangkan Allah telah memberi kuasa kepadanya? Maka beliau berkata: Apa yang telah dihalalkan oleh Nabi s.a.w, maka ia adalah halal, dan apa yang telah diharamkan oleh Nabi s.a.w, maka ia adalah haram.

Diriwayatkan bahawa Allah a.w mempunyai beberapa hamba-Nya yang istimewa. Dia menghidupkan mereka di dalam kesenangan, Dia mematikan mereka di dalam kesenangan dan Dia memasukkan mereka syurga di dalam kesenangan.

Di dalam satu doa: Wahai Tuhanku, Janganlah Engkau menjadikan kami orang-orang yang pertama, kemudian keluar agama, dan orang-orang yang terakhir, kemudian menjadi perosak. Dan jadilah kami di kalangan orang-orang yang sederhana.

Tentang Penciptaan Adam A.S Dan Zuriatnya Serta Perbezaan Kefakiran Dan Kekayaan

Hisyam bin Salim, daripada Habib al-Sajistani, berkata: Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya Allah apabila Dia mengeluarkan zuriat Adam a.s dari belakangnya untuk mengambil *al-Mithaq* (perjanjian) tentang ketuhanan-Nya, dan kenabian setiap nabi, maka orang pertama yang mengambil *al-Mithaq* tentang kenabian adalah Nabi Muhammad s.a.w, kemudian Allah berfirman kepada Adam a.s: Lihatlah, (*unzur*) beliau berkata: Maka Adam telah melihat kepada zuriatnya di dalam keadaan *dharrun* (atom?) telah memenuhi langit

[474] *Ibid*

(*mala'u al-sama'*). Adam berkata: Wahai Tuhanku, alangkah banyaknya zuriatku! (*ma akthara dhuriyyati*) Kerana urusan tertentu Engkau telah menciptakan mereka (*wa li-amrin ma khalaq-ta-hum*), apakah yang Engkau mahu daripada mereka dengan mengambil *al-Mithaq* ke atas mereka? Allah berfirman: "Mereka akan menyembah-Ku, mereka tidak akan mensyirikkan Aku dengan sesuatu, mereka beriman dengan para rasul-Ku dan mengikuti mereka".

Adam berkata: Wahai Tuhanku, kenapa aku melihat sebahagian *dharr* lebih besar daripada sebahagian yang lain, dan sebahagian mereka mempunyai cahaya yang banyak, dan sebahagian mereka mempunyai cahaya yang sedikit, dan sebahagian mereka tidak mempunyai cahaya? Allah berfirman: " Demikianlah Aku telah mencipta mereka bagi menguji mereka di dalam setiap keadaan (*li-abluwa-hum fi kulli halati-him*). Adam berkata: Wahai Tuhanku, adakah Engkau membenarkan aku bercakap, maka aku akan bercakap? Allah berfirman kepadanya: " Bercakaplah, kerana roh kamu adalah daripada roh-Ku, dan tabiat kamu adalah berlainan dengan kewujudan-Ku (*kainunati*). Adam berkata: Wahai Tuhanku, jika Engkau telah mencipta mereka di atas perkara yang sama, umur yang sama, dan rezeki yang sama, nescaya sebahagian mereka tidak akan menzalimi sebahagian yang lain, dan tidak ada di antara mereka perasaan hasad, kebencian dan pertengkaran di dalam sesuatu perkara.

Maka Allah berfirman: " Wahai Adam, dengan wahyu-Ku, Aku bercakap, dan dengan kelemahan tabiat kamu, maka aku mengenakan *taklif* apa yang kamu tidak mengetahuinya. Akulah Allah, Pencipta Yang Maha Mengetahui. Dengan keilmuan-Ku, Aku membezakan antara penciptaan mereka. Dengan kehendak-Ku, urusan-Ku berlalu kepada mereka, dan kepada takdir-Ku, dan tadbir-Ku mereka akan berakhir, tidak ada penukaran (*la tabdila*) bagi penciptaan-Ku. Sesungguhnya Aku telah menciptakan Jin dan manusia untuk menyembah-Ku. Aku telah menciptakan syurga bagi mereka yang telah menyembah-Ku, dan yang telah mentaati-Ku daripada mereka, dan mengikuti para rasul-Ku, dan Aku tidak peduli (*wa la ubali*).

Aku telah menciptakan neraka bagi mereka yang telah menderhaka kepada-Ku (*wa khalq-tu al-Nara li-man 'asa-ni*), tidak mengikuti para rasul-Ku, dan Aku tidak peduli. Aku telah menciptakan kamu, dan zuriat kamu tanpa keperluan-Ku kepada kamu, dan kepada mereka (*min ghairi faqati bi* ilai-*ka wa ilai-him*). Sesungguhnya Aku telah menciptakan kamu, dan Aku telah menciptakan mereka kerana menguji kamu, dan menguji mereka siapakah di kalangan kamu yang lebih baik amalan di dunia pada masa hidup kamu dan pada masa kematian kamu, demikianlah Aku telah menciptakan dunia dan akhirat, kehidupan dan kematian, ketaatan dan kemaksiatan, syurga dan neraka.

Demikianlah Aku kehendaki di dalam takdir-Ku dan tadbir-Ku Dan dengan keilmuan-Ku yang menyeluruh pada mereka, maka aku membezakan antara bentuk-bentuk mereka, jasad-jasad mereka, umur-umur mereka, rezeki-rezeki mereka, ketaatan mereka dan kemaksiatan mereka, maka Aku telah menjadikan daripada mereka yang bahagia, dan yang celaka, yang celik dan yang buta, yang pendek dan yang panjang, yang cantik dan yang hodoh, yang alim dan yang jahil, yang kaya dan fakir, yang taat dan yang derhaka, yang sihat dan yang sakit termasuk yang lumpuh dan yang tidak ada sebab kesakitannya, Justeru itu, yang sihat melihat kepada yang berpenyakit, maka ia memuji-Ku di atas kesihatannya. Sementara yang berpenyakit melihat kepada yang sihat, maka ia menyeru-Ku, dan memohon kepada-Ku kesihatannya atau ia bersabar di atas ujian-Ku.

Maka Aku akan memberinya ganjaran yang banyak (*jazila 'ata'i*). Dan yang kaya melihat kepada yang fakir, lalu ia memuji-Ku, dan bersyukur kepada-Ku. Sementara yang fakir melihat kepada yang kaya, lalu ia menyeru-Ku dan memohon kepada-Ku rezekinya, mukmin melihat kepada kafir, maka ia memuji-Ku di atas petunjuk-Ku, lantaran itu, Aku telah menciptakan mereka untuk menguji mereka di dalam kesenangan, kesusahan, kesihatan, pemberian, dan halangan. Aku adalah Allah, Raja dan Penguasa. Aku akan meneruskan segala kekuasaan-Ku menurut pentadbiran-Ku, Aku berhak untuk mengubah segala-galanya menurut kehendak-Ku, Aku mendahulukan apa yang Aku melewatkannya, dan sebaliknya Aku melewatkan apa yang Aku telah mendahulukannya. Aku adalah Allah, Pelaku kepada apa yang Aku kehendaki, Aku tidak akan ditanya apa yang aku buat, dan Aku akan bertanya kepada makhluk-Ku daripada apa yang mereka buat[239].

Tingkatan Dalam Warisan

Hisyam, daripada Yazid al-Kinasi, berkata: Abu Ja'far a.s berkata: Anak lelaki anda adalah lebih *aula* dengan anda daripada cucu lelaki anda, dan cucu lelaki anda adalah lebih *aula* daripada saudara lelaki anda, beliau berkata: Saudara lelaki anda seibu dan sebapa adalah lebih *aula* dengan anda daripada saudara lelaki anda sebapa. Beliau berkata: Saudara lelaki anda sebapa adalah lebih *aula* dengan anda daripada saudara lelaki anda seibu (*min ummu-ka*). Beliau berkata: Anak saudara lelaki anda daripada bapa anda, dan ibu anda adalah lebih *aula* dengan anda daripada anak saudara lelaki anda daripada bapa anda.

Beliau berkata: Anak saudara lelaki anda daripada bapa anda adalah lebih *aula* dengan anda daripada bapa saudara anda (*'ammi-ka*). Beliau berkata: Bapa saudara anda (*'ammu-ka*) daripada bapanya dan

---

239 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iii, 62

ibunya adalah lebih *aula* dengan anda daripada bapa saudara anda saudara bapa anda daripada bapanya. Beliau berkata: Bapa saudara anda (*'ammu-ka*) saudara lelaki bapa anda daripada bapanya adalah lebih *aula* dengan anda daripada sepupu anda (*bani 'ammi-ka*). Beliau berkata: Anak lelaki bapa saudara anda (sepupu); saudara lelaki bapa anda seibu dan sebapa adalah lebih *aula* dengan anda daripada anak lelaki bapa saudara (sepupu) anda; saudara lelaki bapa anda sebapa (*min abi-hi*). Beliau berkata: Anak lelaki bapa saudara anda (sepupu); saudara lelaki bapa anda seibu dan sebapa adalah lebih *aula* dengan anda daripada anak lelaki bapa saudara (sepupu)anda; saudara lelaki bapa anda seibu (*li-ummi-hi*)[240].

Barangsiapa Yang Mengingkari Hak Para Imam A.S Maka Kedudukannya seperti Iblis

'Umru bin Thabit berkata: Aku telah bertanya Abu Ja'far a.s tentang firman Allah s.w.t Surah al-Baqarah (2): 165 " *Dan di antara manusia ada orang-orang yang menyembah tandingan-tandingan (andadan) selain daripada Allah; mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah* ". Beliau berkata: Maka beliau berkata:Mereka, demi Allah, adalah pemimpin-pemimpin; polan dan polan, dan polan (Abu Bakr, Umar, dan Uthman). Mereka telah mengambil mereka bertiga sebagai para imam, tetapi bukan imam yang telah dijadikan oleh Allah untuk manusia sebagai imam. Justeru itu, Allah berfirman di dalam Surah al-Baqarah (2): 165-167 " *Dan jika seandainya orang-orang yang berbuat zalim itu mengetahui ketika mereka melihat seksa, bahawa kekuatan itu adalah kepunyaan Allah semuanya bahawa Allah amat berat seksa-Nya.Iaitu ketika orang-orang yang diikuti itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutinya; dan segala hubungan antara mereka terputus sama sekali. Dan berkatalah orang-orang yang mengikuti:" Seandainya kami dapat kembali (ke dunia), pasti kami akan berlepas diri dari mereka, sebagaimana mereka berlepas diri dari kami. Demikianlah Allah memperlihatkan kepada mereka amal perbuatan mereka menjadi sesalan bagi mereka; dan sekali-kali mereka tidak akan keluar dari api neraka*".Kemudian Abu Ja'far a.s berkata: Mereka, demi Allah, wahai Jabir, para imam yang zalim dan pengikut-pengikut mereka.

Abu al-Qasim al-Sya'rani secara *marfu'*, daripada Yunus bin Zabyan, daripada Abd al-Rahman bin al-Hajjaj, daripada al-Sadiq a.s berkata: Apabila al-Qaim menjalankan tugasnya, beliau akan datang ke dataran Kufah, dan memberi isyarat dengan tangannya kepada suatu tempat, kemudian berkata: Kamu gali dari sini, lalu mereka menggali, dan mengeluarkan dua belas ribu baju besi, dua belas ribu pedang, dan

---

[240] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, xxiv , 24

dua belas ribu topi besi. Setiap topi besi mempunyai dua muka. Kemudian beliau menyeru dua belas ribu lelaki daripada hamba-hamba Arab dan bukan Arab, lalu beliau memakaikan mereka pakaian seragam. Kemudian berkata: Barangsiapa yang tidak mempunyai pakaian seragam seperti kamu, maka bunuhlah ia (*man lam yakun 'alai-hi mithlu ma 'alai-kum fa-qtulu-hu*).

Al-Sadiq a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menjadikan kami hujah-hujah-Nya di atas makhluk-Nya, dan penyimpan amanah ilmu-Nya, maka barangsiapa yang mengingkari kami, maka kedudukannya seperti kedudukan Iblis (*fa-man jahada-na kana bi-manzilati Iblis*) di dalam kedegilannya kepada Allah ketika Dia telah memerintahnya supaya sujud kepada Adam, dan barangsiapa yang mengenali kami, dan mengikuti kami, maka kedudukannya seperti kedudukan para malaikat (*wa man 'arafa-na wa ittaba'a-na kana bi-manzilati al-Malaikati*) yang diperintahkan oleh Allah supaya sujud kepada Adam, maka mereka telah mentaati-Nya.

Mutiara Kata Dan Nasihat

Rasulullah s.a.w bersabda: Janganlah kamu duduk di sisi setiap orang alim yang menyeru kamu melainkan orang alim yang menyeru kamu daripada lima kepada lima: Daripada syak kepada yakin, daripada sombong kepada tawaduk, daripada riyak kepada ikhlas, daripada permusuhan kepada nasihat, dan daripada keinginan hawa nafsu kepada zuhud.

Musa bin Ja'far a.s berkata: Bercakap dengan seorang yang alim di atas timbunan tahi binatang di kawasan ternakan (*al-Mazbalah*) itu adalah lebih baik daripada bercakap dengan orang jahil di atas permaidani (*al-Zarabi*).

Seorang ahli falsafah berkata: Barangsiapa yang tidak memanfaatkan hikmat yang sedikit, maka hikmat yang banyak akan merosakkannya. Sesungguhnya kedudukan orang yang mendengar dengan dua telinganya apa yang tidak disedari oleh hatinya seperti kedudukan orang yang mencampakkan api di dalam air, lantaran itu, ia tidak akan mendapat hajatnya daripadanya.

Dan beliau berkata: Penyuburan jasad adalah makanan, dan penyuburan akal adalah kata-kata hikmat, apabila akal tidak ada penyuburnya, maka ia binasa seperti binasanya jasad ketika tidak ada makanan.

Beliau s.a.w bersabda: Perkukuhkan harta kamu dengan zakat, ubatilah kesakitan kamu dengan sedekah, hadapilah bala dengan doa, kerana harta tidak akan rosak sama ada di darat atau di laut melainkan dengan tidak mengeluarkan zakat.

Sebahagian para falsafah berkata: Sesungguhnya badan apabila ia sakit, maka makanan, minuman dan kerehatan tidak berguna lagi, demikian juga hati apabila cinta kepada dunia dikaitkan dengannya, maka sebarang nasihat tidak berguna lagi.

Allah berfirman kepada Daud: Wahai Daud, berwaspadalah dengan hati yang terpauk dengan syahwat dunia, akalnya terlindung daripada-Ku.

Salman r.a berkata: Sesungguhnya aku khuatir di atas kamu tiga perkara: Tergelincirnya seorang alim, perbahasan seorang munafik, dan dunia yang zalim.

Sebahagian para falsafah berkata: Di antara akhlak ahli syurga adalah empat: Muka yang tersenyum, lidah yang lembut, hati yang pemurah dan tangan yang memberi.

BAHAGIAN KEDUA BELAS

Wasiat Luqman, Salman al-Farisi, khutbah Rasulullah s.a.w, para nabi a.s menyeru kepada wilayah Ali a.s, kata-kata al- Sadiq a.s, hadis Abu Bakr al-Arjani, syurga dan lain-lain

Wasiat Luqman al-Hakim Kepada Anak Lelaki-nya

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Daripada al-Auza'i bahawa Luqman al-Hakim-*rahima-hu l-Lahu*-apabila keluar daripada negerinya, beliau tinggal di sebuah kampung di al-Mausil dikenali sebagai Kumlis. Beliau berkata: Manakala beliau telah berada di dalam kesusahan dan dukacita, dan tiada seorang pun yang membantunya di atas urusannya, beliau menutup pintu, dan memasukkan anak lelakinya memberi nasihat kepadanya, maka beliau berkata:

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya dunia adalah lautan yang dalam, telah binasa padanya manusia yang ramai.Bersedialah daripada amalannya, dan ambillah bahtera, pakaiannya takwa kepada Allah, kemudian naikilah gelombang bahtera, anda akan selamat dan sesungguhnya aku khuatir anda tidak akan selamat.

Wahai anak lelakiku, bahtera adalah iman, layarnya adalah tawakal. Penghuninya adalah kesabaran, pengayuhnya adalah puasa, solat, dan zakat.

Wahai anak lelakiku, barangsiapa yang menaiki laut tanpa bahtera, maka beliau akan tenggelam.

Kurangkan bercakap, ingatlah kepada Allah a.w pada setiap tempat, kerana Dia telah memberi amaran, dan peringatan kepada anda, membuat anda melihat dan mengajar anda.

Wahai anak lelakiku, ambillah nasihat orang ramai sebelum mereka mengambil nasihat anda.

Wahai anak lelakiku, ambillah nasihat dengan yang kecil sebelum yang besar mengambil nasihat anda.

Wahai anak lelakiku, kuasailah diri anda ketika marah sehingga anda tidak menjadikan Jahanam sebagai kayu api.

Wahai anak lelakiku, kefakiran itu adalah lebih baik daripada anda melakukan kezaliman.

Wahai anak lelakiku, jauhilah anda dari meminta berhutang, maka anda akan mengkhianati agama.

Wahai anak lelakiku, jauhilah dari meminta dihina, maka anda akan dihina.

Wahai anak lelakiku, jauhilah anda keluar dari dunia sebagai seorang fakir, anda meninggalkan urusan anda, dan harta anda di sisi orang lain untuk menilainya, kerana anda menjadikannya sebagai tuannya (amir).

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya Allah telah menggadaikan manusia dengan amalan mereka, maka neraka wail untuk mereka lantaran apa yang dilakukan oleh tangan-tangan mereka dan hati-hati mereka.

Wahai anak lelakiku, dunia tidak menjadi aman selama dosa-dosa dan syaitan berada padanya.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya orang-orang yang baik di kalangan orang-orang yang terdahulu telah diuji, maka bagaimana orang-orang yang terakhir akan selamat daripadanya?

Wahai anak lelakiku, jadikan dunia penjara anda, maka akhirat akan menjadi syurga anda.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya anda tidak dibebankan untuk mengangkat gunung, anda tidak dibebankan apa yang anda tidak mampu, janganlah anda membawa bala di atas bahu anda, dan janganlah anda membunuh diri anda dengan tangan anda.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya anda sebagaimana anda menanam anda akan mengetam, dan sebagaimana anda beramal anda akan dapat sesuatu.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda berjiran dengan raja-raja, maka mereka akan membunuh anda, dan janganlah anda mentaati mereka, maka anda akan menjadi kafir.

Wahai anak lelakiku, berjiranlah dengan orang-orang miskin, khususnya orang-orang fakir di kalangan muslimin.

Wahai anak lelakiku, jadilah kepada anak yatim sebagai bapa yang penuh kasihan belas, dan bagi ibu tunggal sebagai suami yang penyayang.

Wahai anak lelakiku, bukan setiap orang yang berkata: Wahai Tuhanku, ampunilah aku diampuni, sesungguhnya Dia tidak akan mengampuni melainkan orang yang beramal kerana mentaati Tuhannya.

Wahai anak lelakiku, jiran dahulu kemudian rumah. Wahai anak lelakiku, teman sebelum berjalan.

Wahai anak lelakiku, sekiranya rumah tidak didirikan dengan gopoh, nescaya seorang lelaki itu tidak akan berjiran dengan jiran yang jahat.

Wahai anak lelakiku, berseorangan itu lebih baik daripada sahabat yang jahat.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya sahabat yang baik itu adalah lebih baik dari berseorangan.

Wahai anak lelakiku, memindahkan batu dan besi itu adalah lebih baik daripada sahabat yang jahat.

Wahai anak lelakiku, aku telah memindahkan batu dan besi, maka aku tidak dapati sesuatu yang lebih berat daripada sahabat yang jahat.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya orang yang bersahabat dengan sahabat yang jahat tidak akan selamat. Dan barangsiapa yang memasuki tempat-tempat jahat akan dituduh.

Wahai anak lelakiku, barangsiapa yang tidak menahan lidahnya akan menyesal.

Wahai anak lelakiku, orang yang membuat baik akan dibalas dengan ihsannya, dan orang yang jahat akan mencukupi anda dengan keaibannya, jika anda berusaha keras untuk melakukan lebih banyak daripada apa yang dilakukannya dengan dirinya, maka anda tidak mampu melakukannya ke atasnya.

Wahai anak lelakiku, siapakah yang menyembah Allah, maka Dia menghinanya, dan siapakah yang mencari-Nya, maka beliau tidak mendapati-Nya?

Wahai anak lelakiku, siapakah yang telah menyebut-Nya, maka Dia tidak menyebutnya, dan siapakah yang telah bertawakal kepada Allah, maka Dia telah menyerahkannya kepada orang lain, dan siapakah yang telah merendah diri kepada-Nya, maka Dia tidak memberi rahmat-Nya?

Wahai anak lelakiku, bermesyuaratlah dengan orang tua, dan janganlah pula terasa malu bermesyuarat dengan orang muda.

Wahai anak lelakiku, jauhilah bersahabat dengan orang-orang yang fasiq, mereka sepertilah anjing-anjing, kerana jika mereka mendapati sesuatu di sisi anda, mereka akan memakannya jika tidak mereka akan mencela anda dan menghina anda. Sesungguhnya cinta di kalangan mereka adalah sejenak.

Wahai anak lelakiku, bermusuhan dengan mukminin itu adalah lebih baik daripada bersahabat orang yang fasiq.

Wahai anak lelakiku, jika anda menzalimi mukmin, maka beliau tidak akan menzalimi anda, anda menuntut ke atasnya, maka beliau meredai anda, sementara orang fasiq Allah tidak menjaganya, maka bagaimana beliau akan menjaga anda.

Wahai anak lelakiku, jika banyak berkawan, maka anda tidak aman daripada musuh, kerana dengki di dada mereka seperti air di bawah abu.

Wahai anak lelakiku, mulailah salam kepada orang ramai, dan berjabat tangan sebelum bercakap.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda berebut-rebut dengan orang ramai, maka mereka akan memarahi anda, janganlah anda menguasai mereka, nescaya mereka akan menghina anda. Jangan jadi manis, maka mereka akan memakan anda dan janganlah jadi pahit, nescaya mereka akan membuang anda.

Wahai anak lelakiku, takutkan Allah sehingga anda tidak berputus asa daripada nikmat-Nya, dan berharaplah kepada-Nya sehingga anda tidak aman daripada "helah-Nya."

Wahai anak lelakiku, tegahlah diri anda daripada hawa nafsu, kerana jika anda tidak menegah nafsu anda daripada hawanya, anda tidak akan memasuki syurga.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya semenjak anda turun daripada perut ibu anda, anda telah berdepan dengan akhirat, dan membelakangi dunia, kerana anda jika anda mendapati masa depannya adalah lebih baik dari membelakanginya.

Wahai anak lelakiku, tinggallah tabiat suka memaksa, dan sombong, serta kemegahan diri, maka anda akan berjiran dengan Iblis di rumahnya.

Wahai anak lelakiku, ketahuilah sesungguhnya barangsiapa yang berjiran dengan Iblis, akan terjatuh di rumah kehinaan, beliau tidak mati dan hidup padanya.

Wahai anak lelakiku, celakalah bagi orang bersifat ingin berkuasa, dan sombong, bagaimana seorang yang dijadikan daripada tanah membesar diri, dan kepada tanah beliau kembali, kemudian beliau tidak mengetahui kepada syurga beliau masuk, maka beliau mendapat kemenangan atau kepada neraka beliau masuk, maka beliau telah rugi besar. Bagaimana merasa sombong orang yang datang dari lubang kencing dua kali.

Wahai anak lelakiku, bagaimana anak Adam tidur sedangkan mati menuntutnya, bagaimana beliau lupa sedangkan beliau tidak dilupai.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya orang pilihan Allah, kekasih-Nya, dan para nabi-Nya a.s telah mati, dan orang yang jauh daripada mereka di kekalkan , kemudian ditinggalkan.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda bersetubuh dengan hamba perempuan anda sekalipun ia menakjubkan anda, tegahlah nafsu anda daripadanya dan bernikahlah dengannya.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda mendedahkan rahsia anda kepada isteri anda, dan janganlah anda jadikan majlis anda di pintu rumah anda.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya perempuan dijadikan daripada tulang rusuk yang bengkuk. Jika anda membetulkannya, nescaya ia akan pecah, dan jika anda tinggalkannya, maka ia akan terus bengkuk. Lantaran itu, biarlah mereka tinggal di rumah. Jika mereka melakukan kebaikan, maka terimalah kebaikan mereka. Dan jika mereka

melakukan kejahatan, maka bersabarlah kerana itu adalah suatu yang perlu kepada kecekalan.

Wahai anak lelakiku, perempuan ada empat jenis: Dua baik dan dua dilaknati. Adapun salah satu daripada yang baik itu adalah yang mulia pada kaumnya, tetapi hina pada dirinya; apabila diberi, beliau berterima kasih, dan jika diuji, maka ia bersabar, sedikit di tangannya adalah banyak, dan baik di dalam rumahnya. Kedua: Yang penyayang, dan beranak (*al-Wadud al-walud*), ia merujukkan kebaikan kepada suaminya. Beliau adalah seperti ibu yang penyayang, mengasihi yang besar mereka, dan penyayang kepada yang kecil mereka, mencintai anak suaminya sekalipun mereka bukan daripadanya, kebaikan yang menyeluruh, meredai suaminya, baik pada dirinya, keluarga , harta dan anak. Beliau adalah seperti emas merah, maka beruntunglah bagi orang yang dikurniakannya.

Jika beliau berada bersama suaminya, beliau membantunya, dan jika suaminya tidak ada, beliau menjaganya. Adapun salah satu daripada yang dilaknati adalah yang merasa besar pada dirinya, hina pada kaumnya; apabila diberi, beliau memarahi, dan apabila ditegah, maka beliau mencaci, dan memarahi. Suaminya tidak senang dengannya sedangkan jirannya senang dengannya, maka beliau adalah seperti singa, jika anda berjiran dengannya, maka beliau akan memakan anda, dan jika anda melarikan diri daripadanya, maka beliau akan membunuh anda, dan yang kedua dilaknati adalah apabila beliau berada di sisi suaminya, beliau cenderung kepada jirannya, cepat marah, dan cepat menangis, jika berada bersama suaminya, maka beliau tidak dapat manfaatkannya. Dan jika suaminya tidak ada di rumah, maka beliau mengejinya, beliau adalah seperti tanah yang kering apabila dicucuri air, ia akan melimpah dan tenggelam, dan jika ia ditinggalkan, maka ia akan kering kembali, dan jika beliau mendapat anak, maka beliau tidak akan manfaatkannya.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda berkahwin dengan hamba perempuan anda, nanti anak anda dijual di hadapan anda sedangkan ia adalah perbuatan anda sendiri.

Wahai anak lelakiku, sekiranya perempuan dirasai seperti arak, nescaya lelaki tidak akan mengahwini perempuan jahat selama-lamanya.

Wahai anak lelaki ku, berbuat baik kepada orang yang telah berbuat jahat kepada anda, dan janganlah anda mengejar dunia, kerana anda di dalam kelalaian kepadanya, sebaliknya lihatlah ke mana anda akan pergi.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda memakan harta anak yatim, pada hari Kiamat anda akan didedahkan keburukan anda dan dibebankan supaya mengembalikannya kepadanya.

Wahai anak lelakiku, jika seorang dapat mengelakkan diri nya daripada orang lain, nescaya anak dapat mengelakkan dirinya daripada bapanya.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya neraka meliputi alam sejagat, lantaran itu, seorang itu tidak dapat melepaskan dirinya daripadanya melainkan orang yang dirahmati Allah, dan hampir dirinya kepada-Nya.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda terpedaya dengan lidah yang jahat, kerana ia tertulis di hatinya di mana anggota badanya akan bercakap, dan menjadi saksi terhadapnya.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda mencaci orang ramai, justeru itu anda akan mencaci kedua ibu bapa anda.

Wahai anak lelakiku, janganlah kebaikan anda menakjubkan anda, dan janganlah anda membesar-besarkan perbuatan baik anda, nescaya anda binasa.

Wahai anak lelakiku, dirilah solat, perintahlah keluarga anda melakukan kebaikan, melarang kemungkaran, dan bersabarlah di atas apa yang telah menimpa anda, kerana itu adalah daripada perkara yang perlu kepada kecekalan.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda melakukan syirik kepada Allah, kerana syirik adalah kezaliman yang besar.

Wahai anak lelakiku, janganlah anda berjalan di bumi dengan angkuh, kerana anda tidak dapat mencarikan bumi dan tidak dapat mengatasi bukit yang panjang.

Wahai anak lelakiku, setiap hari anda akan didatangi hari baru. Ia akan menyaksikan anda di sisi Tuhan Yang Mulia.

Wahai anak lelakiku, anda akan dimasukkan ke dalam kapan anda, di kubur anda dan amalan anda akan menjadi penentu anda.

Wahai anak lelakiku, bagaimana anda menduduki rumah orang yang anda memarahinya? Atau bagaimana anda berjiran dengan orang yang anda menderhakanya?

Wahai anak lelakiku, tinggalkan apa yang tiada kaitan dengan anda, dan teruskan apa yang ada kaitan dengan anda, kerana yang sedikit daripadanya akan mencukupi anda. Sementara yang banyak daripadanya tiada kaitan dengan anda.

Wahai anak lelaki ku, janganlah anda benarkan diri anda dipengaruhi oleh orang lain dan janganlah anda mewariskan harta anda kepada musuh anda.

Wahai anak lelakiku, sesungguhnya halal yang sedikit dikira, bagaimana dengan haram yang banyak?

Wahai anak lelaki ku, elakkan melihat kepada apa yang anda tidak memilikinya, dan panjangkan tafakur anda pada malakut langit dan malakut bumi, gunung, dan segala ciptaan Allah, maka ia adalah cukup untuk menjadi penasihat hati anda.

Wahai anak lelaki ku, terimalah nasihat bapa yang penuh kasih sayang.

Wahai anak lelakiku, beramallah dengan ilmu anda sebelum datang ajal anda, sebelum bukit dipaksa berjalan dan dihimpunkan matahari dan bulan.

Wahai anak lelaki, sesungguhnya hari Kiamat adalah hari langit dan bumi dilipat, malaikat turun bersaf-saf takut kepada Tuhan, sementara anda dibebankan supaya melintasi titian, amalan anda menjadi penentu, dan diletakkan di atas timbangan dan disebarkan keputusannya.

Wahai anak lelaki, anda telah mempelajari tujuh ribu ilmu hikmat, maka jagalah empat daripadanya, nescaya anda akan bersama aku di syurga:

Kuasailah bahtera anda, kerana lautan adalah dalam, ringankan muatan anda, kerana rintangan adalah banyak, gandalah bekalan, kerana perjalanan adalah jauh, dan ikhlaslah di dalam amalan anda, kerana pengkritik sedang memerhatikan anda[241].

Kelebihan Salman al-Farisi

Berita telah sampai kepada aku bahawa Salman-r.a-telah memasuki majlis Rasulullah s.a.w pada suatu hari, lalu mereka telah menghormatinya, dan mengutamakannya kerana haknya, usianya, dan keistimewaannya dengan Rasulullah s.a.w dan keluarganya, maka Umar telah datang, dan melihat kepadanya sambil berkata: Siapakah orang asing ini yang terserlah di hadapan Arab? Maka Rasulullah s.a.w menaiki mimbar dan bersabda: Sesungguhnya manusia semenjak Adam kepada hari kita ini seperti gigi sisir (*asnan al-Musyti*), tiada kelebihan di antara Arab dan bukan Arab, tiada kelebihan bagi yang merah di atas yang hitam melainkan dengan takwa, Salman adalah lautan yang tidak akan kering, simpanan yang tidak akan habis, Salman adalah di kalangan kami Ahlu l-Bait, Salman dikurniakan hikmat, dan hujah.

Beliau berkata: Salman dan Ja'far al-Tayyar telah disebut di hadapan Ja'far al-Sadiq a.s ketika itu beliau sedang bertongkat. Sebahagian mereka telah melebihkan Ja'far al-Tayyar ke atas Salman, dan Abu Basir berada di sana, sebahagian mereka berkata: Salman dahulu adalah seorang beragama majusi, kemudian memeluk Islam, maka Abu Abdullah a.s terus duduk di dalam keadaan marah dan berkata: Wahai Abu Basir, sesungguhnya Allah telah menjadikannya seorang *'alawi* selepas beliau pada lahirnya seorang majusi, dan Dia telah menjadikannya seorang Quraisy selepas beliau menjadi seorang farsi, maka selawat Allah ke atas Salman. Adapun Ja'far al-Tayyar

---

241 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, v, 325

baginya keadaan tertentu di sisi Allah, beliau berterbang bersama malaikat di syurga.

Abu Abdullah al-Barqi berkata: Aku telah berjumpa dengan Abu Ghaith al-Isfahani, dan beliau adalah di kalangan sahabat Dhirar, maka aku berkata kepadanya: Apakah hujah anda ke atas orang yang menyalahi anda? Beliau berkata: Ijmak, maka aku berkata: Beliau tidak memahami masalah, maka aku telah mengulanginya selama tiga kali, dan setiap kali beliau berkata: Ijmak, maka aku berkata kepadanya: Kenapa anda tidak faham? Beliau berkata kepadaku: Bagaimana begitu? Aku berkata: Aku telah bertanya kepada anda tentang hujah bagi orang yang menyalahi anda, aku berkata: Jika ijmak maka seorang pun tidak akan menyalahi anda, beliau berkata: Aku akan kembalikan kepada anda. Maka aku berkata: Tambah lagi, maka beliau berkata: Apakah hujah anda ke atas orang yang menyalahi anda?

Maka aku berkata: Seorang lelaki amanah yang disucikan, seorang yang alim, tidak sesat dan menyesatkan, tidak bersalah, dan tidak jahil, orang ramai memerlukan kepadanya sedangkan beliau tidak memerlukan mereka kerana Allah telah menjadikan di sisinya ilmu, dan kelebihan. Beliau berkata: Ini tidak ada pada umat, maka aku berkata: Tidakkah jika beliau ada pada umat ini lebih baik? Beliau berkata: Ya, tetapi ia tidak ada pada umat ini. Aku berkata kepadanya: Apakah yang membuat anda berkata sedemikian bahawa ia tidak ada pada umat ini, atau Allah tidak menciptakan seumpamanya untuk kebaikan makhluk-Nya sedangkan anda tidak pernah memeriksa semua makhluk. Anda tidak pernah melintasi daratan, lautan, pantai, gunung, dan anda tidak mengetahui pilihan kebaikan daripada kejahatan, maka daripada manakah hujah anda sedangkan anda jahil dengan makhluk-Nya?

Beliau berkata: Abu al-Hasan al-Basri berkata: Kasihan manusia, tersembunyi ajalnya, menjadi tawanan kelaparan, menjadi gadaian kenyang, sesungguhnya orang yang boleh disakiti pepijat, dibusukkan oleh peluh, dan dibunuh oleh lubang, adalah lemah.

Beliau berkata: Seorang lelaki telah datang kepada Ali bin al-Husain a.s mengadu keadaannya, maka beliau berkata: Kasihan manusia, setiap hari menghadapi tiga musibat, jika dikira satu musibat sahaja, nescaya perkara dunia menjadi kecil, adapun musibat yang pertama: Pada setiap hari umurnya berkurangan, dan beliau berkata: Jika beliau mendapati hartanya berkurangan, maka beliau berdukacita tentangnya, dirham meninggalkannya dan umur pula ia tidak dapat mengembalikannya. Musibat kedua: Beliau menerima rezekinya, dan jika rezekinya halal, maka ia akan dihisab, dan jika ia haram, maka ia akan diseksa, beliau berkata: Musibat yang ke tiga adalah lebih besar lagi, ada orang bertanya: Apakah ia? Tiada satu hari yang berlalu melainkan ia mendekati akhirat, pengembaraan yang beliau tidak mengetahui sama ada ke syurga atau ke neraka.

Beliau berkata: Hari yang paling besar kepada manusia adalah hari beliau dilahirkan daripada ibunya.

Khutbah Terakhir Rasulullah S.A.W

Beliau berkata: Rasulullah s.a.w telah berkhutbah manakala beliau mahu keluar ke Tabuk dan bersabda: Selepas beliau memuji Allah dan bersyukur kepada-Nya, wahai manusia sesungguhnya percakapan yang paling benar adalah kitab Allah, dan ikatan yang paling kuat adalah kalimah takwa, sebaik-baik agama adalah agama Ibrahim a.s, dan sebaik-baik sunnah adalah sunnah Muhammad. Dan percakapan yang paling mulia adalah menyebutkan Allah (*dhikr Allah*), dan sebaik-baik cerita adalah al-Qur'an, sebaik-baik perkara adalah yang asli (benar), dan sejahat-jahat perkara adalah yang bid'ah, sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk para nabi dan sebaik-baik pembunuhan adalah pembunuhan syahadah.

Dan yang paling buta adalah kesesatan selepas petunjuk, sebaik-baik amalan adalah apa yang manfaatkannya, sebaik-baik petunjuk adalah yang diikuti (dan diredai Allah). Dan sejahat-jahat buta adalah buta hati. Tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah. Apa yang sedikit dan mencukupi itu adalah lebih baik daripada perkara yang banyak, tetapi melalaikan. Sejahat-jahat keuzuran adalah ketika mati datang, sejahat-jahat penyesalan adalah pada hari Kiamat. Sebahagian manusia tidak datang Jumaat melainkan setelah diberi peringatan. Di kalangan mereka menyebut Allah sepintas lalu. Kesalahan yang paling besar adalah lidah pembohong. Sebaik kekayaan adalah kekayaan diri, sebaik-baik bekalan adalah takwa, punca hikmat adalah takutkan Allah, sebaik-baik apa yang dicampak ke hati adalah keyakinan, dan syak akan membawa kepada kekafiran.

Ratapan yang melampau adalah daripada amalan jahiliah. Khianat adalah daripada api neraka Jahanam atau kemabukan adalah daripada api neraka, syair adalah daripada Iblis, arak adalah pengumpul segala dosa, perempuan adalah daripada kesamaran Iblis, perasaan muda adalah cabang daripada kegilaan, sejahat-jahat pendapatan adalah pendapatan riba, sejahat-jahat makanan adalah memakan harta anak yatim, orang yang bahagia adalah orang yang menerima nasihat orang lain, orang yang celaka adalah orang yang celaka di dalam perut ibunya, sesungguhnya seorang daripada kamu akan sampai ke tempat empat hasta, dan urusan terakhirnya.

Pemilik amalan adalah dikira akhirnya, pembohongan adalah riba yang paling meningkat, setiap yang datang adalah dekat, celaan mukmin adalah fasiq, pembunuhan mukmin adalah kafir, memakan dagingnya adalah maksiat, kehormatan hartanya adalah seperti kehormatan darahnya, barangsiapa yang menentang Allah, akan membohonginya,

barangsiapa yang memaafinya, Allah akan memaafinya. Barangsiapa yang memendamkan kemarahan, akan diberi ganjaran oleh Allah, barangsiapa yang bersabar di atas bala, akan digantikan oleh Allah. Barangsiapa yang mencari nama, akan "didengari" Allah. Barangsiapa yang buta, maka Dia akan memperlihatkannya. Barangsiapa yang menderhaka Allah, akan diseksa oleh Allah, wahai Tuhanku, ampunilah aku dan umat aku, wahai Tuhanku, ampunilah aku dan umat aku, dan aku memohon istighfar untuk aku dan kamu.

Kata-Kata al-Sadiq A.S: Janganlah Anda Berkata: Ama'a'aah

Ibn Mahbub daripada al-Fadhl bin Yunus al-Katib: Beliau berkata: Abu al-Hasan Musa bin Ja'far bin Muhammad a.s telah berkata kepadaku: Sampaikanlah kebaikan, katalah kebaikan, dan janganlah anda menjadi *ama'a'aah*, aku berkata : Apakah itu *ama'a'aah*? Beliau berkata: Anda berkata: Aku bersama orang ramai, dan aku adalah seperti seorang daripada orang ramai sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai manusia, sesungguhnya di sana terdapat dua perkara: Perkara yang baik dan perkara yang jahat. Apakah gerangan perkara yang jahat kamu lebih mencintai daripada perkara yang baik?

Para Nabi Menyeru Kepada Wilayah Ali Bin Abu Talib

Ahmad bin Muhammad bin Isa, daripada al-'Abbas bin Ma'ruf, daripada Abdullah bin al-Mughirah al-Khzzaz, daripada Abu Hafs al-'Abdi, daripada Abu Harun al-'Abdi, daripada Abu Sa'id al-Khudri berkata: Aku telah melihat Rasulullah s.a.w, dan aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Wahai Ali, sesungguhnya Allah tidak mengutus seorang nabi melainkan Dia menyerunya kepada wilayah anda sama ada secara sukarela atau paksaan (*ma ba'atha l-Lahu nabiyyan illa wa qad da'a-hu ila wilayati-ka ta'i'an au karihan*).

Hadis Abdullah bin Abu Bakr al-Arjani Bersama Abu Abdullah A.S

Daripadanya, daripada bapanya, dan al-'Abbas bin Ma'ruf, daripada Abdullah bin al-Mughirah berkata: Abdullah bin Abd al-Rahman bin al-Assam telah memberitahuku, daripada Abdullah bin Bakr al-Arjani berkata: Aku telah menemani Abu Abdullah a.s di perjalanan Makkah ke Madinah, maka beliau telah bermalam di di satu tempat bernama 'Asfan, kemudian kami telah melalui di Jabl Aswad ke arah kanan yang menakutkan (*wahsyun*).

Maka aku berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah s.a.w, alangkah bukit ini menakutkan! Aku tidak pernah melihat di dalam perjalanan aku sebuah bukit yang lebih menakutkan? Maka beliau berkata: Wahai

Ibn Bakr, adakah anda mengetahui bukit manakah ini? Aku berkata: Tidak, beliau berkata: Bukit ini bernama al-Kamd iaitu terletak di atas salah satu lembah daripada lembah-lembah Jahanam, di dalamnya pembunuh-pembunuh bapa aku al-Husain bin Ali a.s, berlari di bawahnya air neraka Jahanam yang panas, mereka tidak akan keluar daripada Jahanam, daripada tempatnya, daripada dosa-dosa, daripada tanah Khubal, daripada Ladha, daripada al-Hatamah, daripada Saqar, daripada Jahim, daripada al-Hawiyah, daripada Sa'ir. Aku tidak melalui bukit ini melainkan aku melihat mereka berdua[242] sedang memohon pertolongan daripada aku, dan merendah diri kepada aku, dan sesungguhnya aku sedang melihat kepada pembunuh-pembunuh bapa aku, maka aku berkata kepada mereka berdua: Sesungguhnya mereka itu telah melakukan kepada kami apa yang mereka telah melakukannya.

Sementara kamu berdua telah meletakkan asas tersebut tanpa kasihan belas kepada kami (*assastu-ma wa lam tarhamu-na*) manakala kamu memerintah, kamu telah membunuh kami, menghalang kami, merampas hak kami, kamu telah mengguna kekerasan terhadap kami. Maka Allah tidak akan memberi rahmat-Nya kepada orang yang mengasihani kamu berdua apa yang kamu telah melakukannya. Allah tidak akan menzalimi hamba-hamba-Nya, dan yang paling merendah diri kepada aku adalah yang kedua. Kemungkinan aku berdiri kerana ingin menyenangkan apa yang terlintas di hatiku, kemungkinan aku melipatkan bukit al-Kamd di mana mereka berdua berada di dalamnya aku berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, apabila anda melipatkan bukit itu apakah yang anda akan mendengarnya? Beliau berkata: Aku mendengar suara mereka sedang menyeru: Datang kepada kami, kami akan berbicara dengan anda, kami sedang bertaubat, tiba-tiba aku mendengar laungan dari bukit berkata:Janganlah anda bercakap dengan mereka, dan berkatalah kepada mereka: Diamlah padanya, dan janganlah kamu bercakap.

Aku berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, siapakah bersama mereka berdua? Beliau berkata: Setiap Fir'aun yang menentang Allah sebagaimana diceritakan oleh Allah. Setiap orang yang telah mengajari hamba-hamba-Nya kekufuran, aku berkata: Siapakah mereka? Beliau berkata: Seperti Qurus yang telah mengajar orang-orang Yahudi bahawa 'Uzair adalah anak lelaki Tuhan, seperti Nustur yang telah mengajar orang-orang Nasrani bahawa al-Masih adalah anak lelaki Tuhan, dan berkata kepada mereka: Mereka adalah tiga, seperti Fir'aun Musa yang berkata: Aku adalah Tuhan Yang Maha Tinggi. Seperti al-Nimrud yang berkata: Akulah yang telah memaksa penghuni bumi dan aku telah membunuh mereka yang di langit, pembunuh Amir

---

[242] Abu Bakr dan Umar

al-Mukminin a.s, pembunuh Fatimah a.s, pembunuh al-Muhsin, pembunuh al-Hasan dan al-Husain a.s.

Adapun Mu'awiyah dan 'Umru bin al 'As mereka berdua tidak tamak untuk dibebaskan. Dan bersama mereka adalah setiap orang yang melakukan permusuhan terhadap kami (*kullu man nasaba la-na al-'Adawata*), menentang kami dengan lidahnya, dan tangannya, maka aku berkata: Aku telah menjadikan diri aku tebusan anda, di manakah penghabisan bukit ini? Beliau berkata Kepada bumi yang ke enam dan padanya Jahanam iaitu di atas satu lembah daripada lembah-lembah Jahanam. Dan di atasnya para malaikat yang menjaganya di mana bilangannya lebih banyak daripada bilangan bintang di langit, titisan hujan, dan bilangan air laut. Allah telah mewakilkan setiap malaikat dengan tugasnya, lalu mereka menjaganya, tanpa mengabaikannya

Kitab Sifat Syurga Dan Neraka

Bismillahi r- Rahmani r- Rahim

Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Isa telah memberitahuku, berkata: Sa'id bin Jinah telah memberitahuku, daripada 'Auf bin Abdullah al-Azadi, daripada sebahagian sahabatnya, daripada Abu Abdullah a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Apabila Allah t.w.t mahu mencabut roh mukmin, maka Dia berfirman: Wahai malaikat maut! Pergilah kamu dan pembantu-pembantu kamu kepada hamba-Ku, sudah lama dia telah memenatkan dirinya kerana-Ku, maka bawalah ke sini rohnya supaya ia berehat di sisi-Ku, lantas malaikat maut mendatanginya dengan muka yang baik, pakaian yang baik, dan bauan yang wangi. Dia berdiri di pintu tanpa meminta izin penjaga pintu, tidak melintasi hijab, tidak memecahkan pintu, bersamanya lima ratus pembantu, dan bersama mereka bauan yang mewangikan seraya berkata: *As Salamu alaika ya waliyya l-Lah*, bergembiralah kerana Tuhan anda memberi salam kepada anda, dan sesungguhnya Dia meredai anda tanpa sebarang kemarahan, dan bergembiralah dengan roh dan *raihan* dan syurga Na'im.

Beliau berkata: Adapun roh, maka ia berehat dari dunia dan balanya, dan *raihan* adalah daripada segala bauan syurga, lalu diletaknya di dagunya, maka bauannya akan sampai kepada rohnya, lantaran itu, dia di dalam keadaan rehat sehingga Dia mengeluarkan dirinya, kemudian Ridhwan penjaga syurga akan mendatanginya, lalu dia memberi minuman dari syurga di mana dia tidak akan terasa dahaga di kuburnya, dan pada hari Kiamat, akan memasuki syurga di dalam keadaan gembira (*rayyanan*), dan dia akan berkata: Wahai malaikat maut, kembalikan rohku sehingga ia mengimbangi jasadku dan jasadku mengimbangi rohku. Beliau berkata: Malaikat maut berkata: Setiap

satu daripada kamu akan mengimbangi di antara satu sama lain, maka roh berkata: Allah memberi ganjaran kepada anda daripada jasad sebaik-baik ganjaran. Aku telah bersegera di dalam mentaati-Nya, dan melambatkan di dalam melakukan kemaksiatan kepada-Nya, maka Allah telah memberi ganjaran kepadaku daripada kebaikan jasadku sebaik-baik ganjaran, maka ke atas anda sebaik-baik salam sehingga hari Kiamat, dan jasad pula akan berkata kepada roh perkara yang sama.

Beliau berkata: Malaikat maut akan melaung kepada roh yang baik, wahai roh ang baik, keluarlah anda dari dunia dalam keadaan beriman, dirahmati dan senang hati. Beliau berkata: Malaikat telah berlembut dengannya, segala kesusahannya diatasi, dan dipermudahkan segala-galanya untuknya, maka jadilah dia seekor " binatang " yang kekal (*sara la-hayawan al-Khuld*). Beliau berkata: Kemudian Allah mengutus untuknya beberapa barisan para malaikat yang tidak mengambil nyawanya, maka mereka berdiri di dalam barisan yang teratur di antara rumahnya dan kuburnya, mengucap istighfar untuknya, dan memberi syafaat untuknya. Beliau berkata: Malaikat maut menyambutnya, dan memberi khabar gembira di pihak Allah dengan penuh kehormatan, dan kebaikan sebagaimana seorang bayi bergurau dengan ibunya, kemudian dia mencucurinya dengan minyak dan bauan yang menyenangkan jiwa.

Beliau berkata: Apabila nyawanya sampai di halkum, maka dua malaikat yang menjaganya berkata: Wahai malaikat maut, berlembutlah dengan sahabat kami, maka dia adalah sebaik-baik saudara lelaki, dan sebaik-baik orang yang duduk, dia tidak melakukan apa yang dimurkai Allah. Apabila rohnya keluar, maka ia akan keluar dengan gembira dan diikuti dengan bauan di syurga, dinaikkan ke langit dunia, beliau berkata: Pintu-pintu langit dibuka untuknya, dan penjaga-penjaga pintu berkata: Allah telah menghidupkannya dengan jasadnya, amalannya yang soleh melalui kami dan kami mendengar kemerduan suaranya dengan al-Qur'an.

Beliau berkata: Pintu-pintu langit dan penjaga-penjaganya menangis kerana kehilangannya, dan berkata: Wahai Tuhanku, hamba Engkau ini mempunyai amalan yang soleh, kami mendengar kemerduan suaranya membaca al-Qur'an, lalu mereka berkata: Utuslah kepada kami seorang hamba mengganti tempatnya membaca al-Qur'an supaya dia memperdengarkannya kepada kami, maka Allah akan melakukan apa yang Dia kehendaki, maka para malaikat langit akan menyambutnya, memohon syafaat, dan beristighfar untuknya, maka Allah akan berfirman: Rahmat-Ku ke atasnya melalui roh, lalu roh-roh mukminin berjumpa dengannya seperti seorang yang hilang berjumpa dengan sahabatnya. Lalu sebahagian mereka berkata: Tinggalkan roh ini sehingga ia sedar, kerana ia telah keluar daripada dukacita yang besar, sekarang ia berehat. Mereka menyambutnya, dan bertanya

kepadanya, dan berkata: Apakah yang telah dilakukan oleh polan dan polan? Jika dia telah mati, mereka menangis dan meminta supaya ia dikembalikan, dan mereka berkata: Kami daripada Allah dan kepada-Nya kami kembali.

Beliau berkata: Beliau berkata: Allah berfirman: Kembalikannya kepadanya, maka daripadanyalah Aku telah menciptakan mereka, dan padanyalah Aku mengembalikan mereka, dan daripadanya Aku mengeluarkan mereka pada kali yang lain pula, beliau berkata: Apabila dibawa di atas kerandanya, maka malaikat menyegarkannya kembali, dan mempertahankannya daripada syaitan yang sedang melihat kepadanya dari jauh, tetapi syaitan tiada kuasa ke atasnya. Apabila mereka membawanya ke kubur, setiap tanah perkuburan bertukar menjadi hijau untuknya, dan berkata: Wahai Tuhanku, jadilah ia di perut aku.

Beliau berkata: Maka ia akan dibawa pada tempat di mana Allah telah menetapkannya untuknya, dan apabila ia diletakkan di lubang lahadnya, maka dijelmakan kepadanya bapanya, ibunya, isterinya, anaknya, dan saudara-saudaranya, beliau berkata: Dia akan berkata kepada isterinya: Apakah yang membuat anda menangis? Beliau berkata: Isterinya akan berkata: Kerana ketiadaan anda dan anda telah membebankan kehidupan kami.

Beliau berkata: Dia akan didatangi gambaran yang cantik, beliau berkata: Dia akan berkata: Siapakah anda? Maka dia berkata: Akulah amalan anda yang baik. Aku adalah benteng anda, dan senjata anda dengan perintah Allah, Dia berkata: Demi Allah, jika aku telah mengetahui sesungguhnya anda pada tempat ini, nescaya aku akan melantik diri aku untuk anda dan harta aku dan anak aku tidak akan memperdayakan aku, Dia berkata: Wahai wali Allah, bergembiralah dengan kebaikan, demi Allah, sesungguhnya ia mendengar bunyi kasut mereka apabila mereka pulang, dan apabila mereka membersihkan tangan mereka dari tanah, dan apabila mereka selesai kerja mereka, maka rohnya dikembalikan kepadanya, tetapi mereka tidak mengetahuinya.

Beliau berkata: Bumi akan berkata kepadanya: Selamat datang wahai wali Allah, sesungguhnya aku telah mencintai anda semasa anda berada di atasku, dan sekarang aku lebih mencintai anda apabila anda berada di dalam perut aku, tentang kemuliaan Tuhanku, maka aku akan melakukan sifat kejiranan yang baik terhadap anda, aku akan menyejukkan tempat tidur anda, aku akan memperluaskan tempat masuk anda. Sesungguhnya aku adalah satu taman daripada taman-taman syurga atau satu lubang daripada lubang-lubang neraka.

Beliau berkata: kemudian Allah akan mengutus kepadanya seorang malaikat, maka ia akan memukul dengan sayapnya di kanan, di kiri, di

hadapan, dan di belakangnya, lalu ia meluaskan untuknya setiap jalan empat puluh cahaya, lalu kuburnya di kelilingi cahaya.

Beliau berkata: Kemudian Munkar dan Nakir mendatanginya iaitu dua malaikat yang hitam mencari kubur dengan taring mereka berdua, suara mereka berdua seperti petir yang memanah, mata mereka berdua seperti kilat yang terang, lalu mereka berdua menakut-nakutkannya, melaung terhadapnya sambil berkata: Siapakah Tuhan anda? Siapakah nabi anda? Apakah agama anda? Dan siapakah imam anda? Jika dia menjawab dengan betul, maka mereka berdua berkata: Anda memang benar, Allah telah memberi hidayah kepada anda, lihatlah di sisi dua kaki anda, tiba-tiba dia berada di pintu neraka, lalu dia berkata: Sesungguhnya kami daripada Allah, dan kepada-Nyalah kami kembali, ini bukanlah sangkaan aku terhadap Tuhanku, Tuhan segala alam semesta.

Beliau berkata: Mereka berdua berkata kepadanya: Wahai wali Allah, janganlah anda berdukacita, janganlah anda takut, bergembiralah, maka ini bukanlah untuk anda, dan anda bukanlah untuknya. Sesungguhnya Allah mahu memperlihatkannya kepada anda dari sudut manakah Dia telah menjayakan anda, dan dari sudut manakah Dia telah merasakan anda dengan menarik balik keampunan-Nya. Sesungguhnya Dia telah menutup pintu ini daripada anda, dan anda tidak akan memasuki neraka selama-lamanya, lihatlah di sisi kepala anda, tiba-tiba dia berada di syurga bersama isteri-isterinya daripada bidadari-bidadari syurga.

Beliau berkata: Dia melompat untuk memeluk seorang isteri bidadarinya, lalu mereka berdua berkata kepadanya: Wahai wali Allah, sesungguhnya anda mempunyai saudara-saudara lelaki dan perempuan yang belum datang, maka tidurlah dengan senang hati seperti seorang kekasih di dalam keasyikannya sehingga hari Kiamat.

Beliau berkata: Dibuka hamparan untuknya, dan dilebarkannya. Beliau berkata: Demi Allah, dia tidur lebih aman daripada seorang kanak-kanak yang tidur di hadapan ibu, dan bapanya, beliau berkata: Apabila tiba hari Kiamat, lalu dibawa kepadanya sebahagian api neraka, maka dia dapat menepiskannya jika dia sentiasa membaca Surah al-Sajdah (30), dan Surah al-Mulk (67). Surah al-Mulk (67) berdiri di sisinya sementara Surah al-Sajdah (30) datang sambil berkata: Aku datang dengan syafaat Tuhan semesta alam.

Beliau berkata: Kemudian sebahagian azab datang di sebelah kanannya, maka solat berkata: Jauhlah anda daripada wali Allah, maka anda tiada jalan sebelum aku, lalu azab datang di sebelah kirinya, maka zakat berkata: Jauhlah anda daripada wali Allah, anda tiada jalan sebelum aku, kemudian azab datang di sebelah kepalanya, maka al-Qur'an berkata: Jauhlah anda daripada wali Allah, anda tiada jalan sebelum aku, kerana dia telah menyimpan aku di hatinya, dan di

lidahnya di mana dia mentauhidkan Tuhanku dengannya, lantaran itu, anda tiada jalan sebelum aku, kemudian sebahagian daripada api neraka keluar di dalam keadaan marah, maka beliau berkata: Dia bukan wali Allah, malah wali kamu berdua (dua Surah). Beliau berkata: Sabar pula berkata di satu sudut kubur: Demi Allah, tiada halangan kepada aku untuk mewalikan wali Allah pada hari ini melainkan aku melihat apa yang ada pada sisi kamu, manakala kamu dapat mengatasi azab kubur, dan rintangannya, maka aku bagi wali Allah adalah simpanan, benteng di sisi neraca, jambatan Jahanam, dan *'Aradh* di sisi Allah. Amir al-Mukminin Ali a.s berkata: Akan dibuka untuk wali Allah dari tempat tinggalnya di syurga ke kuburnya sembilan puluh sembilan pintu. Rohnya, bauannya, kelazatannya, dan cahayanya akan memasukinya sehingga hari Kiamat, tiada suatu pun yang lebih dicintainya selain daripada berjumpa dengan Allah, beliau berkata: Dia berkata: Wahai Tuhanku, segeralah ke atas aku berlakunya Kiamat sehingga aku kembali kepada keluargaku dan hartaku. Apabila berlaku laungan Kiamat, maka dia akan keluar daripada kuburnya di dalam keadaan menuntut aurat, diberikan ketenangan dan keamanan, diberi berita gembira dengan keampunan, kesenangan, dan kebaikan yang tidak terkira banyaknya.

Lantas dua malaikat yang pernah bersamanya di dalam kehidupan di dunia, menyambutnya, kemudian mereka berdua membersihkan tanah daripada mukanya, dan kepalanya, dan tidak akan berpisah daripadanya, menggembirakannya, dan menyelamatkannya dari setiap ketakutan pada hari Kiamat, mereka berdua berkata kepadanya: Wahai wali Allah, tiada ketakutan dan dukacita ke atas anda pada hari ini, kamilah yang mengurus amalan anda di dalam kehidupan anda di dunia, kamilah para wali anda hari ini di akhirat. Lihatlah kepada syurga-syurga yang kamu mewarisinya berdasarkan apa yang kamu lakukannya.

Beliau berkata: Lalu dia berdiri di bayang 'Arasy, kemudian Tuhan mendekatinya sehingga berlaku di antaranya dan di antara Tuhannya hijab daripada cahaya, maka malaikat berkata kepadanya: Selamat datang, di antaranya diserikan mukanya, digembirakan hatinya, dan dia menjadi panjang tujuh puluh hasta daripada kegembiraannya, mukanya seperti bulan, panjangnya seperti panjangnya Adam. Betuknya seperti bentuk Yusuf, lidahnya seperti lidah Muhammad s.a.w, hatinya seperti hati Ayyub. Setiap kali dosanya diampuni, dia sujud, maka Dia berfirman: Wahai hamba-Ku, bacalah kitab anda, dan janganlah kamu takut.

Beliau berkata: Yang Maha Perkasa akan berfirman: Adakah kami telah menambahkan kejahatan anda, dan kami mengurangkan ke atas kamu kebaikan kamu? Beliau berkata: Dia berkata: Wahai Tuan-Ku,

Engkaulah yang melakukan keadilan dan Engkaulah sebaik-baik orang yang membuat keputusan.

Beliau berkata: Hamba-Ku, tidakkah kamu terasa malu, tanpa melakukan muraqabah kepada-Ku, dan tidak pula takut kepada-Ku? Dia berkata: *Sayyidi*, sesungguhnya aku telah melakukan kejahatan, tetapi Engkau tidak mendedahkan diri aku mengenainya, sesungguhnya semua makhluk sedang melihat kepada aku, beliau berkata: Yang Maha Perkasa berfirman: Demi kemuliaan-Ku, wahai pelaku kejahatan, aku tidak akan mendedahkan keburukan kamu pada hari ini.

Beliau berkata: Kejahatan di antaranya dan Allah adalah tersembunyi sementara kebaikan menjadi terserlah kepada orang ramai. Beliau berkata: Setiap kali Dia mengaibkannya dengan dosa, dia berkata: *Sayyidi*, Engkau mengutus aku ke neraka adalah lebih baik daripada Engkau memalukan aku, beliau berkata: Lantas Yang Maha Perkasa meredainya.

Beliau berkata: Dia berfirman: Adakah kamu teringat pada hari tertentu kamu telah memberi makan seorang yang lapar, dan kamu telah menyambungkan ikatan persaudaraan dengan saudara mukmin, kamu telah memberi pakaian pada suatu hari, kamu telah melakukan amalan haji menyeru-Ku di dalam ihram, kamu telah berjaga malam, kamu telah menunduk pandangan kamu kepada-Ku. Adapun kebaikan yang kamu lakukan, maka ia adalah disyukuri. Adapun kejahatan yang kamu lakukan, maka ia diampuni. Lantaran itu, palingkan muka kamu, apabila dia berpaling, tiba-tiba dia "melihat" kepada Yang Maha Perkasa, maka pada masa itu, mukanya berseri, hatinya bergembira, lalu diletakkan mahkota di atas kepalanya, dan di tangannya perhiasan yang bermacam-macam.

Kemudian Dia berfirman: Wahai Jibrail, pergilah bersama hamba-Ku, perlihatkan kepadanya kemuliaan-Ku, lalu dia keluar dari sisi Tuhan dan mengambil kitabnya dengan tangan kanannya, lalu dia membentangkannya kepada mukminin, dan mukminat sambil menyeru "*Ambillah, bacalah kitabku ini. Sesungguhnya aku yakin bahawa sesungguhnya aku akan menemui hisab terhadap diriku maka orang itu berada di dalam kehidupan yang diredai* " Surah al-Haqah (67):19 . Dan apabila sampai ke pintu syurga, dikatakan kepadanya: Ambillah pasport, dia berkata: Inilah pasport aku tertulis di dalamnya:

Bismillahi r -Rahmani r -Rahim

Ini adalah pasport laluan daripada Allah Yang Maha Mulia Lagi Bijaksana untuk polan bin polan daripada Tuhan alam semesta,maka seorang penyeru menyeru orang ramai : Sesungguhnya polan bin polan telah bahagia dengan kebahagiaan yang tidak akan membawa kecelakaan selama-lamanya.

Beliau berkata: Maka dia pun masuk, tiba-tiba dia berada di sebatang pokok yang mempunyai bayang yang panjang, air yang dicurahkan, buah yang tersedia diberi nama Ridhwan. Keluar daripada betisnya dua air mata yang sedang mengalir, lalu dia pergi kepada salah satu daripadanya dan setiap kali dia melaluinya, maka dia mandi dan keluar, dan di atasnya nikmat yang banyak, kemudian dia meminum daripada yang satu lagi, maka tidak terdapat sebarang kesakitan, dan penyakit pada perutnya sebagaimana firman-Nya Surah al-Insan (76): 21 "*dan Tuhan memberikan kepada mereka minuman yang bersih*". Kemudian malaikat menyambutnya dan berkata kepadanya: Anda telah baik, maka masuklah bersama orang-orang yang masuk, maka dia pun masuk, tiba-tiba dia berada di sebatang pokok di mana dahan-dahannya adalah mutiara, dan cabang-cabangnya adalah daripada perhiasan yang bermacam-macam. Dan buah seperti payudara hamba-hamba perempuan yang masih dara, malaikat menyambutnya dengan unta-unta dan segala perhiasan, mereka berkata: Wahai wali Allah, naikilah apa yang anda kehendaki, pakailah apa yang anda kehendaki.

Beliau berkata: Lantas dia menaiki apa yang dia kehendaki, dan memakai apa yang dia ingini ketika berada di atas unta daripada cahaya, pakaiannya dan perhiasannya daripada cahaya berjalan di rumah cahaya bersamanya malaikat, budak-budak daripada cahaya, semuanya daripada cahaya sehingga malaikat terasa takut dan berkata: Ketepikan kamu semua, maka sesungguhnya rombongan Yang Maha Pengampun telah datang.

Beliau berkata: Lalu dia melihat kepada istananya yang pertama daripada perak diserikan dengan permata yaqut, isteri-isterinya menjaganya. Mereka berkata: Selamat datang, selamat datang, bermalamlah dengan kami. Beliau berkata: Malaikat berkata: Bergembiralah, wahai wali Allah, kerana ini adalah untuk anda, sehingga berakhir kepada istana yang dihiasi dengan permata nilam, maka malaikat berkata: Bergembiralah wahai wali Allah, kerana ini adalah untuk anda dan orang lain juga.

Beliau berkata: Kemudian dia mendatangi istana daripada permata nilam yang berwarna merah, maka malaikat berkata kepadanya: Bergembiralah, wahai wali Allah, kerana ini adalah untuk anda dan orang lain.

Beliau berkata: Dia berjalan sehingga sampai kepada seribu istana, semuanya dapat ditembusi oleh penglihatannya, dan dia dapat berjalan pada miliknya lebih cepat daripada kelipan mata, dan apabila dia sampai ke istananya yang paling jauh, dia memalingkan kepalanya, maka malaikat berkata: Apakah terjadi dengan anda, wahai wali Allah? Beliau berkata: Dia berkata: Hampir penglihatan aku hilang, mereka berkata: Wahai wali Allah, bergembiralah, kerana di syurga tiada orang yang buta, dan pekak, kemudian dia mendatangi sebuah istana, lalu dia

melihat batinnya daripada zahirnya, dan melihat zahirnya daripada batinnya di mana batu batanya daripada perak, emas, permata nilam, dan mutiara yang diharumi dengan bauan dan diserikan dengan cahaya yang bersinar-sinar. Lelaki melihat mukanya di dinding dan berkata: Akhirnya adalah minuman.

Kemudian Nabi s.a.w telah menyebut bidadari, lalu Umm Salmah berkata: Dengan nama bapa aku, anda, dan ibu aku, wahai Rasulullah, tidakkah bagi kami kelebihan ke atas mereka? Beliau berkata: Ya, dengan solat anda, puasa anda, dan ibadat anda kepada Allah seperti kedudukan yang zahir ke atas yang batin, beliau telah memberitahu bahawa bidadari telah diciptakan oleh Allah di syurga bersama pokoknya, dan Dia telah menahan mereka untuk suami-suami mereka di dunia, setiap orang daripada mereka mempunyai tujuh puluh pakaian. Keputihan betis-betis mereka dapat dilihat dicelah-celah tujuh puluh pakaian sebagaimana anda melihat minuman merah di gelas yang putih atau seperti tali yang putih di permata nilam yang merah. Dia menyetubuhinya (*yujami'u-ha*) kadar kekuatan seratus orang lelaki muda di dalam keadaan nafsu berahi selama empat puluh tahun, mereka adalah di dalam keadaan dara sunti. Apabila dia berkahwin, dia masih dara *"Tidak disentuhi oleh manusia sebelum mereka dan tidak pula oleh Jin"* Surah al-Rahman (55):56 dan 74 *"Di dalam syurga-syurga itu ada bidadari-bidadari yang baik-baik lagi cantik"* Surah al-Rahman (55):70, iaitu akhlak yang mulia, dan muka yang cantik. Surah al-Rahman (55) :58 " *Seakan-akan bidadari itu seperti yaqut dan marjan* "

Beliau berkata: Sesungguhnya di syurga sebuah sungai di kedua tepinya hamba-hamba perempuan, beliau berkata: Allah mewahyukan kepada mereka: Dengarlah hamba-hamba-Ku, pujian-Ku, tasbih-Ku, maka mereka mengangkat suara-suara mereka dengan nada yang bermacam-macam di mana orang ramai tidak pernah mendengarnya sebelumnya. Dialah yang menggembirakan ahli syurga, dan seorang wali Allah diselia oleh seorang perempuan yang bukan daripada perempuan-perempuannya di sebalik tabir, mereka memenuhi istana-istananya dengan berbagai-bagai cahaya. Seorang wali Allah menyangka bahawa dia diselia oleh Allah atau malaikat-Nya, lalu dia mengangkat kepalanya, tiba-tiba dia berada di sisi isterinya yang hampir cahaya isterinya menghilangkan cahaya dua matanya.

Beliau berkata: Lalu bidadari menyerunya bahawa sesungguhnya telah hampir waktu kami, anda menjadikan giliran untuk kami, beliau berkata: Dia berkata kepadanya: Siapakah anda? Beliau berkata: Aku adalah di kalangan mereka yang telah disebutkan Allah di dalam al-Qur'an Surah Qaf (50): 35 " *Mereka di dalamnya memperoleh apa yang mereka kehendaki, dan pada sisi Kami ada tambahannya*", maka dia menyetubuhinya kadar kekuatan seratus pemuda, dan dia memeluknya selama tujuh puluh tahun mengikut umur orang-orang yang terdahulu.

Dan dia tidak mengetahui sama ada dia melihat kepada mukanya atau kepada belakangnya atau kepada betisnya. Setiap kali dia melihat kepada sesuatu daripadanya, maka dia hanya melihat mukanya sendiri disebabkan cahayanya dan kebersihannya. Kemudian perempuan lain yang lebih cantik daripada yang pertama menyelianya dan berkata: Sesungguhnya telah hampir waktu bagi kami, anda menjadikan giliran bagi kami, beliau berkata: Maka dia berkata kepadanya: Siapakah anda? Dia berkata: Aku adalah di kalangan orang yang disebutkan oleh Allah di dalam al-Qur'an Surah al-Sajdah (32):17 "*Seorangpun tidak mengetahui apa yang disembunyikan untuk mereka iaitu ang menyedapkan pandangan mata sebagai balasan di atas apa yang mereka kerjakan*".

Beliau berkata: Tidak seorang pun yang akan memasuki syurga melainkan mempunyai lima ratus pasangan daripada bidadari, dan setiap bidadari itu tujuh puluh hamba lelaki, dan tujuh puluh hamba perempuan. Mereka sepertilah permata nilam dan mutiara yang belum disentuhi oleh tangan, dan dilihat oleh mata. Baginya tujuh puluh istana dan setiap istana tujuh puluh bilik.

Dan setiap bilik tujuh puluh katil, dan setiap katil tujuh puluh tilam di atasnya seorang bidadari "*yang berlari di bawahnya sungai-sungai*" Surah al-Talaq (65):11, yang terdiri daripada air yang bersih. "*Dan sungai-sungai pula adalah daripada susu yang tidak akan berubah rasanya*" Surah Muhammad (47):15 "*Dan sungai-sungai daripada madu yang ditapis*" yang tidak keluar daripada binatang ternakan, dan yang tidak keluar daripada perut lebah " *dan sungai-sungai daripada arak, lazat bagi peminum-peminum*", tidak dipijak oleh mana-mana lelaki dengan kaki-kaki mereka. Apabila mereka inginkan makanan, maka burung-burung putih akan membawanya, mengangkat sayap-sayap mereka. Mereka makan daripada warna apa yang mereka ingini sama ada di dalam keadaan duduk atau bersandar.

Jika mereka inginkan buah-buahan, maka dahan-dahan pokok akan memanjangkan kepada mereka, lalu mereka makan apa yang mereka ingini. Dia berfirman di dalam Surah al-Ra'd (13):23-4 " *malaikat-malaikat memasuki tempat-tempat mereka dari segala pintu : Salam ke atas kamu di atas kesabaran kamu, maka alangkah baiknya tempat kesudahan itu*". Sementara mereka berada di dalam keadaan sedemikian, mereka mendengar suara di bawah Arasy: Wahai ahli syurga, bagaimana kamu melihat masa depan kamu? Mereka berkata : Sebaik-baik masa depan adalah masa depan kami, dan sebaik-baik pahala adalah pahala kami. Sesungguhnya kami telah mendengar suara, tetapi kami ingin melihat kepada cahaya kebesaran Engkau iaitu sebesar-besar pahala kami, sesungguhnya Engkau telah berjanji, dan Engkau tidak akan mungkir janji.

Lantas Allah memerintahkan hijab-hijab, maka berdirilah tujuh puluh ribu hijab, lalu mereka menaiki unta dan keldai di atas mereka segala perhiasan, lalu mereka berjalan pada bayang pokok sehingga mereka berakhir di Dar al-Salam iaitu Dar Allah, Dar al-Baha' dan al-Nur, dan Dar al-Karamah, maka mereka mendengar suara, lalu mereka berkata: *Ya sayyidi,* Kami telah mendengar kelazatan percakapan Engkau, lantaran itu, perlihatkanlah kepada kami cahaya zat Engkau, lantas Allah melakukan *tajalli* sehingga mereka melihat kepada cahaya zat-Nya yang tersembunyi daripada setiap orang yang melihat. Mereka tidak dapat mengimbangi diri mereka, sehingga mereka sujud, mereka berkata: Maha Suci Engkau, kami tidak menyembah Engkau dengan sewajarnya, wahai Yang Maha Besar.

Beliau berkata: Dia berfirman wahai hamba-hamba-Ku, angkatlah muka kamu, kerana ini bukan tempat bekerja. Ini adalah tempat kemuliaan dan nikmat. Segala kepenatan telah hilang daripada kamu. Apabila mereka mengangkat kepala mereka, maka muka mereka berseri-seri daripada cahaya zat-Nya sebanyak tujuh puluh kali ganda, kemudian Allah berfirman: Wahai Para malaikat-Ku, berikan kepada mereka makan dan minum, lalu mereka membawa makanan yang bermacam-macam di mana mereka tidak pernah melihatnya sebelumnya dari segi kelazatan madu, keputihan salji, dan kelembutan keju, beliau berkata: Allah berfirman: Wahai para malaikat-Ku, berikan mereka minuman, beliau berkata: Mereka membawa minuman, lalu wali Allah mengambilnya dan meminumnya.

Beliau berkata: Allah berfirman: Wahai para malaikat-Ku, berikan mereka bauan, lalu angin datang kepada mereka dengan bauan yang lebih putih daripada salji yang dapat mengubah muka-muka mereka, dan dahi-dahi mereka ia dinamakan *al-Muthirah,* justeru itu, ia membolehkan mereka melihat kepada cahaya zat-Nya. Mereka berkata: *Ya sayyidu-na,* cukuplah bagi kami menikmati kelazatan percakapan Engkau, dan melihat cahaya zat Engkau, kami tidak mahu menukarkannya lagi.

Allah Berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui bahawa kamu mencintai isteri-isteri kamu, dan isteri-isteri kamu pula mencintai kamu, maka mereka berkata: Apakah yang Engkau paling mengetahui pada jiwa hamba-hamba Engkau? Maka Dia berfirman: Bagaimana Aku tidak mengetahui sedangkan Aku telah menciptakan kamu, dan Aku telah menetapkan roh-roh kamu pada badan-badan kamu, kemudian Aku mengembalikannya ke atas kamu selepas mati, maka Aku berkata: Sediakan kepada hamba-hamba-Ku sebaik-baik tempat tinggal, kembalilah kepada isteri-isteri kamu, beliau berkata: Mereka berkata: Wahai *sayyidu-na,* jadikanlah syarat bagi kami, Dia berfirman: Sesungguhnya kamu pada setiap Jumaat satu lawatan (*zaurah*)di

antara Jumaat kepada Jumaat yang lain adalah tujuh ribu tahun menurut kiraan kamu.

Beliau berkata: Maka mereka pun pulang, lalu diberi setiap seorang lelaki daripada mereka sebiji delima hijau, dan pada setiap biji delima itu tujuh puluh pakaian yang tidak pernah dilihat oleh makhluk. Mereka berjalan didahului oleh kanak-kanak sehingga mereka memberitahu berita gembira kepada isteri-isteri mereka yang sedang berdiri di pintu-pintu syurga, beliau berkata: Apabila dia menghampiri isterinya, lalu dia melihat pada muka suaminya, lalu dia mengingkarinya tanpa sebarang sangkaan jahat, dia berkata: Wahai kekasih aku (*habibi*), anda telah keluar dari sisi aku, anda bukanlah semacam ini, beliau berkata: Dia berkata: Wahai kekasihku (*habibati*), anda mencela aku kerana kau menjadi begini?

Sesungguhnya aku telah melihat kepada cahaya zat Tuhan-Ku, lalu mukaku berseri daripada cahaya zat-Nya, kemudian dibentangkan kepadanya, lalu dia melihat kepadanya satu kali lihat, maka dia berkata: Wahai kekasihku (*habibati*) sesungguhnya aku telah keluar dari sisi anda dan aku bukanlah begini? Maka dia berkata: Wahai kekasihku (*habibi*) anda mencela aku kerana aku menjadi begini sesungguhnya aku telah melihat kepada muka orang telah melihat (*wajhi al-Nazir*) cahaya zat Tuhanku, lalu muka aku berseri-seri daripada muka orang yang telah melihat kepada cahaya zat Tuhanku tujuh puluh kali ganda, lalu dia berpaut kepadanya, maka Allah "ketawa" kepada mereka, maka mereka menyeru dengan suara mereka "Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan dukacita daripada kami sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun.

Beliau berkata: Kemudian Tuhan mengizinkan kepada para nabi, lalu seorang lelaki keluar di dalam satu perarakan, lalu para malaikat berbaris, dan cahaya di hadapan mereka, kemudian ahli syurga melihat kepadanya, lantas mereka memanjangkan tengkuk mereka kepadanya, mereka berkata: Siapakah ini, sesungguhnya ia begitu mulia di sisi Allah? Beliau berkata: Malaikat berkata: Makhluk ini diciptakan dengan tangan-Nya, dan ditiupkan padanya dengan roh-Nya, dan diajari dengan nama-nama, maka ini adalah Adam yang telah diizinkan oleh Allah.

Beliau berkata: Kemudian seorang lelaki keluar di dalam satu perarakan dikelilingi oleh para malaikat yang teratur sayap-sayap mereka, dan cahaya di hadapan mereka, beliau berkata: Maka ahli syurga memanjangkan tengkuk mereka untuk melihat kepadanya, dan berkata: Siapakah ini? Malaikat berkata: Ini adalah *al-Khalil* Ibrahim yang telah diizinkan oleh Allah.

Beliau berkata: Kemudian seorang lelaki keluar di dalam satu perarakan dikelilingi oleh para malaikat yang teratur sayap-sayap mereka, dan cahaya di hadapan mereka, beliau berkata: Maka ahli syurga memanjangkan tengkuk mereka untuk melihat kepadanya, dan

berkata: Siapakah ini? Malaikat berkata: Ini adalah Musa bin Imran di mana Allah telah bercakap dengannya dengan satu percakapan, dan ia telah diizinkan oleh Allah.

Beliau berkata: Kemudian seorang lelaki keluar di dalam satu perarakan dikelilingi oleh para malaikat yang teratur sayap-sayap mereka, dan cahaya di hadapan mereka, beliau berkata: Maka ahli syurga memanjangkan tengkuk mereka untuk melihat kepadanya, dan berkata: Siapakah ini yang telah diizinkan oleh Allah? Malaikat berkata: Ini adalah roh Allah dan kalimat-Nya, ini adalah Isa bin Maryam.

Beliau berkata: Kemudian seorang lelaki keluar di dalam satu perarakan dikelilingi oleh para malaikat yang teratur sayap-sayap mereka, dan cahaya di hadapan mereka, beliau berkata: Maka ahli syurga memanjangkan tengkuk mereka untuk melihat kepadanya, dan berkata: Siapakah ini yang telah diizinkan oleh Allah? Malaikat berkata: Ini adalah seorang yang telah dipilih dengan wahyu, yang diamanahkan ke atas risalah-Nya, penghulu anak Adam, ini adalah Nabi Muhammad s.a.w, dan ia telah diizinkan oleh Allah.

Beliau berkata: Kemudian seorang lelaki keluar di dalam satu perarakan dikelilingi oleh para malaikat yang teratur sayap-sayap mereka, dan cahaya di hadapan mereka, beliau berkata: Maka ahli syurga memanjangkan tengkuk mereka untuk melihat kepadanya, dan berkata: Siapakah ini? Malaikat berkata: Ini adalah saudara lelaki Rasulullah di dunia dan di akhirat.

Beliau berkata: Kemudian diberi keizinan kepada para nabi, para *siddiqin*, para syahid, lalu diletakkan ke atas para nabi mimbar-mimbar daripada cahaya, bagi para *siddiqin* katil-katil daripada cahaya, dan bagi para syahid kerusi daripada cahaya, kemudian Allah berfirman: Selamat datang dengan rombongan-Ku, pelawat-pelawat-Ku, dan jiran-jiran-Ku, wahai para malaikat-Ku, berikan mereka makan, lalu diberikan kepada mereka makanan yang tidak pernah dilihat oleh mereka sebelumnya perasa madu, kelembutan keju, dan keputihan salji, kemudian Dia berfirman: Wahai para malaikat-Ku berikan mereka buah-buahan yang bermacam-macam yang mereka tidak pernah melihatnya sebelumnya; yang segar manis, keputihan salji, dan kelembutan keju.

Beliau berkata: Kemudian Nabi s.a.w bersabda: Jika satu biji daripada sebiji buah delima itu terjatuh, maka ia akan menutupi semua muka lelaki. Kemudian Dia berfirman: Wahai para malaikat-Ku, Pakaikan mereka, beliau berkata: Lalu mereka pergi kepada pokok-pokok di syurga yang dikilatkan dengan cahaya Yang Maha Pemurah, lalu mereka tertarik kepadanya. Kemudian Dia berfirman: Berikan mereka bauan, lalu angin di bawah Arasy mendatangi mereka, dan angin itu dinamakan *al-Muthirah*. Ianya lebih putih daripada salji, akan mengubah muka-muka mereka, dahi-dahi mereka, dan lambung mereka, kemudian Allah s.w.t akan melakukan *tajalli* sehingga

mereka dapat melihat kepada cahaya zat-Nya yang tersembunyi daripada mata yang melihat.

Mereka berkata: Maha Suci Tuhan, Kami tidak menyembah Engkau dengan sewajarnya, wahai Yang Maha Besar. Kemudian Tuhan berfirman: Bagi kamu setiap Jumaat satu lawatan di antara Jumaat dan Jumaat tujuh ribu tahun menurut kiraan anda Daripadanya, daripada 'Auf bin Abdullah, daripada Jabir bin Yazid al-Ja'fi daripada Abu Ja'far a.s berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Syurga adalah ditegah atau diharamkan ke atas para nabi sehingga aku memasukinya (*al-Jannatu muharramatun 'ala al-Anbiya' hatta adkhula-ha*), dan ditegah atau diharamkan ke atas semua umat sehingga syi'ah kami Ahlu l-Bait memasukinya (*wa muharramatun 'ala al-Umam hatta yadkhula-ha syi'atu-na Ahl al-Bait*)[243].

Daripadanya, daripada 'Auf bin Abdullah, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya Tuhan berfirman: Kamu masuklah syurga dengan rahmat-Ku, selamatkan daripada neraka dengan keampunan-Ku, bahagikan syurga dengan amalan kamu, maka dengan kemuliaan-Ku, Aku akan meletakkan kamu di tempat yang kekal, dan mulia, apabila mereka memasukinya, mereka akan menjadi sepanjang Adam enam puluh hasta, dan semuda umur Isa tiga puluh tiga tahun, di atas bahasa Arab Muhammad serta di atas bentuk Yusuf dari segi kecantikan, kemudian muka mereka disinari cahaya, dan di atas hati Ayyub dari segi keselamatan daripada kedengkian[244].

Daripadanya, daripada 'Auf bin Abdullah, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Sesungguhnya syurga itu adalah empat sebagaimana firman Allah di dalam Surah al-Rahman (55):46 " *Dan bagi orang yang takut saat maqam Tuhannya ada dua syurga*" iaitu seorang lelaki menentang syahwat dunia iaitu maksiat, lalu dia mengingati makam Tuhannya, lantas dia meninggalkan maksiatnya itu, kerana takut kepada-Nya, maka ini adalah ayatnya mengenainya. Justeru itu, dua syurga ini adalah bagi mukminin, dan orang-orang yang terdahulu.

Adapun firman-Nya Surah al-Rahman (55): 62 " *dan selain dari dua syurga itu ada dua syurga lagi*", beliau berkata: Selain dari dua syurga itu dari segi kelebihan, bukan dari segi keakraban, kedua-duanya untuk Ashab al-Yamin iaitu syurga al-Na'im, dan syurga al-Ma'wa. Dan pada empat syurga ini terdapat buah-buahan yang banyak seperti daun kayu, dan bintang-bintang. Di atas empat syurga ini ada dinding yang mengelilinginya, panjangnya lima ratus tahun perjalanan, batu bata daripada perak, emas, mutiara, dan yaqut dilekatkan dengan warna kuning, dan di atasnya cahaya yang bersinar-sinar, seorang lelaki dapat

---

[243] Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iii, 353
[244] *Ibid*

melihat mukanya di dinding, dan satu dinding mempunyai lapan pintu dan setiap pintu mempunyai dua daun.

Daripadanya, daripada 'Auf bin Abdullah, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Tanah syurga batu marmarnya adalah perak, debunya adalah kekuningan, bauannya adalah wangi, dan anak batunya daripada mutiara dan yaqut.

Daripadanya, daripada 'Auf, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Katil-katilnya daripada mutiara, dan yaqut sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Waqi'ah (56): 15, 34 " *Mereka berada di atas katil-katil yang bersalutkan emas dan mutiara*", dan " *dan hamparan yang tebal lagi empok*" , dan Surah al-Mutaffifin (83) :23 " *di atas bangku panjang yang rendah mereka melihat*"

Daripadanya, daripada 'Auf, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Rasulullah s.w.a bersabda: Sesungguhnya sungai-sungai syurga berlari tanpa alur lebih putih daripada salji, lebih manis daripada madu, lebih lembut daripada keju, anak batu sungainya adalah daripada mutiara dan yaqut. Sungai-sungainya berlari di atas kehendak wali Allah, tanpa mengurangkan sesuatu jika semua penghuni dunia menikmatinya.

Daripadanya, daripada 'Auf, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya kurma syurga, dan pelepahnya adalah daripada emas merah, buah kecilnya seperti permata jed hijau, pelepahnya daripada mutiara putih, buahnya yang segar adalah lebih segar daripada perak, lebih manis daripada madu, lebih lembut daripada keju, tandannya dua belas hasta, tiada sesuatu pun yang dapat menguranginya dan apabila dipetik, maka Allah mengembalikannya sebagaimana sebelumnya, Surah al-Waqi'ah (56)33 "*yang tidak berhenti buahnya dan tidak terlarang mengambilnya*"

Daripadanya, daripada 'Auf, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s, daripada Nabi s.a.w tentang firman-Nya di dalam Surah al-Ra'd (13):29 " *bagi mereka kebahagiaan dan tempat kembali yang baik*" iaitu sebaik-baik tempat kembali. Adapun Tuba adalah pokok di syurga di mana pokoknya di dalam rumah Muhammad s.a.w. Jika seekor burung terbang dari batangnya ke cabangnya, maka ia tidak akan sampai kepadanya sehingga ia mati tua, dan di atas setiap daunnya ada malaikat yang berzikir kepada Allah, tiada satu rumah pun di syurga melainkan ada dahan pokok Tuba di tepi pagar syurga, ia akan membawa untuk mereka apa yang mereka kehendaki daripada segala perhiasannya,dan buah-buahnya tanpa mengurangi sesuatu sebelumnya.

Daripadanya, daripada 'Auf, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Sesungguhnya ahli syurga adalah seorang yang senang, dan dihormati, seorang ahli syurga dikurniakan kekuatan seratus orang lelaki di dalam makanan, minuman, syahwat dan jimak, kekuatan

makanannya adalah kekuatan seratus lelaki, dan ia akan menikmati kelazatan makanannya selama empat puluh tahun. Allah telah memakaikan muka-muka mereka dengan cahaya, dan badan-badan mereka dengan sutera putih, perhiasan kuning, dan pakaian yang hijau.

Daripadanya, daripada 'Auf, daripada Jabir, daripada Abu Ja'far a.s, berkata: Sesungguhnya ahli syurga terus hidup tanpa mati, sedar tidak pernah tidur, kaya tidak pernah miskin, bergembira tanpa dukacita, ketawa tanpa menangis, dihormati tanpa dihina, sentiasa gembira tanpa merana, makan tanpa lapar, minum tanpa dahaga, memakai pakaian tanpa bertelanjang, selalu ziarah, kanak-kanak memberi salam kepada mereka, di tangan-tangan mereka cerek-cerek daripada emas dan perak, berehat di atas katil-katil panjang sedang melihat sesuatu, kehormatan daripada Allah mendatangi mereka secara berterusan, kami memohon kepada Allah syurga dengan rahmat-Nya, sesungguhnya Dia adalah berkuasa di atas setiap sesuatu[245].

Bab Sifat Neraka

Sa'id bin Junah, berkata: 'Auf bin Abdullah al-Azadi telah memberitahuku, daripada Jabir bin Yazid al-Ja'fi, daripada Abu Ja'far a.s berkata: Apabila Allah menghendaki mengambil roh orang kafir, Dia berfirman: Wahai malaikat maut, pergilah anda, dan pembantu-pembantu anda kepada musuh-Ku, sesungguhnya Aku telah mengujinya, maka Aku telah memperbaiki ujiannya, dan Aku telah menyerunya kepada Dar al-Salam, maka dia telah enggan selain dari mencela-Ku, mengingkari-Ku, dan nikmat-Ku, dan dia telah mencela-Ku di atas Arasy-Ku, lantaran itu, maka cabutlah rohnya sehingga kamu mencampakkannya di neraka.

Beliau berkata: Malaikat maut akan mendatanginya dengan muka yang membenci, dua matanya seperti guruh, dan suaranya seperti petir, warnanya seperti malam yang gelap, jiwanya seperti percikan api neraka, kepalanya di langit dunia, satu kaki di timur, dan satu kaki di barat, dua tapak kakinya di udara bersama-samanya besi yang banyak cabang, dan bersamanya lima ratus para malaikat yang mempunyai cambuk daripada Jahanam, kemudian malaikat Sahqata'il, penjaga Jahanam memasukinya, lalu memberinya minuman daripada neraka, tetapi dia masih dahaga sehingga dia memasuki Jahanam, apabila seorang melihat kepada malaikat maut, maka akalnya melayang (*tara 'aqlu-hu*), dia berkata: Wahai malaikat maut, kembalikan aku, beliau berkata: Malaikat maut berkata: Tidak, ini adalah kalimat yang telah diperkatakannya, beliau berkata: Dia berkata: Wahai malaikat maut, kepada siapakah aku akan meninggalkan hartaku, keluargaku, anakku

---

245 Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, iii, 353

di dunia? Dia berkata: Tinggalkan mereka selain daripada anda, dan keluarlah anda ke neraka.

Beliau berkata: Lalu dia memukulnya dengan cambuk besi dengan pukulan yang menepati segala urat dan ikatan tulang, kemudian dia menariknya, lalu rohnya di tarik melalui dua tapak kakinya. Dan apabila ia sampai ke dua lututnya, dia memerintahkan pembantu-pembantunya supaya memukulnya dengan cambuk, kemudian dia mengangkatnya, dan membiarkan ia merasa kesakitannya sebelum ia keluar daripada tubuhnya seolah-olah dia dipukul dengan seribu pedang, jika dia mempunyai kekuatan Jin dan manusia, nescaya dia mengadu kesakitan pukulan cambuk tersebut, demikianlah keluarnya roh orang kafir daripada segala urat, anggota, sambungan tulang, dan rambut. Apabila ia sampai di halkum, maka malaikat memukul mukanya, dan duburnya. Firman-Nya di dalam Surah al-Ahqaf (46):20 " *Dan pada hari ini kamu dibalasi dengan azab yang menghinakan kerana kamu telah menyombongkan diri di muka bumi tanpa hak dan kamu telah fasiq*", dan firman-Nya di dalam Surah al-Furqan (25):22 " *Pada hari mereka melihat malaikat di hari itu tidak ada khabar gembira bagi orang-orang yang berdosa, dan mereka berkata:Hijran mahjura*", maka mereka berkata: Syurga diharamkan ke atas kamu.

Beliau berkata: Rohnya keluar, lalu malaikat maut meletakkannya di antara tukul dan besi landasan, lalu tepi-tepi anak-anak jarinya dipecahkan, dan dicungkil dua matanya, kemudian bau busuknya naik ke atas di mana penghuni langit menderita daripadanya, lalu mereka berkata: Laknat Allah ke atas roh kafir yang busuk telah keluar daripada dunia, lantas Allah melaknatinya dan dilaknati oleh orang yang melaknatinya, dan apabila dibawa rohnya ke langit dunia, maka pintu-pintu langit dunia ditutup sebagaimana firman-Nya Surah al-A'raf (7):40 " *sekali-kali tidak akan dibukakan kepada mereka pintu-pintu langit, dan tidak pula mereka masuk syurga sehingga unta masuk ke lubang jarum. Demikianlah kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat jahat*", Allah berfirman: Kembalikannya kepadanya, maka di antaranya Aku telah menciptakan mereka, dan padanya, Aku akan kembalikan mereka, dan daripadanya Aku mengeluarkan mereka pada kali yang lain pula.

Dan apabila katilnya dibawa, maka syaitan juga akan membawanya, dan apabila sampai ke kuburnya, maka bumi berkata: Wahai Tuhanku, janganlah menjadikannya di perut aku sehingga diletakkan pada tempat yang telah ditetapkan Allah, dan apabila diletakkan di lahadnya, maka bumi berkata: Bukan selamat datang untuk anda wahai musuh Allah, demi Allah aku telah membenci anda ketika anda berada di atasku, dan aku pada hari ini lebih membenci anda ketika anda berada di perut aku, demi kemuliaan Tuhanku, aku akan menyakiti kejiranan anda, aku akan menyempitkan tempat masuk

anda, aku akan menakutkan tempat tidur anda, dan aku akan menukarkan makanan anda, sesungguhnya aku adalah sebuah taman daripada taman-taman syurga atau satu lubang daripada lubang-lubang neraka.

Kemudian Mungkar dan Nakir datang kepadanya, mereka adalah dua malaikat yang berwarna hitam, dan biru, mencari kubur dengan taring mereka berdua, percakapan mereka seperti petir, dan penglihatan mereka seperti kilat, mereka berdua menakut-nakutkannya, dan melaung-laungkan kepadanya serta berkata: Siapakah Tuhan kamu, apakah agama kamu, siapakah nabi kamu, dan siapakah imam kamu? Dia berkata: Aku tidak mengerti, beliau berkata: Mereka berdua berkata: Seorang yang syak di dunia, maka dia juga syak pada hari ini, kamu tidak mengerti dan tidak dapat petunjuk.

Beliau berkata: Mereka berdua memukulnya, dan semuanya mendengar pukulannya di timur dan di barat melainkan Jin dan manusia, beliau berkata: Kekuatan laungannya membuatkan ular berlindung di dalam tanah, dan binatang liar berlindung di hutan, tetapi kamu tidak mengetahuinya, beliau berkata: Kemudian dua ekor ular hitam dan biru mengazabkannya lima jam di siang hari, dan enam jam di waktu malam, kerana ia bersembunyi daripada orang ramai, tetapi tidak bersembunyi dengan Allah, maka jauhlah bagi mereka yang tidak beriman.

Beliau berkata: Kemudian Allah menguasainya dengan dua malaikat yang buta, dan pekak bersama mereka berdua dua tukul besi daripada api neraka memukulnya dengan tepat, lalu dia melaung, tetapi mereka berdua tidak mendengarnya sehingga hari Kiamat.

Apabila laungan hari Kiamat, maka kuburnya menyala, Dia berkata: Neraka bagi aku, apabila kubur aku menyalakan api, lalu seorang penyeru berkata: Sesungguhnya neraka, dan kehinaan sudah hampir kepada anda, berdirilah daripada api kubur kepada api yang tidak akan padam, kemudian dia keluar dari kuburnya di dalam keadaan dukacita, dan dua matanya menjadi biru, hidungnya menjadi panjang, hatinya gerhana, menunduk kepalanya, lalu amalannya yang buruk datang, dan berkata: Demi Allah, aku tidak mengetahui anda melainkan anda melengah-lengahkan ketaatan kepada Allah, tetapi bersegera kepada kemaksiatan-Nya, anda telah menaiki aku di dunia, maka aku akan menaiki anda pada hari ini sebagaimana anda telah menaiki aku, dan aku akan memandu anda ke neraka.

Beliau berkata: Kemudian dia menduduki di atas dua bahunya, lalu menendang tengkuknya hingga berakhir ke neraka Jahanam. Apabila dia melihat kepada malaikat telah bersedia rantai besi dan belenggu untuknya, dan terserlah kemarahan mereka, lalu dia berkata: Neraka Wail untuk aku, mudah-mudahan aku tidak diberi kitab, lalu Allah berfirman: Bawakan dia ke neraka, maka bumi di bawahnya menjadi

api, dan matahari di atasnya juga menjadi api, lalu api datang mengelilingi tengkuknya, kemudian dia menangis panjang, api berkata kepadanya: Allah telah menyeksa anda kerana anda menderhaka-Nya.

Beliau berkata: Kemudian mashaf atau kitab datang berterbangan di belakangnya, lalu terjatuh di sebelah kirinya, kemudian malaikat datang, lalu menebuk dadanya ke belakangnya, kemudian tangan kanannya diikat ke belakang.

Kemudian dikatakan kepadanya: Bacalah kitab anda, beliau berkata: Dia berkata: Wahai malaikat, bagaimana aku akan membacanya sedangkan Jahanam di hadapan aku? Beliau berkata: Allah berfirman: Ketukkan tengkuknya, pecahkan kepalanya sehingga kepada dua kakinya, kemudian Dia berfirman: Ambillah dia, dan seksalah dia, beliau berkata: Tujuh puluh ribu malaikat yang ganas segera datang untuk menghormati firman-Nya. Di kalangan mereka ada yang menarik janggutnya, dan ada yang memecahkan tulang-tulangnya.

Beliau berkata: Dia berkata: Kenapa kamu semua tidak kasihanilah aku? Beliau berkata: Mereka berkata: Wahai si celaka (*syaqiyyun*), bagaimana kami mengasihani anda sedangkan anda tidak dikasihi oleh Yang Paling Mengasihani, adakah ini menyakitkan anda? Beliau berkata: Dia berkata: Ia sangat menyakitkan aku, beliau berkata: Mereka berkata: Wahai si celaka, bagaimana jika kami mencampakkan anda ke neraka? Beliau berkata: Lantas malaikat menolaknya di dadanya, maka dia jatuh ke neraka (*yahwi*) selama tujuh puluh ribu tahun, beliau berkata: Mereka berkata: Sepatutnya kami telah mentaati Allah dan Rasul-Nya, beliau berkata: Maka kekal bersamanya batu di kanannya dan syaitan di kirinya, batu daripada api neraka, membakar mukanya, Allah menciptakan untuknya tujuh puluh kulit, dan setiap kulit tebalnya empat puluh hasta mengikut hasta malaikat yang mengazabkannya, dan di antara satu kulit kepada kulit yang lain adalah empat puluh hasta.

Dan di antara kulit ke kulit yang lain pula ular-ular, cengking-cengking daripada neraka, dan ulat-ulat daripada neraka di mana kepalanya seperti bukit besarnya, dua pahanya seperti bukit Warqan iaitu bukit di Madinah, belalainya adalah lebih panjang daripada belalai gajah yang dapat menariknya dengan kuat, dua telinganya merupakan telaga yang dalam, dan di antaranya api yang menyala,api menyelar dari duburnya kepada hatinya, diikat dengan tujuh puluh rantai, dan setiap rantai itu tujuh puluh hasta, jika diletakkan satu rantai kecil ke atas bumi, nescaya ia menjadi cair.

Beliau berkata: Di atasnya tujuh puluh pakaian daripada neraka menutupi muka-muka mereka dengan api neraka, di atasnya songkok daripada api neraka, tidak ada pada tubuhnya tempat kosong melainkan terkena api neraka, di atas kepalanya mahkota enam puluh hasta daripada api neraka. Kepalanya ditebok sebayak tiga ratus enam puluh

lubang, dan setiap lubang akan mengeluarkan asap pada setiap penjuru, otaknya cair sehingga mengalir ke arah dua bahunya, dan seterusnya akan mengalirkan tiga ratus enam puluh sungai daripada nanah, tempat tinggalnya sempit seperti anak panah pada lubangnya.Ini membuatkan muka-muka mereka menjadi hitam. Badan mereka menjadi besar,kuku-kuku mereka tumbuh seperti kuku kucing, dan helang yang memakan dagingnya, menyakiti tulangnya, meminum darahnya di mana ia tiada makanan dan minuman selain daripadanya.

Kemudian dia menolak d dadanya dengan satu kali tolak, lalu dia terjatuh menjunam ke neraka al-Hatamah selama tujuh puluh tahun, dan apabila ia jatuh, lalu diketuk ke atasnya dan syaitannya, kemudian syaitannya menariknya dengan rantai besi, setiap kali ia terjatuh, dia melihat kepada mukanya yang buruk, beliau berkata' dia berkata: Mudah-mudahan di antara aku dan anda sejauh dua masyrik, maka anda adakah sejahat-jahat sahabat, aduhai anda! Anda telah menggoda aku sehingga aku menanggung azab Allah, lalu dia berkata: Wahai si celaka, bagaimana aku membuatkan anda menanggung azab Allah sedang aku dan anda pada hari ini bersyarikat di dalam azab Allah.

Kemudian dia memukul di kepalanya dengan satu pukulan yang menjatuhkannya selama tujuh puluh tahun sehingga ke neraka 'Ain dipanggil Aniyah sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Ghasyiah (88):5 "*diberi minum dari sumber air yang sangat panas* (*aniyah*)" iaitu sumber air yang paling panas semenjak Allah menciptakan Jahanam, setiap lembah neraka tidur, tetapi mata Air itu tidak pernah tidur dari kepanasannya, malaikat berkata: Wahai golongan yang celaka, dekatilah, dan minumlah daripadanya, dan apabila mereka menentangnya, maka malaikat memukul mereka dengan tukul besi, dan dikatakan kepada mereka Rasailah azab yang membakar disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan kamu dan sesungguhnya Allah tidaklah zalim kepada hamba-hamba-Nya.

Beliau berkata: Kemudian mereka dibawa datang dengan gelas daripada besi yang mengandungi minuman dari mata Air Aniyah, dan apabila ia didekatkan kepada mereka, lantas mulut-mulut mereka hangus, dan bertaburan daging muka mereka, dan apabila mereka meminumnya pula, maka perut dan kulit mereka terseksa.

Kemudian dia memukul di kepalanya dengan satu pukulan yang menjatuhkannya selama tujuh puluh ribu tahun sehingga sampai ke neraka al-Sa'ir. Dan apabila ia sampai ke neraka al-Sa'ir, maka ia menyelar muka-muka mereka dan ketika itu mata mereka menjadi buta

Kemudian dia memukulnya di kepalanya dengan satu pukulan yang menjatuhkannya selama tujuh puluh tahun sehingga berakhir ke pokok al-Zaqum iaitu pokok yang keluar dari neraka Jahim seperti kepala syaitan, di atasnya seribu dahan daripada api neraka, dan setiap dahan mempunyai tujuh puluh ribu buah daripada api, dan setiap buah seperti

kepala syaitan dari segi keburukan, dan kebusukannya, terjuntai di atas batu yang licin seperti cermin, di antara tunjang batu dan pokok al-Zaqum adalah tujuh puluh tahun, dahan-dahannya meminum air daripada api, buah-buahnya daripada api dan cabang-cabangnya daripada api, lalu dikatakan kepadanya: Wahai si celaka, naiklah, dan setiap kali dia menaikinya, dia tergelincir, dan setiap kali dia tergelincir, dia menaikinya pula, maka keadaannya sedemikian selama tujuh puluh ribu tahun di dalam azab.

Dan apabila dia memakan buahnya, dia mendapatinya lebih pahit daripada kesabaran, lebih busuk daripada bangkai, lebih keras daripada besi, dan apabila jatuh ke dalam perutnya, maka ia akan menggelegak di dalam perutnya seperti menggelegaknya neraka Hamim, mereka mengingati makanan yang baik yang mereka telah makan di dunia, di dalam keadaan sedemikian, malaikat menarik mereka, lalu mereka berada di dalam kegelapan. Apabila mereka menetap di neraka, lalu diperdengarkan kepada mereka jeritan ikan di dalam kuali.

Kemudian dia mencampakkan dirinya dari pokok ke lembah api cair yang lebih panas, lalu mencampakkannya di pantainya, ia mempunyai pantai-pantai seperti pantai-pantai kamu ini, kemudian dibawa kepada mereka jenis binatang-binatang seperti ular, jengking, dan baghal hitam, setiap jengking mempunyai enam puluh sengatan, dan setiap sengatan mempunyai racun. Ada pun ular, maka ia berwarna hitam dan biru, tujuh puluh ribu ular, dan tujuh puluh ribu jengking bergantungan kepada seorang lelaki, kemudian dicampak ke neraka selama tujuh puluh ribu tahun, tidak membakarnya, kerana ia memadai dengan racunnya, kemudian tujuh puluh ribu lelaki bergantungan di dahan-dahan pokok al-Zaqum, tanpa cenderung ke bawah dan tidak pula pecah Badan-badan mereka dijilat api ke hati, lalu kulit menjadi masak dan daging menjadi cair.

Yang Maha Perkasa, dan Maha Hidup memarahi dan berfirman: Wahai Malik, katakan kepada mereka: Kamu rasailah, kami tidak menambah selain daripada azab, wahai Malik, seksa mereka, seksa mereka, kemarahan-Ku bertambah ke atas orang yang telah mencela-Ku di atas Arasy-Ku, dan meringan-ringankan tentang hak-Ku, Aku adalah Raja Yang Perkasa, lalu Malik menyeru: Wahai orang yang sesat, angkuh, menentang nikmat di dunia, bagaimana kamu dapati sentuhan Saqar?

Beliau berkata: Mereka berkata: Hati-hati kami telah masak, dan daging-daging kami telah dimakan, dan tulang-tulang kami telah dipecahkan, maka tiada bagi kami orang yang kami boleh meminta pertolongan, dan membantu kami, beliau berkata: Malik berkata: Demi kemuliaan Tuhan-Ku, aku tidak akan menambahkan kamu selain daripada azab, lalu mereka berkata: Jika Tuhan kami mengazabkan kami, maka Dia tidak menzalimi kami sedikit pun, beliau berkata: Malik

berkata:"*Mereka mengakui dengan dosa-dosa mereka,maka kebinasaanlah bagi penghuni-penghuni neraka yang menyala-nyala*" Surah al-Mulk (67):11.

Kemudian Yang Maha Perkasa marah dan berfirman: Wahai Malik, seksalah, seksalah, lalu Malik mengutus ke atas mereka awan hitam yang meneduhi penghuni-penghuni neraka, kemudian menyeru mereka, lalu yang pertama mereka, yang akhir mereka, yang lebih baik mereka dan yang lebih buruk mereka mendengarnya, Malik berkata: Apakah yang kamu mahu jika aku menurunkan hujan ke atas kamu? Mereka berkata: Air sejuk, alangkah dahaganya! Alangkah lamanya kehinaan! Kemudian dia menurunkan hujan batu, besi ke atas mereka.

Lantas muka, dan dahi mereka menjadi masak, dan mata mereka buta serta tulang-tulang mereka pecah, mereka menyeru pada masa itu, celakalah kami! Apabila tulang-tulang tercerai daripada daging, Allah bertambah marah, dan berfirman: Wahai Malik, tambahkan kepanasan ke atas mereka seperti kayu api di neraka, kemudian pukulkan gelombang roh-roh mereka selama tujuh puluh musim panas di neraka, kemudian ditutup ke atas mereka beberapa pintu, dari pintu ke pintu jaraknya lima ratus tahun perjalanan,tebalnya pintu adalah lima ratus tahun perjalanan, kemudian setiap lelaki daripada mereka adalah di dalam tiga tabut (kotak besi) daripada besi neraka.

Mereka tidak mendengar sebarang percakapan selama-lamanya selain daripada tepikan baghal, jeritan keldai, dan salakan anjing, pekak, bisu, tiada percakapan bagi mereka selain daripada suara penderitaan, kemudian ditutup ke atas mereka beberapa pintu di mana roh tidak dapat memasuki mereka, dan penderitaan tidak akan keluar daripada mereka selama-lamanya, tiada bagi mereka malaikat yang memberi syafaat kepada mereka, dan juga mereka tidak mempunyai sahabat yang setia. Allah melupai mereka, dan memadamkan ingatan mereka daripada hati hamba-hamba-Nya, dan mereka tidak mengingati mereka selama-lamanya, maka kami memohon perlindungan daripada Allah Yang Maha Pengampun, dan Maha Pemurah daripada neraka dan apa yang ada di dalamnya, dan daripada amalan yang mendekati diri ke neraka, sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pemurah.

Apa pendapat anda tentang seorang lelaki yang telah memerdekakan seorang hambanya di waktu isyak di 'Arafah? Beliau berkata: Memadai bagi hamba tersebut haji Islam, dan diberikan kepada tuannya dua pahala: Pahala kemerdekaannya dan pahala haji.

Pahala Cinta Kerana Allah

Diriwayatkan daripada al-Barra' bin 'Azib berkata: Aku telah berada bersama Rasulullah s.a.w pada suatu hari, maka beliau bersabda: Adakah kamu mengetahui manakah iman yang lebih kukuh? Kami

berkata: Solat, beliau bersabda: Sesungguhnya solat adalah kebaikan, tetapi ia bukanlah solat, kami berkata: Zakat, maka beliau bersabda: Zakat adalah kebaikan, tetapi ia bukan zakat, lalu kami telah menyebutkan semua syariah Islam, maka beliau s.a.w bersabda: Iman yang paling kukuh adalah bahawa anda mencintai seorang lelaki kerana Allah dan memarahinya kerana Allah[246].

Diriwayatkan daripada sebahagian mereka dengan sanad-sanad yang dikaitkan kepadanya, berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya di syurga beberapa tiang daripada emas di atasnya beberapa bandar daripada jed hijau yang menyinari penghuni-penghuni syurga seperti planet menyinari di ufuk langit, kami berkata: Bagi siapakah ini wahai Rasulullah s.a.w? Beliau bersabda: Bagi orang-orang yang bercinta kerana Allah (*al-Mutahabbin fi l-Lahi*).

Diriwayatkan daripada Amir al-Mukminin a.s berkata: Lidah kebenaran itu lebih baik bagi seseorang itu daripada harta yang beliau makan,dan mewariskannya. Diriwayatkan daripada Nabi s.a.w bersabda: Periksalah manusia, kerana seorang lelaki akan tertarik kepada orang yang dikaguminya, seorang ahli syair berkata:

Ikhlaskan kasih sayang anda yang mulia sesungguhnya
Setiap yang mulia akan menjaga ihsannya
Bersaudaralah dengan lelaki yang mempunyai maruah
Kematian adalah lebih baik daripada saudara yang hina.

•

---

246 Al-Kulaini, *al-Kafi*, ii, 125

BIBLIOGRAFI

Abu al-Fida', *Tarikh*, Cairo, 1364

Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, Beirut, 1382 H.

al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Baghdad, 1959.

al-Baladhuri, *Ansab al-Asyraf*, Tunis, 1384 H.

al-Bukhari, *Sahih*, Beirut, 1377 H.

al-Darimi, *al-Sunan*, Cairo, 1385 H.

al-Dhahabi, *al-Talkhis*, Cairo, 1969.

__________, *Mizan al-I'tidal*, Cairo, 1978.

al-Fadhl bin Syadhan al-Naisaburi, *al-Idhah*, Beirut, 1990.

Fakhr al-Din al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, Cairo, 1382H.

al-Haithami, *Majma'al-Zawa'id*, Baghdad, 1378 H.

al-Hakim, *al-Mustadrak Baina al-Sahihaini*, Cairo, 1969.

Al-Hasan bin 'Ali bin al-Husain bin Syu'bah, *Tuhaf al-'Uqul 'an Ali al-Rasul*, al-Najaf, 1380 H.

Al-Kasyi, *al-Rijal*, Baghdad, 1389 H.

Ibn 'Abd al-Birr, *al-Isti'ab fi Ma'rifah al-Sahabah*, Cairo, 1365 H.

Ibn 'Abd Rabbih, *'Iqd al-Farid*, Tunis, 1378 H.

Ibn Abual-Hadid, *Syarh Nahj al-Balaghah*, Baghdad, 1382 H.

Ibn al-Athir al-Jazari, *Usd al-Ghabah*, Baghdad, 1969.

Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Cairo, 1956.

al-Kanji al-Syafi'i, *Kifayah al-Talib*, Teheran, 1378 H.

al-Kulaini, *Usul al-Kafi*, Beirut 1413 H

__________, *al-Raudhah min al-Kafi*, Beirut, 1412

al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, Baghdad, 1959.

Ibn al-Nadim, *al-Fihris* , Baghdad, 1391H.

Ibn 'Asakir, *Mukhtasar Tarikh Dimasyq*, 1386 H.

Ibn Hajr al-'Asqalani, *al-Isabah fi Ma'rifah al-Sahabah*, Beirut, 1953.

__________,*Fath al-Bari*, Cairo, 1965.

__________,*Tahdhib al-Tahdhib*, Hyderabad, 1328 H.

Ibn Hajr al-Makki, *al-S.a.wa'iq al-Muhriqah*, Baghdad, 1374 H.

al-Halabi, *al-Sirah al-Halabiyyah*, Beirut, 1987.

Ibn Hazm al-Andalusi, *al-Muhalla*, Beirut, 1401 H.

Ibn Hisyam, *Sirah Ibn Hisyam*, Beirut, 1987.

Ibn Kathir, al-*Tafsir*, Cairo, 1958.

__________,*al-Bidayah wa al-Nihayah*, Cairo, 1365 H.

Ibn Majah, *al-Sunan*, Baghdad, 1367 H.

al-Majlisi, Muhammad al-Baqir, *Bihar al-Anwar* , Beirut 1412 H

Malik bin Anas, *al-Muwatta'*, Tunis, 1972.

Muhibb al-Din al-Tabari, *Dhakha'ir al-'Uqba*, Tunis, 1376 H.

__________, *al-Riyad al-Nadirah*, Cairo, 1389 H.

Muhsin al-Amini, *al-Ghadir fi al-Kitab wa al-Sunnah wa al-Adab*, Beirut, 1967.

Muslim, *Sahih*, Cairo, 1967.

al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, Hyderabad, 1374 H.

al-Nasa'i, *al-Khasa'is*, Beirut, 1959.

__________, al-Sunan, Cairo, 1958.

al-Qunduzi al-Hanafi, *Yanabi' al-Mawaddah*, Baghdad, 1395 H.

al-Saduq , *al-Amali* ,al-Najaf, 1389 H

________, Ma ani al-Akhbar, al-Najaf , 1391 H

al-Salih al-Hanafi , *al-Kaukab al-Durriyy*, Tunis, 1367 H.

Sibt Ibn al-Jauzi, *Tadhkirah al-Khawwas*, Cairo, 1381 H.

al-Syablanji al-Syafi'i, *Nur al-Absar*, Cairo, 1367 H.

al-Syarif al-Radhi, *Nahj al-Balaghagh*, Beirut, 1984.

Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, Cairo, 1961.

———————, *Tarikh al-Khulafa'*, Cairo, 1368

Al-Tabari, *Tarikh*, Beirut, 1958

al-Turmudhi, *Sahih*, Cairo, 1382 H.

al-Ya'qubi, *Tarikh*, Beirut, 1379 H.

al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf*, Cairo, 1957.

INDEKS

فخر الشيعة أبي عبد الله محمد بن محمد بن النعمان العكبري البغدادي

الملقب بالشيخ المفيد

المتوفى ٤١٣

صححه وعلق عليه
علي أكبر الغفاري

رتب فهارسه
السيد محمود الزرندي
المحرمي

منشورات
جماعة المدرسين في الحوزة العلمية
في قم المقدسة